DEWAN UNDANGAN NEGERI TERENGGANU

MESYUARAT YANG PERTAMA

PENGGAL PERSIDANGAN KETIGA

DEWAN UNDANGAN NEGERI KESEBELAS

PADA 16, 17, 18 DAN 19 APRIL, 2006

bersamaan

17, 18, 19 DAN 20 R'Awal, 1427

Dikeluarkan oleh:

Pejabat Dewan Undangan Negeri
Terengganu

DENGAN INGATAN TULUS IKHLAS

daripada:

SETIAUSAHA
DEWAN UNDANGAN NEGERI
TERENGGANU

PERSIDANGAN

PADA HARI AHAD, 16 APRIL, 2006

Hari Ahad,
16 April, 2006

KANDUNGAN

1. Nama Ahli-ahli. [Muka 1]
2. Doa. [Muka 5]
3. Titah Ucapan Di Raja. [Muka 5]

[*Bersambung*]

PERSIDANGAN DEWAN UNDANGAN NEGERI BERMULA PADA PUKUL 9.30 PAGI

HADIR:

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA
Dato' Haji Che Mat bin Jusoh, DPMT.,DSAP.,ASM.,AMN.,PJC.,PJK.,BLB.

YANG AMAT BERHORMAT MENTERI BESAR TERENGGANU
Dato' Seri Haji Idris bin Jusoh, SSMZ.,DPMT.,PJK.
WAKIL JERTIH

Y.B. Dato' Dr. Haji Abdul Latiff bin Awang, DPMT.,KMN.,PKT.,PJK.
WAKIL BUKIT PAYONG

Y.B. Dato' Haji Rosol bin Wahid, DPMT.,PJK.
WAKIL AJIL

Y.B. Dato' Ahmad bin Said, DPMT.,ASM.,PJK.
WAKIL KIJAL

Y.B. Dato' Haji Mohamed bin Awang Tera, DIMP.,SAP.,AMP.
WAKIL CUKAI

Y.B. Haji Din bin Adam, PJK.
WAKIL BUKIT BESI

Y.B. Haji Wan Hisham bin Wan Salleh, SMT.,DJN.,PJK.
WAKIL LADANG

Y.B. Datuk Haji Mohd Jidin bin Shafee, DMSM.,AMN.
WAKIL PERMAISURI

Y.B. Datuk Abdul Rahin bin Mohd Said, DMSM.,AMN.
WAKIL TELUK PASU

Y.B. Haji W. Mohd bin Wan Hassan, PJK.
WAKIL KOTA PUTERA

Y.B. Encik Toh Chin Yaw
WAKIL BANDAR

Y.B. Dato' Haji Mohamad @ Abu Bakar bin Ali, DPMT.,AMN.,PJK.
WAKIL KEMASIK

Y.B. Dato' Haji Mohd Nasir bin Ibrahim @ Ibrahim Fikri, DPMT.,KMN.,PJK.
WAKIL BUKIT TUNGGAL

Y.B. Encik Alias bin Abdullah, AMT.
WAKIL ALUR LIMBAT

Y.B. Haji Asha'ari bin Idris, AMT.,AMN.,PJK.
WAKIL LANGKAP

Y.B. Encik Za'abar bin Haji Mohd. Adib, AMT.,AMN.,PPN.,PJK.
WAKIL RANTAU ABANG

Y.B. Encik Nawi bin Mohamad
WAKIL HULU BESUT

Y.B. Haji Ramlan bin Ali, PJK.
WAKIL JABI

Y.B. Encik Mohd Ariffin bin Abdullah, AMT.,AMN.,PJK.
WAKIL PAKA

Y.B. Haji Ahmad Kamal bin Abdullah
WAKIL SURA

Y.B. Haji Mohd Shapian bin Ali
WAKIL SEBERANG TAKIR

Y.B. Encik Wan Ahmad Nizam bin Wan Abdul Hamid, AMT.,PJK.
WAKIL AIR PUTIH

Y.B. Encik Rozi bin Mamat
WAKIL TELEMONG

Y.B. Encik Yahya bin Khatib Mohamad, PKC.
WAKIL PENGKALAN BERANGAN

Y.B. Haji Muhammad Ramli bin Haji Nuh, PJK.
WAKIL TEPOH

Y.B. Haji Abdullah bin Che Muda, AMN.,PPN.,PJK.
WAKIL KUALA BESUT

Y.B. Haji Khazan bin Che Mat
WAKIL BATU RAKIT

Y.B. Encik Mohd Zawawi bin Haji Ismail, PJK
WAKIL KUALA BERANG

Y.B. Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang, SSMT.
WAKIL RHU RENDANG

Y.B. Dato' Haji Wan Abd. Muttalib bin Embong, DPMT.
WAKIL BATU BUROK

Y.B. Dato' Haji Harun bin Taib, DPMT.
WAKIL MANIR

Y.B. Haji Mohd Abdul Wahid bin Haji Endut, PJC.
WAKIL WAKAF MEMPELAM

HADIR MENURUT FASAL XIII(3) UNDANG-UNDANG BAGI DIRI KERAJAAN TERENGGANU (BAB YANG PERTAMA)

YANG BERHORMAT SETIAUSAHA KERAJAAN
Dato' Haji Muhatar bin Abdullah, DPMT.,ASM.,PJC.,PJK.,BLB.

YANG BERHORMAT PENASIHAT UNDANG-UNDANG NEGERI
Encik Ahmad Kamal bin Md. Shahid

YANG BERHORMAT PEGAWAI KEWANGAN NEGERI
Dato' Haji Mokhtar bin Nong, DPMT.,ASM.,PJC.,PJK.BLB.

SETIAUSAHA DEWAN UNDANGAN NEGERI
Haji Azmi bin Moktar, SMZ.,AMT.,PJK.

PUKUL 9.30 PAGI

DOA

Dibaca oleh Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA KELUAR DARI DEWAN UNDANGAN NEGERI MEMPERSILAKAN DULI YANG MAHA MULIA AL-SULTAN DAN DULI YANG MAHA MULIA PERMAISURI KE MAJLIS DEWAN UNDANGAN NEGERI, DIIRINGI OLEH PENGIRING-PENGIRING.

TITAH UCAPAN DI RAJA

Bismillahirrahmanirrahim, Wabihi Nastain. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Yang Berhormat, Yang Dipertua Dewan Undangan Negeri dan Yang Berhormat Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri.

Alhamdulillah, Beta bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wataala kerana dengan limpah dan keizinan-Nya dapat Beta dan Permaisuri hadir di Majlis Perasmian Pembukaan Penggal Persidangan Yang Ketiga Dewan Undangan Negeri Yang Kesebelas pada pagi ini.

Beta juga bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wataala kerana mendapati rakyat Beta dapat meneruskan kehidupan mereka di dalam suasana yang aman damai dan tenteram dan kualiti kehidupan mereka semakin bertambah baik walaupun berlaku kenaikan harga minyak yang dikaitkan oleh pelbagai pihak dengan kenaikan kos kehidupan rakyat.

Ini kerana kenaikan harga minyak ini telah diimbangi oleh kenaikan harga komoditi seperti getah dan kelapa sawit dan juga suntikan projek-projek pembangunan yang dilaksanakan oleh Kerajaan yang telah berjaya merangsang pertumbuhan ekonomi dan seterusnya peningkatan pendapatan rakyat. Namun begitu Beta menyeru kepada rakyat Beta sekalian agar meneruskan amalan hidup secara sederhana dengan membuat perbelanjaan secara berhemah dan mengamalkan sikap berjimat cermat dan berbelanja apabila perlu sahaja. Dalam masa yang sama, Beta juga meminta kepada Kerajaan Negeri supaya turut sama mengambil langkah berjimat cermat di dalam perbelanjaan termasuk di dalam aspek penggunaan utiliti, penganjuran majlis-majlis rasmi dan pelaksanaan program dan aktiviti. Program dan aktiviti yang kurang kos efektif dan manfaatnya kepada rakyat perlulah dinilai semula pelaksanaannya. Beta yakin jika Kerajaan dan rakyat bekerjasama mengawal perbelanjaan, kita akan dapat menangani kesan kenaikan harga minyak dan peningkatan kos kehidupan dengan berkesan.

Beta berharap suasana kehidupan aman damai dan perpaduan yang ada di antara pelbagai etnik di negeri ini perlu dikekalkan. Sekiranya ada perselisihan pendapat mengenai sesuatu isu, ia hendaklah diselesaikan secara hikmah melalui perbincangan, perundingan dan dialog. Di dalam hubungan ini pemimpin-pemimpin masyarakat perlulah melaksanakan tugas dan amanah yang dipikul dengan penuh bertanggungjawab dan sama-sama berusaha bagi memastikan pihak Kerajaan berjaya meneruskan agenda pembangunan yang telah dirancang bagi faedah rakyat tanpa gangguan mana-mana pihak.

Beta berdoa agar pergaduhan dan kekacauan sepertimana berlaku di beberapa negara lain tidak akan berlaku di bumi Darul Iman ini.

Dalam melaksanakan pelbagai projek dan program bagi mengisi agenda pembangunan negeri, Beta mahu Kerajaan Negeri memberikan penekanan utama kepada aspek penerapan nilai-nilai murni dan akhlak mulia di kalangan semua lapisan masyarakat, khususnya di kalangan generasi muda. Langkah ini adalah selaras dengan usaha Kerajaan untuk melahirkan generasi baru rakyat Terengganu yang cemerlang, berpersonaliti unggul dan mengamalkan nilai-nilai murni dan akhlak mulia selaras dengan prinsip Islam Hadhari yang menjadi teras dan pegangan Kerajaan Negeri. Pada masa yang sama langkah ini juga diharap akan berupaya membendung berlakunya gejala sosial negatif di kalangan rakyat di negeri ini. Di dalam hubungan ini Beta berpendapat, kemajuan fizikal sahaja adalah tidak mencukupi, sebaliknya ia hendaklah pada masa yang sama diimbangi dengan kemajuan rohaniah dan insaniah bagi mewujudkan sebuah masyarakat yang syumul dan seimbang. Justeru itu, program-program khusus untuk memperkasakan jatidiri rakyat terutama golongan muda harus sentiasa menjadi teras penting dalam setiap aspek pembangunan manusia. Selain itu usaha-usaha yang berterusan perlu dibuat bagi memperkasakan institusi keluarga di negeri ini kerana daripada institusi keluargalah akan lahirnya generasi baru Negeri Terengganu yang cemerlang, berpersonaliti unggul dan berakhlak mulia.

Pada masa yang sama Beta berharap kepada para ibu bapa agar sama-sama memainkan peranan memastikan anak masing-masing diberi pendidikan sempurna terutama dalam bidang keagamaan bagi menjayakan hasrat membina generasi baru yang berakhlak mulia dan berkeperibadian unggul.

Di dalam konteks ini, Beta gembira kerana pembangunan modal insan atau *human capital* telah dijadikan tunjang atau teras oleh Kerajaan Negeri di dalam agenda pembangunan yang telah pun disusun. Beta gembira dengan langkah yang telah diambil ini kerana tindakan ini akan memartabatkan ilmu pengetahuan sebagai teras utama kemajuan negeri. Tindakan ini juga adalah seiring dengan tuntutan Islam kerana Islam sentiasa menggalak dan menuntut umatnya untuk meneroka dan mencari ilmu. Penguasaan pelbagai disiplin ilmu pengetahuan akan mampu mengangkat martabat dan kedudukan manusia, khususnya umat Islam.

Salah satu komponen utama pembangunan modal insan yang diberi keutamaan oleh Kerajaan Beta ialah bidang pelajaran. Di dalam hubungan ini Beta mengucapkan syabas kepada semua yang terlibat terutama para guru khususnya para pelajar sekalian yang telah berusaha gigih dan seterusnya telah berjaya mengekal tradisi kecemerlangan

di dalam peperiksaan yang diadakan pada tahun lepas terutamanya di dalam peperiksaan UPSR dan PMR. Walaupun begitu Beta percaya masih ada ruang untuk diusahakan agar kita lebih berjaya lagi pada masa akan datang termasuk di dalam peperiksaan SPM dan STPM.

Kejayaan bagi menghadapi persaingan global pada masa ini memerlukan tenaga kerja yang cemerlang dan berkualiti. Asas bagi melahirkan tenaga kerja yang cemerlang dan berkualiti adalah para pelajar di bangku sekolah rendah pada hari ini. Oleh itu adalah wajar agar fokus dan penilaian semula dibuat untuk memperkasakan sekolah-sekolah kebangsaan yang merupakan tunjang kepada kejayaan sistem pelajaran di negeri ini. Sehubungan ini, jurang yang wujud di dalam bidang pelajaran antara pelajar di luar bandar dan di kawasan bandar perlu dirapatkan bagi memastikan kita berjaya melahirkan lebih ramai pelajar-pelajar cemerlang dan berkualiti dari seluruh negeri di dalam usaha kita bersiap sedia bersaing di peringkat negara dan antarabangsa. Beta yakin Kerajaan Negeri akan sentiasa memberi keutamaan kepada aspek pelajaran bukan sahaja yang melibatkan ilmu-ilmu berteraskan agama tetapi juga yang melibatkan ilmu berteraskan sains dan teknologi. Beta difahamkan Program Ulul Albab yang bermatlamat melahirkan pelajar-pelajar cemerlang di dalam aspek agama dan juga sains dan teknologi telah pun bermula dengan melibatkan pelajar-pelajar di Sekolah Imtiaz. Beta bersetuju dan menyokong tindakan ini kerana ia akan mewujudkan pelajar berpersonaliti unggul satu hari nanti seperti mana yang pernah dilahirkan pada zaman kegemilangan Islam terdahulu. Beta yakin dengan komitmen yang ditunjukkan oleh Kerajaan Negeri untuk memartabatkan aspek pendidikan di negeri ini.

Salah satu pendekatan utama yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri untuk memastikan peningkatan di dalam kualiti kehidupan rakyat ialah dengan menyediakan peluang-peluang pekerjaan. Di dalam hubungan ini penubuhan institusi latihan vokasional dan kemahiran oleh Kerajaan Negeri dengan membabitkan institusi pengajian tinggi awam serta swasta akan dapat melahirkan tenaga kerja mahir yang diperlukan di dalam pasaran kerja tempatan. Pada masa yang sama Beta dimaklumkan pelbagai usaha lain diteruskan oleh Kerajaan Negeri untuk mengembangkan ekonomi negeri khasnya pembangunan sektor perindustrian. Segala langkah dan usaha yang diambil ini adalah bertujuan menyediakan peluang pekerjaan yang lebih banyak untuk rakyat tempatan, dan pada masa yang sama menyediakan tenaga kerja berilmu dan berkemahiran untuk memacu pertumbuhan negeri ke arah menjadi negeri maju pada tahun 2020. Di dalam aspek menyediakan peluang pekerjaan, Beta berpuashati kerana ia berjaya mengatasi masalah pengangguran di negeri ini di mana kadar pengangguran pada tahun lepas adalah kira-kira 3.2 peratus iaitu pada tahap guna tenaga penuh.

Bagi siswazah-siswazah yang belum bekerja pula, Kerajaan Negeri telah menyediakan program *Terengganu Graduate Attachment Program* atau T-GAS yang bertujuan untuk memberi pengalaman bekerja kepada graduan di sektor swasta dan juga awam. Beta dimaklumkan kira-kira 1,000 graduan akan diberi latihan secara penempatan di beberapa syarikat dan juga Jabatan Kerajaan pada tahun ini.

Selain daripada T-GAS, Kerajaan Negeri juga telah melancarkan *Program Pembangunan Tenaga Mahir Multimedia Terengganu* sebagai salah satu cara untuk memberi peluang

kepada tenaga kerja untuk bekerja dalam sektor ICT. Pada dasarnya program ini adalah bertujuan untuk membangunkan tenaga mahir dengan pendekatan 'berlatih dan bekerja' dalam bidang penambahan nilai kandungan atau *'content'* multimedia serta kemahiran lain dalam industri ICT. Beta difahamkan program ini adalah usaha sama antara sektor swasta dan awam negeri. Harapan Beta agar banyak lagi program kerjasama pintar melibatkan dua sektor seperti ini dapat diadakan bukan sahaja melibatkan pewujudan peluang pekerjaan tetapi juga melibatkan pertambahan peluang perniagaan dan keusahawanan dalam industri-industri lain. Beta bangga Kerajaan Negeri sentiasa berusaha untuk memastikan peluang pekerjaan sentiasa bertambah bagi memenuhi keperluan tenaga kerja di negeri ini.

Sektor komoditi seperti kelapa sawit, getah dan kayu-kayan merupakan penyumbang besar kepada ekonomi negeri. Namun masih banyak lagi usaha perlu dibuat bagi menerokai sepenuhnya potensi hasil-hasil pertanian yang ada terutama di dalam mengembangkan industri asas tani di negeri ini. Beta percaya usaha boleh dibuat bagi memastikan pembangunan sektor pertanian dan industri asas tani menjadi sebagai salah satu penjana pertumbuhan ekonomi di negeri ini. Bagi maksud ini Beta berharap pertanian bersaiz kecil melibatkan petani dan pekebun kecil tidak diketepikan bagi memastikan tidak wujud ruang yang besar dalam agihan pendapatan antara penduduk luar bandar dan kawasan bandar.

Untuk itu Beta berharap Kerajaan Negeri mengambil langkah-langkah tertentu bagi mengubah kaedah pengeluaran pertanian secara tradisional dan tidak berteraskan komersial kepada satu kaedah berteraskan komersial dan moden bagi membantu petani dan pekebun meningkatkan daya saing dan pendapatan mereka. Penekanan terhadap konsep nilai-tambah pertanian di sepanjang proses pengeluaran pertanian amatlah wajar. Beta yakin sektor swasta juga boleh memainkan peranan besar di dalam hubungan ini untuk bertindak selaku pemangkin kepada pembangunan industri pengeluaran makanan yang moden dan berteknologi tinggi.

Beta gembira kerana Tahun 2006 ini telah diisytiharkan oleh Kerajaan Negeri sebagai Tahun Pertanian bagi Negeri Terengganu. Bagi maksud ini Beta dimaklumkan bahawa Kerajaan Negeri telah mensasarkan agar seramai 10,000 orang petani, penternak dan nelayan berjaya menambah pendapatan mereka kepada sebanyak RM500.00 seorang sebulan. Untuk itu, Beta dimaklumkan satu peruntukan sebanyak RM114 juta telah disediakan oleh Kerajaan Negeri pada tahun ini khusus untuk pembangunan sektor pertanian.

Secara amnya program serta projek yang akan dilaksanakan bagi mencapai sasaran ini ialah:

(i) Pewujudan Taman Kekal Pengeluaran Makanan berasaskan tanaman yang merangkumi seluas 1,990 hektar;

(ii) Pewujudan Taman Kekal Pengeluaran Makanan berasaskan perikanan dengan jumlah keluasan sebanyak 4,020 hektar;

(iii) Pewujudan Taman Kekal Pengeluaran Makanan berasaskan ternakan dengan keluasan 535 hektar;

(iv) Pembinaan unjam bagi kemudahan 2,000 nelayan di 174 lokasi, dan

(v) Penubuhan sebuah anak syarikat Kerajaan Negeri yang akan terlibat terus dalam aktiviti pemasaran.

Sektor pertanian sebenarnya memerlukan pelaburan modal yang tinggi dan jangka masa panjang untuk berjaya. Beta gembira kerjasama erat antara Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan pada masa ini khususnya dengan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani Malaysia akan meningkatkan lagi tahap kejayaan sektor ini. Buat permulaan Beta difahamkan pihak Kementerian akan membantu merangka Pelan Agro Makanan Negeri Terengganu. Beta berharap kerjasama begini akan ditingkatkan lagi dengan Kementerian-Kementerian lain. Dengan kerjasama erat ini, Beta yakin projek-projek di bawah sektor pertanian yang dimohon untuk dilaksanakan segera di Terengganu akan mendapat pertimbangan sewajarnya dari Kerajaan Persekutuan khususnya:-

(i) pembesaran Pelabuhan Chendering;

(ii) penambahan pembinaan tukun tiruan;

(iii) peruntukan kewangan bagi projek industri berasaskan ternakan/tanaman dengan kerjasama sektor swasta.

Pada tahun lepas Beta dimaklumkan pertumbuhan ekonomi Negeri Terengganu adalah pada kadar 4.6 peratus.

Kadar yang memberangsangkan ini dijana dari pelaburan sektor awam yang telah bertindak sebagai pemangkin utama atau *catalyst* pertumbuhan ekonomi. Beta difahamkan bahawa peranan sektor swasta sebagai pemangkin tambahan ekonomi di Terengganu akan terus ditekankan walaupun setakat ini ia masih belum berupaya untuk mengambil peranan sektor awam.

Sektor perkilangan didapati telah menyumbang kepada Keluaran Dalam Negeri Kasar atau KDNK sebanyak 19.5 peratus pada tahun lepas. Pelaburan langsung ke negeri ini pula berjumlah melebihi RM500 juta dan telah menyediakan 2,500 peluang pekerjaan. Beta fikir Kerajaan Negeri perlu terus berusaha menarik pelaburan langsung sama ada pelabur asing mahupun tempatan. Dengan adanya persaingan sengit menarik pelaburan langsung asing dengan negara-negara seperti Republik Rakyat China, Vietnam dan India, adalah wajar penumpuan diberikan kepada usahawan-usahawan tempatan untuk melabur dan menggalakkan mereka memindah kilang dari Pantai Barat ke negeri ini. Dalam hubungan ini insentif-insentif haruslah ditambah terutamanya diskaun premium tanah dan cukai taksiran, di samping insentif-insentif lain. Dengan jumlah guna tenaga melebihi 380,000 orang, Beta percaya soal mendapatkan tenaga kerja tidak akan menjadi masalah, malah ia adalah kelebihan yang dimiliki oleh negeri ini. Selain daripada itu, Beta puas hati Kerajaan Negeri telah turut memberi tumpuan kepada usaha-usaha untuk memajukan

sektor IKS kerana sektor ini juga adalah sektor teras di Terengganu kerana ia dipelopori oleh pengusaha tempatan terutama dalam industri perkayuan, kraf tangan dan pemprosesan hasil-hasil pertanian.

Mengenai soal kemudahan asas dan prasarana, Beta puas hati dengan tindakan Kerajaan Negeri untuk meningkatkan kemudahan tersebut kerana ia adalah keperluan rakyat dan kehendak setempat. Tiga Projek Perdana atau flagships iaitu LPT Fasa Dua, Stadium Negeri dan Pembesaran Lapangan Terbang sedang berjalan dengan rancaknya. Selain daripada pelaksanaan Projek Perdana, Kerajaan Negeri harus juga melaksanakan projek-projek lain bagi kepentingan awam seperti pembinaan sekolah, masjid, jambatan, jalan-jalan raya dan lain-lain. Beta bangga kerana pada tahun ini Kerajaan Negeri telah memperuntukkan sebanyak RM60 juta untuk membina sebanyak 30 buah masjid bagi memastikan umat Islam dapat beribadat dengan lebih selesa.

Bagi memastikan kemudahan yang disediakan oleh Kerajaan ini dapat dimanfaat sepenuhnya oleh rakyat, Beta mahu setiap golongan rakyat sebagai pengguna kemudahan-kemudahan tersebut turut sama memikul tanggungjawab menjaga harta-harta awam. Selain daripada itu, Beta juga berharap sektor swasta dan badan-badan Bukan Kerajaan agar turut memberi sokongan sama ada berbentuk kewangan atau tenaga bagi menyelenggara dan menguruskan harta-harta awam contohnya seperti kariah masjid bertanggungjawab menyelenggarakan sebahagian kos pengurusan masjid dan sektor swasta menjadikan sebahagian taman-taman awam sebagai anak angkat mereka.

Mengenai aspek kebersihan dan keindahan bandar-bandar, Beta gembira kerana mendapati telah kelihatan perubahan yang lebih baik. Tahniah dan syabas diucapkan kepada Pihak Berkuasa Tempatan dan juga rakyat yang telah menyedari tentang pentingnya menjaga kebersihan dan keindahan ini. Walaupun begitu, tahap kebersihan dan keindahan ini masih mempunyai banyak ruang untuk ditingkatkan dan ini memerlukan perubahan sikap setiap warga Bandar bagi menghargai dan mengamalkan sikap dan budaya mengutamakan kebersihan, di samping keberkesanan pengurusan oleh Pihak Berkuasa Tempatan sendiri. Bagi meningkatkan keselesaan rakyat di kawasan Bandar, antara perkara yang perlu diberi penekanan adalah sistem perparitan yang lengkap, pembuangan sisa-sisa pepejal dan sampah sarap, pembersihan kawasan dan lain-lain diberi perhatian. Dalam hubungan yang sama, Beta mencadangkan setiap bandar disediakan sistem pengangkutan awam yang lebih baik bagi memberi perkhidmatan yang lebih selesa kepada warga Bandar terutama di Bandar Kuala Terengganu. Di samping itu Beta fikir telah sampai masanya agar satu piawai perancangan bandar yang baru diwujudkan bagi menjadikan pembangunan bandar di negeri ini teratur, selesa dan menarik. Jika langkah ini diambil, Beta percaya bandar-bandar di Negeri Terengganu akan menjadi tempat yang selesa untuk kehidupan warga bandarnya dan sekaligus akan menjadi tarikan kepada para pengunjungnya.

Dalam masa yang sama, pembangunan luar bandar tidak wajar diketepikan kerana masih ramai lagi rakyat negeri ini hidup di kawasan luar bandar. Satu pendekatan pembangunan luar bandar yang telah diperkenalkan oleh Kerajaan Negeri ialah melalui pembangunan Pusat-Pusat Pertumbuhan Desa. Walau bagaimanapun Beta dapati pembangunan Pusat-Pusat Pertumbuhan Desa masih belum mencapai kejayaan

sebagaimana yang diharapkan. Oleh yang demikian, pelaksanaan Pusat-Pusat Pertumbuhan Desa ini hendaklah dilihat kembali dan langkah-langkah yang sewajarnya diambil bagi mempercepatkan pelaksanaannya. Beta puas hati kerana Kerajaan Negeri telah menyedari hakikat ini dan telah menyediakan Garis Panduan baru bagi mengaktifkan semula perancangan dan pelaksanaan Pusat-Pusat Pertumbuhan Desa. Ini penting sebagai pemangkin kepada pembangunan kampung-kampung dan seterusnya pekan serta bandar.

Mengenai perumahan, Beta dapati Kerajaan Negeri komited di dalam usahanya menyediakan rumah-rumah terutama kepada golongan yang berpendapatan rendah. Sehubungan ini Beta bersetuju dengan hasrat Kerajaan Negeri untuk memastikan setiap keluarga khususnya golongan berpendapatan rendah mempunyai tempat tinggal sendiri yang selamat dan selesa. Beta dimaklumkan pada tahun lepas sebanyak 1,900 buah rumah telah siap dibina melalui berbagai-bagai program perumahan bagi keluarga berpendapatan rendah. Untuk tahun ini pula cadangan Kerajaan Negeri adalah untuk membina sebanyak 2,600 buah lagi. Beta dimaklumkan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan, keperluan untuk semua jenis rumah adalah sebanyak 32,000 buah.

Oleh kerana pelaksanaan projek perumahan memerlukan peruntukan yang besar serta komitmen daripada semua pihak, Beta berharap Kerajaan Negeri berusaha mendapatkan bantuan kewangan daripada Kerajaan Persekutuan serta penglibatan sektor swasta bagi menyediakan rumah yang mencukupi khususnya kepada golongan berpendapatan rendah.

Untuk menjadi sebuah negeri maju, tahap pendapatan rakyat perlu dipertingkatkan sewajarnya. Memandangkan isu kemiskinan masih menjadi isu penting di Negeri Terengganu, perjuangan untuk menurunkan kadar kemiskinan kepada sifar hendaklah dibuat secara berterusan. Pada tahun ini Beta dimaklumkan maklumat dalam *Sistem Pangkalan Data Profil Keluarga Miskin* telah siap dibangunkan dan sejumlah 22,360 keluarga didaftarkan. Bilangan keluarga miskin adalah 5,750 keluarga dan keluarga miskin-tegar adalah 5,380 keluarga. Sementara golongan yang tidak produktif dan yang memerlukan bantuan berterusan Kerajaan Negeri pula adalah 11,230 keluarga. Beta dimaklumkan strategi pembasmian kemiskinan yang diambil pada masa kini ialah melalui pengwujudan peluang-peluang pekerjaan dan perniagaan, latihan kemahiran, peningkatan produktiviti, perubahan sikap dan sebagainya. Beta harap usaha bagi menangani isu kemiskinan ini hendaklah diperhebatkan lagi. Untuk mencapai matlamat mengurangkan kemiskinan, program serta projek yang dilaksanakan hendaklah juga melibatkan sektor swasta serta masyarakat setempat.

Selain dari itu, program dan projek pembasmian kemiskinan yang sedang dikelolakan oleh pelbagai jabatan dan agensi Kerajaan hendaklah juga diselaraskan bagi meningkatkan lagi keberkesanan dan mengelakkan pertindihan. Beta yakin dengan adanya *Sistem Pangkalan Data Profil Keluarga Miskin* ini, agenda bagi pembasmian kemiskinan akan berjaya mencapai matlamatnya iaitu mengurangkan bilangan keluarga miskin pada setiap tahun dan seterusnya mencapai tahap sifar bagi kemiskinan tegar menjelang akhirnya Rancangan Pembangunan Negeri Terengganu pada tahun 2008 nanti, InsyaAllah.

Sektor pelancongan adalah antara sektor penting di dalam menjana pertumbuhan ekonomi negeri. Di dalam hubungan ini, Beta gembira hati kerana terdapatnya peningkatan kedatangan pelancong tempatan ke negeri ini. Pada tahun lepas Beta dimaklumkan jumlah kedatangan pelancong melebihi 1.8 juta orang dan telah memberi sumbangan kepada ekonomi negeri sebanyak RM 1.2 billion. Selaring dengan Program Perdana Kempen Tahun Melawat Terengganu 2008, Beta harap semua langkah awal perlu diambil perjalanan bagi menjayakan kempen tersebut seperti:-

(i) meningkatkan tahap mutu perkhidmatan hotel, agensi pelancongan dan pemandu pelancong;

(ii) memperlingkatkan kesedaran kepada semua golongan rakyat mengenai pentingnya pelancong baru merancang ekonomi negeri;

(iii) menambah kemudahan penginapan bagi menampung kemasukan pelancong terutama pada masa-masa cuti sekolah;

(iv) memberi latihan kemahiran kepada pekerja-pekerja hotel tempatan termasuk pihak pengurusan, dan juga

(v) memperkembangkan strategi pelancongan Negeri Terengganu bagi membentuk produk dan jenama pelancongan yang lebih menonjol.

Di dalam keghairahan memajukan negeri dengan pelbagai projek pembangunan, Beta berharap aspek kesihatan dan keceriaan rakyat perlu juga diberi keutamaan kerana rakyat yang sihat adalah aset utama negeri di dalam perjalanan kita menuju negeri maju. Aspek ini menjadi lebih penting memandangkan Negeri Terengganu telah dipersetujui menjadi tuan rumah SUKMA pada tahun 2008 nanti. Untuk itu persiapan yang rapi perlulah dibuat mulai sekarang. Aktiviti sukan terutama yang berprestasi tinggi perlu diberi perhatian kerana ia boleh meningkatkan daya saing masyarakat terutama golongan muda. Selain daripada itu, kegiatan sukan juga merupakan satu pendekatan untuk menghindar para belia dari terjebak di dalam gejala negatif yang sangat merugikan. Dalam hal ini, tanggungjawab Kerajaan Negeri ialah untuk menyediakan prasarana sukan yang mencukupi dan seterusnya mengandjurkan pelbagai program khusus untuk menarik minat rakyat terutama para belia menyertai aktiviti-aktiviti tersebut.

Beta dapati acara-acara yang dianjurkan pada tahun lepas seperti Monsoon Cup Terengganu dan Rainforest Challenge Terengganu telah membuktikan kejayaan rakyat setempat menjayakan program-program bertaraf antarabangsa. Beta bangga dengan iltizam Kerajaan Negeri dan kerjasama Kerajaan Persekutuan serta sokongan rakyat di dalam memastikan kejayaan program-program yang dianjurkan ini kerana ia telah mengharumkan nama Negeri Terengganu ke peringkat dunia. Di dalam hubungan ini Beta berharap acara-acara sedemikian baik di peringkat daerah, negeri, kebangsaan mahupun di peringkat antarabangsa hendaklah terus diberi galakan dan sokongan oleh semua pihak.

Seterusnya, Beta sukacita kerana Kerajaan Negeri turut memberi perhatian kepada pembangunan ICT di negeri ini. Beta dimaklumkan bahawa peruntukan sebanyak RM35

juta telah disediakan tahun ini bagi menggalakkan pembangunan ICT. Dalam pada itu, penggunaan *Open Source System (OSS)* sebagai perisian rasmi sektor awam negeri akan mengurangkan kos penggunaan ICT dalam jangka panjang, dan juga akan lebih mendorong para pengguna ICT untuk lebih kreatif dalam bidang perekaciptaan dan inovasi perisian. Bagi memantapkan lagi penggunaan ICT di negeri ini, Beta berharap tindakan dapat diambil bagi meningkatkan keupayaan *TerengganuNet* kerana ia akan membantu Kerajaan Negeri meguruskan perjalanan urusan negeri dengan lebih cekap.

Bagi memberi manfaat optima dari pembangunan ICT ini, Beta berharap agar rakyat Beta mengambil peluang meningkatkan kemahiran masing-masing di dalam bidang ICT dan menjadikan penggunaan ICT sebagai budaya kehidupan harian.

Kejayaan segala perancangan yang dibuat oleh Kerajaan adalah sangat bergantung kepada sejauh mana keupayaan jentera pentadbiran melaksanakan tugasnya. Oleh yang demikian, peningkatan di dalam sistem penyampaian perkhidmatan adalah sangat penting. Sistem penyampaian perkhidmatan yang cekap dan berkesan berupaya meningkatkan daya saing dan daya tahan ekonomi serta rakyat negeri. Ia akan mengurangkan kos mengendalikan perniagaan di kalangan usahawan dan para pelabur. Selain itu, peningkatan sistem penyampaian Kerajaan akan memberi kepuasan kepada rakyat dan sekaligus ia akan meningkatkan kepercayaan rakyat kepada jentera Kerajaan. Beta berharap langkah-langkah wajar dan berkesan diambil bagi meningkatkan kecekapan sistem penyampaian perkhidmatan Kerajaan di negeri ini terutamanya yang melibatkan jentera Kerajaan Negeri. Di dalam hubungan ini Beta tertarik dengan langkah yang diambil oleh Kerajaan Negeri di dalam menguruskan sumber manusia dalam sektor awam di negeri ini berdasarkan konsep TERs yang menekankan kepada aspek latihan, mewujudkan suasana kerja yang selesa, memberi pengiktirafan sewajarnya kepada kakitangan yang menunjukkan prestasi kerja yang cemerlang dan mengambil tindakan disiplin kepada kakitangan yang menimbulkan masalah dan mengganggu kelicinan urusan Pentadbiran Kerajaan.

Beta percaya para anggota perkhidmatan awam peka terhadap keperluan meningkatkan kecekapan sistem penyampaian ini dan tujuan konsep TERs yang diperkenalkan dan yakin mereka bersedia melaksanakan amanah yang diberikan ini bagi memberi kebaikan kepada semua golongan rakyat yang mengharapkan perkhidmatan yang berkesan.

Beta sentiasa menghargai perkhidmatan cemerlang kakitangan awam di negeri ini baik di kalangan kakitangan Kerajaan Negeri mahupun kakitangan Kerajaan Persekutuan. Tanpa sumbangan dan komitmen pegawai dan kakitangan awam, Negeri Terengganu tidak akan mencapai tahap pembangunan seperti yang dikecapi sekarang. Walau bagaimanapun, anggota perkhidmatan awam janganlah mudah berpuas hati, sebaliknya hendaklah terus berusaha meningkatkan prestasi masing-masing bagi memastikan Perkhidmatan Awam di negeri ini menjadi perkhidmatan yang terbaik dan unggul di negara ini. Beta juga mahu semua anggota perkhidmatan awam yang bertugas di Terengganu sama ada Negeri mahupun Persekutuan supaya sentiasa menjaga nama baik Perkhidmatan Awam dengan mengelakkan diri daripada terlibat dengan gejala rasuah dan sebarang penyelewengan.

Setakat ini, Beta puas hati dengan usaha yang telah diambil bagi memantapkan sistem penyampaian termasuk mengadakan *Sistem Petunjuk Prestasi Utama atau KPI* bagi menilai keseluruhan pencapaian matlamat program dan projek pembangunan, *Sistem e-Aduan* yang bertujuan untuk mendapat maklum balas dan pandangan konstruktif daripada pelanggan dan berbagai-bagai lagi langkah yang telah diambil.

Secara keseluruhannya Beta gembira dengan semua usaha yang telah diambil oleh Kerajaan bagi membangunkan negeri ini. Setakat ini, Beta dapati hampir kesemua projek yang dirancangkan termasuk Projek Perdana telah dilaksanakan. Namun begitu, Beta cadangkan agar Kajian Separuh Penggal Rancangan Pembangunan Negeri Terengganu dibuat bagi melihat sejauh mana kejayaan pelaksanaannya dan faedahnya kepada rakyat supaya strategi pelaksanaan yang lebih berkesan dapat diatur berdasarkan keperluan semasa. Di dalam hubungan ini Beta syorkan agar Kerajaan Negeri sentiasa mengambil kira kepentingan rakyat jelata semasa merancang dan melaksana program pembangunan tersebut dengan mengambilkira aspek analisa manfaat dan kos (cost-benefit analysis) serta impaknya kepada rakyat.

Beta yakin dengan tindakan yang telah diambil dan berteraskan konsep *Islam Hadhari Terengganu Bestari,* matlamat dan wawasan untuk menjadi negeri maju spiritual dan material, syumul dan seimbang akan mencapai kejayaan. Walaupun begitu Kerajaan Negeri perlu sentiasa peka dan sensitif kepada keperluan dan kehendak semasa rakyat.

Dalam masa yang sama seluruh golongan rakyat harus juga peka dan bijak untuk memanfaatkan segala ruang dan peluang yang disediakan bagi memajukan diri masing-masing. Beta menaruh harapan agar segala usaha yang dicurahkan bagi mengembalikan kegemilangan Negeri Terengganu akan mencapai kejayaan.

Beta gembira dengan pembentangan Rancangan Malaysia Kesembilan oleh Y.A.B. Perdana Menteri Malaysia pada 31 Mac 2006 dan mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan Persekutuan kerana Negeri Terengganu telah diperuntukkan sejumlah RM7.2 bilion dalam Rancangan Malaysia Kesembilan. Untuk memastikan jumlah yang besar ini dapat dimanfaatkan sebaik mungkin, semua sektor dan lapisan rakyat di Terengganu perlulah memainkan peranan masing-masing. Sehubungan dengan ini, Beta mahu semua Pegawai Kerajaan sama ada Negeri ataupun Persekutuan memberi komitmen yang tinggi agar semua program dan projek ini dapat dilaksanakan dengan jayanya. Di samping itu rakyat juga harus bersama-sama memberi sokongan bagi merealisasikan Misi Nasional dalam Rancangan Malaysia Kesembilan ini. Pada dasarnya sektor awam bertanggungjawab sebagai pemudahcara pengurusan ekonomi dan rakyat pula adalah rakan kongsi pembangunan negeri. Sesungguhnya semua pihak dan setiap lapisan masyarakat mempunyai tanggungjawab masing-masing untuk menjayakan agenda kemajuan negeri.

Khas untuk Ahli-Ahli Dewan Undangan Negeri sekalian, Beta menyeru supaya meneruskan khidmat cemerlang dan sentiasa mempamerkan budi pekerti yang tinggi. Sebagai pemimpin, ahli-ahli Yang Berhormat hendaklah terus membela nasib rakyat dengan jujur dan ikhlas dan menunaikan tugas, kewajipan dan tanggungjawab dengan penuh hemah dan amanah demi kepentingan agama, rakyat dan negeri.

Beta berdoa kepada Allah Subhanahu Wata'ala agar sentiasa memberi rahmat dan hidayat-Nya kepada seluruh rakyat dan Kerajaan Beta yang dipimpin oleh Menteri Besar Dato' Seri Haji Idris bin Jusoh.

Semoga semua usaha murni ini mendapat keredhaan Allah Subhanahu Wata'ala. Akhirnya dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim Beta dengan ini merasmikan Pembukaan Penggal Persidangan Yang Ketiga Dewan Undangan Negeri Yang Kesebelas.

Selamat Bersidang.

Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

DULI YANG MAHA MULIA AL-SULTAN DAN DULI YANG MAHA MULIA PERMAISURI TERENGGANU DIIRINGI OLEH YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA BERANGKAT DARI MAJLIS DEWAN UNDANGAN NEGERI.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA MASUK SEMULA KE DEWAN UNDANGAN NEGERI.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, bagi memberi peluang kepada Ahli-ahli Yang Berhormat meneliti Titah Ucapan Di Raja untuk membuat Perbahasan, saya tangguhkan Persidangan Dewan sehingga esok hari, Isnin – 17 April 2006, jam 9.30 pagi dan marilah sama-sama kita membaca Surah Al-Asr.

DEWAN DITANGGUHKAN PADA PUKUL 11.05 PAGI.

PERSIDANGAN

PADA HARI ISNIN, 17 APRIL, 2006

Hari Isnin,
17 April, 2006

KANDUNGAN

1. Nama Ahli-ahli. [Muka 16]

2. Ucapan Yang Berhormat Yang Dipertua. [Muka 20]

3. Kertas-Kertas Kerja Dan Laporan-Laporan. [Muka 21]

4. Soalan-soalan Yang Telah Diberi Notis:

   4.1 Soalan-soalan Bertulis [Muka 22]

   4.2. Soalan-soalan Lisan [Muka 23]

6. Usul-usul Yang Telah Diberi Notis:

   Usul Menjunjung Kasih Atas Titah Ucapan Di Raja. [Muka 46]

   [Perbahasan Usul]

[Bersambung]

PERSIDANGAN DEWAN UNDANGAN NEGERI BERMULA PADA PUKUL 9.30 PAGI

HADIR:

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA
Dato' Haji Che Mat bin Jusoh, DPMT.,DSAP.,ASM.,AMN.,PJC.,PJK.,BLB.

YANG AMAT BERHORMAT MENTERI BESAR TERENGGANU
Dato' Seri Haji Idris bin Jusoh, SSMZ.,DPMT.,PJK.
WAKIL JERTIH

Y.B. Dato' Dr. Haji Abdul Latiff bin Awang, DPMT.,KMN.,PKT.,PJK.
WAKIL BUKIT PAYONG

Y.B. Dato' Haji Rosol bin Wahid, DPMT.,PJK.
WAKIL AJIL

Y.B. Dato' Ahmad bin Said, DPMT.,ASM.,PJK.
WAKIL KIJAL

Y.B. Dato' Haji Mohamed bin Awang Tera, DIMP.,SAP.,AMP.
WAKIL CUKAI

Y.B. Haji Din bin Adam, PJK.
WAKIL BUKIT BESI

Y.B. Haji Wan Hisham bin Wan Salleh, SMT.,DJN.,PJK.
WAKIL LADANG

Y.B. Datuk Haji Mohd Jidin bin Shafee, DMSM.,AMN.
WAKIL PERMAISURI

Y.B. Datuk Abdul Rahin bin Mohd Said, DMSM.,AMN.
WAKIL TELUK PASU

Y.B. Haji W. Mohd bin Wan Hassan, PJK.
WAKIL KOTA PUTERA

Y.B. Encik Toh Chin Yaw
WAKIL BANDAR

Y.B. Dato' Haji Mohamad @ Abu Bakar bin Ali, DPMT.,AMN.,PJK.
WAKIL KEMASIK

Y.B. Dato' Haji Mohd Nasir bin Ibrahim @ Ibrahim Fikri, DPMT.,KMN.,PJK.
WAKIL BUKIT TUNGGAL

Y.B. Encik Alias bin Abdullah, AMT.
WAKIL ALUR LIMBAT

Y.B. Haji Asha'ari bin Idris, AMT.,AMN.,PJK.
WAKIL LANGKAP

Y.B. Encik Za'abar bin Haji Mohd. Adib, AMT.,AMN.,PPN.,PJK.
WAKIL RANTAU ABANG

Y.B. Encik Nawi bin Mohamad
WAKIL HULU BESUT

Y.B. Haji Ramlan bin Ali, PJK.
WAKIL JABI

Y.B. Encik Mohd Ariffin bin Abdullah, AMT.,AMN.,PJK.
WAKIL PAKA

Y.B. Haji Ahmad Kamal bin Abdullah
WAKIL SURA

Y.B. Haji Mohd Shapian bin Ali
WAKIL SEBERANG TAKIR

Y.B. Encik Wan Ahmad Nizam bin Wan Abdul Hamid, AMT.,PJK.
WAKIL AIR PUTIH

Y.B. Encik Rozi bin Mamat
WAKIL TELEMONG

Y.B. Encik Yahya bin Khatib Mohamad, PKC.
WAKIL PENGKALAN BERANGAN

Y.B. Haji Muhammad Ramli bin Haji Nuh, PJK.
WAKIL TEPOH

Y.B. Haji Abdullah bin Che Muda, AMN.,PPN.,PJK.
WAKIL KUALA BESUT

Y.B. Haji Khazan bin Che Mat
WAKIL BATU RAKIT

Y.B. Encik Mohd Zawawi bin Haji Ismail, PJK
WAKIL KUALA BERANG

Y.B. Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang, SSMT.
WAKIL RHU RENDANG

Y.B. Dato' Haji Wan Abd. Muttalib bin Embong, DPMT.
WAKIL BATU BUROK

Y.B. Dato' Haji Harun bin Taib, DPMT.
WAKIL MANIR

Y.B. Haji Mohd Abdul Wahid bin Haji Endut, PJC.
WAKIL WAKAF MEMPELAM

HADIR MENURUT FASAL XIII(3) UNDANG-UNDANG BAGI DIRI KERAJAAN TERENGGANU (BAB YANG PERTAMA)

YANG BERHORMAT SETIAUSAHA KERAJAAN
Dato' Haji Muhatar bin Abdullah, DPMT.,ASM.,PJC.,PJK.,BLB.

YANG BERHORMAT PENASIHAT UNDANG-UNDANG NEGERI
Encik Ahmad Kamal bin Md. Shahid

YANG BERHORMAT PEGAWAI KEWANGAN NEGERI
Dato' Haji Mokhtar bin Nong, DPMT.,ASM.,PJC.,PJK.BLB.

SETIAUSAHA DEWAN UNDANGAN NEGERI
Haji Azmi bin Moktar, SMZ.,AMT.,PJK.

PUKUL 9.30 PAGI

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera. Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua-ketua Jabatan, mesyuarat disambung semula. Sebelum kita memulakan Persidangan Dewan pada pagi ini marilah kita sama-sama membaca Umul Kitab – Al-Fatihah.

UCAPAN YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA

Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua-ketua Jabatan serta tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

Marilah sama-sama kita memanjatkan kesyukuran kepada Allah S.W.T. kerana dengan petunjuk, kekuatan dan limpah kurnia-Nya dapat sekali lagi kita bertemu di dalam Persidangan Dewan Undangan Negeri pada pagi ini.

Persidangan kali ini merupakan Mesyuarat Yang Pertama Bagi Penggal Persidangan Yang Ketiga, Dewan Undangan Negeri Yang Kesebelas yang berlangsung selama empat (4) hari iaitu pada 16, 17, 18 dan 19 April 2006. Pada hari semalam, iaitu 16 April 2006 telah selamat disempurnakan Istiadat Pembukaan Penggal Persidangan oleh Duli Yang Maha Mulia Al-Sultan.

Persidangan pada hari ini, 17 April 2006 seperti biasa sesi Soalan-soalan Lisan yang akan diberikan masa selama satu (1) jam dan soalan-soalan tambahan mengikut Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Fasal 27(5). Soalan tambahan bagi setiap soalan hanya tiga soalan sahaja dibenarkan. Persidangan seterusnya akan diikuti oleh Perbahasan Titah Ucapan Di Raja yang akan berlangsung selama dua (2) hari iaitu sehingga 18 April 2006, ini bergantung kepada sama ada, ada atau sebaliknya Yang Berhormat-Yang Berhormat yang ingin mengambil bahagian dalam perbahasan yang akan dibukakan nanti. Pada hari terakhir, sekiranya Persidangan berjalan sebagaimana Tertib Pekerjaan Dewan yang telah ditetapkan, pihak Kerajaan akan membuat Penggulungan dan diikuti dengan Rang Undang-Undang sehingga selesai.

Ahli Yang Berhormat sekalian, suka saya mengambil perhatian di sini, Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri hendaklah dipatuhi dan dihormati. Saya mengharapkan kerjasama Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, semoga Persidangan kali ini akan berjalan dengan teratur, tertib dan harmoni serta menjaga nama baik Dewan yang mulia ini. Saya juga mengharapkan Persidangan kali ini dapat mencetuskan idea-idea yang bernas bagi kesejahteraan rakyat Negeri Terengganu.

Terima kasih. Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

KERTAS-KERTAS KERJA DAN LAPORAN-LAPORAN

4.1 Penyata Kewangan Tahun 2004
Majlis Perbandaran Kuala Terengganu.

(D.U.N. Bil. 1/2006)

4.2 Penyata Kewangan Tahun 2004
Majlis Daerah Setiu.

(D.U.N. Bil. 2/2006)

4.3. Penyata Kewangan Tahun 2004
Majlis Daerah Marang.

(D.U.N. Bil. 3/2006)

4.4. Penyata Kewangan Tahun 2000, 2001, 2002, 2003 Dan 2004 Yayasan Terengganu.

(D.U.N. Bil. 4/2006)

4.5. Penyata Kewangan Disatukan Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2004 Lembaga Tabung Amanah Warisan Negeri Terengganu.

(D.U.N. Bil. 5/2006)

4.6. Laporan Tahunan Dan Penyata Kewangan Tahun 2004 Perbadanan Memajukan Iktisad Negeri Terengganu.

(D.U.N. Bil. 6/2006)

SOALAN-SOALAN YANG TELAH DIBERI NOTIS

SOALAN-SOALAN BERTULIS

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Jawapan-jawapan bertulis yang telah diberi notis dan dibentangkan di hadapan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian iaitu soalan-soalan daripada:

(i) Yang Berhormat Wakil Kemasik

(ii) Yang Berhormat Wakil Bukit Tunggal

(iii) Yang Berhormat Wakil Alur Limbat

(iv) Yang Berhormat Wakil Rhu Rendang

(v) Yang Berhormat Wakil Langkap

(vi) Yang Berhormat Wakil Rantau Abang

(vii) Yang Berhormat Wakil Jabi

(viii) Yang Berhormat Wakil Manir

(ix) Yang Berhormat Wakil Sura

(x) Yang Berhormat Wakil Tepoh

(xi) Yang Berhormat Wakil Batu Rakit

(xii) Yang Berhormat Wakil Batu Burok

(xiii) Yang Berhormat Wakil Kuala Berang

(xiv) Yang Berhormat Wakil Wakaf Mempelam

(xv) Yang Berhormat Wakil Hulu Besut

SOALAN-SOALAN LISAN

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sekarang kita masuk kepada Soalan-soalan Lisan, tempoh 1 jam daripada sekarang. Untuk makluman Yang Berhormat, Soalan-soalan Lisan bilangan yang perlu dipatuhi dan diikuti oleh Yang Berhormat adalah bilangan sebagaimana yang tercatat di dalam Kertas Dewan Undangan Negeri yang diedarkan kepada Yang Berhormat. Begitu juga pihak Kerajaan yang akan memberi jawapan bilangan soalan hendaklah mengikut bilangan soalan dalam Kertas Dewan Undangan Negeri yang diedarkan.

Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Wakil Kemasik mengemukakan soalan.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan yang pertama

> *Baru-baru ini kerajaan telah mengumumkan kenaikan harga minyak sebanyak 30 sen seliter ekoran kenaikan harga minyak di pasaran di dunia. Apakah langkah yang diambil Kerajaan Negeri bagi menangani beban rakyat termasuk kenaikan harga barang yang mungkin akan berlaku kesan daripada kenaikan itu?*

YANG BERHORMAT ENCIK TOH CHIN YAW (Wakil Bandar): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Yang Berhormat Wakil Kemasik tanya tentang langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan Negeri untuk menangani beban rakyat berkaitan dengan harga minyak sebanyak 30 sen seliter.

Kerajaan Negeri dengan kerjasama dan melalui Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Negeri telah mengambil beberapa langkah untuk menjaga kepentingan rakyat. Antaranya ialah :

(i) Melalui Bahagian Penguatkuasa memperhebatkan pemeriksaan ke premis-premis perniagaan.

(ii) Memantau pergerakan harga barang-barang keperluan.

(iii) Membuat kutipan harga barangan perlu secara harian sebanyak 28 jenis barang, mingguan sebanyak 255 jenis barangan dan bulanan sebanyak 39 jenis barangan.

(iv) Mengadakan perbincangan dengan pembekal bagi mempastikan bekalan barang-barang keperluan mencukupi.

(v) Menganjurkan kempen-kempen kepenggunaan seperti Kempen Pengguna Bijak.

(vi) Menyediakan Talian Aduan Bebas Tol, SMS dan Kaunter Aduan.

(vii) Sistem Fleetcard iaiatu Diesel Bersubsidi bagi sektor pengangkutan awam, dan

(viii) Sistem Diesel Bersubsidi Nelayan bagi sektor perikanan.

Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan tambahan – Adakah Kerajaan Negeri bercadang memberi inisiatif tertentu kepada rakyat atau kakitangan awam berikutan kenaikan tersebut?

YANG BERHORMAT ENCIK TOH CHIN YAW (Wakil Bandar): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, kita memang tidak ada insentif yang tertentu tetapi melalui berbagai bantuan kerajaan kita telah memberikan kepada rakyat supaya meringankan beban rakyat untuk menangani isu kenaikan minyak ini.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan tambahan – Apakah usaha Kerajaan Negeri untuk meningkatkan kemudahan pengangkutan awam di negeri ini dalam menangani masalah tersebut?

YANG BERHORMAT ENCIK TOH CHIN YAW (Wakil Bandar): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Kerajaan Negeri dengan kerjasama Kerajaan Persekutuan telah mengadakan Diesel Bersubsidi iaitu melalui Sistem Fleetcard bagi sektor pengangkutan awam yang melibatkan sebanyak 20 jenis pengangkutan awam darat dan juga dengan memberi subsidi diesel kepada nelayan bagi sektor perikanan.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Soalan tambahan yang ketiga Dato' Yang Dipertua .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Soalan tambahan yang ketiga?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Ya. Adakah kerajaan sedar terdapat pihak-pihak tertentu mengambil kesempatan daripada isu kenaikan harga minyak ini dengan menyebarkan fitnah kepada rakyat dengan menyelewengkan kedudukan yang sebenarnya. Apakah tindakan yang akan diambil?

YANG BERHORMAT ENCIK TOH CHIN YAW (Wakil Bandar): Dato' Yang Dipertua, memang kita sedar ada golongan-golongan yang mengambil kesempatan untuk memfitnah kerajaan seperti ada orang yang mengambil kesempatan ini dengan menaikkan harga tapi Kerajaan telah melalui Penguatkuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal

Ehwal Pengguna Negeri untuk memantau keadaan dan memberi nasihat kepada peniaga-peniaga. Dan bagi mereka yang memfitnah kerajaan kita, dinasihatkan mereka biarlah pandangan kenaikan harga minyak ini dengan pandangan yang positif, biarlah kita menggalakkan rakyat bekerjasama mengatasi kenaikan harga minyak ini.

YANG BERHORMAT DATO' SERI HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG (Wakil Rhu Rendang): Dato' Yang Dipertua, boleh satu soalan tambahan, Dato' Yang Dipertua?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Hanya 3 soalan tambahan. Dipersilakan Yang Berhormat Wakil Kemasik mengemukakan soalan seterusnya.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan yang kedua -

> *Kerajaan Negeri telah melakukan pemutihan rakyat termiskin di negeri ini. Sila nyatakan jumlah terkini golongan berkenaan mengikut daerah.'*

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat, para-para Pemerhati yang dihormati sekalian. Wakil Kemasik ingin mengetahui berkenaan dengan pemutihan rakyat termiskin di negeri ini dan jumlahnya mengikut daerah. Daripada apa yang telah kita banci yang dilaksanakan di bawah UPEN, Kerajaan Negeri telah menemui ataupun telah membanci dan mendaftar sebanyak 21,822 orang keluarga termiskin di seluruh negeri. Kalau diagihkan mengikut daerah, di Kuala Terengganu sejumlah 5,623 iaitu yang termiskin 4,713, manakala yang miskin Cuma 910. Di Daerah Besut 3,165 jumlah keseluruhan, yang termiskin 1,624 dan yang miskin 1,541. Di Daerah Kemaman pula, jumlah mereka yang termiskin ialah 1,502 keluarga, yang miskin 1,020 keluarga, jumlah keseluruhan ialah 2,522 keluarga. Di Daerah Dungun yang termiskin 1,875, yang miskin 932 dan jumlah keseluruhan ialah 2,807. Hulu Terengganu yang termiskin 2,116, yang miskin 1,035, jumlah keseluruhan ialah 3,151. Manakala di Daerah Marang yang termiskin 1,413, yang miskin 814, jumlah keseluruhan 2,227. Dan akhir sekali di Daerah Setiu yang termiskin 1,080 keluarga, yang miskin 1,247 keluarga dan jumlah keseluruhan antara yang miskin dan termiskian ialah 2,327 keluarga. Ini berdasarkan kepada Paras Garis Kemiskinan (PGK) lama yang mana yang miskin, mereka yang berpendapatan RM529.00 dan ke bawah dan yang termiskin mereka yang berpendapatan ataupun PGK (Paras Garis Kemiskinan) sebanyak RM264.00. Dan data-data tadi ia adalah data yang dinamik yang boleh dikeluarkan dan boleh dimasukkan data-data baru untuk mempastikan bahawa golongan yang termiskin di negeri ini terbela dan dibela oleh pihak kerajaan. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Soalan tambahan Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua – Apakah usaha-usaha yang dilakukan oleh kerajaan bagi mengatasi masalah kemiskinan ini?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, setelah kita memenangi Pilihan Raya 2004 yang lalu, tugas utama pihak Kerajaan Negeri Islam Hadhari Terengganu Bestari adalah tidak lain tidak bukan memperkasakan pendidikan dan berusaha sedaya upaya untuk mempastikan tidak ada lagi golongan yang miskin dan termiskin di negeri ini. Lantaran itu, sikap proaktif yang kita ambil ialah mendaftar menggunakan JKKK, Pejabat Daerah dan pemimpin-pemimpin masyarakat termasuk Ahli-ahli Yang Berhormat untuk mengenal pasti golongan-golongan yang miskin ini agar segala tindakan yang akan kita laksanakan nanti terus menjurus kepada mereka yang layak ataupun wajar menerimanya. Antara program-program yang telah kita laksanakan untuk pastikan golongan ini terkeluar daripada golongan miskin ialah memberi pendidikan kepada anak-anak yang mana anak-anak keluarga yang miskin dan termiskin ini kita utamakan dalam kursus-kursus kemahiran yang mana kemahiran-kemahiran yang kita beri ialah kemahiran yang mempunyai *'job guarantee'* dengan izin Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua iaitu yang mempunyai jaminan pekerjaan. Kita hantar mereka berkursus di kursus-kursus yang mempastikan apabila mereka selesai daripada kursus-kursus yang mereka hadiri mereka terus mendapat pekerjaan. Dan di samping itu, kita memberi kursus-kursus kepada Ketua Keluarga/Ketua Isi Rumah agar mereka mengubah minda kerana apa yang saya nampak dan pengalaman kita selama dua tahun kita diberi amanah mentadbir negeri bahawa kemiskinan ini cuma mampu dihapuskan dengan perubahan minda. Kadang-kadang pendapatan mereka ini banyak tetapi oleh kerana pengurusan kewangan mereka, keutamaan mereka tidak tahu di mana *priority* dan sebagainya menyebabkan mereka tinggal miskin. Lantaran itu, peruntukan yang banyak kita berikan untuk pastikan mereka ini terkeluar daripada belenggu kemiskinan ini dan kita tahu bahawa Nabi bersabda (yang bermaksud) – "Sesungguhnya kekufuran itu hampir bagi mereka-mereka yang miskin." Terima kasih, Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT ENCIK NAWI BIN MOHAMAD (Wakil Hulu Besut): Soalan tambahan Yang Dipertua – Tahun bilakah data yang diperolehi oleh kerajaan kerana di Besut ini agak terlalu banyak apabila diberitahu 3,165 orang yang miskin. Untuk makluman Yang Berhormat Kemasik semenjak kenaikan harga minyak kalau dulunya penoreh getah, torehan sehariannya pendapatan mereka lebih kurang RM10.00 hingga RM15.00 tapi apabila minyak dinaikkan 30 sen sekarang ini penoreh getah yang ada tanah 6 ekar boleh mencapai sehingga RM200.00 satu hari, lebih kurang RM4,000.00 sebulan kalau dia milik tanah sendiri. Jadi pada saya kalau dibuat kajian sekarang jumlah kemiskinan ini mungkin berkurangan.

YANG BERBHORMAT DATO' HAJI ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Terima kasih Wakil daripada Hulu Besut, mungkin ramai orang yang menoreh getah di kawasan Hulu Besut ini. Alhamdulillah dengan rezeki yang bertambah yang diberikan oleh Allah S.W.T. dengan kenaikan harga minyak, sawit dan juga harga getah. Jadi apa yang kita dapati ini data yang diperolehi sehingga Februari 2006 dan kita sentiasa berubah kerana kita ada miskin yang termiskin dan ada miskin relatif. Maksud yang dikatakan oleh Wakil Hulu Besut ialah miskin relatif. Hari ini minyak naik, getah naik, kemiskinan itu mungkin berkurangan tapi mungkin suatu masa nanti kita harap-harap tidak berlakulah inysaAllah, bila harga getah turun, minyak sawit turun maka mereka akan jadi miskin, ini dikatakan miskin relatif. Jadi jika banci dibuat sekarang ramai daripada golongan ini akan terkeluar daripada belenggu kemiskinan, insyaAllah. Terima kasih, Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Soalan tambahan Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua - Semenjak Kerajaan Barisan Nasional mengambil alih pemerintahan Negeri Terengganu, berapa buah rumahkah, rumah PPRT rakyat termiskin yang dibina oleh kerajaan sehingga hari ini?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, berkenaan dengan jumlah rumah PPRT yang telah dibina terlalu banyak. Tahun lepas kita telahpun mengeluarkan peruntukan sebanyak 40 buah rumah satu DUN untuk kita baiki dan 50 buah untuk dibina baru. Tahun ini ditambah lagi daripada 40 menjadi 60 dan begitu juga dengan pembinaan ataupun membaiki rumah-rumah yang rosak ataupun rumah-rumah yang uzur. Jadi ini menunjukkan kesungguhan pihak kerajaan dalam mempastikan bahawa tidak ada lagi rumah-rumah yang miskin, rumah-rumah yang teruk ataupun rumah-rumah yang tidak layak didiami oleh orang-orang, masyarakat di Negeri Terengganu ini didiami oleh orang-orang kita. Lantaran itu, kerajaan berbelanja hampir RM30 juta untuk pastikan hasrat dan cita-cita ini tercapai cuma kita berharap sokongan, dokongan dan juga keprihatinan daripada pimpinan daripada masyarakat di kampung termasuk JKKK, Ahli-ahli Yang Berhormat dan pemimpin-pemimpin masyarakat untuk memaklumkan kepada kita jumlah dan mereka yang layak untuk menerima bantuan-bantuan ini. Dan dengan adanya data yang dikumpulkan oleh UPEN ini insyaAllah akan lebih memudahkan lagi kerja-kerja kita untuk pastikan bahawa masyarakat yang perlu dibela akan dibela tanpa melihat ataupun tanpa mengambil kira fahaman politik dan sebagainya. Kita akan membela selagi dia rakyat Terengganu, apa yang baik untuk rakyat maka baiklah untuk kita, insyaAllah. Terima kasih, Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT HAJI AHMAD KAMAL BIN ABDULLAH (Wakil Sura): Dato' Yang Dipertua, pohon penjelasan .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sila duduk Yang Berhormat. Saya persilakan Yang Berhormat Wakil Bukit Tunggal mengemukakan soalan.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHD NASIR BIN IBRAHIM @ IBRAHIM FIKRI (Wakil Bukit Tunggal): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan yang pertama -

Apakah perancangan kerajaan untuk memastikan persiapan Monsoon Cup 2006 akan berjalan dengan lebih mantap lagi?

YANG BERHORMAT HAJI WAN HISHAM BIN WAN SALLEH (Wakil Bandar): Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Wakil daripada Bukit Tunggal ingin bertanya apakah perancangan kerajaan untuk memastikan persiapan Monsoon Cup 2006 akan berjalan dengan lebih mantap lagi.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, alhamdulillah Monsoon Cup 2005 telah dilaksanakan dengan jayanya walaupun diberi tempoh yang begitu pendek iaitu selama 4 bulan. Tetapi di dalam kejayaan itu pastinya ada juga kelemahan-kelemahan dan untuk mempastikan tahun 2006 ini, Monsoon Cup berjalan lancar kerajaan telahpun membuat kajian *'feedback'*

yang telah dibuat untuk mempastikan Monsoon Cup ini mendapat manfaat dengan sepenuhnya oleh rakyat Negeri Terengganu dan oleh Negeri Terengganu. Kajian yang dibuat oleh T-Best dan juga kajian yang dibuat oleh Sea Resources Management Sdn. Bhd. melalui Terengganu Development Institute. Dan hasil daripada kajian-kajian tersebut kita telah merencanakan program untuk mempastikan program Monsoon Cup 2006 ini berjalan lancar. Sebab itulah mesyuarat pertama Jawatankuasa Pemandu telah diadakan pada 12hb. 4, kita telah menetapkan tarikh Monsoon Cup lebih awal iaitu pada 8hb. 3, baru-baru ini dan beberapa perancangan-perancangan telah dibuat untuk mempastikan ianya berjalan lebih lancar dan supaya segala kelemahan-kelemahan yang berlaku pada tahun 2005 itu dapat diatasi. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHD NASIR BIN IBRAHIM @ IBRAHIM FIKRI (Wakil Bukit Tunggal): Dato' Yang Dipertua, soalan tambahan – Apakah peluang-peluang yang boleh diberikan kepada usahawan-usahawan tempatan untuk terlibat sama di dalam menjayakan Monsoon Cup 2006 sebagaimana yang dirancangkan oleh kerajaan pada tahun 2006?

YANG BERHORMAT HAJI WAN HISHAM BIN WAN SALLEH (Wakil Bandar): Dato' Yang Dipertua, antara perkara yang dirancangkan oleh Jawatankuasa Pemandu dan juga pihak penganjur ialah dari segi *merchandising.* Mulai tahun ini pihak penganjur iaitu T-Best Events tidak lagi membuat *merchandising* tetapi akan diberi lesen oleh usahawan-usahawan tempatan untuk mereka mengeluarkan *merchandise-merchandise* Monsoon Cup itu. Hak ini diberi oleh T-Best kepada mereka-mereka yang berminat untuk mengeluarkan *merchandise* Monsoon Cup ini dengan bayaran yang begitu minimum sebab kita tidak mahu ada limpahan daripada negara-negara jiran dengan membawa barang-barang tiruan. Sebab itu ini adalah salah satu usaha yang dibuat. Selain daripada itu beberapa usaha lagi yang dibuat untuk mempastikan usahawan-usahawan tempatan dapat hasil daripada program Monsoon Cup ini. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHD NASIR BIN IBRAHIM @ IBRAHIM FIKRI (Wakil Bukit Tunggal): Dato' Yang Dipertua, soalan tambahan – Apakah jaminan kerajaan Negeri agar setiap kesulitan yang dan permasalahan penganjuran Monsoon Cup 2005 tidak berulang dan penganjuran Monsoon Cup yang kedua pada tahun 2006?

YANG BERHORMAT HAJI WAN HISHAM BIN WAN SALLEH (Wakil Bandar): Dato' Yang Dipertua, di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu pada 12hb. April baru-baru ini, pihak penganjur T-Best dan juga pihak kerajaan telah mengenal pasti tugas masing-masing. Tahun lepas kekalutan berlaku apabila keghairahan kita untuk menjayakannya, maka sebab itulah ada kesulitan yang timbul. Tetapi hari ini, sekarang ini, kita telahpun mengenal pasti tugas masing-masing dan dengan cara itu lebih mudah untuk kita menganjurkan program ini. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHD NASIR BIN IBRAHIM @ IBRAHIM FIKRI (Wakil Bukit Tunggal): Terima kasih, Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Wakil Alur Limbat untuk mengemukakan soalan.

YANG BERHORMAT ENCIK ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): Terima kasih. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan saya yang pertama dalam senarai -

> *Sila nyatakan langkah persediaan kerajaan Negeri Terengganu dalam menangani masalah kehabisan sumber petroleum daripada khazanah Negeri Terengganu?*

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMED BIN AWANG TERA (Wakil Cukai): Bismillahirrahmanirrahim. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Yang Berhormat Wakil Alur Limbat bertanya berkenaan dengan langkah kerajaan untuk menangani masalah kehabisan sumber petroleum. Jadi menyedari hakikat bahawa sumber petroleum ini tidak akan kekal selama-lamanya, kerajaan Negeri juga telah membuat persiapan/perancangan bagi mengatasi masalah ini. Antara lain langkah yang kerajaan ambil ialah untuk mengalih penggantungan kerajaan terhadap hasil petroleum ini yang dijangka akan dapat bertahan lebih kurang sekitar 20 hingga 25 tahun sahaja lagi. Antara lain, kerajaan Negeri juga akan memberi penekanan kepada 3 sektor utama iaitu sektor pelancongan, pembuatan dan juga pertanian. Ketiga-tiga sektor ini mempunyai potensi yang agak tinggi untuk dikembangkan kerana sumbangan masing-masing kepada KDNK negeri sekarang ini masih agak kecil. Dalam bidang pelancongan misalnya kita akan promosikan dan mempertahankan elemen kecantikan alam semulajadi, keunikan tradisi dan warisan kita, sebagai daya tarikan yang dikira boleh bertahan lebih lama lagi daripada hasil minyak petroleum. Begitu juga dengan sektor pertanian, kerajaan juga akan memberi penekanan kepada sektor ini seperti pengeluaran hasil-hasil pertanian yang berterusan termasuklah kelapa sawit, ikan air tawar dan juga tanaman kontan. Tanaman-tanaman ini boleh membantu rakyat secara berterusan dan menjadi pilihan oleh kerajaan sepertimana yang kita janjikan pada tahun ini sebagai Tahun Pertanian Negeri. Sektor pembuatan juga mampu menjadi satu sektor yang boleh menjanakan pendapatan kepada Kerajaan Negeri dan untuk itu sektor ini yang khususnya menjadi sektor yang melibatkan seperti petroleum hiliran, pemesinan logam, dan juga sumber-sumber asli yang lain seperti granite, silica dan tanah liat juga akan diberi penekanan untuk memberi sumber pendapatan yang lebih kepada kerajaan selepas ini.

Selain daripada itu Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, kerajaan juga memberi penekanan dengan/akan menubuhkan satu lagi agensi yang kita namakan Terengganu Inc. untuk mengendalikan pelaburan pelaburan Kerajaan Negeri yang sekarang ini masih dilaksanakan oleh berbagai agensi kerajaan dan kita akan sepadukan semua pelaburan Kerajaan Negeri ini untuk pastikan lanya memberi pendapatan dan pulangan yang lebih besar kepada Kerajaan Negeri. Terima kasih.

YANG BERHORMAT ENCIK ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan tambahan, boleh kah?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA Sila, Wakil Manir.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, apakah sehingga hari ini Kerajaan Negeri Terengganu masih menikmati hasil petroleum dan gas ini?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMED BIN AWANG TERA (Wakil Cukai): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, sehingga hari ini Kerajaan Negeri masih menikmati hasil daripada petroleum.

YANG BERHORMAT ENCIK ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan tambahan – Apakah pernah ada Kerajaan BN sebelum era kerajaan 2000 – 2004 menabung wang di dalam mana-mana institusi-institusi kerajaan bagi kegunaan generasi masa depan rakyat Negeri Terengganu terutama selepas negeri kehabisan sumber petroleum?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMED BIN AWANG TERA (Wakil Cukai): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Kerajaan Negeri memang ada mempunyai satu tabung yang kita panggil Tabung Amanah Warisan Negeri Terengganu. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI ASHA'ARI BIN IDRIS (Wakil Langkap): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan tambahan – Semasa Pas memerintah Terengganu ada dibuat pengumuman bahawa kerajaan sudah menjumpai minyak di daratan. Bila lagi kita nak korek minyak ini?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMED BIN AWANG TERA (Wakil Cukai): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya rasa tunggu Pas perintah dululah. Setakat ini belum adalah minyak di atas darat ni, stesyen adalah.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sila Yang Berhormat Wakil Alur Limbat mengemukakan soalan seterusnya.

YANG BERHORMAT ENCIK ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): Terima kasih, Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua soalan saya yang kedua dalam senarai.

Apakah status saman pihak SKKPJ terhadap Kerajaan Negeri Terengganu dalam isu Hutan Simpan Tembat dan Petuang?

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan Yang Berhormat daripada Alur Limbat ialah berhubung dengan status saman SKKPJ terhadap Kerajaan Negeri Terengganu.

Sukacita dinyatakan sekarang ini kes ini berada di mahkamah dan perbicaraannya akan diadakan pada 23hb. April nanti. Saya tidak berhajat untuk menghurai kes ini kerana ianya bersifat *subjudice* kepada kes yang akan dibicarakan.

YANG BERHORMAT ENCIK ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Wakil Rhu Rendang mengemukakan soalan.

YANG BERHORMAT DATO' SERI HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG (Wakil Rhu Rendang): Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan yang pertama -

> *Adakah kerajaan bercadang untuk membatalkan dan mengambil balik semua tanah yang diluluskan semasa Kerajaan Barisan Alternatif pimpinan Pas memerintah Terengganu, sepertimana yang disyorkan oleh Jawatankuasa Penelitian Pelupusan Tanah dan Harta Kerajaan Negeri Terengganu (Januari 2000 – Mac 2004)?*

YANG BERHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, salam sejahtera. Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat, para Pemerhati sekalian. Pertamanya, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Wakil Rhu Rendang sebagai Menteri Besar ketika itu kerana cekap mengambil kesempatan untuk kepentingan Parti Pas dan pengikut-pengikutnya ketika itu dengan memberikan tanah tanah kerajaan yang bernilai tinggi dan mempunyai potensi yang besar untuk diagih-agihkan kepada pengikut-pengikutnya. Antaranya ialah tanah untuk tapak bangunan pejabat di kawasan Batas Baru Bandar Kuala Terengganu, Daerah Kuala Terengganu (PTG.TR.05/15/02/0031), mengikut keputusan Mesyuarat MMKN pada 18hb. 9, 2002 - Bil.29/2002, dikeluarkan atau diluluskan kepada Koperasi Pengguna Insaf Terengganu (KOINSAF BERHAD) yang diketuai/dikuasai oleh orang Pas dengan premium tanah hanya RM340,000.00 dengan keluasan tanah 1.1516 hektar sedangkan nilai tanah semasa Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua ialah RM1.7 juta. Dan sekiranya kerajaan mengambil balik tanah ini kos semasa tanah ini bernilai RM4,851,000.00. Tahniah sekali lagi Wakil Rhu Rendang.

Yang kedua, Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Persatuan Isteri-isteri Wakil Rakyat Negeri Terengganu atau dikenali dengan nama KHAIRUNISA. Tanah diluluskan oleh MMKN pada 19hb. 2, 2003 – Bil.7/2003, kegunaan - 'Bangunan', lokasi – Jalan Sultan Omar, Kuala Terengganu. Premium tanah dibayar ketika itu RM156,960.00, nilai tanah semasa RM1,569,600.00. Sekali lagi tahniah.

Yang ketiga, Koperasi Khidmat Batu Burok, Kuala Terengganu diluluskan pada 27hb. 3, 2003. Keluasan tanah 325 meter persegi HS(M) 715, 'Bangunan', Tok Adis Fasa III, Kuala Ibai. Premium yang dibayar cuma RM22,000.00, anggaran kos semasa melebihi RM2 juta.

Oleh itu, Kerajaan Negeri berpendapat ada tanah-tanah tersebut yang perlu diambil balik demi kepentingan umum. Contohnya, tanah yang diberikan kepada Koperasi KOINSAF yang dulu diberikan kepada Yayasan Pembangunan Keluarga dan ianya untuk kepentingan kerajaan, pembangunan pada masa depan. Dan tidak semua tanah-tanah ini akan diambil balik berasaskan kepada keperluan kerajaan semasa. Terima kasih, Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' SERI HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG (Wakil Rhu Rendang): Dato' Yang Dipertua, soalan tambahan – Oleh kerana dalam masa pemerintahan penggal yang lalu kita telah diluluskan beberapa Geran Hakmilik kepada beribu-ribu orang. Di antaranya ialah penyokong-penyokong kuat Umno yang tinggal di kawasan Felda yang telah diberi geran kepada mereka dan ada di antara mereka yang belum mendapat geran tetapi telah diteroka. Oleh kerana kerajaan yang lalu berpandukan kepada syariat apa yang disebut oleh Nabi S.A.W. (yang bermaksud) – "Sesiapa yang menghidupkan bumi yang mati maka menjadi milik". Ada di antaranya mereka yang telah menghidupkan bumi yang mati sama ada dengan mendirikan rumah ataupun bercucuk tanam, apakah rasional mengikut hukum syara' maka ada di kalangan mereka yang telah diroboh rumah-rumah dan dirampas dengan begitu rupa?

YANG BERHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, terima kasih kepada Wakil Rhu Rendang. Bila giliran orang dia baca ayat itu, bila giliran dia, dia baca ayat lain ..... (Tepukan Sokongan) .....

Masa zaman Pas memerintah Tuan Guru sendiri merobohkan tanah dan pokok di Setiu. Gambar ada dikeluarkan oleh Harakah, ini diterokai oleh orang, ini ikut syariat ke dok? Sebab itulah saya kata, kita jangan nampak kuman di lautan gajah di tepi mata kita tak nampak. Dato' Yang Dipertua, adalah menjadi hasrat kerajaan memberikan tanah-tanah bukan sahaja di zaman Pas, zaman Pas perintah 4 tahun sahaja. BN memerintah sejak tahun '55 sehinggalah tahun 1999, 44 tahun kita perintah. Jadi maknanya tanah yang diagihkan oleh BN, Barisan Nasional/Perikatan ketika itu lebih banyak daripada apa yang diberikan oleh Pas. Jadi janganlah berkokok berlegar-legar kaki penuh bergelumang tahi, Dato' Yang Dipertua. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' SERI HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG (Wakil Rhu Rendang): Dato' Yang Dipertua, soalan saya tidak dijawab. Perlu dijawab soalan saya, apakah rasionalnya maka diroboh rumah-rumah yang telah dibina di atas tanah. Yang kedua, Yang Berhormat hendak mengulang kembali senario lakonan di Setiu. Tanah yang sedang dirancang oleh pihak Pejabat Tanah/Daerah yang sedang digali parit di mana Parti Umno masa itu telah menggunakan JKKK, JKKK ini adalah bercanggah dengan Perlembagaan iaitu bidang kuasa negeri, telah menanam pokok-pokok kelapa sawit yang besar dalam masa 7 hari. Dalam masa beberapa hari kelapa sawit itu sudah besar yang ditanam maka pihak Pejabat Tanah telah mengambil tindakan mencabut semula kerana itu termasuk di dalam perancangan nak diberi kepada orang kampung yang miskin. Ini satu lakonan yang sangat menarik Tuan Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Dato' Yang Dipertua, saya sedih sebagai tokoh ugama yang dihormati bercakap bohong di Dewan yang mulia ini. Adakah Wakil Rakyat sanggup bersumpah Al-Quran bahawa pokok ini ditanam dalam tempoh 7 hari sedangkan gambar dikeluarkan oleh surat khabar Harakah sendiri menyatakan Tuan Guru turun padang melihat projek tanah haram. Jangan main-main, nak sumpah Al-Quran ke tidak ni? Hah! kita bercakap orang Islam ni.

YANG BERHORMAT DATO' SERI HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG (Wakil Rhu Rendang): Tuan Yang Dipertua, itu jahil, Islam tidak bersumpah dengan Al-Quran.

YANG BERHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Haa, takut dah .....

YANG BERHORMAT DATO' SERI HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG (Wakil Rhu Rendang): Sumpah Al-Quran ini dengan menyebut nama Tuhan, itu menunjukkan Yang Berhormat ini bebal dalam masalah hukum .....

YANG BERHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Bukan masalah bebal, Dato' Yang Dipertua, kita sebagai seorang Islam .....

YANG BERHORMAT DATO' SERI HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG (Wakil Rhu Rendang): Itu Kristian dia bersumpah dengan Bible. Orang Islam bersumpah dengan nama Tuhan.

YANG BERHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Betullah nama dengan nama Tuhan tetapi dengan Al-Quran, janganlah berbohong, Tuan Yang Dipertua. Ini bercakap di depan pegawai, depan Pemerhati, kita orang Islam tokoh ugama, ulama yang terkenal jangan berbohong dengan rakyat. Okey, kalau tak mahu bersumpah depan Al-Quran, kita bersumpah dengan nama Tuhan, boleh, sanggup?

YANG BERHORMAT DATO' SERI HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG (Wakil Rhu Rendang): Boleh, boleh.

YANG BERHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Boleh, silakan lepas pada ni.

YANG BERHORMAT DATO' SERI HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG (Wakil Rhu Rendang): Sila.

YANG BERHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Jangan bohong.

YANG BERHORMAT DATO' SERI HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG (Wakil Rhu Rendang): Di luar Dewan, boleh diatur.

YANG BERHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Boleh, okey, takdok masalah.

YANG BERHORMAT DATO' SERI HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG (Wakil Rhu Rendang): Ya, ya.

YANG BERHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Selalu, tak apa .... (Dewan Gelak) ..... Dato' Yang Dipertua, kita melihat bahawa atas kepentingan suatu tanah itu walaupun kata kita, tanah, tanah kerajaan dia mesti mendapat kelulusan kerajaan. Lagi syariat sendiripun mesti mendapat kebenaran daripada pemimpin, daripada tuan punya tanah, dia sebagai pemerintah. Betullah undang-undang tanah kata dari segi Islam, sesiapa yang telah usahakan tanah selama 3 tahun berturut-turut kita boleh keluarkan Hakmilik, kitapun ikut peraturan Islam jugak, undang-undang kita 3 tahun berturut-turut kalau diusahakan. Kita tahu bukan Tuan Guru sahaja yang belajar, sayapun belajar tanah jugak. Tuan Guru tak pernah sain geran, saya sain geran. Saya tahu undang-undang tanah, lebih tahu daripada Tuan Guru. Sebab itu saya kata, maknanya dasar kerajaan jelas. Kita

memberi tanah kepada mereka yang benar-benar teroka dan kita beri secara terbuka. Kita isytihar kepada rakyat apa itu tanah haram, tanah yang diteroka sebelum tahun 1980, mesti ada imarah di dalamnya. Permohonan hendaklah dibuat tidak lewat 31.12.1999, ada Akuan Bersumpah. Lepas habis tahun '80, kita berjalan tahun '90 sebab itu sekarang ini bila habis tahun 1980, kita buka tanah dasar tanah yang baru. Tanah-tanah yang diteroka sehingga tahun 1990. Ini dasar kita, bukan macam Pas tipu rakyat, suruh rakyat isi borang, bayar RM10.00 tanah tak tahu ke mana. *Collect* beratus ribu, berjuta ringgit tetapi tanah tak tahu, akhirnya *tohok* dalam tong sampah. Ini hakikatnya, biar kita jelas kepada rakyat, apa dia dasar tanah kita, apa budi bicaranya bukan kita nak main politik untuk masa depan. Okey, oleh kerana Pas merasakan ia memang bukan kerana kuat kerana kes Anuar Ibrahim, kerana kes lain, maka cara untuk menang untuk agih tanah sahaja, itu isu yang dia ada. Sebab itulah lepas dia menang, bahagi tanah semacam, suruh orang ukur, akhirnya tanah tak dapat, duit habis. Ini penipuan, Dato' Yang Dipertua. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' SERI HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG (Wakil Rhu Rendang): Soalan tambahan, Dato' Yang Dipertua – Adakah termasuk yang hendak dibatalkan itu tanah-tanah yang telah diberi geran di Rancangan-rancangan Felda dan kampung-kampung baru?

YANG BERHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Dato' Yang Dipertua, ini saya kata dia tak faham undang-undang tanah. Kalau tanah itu ada Hakmilik, kalau kerajaan perlukan tanah itu nak ambil balik, kena ambil balik. Kita bicara dan bayar harga semasa sama ada menggunakan Penilai kerajaan ataupun Penilai swasta. Bila tak puas hati, bawa ke mahkamah tinggi yang memutuskan berapa harganya. Nak rampas guana tak boleh kalau ada geran. Ini tak fahamnya Dato' Yang Dipertua. Susah sungguh, haa..... payah bercakap dengan orang yang tak reti undang-undang tanah Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua – Ada kes tanah rakyat dia rampas begitu saja sampai sekarang tak bayar lagi. Rampas begitu saja buat projek.

YANG BERHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Khabarlah Dato' Yang Dipertua, dia boleh saman kerajaan. Kita kerajaan berdemokrasi, ada hak. Dia ada hak. Okey kalau kerajaan rampas boleh bawa ke mahkamah, saman kerajaan bukan payah. Jangan cakap dalam Dewan ini, ada-ada saja. Khabar lot nombor berapa, kita siasat, kita perlu ambil balik. Kadang-kadang kemungkinan tuan tanah beri hak masuk dulu, ambil balik kemudian, ada banyak berlaku. Jalan-jalan kampung semua beri kebenaran *'conscent'* dengan izin, Tuan Yang Dipertua. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Saya *refer* kepada projek di Gaung Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua .....

YANG BERHORMAT ENCIK MOHD ZAWAWI BIN HAJI ISMAIL (Wakil Kuala Berang): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, berapa soalan dah ni, tigakan, berapa soalan dah ni, cukuplah.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Saya tak tahu, Yang Dipertua, di sana ke, sini Yang Dipertua ni?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Duduk, Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Dato' Yang Dipertua, betullah apa yang saya kata tadi, kes Kampung Gaung kebenaran masuk diperolehi oleh tuan tanah dan bayaran pengambilan balik telah berlaku/dibuat kemudian. Takdok masalah, tidak timbul soal rampas. Kebenaran masuk dahulu ada di dalam Undang-undang Tanah, kebenaran masuk diberikan. Baca jugak Undang-undang Tanah, tidak kerja di Pejabat Tanah Dato' Yang Dipertua ni.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Dato' Yang Dipertua, masuk t.v., tuan tanah mengamuk, kebenaran tuan tanah tak bagi, sampai sekarang tak dapat. Macam mana ni, cakap apa menipu begini ni.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Duduk Yang Berhormat, ini bukan masa .....

YANG BERHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Tak tipu, bayar belaka dah setengah tu, tengah bicara dah di mahkamah.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Tak bayar lagi Dato' Yang Dipertua. Ini menipu ini, tak bayar lagi. Masih di peringkat baru kira-kira nak bayar.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat, ini bukan masa perbahasan .....

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Nampak dia main kasar pagi-pagi Yang Dipertua, sayapun .....

YANG BERHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Tak, Dato' Yang Dipertua, saya nak beri penjelasan, dia jugak kata dia faham Undang-undang Tanah. Kita kata nak ambil balik, kita ambil balikiah, dia boleh bawa ke mahkamah dan sebagainya. Kita nak bayar, proses nak bayarlah maknanya .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Okey, terima kasih Yang Berhormat .....

YANG BERHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Tipu guana? Kita kenal dia, Allah ..... halus sangat.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Saya persilakan Yang Berhormat Wakil Rhu Rendang untuk mengemukakan soalan seterusnya.

YANG BERHORMAT DATO' SERI HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG (Wakil Rhu Rendang): Tuan Yang Dipertua, soalan yang kedua -

Sila nyatakan statistik terkini jumlah nelayan mengikut pecahan daerah serta peratus kadar kemiskinan nelayan di negeri ini?

YANG BERHORMAT DATUK HAJI MOHD JIDIN BIN SHAFEE (Wakil Permaisuri): Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Dato' Yang Dipertua, soalan yang dikehendaki, yang ingin tahu daripada Wakil Rhu Rendang mengenai statistik ataupun jumlah nelayan mengikut pecahan daerah di Negeri Terengganu. Sukacita saya memaklumkan bahawa pecahan nelayan mengikut daerah adalah seperti berikut:

Daerah	Bilangan Nelayan
Besut	2,437 orang
Setiu	633 orang
Kuala Terengganu	2,196 orang
Marang	994 orang
Dungun	988 orang
Kemaman	1,232 orang
Hulu Terengganu	- Tiada –

Dan perkara kedua yang hendak diketahuinya ialah kadar peratus kemiskinan. Kadar peratus kemiskinan nelayan di Terengganu secara puratanya ialah 7.85 peratus. Sekian.

YANG BERHORMAT DATO' SERI HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG (Wakil Rhu Rendang): Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan – Oleh kerana nelayan-nelayan kecil, sudah tentu mereka yang miskin ini terdiri daripada nelayan-nelayan kecil dan di sana ada ancaman kepada kehidupan mereka melalui di laut nelayan-nelayan yang lebih besar yang mengancam pendapatan mereka melalui usaha-usaha yang memupuskan benih-benih perikanan di negara kita melalui pukat tunda dan melalui pencerobohan terhadap unjam-unjam. Yang kedua, ancaman di darat iaitulah melalui 'orang tengah' yang memainkan harga yang tidak boleh membantu nelayan-nelayan kecil yang miskin ini. Sejauh mana langkah yang diambil oleh kerajaan dan apakah langkah yang diambil di dalam menangani masalah ini?

YANG BERHORMAT DATUK HAJI MOHD JIDIN BIN SHAFEE (Wakil Permaisuri): Dato' Yang Dipertua, nelayan-nelayan yang kecil ini memanglah kita jaga dengan begitu rupa dan peraturan-peraturan kita telah ada, kalau yang salah kita tangkap, yang susah kita bantu. Saya rasanya tidak ada masalah yang timbul melainkan kita hanya sekadar meneruskan perjuangan bagi menentukan bahawa nelayan-nelayan kecil ini terus terbela. Dan saya juga yakin bahawa Kerajaan Barisan Nasional tetap dan pasti merupakan sebuah kerajaan yang terbaik kalau berbanding dengan Kerajaan Pas yang dulu. Sebagai contoh, kita telah melihat satu gambar di Cabang Tiga, saya tidak tahu sama ada dia ini Menteri Besar Pas ke atau siapa yang memikul jala dan pakai terendak. Tetapi ada satu lagi gambar yang saya rasanya Menteri Besar sekarang yang pakai terendak dan mengayuh beca. Yang memikul

jala tidak pernahpun memberi jala kepada nelayan tetapi yang mengayuh beca, memberi beca kepada penarik beca ..... (Tepukan sokongan) ..... Itu merupakan satu tanggungjawab yang sudah kita pastikan bahawa kita sentiasa melihat kepada yang susah untuk dibantu.

YANG BERHORMAT DATO' SERI HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG (Wakil Rhu Rendang): Soalan tambahan Yang Dipertua – Di dalam menangani masalah kemiskinan termasuk nelayan, Terengganu yang dapat royalti petroleum dalam masa hampir 40 tahun dan menjadi hampir negeri yang kedua dari segi kekayaan hasil di Malaysia, tiba-tiba peratus kemiskinan ialah nombor dua di Malaysia. Dalam masa tahun 2000 sehingga 2003 mengikut statistik yang dikeluarkan oleh pihak Pusat, kemiskinan telah berjaya diturunkan kepada nombor tiga. Dalam membantu nelayan ini kita perlu bukan sahaja bantu wang dan benda atau subsidi termasuklah membantu dari segi pembangunan manusia, kesedaran kepada mereka. Sejauh mana akhir-akhir ini kejayaan kerajaan dapat menurunkan kadar kemiskinan, bolehkah Yang Berhormat memberitahu peratus penurunan sejak tahun 2004 sehingga 2006?

YANG BERHORMAT DATUK HAJI MOHD JIDIN BIN SHAFEE (Wakil Permaisuri): Dato' Yang Dipertua, soalan Wakil Rhu Rendang mengenai kemiskinan, kalau kita nak menjawab soal kemiskinan kita jugak ada Exco kemiskinan yang boleh menjawabnya tapi sebagai di bawah portfolio saya, sukacita saya maklumkan bahawa nelayan-nelayan ini banyak dibantu seperti program yang telah kita laksanakan termasuklah Program Asuhan Benih Ikan Dalam Tangki, ini juga bagi membantu nelayan yang sebahagian besar tidak dapat pergi ke laut kerana gelora dan juga ribut. Selain daripada itu, program penjanaan dan pendapatan nelayan juga seperti Ternakan Ikan Dalam Sangkar, Asuhan Benih Ikan Laut, Bantuan Input, Makanan dan Benih, Program Khidmat Teknologi bagi membantu nelayan-nelayan yang seperti dimaklumkan. Selain daripada itu, nelayan-nelayan juga dibantu dengan projek Anak Angkat atau Bimbingan melalui pemprosesan produk perikanan yang contohnya seperti di Pengkalan Nyireh, Kuala Besut dan juga Program-program Asuhan Benih Ikan, Kampung Ikan serta Telaga Papan. Dan selain daripada itu, bagi membantu nelayan ini juga kerajaan telah mengambil langkah seperti mengadakan Pusat Inkubator. Banyak lagi program program yang sedang dilaksanakan dan saya yakin bahawa apabila program ini dapat berjalan dengan sepenuhnya tanpa gangguan daripada bencana alam, insyaAllah kadar kemiskinan akan terus menurun dan peratusnya tidak dapat diramalkan.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih, Yang Berhormat. Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Wakil Langkap untuk mengemukakan soalan.

YANG BERHORMAT HAJI ASHA'ARI BIN IDRIS (Wakil Langkap): Bismillahirrahmanirrahim. Dato' Yang Dipertua, soalan nombor 1 –

> *Kerajaan Pusat telah melancarkan Buku Hijau dengan konsep mewujudkan untuk kegunaan sendiri. Adakah Kerajaan Negeri juga berusaha melancarkannya di peringkat Negeri Terengganu dengan konsep yang sama?*

YANG BERHORMAT DATUK HAJI MOHD JIDIN BIN SHAFEE (Wakil Permaisuri): Dato' Yang Dipertua, Wakil dari Langkap ingin mengetahui sama ada kerajaan bercadang melancarkan Bumi Hijau di peringkat negeri dengan konsep yang sama?

Jawapannya ialah Kerajaan Negeri akan melancarkan konsep Bumi Hijau di Negeri Terengganu dan menggunakan konsep yang sama seperti yang telah dilancarkan di peringkat nasional.

YANG BERHORMAT HAJI ASHA'ARI BIN IDRIS (Wakil Langkap): Soalan tambahan Dato' Yang Dipertua – Kerajaan Negeri Terengganu sudah mengisytiharkan tahun 2006 sebagai Tahun Pertanian. Dari aspek apakah konsep Bumi Hijau yang dilancarkan di peringkat Persekutuan dapat membantu menjayakan Tahun Pertanian Negeri Terengganu?

YANG BERHORMAT DATUK HAJI MOHD JIDIN BIN SHAFEE (Wakil Permaisuri): Dato' Yang Dipertua, konsep Bumi Hijau ialah untuk membantu rakyat bagi menambahkan pendapatan. Konsep ini kita bahagikan kepada 3 program iaitu dengan program tanaman termasuklah sayuran daun, tumbisi dan buah. Yang keduanya, kita menternak iaitu dengan bantuan kerajaan dan dibuat sendiri dengan ternakan iaitu yang dicadangkan puyuh dan ayam kampung. Dan yang ketiga ialah konsepnya melalui akuakultur iaitu dengan memberi tangki termasuklah bantuan tangki daripada fibre dan juga tangki simen yang kita akan letakkan spesis ikan keli dan juga ikan sepat.

Selain daripada itu, Kerajaan Negeri Terengganu di bawah konsep ini akan melancarkan program ini pada 4hb. 5 nanti yang akan dirasmikan oleh Menteri Besar Negeri Terengganu yang akan dibuat di kawasan Marang iaitu di kawasan Kampung Medan Jaya.

YANG BERHORMAT HAJI ASHA'ARI BIN IDRIS (Wakil Langkap): Dato' Yang Dipertua, soalan tambahan yang kedua – Apakah program utama di bawah Bumi Hijau yang nak diberi keutamaan di Negeri Terengganu?

YANG BERHORMAT DATUK HAJI MOHD JIDIN BIN SHAFEE (Wakil Permaisuri): Dato' Yang Dipertua, ada 2 konsep. Yang pertamanya kita panggilkan *'Kitchen Garden'* iaitu dengan memberi, membantu dan menggalakkan mereka menanam di rumah. Yang kedua ialah *'Edible Lanscape'* iaitu mereka menanam secara berkomuniti.

Di rumah, penekanan akan diberi kepada jenis-jenis tanaman yang boleh digunakan untuk sara hidup seharian umpamanya kerajaan akan memberi di bawah Jabatan Pertanian akan memberi seperti contoh, lengkuas, serai, cili, betik dan sebagainya. Dan satu lagi tambahan ialah Kerajaan Negeri juga di bawah Jabatan Pertanian akan menambahkan satu lagi tanaman iaitu tanaman herba yang melibatkan ulaman dan juga perubatan.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Wakil Rantau Abang mengemukakan soalannya.

YANG BERHORMAT ENCIK ZA'ABAR BIN HAJI MOHD ADIB (Wakil Rantau Abang): Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan saya nombor 1 –

> *Adakah berapa buah masjid yang dimulakan melalui 'Dana Rakyat' semasa Kerajaan Pas dan apakah status masjid-masjid tersebut kini?*

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Wakil Rantau Abang ingin mengetahui berkenaan dengan Dana Rakyat yang dilaksanakan zaman Pas dan status pembinaan masjid-masjid yang menggunakan dana tersebut?

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, perlu dimaklumkan bahawa Kerajaan Pas sebenarnya 'lebih lajak daripada laju'. *Lajak habis reng bila berlumba dokrok setarang.* Jadi ini yang berlaku kerana daripada apa yang dijalankan sebanyak 7 buah masjid yang dirancang untuk cibina tidak ada satupun yang siap. Ada naik kerangkanya sahaja, ada naik binnya sahaja, ada hak kokok tapak saja. Jadi inilah apabila suatu benda yang 'tidak ukur baju dibadan sendiri'. Rasa nagah tetapi sebenarnya dokrok, '*dokrok cetong*' Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua. Jadi daripada apa yang dimaksudkan itu kita, Kerajaan Barisan Nasional diterajui oleh Umno yang berusaha untuk menyiapkan kesemua masjid tapi langkah yang kita ambil sekarang untuk status hari ini iaitu masjid yang dalam proses pembinaan dan hampir siap iaitu masjid di Penarik, Setiu dan juga masjid di Kampung Buluh, Hulu Terengganu. Anggaran kos yang dibelanjakan ialah RM2 juta untuk kedua-dua masjid ini. InsyaAllah, dalam masa yang terdekat ini kedua-dua masjid ini akan mampu disiapkan. Ini menunjukkan betapa hebat, betapa bergaya dan betapa berwibawanya Kerajaan Umno di bawah Barisan Nasional yang mempastikan bahawa kita cakap kita buat, kita berjanji kita tunai dan kita ingat kepada kata-kata Allah (membaca petikan Surah As-Saff ayat 2 dan 3). Terima kasih, Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT ENCIK ZA'ABAR BIN HAJI MOHD ADIB (Wakil Rantau Abang): Penjelasan Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua – Adakah kerajaan yang lepas yang dimaklumkan tadi, 7 buah masjid dimulakan oleh Dana Rakyat, satupun tak siap dan dalam perancangan dan kelulusan Bajet bagi Negeri Terengganu 2006, Kerajaan Umno/Barisan Nasional bercadang dan telah memulakan pembinaan 30 buah masjid dengan peruntukan sebanyak RM60 juta. Adakah kerajaan yang terdahulu. Kerajaan Pas yang tak dapat siap 7 buah masjid berbanding dengan Kerajaan Umno/Barisan Nasional yang akan menyiapkan 30 buah masjid dalam tempoh 2 tahun ini lebih Islamic daripada kerajaan sekarang.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua. Salah sudah. Kita tak isytihar kita ini Islam tapi apa yang kita praktik sebenarnya berlandas dan selari dengan apa yang disarankan oleh Allah S.W.T. dan Rasul untuk pastikan bahawa masjid-masjid cibina, rakyat mendapat masjid-masjid yang baik, rakyat mendapat tempat ibadat yang hebat untuk kesenangan dan keselesaan rakyat. Jadi lantaran itu, kita bukan saja buat 30 dan sehingga tahun ini kita merancang untuk 60, tahun lepas 30 tahun ini 30 jadi 60 buah masjid yang akan dibina untuk pastikan tempat-tempat ibadat umat Islam di negeri ini akan berada dalam keadaan yang cukup-cukup

memuaskan dan cukup selesa kepada mereka-mereka yang ingin ataupun mereka yang memakmurkan masjid-masjid tersebut. Ini menunjukkan betapa kita walaupun dikatakan tadi kita tidak mengisytiharkan kita sebuah ataupun kita parti Islam macam Pas dia *declare,* dia memaklumkan bahawa dia parti Islam tapi apa yang dia buat jauh daripada apa yang disyariat oleh Allah dan Rasul. Jadi ini bercanggah dan suatu perkara yang saya rasa ironi yang berlaku di dalam masyarakat kita bahawa orang yang memperjuangkan Islam tetapi bertindak tidak mengikut Islam. Tapi kita tidak isytihar Islam tapi kita yakin dan percaya apa yang kita buat sejak daripada awal dahulu sampai sekarang dan insyaAllah selama-lamanya berlandas dan tidak lari daripada apa yang dianjur yang diarah oleh Allah dan RasulNya, insyaAllah Yang Berhormat Yang Dipertua. Terima kasih.

YANG BERHORMAT ENCIK ZA'ABAR BIN HAJI MOHD ADIB (Wakil Rantau Abang): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan saya yang seterusnya – Bilakah masjid yang telah dimulakan melalui Dana Rakyat dalam kawasan saya di Serdang dapat disiapkan?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, sepatutnya soalan ini ditanya kepada orang yang sebelah sana, bila nak siap? Tetapi tak apalah oleh kerana kita ini kerajaan yang bertanggungjawab, kita kerajaan yang prihatin, kita kerajaan yang cakna, insyaAllah keperluan masyarakat di Serdang akan kita bela dan kita akan pastikan ianya akan siap dalam masa yang terdekat, insyaAllah. Terima kasih Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT ENCIK ZA'ABAR BIN HAJI MOHD ADIB (Wakil Rantau Abang): Terima kasih, Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Okey, terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Wakil Jabi mengemukakan soalannya.

YANG BERHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua Dewan, soalan 1 -

> *Apakah kerajaan bercadang untuk melabur bagi menambah mutu pengangkutan awam seperti Kuala Terengganu bagi kemudahan kakitangan kerajaan berulang alik ke tempat kerja?*

YANG BERHORMAT HAJI WAN HISHAM BIN WAN SALLEH (Wakil Ladang): Bismillahirrahmanirrahim. Dato' Yang Dipertua, Wakil daripada Jabi ingin bertanya - Apakah kerajaan bercadang untuk melabur bagi menambah mutu pengangkutan awam seperti Kuala Terengganu bagi kemudahan kakitangan kerajaan berulang alik ke tempat kerja?

Dato' Yang Dipertua, sebelum kerajaan melabur di dalam pengangkutan awam sudah pastinya kita perlu membuat kajian dan oleh kerana itu dua kajian sedang dibuat sekarang. Kajian pertama yang sedang dibuat oleh Persekutuan melalui JKR yang telah melantik RSI Consultants & Perunding Atur Sdn. Bhd. bagi menjalankan kajian sistem pengangkutan awam di Negeri Terengganu. Kajian ini bermula daripada 1 November, 2005 dan akan berakhir pada 31 Oktober 2006. Kajian kedua yang akan dibuat oleh Kerajaan Negeri

melalui sekali lagi daripada Terengganu Development Institute yang telah berunding dengan Malaysia Institute of Transport ataupun MITRANS UiTM untuk membuat Kajian Audit Pengangkutan Awam Negeri Terengganu yang mempunyai dua matlamat iaitu yang pertama untuk menyediakan perkhidmatan yang baik, *accessible, reliable* dan murah kepada masyarakat. Yang kedua, untuk menyediakan perkhidmatan yang baik yang dapat menjadi pilihan, alternatif terbaik bagi masyarakat yang mempunyai pilihan untuk memandu kenderaan sendiri. Dengan penubuhan Kumpulan Amanah Pengangkutan Awam ataupun KUAPA yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dengan peruntukan RM4.4 billion daripada Kerajaan Persekutuan hasil daripada penjimatan subsidi minyak akan Kerajaan Negeri manfaat sepenuhnya setelah kajian siap nanti. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): Dato' Yang Dipertua Dewan, pohon penjelasan – Apakah gambaran awal kedua-dua kajian tersebut?

YANG BERHORMAT HAJI WAN HISHAM BIN WAN SALLEH (Wakil Ladang): Dato' Yang Dipertua, tidak ada gambaran awal lagi.

YANG BERHORMAT ENCIK NAWI BIN MOHAMAD (Wakil Hulu Besut): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, boleh ke tidak saya nak tahu – Adakah kerajaan mempunyai perancangan untuk membina kereta api di Terengganu?

YANG BERHORMAT HAJI WAN HISHAM BIN WAN SALLEH (Wakil Ladang): Dato' Yang Dipertua, Kerajaan Negeri tidak pernah menolak apa-apa kemungkinan. Kita melihat semuanya dengan penuh minda yang terbuka dan jika sekiranya ianya memberi manfaat kepada rakyat maka kerajaan tidak akan teragak-agak untuk membuatnya. Jadi kerajaan mempunyai minda yang terbuka di dalam semua bidang. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Wakil Manir mengemukakan soalan.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat, Ahli-ahli Dewan dan hadirin-hadirat sekalian. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Soalan pertama -

> *Pakaian seragam sekolah-sekolah di Negeri Terengganu untuk tahun 2006. Berapakah jumlah peruntukannya, apa nama syarikat yang membekalnya dan bagaimana syarikat itu dipilih?*

YANG BERHORMAT DATO' DR. HAJI ABDUL LATIFF BIN AWANG (Wakil Bukit Payong): Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, untuk menjawab soalan pertama Wakil Manir untuk tahun 2006 jumlah peruntukan pakaian seragam sekolah-sekolah di Terengganu ialah sebanyak RM9 juta dan kita masih belum pakai lagi duit ini. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Dipertua, adakah benar jawapan itu tadi, masih belum pakai. Saya dapat maklumat bahawa diberi kepada sebuah syarikat.

YANG BERHORMAT DATO' DR. HAJI ABDUL LATIFF BIN AWANG (Wakil Bukit Payong): Belum lagi sekarang, duitnya duduk dekat Kewangan lagi. InsyaAllah dalam bulan lapan barangkali, insyaAllah kita akan pakai.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Guana pakai bulan lapan, untuk sekolah tahun depan ke sekolah tahun ini?

YANG BERHORMAT DATO' DR. HAJI ABDUL LATIFF BIN AWANG (Wakil Bukit Payong): Tanya 2006, saya jawab 2006lah.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Hak peruntukan 2006, ini pakaian seragam sekolah takkanlah nak beri bulan lapan, bulan lapan dekat tahun depan ni dah. Pasal apa tak beri awal tahun ini?

YANG BERHORMAT DATO' DR. HAJI ABDUL LATIFF BIN AWANG (Wakil Bukit Payong): Yang Berhormat tengok Bajet yang diluluskan untuk tahun ini. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya tak fahamlah, Bajet belum lulus lagikah?

YANG BERHORMAT DATO' DR. HAJI ABDUL LATIFF BIN AWANG (Wakil Bukit Payong): Bajet ini Bajet yang diluluskan pada bulan 12, 2005 untuk dibelanja 2006 ini. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Betullah, saya tanyapun berapa peruntukan projek itu dan bagaimana dia diagih. Kalau nak agih bulan lapan nun, pasal apa daripada awal tahun ini pelajar-pelajar ini dinafikan haknya untuk mendapat pakaian seragam?

YANG BERHORMAT DATO' DR. HAJI ABDUL LATIFF BIN AWANG (Wakil Bukit Payong): Hak tahun lepas beri dah, hak 2005 kita beri dah, hak tahun ini beri pulak 2006, itulah kerajaan bagus.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Kalau boleh Wakil Kijal jawab, *jurus* sikit. Ini *komang do'oh lalu*, tak reti nak jawab ..... (Dewan Gelak) .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA Yang Berhormat kalau tak ada soalan tambahan, teruskan kepada soalan seterusnya.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Saya tanya berapa peruntukan dan bagaimana dibelanjakan, bagaimana diagih, kepada siapa diberi. Dia kata tidak belanja, nak belanja bulan lapan. Dah bulan lapan ni tak fikir lagi siapa pembekal?

YANG BERHORMAT DATO' DR. HAJI ABDUL LATIFF BIN AWANG (Wakil Bukit Payong): Tak, saya ingat Yang Berhormat tak faham, buat soalan tapi tak faham soalan. Soalan dia buat, soalannya berbunyi – "Pakaian seragam sekolah-sekolah di Negeri Terengganu untuk

tahun 2006. Berapakah jumlah peruntukannya, apa nama syarikat yang membekalnya dan bagaimana syarikat itu dipilih?" Ini soalan yang asal, tidak ada perubahan langsung. Jawab saya ialah untuk 2006, peruntukannya ialah RM9 juta dan masih belum kita agihkan lagi. Betullah, ke tidak jawapan begitu?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABD MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya cuma nak selamatkan sikit saja. Peruntukan untuk tahun 2006 soalannya. Nak bekal bulan lapan, nak pakai 2006, bulan lapan tu baru start tahun awal ke?

YANG BERHORMAT DATO' DR. HAJI ABDUL LATIFF BIN AWANG (Wakil Bukit Payong): Dah guana jadi tak reti sangat ni ..... (Dewan Gelak)..... Hak 2005, kita bahagi dah, semua dapat dah sebanyak 64,000 pelajar dapat semua dah itu Bajet 2005 kita beli dah. Dia nak pakai baju 2006 ke, dia nak pakai bila ikut pandai dialah. Sekarang ini kita akan agihkan duit ini kepada pelajar-pelajar yang layak, sama ada nak pakai 2006, 2007 ke, nak simpan 2008 baju itu ikut dia tetapi kita tetap akan membekalkan untuk 2006 ini, Bajet 2006, faham dah tu agaknya.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Dato' Yang Dipertua, itulah tadi saya minta tolong Wakil Kijal jawab, ini teruk *do'oh* lalu. Ini tahun 2006, cakap apa hak 2005. Takkanlah Bajet 2005, peruntukan 2005 dibelanja pada 2006. Hak 2006 hendaklah dibelanja 2006lah. Diluluskan pada ..... Jadi oleh sebab itu, ini hak pelik, ke nak susut belanja tak betulkah? Ke macam mana yang jadi tak belanja lagi, yang kata tak pilih syarikat lagi, apa lagi. Susah, Exco ini biar semak baliklah, kesian ke kerajaan.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA Okey, soalan kedua.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Soalan kedua -

> *Jersi bolasepak Piala YAB Menteri Besar Terengganu 2006, berapakah kos pembeliannya, siapakah/syarikat manakah yang dipilih untuk membekalnya dan bagaimana cara ia dipilih?*

YANG BERHORMAT HAJI DIN BIN ADAM (Wakil Bukit Besi): Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan yang dikemukakan oleh Wakil Manir berbunyi - Jersi bolasepak Piala YAB Menteri Besar Terengganu 2006, berapakah kos pembeliannya, siapakah/syarikat manakah yang dipilih untuk membekalnya dan bagaimana cara ia dipilih?

Saya ingin yang pertamanya mengucapkan berbanyak-banyak terima kasihlah kepada Wakil Manir kerana peka, prihatin bahawa kerajaan yang ada pada hari ini Kerajaan Barisan Nasional di Terengganu hari ini telahpun memulakan semula pertandingan bolasepak dalam mewujudkan suatu suasana jatidiri kepada kumpulan belia di Terengganu.

Program ini bermula pada tahun 2005 dan insyaAllah 2006, kita dah bermula pada tahun ini dan saya ingin memaklumkan bahawa soalan yang dikemukakan yang berbunyi - Jersi bolasepak Piala YAB Menteri Besar Terengganu 2006, berapakah kos pembeliannya dan

sebagainya adalah tidak relevan untuk saya jawab. Program itu bermula pada tahun lepas bukannya perbelanjaannya pada tahun ini, perbelanjaannya pada tahun 2005. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Dato' Yang Dipertua, 2006 takdoklah?

YANG BERHORMAT HAJI DIN BIN ADAM (Wakil Bukit Besi): Piala Yang Amat Berhormat Menteri Besar 2006 ada tetapi kos jersi dan sebagainya adalah penggunaan pada tahun lepas, itu kedudukannya. Jadi soalan adalah tidak relevan, tidak perlu dijawab.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya tanya kalau ada, berapa. Kenapa yang tidak relevan nak dijawab?

YANG BERHORMAT HAJI DIN BIN ADAM (Wakil Bukit Besi): Tak faham ke orang kata, ini hak tahun lepas, soalan ni tahun lepas, penggunaan tahun lepas, nak jawab buat benda hak ni.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, tak reti 2006, 2005 serupa ke? Saya tanya peruntukan 2006 kalau rasa takmboh jawab, tak apa takmboh jawabpun.

YANG BERHORMAT HAJI DIN BIN ADAM (Wakil Bukit Besi): Takmboh jawab.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Haa .... Itu dia, pasal takmboh jawab sebab dia beri kepada Pemuda Umno, suruh agih dok.

YANG BERHORMAT HAJI DIN BIN ADAM (Wakil Bukit Besi): Jangan buat dakwaan yang sembarangan, buktikan dalam Dewan ni.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Sila jawab, pasal apa takmboh jawab sebab beri ke Pemuda Umno yang tak jawab tu.

YANG BERHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Dato' Yang Dipertua, marah ke guana tu?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Sebab itu saya suruh Wakil Kijal jawab .....

YANG BERHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Marah ke tidak.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Okey, Yang Berhormat sekalian masa untuk Soalan Lisan telahpun selesai, telahpun cukup .....

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya - Cadangan Di Bawah Fasal 30,

Peraturan-Peraturan Dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu, Perkara-perkara Yang Mustahak Bagi Orang Ramai.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya memohon izin dan mencadang untuk mengemukakan satu Usul di bawah Fasal 30 supaya Persidangan Dewan ditangguhkan bagi maksud merundingkan suatu perkara yang tertentu dan mustahak bagi orang ramai dan perlu disegerakan. Perkara membahas penubuhan Terengganu Incoporated. Dengan izin Allah S.W.T. saya dengan rasa penuh tanggungjawab ingin membawa dan mengemukakan Usul di Dewan Undangan Negeri yang mulia ini untuk membincang dan membahas isu penubuhan Terengganu Incoporated. Oleh kerana Dato' Yang Dipertua penubuhan Terengganu Incoporated ini suatu isu yang melibatkan banyak pihak dan rakyat tertanya-tanya apakah rasional justifikasi penubuhan entiti ini maka amat perlulah supaya Ahli-ahli Dewan diberi kesempatan ruang dan masa yang secukup untuk kita bincang bagi mendapat, mendengar pandangan dan perkara ini boleh dikemukakan dengan secara yang lebih telus demi untuk kebaikan bersama. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya pohon mencadangkan.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat sila serahkan Usul itu, saya nak semak.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih. .....(Yang Berhormat Dato' meneliti Usul)..... Yang Berhormat takmboh tandatangan Usul ini?

YANG BERHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Dato' Yang Dipertua, tolaklah tak bertanggungjawab ni.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Nama saya tercatat, saya bertanggungjawab di atas Usul yang dikemukakan. Dia sekarang ini komputer, tidak pakai tangan dah Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Okey, terima kasih. Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya tangguhkan sementara Dewan ini dan disambung semula jam 11.15 pagi.

DEWAN DITANGGUH PADA PUKUL 10.47 PAGI.

Pukul 11.15 pagi

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Bismillahirrahmanirrahim. Assalamu-alaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat disambung semula.

Saya ada menerima satu Usul berhubung dengan Membahaskan Penubuhan Terengganu Incorporated daripada Yang Berhormat Wakil Wakaf Mempelam berdasarkan Fasal 30 Peraturan-Peraturan Dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri dan setelah saya meneliti dan memperincikan Usul ini untuk menangguhkan Persidangan Dewan bagi membahaskannya, saya dapati bahawa Usul ini adalah tidak mustahak untuk disegerakan bagi kepentingan orang ramai dan berdasarkan Fasal 30 juga dan pecahannya saya menolak Usul ini. Terima kasih.

USUL YANG TELAH DIBERI NOTIS

USUL MENJUNJUNG KASIH

YANG BERHORMAT DATO' DR. HAJI ABDUL LATIFF BIN AWANG (Wakil Bukit Payong): Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan:

> ***"Bahawa Dewan Undangan Negeri yang bersidang pada hari ini membuat KETETAPAN bersetuju merakam dan merafak sembah ucapan penghargaan dan menjunjung kasih Kebawah Duli Yang Maha Mulia Al-Sultan kerana menyampaikan Titah Di Raja mengenai dasar-dasar kerajaan bersempena dengan pembukaan Penggal Persidangan Yang Ketiga Bagi Dewan Undangan Negeri Kesebelas dan bersetuju merafak sembah ikrar taat setia Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri Kebawah Duli Yang Maha Mulia Al-Sultan dan bersedia memberi kerjasama yang erat kepada pentadbiran Negeri supaya dasar-dasar Kerajaan dapat dilaksanakan dengan sempurna demi kepentingan negeri dan rakyat seluruhnya."***

Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN HAJI NUH (Wakil Tepoh): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mohon menyokong Usul tersebut.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih. Usul ini telah mendapat sokongan dan saya buka untuk Perbahasan. Saya persilakan Yang Berhormat Penyokong Usul, Wakil Tepoh, memulakan Perbahasan.

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN HAJI NUH (Wakil Tepoh): Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Bismillahirrahmanirrahim. (membaca petikan Surah At-Taubah ayat 128) Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar Terengganu, Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua-ketua Jabatan, para Pemerhati seterusnya tuan-tuan dan puan-puan sidang Dewan yang saya hormati lagi dirahmati Allah. Ayat yang saya bacakan sebagai muqadimah untuk membahaskan Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku yang termaktub di dalam Suratul Taubah ayat 128 yang bermaksud – "Sesungguhnya telah datang kepada kamu seorang Rasul dari kalangan kamu sendiri yakni Muhammad yang amat mengambil berat atas sebarang kesusahan yang menimpa kamu, sangat menginginkan kebaikan bagi kamu, amat belas kasihan dan penyayang kepada orang-orang mukmin." Dato' Yang Dipertua, alhamdulillah, kita bersidang pada hari ini setelah kita melalui beberapa hari meraikan ulang tahun keputeraan Nabi Besar Muhammad S.A.W. Yang sebenarnya, Rasul S.A.W. yang menjadi utusan Allah bertindak sebagai Rasul yang mengajak manusia untuk mencari dan melakukan kebaikan. Dan insyaAllah, kita adalah kalangan orang-orang yang sentiasa sedar dan insaf tentang perkara tersebut dan kepimpinan Kerajaan Negeri di bawah Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar akan sentiasa sedar dan insaf bahawa tugas kita adalah untuk membawa kebaikan kepada semua. Dato' Yang Dipertua, Dewan kita yang bersidang pada kali ini juga adalah merupakan Persidangan yang awal selepas sahaja setengah bulan yang lalu apabila dibentangkan Rancangan Malaysia Yang Kesembilan pada 31hb. Mac 2006 oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Perdana Menteri Malaysia yang sekaligus telahpun memperuntukkan peruntukan sebanyak RM7.2 bilion untuk kemakmuran dan Kerajaan Negeri Terengganu. Untuk itu kita mengucapkan tahniah dan terima kasih setinggi-tingginya kepada Kerajaan Pusat di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Perdana Menteri.

Dato' Yang Dipertua, di dalam membahaskan Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Tuanku, yang pertamanya, selaku pemimpin kerdil bukan sahaja tubuh kerdil Dato' Yang Dipertua, sebagai pemimpin kerdil dan juga seluruh rakyat kita mengucapkan dan merafakkan setinggi-tinggi rasa penghargaan dan terima kasih yang tidak terhingga Kebawah Duli Yang Maha Mulia Al-Sultan dan Duli Yang Maha Mulia Permaisuri Terengganu yang telah berkenan untuk berangkat dan seterusnya merasmikan Istiadat Pembukaan Penggal Yang Ketiga Bagi Dewan Undangan Negeri Yang Kesebelas. Ini menandakan kecaknaan serta prihatin Duli-Duli Yang Maha Mulia Tuanku berdua terhadap perjalanan kepimpinan Kerajaan Negeri dan juga untuk kebaikan rakyat secara keseluruhannya.

Dato' Yang Dipertua, di dalam Titah Duli Yang Maha Mulia Tuanku saya dapati kenapa Duli Yang Maha Mulia Tuanku menyebutkan tentang rasa positif ataupun rasa seronok Duli Yang Maha Mulia Tuanku dengan mengemukakan kata-kata "Beta gembira, Beta mengucapkan tahniah dan syabas", sebagai contohnya di muka surat 15 di dalam buku Titah Ucapan ini – "Tahniah dan syabas kepada Pihakberkuasa Tempatan Negeri" perkataan-perkataan ini disebutkan oleh Duli Yang Maha Mulia Tuanku, ini menggambarkan bahawa sebagai pemimpin, sebagai Ketua Negeri Duli Yang Maha Mulia Tuanku telahpun menunjukkan satu model dan contoh yang baik kepada kita. Memberikan penghargaan, mengucapkan syabas dan mengucapkan tahniah kepada orang-orang yang berusaha untuk membangunkan negeri kerana itu merupakan suatu langkah yang cukup baik. Sebab itulah Dato' Yang Dipertua, bagi memulakan kandungan Perbahasan saya ini, saya juga ingin mengambil

kesempatan diawal ini untuk mengucapkan tahniah, tahniah dan tahniah. Saya mengatakan bahawa tahniah, tahniah kepada Kerajaan Negeri di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar kerana dalam tempoh dua tahun kita menabur bakti, impian yang kita harapkan sekarang ini sudahpun menampakkan realitinya. Inilah yang kita katakan bahawa suatu kejayaan yang cukup baik. Impian kita dalam erti kata Kompleks Sukan Gong Badak sekarang ini sudah gah terpacak dalam proses pembinaan, pembinaan baru Lapangan Terbang begitu giat dijalankan, LPT Fasa Kedua dalam proses permulaan, Universiti Darul Iman akan mula berjalan. Inilah merupakan suatu gagasan bagi maksud untuk meningkatkan kehebatan Negeri Terengganu sebab itu tahniah kepada kepimpinan kerajaan yang ada pada hari ini ..... (Tepukan Sokongan) ..... Tahniah kepada Kerajaan Negeri, tahniah kepada Pejabat Pelajaran Negeri , tahniah kepada guru-guru, tahniah kepada seluruh rakyat, kepada pelajar-pelajar yang cemerlang Negeri Terengganu bukan sahaja dapat meneruskan kesinambungan cemerlangnya UPSR lima tahun berturut-turut tetapi pada masa yang sama keputusan Peperiksaan Menengah Rendah (PMR), Terengganu juga cemerlang pada tahun yang lalu. Nama seperti Rabiatul Adawiyah adalah merupakan nama yang terpahat di Negeri Terengganu yang menjadi kunjungan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Perdana Menteri. Satu penghargaan yang cukup besar kepada Kerajaan Negeri dan rakyat Negeri Terengganu oleh Perdana Menteri. Tahniah kepada Kerajaan Negeri dan keseluruhannya khususnya kepada Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu kerana dalam catatan serta rekod yang telahpun dikeluarkan kutipan zakat pada tahun lepas adalah merupakan satu kutipan yang paling tinggi di dalam sejarah Negeri Terengganu sejumlah RM40.37 juta. Kalau sebelum ini Kerajaan yang pernah memerintah 4 tahun yang lalu sering menggambarkan bahkan di dalam ceramahnya di sana-di sini bagi maksud untuk mengaburi mata rakyat, mengatakan bahawa di dalam masa pemerintahan mereka, mereka dapat mengutip zakat yang cukup banyak sekadar RM40.05 juta, kebetulan tahun 2004 kita merosot kutipannya kerana ramai orang-orang Pas yang tidak membayar zakat kepada Majlis Agama menyebabkan kutipannya merosot tetapi ini adalah merupakan perkara biasa sahaja, kutipan zakat akan bertambah dari setahun ke setahun. Sebab itulah kita minta kepada barisan Pembangkang hentikanlah adu-dumba dan tohmahan yang membangga-banggakan diri sendiri dalam keadaan yang tidak sedar bahawa sebenarnya orang lain juga mampu untuk mengatasi rekod yang telah dibuat oleh tuan-tuan di sebelah sana.

Tahniah kepada Kerajaan Negeri kerana Sistem Pentadbiran Awam Dan Pengurusan Kewangan Negeri dalam tempoh 2 tahun ini diuruskan dengan baik dan berhemah. Dato' Yang Dipertua, baru-baru ini saya sempat hadir sama-sama di dalam Seminar Jawatankuasa Kira-Kira Wang Awam Se-Malaysia yang diadakan di Langkawi, satu tajuk kertas yang dibentangkan sendiri oleh Yang Berbahagia Tan Sri Dato' Setia Haji Amrin bin Buang, Ketua Audit Negara Malaysia dan di dalam tajuknya Akauntabiliti dan Masalah Pengurusan Kewangan Kerajaan Negeri. Antara lain menyebutkan bahawa antara negeri-negeri yang terbaik di dalam menguruskan kewangan negeri dan dapat mengemukakan Penyata Akaun Kerajaan Negeri mengikut Ketetapan Seksyen 9 Akta Audit 1957 termasuklah Negeri Terengganu .....(Tepukan Sokongan)..... Bahkan Dato' Yang Dipertua, Penyata Akaun Berakhir 31.12.2004 dikemukakan pada 28 Mac 2005 iaitu 2 bulan lebih awal daripada tarikh yang ditetapkan. Ini menggambarkan bahawa kecekapan yang telahpun diambil cakna ataupun diambil peranan oleh pimpinan Kerajaan Negeri dan khususnya oleh Yang Berhormat Dato' Pegawai Kewangan Negeri, tahniah Dato'.

Dato' Yang Dipertua, demikian juga dalam laporan yang digambarkan dan juga melalui Laporan Ketua Audit Negara, prestasi kewangan Kerajaan Negeri semakin baik, sebagai contoh tahun 2005 sumber kewangan negeri mengalami lebihan sebanyak RM59.20 juta ekoran aset semasa mengatasi tanggungan semasa. Ini bermakna aliran tunai Kerajaan Negeri sudah tidak mengalami defisit sebagaimana tahun-tahun yang lalu berbanding dengan negeri jiran kita yang terdekat yang dipegang oleh Parti Pembangkang mengalami defisit selama 5 tahun berturut-turut. Inilah sebenarnya kelebihan ataupun keupayaan yang telah kita lakukan. Tahniah, tahniah dan tahniah untuk semua sekali.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, yang agak menarik di dalam Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Tuanku ialah apabila muqadimah, permulaan kepada Titah Duli Yang Maha Mulia Tuanku saya mohon merujuk kepada buku Titah ini, Yang Berhormat Dato' yang Dipertua, bermula muka surat yang pertama perenggan yang kedua, selepas mengucapkan syukur kepada Allah – "Beta juga bersyukur ke hadarat Allah S.W.T. kerana mendapati rakyat Beta dapat meneruskan kehidupan mereka di dalam suasana yang aman damai dan tenteram dan kualiti kehidupan mereka semakin bertambah baik walaupun berlaku kenaikan harga minyak yang dikaitkan oleh pelbagai pihak dengan kenaikan kos kehidupan rakyat." Ini yang cukup menarik, Duli Yang Maha Mulia Tuanku memulakan titahnya dengan melahirkan rasa cukup bersyukur di atas apa yang berlaku di negeri kita walaupun sebenarnya harga minyak itu naik 30 sen seliter tetapi tidak ada membawa apa-apa sebenarnya kesan yang besar kepada rakyat secara keseluruhannya. Bahkan Duli Yang Maha Mulia Tuanku bersyukur dikaitkan dengan berlakunya diimbangani oleh kenaikan harga komoditi lain seperti getah dan kelapa sawit.

Dato' Yang Dipertua, sebagai contohnyalah hari ini harga getah sebagaimana yang disebutkan, harga getah asli telahpun melambung naik kerana getah tiruan sudah tidak lagi mampu untuk mengambil tempat ekoran harga minyak. Harga getah sekarang ini berada di sekitar RM3.70 sekilo, kemudian kita dapati Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua kalau di dalam DUN saya adanya Felda Belara, orang-orang Felda Belara ini kerja dia memang memotong getah, menoreh getah, kita kalau nak buat majlis tidak boleh buat dah di siang hari kalau nak buatpun, buat petang. Gotong-royong di Felda Belarapun tak boleh dibuat pada siang hari maksudnya di pagi hari kalau nak buat gotong-royong baru-baru ini, pada hari Jumaat baru-baru ini, kena buat gotong-royong di sebelah petang. Pasal apa? Pasal pakat nak pergi memotong belaka. Inilah sebenarnya rahmat yang berlaku di sebalik kenaikan itu sendiri. Buat program sebelah malam sebab harga getah yang naik dan saya pernah didatangi oleh kalangan yang tak berapa betulpun, kalangan adik-adik penagih yang terlibat dengan penyalahgunaan dadahpun ada pernah mari berjumpa dalam keadaan tak berapa betul. Mari-mari dia kata: "Ustaz! Nak pitih 10 rial ....."

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Penjelasan Yang Dipertua - Ada tak pihak-pihak yang tertentu yang mengadakan demonstrasi kerana minyak naik dan harga getah naik di Negeri Terengganu?

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN HAJI NUH (Wakil Tepoh): Terima kasih Wakil Ajil. Sebenarnya saya baru nak sebut, sedang molek maknanya saya dengan Wakil

Ajil ini sehati sejiwa. Hak tinggi sekali ialah Yang Berhormat Ajil, hak rendah sekali ialah Yang Berhormat Tepoh ..... (Dewan Gelak) ..... kena gu dua ni, tak apa.

Dato' Yang Dipertua, yang saya nak sebut tadi, insyaAllah, dia mari minta pitih 10 rial dan saya tanya: "Pasal apa?" Dia kata: "Nak beli pisau *motong*". Penagihpun nak pergi *motong* getah juga le-ning harga mahal. Inilah sebenarnya rahmat tetapi apa yang dilakukan oleh kalangan tertentu khususnya pihak Pembangkang yang sentiasa mencari-cari cerita, yang sentiasa mereka-reka cerita, nak memfitnah, nak mengajak rakyat supaya menentang ataupun rasa tak puas hati kepada kerajaan, melakukan demonstrasi jalanan yang tidak bertanggungjawab sedangkan perbuatan itu sebenarnya adalah perbuatan yang sia-sia. Dalam keadaan sebegini tidak sepatutnya berlaku sedangkan kenaikan yang ada itu lebih bersifat untuk memberikan muhasabah kepada kita. Dan dari segi konsep agamapun ia adalah merupakan ketentuan oleh kerajaan sering kita sebutkan di Dewan ini kaedah Usul Fiqh yang cukup jelas - *"Tasaruful Iman ala-ro'yatihi manu-tun-bilmaslahah"*, tindakan, gerak kerja, apa-apa urusan yang dilakukan oleh pemimpin yang ada dalam sebuah negara itu dilakukan adalah dengan mengambil kira untuk kepentingan seluruh rakyat yang dipimpin. Takkanlah kerajaan dengan mudah untuk nak menzalimi rakyat tetapi apa yang dilakukan itu lebih bermaksud untuk mengawal dan bagi maksud untuk nak menjaga senario rakyat di masa depan, demi masa depan rakyat, demi masa depan pendidikan maka itu dikatakan *"manu-tun-bilmaslahah"*.

YANG BERHORMAT ENCIK MOHD ZAWAWI BIN HAJI ISMAIL (Wakil Kuala Berang): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, minta laluan - Bolehkah saya tahu daripada Wakil Tepoh siapa-siapa yang melakukan demonstrasi ini, ada tak dalam Dewan ini?

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN HAJI NUH (Wakil Tepoh): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya *dokdang* nak *check* hak tu tetapi rasa regu-regu dia ada. Bawa anaklah, hak anak tak reti bahasapunnya bawa gi. Gok bila kerajaan ambil tindakan, dia kata khianat kepada budak-budak. Pada hal dia yang memulakan supaya kerajaan buat begitu. Ini suatu tindakan provokasi yang tidak bertanggungjawab oleh pihak-pihak tertentu macam hak yang dilakukan sebelum ini.

Dato' Yang Dipertua, begitu juga dalam kaedah Usul Fiqh – *"Dar-ul-mafaasiq muqadam-ala-jalbil-masaalih"* dalam erti kata: Kita mengelakkan berlakunya perkara-perkara yang boleh merosakkan ataupun yang boleh membawa kepada keburukan lebih baik didahulukan daripada melakukan kebaikan. Dalam kes harga minyak naik 30 sen ini bila kerajaan menarik sedikit subsidi yang diberikan itu, itu sebenarnya bukan untuk menzalimi rakyat tetapi lebih kepada maksud untuk nak menyelamatkan masalah yang lebih besar berlaku di masa depan walaupun pada masa yang sebenarnya, kerajaan tetap tidak akan mengabaikan kebajikan dan kebaikan untuk rakyat.

Dato' Yang Dipertua, dalam Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Tuanku juga turut menyebutkan tentang soal pembangunan modal insan, dengan izin Dato' Yang Dipertua, *human capital*. Ini merupakan suatu gagasan yang menjadi teras pentadbiran Kerajaan Negeri. Sebab itu dalam soal ini saya menyeru kepada kepimpinan Kerajaan Negeri, marilah sama-sama kita lebih serius di dalam memastikan khususnya 3 objektif Bajet 2006 yang pernah disebutkan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar di dalam

Persidangan Dewan yang lepas. Mari sama-sama kita gigihkan dan kita lakukan dengan lebih serius bagi maksud untuk memastikan 3 objektif yang digariskan iaitu membangun keupayaan sumber modal insan iaitu khususnya ilmu. Yang keduanya, membasmi kemiskinan. Dan yang ketiganya, membentuk imej Terengganu Baru agar kita sebenarnya berada di landasan untuk lebih memberikan keutamaan kepada pembangunan modal insan.

Sementara itu Dato' Yang Dipertua, Duli Yang Maha Mulia Tuanku juga memuji dan mengucapkan tahniah di atas kejayaan cemerlang di dalam pelajaran khususnya PMR dan UPSR. Walau bagaimanapun, ada disebutkan sedikit tentang perlunya kecemerlangan turut berlaku kepada keputusan Peperiksaan SPM. Oleh yang demikian, kita mengharapkan supaya pihak-pihak yang berkaitan khususnya Pejabat Pelajaran Negeri Terengganu mengambil tindakan yang lebih serius sebagaimana tindakan yang telah diambil terhadap urusan-urusan memperkasakan UPSR dan PMR bagi maksud meningkatkan kecemerlangan di dalam keputusan SPM untuk tahun-tahun yang akan datang. Ini merupakan langkah awal untuk membentuk modal insan rakyat Negeri Terengganu. Demikian juga Dato' Yang Dipertua, kita merasakan cukup bertuah berada di dalam Negeri Terengganu bagi maksud meneruskan, mengembangkan modal insan Kerajaan Negeri sebenarnya sentiasa berusaha bagi maksud mengembangkannya. Langkah dan sasaran kerajaan di akhir tahun ini untuk mensasarkan seramai kira kira 700 pelajar prasekolah di Yayasan Islam Terengganu yang khatam al-Quran sebelum masuk ke sekolah rendah adalah merupakan suatu langkah yang cukup wajar dan inilah yang sepatutnya dilakukan oleh kita dan sebenarnya apa yang dilakukan oleh kita ini berdasarkan kepada perancangan serta gerak kerja yang telah kita lakukan. Begitu juga dengan Sekolah Imtiaznya, kita mengharapkan dalam tempoh beberapa tahun akan datang bukan sahaja akan lahir kalangan anak-anak yang cerdik, yang pintar di dalam akademiknya tetapi pada masa yang sama ketika mereka menamatkan PMRnya, ketika mereka memperolehi keputusan yang cemerlang di dalam PMRnya anak-anak itu adalah merupakan anak-anak yang menghafaz 30 juzu' al-Quran. Itulah sebenarnya kerja kerja kita kerajaan yang sebenarnya sentiasa mengambil berat terhadap rakyat.

Dato' Yang Dipertua, sementara itu saya juga ingin menyarankan kepada Kerajaan Negeri dalam usaha untuk membina dan mengembangkan modal insan dan bagi maksud untuk mengurangkan gejala-gejala sosial yang sebenarnya masih lagi mampu terkawal di negeri kita. Saya memohon supaya jabatan-jabatan yang berkenaan perlu lebih serius dan perlu berganding bahu sesama mereka sebagai contohnya untuk pencegahan kegiatan-kegiatan sosial seperti perlakuan maksiat dan tidak senonoh perlu ditangani oleh pelbagai agensi bukan setakat Jabatan Hal Ehwal Agama sepatutnya perlu wujud kepada gabungan Jabatan Hal Ehwal Agama, Majlis Perbandaran ataupun Majlis Daerah yang ada di daerah-daerah, Polis dan seumpamanya. Mudah-mudahan langkah yang kita ambil secara bersama itu akan lebih memberikan kebaikan kepada kita.

Dato' Yang Dipertua, saya juga suka menyebutkan di sini bagi maksud untuk mengembangkan modal insan kepada kakitangan kerajaan dan pegawai kerajaan. Saya mengucapkan terima kasih dan tahniah kepada Kerajaan Negeri yang mewujudkan satu *post* di Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri iaitu Timbalan Setiausaha Kerajaan (Sumber Manusia) yang tidak pernah diwujudkan sebelum ini. Ini merupakan satu langkah yang bijak bagi maksud mengembangkan modal insan di kalangan kakitangan kerajaan.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, seterusnya izinkan untuk saya menyentuh tentang apa yang disebutkan oleh Duli Yang Maha Mulia Tuanku Al-Sultan iaitu berkaitan dengan kemudahan asas dan prasarana yang ada di dalam negeri khususnya di bandar-bandar. Duli Yang Maha Mulia Tuanku menyarankan supaya disediakan sistem pengangkutan awam yang lebih baik dan selesa kepada warga bandar. Saya dapati khususnya di Bandar Kuala Terengganu kita sebagai ibu negeri, kita tidak mempunyai satu sistem pengangkutan awam yang lebih baik dan lebih selesa. Dalam erti kata kalau baspun tak ada bas yang boleh untuk kita gunakan di dalam bandar itu sendiri, akhirnya berlakulah kesesakan. Yang ada baspun kalau paling akhir kalau datang dari sebelah Chendering ke apa, paling akhir dia boleh ambil penumpangnya di sekitar sebelum *Roundabout* Batu Bersurat, hak dulu penyu kena bawa lari tu. Tetapi tidak ada kemudahan-kemudahan yang lain sebab itulah saya cadang dan saya syorkan supaya boleh dibuat kajian dan diwujudkan sistem bas henti-henti ataupun bas tambang murah. Kita tak boleh mengharapkan sangat beca sebab beca yang ada itu lebih bersifat untuk pelancongan, untuk kenderaan daya tarikan tetapi bukan mudah untuk digunakan bagi maksud untuk ke sana-ke sini dengan lebih cepat dan lebih selesa. Sebab itu adalah dicadangkan diwujudkan ataupun diadakan sistem pengangkutan yang lebih selesa. Dato' Yang Dipertua, saya juga pada masa yang sama bagi maksud untuk mengelakkan kesesakan yang ada mungkin boleh kita rancang dan kita cadangkan diwujudkan dengan izin, *walking area* iaitu kawasan ataupun lokasi untuk pejalan-pejalan kaki sahaja yang tidak boleh dimasuki oleh kenderaan-kenderaan, mungkin boleh kita buat sekitar Jalan Banggol ke Kampung Tiong dan sebagainya bagi maksud mewujudkan lebih keselesaan yang ini boleh Exco Infra buat penelitian dan perbincangan selanjutnya.

Dato' Yang Dipertua, dalam Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Tuanku juga ada menyentuh tentang pertumbuhan desa dan pekan-pekan kecil. Saya amat menyokong apa yang dititahkan oleh Duli Yang Maha Mulia kerana setakat ini kedudukan Pusat Pertumbuhan Desa dan Pekan Kecil nampaknya tidak sangat diambil perhatian yang serius oleh pihak-pihak tertentu. Selama sudah ada perancangan-perancangan yang awal tetapi dari segi perjalanannya nampak tidak sangat memuaskan. Pekan-pekan kecil seperti Pekan Tepoh dalam DUN saya Pekan Wakaf Tengah dalam DUN saya, Batu Rakit, Maras yang sebenarnya tidak sangat menampakkan ada tanda-tanda untuk diambil perhatian. Tidak ada lanskap yang baik dan pokok-pokok bunga. Kita mari tengok kawasan dekat bandar ini cantik nampak dengan hiasan pokok bunga tetapi tengok *lik-lik* kawasan kita nampak orang dok cara. Kita nak juga, saya sebut perkara ini kerana kita mewakili rakyat kawasan dia berbezalah dengan hak empat orang di sebelah ni. Empat orang sebelah ini dalam hak bahas-bahas yang lalu dia duk sebut kata kalau hak kerajaan bangun duk cakap mintak-mintak. Memang kerja dia tak berapa mintak sebab dia mintak dengan rakyat, kita minta sama kita kerajaan tapi dia pergi mintak dengan rakyat, ceramah-ceramah, edar ..... mintak dengan rakyat. Kita mintak kepada tempat yang sepatutnya. Dato' Yang Dipertua, sebab itulah saya minta supaya perhatian yang lebih berat diberikan bagi maksud untuk mengseimbangkan pembangunan sama ada di peringkat bandar mahupun di luar bandar.

Demikian juga atas sebab ..... bila pembahas yang pertama ini banyak benda sangat Dato'. Kadang-kadang bila banyak benda tu kita nak sebut belaka tak boleh, kalau sebut belaka orang kata habis benda ambil ke dia. Tapi saya nak sebut beberapa perkara yang lain, prasarana yang lain tentang sukan, insyaAllah kita ada nanti SUKMA, tahniah kepada

Kerajaan Negeri yang bersedia untuk menjadi tuan rumah kepada SUKMA Tahun 2008, dengan gahnya naik Kompleks Sukan dan sebagainya. Tetapi saya mintaklah supaya kita dah lama tak ada padang-padang bola baru, lama dah kita tak ada, ini bagi mengelakkan anak-anak muda buat *dok tahu kalu* apa semua ni, minta maaf Dato' Yang Dipertua, ini bahasa Terengganu sikit. Jadi padang bola baru ini kalau boleh di setiap DUN perlu disegerakan diwujud padang bola baru dan padang bola di kampung, di kawasan yang sudah ada tu kita mintak supaya dijaga dengan baik. Masalah yang utamanya kita tidak ada langkah untuk dengar lah, *maintenance* padang-padang tersebut. Hak asal molek kemudian jadi keras, apa salahnya kita sediakan peruntukan sedikit sebanyak, kita suruh pihak JKKK jaga, carilah apa carapun, siram apa semua, ini *duk lok gitu.* Di samping padang bola baru kita mintak tapi padang bola yang sedia ada kita baiki, kita jaga dengan baik. Sebab itulah bila kita adakan pertandingan bola sepak Piala Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, kita duk susah nak cari padang apa semua, terima kasih kepada pihak Pejabat Pelajaran kerana padang-padang sekolah boleh kita pinjam dan boleh kita sewa dan boleh kita guna. Begitu juga padang-padang bola yang lain yang ada. Jadi kita harapkanlah sebab nampak di kalangan pemuda kita hari ini cukup seronok dengan adanya Pertandingan Bola Sepak Piala Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, ini yang kita harapkan.

Dato' Yang Dipertua, kemudian saya nak sebutkan tentang apa juga yang disebutkan oleh Duli Yang Maha Mulia Tuanku dalam titahnya tentang soal kebersihan dan keceriaan yang perlu diambil cakna. Nampak sudah ada tanda-tanda rakyat mula memahami hasrat kerajaan. Walau bagaimanapun, kita mengharapkan sebenarnya langkah ini terus diperhebatkan baik di kalangan rakyat, mahupun kepimpinan kerajaan itu sendiri. Saya nak sebutkan bila berkaitan dengan kebersihan ini, keceriaan, tentang alam sekitar dan sebagainya, saya masih lagi sebagai Wakil Rakyat yang mewakili kawasan tempat pembuangan sampah di Tok Por Sungai Ikan. Saya mintak kepada pihak yang terlibat khususnya MPKT yang pernah saya yang awal masih tetap kalau boleh dianjak, dibawa lari ke tempat lain, itu permohonan kita. Tapi pada masa yang samapun, kalau tak boleh bawa laripun tolong jaga molek lah dari segi lori keluar masuk, bau busuk. Tiga hari yang lepas terbit lagi dalam surat khabar. Sebab apa yang berlaku di situ, di kawasan itu macam saya duk sebut awal dah, ia duduk tak jauh daripada Sungai Lingai dan akan menyebabkan berlakunya pencemaran, air di Sungai Lingai dia mengalir ke Sungai Nerus dan itulah yang menjadi masalahnya. Kita bimbang kot-kot kalau berlaku sebagaimana yang berlaku di negeri lain, hari ini pun kita dengar cerita, hak Selangor sampai ada tutup tempat pembuangan sampah. Ini secara permohonan dengan sungguh-sungguhnya dan atas sifat itulah lagi maksud maksud yang lain saya melihat bahawa perlu kita mengambil kecaknaan yang lebih dalam aspek yang lain khususnya tentang keperluan-keperluan, kemudahan kepada rakyat. Sebab itulah bila sebut kepada kemudahan kepada rakyat dan demi untuk memastikan rakyat di kawasan di sebelah saya, sekali lagi di dalam Dewan yang mulia ini Dato' Yang Dipertua, saya memohon dengan sesungguh-sungguhnya bagi seluruh rakyat Kuala Nerus, Kuala Terengganu Utara kami memerlukan pentadbiran sendiri, kami memerlukan pentadbiran daerah sendiri, kami perlukan hospital sendiri sebab Hospital Kuala Terengganu sudah tidak mampu untuk menampung katil yang begitu banyak. Kami perlu Pejabat Daerah sendiri, kami perlu Pejabat Agama Daerah sendiri dan kami perlu sendiri, sendiri ..... (Dewan Gelak) .....

Dato' Yang Dipertua, saya tidak mahu mengambil masa yang lebih panjang cuma yang akhirnya, atau dua sebelum akhir. Saya baru menerima ataupun diberikan satu salinan daripada Harakah Daily Buletin Online, tohmahan-tohmahan yang terus dikeluarkan oleh Pembangkang yang secara jelas menyebutkan tentang cuba untuk mengelirukan masyarakat dan rakyat. Sampai disebut tentang kita kerajaan hari ini, kerajaan yang tidak betul, kerajaan zalim. Kalau masa kerajaan dia buat dahulu, Kerajaan Pas buat dahulu dia buat orang kata tak molek, kemudian kerajaan hari ini menzalimi apa yang dibuat khususnya berkaitan dengan tanah, kelulusan-kelulusan yang diberikan termasuk disebutkan nama saya dan rakan saya Yang Berhormat Sura boleh tanah di Chendering, ada disebutkan di sini. Tapi sebenarnya ini adalah untuk mengaburi mata sebab ini adalah merupakan kurniaan kepada pegawai-pegawai kerajaan yang khas untuk Pegawai Tadbir Negeri dan Pegawai Tadbir Agama yang diwujudkan sebelum ini bukan masa Kerajaan Pas lagipun tetapi diceritakan secara tidak betul. Akhirnya menimbulkan fitnah kepada masyarakat sebab itulah kerja Pembangkang dia lebih suka untuk menabur fitnah bagi maksud untuk memesongkan pemikiran rakyat.

Akhirnya Dato' Yang Dipertua, yang Duli Yang Maha Mulia Tuanku menyebutkan di akhir iaitu nasihat kepada kita Wakil-wakil Rakyat/ADUN iaitu merupakan suatu nasihat dan peringatan Duli Yang Maha Mulia Tuanku yang cukup besar maknanya untuk kita amati bersama dan kita cukup yakin dengan kerajaan kita yang ada pada hari ini insyaAllah dengan kepimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar Terengganu, Dato' Seri Haji Idris bin Jusoh, insyaAllah kita tidak perlu takut kepada Pembangkang, kita tidak perlu risau kepada tohmahan mereka kita kerjalah dengan cara jujur dan ikhlas, yang penting kita sedar bahawa ini adalah amanah dan tanggungjawab untuk kita laksanakan dan yang lebih penting kepada kita ialah rakyat yang perlu kita bela, rakyat yang perlu kita jaga, mudah-mudahan kita semua dirahmati oleh Allah S.W.T. Akhirnya, saya ingin sudahi dengan sebuah pantun:

Dato' Seri Idris MB Terengganu
Pentadbiran berpaksikan Islam Hadhari
Padamu Dato' Seri orang Kuala Nerus merayu
Wujudkanlah pentadbiran daerah kami sendiri

Dari Jertih ke Kuala Terengganu
Terima kasih, thank you
Kuih Akak, Jala Mas, Kuih Derang
Ilal-likok ma-assalamah wassalam

Dato' Yang Dipertua, terima kasih di atas keizinan yang diberikan kepada saya untuk memulakan Perbahasan ini dan saya cukup yakin rakan-rakan yang akan turut membahaskan Titah Duli Yang Maha Mulia Tuanku selepas ini akan mengemukakan perkara-perkara yang lebih baik bagi maksud untuk kebaikan kita dan rakyat kita bersama. Dan yakinlah bahawa sebenarnya apa yang kita lakukan selama ini adalah demi untuk memastikan kesejahteraan milik kita bersama bukan kesejahteraan untuk setengah-setengah pihak sahaja. Terima kasih, Dato' Yang Dipertua. Sekian, wabillahi taufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih. Ada lagi Yang Berhormat yang hendak mengambil bahagian, sila angkat tangan. Takdok? Ada Yang Berhormat nak berucap? Sila Yang Berhormat Wakil Seberang Takir.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD SHAPIAN BIN ALI (Wakil Seberang Takir): Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Yang Berhormat Ahli-ahli Mesyuarat Kerajaan Negeri, Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua-ketua Jabatan, hadirin-hadirat yang saya hormati sekalian.

Terima kasih Dato' Yang Dipertua kerana memberi peluang kepada saya untuk sama-sama membahaskan Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Al-Sultan. Alhamdulillah, ekonomi negeri telah menunjukkan prestasi yang baik dengan pertumbuhan sebanyak 4.6 peratus pada tahun 2005 berasaskan strategi-strategi yang telah dirancang oleh kerajaan. Usaha kerajaan untuk mengerakan ekonomi negeri melalui peningkatan penglibatan sektor swasta serta pelaburan asing akan dapat mempastikan kemampanan pertumbuhan ekonomi ini. Namun kerajaan masih merupakan penjana ekonomi negeri yang paling utama sepertimana yang diberikan dalam Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Al-Sultan semalam sempena Perasmian Dewan Undangan Negeri Yang Kesebelas. Oleh yang demikian, Kerajaan Negeri masih bertanggungjawab bagi memastikan pembangunan negeri masih dapat digiatkan dengan lebih efektif.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, berpandukan kepada permohonan jawatan-jawatan kosong baik di sektor awam mahupun di sektor swasta ia menunjukkan bahawa masih ramai lagi rakyat kita mencari peluang-peluang pekerjaan. Menyedari hakikat ini kerajaan mestilah melaksanakan program-program yang dapat menambahkan bilangan pekerjaan dalam semua daerah di Negeri Terengganu. Kerajaan haruslah berusaha untuk merealisasikan sepenuhnya Program *Full Employment* dengan izin, atau Gunatenaga Penuh di mana rakyat mencari pekerjaan akan dapat memperolehi pekerjaan bagi tujuan menyara keluarga mereka. Ini bermakna Polisi Pertumbuhan Ekonomi Negeri mestilah berlandaskan Strategi Pertumbuhan Insentif Gunatenaga atau *Employment Incentive Growth Strategies*, dengan izin. Selaras dengan misi nasional yang dirangka dalam Rancangan Malaysia Kesembilan yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri baru baru ini. Teras pertama RMK-9 antara lain ada menekankan usaha-usaha dalam meningkatkan nilai tambah serta mewujudkan peluang pekerjaan dalam sektor pembuatan, perkhidmatan dan pertanian. Bagi menjayakan usaha ini Kerajaan Negeri perlulah mengambil insiatif dan mengadakan perancangan rapi dalam memastikan kejayaan Rancangan Malaysia Kesembilan. Sepertimana yang kita sedia maklum bahawa kerajaan mampu untuk membantu dalam penjanaan peluang-peluang pekerjaan dengan melaksanakan polisi polisi yang dapat memangkin pertumbuhan sektor swasta serta perniagaan dalam negeri. Juga cara terbaik untuk menyediakan lebih banyak peluang pekerjaan adalah dengan merangsangkan pertumbuhan ekonomi negeri. Ekonomi yang pesat membangun bukan sahaja dapat meningkatkan pendapatan rakyat tetapi sekaligus dapat menyediakan ruang dan peluang pekerjaan kepada semua. Keupayaan kerajaan untuk menjana pertumbuhan ekonomi dan meningkatkan peluang pekerjaan ini penting kerana ianya juga dapat membantu dan mempercepatkan usaha kerajaan dalam pembasmian kemiskinan terutamanya kemiskinan tegar.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, oleh kerana sektor swasta adalah sektor yang berupaya meningkatkan peluang pekerjaan dalam negeri secara berterusan maka adalah amat penting kerajaan memberikan pelbagai galakan dalam menarik minat pelabur ke Terengganu. Apabila siap sepenuhnya lebuh raya ke Pantai Timur, impian ini insyaAllah akan menjadi realiti. Namun kerajaan masih perlu melaksanakan polisi mesra pelabur bagi memastikan Terengganu menjadi destinasi pelabur yang utama di Malaysia. Usaha kolaborasi antara negeri dengan sektor swasta dapat ditingkatkan dengan program galakan industri seperti memberikan kredit terhadap upah, pengecualian cukai tempatan, memberi insentif kepada majikan yang menambah bilangan pekerja serta penyediaan keperluan infrastruktur secara percuma. Enterprise kecil dan sederhana adalah juga merupakan satu sumber utama dalam menyediakan peluang pekerjaan galakan yang sesuai perlu dilaksanakan bagi memupuk enterprise kecil dan sederhana yang baru dan juga merangsang enterprise yang sedia ada bagi berkembang dengan lebih pesat. Oleh kerana modal adalah salah satu penghalang dalam pertumbuhan IKS, kaedah yang lebih inovatif perlu dilaksanakan dalam menyediakan modal yang diperlukan oleh IKS. Penubuhan satu agensi khas yang dapat mengurus risiko mencari peluang pekerjaan dan mengagihkan dana sebagai modal kepada IKS dapat membantu dalam membentuk usahawan berdaya saing, maju serta dapat menjadi pemangkin dalam penjanaan peluang-peluang pekerjaan seterusnya. Mekanisme ini dapat diberikan akses terhadap modal kepada perniagaan kecil dan sederhana yang mana jikalau mereka tidak dapat berfungsi atau berkembang sepertimana yang diharapkan, pinjaman dalam Program Akses Modal ataupun PAM ini dapat seterusnya dijual sebagai satu bentuk sekuriti ataupun saham berasaskan aset.

Sektor perkhidmatan adalah satu sektor yang amat berpotensi di Negeri Terengganu. Pelbagai insentif pelaburan dan industri pelancongan dapat diberikan kepada sektor swasta dalam membangunkan negeri sebagai destinasi pelancongan utama bagi pelancong dalam dan luar negara. Satu subsektor yang pesat berkembang adalah di dalam pengendalian pameran, seminar, bengkel dan *conferences* atau MICE *(Meeting, Incentive, Conferences and Exhibition)* dengan izin, sama ada di peringkat kebangsaan mahupun antarabangsa. Untuk setengah-setengah negara hasil dari penganjuran MICE ini telah dapat menyumbang sebanyak 25 peratus terhadap keseluruhan pendapatan bagi sektor pelancongan. Ingin saya cadangkan di sini Kerajaan Negeri bersama pihak swasta membina satu Pusat Dagangan bertaraf antarabangsa yang dapat menyediakan ruang bagi pameran dan *conferences* dan seterusnya menarik lebih ramai pelancong serta menyediakan peluang-peluang pekerjaan baru kepada rakyat. Negeri kita juga telah dianugerahkan dengan pelbagai keindahan semulajadi seperti pulau, pantai dan tasek. Sektor pelancongan di Tasik Kenyir dapat dikembangkan dengan pembangunan taman rekreasi ala *Disney World.* Pembangunan taman rekreasi ini dicadangkan lebih menjurus kepada tarikan-tarikan eko pelancongan yang telah menjadi semakin popular sekarang. Ianya juga akan menjadi taman rekreasi yang pertama di Koridor Pantai Timur. Dengan pembinaan taman rekreasi ini adalah diharapkan ianya dapat mencetuskan peluang-peluang pekerjaan kepada rakyat di Negeri Terengganu.

Satu lagi subsektor yang berdaya maju dalam industri pelancongan adalah Pelancongan Kesihatan. Ia telah digariskan juga dalam Rancangan Malaysia Kesembilan sebagai salah satu strategi untuk menarik pelancong asing. Negeri Terengganu juga berpotensi untuk

turut serta dalam sektor ini terutama dalam rawatan perubatan tradisional. Pakatan strategik dengan pihak swasta perlu diadakan bagi melaksanakan penubuhan pusat rawatan, klinik, hospital dan sebagainya yang akan menjadi tarikan kepada pelancong asing serta secara tidak langsung dapat menambahkan peluang pekerjaan kepada rakyat Terengganu.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, sesuai dengan slogan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani iaitu 'Pertanian Suatu Perniagaan' atau *'Agriculture Is Business'*, dengan izin adalah bertepatan jika Kerajaan Negeri menggalakkan masyarakat Terengganu menjadi usahawan di dalam bidang pertanian. Perisytiharan tahun 2006 sebagai Tahun Pertanian Negeri Terengganu juga memberikan penekanan terhadap sektor ini untuk terus meningkatkan kebajikan bukan sahaja petani, penternak dan nelayan tetapi juga memupuk usahawan-usahawan yang baru dalam bidang pertanian dan asas tani. Berdasarkan statistik Unit Perancang Ekonomi Negeri, sektor pertanian akan kekal menjadi penyumbang utama bagi gunatenaga di Negeri Terengganu pada tahun 2020. Dengan itu, kerajaan perlu memperkukuhkan sokongan terhadap sektor ini bagi memastikan penjanaan peluang pekerjaan yang berterusan. Kerajaan perlu berganding bahu dengan universiti dan institut penyelidikan tempatan terutama KUSTEM bagi mempertingkatkan aktiviti penyelidikan dan pembangunan dalam sumber-sumber semulajadi serta biodiversiti bagi mendapatkan produk ubatan herba dan tradisional yang baru. Sebagai contoh, pensyarah-pensyarah di KUSTEM telahpun meneroka dan telahpun dapat menghasilkan produk-produk baru di antara lain menyembuh luka dan mengubati kencing manis dengan menggunakan sumber-sumber semulajadi yang ada di Negeri Terengganu. Per*commercial*an produk-produk ini dapat memberikan rangsangan kepada industri pembuatan ubat herba dan tradisional serta menyediakan peluang-peluang pekerjaan yang baru dalam industri ini. Beberapa tanaman berpotensi bagi Negeri Terengganu perlu dikenal pasti dan diberikan galakan untuk dibangunkan dan dimajukan. Golongan wanita terutama ibu tunggal dapat digemblengkan dalam Program Peningkatan Pengeluaran Tanaman Kontan atau *Cash Crop* dengan izin, yang dilaksanakan dalam Zon Taman Kekal Pengeluaran Makanan. Oleh kerana golongan wanita juga mempunyai tanggungjawab yang berat dalam menjaga kebajikan keluarga adalah dicadangkan bahawa penglibatan mereka ini adalah secara sambilan bagi membolehkan mereka melaksanakan tanggungjawab mereka sebagai ibu.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, dalam Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Al-Sultan semalam, ada menyatakan pembangunan insan dijadikan teras dalam agenda pembangunan negeri. Usaha ini adalah amat baik dan perlu diteruskan dengan bantuan dari pelbagai pihak. Kajian telah menunjukkan bahawa pendidikan adalah kaedah terbaik bagi meningkatkan taraf hidup rakyat. Rakyat yang berpendidikan berfikiran luas dan mempunyai minda kelas pertama adalah penting dan menjadi prasyarat bagi memacu pembangunan ke arah Wawasan 2020. Alhamdulillah, Terengganu telah membuktikan keupayaan dalam bidang pendidikan terutamnya di dalam Peperiksaan UPSR dan PMR. Bagi melahirkan rakyat yang cemerlang, gemilang dan terbilang usaha ini tidak berakhir dengan kejayaan dalam pendidikan sahaja. Kita memerlukan rakyat yang juga bertanggungjawab, berfikiran kreatif, inovatif yang cintakan perpaduan, yang cintakan negara dan mempunyai ciri-ciri masyarakat glokal. Oleh yang demikian, kerajaan perlulah menggariskan satu perancangan jangka panjang atau *blue print* mengenai dengan pembangunan insan agar sasaran yang diingini dapat dicapai. Sepertimana yang kita sedia

maklum, perancangan jangka panjang pembangunan fizikal negeri telah dibuat dan digariskan dengan lengkap maka sudah tiba masanya untuk Kerajaan Negeri merangka satu pelan perancangan pembangunan insan agar masyarakat syumul yang seimbang dalam kemajuan rohaniah dan insaniah dapat diwujudkan.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, berkaitan dengan soal kemudahan awam. Bas Mini yang bergerak di sekitar Bandar Kuala Terengganu yang mana pemegang-pemegang sahamnya adalah terdiri daripada Persatuan Bot Penambang Seberang Takir dan juga Ahli-ahli Persatuan Pengayuh Beca yang mana diberi saham percuma sebanyak RM1,000.00 seorang dengan tujuan untuk membantu mempertingkatkan pendapatan mereka. Syarikat Bas Mini ini pada awal penubuhannya memiliki 8 buah bas tapi malangnya hari ini hanya tinggal 2 buah sahaja yang mampu bergerak di atas jalan raya. Saya juga difahamkan bahawa tahun terakhir mereka menerima dividen adalah pada tahun 1998 dengan nilai sebanyak RM50.00. Dan apakah perancangan dan halatuju Syarikat Bas Mini ini di masa hadapan untuk mempertingkatkan pelaburan golongan ini demi untuk menjamin pulangan kepada mereka dengan tujuan untuk mempertingkatkan pendapatan golongan-golongan yang berpendapatan rendah. Apakah nasib syarikat bas ini selepas ini? Saya mencadangkan supaya satu tindakan diambil oleh pihak kerajaan.

Akhir sekali saya ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan syabas kepada YPU yang telah berjaya melangkah keluar meng*internationalise*kan Terengganu dengan meletakkan kuih tradisional di pasaran dunia iaitu di Dubai. Walau bagaimanapun, YPU masih perlu menyedia dan mewujudkan pengusaha-pengusaha terutama pengusaha-pengusaha yang saya difahamkan baru-baru ini tidak dapat memenuhi kehendak pengeksport iaitu pengusaha-pengusaha Apit-apit dan Rokok Arab. Setinggi-tinggi tahniah dan syabas kepada YPU. Matahari tetap matahari walaupun orang buta tidak dapat melihat. Sekian, wabillahi taufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Yang Berhormat Seberang Takir. Dipersilakan Yang Berhormat Wakil Wakaf Mempelam.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Assalamualaikum warahmatullahitaala wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat, para pegawai dan para Pemerhati yang saya hormati dan saya kasihi sekalian.

Yang pertamanya, saya merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua kerana memberi ruang dan peluang kepada saya dalam waktu yang terbatas untuk turut sama membahaskan Titah Ucapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Al-Sultan semalam.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, sebelum saya pergi untuk lebih lanjut untuk membahaskan Titah Ucapan Tuanku saya ingin memaklumkan bahawa saya agak kecewa pada minggu lepas fail Persidangan Dewan saya kecewa dan hairan kerana saya dapati Soalan Bertulis yang saya kemukakan sebanyak 4 soalan, yang ada cuma fail itu cuma ada 2, 2 soalan saya ditolak. Dan memang menjadi hak Yang Dipertua untuk menolak soalan-

soalan, itu perkara biasa yang kita terima cuma sebelum daripada ini semua soalan yang kita kemukakan dimasukkan ke dalam fail dan kemudian ditolak tapi sekurang-kurangnya ada rekod soalan yang kami hantar yang kami tanya, soal nak tolak tu, kemudian tapi tidak ada, malah dalam buku jawapan kepada Soalan-soalan Bertulispun tidak ada kerana ianya telah ditolak dan tidak dikemukakan langsung. Soalan yang saya kemukakan yang telah ditolak Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, yang pertama sekali berhubung dengan saya mintak tanya, saya memohon untuk disenaraikan dengan izin – Agensi-agensi Kerajaan Negeri, Badan Berkanun serta syarikat-syarikat milik Kerajaan Negeri dan milik agensi Kerajaan Negeri yang dicadang untuk ditadbir di bawah pentadbiran Terengganu Incoporated sebagai Investment Holdings Organisation dan sehubungan dengan itu sila nyatakan adakah kerajaan bercadang untuk menswastakan agensi-agensi kerajaan iaitu Badan Berkanun yang dicadangkan ditadbir di bawah pentadbiran Terengganu Incoporated. Saya tanya lagi - Sekiranya diswastakan adakah kakitangan yang terlibat akan diambil bekerja semua semuanya ataupun dipilihan bersara dan sila nyatakan jumlah ekuiti syarikat-syarikat yang akan diambil alih oleh Terengganu Incoporated, itu yang pertama. Soalan saya yang kedua, saya tanya - Berapa buahkah sekolah baru yang dibina selepas bulan Mac, 2004 dan sila senaraikan nama sekolah yang dibina tapi tidak siap mengikut jadual di negeri ini pada tahun 2004, 2005 dan hingga Mac 2006. Pagi ini saya kemuka pula satu Usul di Dewan yang mulia ini tetapi Usul juga ditolak. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya difahamkan Terengganu Inc. Sdn. Bhd. telahpun didaftarkan pada 1hb. Mac, 2006, persoalan yang timbul sekarang ini ke mana halatuju Terengganu Incoporated dan apakah model kalau nak dikatakan *restructuring* dengan izin, Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, yang hendak dibuat. Kita perlu telus mungkin kita nak mengikut model J-Corp atau Johor Corporation tapi J-Corp itu ada masalah. .....

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua .....

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Saya baru nak start, biar beri peluang dulu .....

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, ini luar daripada Titah Ucapan Tuanku .....

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Ya? Tak berapa jelas.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Dalam Titah Ucapan Tuanku tidak disebut Terengganu Inc. jadi ini keluar daripada apa yang diperbahaskan sekarang. Jadi saya mintak ..... soalan telah ditolak dan Yang Berhormat Wakaf Mempelam bangun untuk berbahas Ucapan Tuanku. Jadi apa yang disebut Terengganu Inc. dan sebagainya itu tidak terdapatpun di dalam ucapan ini. Jadi ianya tidak relevan, Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Okey, okey, duduk, duduk. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, ini tak berapa nak reti ni, masuk 2 penggal jadi Wakil Rakyat, jadi Exco tapi tak reti lagi. Tuanku

ada sebut macam-macam, bak ekonomi, bak apa, ini semua sekali dalam Ucapan, kita bebas. Kita tak boleh nak bercakap benda-benda yang kalau dah tak reti jangan nampak dok cerdik kita tu, dengar dulu. Kita sekarang ni, kita bahas .....

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, kerana dok reti ni daripada 4 orang jadi 28 orang ni, kalau reti barangkali habislah, empat-empat orang ini takdok dah kerana dok reti daripada 4 orang jadi 28 orang.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Yang Berhormat, menang-kalah tu bab lain, Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua. Ini, sayapun tak reti ni, macam-macam apa ni ..... Allah, Allah, Allah .....

YANG BERHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, memang tak retipun .....

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Kalaulah macam ini taraf, baru nak *start* bercakap, nak khabar cara molek, saya takmboh balah. Haa ... ini kawan saya, saya harap kawan saya ni kawan lama, baik .....

YANG BERHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya nak perbetul keadaan Dato' Yang Dipertua. Usul Wakil Wakaf Mempelam mengenai Terengganu Inc. telah ditolak dan sekarang Usul untuk membahaskan Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Tuanku. Bercakaplah, Usul yang ditolak jangan disebut lagi. Ini diulang, hak dah tolak nak buat benda. Sekarang ini dia mengaku dia tak tahu, kalau tak tahu kena reka tahu .....

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya minta supaya Yang Berhormat cuba buat *ruling* supaya jangan ganggu. Dulu saya ingat lagi, pernah dalam waktu satu Persidangan pernah dikemukakan Laporan Kertas Putih berhubung dengan isu Perhutanan. Buat Kertas Putih, bawa kepada Dewan saya yang bawa Usul untuk dibahas, ditolak dia kata Yang Berhormat boleh bercakap/bahas dalam Ucapan. Bila kita bercakap dalam ucapan, dia kata takdok pulak. Nak bercakap tak boleh, buat apa buat laporan? Ini begitu jugak, kita nak tengok, beri pandangan berhubung dengan .....

YANG BERHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, penjelasan, bukan kita tak beri bercakap, cakap tu lama dah bercakap tapi bercakap itu biarlah hak betul berdasarkan Peraturan Dewan .....

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Cuba khabar benda apa hak tak betul gok apa yang saya cakap tadi tak betul, cuba khabar saya?

YANG BERHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Usul saudara telah ditolak.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Ya, okey.

YANG BERHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Bangkit benda, tolak dah. Bercakap hal lain, hal-hal Titah Ucapan. Ke tak faham lagi?

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Saya daripada awal mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat untuk bahas Usul Titah Tuanku .. ....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA Yang Berhormat Wakaf Mempelam, sila teruskan ucapan dengan Perbahasan Titah Di Raja.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Saya sekarang sedang membahaskan Titah Ucapan Di Raja, Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua berhubung dengan perkembangan ekonomi 4.6 peratus. Tapi saya rasakan dalam melibatkan bab ekonomi ia terlibat secara langsung jugak tentang polisi dan perancangan kerajaan termasuklah ke arah untuk menubuhkan Terengganu Incorporated. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya difahamkan kalau silap saya *gentleman* kalau tak betul beritahu tapi saya difahamkan telah dibuat satu taklimat dengan izin Dato' Yang Dipertua berhubung dengan penubuhan Terengganu Incorporated ni. Ada beberapa fasal, fasal yang pertama, *stage one,* dengan izin, dikatakan *"Establishment And Incoporation Of Terengganu Incorporated As The Investment Holding Organisation."* Itu tahap yang pertama dan ianya melibatkan semua *group* SEDC, Lembaga Tabung Amanah Warisan Negeri, semua Yayasan-Yayasan and MB Incoporated iaitu Perbadanan Menteri Besar. Tahap yang kedua, fasal yang kedua, *stage* kedua, dengan izin Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, *"Transfer of shareholding of all operational companies and other assets directly to Terengganu Incorporation."* Memindahkan semua saham-saham kepada Terengganu Incorporated. Semasa taklimat diberi, persoalan yang ditimbulkan banyak, masing-masing tertanya halatuju, ke mana nak dibawa tapi tidak ada jawapan yang diberikan. Termasuk .....

YANG BERHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, penjelasan – Bila taklimat itu diadakan yang Wakil Wakaf Mempelam tahu taklimat ini, bila?

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Ada-ada benda yang saya tak perlu beritahu, Dato' Yang Dipertua tapi taklimat telahpun diberikan.

YANG BERHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Dia tahu Dato' Yang Dipertua. Bila?

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Taklimat telahpun dibuat kerana dia telahpun ditubuhkan pada 1hb. Mac baru-baru ini. Jadi Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, kalaulah perkara ini perlu,

kerajaan kena telus, biarlah kita ada ketelusan untuk cari kebaikan bersama kerana ramai yang beranggap bahawa penubuhan Terengganu Incorporated ini suatu kesilapan yang tak sepatutnya berlaku kerana tidak ada justifikasi, tak ada rasional kerana dulu pernah dicadangkan untuk buat satu bentuk *rationalisation* semua agensi Kerajaan Negeri sebagai contoh, *commercial activities* dengan izin, Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua dipindah ataupun diserahkan kepada SEDC dan setiap agensi ada core bisnes masing-masing. Tetapi dengan cadangan ini nak tubuh Terengganu Incorporated bagi saya akan berlaku lebih banyak sudu dan senduk tapi isi dan kuah tak berapa nak ada. Dan yang bimbangnya Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua bila timbul *restructuring exercise* ini akan wujud *post* atau jawatan yang *redundant* dengan izin, yang akan berlakulah pembuangan pegawai dan pekerja atas nama VSS. Dan mungkin pengurusan baru boleh nak buang hak mana yang dia tak suka, nak masuk yang mana yang dikehendaki itu perkara biasa berlaku. Jadi ini yang kita harap supaya selepas daripada ini .....

YANG BERHORMAT HAJI WAN HISHAM BIN WAN SALLEH (Wakil Ladang): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, minta penjelasan?

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): ..... pihak kerajaan akan memberikan penerangan-penerangan yang lebih jelas, sikap yang terbuka .....

YANG BERHORMAT HAJI WAN HISHAM BIN WAN SALLEH (Wakil Ladang): Minta penjelasan, Dato' Yang Dipertua .....

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): yang lebih jelas, sikap yang terbuka supaya ianya dapat kita masing-masing boleh beri pandangan, boleh beri *comment* untuk kita cari kebaikan bersama.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya nak berbalik kepada Titah Ucapan Tuanku. Terima kasih Wakil ..... rakan saya daripada Ladang. Saranan pada muka surat 25 yang dikemukakan oleh Duli Yang Maha Mulia Al-Sultan semalam. Dan saya setuju dengan saranan Tuanku Al-Sultan yang menyatakan Kerajaan Negeri sentiasa mengambilkira kepentingan rakyat jelata semasa merancang dan melaksanakan program pembangunan tersebut dengan mengambilkira aspek analisa manfaat dan kos *(cost benefit analysis)* serta impaknya kepada rakyat. Ini peringatan yang dikemukakan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Al-Sultan supaya kerajaan jangan sekali-kali membuat dan melaksanakan dasar dan perancangan yang silap. Soalan saya mengenai syarikat-syarikat milikan Kerajaan Negeri dan agensi Kerajaan Negeri yang telah dijual sejak tahun 2004 pagi tadi tidak sempat dijawab. Saya nak sebutkan perkara ini iaitu berhubung dengan syarikat contoh yang saya nak beri iaitu Syarikat Jasa Merin Malaysia Sdn. Bhd. Apakah asas dan kriteria untuk jual Syarikat Jasa Merin yang untung? Apakah dasar Kerajaan Negeri, menjadi dasar kita untuk menjual syarikat yang untung kerana kalau tak silap ingatan saya Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, waktu Pas perintah dulu walaupun kawan-kawan kita macam-macampun tak apa, katalah nak kata apapun. Tapi Syarikat Jasa Merin ini kita membuat keuntungan *nett profit* antara RM6 juta hingga RM10 juta setahun. Zaman kita perintah juga syarikat ini berjaya membina dua buah kapal baru bernilai RM64 juta. Nama kapal itu Gagah dan sebuah lagi Perkasa, ini waktu BN perintah itu tak boleh buat ni dan

nilai aset RM100 juta tapi syarikat ini telahpun dijual, tak tahulah kot-kot dijual kepada kroni-kroni, kita tak tahu, Hak ni nak kena siasat semulalah. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya bimbang kerana sejak akhir-akhir ini pengurusan dan pentadbiran negeri semakin tertutup dan tidak telus khususnya dalam melaksanakan Projek Pembangunan Di Pulau Duyong, Pulau Wan Man dan Projek Membina Dan Menyiapkan Benteng Pemecah Ombak Dan Kerja-Kerja Berkaitan Di Muara Sungai Kuala Terengganu. Cara menangani isu Pembangunan di Pulau Duyong dan di Pulau Wan Man amat mengecewa dan mencurigakan. Projek Pembangunan Pulau Duyong saya difahamkan diberi kepada Tabung Warisan dan pihak SEDC hanya *supervise,* pakai nama saja tak ada apa-apa SEDC, pemaju yang menentukan segala-galanya. Soal *quotation,* soal harga, langsung tak boleh masuk campur, pakai *endorse* saja, berapa nak letak *yes,* tak ada masalah. Malah kalau mesyuarat dia jadi macam *'one man show'* dengan izin Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, style ala-mafia. Pandangan jabatan teknikal, Pejabat Tanah ke, MPKT ke, SEDC ke, langsung tidak diambilkira. Buat jalan tak ikut *spec,* tak ikut spesifikasipun tidak boleh ditegur, tak boleh dibangkang. Pegawai-pegawai kita langsung tidak dihormati dan tidak dihargai. Pegawai menjadi *Toothless Supervision Officer* dengan izin, Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, macam pegawai kita takdok gigi hanya ada gusi. Maklumlah Dato' Yang Dipertua, projek daripada Kuala Lumpur melalui kroni Perdana Menteri, lesen besar. Dan tahun ini pulak saya difahamkan tadi rakan saya Yang Berhormat Ladang mengatakan kita akan buat Monsoon Cup dengan lebih meriah, lebih besar, sambutannya, persiapannya lebih baik dan kejohanan tahun ini insyaAllah akan jadi lebih hebat. Pembangunan Infra diteruskan, bilik chalet tambah 40 buah lagi, khemah sementara diganti dengan struktur tetap dikenali dengan *Club House,* Pengkalan bot atau marina akan dibina jumlah kos jangan ditanya, semua beres daripada RM120 juta naik RM220 juta dan akan naik lagi insyaAllah. Tapi yang saya sedihnya Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, tahun lepas bila Monsoon Cup pertama diadakan. Saya diberitahu lebih kurang 500 orang pelayan asing diambil bekerja sepanjang Kejohanan Monsoon Cup untuk meraikan dan menghiburkan peserta dan tetamu. Ada majlis tari menari diadakan secara tertutup di dalam khemah dan mungkin bila ada *Club House* acara-acaranya akan lebih hebat lagi. Dan ini berlaku di Pulau Duyong, pulau Tok Syeikh Duyong, pulau yang pernah menjadi tempat tinggal seorang Ulama terkenal di Negeri Terengganu. Pemimpin negeri boleh bangga kerana boleh bawa mari ke Negeri Terengganu ini boss Ferari, John Ford apa ke namanya, lupa dah dengan kehendak dia Michelle Yeoh, megah boleh bersalam kerana mereka nak mari, boleh buat rumah di Terengganu, hak ini ke kita nak jemput jadi rakyat kita? Tapi rakyat sendiri boleh nampak .....

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, itu satu tuduhan .....

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): ..... kerana Pulau Duyong sekarang ini sudah menjadi tempat yang eksklusif. Rakyat .....

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Laluan, Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, inilah sikap orang Pas .....

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): ..... tak boleh pergi dekat, jadi tempat/kawasan kawalan sehinggakan orang buat sindiran .....

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Laluan Yang Dipertua, takkan takmboh beri .....

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): ..... orang maklum ke saya dia sindir, dia kata Pulau Duyong dan Pulau Wan Man sudah menjadi kawasan otonomi, Gabenornya Patrick Badawi .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat Wakaf Mempelam, beri laluan .....

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Laluan, Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua. Terima kasih banyak kepada Wakil Wakaf Mempelam .....

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya nak habis ..... waktu .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tak apa, saya yang jaga masa .....

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): ..... Kita kawan lama dah, 4 tahun lepas kawan dah, ini berkawan pulak, takkan tak boleh beri. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, dakwaan 500 orang pelayan, ada tarian, itu satu dakwaan palsu. Apa yang diucapkan oleh Yang Berhormat daripada Wakaf Mempelam hari ini akan diambil oleh Harakah, akan diambil oleh itu ..... dan disebarkan sebagai satu dakyah, satu tohmahan untuk permainan politik, takdok benda. Sekarang ini takdok apa yang nak diucapkan, dia buat tuduhan-tuduhan palsu sebagaimana dikatakan kepada ADUN Tepoh, sebagaimana dikatakan kepada ADUN Sura semuanya palsu. Jadi kalau kita tidak jawab begini, rakyat dengar semuanya dia kata betul sedangkan apa yang dikatakan itu semuanya bohong, tiada perkataan lain semuanya bohong belaka daripada Yang Berhormat Wakaf Mempelam. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Saya takmboh layan orang hulu pada hari ini Dato' Yang Dipertua. Saya sebut perkara ini berlaku di Pulau Duyong dan sejarah berulang, sejarah berulang oleh kerana kita tidak mengambilkira kepentingan negeri dan rakyat jelata, kita sentiasa rugi. Dulu saya ingat lagi, mula-mula saya masuk Dewan tahun '90, heboh soal tanah di Pulau Redang, tanah yang luas diberikan dengan harga yang begitu murah kepada Vincent Tan atas nama Redang Island Resort. Lepas itu, timbul pula Projek Awana Kijal kepada Genting Group, timbul pula isu Perwaja Steel bawah Eric Chia pada waktu itu, bina rumah pekerja di Geliga tanpa kelulusan kita, *nothing we can do,* mentang-mentang dia orang besi dengan izin, Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua .....

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Haa ... ini orang Kijal,

YANG BERHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Nak perjelas .....

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Hah .... Sila.

YANG BERHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Terima kasih, Wakaf Mempelam. Ini termasuk tanah di Tembat dan Petuang, di Hulu Terengganu 400,000 ekar dan hak SKKPJ yang dalam kes mahkamah, tambahan kepada Wakil Wakaf Mempelam ....

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Dan saya tambah se lagi Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua. Pada 1998 28 Ogos, lulus Projek Pelancongan Taman Safari Hulu Dungun *(Dungun Safari Park)* seluas 4,654 hektar atau 11,500 ekar untuk baham balak.

YANG BERHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Serupa, Tuan Pengerusi .....

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Aah?

YANG BERHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Serupalah.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Ooh ..... (Dewan Gelak) ..... Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, begitu Projek Membina Dan Menyiapkan Benteng Pemecah Ombak Dan Kerja-kerja Berkaitan Di Muara Sungai Terengganu. Semua keputusan daripada Kuala Lumpur. Jabatan Teknikal diminta untuk *supervise* dengan izin, nak *supervise* apa? Tak ada *proper documentation,* tak ada *proper scope of work,* dengan izin, tidak ada *bill of quantity,* tidak ada *proper specification,* laporan EIA ke, Hidrologi ke, tidak ada dan projek ini diberi secara *Direct Negotiation, Direct Nego* kepada Syarikat Inai Kiara Sdn. Bhd. yang beralamat di Lot 7, Tingkat 1 & 2, Saujana Resort, Seksyen U 11, Shah Alam. Tarikh milik tapak 7 April .....

YANG BERHORMAT ENCIK ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua,

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): ..... Tempoh siap 6 April .....

YANG BERHORMAT ENCIK ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): Pohon laluan .....

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Oh ya .....

YANG BERHORMAT ENCIK ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): Kelulusan berkenaan dengan muara Sungai Terengganu semasa mana, semasa era 2000 – 2004kah ataupun Kerajaan BN sekarang?

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, takdok kena mengena. Dulu dia kaut pasir nak dalam sungai dia bubuh tepi tu. Lepas itu dia *lok bodoh,* sepatutnya teruskan projek waktu kita memerintah tapi dia takmboh buat, dia takmboh bagi kredit kepada Kerajaan Pas, ini projek baru waktu Umno memerintah. Milik tapak pada 7 April, 2005 tempoh siap 6 April, 2008 .....

YANG BERHORMAT ENCIK ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): Dato' Yang Dipertua, pohon laluan .....

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Tempoh masa 36 bulan, kos asalnya anggaran RM50 juta tetapi oleh kerana semua ditentukan daripada Kuala Lumpur, kos sekarang RM366 juta .....

YANG BERHORMAT ENCIK ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): Saya pohon laluan, Dato' Yang Dipertua .....

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Ini belum lagi masuk VO *(Variation Order)* tujuh kali lebih tinggi daripada harga/kos asal tapi kita tak boleh buat apa-apa. Ada *hanky-panky something going on* dengan izin, Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua. Saya tak tahulah sama ada lantik *consultant* ataupun tidak tapi saya bimbang, pernah berlaku dahulu dia buat jeti di Merang hendak pergi ke Pulau Redang, *takdang* berapa lama jeti itu akhirnya duduk atas darat. Ini kes tambak tak tahulah cara mana dia itu tapi itulah yang berlaku. Begitu jugak dengan Projek Kompleks Sukan, pembinaan Stadium Utama yang dikatakan RM191 juta. Syarikat yang mendapat kontrak dikatakan berada pada kedudukan nombor 13 dalam senarai pembida projek. Apa kriteria, apa perkiraan yang digunapakai kerajaan dalam memberi projek kepada syarikat tersebut, wallahua'lambissawab. BPR kalau ada tolonglah tengok-tengok sikit. Tuanku duk sebut macam-macam, jimat berbelanja dalam suasana yang ada sekarang ni. Dan saya yakin Kompleks Sukan itu Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, akan naik lagi kosnya, kosnya akan naik lagi kerana saya dimaklumkan/mendapat maklumat, beberapa orang Pegawai Kanan Kerajaan telahpun pergi melawat Stadium Olympic di Sydney, Australia. Walaupun saya difahamkan lawatan itu ditaja oleh kontraktor tapi padahal stadium itu masih dalam pembinaan semacam sudah ada rancangan untuk buat *Variation Order,* untuk buat VO. Maklumlah sekarang, akhir-ahkir ini lawatan ke luar-luar negara kerap sedikit, duit tengah banyak sekarang ni. Pergi ke China nak tengok Incenerator, pergi ke Australia tengok penutup Sukan Komanwel, pergi ke New Zealand, hak pegawai-pegawai rendah ni alhamdulillah boleh gok pergi berjalan tapi sekadar Medan dan Hadyai saja. Alhamdulillah tak apalah bolehlah jugak hak ambil *'tumpang-tue'.*

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan saya berapa buah sekolah baru yang dibina selepas bulan Mac, 2004 dan sila senaraikan nama sekolah yang dibina tapi tidak siap

mengikut jadual di negeri ini pada tahun 2004, 2005 dan sehingga Mac 2006 yang ditolak. Dulu .....

YANG BERHORMAT HAJI DIN BIN ADAM (Wakil Bukit Besi): Minta laluan sikit Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua. Sekejap deh, saya mintak laluan sekejap.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Yes.

YANG BERHORMAT HAJI DIN BIN ADAM (Wakil Bukit Besi): Beri peluang ke dia bercakap saja, dia akan baham *ikut dang* sekali ni. Saya nak mintak penjelasan sedikit, rasa begitu sensitif sepatutnya yang ada lawatan ke Stadium Olympic di Sydney. Pegawai-pegawai Kerajaan yang ditaja oleh syarikat, cuba gok jelas yang ni, saya nak tahu pegawai mana, bila pergi, siapa-siapa yang terlibat, syarikat mana yang menaja? Saya yang bertanggungjawab saya tak pernah sampai ke Sydney.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Yang Berhormat kena jawablah, jawab molek jangan nak tutup punca, Terengganu ini kecil saja .....

YANG BERHORMAT HAJI DIN BIN ADAM (Wakil Bukit Besi): .... Mana ada tuduhan? Saya minta Wakil Wakaf Mempelam tolong jelaskan, jangan duk sebut *ikut dang* sekali, satu benda yang tak patut. Nanti sebagaimana Yang Berhormat Wakil Ajil kata tadi, malam ini balik sebar fitnah, ceramah, macam di tempat saya pagi tadi dah penuh dengan risalah di Bukit Besi mengatakan Dato' Idris, mengatakan PM dah menaikkan minyak 30 sen di Bukit Besi. Sekarang ini ada Program Mesra Rakyat yang dijalankan oleh Kementerian Penerangan. Tahniahlah dan terima kasihlah kepada Kementerian Penerangan beri penjelasan kepada rakyat.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Okey, Yang Berhormat saya nak Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, kawan kita ini akan jawab, biar dia jawab. Kalau dia nak kata ini tuduhan .....

YANG BERHORMAT HAJI DIN BIN ADAM (Wakil Bukit Besi): Jawablah dulu, kenapa tak bertanggungjawab .....

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Memang lawatan itu berlaku yang melibatkan beberapa Pegawai Kanan Kerajaan tapi Exco yang berkenaan hanya pergi ke Australia tengok acara penutup Sukan .....

YANG BERHORMAT HAJI DIN BIN ADAM (Wakil Bukit Besi): Tadi awak .....

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Saya tak sebut Exco yang pergi, hak ini rombongan lain hak itu rombongan lain, rombongan cukup banyak sekarang ini. Hak tu Exco pergi rombongan lain, hak itu khusus untuk Majlis Penutup tapi hak ni rombongan lain.

YANG BERHORMAT HAJI DIN BIN ADAM (Wakil Bukit Besi): Kita pergi tugas rasmi. Syarikat yang taja, tolong khabar gok.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Macam mana?

YANG BERHORMAT HAJI DIN BIN ADAM (Wakil Bukit Besi): Syarikat yang tolong taja pergi ke Sydney, pegawai yang terlibat, peruntukan berapa, berapa haribulan, tolong gok khabar.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Hah itu, kalau sekiranya .....

YANG BERHORMAT HAJI DIN BIN ADAM (Wakil Bukit Besi): Eh ... bekas Ketua Pemuda Pas tolong khabar .....

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Ya, ya. Jadi Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, dia boleh nafi dan insyaAllah dia boleh .....

YANG BERHORMAT HAJI WAN HISHAM BIN WAN SALLEH (Wakil Ladang): Dato' Yang Dipertua, ...

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): ..... dia melibatkan .....

YANG BERHORMAT HAJI WAN HISHAM BIN WAN SALLEH (Wakil Ladang): Dato' Yang Dipertua, Wakil Wakaf Mempelam telah membuat satu tuduhan yang besar implikasinya. Dia telah menuduh pegawai kita telah pergi ke Australia dengan ditaja oleh syarikat swasta, ini merupakan suatu tuduhan yang liar atau fitnah. Jadi saya harap Wakil Wakaf Mempelam dapat memberi bukti syarikat mana yang telah menaja pegawai-pegawai ini. Jika tidak ini merupakan suatu pembohongan yang besar yang cuba untuk mengaibkan pegawai-pegawai kerajaan. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Okey, terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua. Saya tetap dengan sikap dan pendirian apa yang telah saya sebutkan tadi. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua .....

YANG BERHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, ...

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): ..... berhubung dengan kes projek sekolah yang di .....

YANG BERHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, pohon penjelasan .....

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): ..... dulu pernah saya sebut berhubung dengan kes kontraktor yang mendapat projek-projek sekolah sewaktu Pas memerintah .....

YANG BERHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya pohon penjelasan .....

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): ..... di mana mereka mendapat projek ini terus daripada Kementarian dan mereka masuk ke tapak tak kira tanah milik ke, persendirian ke, tanah kerajaan ke, tapi mereka .....

YANG BERHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mintak laluan, ke takut?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Okey Yang Berhormat Wakaf Mempelam .....

YANG BERHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Berilah, sama gu ni, mintak laluan ni.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Saya ..... Masa cukup terbatas Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Tak apalah masa tambah .... (Dewan Gelak) .....

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Sila, sila.

YANG BERHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Dato' Yang Dipertua, sekali lagi saya merasa dukacita, sahabat saya Wakaf Mempelam yang suka membuat tuduhan dan fitnah. Saya mintak beliau menarik balik kalau tidak mempunyai bukti yang cukup kerana pada hari ini di atas galeri sana ramai Pemerhati yang melihat dan mendengar tuduhan tersebut dan besok semasa kita menggulung jawapan mereka ini kemungkinan tidak datang, jadi mereka pulang dengan membawa andaian bahawa kita telah melakukan penyelewengan, salahguna kuasa dan kita dibayar oleh kontraktor untuk melawat kawasan. Jadi saya mintak, kalau benda ini tidak boleh dibuktikan pada hari ini juga, siapa pegawai yang terlibat, syarikat mana yang sponsor mereka ke Australia, saya mintak ditarik balik demi maruah Wakil Wakaf Mempelam yang memang tidak bermaruah, Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya dah sebutkan tadi saya tetap dengan kenyataan saya. Soal kerajaan nak nafi itu hak kerajaan, saya juga nak jaga pegawai maruah pegawai yang berkenaan. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua .....

YANG BERHORMAT ENCIK ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, pohon laluan ....

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): ..... saya masa terbatas, saya nak sentuh hal sekolah bagi saya nak teruskan ucapan Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua .....

YANG BERHORMAT ENCIK ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): Saya pohon laluan, Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua .....

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Sekolah yang dibina begitu banyak, waktu Pas memerintah dulu .....

YANG BERHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Dato' Yang Dipertua, ...

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): ..... dibina ala mafia, tak dapat izin. Saya dimaklumkan sebanyak 44 buah sekolah .....

YANG BERHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Dato' Yang Dipertua, Wakil Wakaf Mempelam dayus, Dato' Yang Dipertua. Dayus, Wakil Wakaf Mempelam .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat! .....

YANG BERHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Jawab, tuduhan pandai, jawab tak pandai, duk reka sokmo, fitnah, pembohongan.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Tugas jawab, tugas kerajaan .....

YANG BERHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): kita mintak hari ini jugak jawab. Dayus Wakaf Mempelam, dayus. Tahu tak dayus, *guana*?

YANG BERHORMAT ENCIK ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya pohon laluan .....

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Yang Dipertua, ke nak ajak *bergocoh* pulak ni?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat Alur Limbat, sila duduk .....

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Ke nak ajak *gocoh* pulak ni?

YANG BERHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Sebut sekali lagi, sebut molek sikit.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua .....

YANG BERHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Takdok hal, royatlah.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Guana Yang Berhormat Wakil Kijal marah sangat .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Wakil Wakaf Mempelam, sila teruskan ucapan.

YANG BERHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Tadi sebab dia ajak .....

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Tadi molek dah, tadi .....

YANG BERHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Tak padan, halus sangat.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat Wakil Wakaf Mempelam, sila teruskan ucapan.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Ya, terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua. Jadi inilah projek sekolah tadi, masuk dalam keadaan begitu ada jugak yang tak siap mengikut jadual, banyaknya sekolah sehinggakan 44 buah sekolah yang pelajarnya tak sampai 150 orang. Begitu juga Projek Loji Rawatan Air *(Water Treatment Plant)* Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua di Kampung Seberang Gaung, Kuala Berang. Saya sebut sekali lagi perkara ini oleh kerana sampai sekarang, pagi tadi timbul perkara ini. Sampai sekarang tuan-tuan tanah seramai 82 orang yang melibatkan 8 lot tanah keluasan 18.2065 hektar masih tidak dapat bayaran. Projek dengar katanya dah siap. Dulu Wakil daripada Ajil cabar bila saya sebut katanya kontraktor atas nama Konsortium Projek Air Hulu Terengganu tidak wujud, dia cabar dan saya boleh buktikan bahawa kita telah buat *Search,* Carian Rasmi Suruhanjaya Syarikat Malaysia bahawa kontraktor atas nama Konsortium Projek Air Hulu Terengganu memang takdok dalam senarai yang didaftarkan di bawah Pendaftar Syarikat dan orang yang bertanggungjawab dengar katanya bekas Timbalan Menteri telahpun digugurkan, jenis cap kepala ayam.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Tuanku Al-Sultan menegaskan soal isu kemiskinan masih menjadi isu penting di negeri ini. Kadar kemiskinan di peringkat Pusat ialah 5.7 peratus. Dan Kerajaan Pusat dalam Laporan Rancangan Malaysia Kesembilan ada *target* untuk mengurangkan kepada separuh iaitu kepada 2.8 peratus pada tahun 2010 dalam RMK-9. Tetapi di Terengganu, waktu kita ambil alih pentadbiran/menang pada tahun 1999 kadar yang ditinggalkan kepada kita 13 peratus dan kita berusaha walaupun dinafikan royalti, takdok duit, tak mewah macam sekarang tapi kita cakna kepada rakyat daripada 13 peratus kita kurangkan kepada 10.6 peratus kadar kemiskinan di Negeri Terengganu. Dan Umno/Barisan Nasional kerajaan yang ada sekarang ini dalam tahun 2004 sehingga 2006, dua tahun daripada 10.6 peratus, sekarang telah meningkat kepada 16 peratus, jauh

berbeza berbandingkan kadar kemiskinan di peringkat Pusat. Sehinggakan kita telah menjadi nombor 2, naib johan .....

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, pohon laluan ....

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): ..... jumlah penduduk miskin paling ramai dalam negara. Saya merasakan bahawa Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya merasakan seolah-olah macam ada agenda, kerajaan nak tengok rakyat terus miskin dan terus jahil .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat sila beri laluan.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Laluan Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sila.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Wakil Wakaf Mempelam pernah menjadi Exco zaman Pas mula. Boleh beritahu ke tidak kepada kita apakah agenda yang dibuat ketika memerintah dulu sehingga turun daripada 13 menjadi 10 peratus. Boleh khabar ke tidak, agenda benda yang telah Pas buat kepada rakyat negeri ketika itu daripada 13 menjadi 10 peratus.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Ya. Saya minta Wakil berkenaan boleh mari berjumpa saya, saya boleh beri. Masa 10 minit ini saya takmboh buang masa Dato' Yang Dipertua .....

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Tak, jawab sekaranglah. Sebab Dato' Yang Dipertua, daripada data yang kita perolehi .....

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): ..... saya boleh khabar benda apa kita buat. Kita tak khianat ke rakyat, dengan harga minyak, rampas tanah rakyat, kita tak ambil kesempatan benda-benda macam tu ....

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Rampas tanah rakyat, tanah hak Yang Berhormat duduk tu hak Umno beri jugak dulu tu.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Apa dia?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Tanah hak Yang Berhormat duduk di Durian Burung tu hak Umno beri bukan Pas beri tak termasuk nursery hak buat kerja tu, hak Umno beri .....

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, ini dah timbul soal peribadi, saya tak perlu .....

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Ini bukan soal peribadi, hak betul Yang Dipertua ke tak betul?

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Ya? Tanah saya beli Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua .....

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Beli ..... tapi geran siapa yang beri?

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Ya?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Geran zaman Pas beri ke zaman Umno yang beri?

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Allah Laailaha-illallah. Haa.... Dia pergi ke situ, payah bahasa dengan orang hulu ni.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Sebab tak berapa cerdik Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Dia pergi tang ke situ, Allah, Allah. Keadaan ini Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, keadaan sekarang ini semakin parah bila harga minyak naik, harga barang dan perkhidmatan naik, kos hidup naik. Walaupun Tuanku sebut berhubung dengan kes dan tadi kawan-kawan sebut getah, kelapa sawit naik tapi bukan semua orang ada getah, ada kelapa sawit, berapa orang sangat peratusan rakyat kita yang ada getah, yang ada kelapa sawit. Kawasan Tepoh mungkin adalah dia ada Felda dan sekarang ini makin teruk dan bil elektrik akan naik lagi, memang naik, *confirm.* Ini semakin tertekan, rakyat rasa tertekan, marah, kecewa tapi diberi amaran jangan tunjuk perasaan marah, jangan tunjuk perasaan kecewa, jangan demonstrasi kerana kita hanya nak mendengar orang yang menyokong. Takdok usaha untuk naikkan harga minyak dan terus menekankan rakyat maka marilah hantar memorandum hak sokong. Antara hak sokong harga minyak naik Persatuan Imam dan Bilal. Antara hak sokong harga minyak naik Persatuan Mubarak, bekas-bekas Wakil Rakyat Umno. Antara hak sokong harga minyak naik veteran-veteran Umno, veteran Umno hak pakai tongkat dia tak pakai minyak dah, jenis hak takdok gigi ada gusi saja.

Jadi Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya satu lagi saya nak rujuk soal jawapan yang diberikan dalam Dewan ini kepada soalan sahabat saya Wakil Manir pada 12 April 2005 berhubung dengan peluang pekerjaan yang berjaya diwujudkan sejak Umno memerintah. Dan jumlah pengangguran, graduan yang menganggur di negeri ini. Anggaran pekerjaan

yang disebut secara official tahun 2004 berjaya mewujudkan 25,000 pekerjaan dan jumlah graduan yang menganggur dan menetap di Terengganu dianggarkan 2,300. Ini jawapan pada 12 April. Saya tak tahu jenis pekerjaan yang macam mana yang telah berjaya diwujudkan sebanyak 25,000. Mungkin barangkali antara jenis pekerjaannya yang diwujudkan iaitulah termasuklah kerja untuk mencari bahan terbuang di kawasan pelupusan sampah di Ajil dan jugak di Tepoh. Menggambarkan susahnya rakyat, dulu kita tak pernah dengar 7 keluarga di Ajil, mencari-cari duk *kuih* ke botol, cari plastik. Saya bukan nak menghina, mereka nak cari makan, mereka nak sara anak, anak nak sekolah. Tapi ini ke yang ada di Negeri Terengganu ni? Kerajaan mewah, membazir, lobi .....

YANG BERHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua .....

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): ..... Lobi Wisma Darul Iman sekarang ini RM300,000 buat hak baru padahal boleh pakai takdok masalah apa.

YANG BERHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, laluan .....

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Jadi Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya ada 4 minit lagi, lepas ini kita jumpa Wakil Kijal .....

YANG BERHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Saya mintak laluan, sekejap-sekejap saja, seminit saja laluan.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Jadi takdan dah. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, akhirnya .....

YANG BERHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): ..... *Lebong* saja ni ....

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): ..... saya tertarik dengan Titah Ucapan Tuanku yang pada penghujung ucapan ini Duli Yang Maha Mulia sebut khas untuk Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri. Selama ini saya tak terpandanglah mungkin *overlooked* dengan izin Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, ucapan sebelum pada ni Tuanku sebut khusus Ahli-ahli Dewan – "Beta menyeru supaya meneruskan khidmat cemerlang, sentiasa mempamerkan budi pekerti yang tinggi, membela nasib rakyat ....." dan sebagainya. Tapi barangkali ada sebab Tuanku menyebut khusus tentang budi pekerti yang tinggi di kalangan Wakil-wakil Rakyat. Saya mendengar akhir-akhir ini macam-macam berita .....

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN HAJI NUH (Wakil Tepoh): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, ...

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): ..... ada hak hantar SMS lucah kepada janda .....

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN HAJI NUH (Wakil Tepoh): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya pohon laluan .....

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): ..... macam-macam, mungkin tak betul saya minta maaflah, mungkin betul tapi ini berlaku .....

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN HAJI NUH (Wakil Tepoh): Minta laluan sekejap.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Takdok laluan dah, habis dah. Jadi Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sila Yang Berhormat, tak apa bagi laluan.

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN HAJI NUH (Wakil Tepoh): Bagi laluan sekejap.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Untuk mententeramkan, bagi laluan.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Atas ihsan Speaker, tak apa.

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN HAJI NUH (Wakil Tepoh): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, inilah yang dikatakan sebagai orang sentiasa 'menangguk di air keruh' sebab yang disebut oleh Duli Yang Maha Mulia Tuanku itu adalah sebagai suatu harapan tetapi kerana dia ini ada sifat zon yang kuat nak memburukkan orang, kita perlu ingat kepada firman Allah S.W.T. di dalam Suratul Hujarat (membaca petikan ayat 12), ini entah-entah duk sangka buruk ke orang apa semua sengaja Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua .....

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, ini panjang ni, saya ada 2 minit saja. Jadi saya nak sebut ni Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, kita bercakap nak melahirkan generasi Ulul Albab, kena sebut molek tu Ulul Albab .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Itu hak akhir dah tu, Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Dua akhir, ringkas-ringkas Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua. Tapi dalam keadaan nak melahirkan generasi Ulul Albab ini, kita dalam sidang Dewan kali ini kita akan bincang bubar KUSZA,SRAB (Sekolah Rendah Agama Bersepadu) akan ditutup, IMTIAZpun kalau sekadar nak tubuh IMTIAZ nak tumpang di KOSPINT tak cukup untuk lahirkan generasi Albab. Jadi itulah sebabnya Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, hak akhirnya berhubung dengan kes gejala sosial yang Tuanku sebut – "Penerapan nilai-nilai

murni, akhlak mulia di kalangan generasi muda ....". Saya cukup bimbang gejala sosial yang berlaku sekarang ini, mungkin barangkali ini berlaku oleh kerana hebatnya Islam Hadhari? Saya malu kadang-kadang dengan kawan-kawan, masyarakat Tionghua berjumpa di bandar dia kata "Ayo .... Islam Hadhari (dalam pelat Cina)" tapi dia kata sekarang bebas, kita nak berkaraoke, berdisko sampai pukul 4 pagi. Botol-botol arak berselerak di Taman-taman Awam dan Pusat Rekreasi, maksiat dah tak terkawal sehingga berjangkit kepada pelajar-pelajar sekolah dan juga pelajar-pelajar institusi pengajian tinggi. Baru-baru ini Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, ada insiden Pegawai Pencegah Maksiat tangkap orang buat maksiat akhirnya dia berpakat, mu buat lari hak laki, aku buat lari hak perempuan, dia gomol molek-molek ada hak perempuan yang dia buat lari. .....

YANG BERHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Dato' Yang Dipertua, gomol tu benda apa?

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): ..... saya sebut dulu benda yang berlaku dulu kes Penguatkuasa .....

YANG BERHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): *Gomol* tu benda apa, *gomol, gomol?*

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): ..... Haa .....hak tu kena mengaji dengan saya lepas pada ni, mari .....

YANG BERHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): ..... Gomol guana, gusti ke guana?

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): ..... Kes Penguatkuasa yang dituduh merogol, Pengerusi JKKK, Jawatankuasa Masjid, peristiwa di Besut buat kerja di kawasan sahabat saya di Bukit Besi tapi dengar kata terlepas dah.

YANG BERHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): ..... Mat Sabu lepas juga Yang Dipertua .....

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): ..... Harapkan pagar, pagar makan padi, Yang Berhormat Yang Dipertua, dan yang akhir sekali Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, hak ini hak akhir dah ni. Saya tepat waktu, Dato' Yang Dipertua, insyaAllah pukul 1.00 saya berhenti, seminit lagi. Saya nak ambil kesempatan dalam Dewan ini untuk merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Yang Berbahagia Setiausaha Dewan Undangan Negeri kita yang akan bersara, saya nak rekod kerana kerjanya yang cemerlang, khidmat yang baik yang telah diberikan. Saya tak mahu ada di kalangan pimpinan negeri baru-baru ini dalam siaran televisyen menuduh pegawai-pegawai terutamanya waktu Pas memerintah katanya pegawai-pegawai ini tak bersemangat hendak bekerja, lembab, macam-macam duk kata ke pegawai. Saya difaham, saya tak tengok tapi dikatanya begitu kalau tak betul Yang Amat Berhormat tolong betulkan. Tuduhan kepada pegawai-pegawai, padahal pegawai-pegawai yang sama, waktu kita dulu takdok masalah lulus tanah, buat kerja molek takdok masalah apa-apa.

Membantu melaksanakan dasar yang ditentukan oleh kerajaan *'Govern of the day'* dengan izin pada waktu itu pegawai ini juga. Tapi kita tak lepas cakap, biarlah berhalus sikit bercakap. Jaga jugak sentimen, perasaan pegawai-pegawai kita, nak tegurpun ada cara. Saya harap biarlah kita ambil sikap yang lebih baik untuk nak menyelesaikannya kerana mungkin waktu itu tidak ada pegawai dan Exco cap kepala ayam tak tahulah, pada waktu itu. Jadi Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya ucapkan terima kasih dikesempatan yang ada ni dan jugak terima kasihlah kawan-kawan walaupun dia ganggu saya tahu terutama Wakil Kijal, Wakil Ajil itu perkara biasalah kita berbahas dan berbincang. Cuma apa yang saya nak sebut Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, kita harap sungguh-sungguh pihak kerajaan dalam kita melaksanakan saranan yang dikemukakan oleh Tuanku Al-Sultan kita biar telus, kita biarlah ambil sikap pendekatan yang terbaik demi untuk kebaikan semua pihak, negeri dan juga rakyat. Jadi sekadar itulah yang dapat saya katakan. Wabillahi taufik wassalamualaikum warahmatullahitaala wabarakatuh.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sebelum saya tangguhkan Persidangan Dewan pada tengah hari ini suka saya memaklumkan kepada semua Yang Berhormat dan Ketua-ketua Jabatan, Wakil-wakil Yang Amat Berhormat dipersilakan makan tengah hari di Tingkat 18 dan kepada semua Pemerhati, Yang Amat Berhormat menyediakan makan tengah hari di U2.

Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli Yang Berhormat sekalian, sekarang saya tangguhkan sementara Persidangan Dewan ini dan disambung semula pukul 2.30 petang hari ini. Terima kasih. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

DEWAN DITANGGUHKAN SEMENTARA PUKUL 1.00 TENGAH HARI.

Pukul 2.30 Petang

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Mesyuarat disambung semula. Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya buka untuk Bahasan Titah Di Raja. Yang Berhormat yang ingin bercakap? Okey, persila Yang Berhormat daripada Langkap.

YANG BERHORMAT HAJI ASHA'ARI BIN IDRIS (Wakil Langkap): Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahitaala wabarakatuh. Alhamdulillahirrabil alamin wabihi nastain. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua Dewan, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Mesyuarat Kerajaan Negeri, Yang Berhormat-Yang Berhormat, Pegawai-pegawai Kerajaan, Pemerhati-pemerhati yang saya hormati sekalian. Alhamdulillah syukur saya kerana pada petang ini diberi peluang oleh Dato' Yang Dipertua untuk sama-sama membahaskan Usul Menjunjung Kasih Atas Ucapan Kebawah Duli Tuanku.

Dato' Yang Dipertua, atas kesempatan ini saya hendak merakamkan setinggi-tinggi ucapan tahniah, terima kasih, menjunjung kasih atas Titah Ucapan yang sudah disampaikan semalam. Dato' Yang Dipertua, Titah Ucapan Kebawah Duli Tuanku menyentuh semua aspek kehidupan kita dan memulakan Titah Ucapan Kebawah Duli Tuanku sebut awal-awal lagi hal kesyukurannya atas kehidupan rakyat jelata yang semakin bertambah baik walaupun negara kita, negeri kita jugak terlibat hal harga minyak. Harga minyak dinaikkan 30 sen seliter seperti yang disebut di sebelah pagi tadi menjadi riuh buat sementara waktu. Seluruh rakyat dikejutkan dengan kenaikan harga minyak yang pada mula-mulanya kita rasa ini akan diambil peluang sepenuhnya oleh pihak Pembangkang. Dan betul, apa yang kita ramal memang tepat, memang betul isu hal kenaikan harga minyak ini sudah menjadi tajuk utama ceramah-ceramah yang dibuat oleh Pas. Dato' Yang Dipertua, saya nak mengambil peluang ini untuk merakamkan setinggi-tinggi terima kasih kepada rakyat khususnya rakyat Terengganu kerana walaupun pada awal-awal kita menjangka ceramah-ceramah, ajakan-ajakan, pujukan-pujukan daripada pihak Pembangkang supaya menyertai ceramah-ceramah mereka, menyertai demonstrasi yang akan dibuat, yang telahpun dibuat kita cukup bimbang pada masa itu. Kita duduk berasa mungkin akan ramailah rakyat akan penuh sesak bandar-bandar kita, kawasan-kawasan luar bandar mungkin habis rakyat barangkali dikerah dia tapi ternyata rakyat tidak termakan pujukan ini. Walaupun sudah dibuat demonstrasi di beberapa tempat tapi ternyata demonstrasi itu tidak mencapai matlamatnya. Hak hadirpun sebentar saja, hak hadir itupun tak bersemangat mana, hak bersorak, hak bertempikpun saya rasa tak sekuat mana. Dan alhamdulillah, sekarang ini cerita hal isu harga minyak mahal ini tidak lagi mendapat kedudukan yang sewajarnya di kalangan rakyat jelata. Saya berasa isu harga minyak ini sudah boleh diterima oleh rakyat jelata. Rakyat di luar-luar bandar yang ramainya taklah pakai kereta besar, taklah pakai kereta tiga-empat buah. Kalau ada keretapun sekadar kereta-kereta yang minyaknya tidak sebesar mana, kesannya kepada kehidupan mereka tidaklah seteruk mana seperti yang hendak diapi-apikan oleh Pembangkang. Kerana itu saya rasa rakyat ramai sudah boleh menerima harga minyak ini. Dalam hal ini Dato' Yang Dipertua, kita hendak tanya, sebenarnya apa yang telah Pas buat, apa yang pihak Pembangkang boleh buat dalam hal harga minyak mahal ini, apakah sumbangannya dalam hal nak menstabilkan kehidupan

rakyat, nak tolong rakyat macam mana. Adakah dengan buat demonstrasi sana, buat demonstrasi di sini, ceramah sana, ceramah sini, turunkah harga minyaknya. Saya rasa dok, kohor buat ceramah, kohor buat demonstrasi harga minyak serupa itu juga, tak turunpun. Dato' Yang Dipertua, sebenarnya kesan daripada demonstrasi itu yang perlu kita fikir. Kita main duduk berarak sana, berarak sini, rakyat hak patut pakat boleh pergi menoreh musim getah mahal ini, ni pakat ajak demo ni pergi berarak, apa bolehnya. Dan kehidupan pula, ketenangan pula, kalau main duduk bertempik sana, duduk melaung sini, duduk demonstrasi sana, demonstrasi sini, apa jadi kepada kestabilan negara, kestabilan negeri, bandar kita jadi guana? Dato' Yang Dipertua, saya tidak berpeluang sangatlah ke luar-luar negeri ini tapi saya *dang* dengar, ada orang pergi ke Medan, Indonesia pada suatu masa dulu Medan dulu berapa buah bas pelancong pergi tapi lening orang royat saya nak cari orang putih seorangpun susah di Medan, takdok, orang Jepun takdok, hak adanya puak-puak kita saja, puak Terengganu, puak Malaysia saja. Yang pergi pulak itu bukannya beli sangat, habis tinggi belilah buah salak sekilo seorang, itu saja. Hasilnya apa yang boleh kepada negeri? Kerana apa yang orang-orang putih, orang-orang Jepun yang tidak pergi lening, sebabnya dari segi keselamatan, dari segi keselesaan nak berjalan, nak *round,* tak boleh. Duk main berarak ini, duk main demonstrasi ini di setiap cabang, di setiap bas berhenti demonstrasi. Dato' Yang Dipertua, saya rasa mungkin itulah juga yang cuba nak diwujudkan di dalam negara kita kerana ada masalah sikit hal minyak, cuba nak keruhkan suasana. Nak suruh rakyat marah, nak suruh jadi huru-hara, kalau keadaan jadi begitu apakah hasil kepada rakyat dan kepada negeri, saya berasa sebenarnya hasilnya ialah cukup negatif. Alhamdulillah, akhir ini keadaan sudahpun reda, rakyatpun sudah boleh terima hal minyak ini. Malahan dengan kerja keras kerajaan disokong oleh pegawai-pegawai kerajaan, buat tunjuk ajar, beri penerangan kepada rakyat apa yang patut buat dalam musim minyak mahal ini. Saya berasa pendapatan rakyat tidak lagi terjejas teruk kerana minyak ini. Yang menjadi terjejas kepada rakyat apabila minyak mahal kerana dia berjalan jauh, duduk berjalan macam minyak murah, itulah yang menjadi bebannya. Kalau musim minyak mahal ini kita kurang berjalan sudah tentu pendapatannya tidak terjejas dan itulah yang jadi ambil langkah-langkah oleh kerajaan beri penerangan kepada rakyat apa yang patut mereka buat musim minyak mahal ini. Alhamdulillah, keadaan sudah terkawal dan sudah jadi macam dulu-dulu tidak ada masalah lagi.

Dato' Yang Dipertua, itu cerita minyak. Dalam Titah Ucapan Kebawah Duli juga ada menyebut hal pembinaan masjid. Saya sekali lagi hendak merakamkan terima kasih dan tahniah kepada kerajaan hari ini kerana pada tahun lalu sudah 30 buah masjid yang dibuat. Pada tahun ini pula mungkin ada lagi 30 buah. Walaupun masjid yang dibuat oleh kerajaan Barisan Nasional hari ini masjid kecil-kecil saja kerana dalam tempoh setahun masjid kemungkinan siap dibina kerana kecilnya barangkali kalau berbanding dengan masjid yang dibuat oleh Pas semasa Pas memerintah barangkali berbeza benar sebab Dato' Yang Dipertua, semasa Pas memerintah dahulu dia buat kerangka masjidnya sahaja memakan masa selama 4 tahun, kalau buat kerangka masjid dalam masa 4 tahun barangkali kalau siap sebesar mana kita tidak boleh nak bayangkan. Tapi hari ini kita buat masjid kecil-kecil saja walaupun kosnya hampir RM2 juta tapi boleh siap sama setahun. Terima kasih banyak kerana kawasan saya jugak terlibat, boleh jugak sebuah masjid. InsyaAllah, barangkali akhir-akhir tahun ini siaplah masjid itu. Dato' Yang Dipertua, saya nak sebut sikit hal masjid yang dibuat oleh Pas di Setiu ada sebuah di Kampung Penarik. Memanglah buat kerangka saja dan sekarang ini kerajaan cuba untuk menyiapkannya. Saya nak sebutnya

bahawa kerajaan kita hari ini sebenarnya dalam hal masjid ini kita tidak fikirpun bab politik, kalau nak diambil peluang dan kesempatan untuk kepentingan politik saya berasa Masjid Penarik itu jangan *sudah*, jangan buat Masjid Penarik itu, kita letak *signboard* besar begitu - "Inilah masjid yang dibuat oleh Pas" sekian-sekian tahun. Tinggal sampai bila-bila supaya rakyat boleh tengok, boleh jadi kenang-kenangan. Tetapi kerana kita fikir masjid-masjid ini bukan cerita politik, masjid-masjid ini cerita agama kita, cerita tempat orang kita hendak beribadat kerana itu kita letak ke tepi hal politik, kerana itu kita akan siapkan jugak masjid itu, insyaAllah sekarang ini sudahpun nampak dimulai semula hal nak disiapkan masjid itu. Alhamdulillah, terima kasih banyak kerana imej tidak tercemar di situ. Saya bimbang sangat kerangka masjid itu ditinggalkan begitu lepas setahun-setahun mungkin di situlah dia jadi tempat orang buat hal yang lain pulak. Saya rasa ada lagi kerangka-kerangka masjid hasil peninggalan Pas yang belum lagi disiapkan. Saya rasa itupun akan disiapkan selepas ini. Dan dalam kesempatan ini saya nak sebut di dalam kawasan saya Dato' Yang Dipertua, kalau dibuat lagi sebuah dalam tahun ini, masih banyak lagi masjid-masjid lama yang diusahakan oleh penduduk kampung yang masih lagi perlu kepada pembinaan semula. Saya rasa sekurang-kurangnya ada 6 buah lagi masjid yang perlu kepada perhatian ini tapi tidaklah sebesar mana masjidnya kerana masjid di kampung saya rasa kosnya tidak sama dengan masjid yang kita buat pada peringkat awal ini.

Dato' Yang Dipertua, bila kita beri tumpuan kepada hal masjid dia ada kaitan satu lagi iaitu Imam dan Bilal bagi masjid-masjid ini. Sekarang ini menjadi *trend* kepada kita semua kita merasakan apabila masjid itu sudah elok, sudah besar, sudah tentulah Imam dan Bilal dan juga kena tingkatkan tarafnya. Dan perkara ini selalu dikait-kaitkan dengan elaun dan sebagainya. Saya yakin kerajaan cukup peka dalam hal ini mungkin kerajaan akan beri pertimbangan yang sewajarnya kepada elaun-elaun kepada Imam dan Bilal ini. Cuma satu saya nak sebutkan dan saya yakin kepada Imam dan Bilal yang berkenaan yang terlibat bukan itu matlamat utamanya, saya yakin Imam dan Bilal tahu bahawa elaun dan imbuhan itu bukan matlamat mereka. Elaun dan imbuhan itu ialah bukti kemampuan kerajaan yang sebenar. Kalau tidak ada elaun, tidak ada imbuhanpun saya yakin Imam dan Bilal ini tetap bertugas seperti dulu-dulu. Pada peringkat awal dulu sebenarnya Imam dan Bilal ini tidak adapun elaun, yang adanya duit zakat, duit fitrah itu saja. Mereka tetap berkhidmat kerana kerja Imam dan Bilal ini ialah kerja-kerja agama, kerja-kerja ibadat dan saya yakin semangat itu masih ada dalam jiwa Imam dan Bilal kita hari ini. Yang kita kira naik elaun, tambah imbuhan ini, itu ialah kemampuan kerajaan, bila kerajaan mampu dia boleh naik, bila kerajaan tidak mampu seperti dulu elaunnya setakat itu sahajalah. Malahan ada orang yang mengajar Quran, yang mengajar Kelas Fardhu Ain elaunnyapun dipotong kerana tidak mampu. Dan hari ini kerana kita mampu kita ada keupayaan itu kita naikkan elaun dan imbuhan ini walaupun kita yakin Imam dan Bilal tahu kerja mereka kerja agama, kerja mereka kerja ibadat bukan elaun dan imbuhan itu yang menjadi matlamat utama mereka.

Dato' Yang Dipertua, satu lagi yang disebut dalam Titah Ucapan, hal memperkasakan modal insan. Perkara ini dikaitkan secara langsung dengan sistem pendidikan, dengan pencapaian pendidikan kita. Tahniah lagi sekali kepada kerajaan kita kerana 5 tahun berturut-turut kita menjadi juara dalam UPSR. Kebetulan kita menjadi Juara UPSR 5 tahun berturut-turut bilamana kita bercakap tentang Islam Hadhari. Adakah sebelum ini kita tidak cara hal pendidikan? Kita sudah cara, cikgu-cikgu bersemangat serupa lening juga. Kerajaan beri tumpuan serupa lening juga tapi sekarang ini musim kita bercakap Islam

Hadhari dengan memberi tumpuan utama kepada sistem pendidikan buat sekolah elit, sekolah primier dan sebagainya kita boleh 5 tahun berturut-turut UPSR, pada tahun ini PMR juga kita naik, SPM juga kita naik. Itulah Dato' Yang Dipertua, berkat kata orang. Bila kita kerja bersungguh, kerja dengan niat yang baik, dengan niat nak mempertingkatkan taraf hidup rakyat, kerja sungguh-sungguh kerana Allah, keberkatan itulah yang memberi semangat kepada kita untuk meneruskan Islam Hadhari ini. Dato' Yang Dipertua, pihak Pembangkang kata, bercakap Islam Hadhari, botol arak bersepah, maksiat berlana-lana. Dato' Yang Dipertua, bukan itu matlamat kita, kita bercakap Islam Hadhari bukan kita nak suruh orang minum arak, kita bercakap Islam Hadhari bukan nak suruh orang berjudi, bukan nak suruh orang buat maksiat, bukan itu maksud kita. Tapi hak jadi itu di luar kemampuan kita, anak kita empat-lima orang bukan semuanya jadi comel belaka. Anak Tok Imam, Tok Bilal, anak Wakil Rakyat bukan semuanya jadi belaka. Bukan matlamat kita nak suruh anak kita tidak jadi tapinya adalah seorang-dua, peratusnya kecil. Sekarang ini kita bercakap Islam Hadhari kerana nak memperkasakan sistem pendidikan kita, anak-anak kita, kita nak suruh berjaya, nak jadi hebat, nya ada seorang-dua hak tidak jadi tu nak buat guana. Hak itulah yang kita kena fikirkan juga, di samping kita fikir kecemerlangan anak-anak kita, kita juga kena beri tumpuan sedikit kepada hak tercicir, hak yang lari daripada trek kita yang kita tidak rancangpun anak-anak kita nak suruh jadi penagih dadah, anak-anak kita nak suruh jadi pencuri ayam, memang kita tidak rancangpun tapinya ada seorang-dua. Dato' Yang Dipertua, janganlah kerana ada hak yang lari trek itu kita berasa tidak boleh buat belaka, nak buat masjid lamakan kita buat masjid bukan semua orang kita pakat gi sembahyang, nya ada juga hak takmboh pergi sembahyang. Tak usah buatlah masjid, tidak mungkin. Kita buat sistem pendidikan buat sekolah comel-comel, ada juga budak kita hak malas mengaji, dah takmboh buat sekolah ke? Kena buat. Dato' Yang Dipertua, janganlah kita cari alasan nak melepaskan tanggungjawab ada seorang-dua yang tercicir, hak yang peratusnya kecil itu, hak yang lari daripada kumpulan yang besar. Jangan kita jadikan alasan untuk kita melepaskan tanggungjawab kita.

Dato' Yang Dipertua, dalam hal pendidikan, modal insan ini. Kita sudah banyak sekolah-sekolah baru, sekolah elok yang dibuat walaupun ada orang yang tidak berapa senang hati tetapi saya nak sebut dalam kawasan saya banyak dah sekolah-sekolah yang comel tetapi ada dua buah sekolah lagi Dato' Yang Dipertua, perlu perhatian kerana sekolah ini setiap tahun tenggelam di musim banjir. Sekolah Kebangsaan Kampung Bukit dengan Sekolah Kebangsaan Kampung Las setiap tahun tenggelam banjir, buku-buku, kerusi-meja, memang rosak. Jadi hak ini saya mintak supaya diberi perhatian .....

YANG BERHORMAT HAJI KHAZAN BIN CHE MAT (Wakil Batu Rakit): Penjelasan, Dato' Yang Dipertua, Kampung Bukit itu tenggelam jugak sekolah?

YANG BERHORMAT HAJI ASHA'ARI BIN IDRIS (Wakil Langkap): Bahasa bukit rendah, Dato' Yang Dipertua, bukit jugak tetapi rendah. Dato' Yang Dipertua, satu lagi ada satu masa dahulu semasa sebelum Kerajaan Pas, Kerajaan Negeri Terengganu pada masa itu memberi peruntukan untuk buat Asrama Berkelompok di setiap daerah. Di Setiu sudah dirancang untuk buat asrama ini di Kampung Sungai Bari, tanah sudah diambil balik seluas 130 ekar. Asalnya tanah itu kebun getah yang sudah diambil balik. Apabila Pas memerintah mungkin kerana tidak cukup duit, tanah yang dicadangkan untuk buat Asrama Berkelompok itu ditanam kelapa sawit, sekarang ini tanah itu sudah masuk, sudah ditukar

syarat menjadi 'tanah pembangunan' tetapi ditanam dengan kelapa sawit. Saya mintak sungguh-sungguh tanah ini buatlah asrama kerana rakyat Sungai Bari menyerahkan tanah itu kepada kerajaan dengan tujuan asrama bukan tujuan untuk tanam kelapa sawit. Saya berasa kalau nak tanam kelapa sawit bukan 130 ekar, ribu ekar lagi boleh ditanam di bukit-bukit banyak lagi tanah.

Dato' Yang Dipertua, dalam Titah Ucapan juga ada menyentuh hal kemudahan asas. Alhamdulillah, setakat ini di semua kawasan peruntukan untuk kemudahan asas disediakan cukup banyak. Dalam kawasan saya juga kemudahan ini sudah diperolehi. Cuma ada satu kawasan yang dibuat sejak lama dulu tapi separuh saja yang belum lagi selesai. Jalan ini cukup mustahak kepada sebahagian daripada Langkap yang masih lagi tarafnya cukup uzur, jalan tidak boleh selisih 10 kaki sahaja dan selalu ditenggelami banjir, musim banjir putus hubungan. Saya minta jalan ini juga diberi perhatian di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan ini. InsyaAllah, berasa-rasanya kerajaan sekarang ini dengan kemampuannya tidak menjadi masalah.

Di kawasan Langkap ialah kawasan pertanian. Memang daripada dulupun kawasan ini kawasan pertanian yang diusahakan oleh bersungguh-sungguh oleh rakyat Langkap. Musim 2006 ini Terengganu sudah isytihar sebagai 'Tahun Pertanian'. Saya mintak biarlah kawasan Langkap juga mendapat limpahan daripada peruntukan ini dan rakyat Langkap cukup bersedia hendak melaksanakan projek-projek pertanian bagi meningkatkan taraf hidup mereka. Kita tidak mintak yang besar-besar, yang selalunya diperlukan oleh orang-orang lain. Kita orang pertanian kita mintak supaya bab pertanian ini biarlah kita tidak tertinggal dan untuk menyempurnakan hal ini saya rasa kawasan industri di Sungai Bari itu keseluruhannya sudah dimasukkan di bawah Perancangan Struktur Pembangunan Negeri supaya ditempatkan kilang-kilang yang ada hubungan dengan asas tani. Dan saya rasa untuk menyokong pembangunan kilang-kilang asas tani ini di kawasan Langkap sudah bersedia dengan Rancangan Pembangunan Pertaniannya. Dato' Yang Dipertua, saya rasa itulah sahaja ucapan saya sebagai menyokong Usul yang dibawa oleh Tepoh pagi tadi. Wabillahi taufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahitaala wabarakatuh.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Wakil Langkap. Ada lagi Yang Berhormat yang ingin mengambil bahagian. Kalau tak ada, saya nak suruh pihak kerajaan buat gulunganlah. Dipersilakan Yang Berhormat Wakil Batu Rakit.

YANG BERHORMAT HAJI KHAZAN BIN CHE MAT (Wakil Batu Rakit): Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Alhamdulillahi rabbilalamin wabihi nastain. Terima kasih Dato' Yang Dipertua Dewan, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua-ketua Jabatan, para Pemerhati seterusnya tuan-tuan dan puan-puan, hadirin-hadirat yang saya hormati sekalian.

Pertama-tama saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Yang Dipertua kerana memberi laluan yang mudah kepada saya pada petang ini. Nampaknya tidak ada saingan untuk sama-sama saya menyertai Perbahasan mengenai Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Al-Sultan pada pagi semalam. Dato' Yang Dipertua, apa yang kita sama-sama dengar daripada Titah Tuanku semalam ternyata kepada kita bahawa secara

keseluruhannya Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku sangat-sangat gembira dan berpuas hati dengan perancangan-perancangan yang sedang dan telah dilaksanakan oleh kerajaan pada hari ini. Dengan menggunakan bahasa-bahasa yang indah, yang mudah, yang tidak kasar, Baginda mengatakan "Beta gembira", "Beta berpuas hati", "Beta menyeru" dan sebagainya supaya diteruskan agenda-agenda yang sedang berjalan pada hari ini. Inilah yang dikatakan budaya orang Melayu, Tuanku sebagai lambang dan ketua kepada negeri ini telah menunjukkan teladan yang terbaik kepada kita semua tidak seperti orang yang mendakwa menggunakan Islam, memperjuangkan Islam tetapi bahasa mereka jauh sekali selaras dengan apa yang diajar oleh al-Quran, oleh Allah S.W.T. Baru pagi tadi kita dengar Wakil Rhu Rendang kata bebal, jahil, hak tu hak Kristian, macam-macam, mudah saja dia tuduh ke orang sedangkan Allah S.W.T. sebut dia seorang pejuang dia kata, nak memperjuangkan agama Allah S.W.T. sebut kepada Nabi Muhammad S.A.W. rahsia kejayaan Rasulullah S.A.W. antara yang paling penting sekali hak dia tak buat Dato' Yang Dipertua, Allahtaala sebut "Maka dengan rahmat Allah kepada kamu wahai Muhammad, kamu berlembut dengan mereka (bercakap molek bukan kata orang Quraisy jahil, bingung, bebal), kalau kamu berkasar, keras hati (tak dengar kata) mereka pasti akan menjauhi kamu." Itulah yang menyebabkan mereka selepas 4 tahun diberi peluang orang tinggal, mereka ceramah dalam tahun 2004 tinggal empat-lima-enam orang saja dan daripada 4 orang Pembangkang mereka tinggal 4 orang sahaja hari ini. Dato' Yang Dipertua, inilah masalah dalam pimpinan kita bila kita bercakap tentang Islam, ramai orang boleh bercakap tetapi tak ramai yang boleh buat. Ramai yang mengguna Islam hanya sebagai alat untuk memperkuatkan hujah mereka, untuk menarik sokongan orang kepada mereka. Dan mereka-mereka ini telah lama menggunakan taktik ini, mereka bacalah ayat Quran, pagi tadipun baru mereka baca Hadis Nabi, dia sebut *"Man-ahyalmamaat fahyaalaq",* kita buat jalan kerajaan ikut Islam, kita ambil tanah ikut Islam dia baca hadis tu, yang dia duk ambil tanah orang zaman dulu dia pakai hak mana? Kitapun hairan, dia duk kata kita ambil tanah kerajaan tak ikut Islam .....

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Dato' Yang Dipertua, minta laluan. Terima kasih. Ayat-ayat hadis hak dia baca tu faham ke dok ataupun tak jumpa hadis tu selama ini. Jadi pohon penjelasan Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT HAJI KHAZAN BIN CHE MAT (Wakil Batu Rakit): Saya rasa Dato' Yang Dipertua, mereka faham tetapi mereka bukan memperjuangkan Islam tetapi memperalatkan Islam sebab itulah ayat yang sama saja. Semasa mereka bahagikan tanah mereka bacalah ayat itu, masa dia pergi turun sampai ke tanah kebun orang, duk cangkuk pokok sawit orang, dia tak baca dah takdok dah ayat itu sekejap. Masa dia menang pilihan raya dulu dia *"Ulillahummama-liqalmulq".* Aah! Sukanya baca, ulang ayat tu sokmo, dah kalah..... dia ingat siapa dia yang beri kita hak menang ni bukan kuasa Allah ke? *Bakpe* ayat itu sudah tidak dibaca lagi. Jadi sebab itulah tuan-tuan dan para hadirin yang dihormati sekalian, saya selalu sebut mereka ini memperalatkan al-Quran. Dato' Yang Dipertua, contoh hak mudah lagi kita tak guna benda-benda ini, ayat-ayat Quran ini untuk kepentingan kerana kita percaya rakyat boleh menilai perancangan yang kita buat, apabila perancangan itu baik memberi manfaat kepada rakyat, kita yakin rakyat akan sokong kita. Baca ayat Quran kohor nampak jelas lagi apa yang kita buat ini molek, tak bacapun orang nampak dah molek sebab orang faham apa benda yang molek dan benda yang tak molek. Apatah lagi zaman sekarang ini orang boleh membaca apa saja yang kita buat orang boleh

tahu. Bila kita buat sesuatu tindakan mereka akan tuduh kita dengan macam-macam. Tadipun dia tuduh kata kerajaan guna duit, pegawai-pegawai kerajaan seumpama terima rasuah daripada syarikat-syarikat pergi melawat ke luar negeri tapi dia tak sebut nama siapa, syarikat mana hak tukang bayar? Ada-adalah dah ada mana? Dalam Islam dia kata *"Al-adillatu-walbarahim alalmudda-i".* Dalil dan juga pentunjuk-petunjuk di atas orang yang mendakwa, dah kalau dia dakwa dia kena bawalah dalil itu bukan kena tanya hak sebelah sana pihak kerajaan tukang jawab, itu tak betul. Jadi mereka bercakap tentang Islam tetapi mereka tidak buat Islam. Bila kita rombak bangunan yang mereka dakwa sebagai sebuah masjid, kita buat peraturan, undang-undang yang digubal, puak mereka yang jugak gubal, mereka kata kita zalim, kita seumpama Yahudi, kita lebih zalim daripada kerajaan-kerajaan yang bukan Islam. Di Macang, Kelantan, mereka roboh surau sebabnya bukan kerana surau itu buat di atas tanah haram kerana nak buat pasar. Tak pernah kita sebut tetapi hari ini kita sebutlah sekali, deme ini rombok surau nak buat kedai. Nabi bersabda (yang bermaksud): "Sebaik-baik tempat atas muka bumi ini masjid, seburuk tempat ialah kedai, pasar-pasar", dia rombok surau nak buat pasar, molek ke lagu tu? ..... (Tepukan Sokongan) ..... Inilah yang dikatakan perjuangan mempergunakan Islam, mempergunakan ayat Quran sebab kalau mereka ikhlas, hendak memperbetulkan apa yang kerajaan kita buat pada hari ini kalaulah kerajaan kita ada tersilap dan memang kita tidak nafi kita mempunyai ada salah dan tersilap, dia boleh tegur dengan baik, inilah yang sepatutnya. Tapi mereka tidak akan tegur dengan baik, mereka buat tuduhan, tanya bukti? Aah .... Jawablah! Dihulur kepada Wakil Kerajaan. Inilah yang dikatakan akhlak yang tidak Islam walaupun mereka mendakwa mereka Islam. Mereka cuma harap apa yang mereka buat, apa yang mereka cerita betul tak betul, keluar dalam suratkhabar, tak keluar dalam suratkhabar Berita Harian, tak keluar dalam suratkhabar Utusan, keluar dalam Harakah Dailypun tak apa dah. Cukup dah orang baca, orang tahu walaupun benda itu tak betul orang akan bercakap. Bercakap ni kalau *dang* ramai-ramai lebih daripada 40 orang hak tak betulpun jadi macam betul dah, hak tu yang dia nak. Jadi Dato' Yang Dipertua, saya rasa jika beginilah cara yang digunakan oleh Pembangkang untuk meraih kuasa, simpati daripada rakyat ataupun untuk memberi imej yang tak baik kepada kerajaan kita. Ini adalah merupakan satu perbuatan yang sangat tidak baik dan mereka yang tahu ayat Quran lebih daripada setengah-setengah dari kalangan kita sepatutnya mereka insaf ..... tak berapa nak dengar dah tu ..... (Dewan Gelak) ..... Mereka sepatutnya insaf, mereka sepatutnya sedar, kita kata sokmo kerajaan kita terbuka, Yang Amat Berhormat Menteri Besar kita boleh naik motosikal bersekali dengan orang kampung, boleh angkat rumah bersekali dengan orang kampung, takkanlah tak boleh nak royat benda lagu ini kalau benda ini salah tapi buktikanlah apa yang tidak betul itu, apa yang salah. Jadi Dato' Yang Dipertua, kalau cakap panjang hal puak-puak ni mungkin tak selesai, banyak contoh, hak demē duk royat tu kita boleh royat semula belaka tetapi kita nak bahas apa yang dititah oleh Tuanku. Saya melihat dalam Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Tuanku Baginda sangat-sangat berpuas hati cuma ada beberapa perkara yang Baginda sebut supaya dapat dipertingkatkan, supaya dapat dikaji semula, dikurangkan dan sebagainya. Secara keseluruhannya, Baginda bersetuju, Baginda mengucapkan tahniah Kerajaan Negeri yang berjaya mengangkat martabat pendidikan negeri sehingga kita 5 tahun meraih kejayaan berturut-turut kecemerlangan UPSR. Dan Baginda berharap seperti yang saya sebut dulu, kita jangan berpuas hati dengan apa yang kita capai di peringkat rendah mestilah kita teruskan kejayaan ini di peringkat-peringkat yang lebih tinggi. Saya percaya dengan usaha yang dibuat oleh kerajaan pada hari ini melalui penubuhan Sekolah Elit, Sekolah Primier,

Sekolah Imtiaz dan dengan tertubuhnya UDM dan KUSZA dinaiktarafkan. Saya percaya lepas daripada ini kita bukan sahaja berbangga dengan UPSR terbaik di Malaysia kita juga boleh berbangga dengan SPM yang terbaik, STPM yang terbaik dan graduan-graduan yang terbaik daripada universiti di tanah air kita ini. Asalkan kita merancang dengan penuh teliti dan melakukan yang terbaik kerana apa yang kita buat ini Dato' Yang Dipertua adalah merupakan suatu amanah oleh Allah S.W.T. kepada kita dan apa yang kita buat ini akan menjadi suatu amalan kebajikan asalkan niat kita ikhlas demi ummah ini.

Selain daripada itu, Duli Yang Maha Mulia Al-Sultan menyebut bahawa program-program yang kurang efektif ataupun kurang manfaatnya kepada rakyat hendaklah dikurangkan dan dikaji. Dalam hal ini saya melihat ada beberapa perkara yang perlu kerajaan meneliti semula di dalam rancangan-rancangan yang dibuat beberapa tahun yang lepas. Kita melihat apabila suatu projek itu tidak mengambil kira pandangan-pandangan pakar ataupun tidak membuat kajian yang teliti kadang-kadang perancangan ataupun program-program yang besar tidak akan mendatangkan hasil yang sebaik-baiknya. Pembinaan jeti di Merang adalah contoh bagaimana apabila satu-satu projek itu tidak dibuat dengan kajian secara menyeluruh. Kita juga lihat bagaimana pendalaman muara-muara sungai di Terengganu tidak memberi kesan yang maksima, setiap tahun kita terpaksa membuat proses pendalaman semula dan saya rasa kajian perlu dibuat supaya sekurang-kurangnya kita tidak perlu mendalamkan muara sungai kita setiap tahun. Dalam hal ini saya percaya kajian ini jika dibuat dengan baik ia akan mendatangkan keuntungan yang besar. Kita bercakap tentang Tahun Pertanian, Perikanan dan sebagainya tetapi jika kita tidak berjaya membuat sesuatu yang memberi kesan kepada kuala-kuala sungai kita, industri perikanan di negeri kita khususnya saya percaya tidak akan dapat dipertingkatkan. Kita mempunyai ramai nelayan tetapi nelayan-nelayan kita tidak bekerja di dalam negeri kita. Ramai nelayan kita sekarang terpaksa berulang-alik dua minggu atau tiga minggu sekali ke Mersing, Endau, Kuantan dan sebagainya. Ini kerana kita tidak mempunyai Pelabuhan Perikanan yang baik sedangkan kita mempunyai tenaga kerja yang mahir dalam industri perikanan ini. Saya percaya jika kita mampu membina sebuah pelabuhan yang besar, yang baik, yang mampu menampung kapal-kapal yang besar, nelayan-nelayan ini yang sebahagian besarnya di dalam kawasan DUN saya akan tidak perlu lagi untuk berulang alik ke Johor, ke Mersing dan sebagainya. Mereka boleh berulang alik ke Cendering, ke Merang ataupun di Kuala Terengganu ini dan tidak balik ke rumah dua minggu sekali dan sebagainya. Dalam hal ini saya mencadangkan kajian dibuat supaya muara-muara sungai kita dapat didalamkan dan bot-bot besar dapat masuk berlabuh. Kalau tidak ada ikhtiar, tidak mampu dibuat kerana muara sungai kita terbuka kepada lautan luas, saya mencadang apa salahnya jika Pulau Bidong atau Pulau Redang dijadikan Pelabuhan Perikanan. Biarkan bot-bot besar berlabuh di sana dan kita adakan feri-feri yang mengangkut hasil laut daripada sana ke Pulau Kambing ataupun ke mana-mana Pusat Pembelian/Pengumpulan Hasil Perikanan di sebelah darat sini. Biarkan kapal-kapal berlabuh di sana, biarkan mereka bertolak dari sana dan kembali berlabuh di sana, tidak perlu naik ke sini kerana muara sungai kita tidak mampu didalamkan. Kita jadikan Pulau Bidong, Pulau Redang atau pulau mana-mana sebagai Pelabuhan Perikanan kita. Dari sana biarlah bot dari darat ini berulang alik untuk mengangkut hasil perikanan. Bot yang laut dalampun tidak akan mengambil masa yang lama untuk terus ke laut kerana mereka telah berada lebih kurang 50 km daripada darat. Hari ini sewaktu saya ke Pulau Rendang baru-baru ini bersama dengan kumpulan nelayan, saya dapati ada beberapa bot orang Pulau Redang yang kekal berlabuh

di Pulau Redang. Mereka pergi ke laut, balik ke Pulau Redang, hasil ikan itu ditunda/ diangkut dari Pulau Redang pergi ke Pulau Kambing, bot besar mereka tidak masuk ke Kuala Sungai Terengganu. Jadi saya rasa cadangan itu mungkin boleh dipertimbangkan jika tiada cara untuk mendalamkan muara-muara sungai kita untuk dijadikan Pelabuhan Perikanan sepertimana yang ada di Negeri Johor, di Endau, di Mersing dan sebagainya. Kerana kita akan kerugian, nelayan-nelayan kita yang mempunyai kemahiran, tenaga-tenaga nelayan kita yang mempunyai kemahiran ini akan sentiasa berulang alik dari Johor ke Pahang dan ke negeri-negeri yang lain.

Seterusnya, kita juga di dalam Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Al-Sultan, Baginda juga mahu melihat perkembangan pembangunan pekan-pekan luar bandar diteruskan dan dipergiatkan kerana di situlah sebahagian besar orang Melayu hidup dan di situlah sebahagian besar rakyat-rakyat kita tertumpu. Pembangunan daerah-daerah luar bandar ini sangat penting kerana dengan pembangunan inilah rakyat akan dapat sama menikmati apa yang dinikmati oleh orang-orang bandar. Dalam hal ini saya menyokong apa yang disebut oleh ADUN Tepoh, wujudkanlah sama ada Majlis Daerah ke, Pejabat Daerah baru ke ..... (Tepukan Sokongan) ..... ataupun sekurang-kurangnya biarlah ada cawangan Pejabat Daerah ataupun cawangan Majlis Daerah Kuala Terengganu di sebelah utara supaya ada inisiatif dan juga tindakan yang sama seperti kemudahan yang sama dinikmati oleh penduduk-penduduk di sebelah Kuala Terengganu dapat dinikmati sama oleh penduduk-penduduk di Daerah Utara Kuala Terengganu khususnya di Parlimen Kuala Nerus dan juga Batu Rakit. Ini kerana kita tahu di antara hasil yang diperolehi oleh Majlis Perbandaran Kuala Terengganu datangnya daripada sebelah sana, kilang-kilang yang ada di sebelah Gong Badak dan sebagainya. Tetapi ternyata hasil ini tidak begitu banyak kembali semula untuk manfaat sama ada untuk kebersihan dan sebagainya bagi penduduk-penduduk di daerah yang tersebut. Jadi pada pandangan saya adalah wajar sama ada Majlis Daerah ke, Pejabat Daerah ke, supaya pentadbiran dan juga aktiviti ataupun kegiatan pembersihan dapat dijalankan lebih sempurna. Dan lebih daripada itu saya rasa pada pandangan saya Pejabat Daerah Kuala Terengganu terlalu kerdil, tidak mempunyai cukup kakitangan untuk mentadbir satu daerah yang besar yang mengandungi 11 kawasan Dewan Undangan kalau nak dibandingkan dengan daerah-daerah yang lain, kita dapati daerah-daerah yang lain hanya paling banyak 5 kawasan Dewan Undangan Negeri sahaja. Ambil contoh Daerah Besut misalnya, ada DUN Jerteh, ada DUN Kuala Besut, DUN Kota Putera, Hulu Besut campur DUN Jabi, ada 5, hak lain ada 3, ada 2. Kalau Setiu ada 2 DUN sahaja. Dibandingkan dengan Daerah Kuala Terengganu ada 11 DUN sebab itulah saya selalu sebut jangan jadikan Majlis Pembangunan Daerah, jangan jadikan Majlis Mesyuarat Tanah Daerah ini tempat untuk Wakil Rakyat duk berbalah sesama sendiri sebab ramai Wakil Rakyat dalam satu jawatankuasa majlis yang kecil. Sudah tentu menyebabkan kalau ada projekpun *badi duk* berebut sesama Wakil Rakyat, yang ini nak mintak *gertak* tempat dia dulu, hak ini nak minta jambatan tempat dia dulu, susah 11 orang Wakil Rakyat satu pejabat, D.O.pun duk pening kepala, memang begitu dah. Jadi kalau buat dua mungkin .....

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN HAJI NUH (Wakil Tepoh): Mintak laluan, 11 ke berapa yang sebenarnya DUN yang ada di dalam pentadbiran Daerah Kuala Terengganu ini?

YANG BERHORMAT HAJI KHAZAN BIN CHE MAT (Wakil Batu Rakit): Tak apa dah sebab ini Dewan Undangan, dia tahu kawasan dia. Jadi Dato' Yang Dipertua, hak yang saya nak sebut di sini ialah Pejabat Daerah Kuala Terengganu kawasan yang ditabdirnya cukup besar. Banyak kawasan Dewan Undangan Negeri di bawahnya melibatkan 11 orang Wakil Rakyat. Jadi ini sudah tentulah memberi satu beban kepada pejabat, Pentadbir Tanah, Pegawai Daerah dan sebagainya dan untuk melicinkan lagi pentadbiran saya percaya sama ada buat cawangan ke, apa ke, tambah kakitangan ke paling-paling kurang barulah jadi molek. Hari ini di DUN di kawasan-kawasan lain saya percaya tuntutan-tuntutan tidak begitu lama untuk dibayar tapi di Pejabat Daerah Kuala Terengganu saya faham, lambat sikitpun tak apalah saya kata sebab memang kita ini 11 orang duk berebut satu saluran. Jadi saya rasa perkara ini perlu selain daripada kita rasa nak buat Pusat Pertumbuhan baru, sebelum daripada kita buka Pusat Pertumbuhan baru biarlah pejabat-pejabat yang mentadbir kawasan-kawasan ini diberi nafas baru sekurang-kurangnya. Dato' Yang Dipertua, dalam bicara Pusat Pertumbuhan baru satu lagi perkara yang perlu dititikberat pada pandangan saya ialah kawasan-kawasan, DUN-DUN yang tidak mempunyai pekan kerana DUN-DUN kita ini dalam Negeri Terengganu ini dipecahkan mengikut kelompok penduduk. Jadi ada DUN duduk dalam Parlimen lain tapi di dalam daerah lain, ada DUN dalam satu daerah tapi Parlimen dia bukan nama Parlimen tu. Ustaz Ramli, Y.B. Tepoh ni, dia DUN Tepoh bawah Parlimen Kuala Nerus tapi Daerah Kuala Terengganu. Tapi tak apalah Parlimen diapun masih dalam Daerah Kuala Terengganu. Kalau saya Batu Rakit, dahlah Parlimen Setiu, Pejabat Daerah Kuala Terengganu, jadi dengan Setiu ini hak politik saja, hak politik betullah saya balik kepada Setiu tapi hal pentadbiran takdok kena mengena. Jadi ada sekali ikut nun, sekali ikut ni jadi luas perjalanan, luas kerja hak takdok kena mengena, jadi inipun kena timbal-balik sebab saya kira kalau kita banyak daerahpun tidak ada kerugian kita boleh meningkatkan lagi kecekapan. Apa yang saya nak sebut di sini ialah apabila kita buat bersempadanan DUN-DUN mengikut kepada kelompok penduduk tadi maka ada setengah-setengah DUN tidak bernasib baik kawasan dia itu kampung-kampung saja, ada Pusat Pertumbuhan tidak ada pekan dan sebagainya. Seumpama DUN Batu Rakit ni takdok pekan dia, semua hak dalam kawasan Batu Rakit itu kampung belaka. Orang sebut Wakaf Tengah, Wakaf Tengah dalam DUN Tepoh, jadi kalau Batu Rakit nak cari tempat mana hak tempat besar, pasar ke, apa ke, takdok. Jadi saya ingat hak ni yang perlu diberi keutamaan mungkin ada DUN-DUN lain yang serupa. Jadi dari segi fokus untuk pertumbuhan Pusat-Pusat Pertumbuhan baru ataupun pertumbuhan pekan-pekan baru saya kira DUN-DUN yang seumpama inilah yang perlu diberi perhatian, yang perlu diberi keutamaan untuk diwujudkan sama ada pasar, pusat-pusat orang ramai, rumah kedai sama ada melalui Majlis Perbandaran, Pejabat Daerah, MARA ataupun sebagainya supaya setiap DUN itu tidak ketinggalan daripada DUN-DUN yang lain. Dari segi pentadbiran kita tidak ada masalah kerana semua ini di bawah Pejabat Daerah tetapi yang payahnya Dato' Yang Dipertua, apabila Wakil Rakyat masuk kawasan, bila dalam kawasan kita takdok benda-benda yang sebagai tanda pembangunan maka orang kata, "Hai ..... Wakil Rakyat *dokrok, takdok* benda dalam kawasan kita." Ini adalah satu masalah yang saya kira kalau kita dah bentuk kawasan persempadanan DUN berdasarkan kepada kapasiti penduduk maka pengagihan peruntukan sama ada dari segi pewujudan Pusat Pertumbuhan dan sebagainya mesti juga mengambil kira kepada kepadatan penduduk, bilangan penduduk. Dan saya kira tidak ada masalah kerana setiap DUN dalam Negeri Terengganu ni pengundinya lebih daripada 10,000. Jadi memang dah sepatutnya layak untuk dibuat sesuatu sama ada Pusat Pertumbuhan dan sebagainya.

Dato' Yang Dipertua, seterusnya yang saya nak sebut di sini ialah di akhir Titah Duli Yang Maha Mulia Al-Sultan. Tadi Wakil daripada Wakaf Mempelampun sebut tapi kadang-kadang orang ini dia tak berapa faham. Bila dia banyak sangka buruk dia akan nilai sesuatu perkara itu berdasarkan persepsinya sahaja. Bila Duli Yang Maha Mulia Al-Sultan menasihatkan secara khusus kepada Wakil-wakil Rakyat, ADUN-ADUN supaya meneruskan kerja-kerja khidmat cemerlang, ADUN Wakaf Mempelam kata "Aah... itu tandanya Tuanku tidak berpuas hati, Tuanku pesan dah tu suruh molek". Sebenarnya Tuanku menyeru supaya meneruskan, meneruskan ini maknanya benda ada dah, molek dah sambung lagi jangan berhenti. Jadi bila Tuanku kata: "Teruskan khidmat cemerlang Yang Berhormat-Yang Berhormat di kawasan masing-masing" di sebalik maknanya pada pemahaman saya ialah teruskan kecemerlangan, khidmat tuan-tuan/Yang Berhormat sekalian di kawasan Yang Berhormat sekalian, mudah-mudahan sokongan kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat hari ini akan berterusan. Maka maknanya Duli Yang Maha Mulia berhasrat, berharap supaya Wakil-Wakil Rakyat yang ada pada hari ini terus mendapat sokongan. Untuk itu mereka hendaklah teruskan kerja baik mereka, kecemerlangan yang telah mereka buat sehingga hari ini.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya nak beri penjelasan sedikit kepada sahabat saya. Dia baca tak habis tu, "..... supaya meneruskan khidmat cemerlang dan senantiasa mempamerkan budi pekerti yang tinggi." Saya tekan tadi "budi pekerti yang tinggi". Pasal duk dengar ada duk main SMS dengan janda hak benda-benda begitu.

YANG BERHORMAT HAJI KHAZAN BIN CHE MAT (Wakil Batu Rakit): Inilah Dato' Yang Dipertua, orang kata, dia sangkaan, dia tak faham bahasa kalau kata tak reti bahasa jadi berat pulak. Kita guna tak faham bahasa, dia kata teruskan "Beta menyeru supaya meneruskan khidmat cemerlang dan sentiasa mempamerkan .....", sentiasa ini maknanya teruskan jugaklah, maknanya ada dah, kita dah pamerkan budi bahasa yang tinggi, budi pekerti yang tinggi jadi Tuanku kata teruskan. Teruskan ini maknanya molek dahlah tapi buat ke dia dalam kepala dia tu duk fikir ikut lain, nak kata tak faham bahasa kata sekolah tinggi dah. Jadi hak inilah kita kata mereka ini banyak bergantung kepada sangkaan dan penafsiran dibuat dengan cara mereka yang sendiri. Jadi saya percaya Dato' Yang Dipertua, apa yang perlu dilakukan oleh Kerajaan pada hari ini ialah meneruskan agenda-agenda yang telah dirancang dan menjayakan perancangan-perancangan ini sebagaimana yang dirancangkan mudah-mudahan Terengganu akan muncul sebagai negeri yang maju. Kita akan bersama-sama 'Memahat Sejarah, Membina Tamadun'. Dato' Yang Dipertua, saya mohon menyokong. Sekian, wabillahi taufik wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sila Yang Berhormat Wakil Manir.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Dewan, Ketua-ketua Jabatan, para pegawai, para Pemerhati, hadirin dan hadirat yang dihormati, yang dikasihi sekalian. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Pertama, saya ucapkan terima kasih kepada Dato' Yang Dipertua, kerana izinkan saya untuk berucap sepatah-dua, sama-sama menjunjung tinggi Ucapan Titah Duli Yang Maha Mulia Sultan pada hari semalam. Sebelum daripada saya meneruskan ucapan saya, saya ingin mengingatkan diri saya dan juga Ahli-ahli Yang Berhormat dengan satu hadis Nabi S.A.W. yang di antara lainya Nabi bersabda (membaca petikan hadis daripada Ruwahul Imam Muslim Rahimahullah). Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, maksud ringkasnya: "Setiap Nabi yang Allah utuskan sebelum daripada Aku masing-masing meninggalkan sahabat-sahabat dan pengikut-pengikut yang setia yang sentiasa menghidupkan sunnah Aku yang sentiasa berpegang dengan hidayat dan pentunjuk-Ku kemudian lama-kelamaan diganti oleh pemimpin-pemimpin yang jahat." *"Khuluf", ".....takhlufun mimba'di-khuluf", "khuluf"* itu jama' daripada *"khalif"* pemimpin ataupun pengganti yang jahat, "khalifah" pengganti yang baik. Sebagai tanda ataupun bukti pemimpin-pemimpin yang jahat itu ialah: "Mereka berkata apa yang mereka tidak laku tapi apa yang mereka laku adalah jauh sekali daripada perintah Allah S.W.T. Apa yang Allah tidak perintah dilakukan tapi apa yang Allah perintah dia tidak lakukan. Siapa-siapa yang berjuang untuk membetulkannya dengan tangannya maka dia beriman dan siapa-siapa yang berjuang untuk membetulkannya dengan lidahnya maka dia beriman dan siapa-siapa yang membetulkannya dengan hatinya dia tidak bersetuju dia menentang dengan hatinya kerana dia pengecut, dia penakut maka dia menentang dalam hatinya sahaja, maka dia masih beriman. Dan jika sekiranya dengan tanganpun tidak membetulkan dengan lidahpun tidak, dengan lisanpun tidak .....

YANG BERHORMAT ENCIK WAN AHMAD NIZAM BIN WAN ABDUL HAMID (Wakil Air Putih): Dato' Yang Dipertua, minta laluan maka .....

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): ..... nanti habis dulu terjemahnya.

YANG BERHORMAT ENCIK WAN AHMAD NIZAM BIN WAN ABDUL HAMID (Wakil Air Putih): Ceramah agama ke, Titah Ucapan?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Ya?

YANG BERHORMAT ENCIK WAN AHMAD NIZAM BIN WAN ABDUL HAMID (Wakil Air Putih): Nak berceramah agama ke Usul Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Al-Sultan?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Ini Speaker telah beri dah saya Dewan. Inilah orang Umno Islam Hadhari ini, kita bercakap hadis sahaja takmboh selalu, agama ke politik, dia ingat ugama suku, politik suku.

YANG BERHORMAT ENCIK WAN AHMAD NIZAM BIN WAN ABDUL HAMID (Wakil Air Putih): Mana suku, marah, marah?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Dok marah.

YANG BERHORMAT ENCIK WAN AHMAD NIZAM BIN WAN ABDUL HAMID (Wakil Air Putih): Kalau tak marah tak apalah.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Itu saya kata, siapa-siapa yang menentang dengan tangan - beriman, dengan lidah – beriman, dengan hati – beriman. Dengan hatipun tidak, dengan lidahpun tidak, dengan tanganpun tidak – Takdok iman walaupun sebesar biji sawi sekalipun. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, sayapun kesian daripada dulu saya masuk Dewan tahun '82 dahulu tengok kawan-kawan saya yang mengaji sekolah agama yang masuk Umno ni betul ke, tak betul ke, kata betul belaka, semua jadi *Wak Ye'* belaka, jadi kayu pengalun saja.

YANG BERHORMAT HAJI KHAZAN BIN CHE MAT (Wakil Batu Rakit): Dah Dato' Yang Dipertua, hak mana jadi semua hak dok betul kata betul jugak tu? Tadi dia baca, dia kata yang ditinggal pemimpin-pemimpin yang mewarisi ini *"walqalqafal khuluf",* yang mana mereka bercakap benda tak buat ataupun buat benda tak bercakap. Dah kita duk lawan hak tu hari ini benda duk baca Quran tapi duk baham ..... jadi kita masuk dalam beriman jugak, alhamdulillahlah.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, jadi Wakil ini dia kata pasal kes hak Wakaf Mempelam bercakap, ada orang pergi melawat ke luar negeri, jadi ada, ada, ada ..... Bila ditanya siapa? Wakil Wakaf Mempelam ni tak sebut siapa-siapa, ini rahsia. Ikut Sunnah Nabi juga, Nabi ..... (Dewan Gelak) ..... Ikut Sunnah Nabi, Nabi bila .....

YANG BERHORMAT HAJI KHAZAN BIN CHE MAT (Wakil Batu Rakit): Dato' Yang Dipertua, tadi dia kata .....

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Nanti dulu .....

YANG BERHORMAT HAJI KHAZAN BIN CHE MAT (Wakil Batu Rakit): Tak, saya nak perbetul sebab dia kata kalau benda salah kena lawan. Dah sekarang ini kalau salah, bukti sajalah. Apa duk ikut Sunnah Nabi susut, Nabi tak susut hak benda salah, ke ada Nabi susut?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Nanti saya bercakap dulu .....

YANG BERHORMAT HAJI KHAZAN BIN CHE MAT (Wakil Batu Rakit): Cuba royat.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Inilah hak saya kata tadi, mengaji sekolah agama 'masak-mentah', takdan nak baca lagi kata dah. Ini masalahnya, kalau saya kata begitu, berasa hati. Jadi dalam suatu peristiwa Nabi melantik seorang pegawai .....

YANG BERHORMAT HAJI KHAZAN BIN CHE MAT (Wakil Batu Rakit): Nak marah, hak tu tak tahan tu ..... Deras nak marah.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Nanti dulu, duduklah dulu. Jadi bila Nabi kata ada orang, kita lantik dia pegawai untuk memungut cukai sesuatu

kampung, sesuatu kawasan tapi bila dia balik, dia kata ini hak kerajaan, hak ini orang beri kepada saya. Jadi Nabi kata, kalau dia duduk di rumah dia adakah orang beri kepada dia? Dia kata ada orang, dia tak sebutpun nama tu, itu kata ikut Sunnah Nabi, itupun nak bangkang jugak. Janganlah cabar acap sangat siapa-siapa itu, saya ada maklumat. Dalam Dewan inipun ada orang .....

YANG BERHORMAT ENCIK ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, sebagai pemimpin yang bertanggungjawab sepatutnya ADUN Manir beritahulah jangan duk ada-ada daripada tadi sampai sekarang ni? Saya nak tahu sekarang ini siapa dia?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya khabar dah tadi, Nabi tak sebut, nak suruh saya sebut jugak? Jangan saya terdesak sampai menyebut.

YANG BERHORMAT ENCIK ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, sebut sekarang.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya harap dia tak ganggu saya sehingga saya terdesak.

YANG BERHORMAT ENCIK ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, sebut sekarang Yang Berhormat. Jangan berselindung di sebalik Sunnah Nabi-Sunnah Nabi sedangkan perkara ini benda nampak dah.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Eh, dok.

YANG BERHORMAT ENCIK ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): Daripada awal ni kecek orang ni.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, kalau nak suruh saya sebut, kalau Dato' Yang Dipertua izin, saya sebut, boleh?

YANG BERHORMAT ENCIK ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): Sebut sekarang.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Tak, saya mintak izin Dato' Yang Dipertua. Kalau Dato' Yang Dipertua kata suruh saya sebut, saya sebut. Saya sebenarnya nak jaga jugak malu-aib kawan-kawan, pegawai-pegawai. Kita nak jaga benda-benda ini, cuma kita beri peringatan umum supaya perkara itu jangan berulang. Ini banyak pengalaman kita, sebagai peringatan awal .....

YANG BERHORMAT ENCIK ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): Sebut sekarang. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, sebut sekarang.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Saya nak mintak izin daripada Yang Berhormat Yang Dipertua. Kalau Dato'

Yang Dipertua kata saya sebut, saya sebut. Ramai duk cabar saya sekarang ini. Saya mintak *ruling* daripada Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Duduk Yang Berhormat Wakil Wakaf Mempelam bukan masanya .....

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Haa ..... Dato' Yang Dipertua, suruh saya duduk. Hak itu bagus Dato' Yang Dipertua. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Berilah ke saya berucap. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, jadi sikit saja saya beritahu. Jadi kalau tak betul kita tegur, kita bercakap Islam Hadhari buat tak bentuk Islam. Kita dulu semasa kita memerintah kita kata nak jalan/laksana Undang-Undang Islam, kita pinda Perlembagaan jadi Islam. Kita pinda, kita wujudkan Undang-Undang Hudud dan Qisas, kita buat undang-undang, berpunca daripada situ kita buat, kita bukan bercakap saja. Kamu bercakap takdok buat, yang Allahtaala tak suruh, banyak buat. Itu tadi sahabat saya sebut tu banyak karaokelah, apalah itu bukan Allahtaala suruh tapi kenapa buat perkara-perkara yang sebegitu.

Yang Berhormat Yang Dipertua, saya teruskan ucapan saya. Kita bercakap bab harga minyak naik. Harga minyak naik, memanglah sahabat-sahabat kita dalam Umnopun mari veteran ke Wakil Rakyat, naik bagus, tak apa, takdok masalah. Memanglah bagi orang takdok masalah, takdok masalahlah tapi kita bercakap ni walaupun Duli Yang Maha Mulia Sultan berkata walaupun harga minyak naik, rakyat bagus lagi. Memanglah bagus lagi takdok yang mati lagi sampai setakat ini dengan harga minyak naik. Tapi kita berfikir dari sudut logik kita, patutkah minyak itu dinaik secara harga minyak bagi pengguna-pengguna kita di dalam negara kita dinaik begitu sekali. Kita sedar bahawa kenaikan harga minyak ini adalah berlakunya kenaikan harga minyak di peringkat antarabangsa tetapi kita ini negara pengeluar minyak ataupun pengimport minyak. Itu kita bercakap, kita bercakap secara logik sebagai kerajaan. Kalau negara pengimport minyak memang kita tak boleh nak lari, bila kita beli mahal kita kena jual mahal tapi kita negara pengeluar minyak nak kata negeripun takdok dah. Tadi ada soalan Wakil Alur Limbat, dia kata minyak kita tahan berapa lama? Minyak kita mana lagi, takdok dah. Dalam Bajet baru-baru ini takdok dah kepala hak minyak tu. Kepalanya Dana Khas. Mana ada, cakap molek sikit, bercakap biar itu sikit, kita .....

YANG BERHORMAT ENCIK ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, minta penjelasan sikit.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Penjelasan lagi.

YANG BERHORMAT ENCIK ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): Andainya ataupun takdirnya baru-baru ini Kerajaan Pas memerintah Terengganu, Kerajaan Pusat mengumumkan kenaikan 30 sen ini, benda apa Kerajaan Pas nak buat? Saya nak tahu yang itu saja ataupun nak tuding jari pada orang, "Oh! Naik 30 sen ini kerana Kerajaan Pusat jahat." *Guarantee* itulah jawapan dia. Setuju dengan saya?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, nak setuju-setuju tu ini bukan bicara di mahkamah (dalam gelak) dekat lain ni Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua. Kita negara pengeluar minyak betul harga 30 sen naik, naik minyak dengan harga 30 sen maknanya kita semakin dapat duit minyak, banyak kita dapat duit. Kalau Terengganu tidak sabit/kerana Umno dulu suruh Kerajaan Persektuan tarik balik royalti, ooh .... Terengganu menjadi satu negeri yang kaya, berapa bilion yang kita dapat? Tapi cerdik Umno ini dia suruh Kerajaan Persekutuan tarik balik macamlah cerdik Umno zaman dulu serah Singapura kepada Lee Kuan Yu percuma. Sekarang ini nak buat jambatanpun tak boleh, ini cerdik kualiti Umno, Yang Berhormat Yang Dipertua. Ooh ..... kalau orang bercakap, bergegar tepuk, cerdik sangat beri negeri kepada orang. Inilah kejayaan besar Umno Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua dari sudut politik. Kalau kita negeri pengeluar minyak, kita jual minyak, kita juallah ke peringkat antarabangsa kepada negara-negara lain dengan harga pasaran atau lebih tinggi tetapi kenapa harga runcit untuk rakyat kita ..... Bila kita tidak boleh fikir cara supaya rakyat kita tidak mengalami masalah ini. Dengan keuntungan yang besar di atas kenaikan harga minyak di peringkat antarabangsa kenapa kita tidak boleh timbangkan supaya harga minyak yang naik itu dinikmati oleh rakyat, kalau dia berfikir untuk rakyat. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua .....

YANG BERHORMAT HAJI KHAZAN BIN CHE MAT (Wakil Batu Rakit): Dato' Yang Dipertua, saya nak pohon penjelasan .....

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Nak beri dah ke dia Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Bagilah senang.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Nak bagi dah?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Bagi laluan, kawan baikkan.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Saya tak setuju.

YANG BERHORMAT HAJI KHAZAN BIN CHE MAT (Wakil Batu Rakit): Terima kasih, Dato' Yang Dipertua. Itu yang Wakil Manir kata tadi bakpe yang tak beri ke rakyat. Kita dah beri dah tu, kalau kita tak beri harga minyak di tempat kita bukan RM1.92 sen, RM2.00 lebih, RM3.00 ataupun RM4.00 salah-salah buat, beri dahlah tu tapi kita tak beri habislah, takkan kita nak pakai kita belaka, kita jual, kita apa. Kita hasil kita bukan minyak seratus peratus macam Brunei tu, sikit-sikit banding dengan Brunei. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya cakap kalau tidak naik 30 sen macam mana jadi? Dan kalau nak kira bijak, Islam Hadhari ini bijak sekali boleh naik 30 sen sekaligus. Dulu ramai dah Perdana Menteri, tak rajin lagi boleh naik sampai 30 sen sekaligus ni. Dia kata nak *adjust* balik kepada rakyat, gas hak pakai buat masak tu berapa ringgit dah naik kerana kenaikan harga minyak siapa yang jaga. Tapi ada orang barang naik dia suka ada orang tak suka,

itu satu cerita oranglah,.... (Dewan Gelak) ..... itu terpulanglah kepada masing-masing. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua sebab itu kita bercakap soal kenaikan harga minyak, kita bantah, kita nak mintak kerajaan boleh bertimbang rasa kepada orang ramai, kepada rakyat supaya harga minyak itu tidak dinaikkan sekaligus yang begitu berat. Alasan kerajaan banyak, sedang nak buat bajet .....

YANG BERHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, penjelasan?

YANG BERHORMAT DATO' HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Eh ..... dekat mana? Oh! Wakil Kijal ..... (Dewan Gelak) ....

YANG BERHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Saya nak tanya barang benda naik ni? ..... (Dewan Gelak) ..... Barang-barang hak naik ni, barang benda?

YANG BERHORMAT DATO' HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, ini 'Mat Payang' saja yang tahu, orang lain tak tahu barang naik tu, okey.

Itu fasal kita tak setuju harga minyak naik. Kita tak ada jalan, kadang-kadang dengan cara demonstrasi, kadang-kadang kena bersyarah, kadang-kadang kena bercakap sebagai salah satu daripada usaha. Kalau kerajaan bertimbang rasa dia boleh timbang, dia boleh turun semula, alhamdulillah. Dah kalau dia takmboh timbang dia terus nak naikkan, rakyat nak sokong dia terpulang kepada rakyat, kita menjalankan tugas dan kewajipan kita.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, setakat Kerajaan Barisan Nasional mengambil alih negeri bercakap tentang pelabur asing. Pas tidak berjaya menarik satu senpun pelabur asing datang ke Negeri Terengganu tapi bila kita mengambil alih dalam setahun-dua ini kita berjaya menarik pelabur asing dengan begitu besar tapi saya baca soalan Wakil Kemasik ni takdok sesen: "Pada tahun 2004 sebanyak 7 syarikat diluluskan dan tahun 2005 sebanyak 29 diluluskan berjumlah kira RM248.8 juta. Tiada kemasukan pelabur asing ke dalam negeri. Syarikat-syarikat adalah sebagaimana berkembar". Syarikat tempatan takdok sesen habuk, cakap berdegar-degar. Adakah jawapan ini salah? Alur Limbat betul ke jawapan ini? Guana Wakil Kijal?

YANG BERHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Guana marah?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Dok. Buat apa marah, kalau marah nak jual. ..... (Dewan Gelak) .....

YANG BERHORMAT DATO' HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Pembangunan Ekonomi - Memang hebat, projek mega, lebuh raya, lapangan terbang, kompleks sukan. Memanglah kita dah selalu kata Projek Kompleks Sukan - Kerajaan Negeri, Lapangan Terbang – Kerajaan Persekutuan, Lebuh Raya – Kerajaan Persekutuan. Tapi projek-projek kecil ini untuk kontraktor-kontraktor kita peringkat pertengahan, peringkat negeri, zaman pemerintahan Barisan Alternatif di bawah pimpinan Pas dahulu, zaman yang dikatakan tidak ada kemajuan tetapi kontraktor-kontraktor banyak yang kaya. Beli kereta lampu bulat ada, macam-macam tetapi musim sekarang ini kena jual kereta, ada hak yang teruknya

kena isytihar bangkrap, takdok projek. Ada setengah projek buat tak dapat duit lagi sebab kerajaan terlalu banyak duit maka dia melambat-lambatkan bayaran. Ramai dah hak bercakap hak gulung tikar ada, hak jual kereta saya dengar banyak. Pitih, duit mungkin banyak, Monsoon Cup bila saya tanya, Yang Amat Berhormat MB di dalam sidang/iklan Monsoon Cup yang saya tak berapa pasti di dalam siaran di peringkat dunia, di peringkat antarabangsa: "Ooh ..... kita berjaya memasukkan peta Negeri Terengganu di dalam peta dunia." Memanglah kalau orang baca, ada dah Negeri Terengganu di dalam peta dunia, dalam masa kita memerintahpun ada. Kita jalan-jalan: "Oh Terengganu! Bagus memerintah secara Islam". Jadi saudara tak pergi dengan saya, tak tahulah kalau pergi dengan saya insyaAllah. Jadi saya tanya hak nak masuk untuk disiarkan itu bayar berapa? Soalan ini kena tolak. Saya dengar orang kata kalau tak betul Yang Berhormat tolong nafilah, bayar tak banyak RM200 juta saja tahun mula-mula nak masuk tu. Tahun ini buat pulak kena bayar lagi bukan sekali tu saja. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, ini duit orang, duit rakyat. Duli Yang Maha Mulia Tuanku kata 'jimat-jimat', apalah besar sangat beli RM200 juta kalau tak betul sila perbetulkanlah. Kemudian, saya bercakap ringkas ringkas saja .....

YANG BERHORMAT HAJI WAN HISHAM BIN WAN SALLEH (Wakil Ladang): Minta penjelasan sikit Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, sebenarnya dalam sesi yang lepas sudah jawab dah. Hak daripada dulu dah RM200 juta tu tak betul, saya jawab dah masa sidang lepas duk ulang hak tu-le saja, Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Dato' Yang Dipertua, RM200 juta itu tak betul macam mana, itu hak belanja, orang ini sponsor, orang ini sponsor. Ini hak bayar iklan tu RM200 juta, betul tak betul *check* balik jangan kata semua tak betul. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, jugak Pembangunan Ekonomi, ini kontraktor hak yang teruk lagi, ada juga yang teruk jugak peniaga-peniaga pasar malam yang Kerajaan Negeri nak perkenalkan T-Lekor, T apa-apa, tak laku sekarang ni. Ada van tu dia pakai dahlah hak *second-hand* nak ganti tak boleh, nak cari RM50 semalaman tak boleh zaman sekarang. Zaman dulu masa Pas memerintah alhamdulillah, kerajaan tak kaya tapi tidak miskin tapi rakyat kaya, alhamdulillah, kontraktor kaya, peniaga kecil kaya, peniaga pasar malam kaya. Tapi kerajaan kata dia kaya rakyat miskin. Balik semula zaman dulu Terengganu ini orang kata 'Kuwait Malaysia', kerajaan kaya rakyat miskin. Saya kagum sekali dengan kemiskinan dulu kalau tak salah ingat saya tapi kalau salah tolong betulkan. Masa ucapan dalam Bajet dulu orang miskin di Negeri Terengganu 16,000, dalam jawapan Soalan Lisan jadi 21,000, 16,000 – 21,000, Bajet baru lagi pada bulan 12, baru beberapa bulan, ini empat bulan sudah 5,000 dah naik. Maka sebab itu bijaksana sungguh Exco bahagian kebajikan ini kerana berjaya menaikkan jumlah orang-orang miskin di dalam Negeri Terengganu. Masa Pas dulu cakap: "Pas buat apa?" Kita buat apa jangan ditanya tapi orang miskin kurang. Kalau buat kerabat bukit, naik gunung, kerabat bukit, naik gunung orang-orang miskin kohor jatuh nak buat benda? Ini fakta .....

YANG BERHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Dato' Yang Dipertua, penjelasan - Masa Pas memerintah kerana usaha-usaha yang dilakukan oleh BN ketika itu menyebabkan jumlahnya turun jadi 16,000 tapi setelah Pas memerintah 4 tahun lepas itu kita ambil alih sebab itu bila kita semak balik kohor ramai orang miskin bukan perintah hari

ini esok miskin selalu kerana 4 tahun susah tak bekerja jumlah 21,000 kita *check* balik ni. Haa ..... Makan diri dah!

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Ini cerita Mat Jenin belaka, cerita Mat Jenin Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Bukan Mat Jenin Dato' Yang Dipertua, ini realiti. 4 tahun takdok kerja bila kita menang kita buat semakan balik, *check* balik senarai itu yang jadi 21,000 daripada 16,000 hak dulu asal daripada kita dia ambil hak sikit dah dengan pembangunan perancangan yang telah kita buat, Pas duduk saja maknanya bukan gagal BN hak 2 tahun ini, hak 4 tahun gagal. Allah! Kira gok molek sikit.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Dengar molek dulu .....

YANG BERHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Matematik berapa, matematik?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Duduklah nak cerita ni.

YANG BERHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Matematik dapat berapa?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Duduk, duduk nak bercerita.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat Manir, Yang Berhormat panjang lagikan?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Ya, panjang lagi.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Duduk dulu.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Duduk dulu, terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Yang Berhormat sekalian, saya tangguhkan Persidangan buat sementara sehingga jam 4.15 minit petang.

DEWAN DITANGGUHKAN SEMENTARA PUKUL 3.50 PETANG.

Pukul 4.15 Petang

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli Yang Berhormat sekalian mesyuarat disambung semula. Dipersilakan Yang Berhormat Wakil Manir untuk menyambung Perbahasannya.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Yang Berhormat Ahli-ahli Dewan, para Pegawai, Pemerhati assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Terima kasih Dato' Yang Dipertua, saya ingin menyambung sedikit lagi ucapan saya dalam ruang masa yang diberikan. Saya masih bercakap di dalam perkara kemiskinan yang telah saya utarakan bahawa jumlah angka keluarga miskin terus meningkat di bawah usaha yang kononnya banyak dilakukan oleh Kerajaan Negeri hari ini di samping kewangan yang banyak yang dimiliki oleh kerajaan pada hari ini. Sebagaimana yang disebut oleh saudara saya daripada Wakaf Mempelam terdapat walaupun mungkin dalam golongan yang kecil rakyat Negeri Terengganu yang mengambil atau mencari peluang kerja mudah ke pusat-pusat pembuangan sampah inilah suatu perkara yang mendukacitakan. Wakil daripada Ajil dengan sengaja hendak mengetahui ataupun ada tujuan di sebalik daripada itu telah menuding jari dan bertanya kepada Kerajaan Pas apakah langkah-langkah yang telah diberi yang telah dilakukan oleh Pas pada masa yang lalu sehinggakan kadar kemiskinan boleh turun? Kita tidak mahu mendabik dada tapi kita banyak lakukan di dalam mengatasi masalah kemiskinan. Di antaranya ialah pembahagian tanah yang telah berulang-ulang kali kita cakapkan dan juga bantuan yang kita panggil 'Jaya Diri' oleh YPK kepada orang-orang kampung yang mempunyai projek-projek yang kecil seperti buat kuih, bengkel dan sebagainya, kita memberi pinjaman tanpa faedah. Dengan peruntukan dalam kadar semasa itu kadar keupayaan Kerajaan Negeri kita lakukan ini adalah untuk membantu orang-orang miskin, dapat mengatasi masalah kemiskinan. Apa lagi kalau kita sebutkan Bantuan Zakat zaman dahulu .....

YANG BERHORMAT ENCIK ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): Pohon penjelasan Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua .....

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Sekejap, sekejap lagi. Duduk sekejap putus mualat tak sedap. Kita telah menaikkan bantuan kepada orang-orang miskin, dulu RM60.00 di zaman Barisan Nasional zaman duit banyak dari RM60.00 kita bagi RM100.00, satu keluarga kalau dulu RM150.00 kita bagi RM250.00, penerima zakat dulu RM100.00 kita beri RM150.00 sebulan, Imam-Bilal tak kiralah pasal Barisan dah angkat naik, kita dulu Barisan memerintah 38 tahun, Imam dan Bilal yang paling mahal sekali elaun dia RM180.00 kita naikkan RM350.00. Ini di antara langkah-langkah atau usaha yang telah kita lakukan, itu baru 4 tahun kalau sambung lagi penggal ni, ooh .... tak tahu banyak mana lagi yang boleh kita buat.

YANG BERHORMAT DATO' ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, bagus cakap macam penglipurlara. Banyak dah dilakukan hak sebut Yayasan, YPK tu semua sekali tu hak Umno dan Barisan Nasional buat dah cuma sambung. Cuma

hak kita sedihnya hak hafaz Quran tak beri *sekepeng-habuk.* Kata berjuang Islam, *sekepeng-habuk* tak beri. Kitalah hak tukang beri pulak yang hafaz Quran. Jadi bercakap tu biarlah betul sikit kopiah atas kepala tu. Saya yang tak pakai kopiah ini saya rasa betul saya.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, dia nak bersyarah ke nak tanya?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Nak tanyalah ni, jadi maksud saya apakah langkah yang dibuat daftar meningkat kerana Pas tak buat benda satu. Daftar kita sehinggakan ..... duduk dulu tak habis lagi, nanti saya nak maklum dan nak tanya, sehinggakan Daftar Kemiskinanpun takdok dalam Negeri Terengganu yang kita dapat 10,000 – 16,000 ini daripada KKAW, Negeri Terengganu tak buat benda satupun. Apakah tindakan ataupun kerajaan buat untuk pastikan daftar di Negeri Terengganu masa zaman Pas dulu ada, cuba jawab soalan tersebut Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, kita telah tinggal 3 tahun dah, fail-fail duduk dengan dia belaka nak suruh kita cari semula macam mana Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Cap Ayam, Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, jawapan Cap Ayam.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Tak kira Cap Ayam, ke tahi ayam. Rakyat di zaman kamu mencari makanan/rezeki di tempat buang sampah.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Buang sampah pakai kereta Yang Dipertua, pakai kereta Iswara, pencari sampah tapi pakai kereta Iswara Yang Dipertua, jadi jangan buat komang begitu, besi mahal lening RM7.00 – RM8.00 sekilo. Jadi bukan pencari sampah itu benda yang hina. Dia ni pencari sampah tapi hari ini pakai Iswara, dah apa salahnya. Jadi tak faham pakai kopiah saja, tak faham.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, ini kebijaksanaan Barisan Nasional dapat mewujudkan peluang-peluang pekerjaan bagi rakyat Negeri Terengganu yang miskin di antara peluang-peluang yang diadakan oleh Kerajaan Barisan Nasional sejak memerintah Terengganu ialah mewujudkan banyak tempat-tempat buang sampah semoga ramai lagi rakyat Negeri Terengganu yang dapat mencari rezeki di tempah buang sampah itu. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, bila kita cakap YPK, ooh ..... Umno buat dah. Kenapa semasa Umno buat tidak boleh menurunkan kemiskinan, kita buat sekejap boleh menurunkan kemiskinan. Bila kita cakap tentang .....

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Buat benda, Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, persoalan saya apa yang telah dibuat oleh Pas? Dua hingga empat tahun apa yang telah dibuat oleh Pas, khabor se hak betul-betul Pas buat. Daftar Kemiskinanpun takdok, nak cakap besar. Cakap, berkokok berderai-derai ekor bergelumang dengan tahi. Malu ke orang Yang Berhormat Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Ada, Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, ada tapi dia tak reti cari fail .....

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): ..... Ada guana, ada khabarlah .....

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): ..... Dah kamu tak reti cari fail nak temu macam mana? .....

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): ..... Ada khabarlah ....

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): ..... Orang buat dalam fail .....

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): ..... Jangan marah .....

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): ..... Dah fail duduk dalam pejabat. Eh! Marah macam guana bukannya marah.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): ..... Jangan marah, marah kena jual .....

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Kita tak reti cari fail lepas itu tak bertemu kata takdok .....

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Ada dok cari fail? Apa data, takdok data.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Ini macam cerita Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua ni, macam orang buta dengan orang tepak masuk kebun. Orang tepak masuk tengok kebun ada buah tapi nak ambil tak boleh, hak buta ini masuk dengan tongkat dia paling kiri, paling kanan dia kata: "Isy! Kebun ini luas saja takdok buah". Mana nampak buah dah dia tak nampak macam mana. Saya kalau saya pinjam .....

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): ..... Hak orang Pas belaka tu Dato' Yang Dipertua. Semua hak orang Pas belaka hak perangai begitu.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Kita baru-baru ini bercakap kerajaan bukannya Parti Pas. Kerajaan fail dia dalam pejabat, ada dalam fail dia. Saya pinjam wakil tu ..... kita buat itu, kita buat ini dah berjaya, mari zaman dia laung situ laung-laung bina, bina, bina, mari 21,000 keluarga miskin, dah ni kohor banyak ni pandailah kerajaan ni. Bagaimana cara Kerajaan Barisan Nasional mengatasi masalah kemiskinan, di antara kejayaan kita, kita berjaya memperbanyakkan lagi keluarga miskin. Barangkali Wakil Ajil tu kata sebab dia ni Pengerusi itu, Exco bahagian itu. Memanglah mengajar sekolah retilah sebab dia dulu cikgu, ini masalah politik, perancangan, itu-ini

bukan masalah nak mengajar A, B, C, kepada budak-budak Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua .....

YANG BERHORMAT ENCIK WAN AHMAD NIZAM BIN WAN ABDUL HAMID (Wakil Air Putih): Dato' Yang Dipertua, saya ingin penjelasan apa yang telah dibuat untuk membasmi kemiskinan pada zaman Pas dulu?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Hak saya sebut satni tak dengar?

YANG BERHORMAT ENCIK WAN AHMAD NIZAM BIN WAN ABDUL HAMID (Wakil Air Putih): Yalah, apa yang telah dibuat.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Menaikkan bantuan kepada orang-orang miskin.

YANG BERHORMAT ENCIK WAN AHMAD NIZAM BIN WAN ABDUL HAMID (Wakil Air Putih): Naik begitulah, lagi?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Membahagi tanah, Program Jaya Diri .....

YANG BERHORMAT ENCIK WAN AHMAD NIZAM BIN WAN ABDUL HAMID (Wakil Air Putih): Bahagi tanah, Kerajaan Barisan Nasionalpun bahagi tanah.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Tapi hak Barisan Nasional bahagi tidak boleh mengatasi kemiskinan kita boleh mengatasi ..... (Dewan Gelak) ..... Inilah yang kita bincang, Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT ENCIK WAN AHMAD NIZAM BIN WAN ABDUL HAMID (Wakil Air Putih): Kita terima saki-baki hak Pas tu yang miskin tu.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Tak apa, tak apa. Mungkin kita boleh pinjam jugak Wakil Air Putih bagi mengatasi masalah ini sekali. Walaupun matahari memancarkan cahayanya dengan begitu terang benderang tapi ada juga orang kelabu mata tak nampak. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, bercakap bab kemiskinan ini nampak Wakil Ajil sangat terasa .....

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, tak terasa tapi bercakap tu .....

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): ..... Saya kalau saya nak buat lagi kursus kemahiran kita buat dulu takdok orang buat, kerajaan dulu tak pernah buat kursus kemahiran bagi anak-anak orang miskin. Dia kursus 3 bulan, 6 bulan saja dia kursus dia dapat kerja selalu. Kita bayar dia dengan duit zakat di Ruin TATI, itu kita buat tapi nak buat macam mana matahari terikpun duk tunduk macam tak nampak benda satu.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROSOL BIN WAHID (Waki. Ajil): Laluan, Dato' Yang Dipertua .....

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Nanti lagi, Yang Dipertua tak beri lagi, beri ke dia?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Beri.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Okey, Yang Dipertua kata beri, beri.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): ..... Mungkin kerana sepaccalan Pesieh barangka.i dengan izin Allah dia kalah belaka, hebat sangat dia basmi kemiskinan menyebabkan kalah belaka, tinggal 4 kerusi saja. Itu menunjukkan hebatnya, berjayanya Kerajaan Pas membasmi kemiskinan barangkalilah, betul ke tidak tanggapan saya tersebut?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Kalah menang kuasa Tuhan ..... (Dewan Gelak) .....

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): ... Takdir, takdir .....

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): ..... Ummopun pernah salah. Kita kaji Sirah Nabi, Perang Badar menang, Uhud tak menang, apa kecelaan kepada Nabi? Kalau Allah Taala ... ...

YANG BERHORMAT HAJI DIN BIN ADAM (Wakil Bukit Besi): Yang Berhormat Yang Dipertua, minta laluan .....

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Beri lagi?

YANG BERHORMAT HAJI DIN BIN ADAM (Wakil Bukit Besi): Sikit, sikit lagi, pendek saja.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Dato' Yang Dipertua, bagi, bagi tak apa.

YANG BERHORMAT HAJI DIN BIN ADAM (Wakil Bukit Besi): Saya Yang Berhormat Yang Dipertua, nak buat penjelasankan cara menghapuskan kemiskinan yang dibawa oleh Pas dulu termasuk banagi duit duit zakat kepada anak anak Exco ke guana?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Ya, Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, tak apa saya boleh jawab. Itu saya kata nak basmi kemiskinan boleh tapi mengatasi, menyubati boleh Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua. Duit Zakat boleh dikatakan semua pelajar Negeri Terengganu yang belajar di luar negara yang ada kaitan dengan agama kita kata dibelanja oleh zakat sebagai *'asnafisabilillah'*. *'Fisabilillah'* adalah salah satu daripada 'sen' yang Allantaala kata *'Faridhatanminallah'* ini fardhu bukan macam Barisan Nasional buat beri biasiswa anak dia sebab, anak ini boleh: ....

YANG BERHORMAT HAJI DIN BIN ADAM (Wakil Bukit Besi): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, tadi dia kata cara menghapuskan kemiskinan termasuk pakai duit zakat dan bagi duit zakat kepada anak Exco itu cara menghapuskan kemiskinankah?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Betul, Yang Berhormat Yang Dipertua, itu kita beri kepada anak dia bukan kita beri ke Exco.

YANG BERHORMAT HAJI DIN BIN ADAM (Wakil Bukit Besi): Jadi Exco itu miskinlah dok, boleh setuju?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Nantilah dulu, mengaji Islam dulu. Kita bagi bukan bagi orang miskin, ini mengaji agama takmboh bercakap tak tahu arah, Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, ini bercakap ni teruk ni.

YANG BERHORMAT HAJI DIN BIN ADAM (Wakil Bukit Besi): Hai ..... bukan marah jawab kuat sikit. Tangan jangan bubuh dalam kocek nak garu benda dalam tu?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Ada susut kasut Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua .....

YANG BERHORMAT HAJI DIN BIN ADAM (Wakil Bukit Besi): Ada benda dok molek nampak.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Ini kita cakap dia duduk bangkit itu ..... Itu *'fardhusen fisabilillah'*. Tak macam Barisan bila dia menang gok hak Pas beri itu berhenti belaka.

YANG BERHORMAT DATO' DR. HAJI ABDUL LATIFF BIN AWANG (Wakil Bukit Payong): Saya nak mintak sedikit penjelasan, jarang-jarang mintakpun sekali saja. Tapi *'fisabilillah'* itu untuk sekumpulan kecil sahaja ramai lagi anak-anak di Terengganu yang dahagakan Wang Zakat untuk belajar tidak sampai, ini yang menjadi masalah.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya telah mencabar dalam Dewan yang lalu, buktikan anak yang belajar yang tak dapat zakat pada zaman kita, tidak ada seorangpun yang buat permohonan yang kita tidak lulus. Bukan macam sekarang ada lulus, ada yang tak lulus tapi hak Yayasan tu anak orang lain cemerlang jugak, tak boleh, anak Exco boleh kalau semua orang boleh tak apa anak Exco bolehpun. Ini lain daripada kita, semua boleh RM2,600 seorang bagi setahun yuran, takdok orang tak boleh. Ini takdok orang lain anak Pegawai Yayasan boleh jugak dapat 'A' berapa tak tahu tapi sama tinggi lulus tak boleh, anak Exco boleh nak tudung apa lagi. Saya tak suka mengata orang tapi oleh sebab Wakil Bukit Besi sebut-sebut lagi sayapun teringat jugak boleh sebut jugak, tidak saya tak sebut dah.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, bercakap pasal Pendidikan. Dulu kita memanglah senang hati dah kalau Barisan Nasional menang semula nak bina universiti di Negeri Terengganu. Saya ingat Kerajaan Negeri yang nak bina, kita ingat KUSZA jadi universiti

di bawah Kerajaan Negeri, TATI jadi universiti di bawah Kerajaan Negeri tiba-tiba jual KUSZA ke Universiti Darul Iman, KUSZA semua jua dengan kerani kerani habis dengan sekalinya Empangan . . ..

YANG BERHORMAT DATO' DR. HAJI ABDUL LATIFF BIN AWANG (Wakil Bukit Payong): Beban penjelasan - Cakap biar betul sikit, bila kita jual. Cakap biar betul Ulama-ulama Pas ini bercakap biar betul jangan pelawak sloh la'tu.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Dah kalau tak jual beri sokmo'.

YANG BERHORMAT DATO' DR. HAJI ABDUL LATIFF BIN AWANG (Wakil Bukit Payong): Bila kita jual, bila kita jual. Cuba beritahu kepada saya tarikh kita jual. Jangan cakap pelawok.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, kalau nak jual ..... (Dewan Gelak) .....

YANG BERHORMAT DATO' DR. HAJI ABDUL LATIFF BIN AWANG (Wakil Bukit Payong): Bercakap biar betul Yang Berhormat, cakap biar betul.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Betullah ni, betul-betul akan ada akan memansuhkan KUSZA .....

YANG BERHORMAT DATO' DR. HAJI ABDUL LATIFF BIN AWANG (Wakil Bukit Payong): Itu pelawok, kerajaan tak sesuka jual .....

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Dah menghapuskan KUSZA ... ..

YANG BERHORMAT DATO' DR. HAJI ABDUL LATIFF BIN AWANG (Wakil Bukit Payong): Dapat mole, sekalian dibuat bukan untuk jual . . .

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): ..... Menghapuskan KUSZA, memberikan KUSZA. ini kerajaan yang lari daripada tanggungjawab, kalau ikut Perlembagaan, Pendidikan Islam itu hak negeri, lari daripada tanggungjawab serah kepada Persekutuan tadi. Inikah yang diwar-warkan Terengganu akan mendapat sebuah universiti? kalau tak nak tadbir swasta kepada orang.

YANG BERHORMAT DATO' DR. HAJI ABDUL LATIFF BIN AWANG (Wakil Bukit Payong): Penjelasan, dah kita tarang dah IPTA hanya boleh dibuat oleh Kerajaan Pusat sahaja tidak boleh dibuat oleh Kerajaan Negeri kalau kita boleh buat IPTA oleh Kerajaan Negeri tetap kita akan buat, tak boleh di bawah Perlembagaan yang ada sekarang, kena faham.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, benda kecil saja ..... Eh' Dengan molek Wallahu-ilallah'pun, kita Terengganu ada 8 Ahli Parlimen, di Parlimen kenapa tidak kemukakan pindaan kepada undang-undang supaya membolehkan Kerajaan Negeri tubuh universiti .....

YANG BERHORMAT HAJI DIN BIN ADAM (Wakil Bukit Besi): Nak masuk Universiti Kubang Lembek?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Tak apalah kalau masuk Kubang Lembek, Kubang Lembek boleh satu ke dalam ni, biar boleh hak lain dulu.

YANG BERHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, kalau bangkit lapan macam hak empat tu-lah, serupa kita.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Dato' Yang Dipertua, kami ini 4, 28 lain-lain pandangan, mungkin pandangan kami tidak diterima tapi Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, di sana satu parti takkanlah tak boleh kira-kira, kalau MCA, MIC mintak dapat Kerajaan Terengganu takkanlah komang daripada MCA, MIC Dato' Yang Dipertua. Wakil Kijal nak lagi, takmboh dah.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Panjang lagi Yang Berhormat?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Tak sikit dah, sikit dah. Pendidikan – Kita kena tengok Sistem Pendidikan, apa matlamat dia, apakah matlamat pendidikan kita macam penanam-penanam pohon-pohon nanas tu. Dia duk fikir ke mana nanas itu hendak dipasar bila masak nanti. Apa akan jadi kepada nanas bila masak. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, kita amat dukacita kerana keterlibatan secara sedar atau tidak sedar, sengaja atau tak sengaja anak-anak muda kita ke dalam kancah yang tidak sihat. Saya juga pernah sebut penagih dadahnya, yang HIVnya, yang pelumba haramnya, yang macam-macam lagi, ini lahir daripada Sistem Pendidikan mana? Kalau lahir daripada Sistem Pendidikan Arus Perdana maka kita para pejuang, Ahli-ahli Politik yang berjuang untuk membela bangsa maka hendaklah kita menyemak kembali Sistem Pendidikan ini. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, tidak ada cara kalau kita tidak bina sendiri kita sebagai Kerajaan Negeri, kalau dulu zaman Pas buka Sekolah SRAB, buka KIST, buka KOSTAQ, untuk melahirkan orang yang reti ugama, tidak buta Quran, yang melahirkan saintis yang tidak buta Quran, engineer yang tidak buta Quran, nak melahirkan doktor yang tidak buta Quran tapi tidak diteruskan, Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua. Yang akhirnya Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, dengan izin .....

YANG BERHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Yang Dipertua, penjelasan sekejap saja. Oleh kerana Wakil Manir mengatakan bahawa Kerajaan Pas dulu dapat melahirkan tokoh-tokoh saintis, engineer yang hafaz Quran. Sejak Pas memerintah dulu berapa orang engineer hak pergi belajar di Mesir ambil dalam bidang engineering, kedoktoran dan sebagainya, cuba royat jugak? Nampak-nampak yang ambil, Syariah, Usuluddin hak tu-le nampak, sastera Arab hak kita jumpalah, hak kita tak jumpa tak tahulah. Mintak penjelasan.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Dato' Yang Dipertua, kita baru buka sekolah 4 tahun nak masuk universiti selalu mana boleh?

YANG BERHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Satni sebut.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Saya sebut satni, kita dah buka peringkat awal SRAB, KOSTAQ, KIST, kita sebut ini ke arah itu tapi kita tak dapat sambung mungkin lepas Pilihan Raya 2008 insyaAllah kita sambung semula ..... (Dewan Gelak) .....

YANG BERHORMAT HAJI DIN BIN ADAM (Wakil Bukit Besi): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, penjelasan sikit - Program Pembangunan Pendidikan ini yang kata KIST ke, SRAB ke semua sekali termasuk jugak Program PASTI yang dibangunkan di peringkat awal lagi hak yang kita pijak-pijak gambar orang tu dan hambat orang daripada tadika di bangunan balai raya itu termasuk sekali? Cuba khabar gok.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Sebut hak lainlah, hambat tadika, PASTI. Kita sekolah ni elit, hak cerdik-cerdik kita pilih pergi ke situ, hak tak cerdik pergi ke lain, kan kita ada cara takkan nak pergi ke situ belaka. Hak tak reti membacapun ke situ, hak apa-apapun ke situ, dia banyak. Sekarang ini kalau kita baca Pendidikan Arus Perdana orang tak reti sembahyang ada, tak reti baca Fatihah ada, tak reti ambil wuduk ada, redhakah kita? Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, kan panjang pulak saya bersyarah, saya nak bercakap bab pelancongan, Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Hak akhir Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Ya, akhir dah. Pelancongan Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua. Katanya negeri ini banyak pembangunan, pelancong-pelancong mari lening nak naik kapal terbangpun payah. Kapal terbang Mas tak berapa mari dah, kalau salah-salah kita kena waktu malam, takdok, sekali ada, sekali takdok. Guana gok yang dok banyak kapal terbang mari, takdok orang mari ke sini? Kalau banding dengan negeri hak yang tak maju sana, hak Kelantan nun, banyak penerbangannya. Hak negeri kata rombak surau. Kawasan tu sempit, surau dah buruk, rombak hak itu bina semula, beri penghormatan kepada surau lagi di bawah kita buat besar di atas kita buat surau. Kita pandai ekonomi, tanah sempit nak guna banyak perkara, nak buat guana? Kita buat dua lapis. Eeh! Wakil Kijal jangan ingat barang, itu cara kita buat. Ini dia marah, masjid tempat sembahyang robohlah. Tok Jamalpun ada orang roboh jugak, nak buat hak baru terpaksa roboh, kita janganlah ambil yang benda-benda begitu. Tapi pasal apa kita buat begini? Pasal negeri itu pitih takdok, Bajetpun defisit sokmo tapi orang pergi ramai pasal apa, kata takdok pembangunan tapi orang pergi ramai, orang buat apa ke sana? Barangkali orang pergi tengok takdok pembangunan barangkali. Cakap Bajet defisit, Bajet dia ada falsafah dia, defisit ada falsafah dia, surplus ada falsafah dia. Kita kena mengaji jugak, jangan ingat mengaji sekolah agama saja, mengaji bahagian Bajet jugak. Kalau kerajaan malas bekerja dan malas berusaha, kita buatlah surplus, tak payah bekerja banyak dah lebih dah. Dan kalau kita buat defisit, kita kena bekerja keras untuk menjayakan apa yang telah kita rancang, kan ada falsafahkan. Barangkali setakat itu saja Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua. Terima kasih banyak. Wabillahitaufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Okey, terima kasih Wakil Manir. Ada lagi yang hendak mengambil bahagian. Dipersilakan Yang Berhormat Wakil Jabi.

YANG BERHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua Dewan, Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Yang Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua-ketua Jabatan, Pemerhati-pemerhati, tuan-tuan dan puan-puan yang dirahmati Allah sekalian.

Saya mengucapkan berbanyak terima kasih kerana diberi peluang untuk bersama membahaskan Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Al-Sultan sempena Pembukaan Penggal Persidangan Yang Ketiga Bagi Dewan Undangan Negeri Yang Kesebelas semalam. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua Dewan, saya ingin merujuk kepada Ucapan Duli Yang Maha Mulia Al-Sultan pada muka surat 3 iaitu Tuanku berharap suasana kehidupan aman damai dan perpaduan yang ada di antara pelbagai etnik di negeri ini perlu dikekalkan. Di samping itu, jika sekiranya ada masalah perlulah diselesai secara hikmah melalui perbincangan, perundangan dan dialog. Oleh itu, Dato' Yang Dipertua Dewan, saya melihat dan merasa bimbang sejak akhir-akhir ini kalau dilihat perkembangan-perkembangan mutakhir terutamanya di kawasan saya di Jabi. Tadika-tadika PASTI tumbuh seperti cendawan dan banyak perkara yang tidak baik yang diasuh, diajar bermula daripada pelajar berumur 6 tahun. Di samping itu juga, sekarang ini di kawasan saya ada 2 tempat Markas Pas yang dijadikan tempat sembahyang pada hari Jumaat yang berasingan di dalam kawasan satu mukim. Oleh itu, perkara ini kita bimbang, perpaduan yang selama 2 tahun lepas nampaknya semakin baik tetapi akhir-akhir ini semakin renggang kerana apabila di masjid pada hari Jumaat Imam yang dilantik pada zaman Pas akan lari sembahyang di Markas Pas ini begitulah seterusnya sehingga ada makmum pula akan melihat siapa yang menjadi Imam pada hari ini. Kalau Imamnya orang Umno maka mereka akan berduyun-duyun pergi ke Markas Pas ini. Kita rasa dukacita juga kerana sebahagian besar Imam-imam di Markas Pas ini terdiri daripada kakitangan kerajaan yang mana mereka ini mengajar di sekolah-sekolah yang mendidik anak bangsa kita. Begitu juga akhir-akhir ini sembelihanpun begitu juga, kenduri-kendara nampaknya dipulau dan perkara ini adalah amat mendukacitakan. Apa salahnya seperti kita sekarang ini Ahli-ahli Dewan bersama-sama Ahli Pembangkang boleh bergurau, bertegur sapa, makan sekali dan mereka apa salahnya dalam ceramah-ceramah yang mereka turun ke kampung-kampung mengajak orang kampung berbaik-baik sama-sama dalam satu masyarakat dalam satu kampung.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mintak penjelasan dan cadangan yang diminta oleh Wakil Jabi kalau dia setuju, okey. Kita pakat ceramah sekali sepentas di kampung-kampung untuk mengatasi masalah, kita buat forum ada Wakil Pas, ada Wakil Umno, panggil belaka bukan nak balah, macam inilah kita boleh bertegur, bergurau, macam apa..... Biar kerajaan atur ke, kerajaan anjur ke, saya cabar begitu, makan nasi ayam sekali, nasi bungkus sekali. Saya cabar kalau boleh begitu dibuat, kita buat pentas Pas dengan Umno duduk setempat, semeja biar orang pakat tengok belaka, kita berhujah dengan baik. Alhamdulillah.

YANG BERHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua Dewan, saya rasa tidak perlu pentas.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Tak perlu guana dah kata nak begitu .....

YANG BERHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): Kita duduk sama-sama boleh bincang .....

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Tak, tak, dia begini Yang Berhormat, sekarang ini masalah kita, kita bercakap di sini orang tak dengar. Jadi kita kata ke orang ini, orang ini kata ke orang ini, sekarang ini biar kita bercakap di depan rakyat, biar rakyat dengar macam kes forum ke, dalam bentuk apa ke, untuk nak cari penyelesaian kebaikan bersama. Biar ada debat macam di Amerika macam pilihan raya, ada Debat Presiden sama-sama calon-calon sekurang-kurangnya biarlah boleh ada satu suasana biar kita matang berpolitik. Kita boleh terima menang-kalah takdok masalah. Jadi kalau dah masalah Jabi dah puluh tahun tak selesai, marah ke PASTI, marah ke Tok Imam, Tok Iman bukan orang bodoh, pegawai kerajaan, cikgu sekolah dia bukan bodoh macam orang kampung, orang kampungpun cerdik tapi masalah yang tak boleh selesai kalau betul-betul nak cari penyelesaian dengan cara yang baik. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): Dato' Yang Dipertua Dewan, kita serah kepada Dato' Yang Dipertua Dewan untuk tetapkan tarikh dan siapa yang boleh untuk kita sama-sama berceramah mencari halatuju perpaduan, insyaAllah.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Dulu Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, perkara yang sama timbul dan pernah waktu itu Dato' Yang Dipertua pada waktu itu bila dia tunjuk dengan videonya nampak teruk sangat perpaduan akhirnya ditubuhkan satu jawatankuasa di peringkat Dewan Undangan Negeri Terengganu. Saya jadi Ahli salah seorang Wakil Parti Pas ada Wakil Parti Umno duduk berbincang tapi akhirnya senyap, relai begitu saja, kita buat semula tak apa. Kita cadangkan kalau betul benda ini, takkanlah puluh tahun tak boleh selesai. Kita buat semula dan kita buat program-program bersama takdok masalah. Pilihan raya bab lain, kalah-menang bab lain.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat Wakaf Mempelam bukan masa untuk Yang Berhormat bercerita ni.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Tak, tak, saya bukan itu ..... saya nak respon penjelasan kepada apa yang disebut oleh Wakil Jabi. Jangan marah Wakil Jabi.

YANG BERHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): Tak, saya tidak marah .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Okey, teruskan ucapan .....

YANG BERHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): Cuma kita cari jalan dan kita harap supaya perkara ini dapat kita selesaikan kerana kita tahu kita orang Melayu yang beragama Islam 'sebusuk busuk daging kalau dibasuh, dikicah, dimakan jua'. Kerana kita

tahu kita orang Melayu 'carik-carik bulu ayam lama-lama pasti bercantum semula'. Kita bimbang .....

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Yang Berhormat Yang Dipertua, kalau macam Dewan nak fikir tu, Dewan fikirlah tapi untuk calon Wakil Jabi ni, saya cadang saya bersedia bersama dengan Wakil Jabi. Kita buat di Jabi sekali tengok dulu lagu mana?

YANG BERHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): InsyaAllah, kita bersetuju di Jabi.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): ..... Kita boleh buat surat, tetapkan tarikh, kita buat Dewan sekali .....

YANG BERHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Dato' Yang Dipertua, panggil Wakil Kijal sama.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Okey, okey terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Wakil Rakyat Kijal nak pergi jugak sama. Nak duduk jugak atas pentas sama.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Hai! Tapi jangan gocoh sudahlah ..... (Dewan Gelak) .....

YANG BERHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): Dato' Yang Dipertua Dewan, saya juga ingin menarik perhatian kerana dalam bidang pertanian juga menjadi agenda utama cuma saya di Jabi rasa dukacita beberapa perkara yang mana zaman Pas kawasan padang ragut yang telah dibahagikan sebagai tapak rumah iaitu di kawasan Bukit Rambutan sebab itulah di Jabi untuk ternak lembu sekarang ini amat sukar. Oleh itu Dato' Yang Dipertua Dewan, agar diberi peluang untuk dalam bidang pertanian ini, dalam bidang ternakan ini yang dianggarkan melibatkan wang sebanyak RM114 juta yang mana ternakan PKPM 535 ekar yang perlu dibaik pulih dan juga diharap supaya kawasan-kawasan padang ragut baru dibuka kerana program pertanian yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri terutamanya kepada penternak 10 campur 1 iaitu 10 ekor lembu betina campur 1 lembu jantan, saya percaya dapat mengatasi masalah-masalah kemiskinan yang tadi mendapat perbahasan yang hangat kerana saya percaya kemiskinan bukanlah untuk diwarisi tetapi kemiskinan insyaAllah dapat diperbaiki dengan usaha yang telah dijalankan oleh Kerajaan Negeri. Di samping itu juga, dalam bidang pertanian ini saya mengharapkan kerana kami di Jabi salah satu daripada kawasan pertanian agar lot-lot industri kawasan IKS di Anak Ikan dapat dimajukan kerana masih ada lagi 4 lot kekosongan. Kawasan ini kawasan Jabi mengeluarkan tanaman-tanaman seperti ubi kayu dan juga keledek. Saya percaya dalam bidang pertanian yang mana kemiskinan ini dapat diatasi dengan cara pemberian ilmu kepada orang kampung, kepada orang-orang miskin. Saya nak ambil contoh beberapa perkara kemiskinan yang boleh diatasi dengan cara pemberian ilmu. Pertama, seorang penoreh getah, kerana dia tak ada ilmu dia dapat satu sumber sahaja iaitu daripada menoreh daripada pagi sampai ke tengah hari dia balik kemudian dia rehat, dia tak ada

usaha untuk bercucuk tanam dan sebagainya, dia mengharapkan satu sumber sahaja. Satu keluarga lagi seorang penoreh getah tetapi mereka ada ilmu, ilmu bercucuk tanam selepas rehat tengah hari mereka bercucuk tanam bersama isteri-suami, ada lembu 10 campur 1 tadi dan mereka boleh memperbaiki taraf hidup kemiskinan mereka. Satu lagi seorang penoreh kerana isterinya mempunyai ilmu iaitu ilmu membuat nasi lemak satu hari si penoreh sebelum pergi menoreh dia mengatur 400 bungkus nasi lemak kepada setiap kedai, ada 20, ada 30 sehingga habis 400 bungkus nasi lemak. Pukul ratanya dia mendapat keuntungan RM100 daripada nasi lemak itu dan sampingan daripada suami yang menoreh tadi. Mereka dapat memperbaiki kehidupan mereka sebab itu saya percaya, usaha-usaha murni yang telah dibuat oleh Kerajaan Negeri untuk mempastikan bahawa kemiskinan ini dapat diatasi dengan cara memberi ilmu dan juga kemahiran-kemahiran. Saya mengucapkan tahniah kepada Kerajaan Negeri di bawah Yayasan Pembangunan Keluarga yang telah mewujudkan satu kursus pembuatan makanan yang terletak di Kuala Kubu Baru di mana ibu-ibu tunggal dan juga keluarga miskin diberi pendedahan untuk mendapat kemahiran seperti ini.

Dato' Yang Dipertua Dewan, saya juga ingin menyebut bahawa kita berbangga dengan pencapaian pelajar kita dalam UPSR 5 tahun kita berjaya berturut-turut untuk menjuarai 5A. Kita juga berbangga PMR kita pelajar terbaik, kita juga berbangga kerana kita ada Sekolah Imtiaz, kita ada elit, kita ada premier tetapi kita mengharapkan supaya Sekolah Imtiaz ini dapat dibanggakan di setiap daerah kerana kecemerlangan pelajar-pelajar imtiaz dapat dilihat dari sekarang. Misal contohnya, baru-baru ini pelajar Imtiaz di Besut yang dapat 10A1, bukan sahaja dapat 10A1 tetapi sudah hafal Quran kerana sistem pendidikan yang ada di Imtiaz Tingkatan 1-nya mesti hafal 10 juzuk, Tingkatan 2-nya 10 juzuk dan Tingkatan 3 nya 10 juzuk. Inilah saya percaya apa yang disebut oleh Waki! Manir tadi bahawa pelajar ini akan menjadi doktor, doktor yang hafal Quran, pelajar ini yang akan jadi lawyer, lawyer yang hafal Quran, pelajar ini yang akan jadi jurutera, jurutera yang hafal Quran. Inilah mungkin yang akan dilahirkan di Terengganu bahawa pelajar-pelajar yang mempunyai personaliti unggul dan berpendidikan cemerlang, selalu disebut sebagai 'Ulul Albab'.

Oleh itu, saya juga ingin menarik perhatian Dato' Yang Dipertua Dewan, bahawa program-program ini kita harap supaya termasuk juga dalam Program Sekolah Menengah Agama Negeri kita, supaya Imtiaz, Sekolah Menengah Agama, Elit, Primier ini diletakkan di bawah satu pengurusan yang khusus kerana kita ingin melihat kesinambungannya. Kita ingin melihat supaya penghubung di antara Kerajaan Negeri dengan sekolah yang dibentuk ini kerana kita bimbang kalau kita tidak mencernakan dengan cara yang baik kita tidak akan mencapai tahap yang ingin dicapai kerana kita yakin sekiranya program ini dilaksanakan dengan baik 3 tahun nanti atau 4 tahun nanti kita akan dapat melahirkan 3,000 pelajar kita yang PMRnya 8A1 - 9A1. InsyaAllah 4 tahun atau 5 tahun akan datang kita akan lihat SPM pelajar kita yang akan dapat 10A1- 11A1 melebihi angka 3,000 orang begitu juga kecemerlangan dalam STPM dan sebagainya. Oleh itu, saya ingin mencadangkan kepada Dewan yang mulia ini supaya difikir satu alternatif yang terbaik untuk menghubungkan program-program ini dengan Kerajaan Negeri kerana kita yakin keupayaan keupayaan ini perlu digabung secara menyeluruh antara satu sama lain.

Begitu juga Dato' Yang Dipertua Dewan, saya ingin menyentuh mengenai kesihatan kerana kami di Besut Dewan Bedah di Hospital Daerah Besut tidak ada kepakaran Pakar Bedahnya sebab itu ibu-ibu yang mengandung yang datang ke hospital yang tak dapat bersalin di Besut maka dihantar ke Kubang Kerian, akan dihantar ke Kota Bharu. Apabila ibu tersebut melahirkan anak di Kelantan maka dalam tempat kelahirannya dicatat '03' di Kelantan. Dan '03' ini sampai bila-bila oleh kerana '03' ini menjadi masalah, kita harap supaya dan saya selalu memberitahu kepada ibu-ibu di kawasan saya jika sekiranya nak bersalin di Jerteh *adjust*lah secara manapun jangan bersalin di Kota Bharu, mari ke Kuala Terengganu pasal kesannya sampai ke mati Dato' Yang Dipertua Dewan. Apa salah kiranya jua Dato' supaya kita memperbaiki sistem yang ada di Hospital Daerah Besut supaya Dewan Bedahnya ini dilengkapi dengan kepakaran Doktor Pakar.

Selain daripada itu Dato' Yang Dipertua Dewan, saya ingin mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Kerajaan Negeri yang telah diberi peluang untuk menjadi tuan rumah kepada SUKMA 2008. InsyaAllah, kita akan menjadi tuan rumah yang terbaik dengan prasarana yang sedang dibangunkan. Cuma saya ingin menarik perhatian Dato' Yang Dipertua Dewan agar atlit-atlit kita, pemain-pemain kita apa salah kiranya anak-anak syarikat Kerajaan Negeri mengambil mereka ini sebagai anak angkat di anak-anak syarikat. Dengan cara ini mereka akan diberi elaun, perhatian dan sebagainya maka mereka tidak akan lari kepada negeri-negeri lain yang ditawarkan imbuhan yang tinggi misalnya sekarang ini Negeri Sarawak cuba memancing pelumba-pelumba basikal kita, jadi kita bimbang takut-takut diberi imbuhan yang tinggi maka mereka akan lari daripada negeri kita. Oleh itu, saya percaya kita mampu untuk menjadi penganjur yang terbaik dan juga dengan perancangan kerajaan sekarang ini kita mampu merangkul banyak lagi Pingat Emas daripada masa-masa yang lepas.

Dato' Yang Dipertua Dewan, saya juga mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan Negeri yang telah melaksanakan Bestari.Com dengan cara begitu tersusun dan baik sekali. Dan sekarang inipun orang Jabi sedang tengok saya bercakap maknanya canggihnya sekarang ICT. Kita harap supaya penggunaannya dapat dirancang dengan lebih baik lagi terutamanya dari segi keselamatan dan lain-lain kerana sekarang ini maklumlah banyak perkara-perkara yang perlu dikawal dari Bestari.Com itu. Dan penggunaan lepasan-lepasan SPM dan juga STPM yang memohon secara on-line di setiap Bestari.Com meningkat dari masa ke semasa. Terima kasih kepada Kerajaan Negeri.

Selain daripada itu juga, saya mengucapkan tahniah dan terima kasih yang tidak terhingga kerana Kerajaan Negeri Terengganu diberi peruntukan yang begitu besar dalam RMK-9 iaitu RM7.2 bilion. Mungkin selama ini kita tidak pernah merasai peruntukan sebegini besar cuma orang Jabi minta dalam RMK-9 Dato' Yang Dipertua Dewan, yang pertama iaitu yang telah dirancang dua buah sekolah menengah supaya dapat diteruskan. Dua buah sekolah rendah dapat juga diteruskan. Pembangunan, pembesaran Pusat Kesihatan Kecil dinaik taraf kepada Pusat Kesihatan Besar. Balai Polis yang kecil dinaik taraf kepada Balai Polis yang besar. Dan juga yang paling penting Pembangunan Pekan Jabi kerana kita dukacita pada zaman Pas dahulu dibina 8 unit kedai tetapi kedai setingkat sahaja kesannya sampai sekarang nampak tidak cantik maklumlah yang rendah ini nampak tenggelam, dengan lalangpun dia tenggelam Dato' Yang Dipertua Dewan. Oleh itu, saya harap supaya Kerajaan Negeri juga memberi perhatian kepada Pusat Pertumbuhan Desa ini. Oleh itu,

akhir sekali saya juga sangat-sangat terharu apabila Duli Yang Maha Mulia Al-Sultan menyebut kepada kita tentang perenggan yang akhir iaitu kepada kita ADUN-ADUN supaya bekerja lebih cemerlang. Dan insyaAllah, kami ADUN-ADUN, Ahli Yang Berhormat akan bekerja lebih cemerlang, lebih ikhlas, lebih baik lagi dari masa-masa yang lepas untuk bersama-sama Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar Terengganu, untuk sama-sama 'Memahat Sejarah Dan Mencipta Tamadun Terengganu Baru'. Sekian, terima kasih. Jabi mohon menyokong.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Yang Berhormat Wakil Jabi. Masa Persidangan kita hanya tinggal 2 minit sahaja lagi. Oleh itu, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli Yang Berhormat sekalian, sekarang saya tangguhkan Persidangan Dewan sehingga ke esok hari Selasa, 18 April 2006, jam 9.30 pagi dan marilah sama-sama kita membaca Surah Al-Asr'. Sekian, terima kasih. Wassalamualaikum warahmatullahitaala wabarakatuh.

DEWAN DITANGGUHKAN PADA PUKUL 5.00 PETANG.

PERSIDANGAN

PADA HARI SELASA, 18 APRIL, 2006

KANDUNGAN

1. Nama Ahli-ahli [Muka 112]

2. Soalan-Soalan Lisan [Muka 116]

3. Usul Yang Telah Diberi Notis:

(Sambungan Perbahasan Usul Menjunjung Kasih) [Muka 136]

[*Bersambung*]

PERSIDANGAN DEWAN UNDANGAN NEGERI BERMULA PADA PUKUL 9.30 PAGI

HADIR:

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA
Dato' Haji Che Mat bin Jusoh, DPMT.,DSAP.,ASM.,AMN.,PJC.,PJK.,BLB.

YANG AMAT BERHORMAT MENTERI BESAR TERENGGANU
Dato' Seri Haji Idris bin Jusoh, SSMZ.,DPMT.,PJK.
WAKIL JERTIH

Y.B. Dato' Dr. Haji Abdul Latiff bin Awang, DPMT.,KMN.,PKT.,PJK.
WAKIL BUKIT PAYONG

Y.B. Dato' Haji Rosol bin Wahid, DPMT.,PJK.
WAKIL AJIL

Y.B. Dato' Ahmad bin Said, DPMT.,ASM.,PJK.
WAKIL KIJAL

Y.B. Dato' Haji Mohamed bin Awang Tera, DIMP.,SAP.,AMP.
WAKIL CUKAI

Y.B. Haji Din bin Adam, PJK.
WAKIL BUKIT BESI

Y.B. Haji Wan Hisham bin Wan Salleh, SMT.,DJN.,PJK.
WAKIL LADANG

Y.B. Datuk Haji Mohd Jidin bin Shafee, DMSM.,AMN.
WAKIL PERMAISURI

Y.B. Datuk Abdul Rahin bin Mohd Said, DMSM.,AMN.
WAKIL TELUK PASU

Y.B. Haji W. Mohd bin Wan Hassan, PJK.
WAKIL KOTA PUTERA

Y.B. Encik Toh Chin Yaw
WAKIL BANDAR

Y.B. Dato' Haji Mohamad @ Abu Bakar bin Ali, DPMT.,AMN.,PJK.
WAKIL KEMASIK

Y.B. Dato' Haji Mohd Nasir bin Ibrahim @ Ibrahim Fikri, DPMT.,KMN.,PJK.
WAKIL BUKIT TUNGGAL

Y.B. Encik Alias bin Abdullah, AMT.
WAKIL ALUR LIMBAT

Y.B. Haji Asha'ari bin Idris, AMT.,AMN.,PJK.
WAKIL LANGKAP

Y.B. Encik Za'abar bin Haji Mohd. Adib, AMT.,AMN.,PPN.,PJK.
WAKIL RANTAU ABANG

Y.B. Encik Nawi bin Mohamad
WAKIL HULU BESUT

Y.B. Haji Ramlan bin Ali, PJK.
WAKIL JABI

Y.B. Encik Mohd Ariffin bin Abdullah, AMT.,AMN.,PJK.
WAKIL PAKA

Y.B. Haji Ahmad Kamal bin Abdullah
WAKIL SURA

Y.B. Haji Mohd Shapian bin Ali
WAKIL SEBERANG TAKIR

Y.B. Encik Wan Ahmad Nizam bin Wan Abdul Hamid, AMT.,PJK.
WAKIL AIR PUTIH

Y.B. Encik Rozi bin Mamat
WAKIL TELEMONG

Y.B. Encik Yahya bin Khatib Mohamad, PKC.
WAKIL PENGKALAN BERANGAN

Y.B. Haji Muhammad Ramli bin Haji Nuh, PJK.
WAKIL TEPOH

Y.B. Haji Abdullah bin Che Muda, AMN.,PPN.,PJK.
WAKIL KUALA BESUT

Y.B. Haji Khazan bin Che Mat
WAKIL BATU RAKIT

Y.B. Encik Mohd Zawawi bin Haji Ismail, PJK
WAKIL KUALA BERANG

Y.B. Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang, SSMT.
WAKIL RHU RENDANG

Y.B. Dato' Haji Wan Abd. Muttalib bin Embong, DPMT.
WAKIL BATU BUROK

Y.B. Dato' Haji Harun bin Taib, DPMT.
WAKIL MANIR

Y.B. Haji Mohd Abdul Wahid bin Haji Endut, PJC.
WAKIL WAKAF MEMPELAM

HADIR MENURUT FASAL XIII(3) UNDANG-UNDANG BAGI DIRI KERAJAAN TERENGGANU (BAB YANG PERTAMA)

YANG BERHORMAT SETIAUSAHA KERAJAAN
Dato' Haji Muhatar bin Abdullah, DPMT.,ASM.,PJC.,PJK.,BLB.

YANG BERHORMAT PENASIHAT UNDANG-UNDANG NEGERI
Encik Ahmad Kamal bin Md. Shahid

YANG BERHORMAT PEGAWAI KEWANGAN NEGERI
Dato' Haji Mokhtar bin Nong, DPMT.,ASM.,PJC.,PJK.BLB.

SETIAUSAHA DEWAN UNDANGAN NEGERI
Haji Azmi bin Moktar, SMZ.,AMT.,PJK.

PUKUL 9.30 PAGI

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan selamat pagi. Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat disambung semula. Sebelum memulakan Persidangan Dewan pada pagi ini marilah sama-sama kita membaca umul kitab Al-Fatihah.

Mesyuarat pagi ini diteruskan dengan Soalan-soalan Lisan. Suka saya mengambil perhatian bahawa setiap soalan yang dikemukakan hanya dibenarkan 3 soalan tambahan sahaja dan masa bagi Soalan Lisan ialah 1 jam daripada sekarang. Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Wakil Kemasik mengemukakan soalan.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan yang pertama -

> *Penggunaan multimedia dalam pembacaan Khutbah Jumaat telah mendapat sambutan hangat umat Islam. Adakah kerajaan bercadang untuk mengadakan penggunaan tersebut di seluruh Masjid Negeri Terengganu?*

YANG BERHORMAT HAJI WAN HISHAM BIN WAN SALLEH (Wakil Ladang): Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Wakil daripada Kemasik ingin bertanya berkenaan dengan penggunaan multimedia dalam pembacaan Khutbah Jumaat yang mana telah mendapat sambutan hangat daripada umat Islam. Jadi persoalannya apakah kerajaan bercadang untuk mengadakan penggunaan tersebut di seluruh masjid di Negeri Terengganu.

Alhamdulillah, bumi bertuah Terengganu ini hari ini merupakan bumi pusat pengajian dan juga pusat inovasi. Dan selaras dengan hasrat dan juga merupakan pendekatan Islam Hadhari kita iaitu menggunakan sains dan teknologi maka sebab itulah kerajaan telah memperkenalkan Khutbah Multimedia permulaannya di Masjid Muktafibillah. Dan alhamdulillah, sambutan yang begitu hangat mengakibatkan pada bulan ini di setiap DUN sudahpun ada menggunakan sistem khutbah menggunakan multimedia. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan tambahan - Saya ingin tahu apakah pandangan dan pendapat rakyat berhubung dengan perkara ini adakah rakyat menerimanya dengan baik ataupun disebalik?

YANG BERHORMAT HAJI WAN HISHAM BIN WAN SALLEH (Wakil Ladang): Dato' Yang Dipertua, alhamdulillah, pada mula-mula yang dibuat di kawasan saya di Masjid Muktafibillah Shah apabila sahaja penggunaan ini dibuat yang pertama dia mengelakkan orang tidur semasa khutbah. Pada minggu keduanya ramai yang datang awal nak duduk di depan nak tengok dan inilah sambutan yang hangat yang diterima oleh rakyat. Cuma ada segelintir manusia yang sentiasa mempunyai hasad dengki apabila kita buat multimedia, dia kata kita main wayang gambar dalam masjid.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan yang kedua -

Belia adalah aset penting pembangunan negara. Sebutkan jumlah persatuan belia yang berdaftar di seluruh Negeri Terengganu?

YANG BERHORMAT HAJI DIN BIN ADAM (Wakil Bukit Besi): Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan yang kedua berbunyi - Belia adalah aset penting pembangunan negara. Sebutkan jumlah persatuan belia yang berdaftar di Negeri Terengganu?

Terima kasih kepada Wakil Kemasik yang menanyakan soalan berkenaan yang ingin mengetahui tentang kedudukan status persatuan belia yang ada di Negeri Terengganu. Sukacita saya maklumkan bahawa status persatuan belia yang berdaftar di Negeri Terengganu hari ini adalah berjumlah sebanyak 327 buah di mana 192 buah persatuan adalah daripada Gerakan Belia 4B Malaysia yang terikat dengan perlembagaan di peringkat kebangsaan. Sementara sebanyak 135 buah persatuan adalah daripada Badan MAYC yang mempunyai peraturan dan perlembagaannya sendiri. Dan saya ingin juga mengambil kesempatan di sini, kita ketahui bahawa belia merupakan satu aset yang amat penting kepada negara, negeri lebih-lebih lagi dalam soal yang diperkatakan pada hari ini yang kita juga memberi tumpuan yang lebih kepada program pembangunan yang berteraskan sumber manusia. Dan belia adalah merupakan satu aset yang cukup-cukup penting. Saya secara peribadi ingin mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada pelajar-pelajar sekolah yang berada di atas kerana dapat bersama dengan kita pada pagi ini. Kita ketahui kumpulan belia ini adalah terdiri daripada mereka yang berusia 12 hingga 15 tahun adalah belia yang diperingkat awal remaja dan 15 hingga 40 adalah belia di dalam kategori yang sebenarnya. Terima kasih kepada pelajar-pelajar sekolah.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan tambahan – Berapakah jumlah persatuan belia yang telah dibubarkan sepanjang tahun 2004 dan 2005 dan apakah usaha-usaha Kerajaan Negeri di dalam menangani masalah ini terutamanya bagi memulihkan persatuan belia yang kurang aktif?

YANG BERHORMAT HAJI DIN BIN ADAM (Wakil Bukit Besi): Mengikut maklumat yang diperolehi Dato' Yang Dipertua, persatuan belia yang dibubarkan masih lagi tidak ada secara khususnya tetapi memang ada di antara persatuan belia yang telah diberi amaran untuk dibubarkan. Kerajaan Negeri memandang serius tentang kedudukan persatuan-persatuan belia ini kerana perkara ini berlaku semasa zaman di antara tahun 2000 hingga 2004 yang langsung tidak ada bantuan yang diberikan oleh Kerajaan Negeri dalam Program-Program Pembangunan Persatuan Belia. Alhamdulillah, melalui kerajaan yang ada hari ini di bawah pimpinan Kerajaan Barisan Nasional di Terengganu yang ditubuhkan kembali pada tahun 2004. Kita memberi tumpuan kepada Program Pembangunan Belia ini dengan menganjurkan program-program yang tertentu kepada belia. Selain daripada kita memperkasakan persatuan belia dengan memberi bantuan pentadbiran kepada persatuan-

persatuan belia dan cuba memulihkan persatuan-persatuan belia yang hari ini dilihat agak tidak bersemangat dan sebagainya.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Soalan tambahan Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, selain daripada peruntukan kewangan yang diberikan kepada persatuan-persatuan belia, apakah usaha-usaha lain untuk belia bergiat cergas dan sukan?

YANG BERHORMAT HAJI DIN BIN ADAM (Wakil Bukit Besi): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, sebagaimana yang kita ketahui kita hendak membangunkan sesuatu program yang berteraskan modal insan ini jikalau kita pergi *direct* kepada program pembangunannya sudah tentu ianya kalau boleh dikatakan mem*boring*kan. Tetapi walau macam manapun program-program seumpama itu juga kita lakukan seperti program Kursus Sahabat Bestari yang mana melibatkan pimpinan belia daripada setiap kampung yang ada di seluruh Negeri Terengganu, melibatkan 2 – 3 orang daripada setiap JKKK untuk dihantar kursus mengikut kawasan Parlimen masing-masing. Dan kita juga menggerakkan melalui program-program yang berkait dengan aktiviti-aktiviti kesukanan seperti kita menganjurkan bolasepak Piala Yang Amat Berhormat Menteri Besar sebagaimana soalan yang dikemukakan kepada saya/kerajaan semalam oleh Wakil daripada Manir yang ingin mengetahui kedudukan jersi dan sebagainya. Saya kata memang jersi itu bukan daripada peruntukan 2006, jersi yang dibagi adalah mengikut peruntukan tahun 2005 yang mengikut peraturan kaedah kewangan semasa. Jadi tak jadi masalah tapi tak tahulah kemungkinan inilah suatu pengiktirafan sebenarnya, sedar tak sedar Wakil daripada Manir telahpun memberi satu sokongan kepada program yang telah dijayakan oleh pihak kerajaan. Terima kasihlah.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Terima kasih, Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Yang Berhormat Wakil Kemasik. Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Wakil Bukit Tunggal mengemukakan soalannya.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHD NASIR BIN IBRAHIM @ IBRAHIM FIKRI (Wakil Bukit Tunggal): Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan yang pertama -

> *Selain memberi bantuan peralatan kepada golongan nelayan. Apakah langkah-langkah bimbingan dan latihan kemahiran yang diberikan kepada nelayan untuk membolehkan mereka berpindah ke arah menjalankan aktiviti secara moden dan komersial?*

YANG BERHORMAT DATUK HAJI MOHD JIDIN BIN SHAFEE (Wakil Permaisuri): Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Dato' Yang Dipertua, soalan daripada Wakil Bukit Tunggal yang ingin mengetahui langkah-langkah bimbingan latihan serta kemahiran yang diberi kepada nelayan selain daripada kerajaan memberikan bantuan peralatan kepada golongan nelayan ini.

Sukacita saya memaklumkan bahawa selain daripada pemberian peralatan, kerajaan juga tidak lupa kepada nasib-nasib nelayan terutama kepada nelayan pantai. Bagi meningkatkan pendapatan mereka, langkah-langkah bimbingan serta latihan kemahiran yang diberikan kepada nelayan dan keluarga mereka bagi membolehkan mereka berpindah ke arah menjalankan aktiviti secara yang lebih komersil dan juga berdaya maju. Di antaranya yang telahpun dilaksanakan oleh Jabatan Pertanian melalui pusat latihannya Institut Perikanan Malaysia, Cendering iaitu dengan mengadakan berbagai kursus bagi maksud pemodenan dan meningkatkan kemahiran teknikal kepada kumpulan sasar khususnya bagi nelayan dan juga keluarga mereka. Di antara kursus-kursus yang telah dijalankan dan sedang dijalankan termasuklah Kursus Nakhoda Bot Laut Dalam bagi meningkatkan kecekapan menangkap ikan. Kursus Kecekapan MLVK Pelbagai Peralatan Perikanan Di Laut, Kursus Keselamatan Perikanan Di Laut dan juga Kursus Kecekapan Kejuruteraan Di Laut. Bagi nelayan-nelayan dan keluarga mereka, kursus-kursus memproses juga diatur dan diberi kepada yang berminat di dalam aspek pemprosesan perikanan serta latihan dalam bidang pemprosesan yang berasaskan kepada isi ikan dan juga produk perikanan yang ada pada masa kini. Di antara agensi yang telahpun membantu dalam latihan ini termasuklah Jabatan Perikanan sendiri, pihak MARA, MARDI dan juga lain-lain agensi kementerian Kerajaan Pusat. Sekian.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHD NASIR BIN IBRAHIM @ IBRAHIM FIKRI (Wakil Bukit Tunggal): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan tambahan – Selain daripada latihan dan bimbingan, apakah bantuan modal yang disediakan oleh kerajaan bagi membantu merealisasikan hasrat kerajaan untuk melahirkan nelayan komersil ataupun yang lebih berjaya?

YANG BERHORMAT DATUK HAJI MOHD JIDIN BIN SHAFEE (Wakil Permaisuri): Dato' Yang Dipertua, kerajaan juga tidak lupa bahawa kebanyakan daripada mereka merupakan golongan yang miskin. Kerajaan di bawah Kerajaan Pusat ada memberi bantuan di bawah Kementerian Pertanian dan Asas Tani iaitu dengan memberikan kemudahan sehingga RM10,000 seorang bagi pengusaha-pengusaha baru di dalam kumpulan PPRT.

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN HAJI NUH (Wakil Tepoh): Soalan tambahan – Kepada nelayan-nelayan pantai yang kebiasannya memang mereka menggunakan minyak petrol untuk penggunaan bot mereka yang tidak menggunakan disel ekoran kenaikan harga minyak baru-baru ini. Apakah langkah ataupun inisiatif kerajaan bagi maksud mengurangkan sedikit bebanan kepada nelayan-nelayan pantai. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATUK HAJI MOHD JIDIN BIN SHAFEE (Wakil Permaisuri): Terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat yang telahpun mengambil cakna mengenai kedudukan nelayan terutamanya mengenai isu petrol. Suka dimaklumkan bahawa Kerajaan Pusat dengan kerjasama Kerajaan Negeri/Pentadbiran Negeri telah memutuskan bahawa mulai 1hb. Jun jikalau tiada halangan petrol akan diberi kepada nelayan-nelayan pantai dengan harga subsidi RM1.00 tetapi dengan syarat kumpulan nelayan ini hendaklah berdaftar dengan Jabatan Perikanan Negeri.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHD NASIR BIN IBRAHIM @ IBRAHIM FIKRI (Wakil Bukit Tunggal): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan tambahan – Adakah pihak kerajaan memantau dari segi perkembangan sebelum dan selepas bimbingan kemahiran diberikan kepada nelayan tersebut dan berapakah yang diperuntukkan oleh kerajaan untuk melahirkan nelayan-nelayan komersil pada tahun 2005?

YANG BERHORMAT DATUK HAJI MOHD JIDIN BIN SHAFEE (Wakil Permaisuri): Kerajaan Negeri di bawah Jabatan Perikanan selalu memantau mana-mana kursus yang telah diberikan. Umpamanya kalau kita melihat pada tahun 2005 seramai 475 orang telah diberi latihan daripada jumlahnya seramai 218 ataupun 45 peratus merupakan rakyat Negeri Terengganu dan program seumpama ini akan diteruskan pada tahun 2006. Mengenai peruntukan yang khusus Dato' Yang Dipertua, adalah tertakluk kepada keperluan tetapi kerajaan menyediakan peruntukan pada dasar.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHD NASIR BIN IBRAHIM @ IBRAHIM FIKRI (Wakil Bukit Tunggal): Dato' Yang Dipertua sikit lagi, Yang Berhormat tak sentuh – Peruntukan bagi tahun 2005 yang diberikan kepada pembentukan nelayan komersil?

YANG BERHORMAT DATUK HAJI MOHD JIDIN BIN SHAFEE (Wakil Permaisuri): Dato' Yang Dipertua, peruntukan sepertimana yang ditanya oleh Wakil Bukit Tunggal tersebut saya tidak dapat menyatakan dengan khusus sebab sebahagian daripada peruntukan terletak kepada Kerajaan Persekutuan.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHD NASIR BIN IBRAHIM @ IBRAHIM FIKRI (Wakil Bukit Tunggal): Terima kasih, Dato' Yang Dipertua. Dato' Yang Dipertua, soalan yang kedua -

> *Bolehkah pihak kerajaan menyatakan secara terperinci pembangunan Pulau Duyong mengikut fasa-fasa yang telah ditetapkan?*

YANG BERHORMAT HAJI WAN HISHAM BIN WAN SALLEH (Wakil Ladang): Dato' Yang Dipertua, terima kasih kepada Wakil daripada Bukit Tunggal yang bertanya berkenaan dengan untuk menyatakan secara terperinci Pembangunan Pulau Duyong mengikut fasa-fasa yang telah ditetapkan.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, di sesi yang lepas saya telah membentang secara terperinci bahkan telah dengan keizinan Yang Dipertua memancar video klip tentang Pembangunan Pulau Duyong. Tetapi masih lagi ada kekeliruan di pihak Pembangkang ataupun cuba hendak mengelirukan oleh Pembangkang tentang apa yang berlaku di Pulau Duyong. Bolehlah dikesempatan daripada soal jawab ini saya mengambil kesempatan sejelas-jelasnya supaya tidak timbul lagi kekeliruan-kekeliruan ataupun yang sengaja dikelirukan oleh pihak Pembangkang. Saya ingin menyatakan bahawa Pembangunan Pulau Duyong diberi peruntukan sebanyak RM220 juta tetapi ini tidak bermakna bahawa semua perbelanjaan itu akan dibelanjakan ia tertakluk kepada komponen-komponen yang dilaksanakan cuma silingnya sampai RM220 juta. Dan komponen-komponennya yang menjadi fasa pembangunan pertama yang melibatkan daripada 1 Ogos 2005 hingga 28 November 2005 ialah 1 blok chalet Perdana (2 bilik), 17 blok chalet jenis A, B dan C

(58 bilik), 36 Berth Pontoon, kerja-kerja infrastruktur dan lanskap, kolam renang berserta ruang jamuan eksklusif, 2 blok rumah pangsa mampu milik (24 unit). Dato' Yang Dipertua, ingin saya jelaskan di sini untuk membongkar pembohongan yang pertama yang dikatakan oleh Wakil Wakaf Mempelam semalam. Semalam dalam 20 minit dia bercakap saya duk *detect* ada empat pembohongan yang telah dibuat oleh beliau, 20 minit ada empat pembohongan, setiap 5 minit ada satu pembohongan. Inilah yang dipanggil 'pembohong bersiri'. Komponen-komponen sebenarnya boleh ditukar umpamanya, saya beri contoh, mengikut kontrak kita pemaju dikehendaki membuat rumah rakyat untuk 700 kaki persegi tetapi apabila lawatan Yang Amat Berhormat ke *site* dan beliau merasakan perlu ditukar untuk memberi keselesaan yang lebih kepada rakyat serta merta beliau mengarahkan supaya ditukar kepada 850 kaki persegi. Begitu juga komponen-komponen tambahan yang tidak ada dalam kontrak. Umpamanya, Rumah Terengganu berserta dengan kolam renang yang tidak ada dalam kontrak yang terpaksa dibuat tanpa menambah kos-kos lagi. Dan apa yang dituduh oleh Wakil Wakaf Mempelam semalam yang mengatakan bahawa *'Is a one man show',* Jabatan Teknikal tidak diberi iktiraf adalah satu pembohongan juga. Sebenarnya bukan sembarangan pemaju boleh buat, satu perunding QS yang bertaraf antarabangsa telah dilantik. Apabila QS ini memberi kelulusan barulah pembayarannya boleh dibuat, dia tidak boleh sewenang-wenangnya membuat *claim-claim* yang sebegitu rupa.

Bagi pembangunan fasa kedua, melibatkan restoran dengan kapasiti 600 pelanggan. Ini juga melebihi daripada apa yang dikontrakkan iaitu tambahan projek restoran menggantikan rumah teh untuk 600 pelanggan. Dan 9 blok chalet tambahan, ini juga di luar kontrak yang terpaksa ditambah oleh pemaju, penambahan 18 bilik lagi. Begitu juga dengan tempat letak kereta, 8 blok rumah pangsa mampu milik, marina dengan 144 *berth, board walk* ataupun pelantar jalan kaki, pengkalan nelayan *(fisherman's wharf),* rumah kelab, dewan konvensyen, dan juga pusat komersil kedai, restoran dan bazaar. Di samping itu juga, kemudahan-kemudahan seperti kemudahan masyarakat dengan taman awam, pusat ICT dan juga projek menaikkan taraf jeti. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHD NASIR BIN IBRAHIM @ IBRAHIM FIKRI (Wakil Bukit Tunggal): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan tambahan – Dalam membangunkan Pulau Duyong apakah inisiatif kerajaan bagi membantu penduduk asal Pulau Duyong yang masih belum mampu untuk memiliki rumah mereka sendiri.

YANG BERHORMAT HAJI WAN HISHAM BIN WAN SALLEH (Wakil Ladang): Dato' Yang Dipertua, di dalam projek ini ada 120 unit rumah untuk diberikan kepada rakyat maka saya yakin ini terpulanglah kepada Wakil Rakyat Bukit Tunggal untuk menentukan siapa yang layak untuk menduduki rumah-rumah tersebut sama ada untuk disewa ataupun untuk dibeli. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHD NASIR BIN IBRAHIM @ IBRAHIM FIKRI (Wakil Bukit Tunggal): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, adakah Yang Berhormat ADUN Ladang sedar bahawa penduduk Pulau Duyong itu 50 peratus yang tidak ada kediaman sendiri. Dan bolehkah Kerajaan Negeri memberi keyakinan kepada rakyat bahawa Pembangunan Pulau Duyong tidak akan menjejaskan kepentingan penduduk di pulau berkenaan.

YANG BERHORMAT HAJI WAN HISHAM BIN WAN SALLEH (Wakil Ladang): Alhamdulillah, setakat ini kita tidak mengganggu-gugat Kampung Duyong itu. Jalan baru yang dibuat kita tambak di pulau supaya tidak perlu pengambilan balik tanah kecuali 3 buah yang terpaksa sangat diambil untuk menyambung jalan ke tepi sungai itu. Semua pembangunan berpusat tanah-tanah yang ditambak dan perlu pengambilan balik. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHD NASIR BIN IBRAHIM @ IBRAHIM FIKRI (Wakil Bukit Tunggal): Soalan tambahan Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua – Apakah jaminan kerajaan bahawa Pembangunan Pulau Duyong dapat memberi menafaat kepada penduduk setempat, contohnya, diadakan di premis-premis perniagaan bagi mereka.

YANG BERHORMAT HAJI WAN HISHAM BIN WAN SALLEH (Wakil Ladang): Dato' Yang Dipertua, semua pembangunan yang kita buat tidak ada lain melainkan untuk rakyat dan saya yakin dan percaya bahawa semua kemudahan-kemudahan perniagaan ini untuk rakyat di Terengganu. Cuma yang pentingnya Dato' Yang Dipertua, ialah untuk penduduk di Pulau Duyong untuk menerima dan mengambil inisiatif untuk mencebur di dalam bidang-bidang baru di dalam Pembangunan Pulau Duyong ini supaya sama-sama dapat menikmati pembangunan yang sedang berlaku. Umpamanya, perniagaan-perniagaan yang boleh mencetuskan keuntungan ialah perniagaan-perniagaan membaiki bot, perniagaan-perniagaan membekal *spare-spare* injin dan sebagainya juga mungkin *spare-spare* perahu layar. Ini merupakan perniagaan-perniagaan baru yang perlu diceburi dan saya harap Wakil daripada Bukit Tunggal dapat memimpin masyarakat di Duyong itu untuk mengambil peluang dengan pembangunan yang berlaku di Pulau Duyong. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Saya persilakan Yang Berhormat daripada Alur Limbat mengemukakan soalannya.

YANG BERHORMAT ENCIK ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): Terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua. Soalan saya yang pertama dalam senarai –

> *Apakah tindakan Kerajaan Negeri Terengganu dalam menangani wabak penyakit Virus Selsema Burung (H5N1)/Selsema Unggas Patogenik Tinggi (HPA1)?*

YANG BERHORMAT ENCIK TOH CHIN YAW (Wakil Bandar): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, terima kasih kepada Wakil Alur Limbat yang ingin tahu tindakan Kerajaan Negeri Terengganu dalam menangani wabak penyaki Virus Selsema Burung (H5N1) atau Ungga Patogenik Tinggi. Antara usaha-usaha Kerajaan Negeri Terengganu dengan kerjasama Jabatan Kesihatan, pihak hospital, Jabatan Haiwan dan Jabatan Perhilitan Negeri ialah mengadakan Kempen Kesedaran kepada anggota-anggota kesihatan, wakil-wakil masyarakat dan orang ramai melalui taklimat, ceramah dan pengeluaran pamphlet informasi dan juga hebahan melalui radio. Yang kedua ialah mengadakan Mesyuarat Kesiapsiagaan Menghadapi Pandemic AI antara jabatan-jabatan yang berkaitan. Yang ketiga ialah memperkukuhkan Sistem *Surveillance Influenza Like Illness*, dengan izin, di peringkat daerah dan negeri. Yang keempat ialah memanjangkan langkah kesiapsiagaan menghadapi pandemi AI (Avian Influenza) kepada klinik swasta. Yang kelima ialah membuka Wad Isolasi di Hospital Kuala Terengganu dengan membuat persediaan yang lengkap. Dan Jabatan Haiwan Negeri telah juga mewartakan Negeri Terengganu sebagai kawasan flu unggas mulai 1hb April 2006 dan mula meneruskan aktiviti *surveillance* dan mengutip contoh-contoh daripada unggas. Terima kasih.

YANG BERHORMAT ENCIK ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): Dato' Yang Dipertua, soalan tambahan – Berdasarkan kepada rekod jabatan, adakah setakat ini wabak ini telah menular di Terengganu?

YANG BERHORMAT ENCIK TOH CHIN YAW (Wakil Bandar): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, tidak ada sebarang laporan mengenai kes wabak Selsema Burung yang daftar di Negeri Terengganu.

YANG BERHORMAT ENCIK ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): Soalan tambahan – Sejauh manakah industri penternakan ayam tempatan terjejas akibat daripada ancaman *H5N1* dengan izin, *HPAI (High Patogenik Avian Influenza)* ini?

YANG BERHORMAT ENCIK TOH CHIN YAW (Wakil Bandar): Dato' Yang Dipertua, kerana tiada kes Selsema Burung yang ada di Negeri Terengganu maka industri berkenaan tidak terjejas tetapi kemungkinanlah kerana ada laporan dari negeri-negeri lain maka harga ayam dia turun sikit pada masa wabak ini dilaporkan.

YANG BERHORMAT ENCIK ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): Terima kasih. Soalan saya yang kedua -

> *Sejauh manakah kontraktor-kontraktor Kelas F tempatan dan warga Negeri Terengganu mendapat manfaat daripada pelaksanaan Projek Pembangunan Pulau Duyong dan Projek Muara Sungai Terengganu?*

YANG BERHORMAT HAJI WAN HISHAM BIN WAN SALLEH (Wakil Ladang): Dato' Yang Dipertua, Wakil daripada Alur Limbat ingin bertanya sejauh manakah kontraktor-kontraktor Kelas F tempatan dan warga Negeri Terengganu mendapat manfaat daripada pelaksanaan Pembangunan Pulau Duyong dan juga Projek Muara Sungai Terengganu.

Bagi menjawab Projek Membentang Muara Sungai Terengganu, projek ini memerlukan kepakaran yang tertentu yang memerlukan peralatan yang tertentu maka adalah agak sukar untuk kontraktor Kelas F mendapat nikmat daripadanya. Walau bagaimanapun, buat masa ini seramai 576 orang pekerja terlibat dalam projek ini dan 60 peratus merupakan terdiri daripada rakyat Negeri Terengganu. Dari pembekalan Benteng Pemecah Omak juga memerlukan sebanyak 2.5 juta tan batu granite. Antara pembekal batu adalah Kuari GPQ di Sungai Serai, Marang, Kemaman Kuari di Kijal dan Jerlang Kuari di Ajil, Hulu Terengganu. Dengan terlaksananya projek ini akan meningkatkan lagi aktiviti industri, perikanan, pelancongan, pembinaan, pembaikkan kapal serta lain-lain aktiviti komersil. Manakala bagi Projek Pembangunan Pulau Duyong pula manfaat secara terus boleh disaksikan melalui penawaran peluang pekerjaan di sektor pembinaan. Pada pembangunan fasa 1 dan sebahagian fasa 2 sejumlah 150 orang penduduk tempatan telah terlibat di dalam pelbagai kemahiran kerja yang ditawarkan. Selain itu, kontraktor-kontraktor tempatan dalam pelbagai kelas dan pembekal bahan binaan turut menikmati manfaat terus ekoran terlaksananya projek ini. Limpahan daripada pembangunan ini juga turut dinikmati secara tidak langsung oleh sektor perkhidmatan lain sebagai sokongan kepada aktiviti pembinaan tersebut. Sebagai contoh, perkhidmatan kawalan keselamatan, sektor perniagaan runcit dan makanan dan sektor pengangkutan. Begitu juga dengan aktiviti pembinaan bot yang sedia ada di Pulau Duyong yang telah mendapat liputan dan tempahan yang menggalakkan semenjak pelancaran projek ini. Penglibatan kontraktor Kelas F secara langsung adalah di dalam bidang kerja besi, kerja paip, air dan kerja elektrik. Senarai kontraktor Kelas F seperti berikut:-

Rakom Jaya Enterprise membuat kerja besi

SZ Tenang Enterprise kerja paip

Perniagaan Azra kerja paip

Husin bin Othman kerja paip

Ramli Plumbing and Services kerja paip

Bumi Seni Enterprise kerja elektrik

Begitu juga:

Dacing Sempurna kerja-kerja tanah

Mid Excel untuk kerja-kerja road dan drainage

MAS Enterprise kerja-kerja tanah dan road and drainage

Permint Sutrasemai kerja landscaping

Mamidor Rekabena pembinaan chalet

Epic Light Sdn Bhd pembekalan gen. set

Inventive Powers Sdn. Bhd. beralamat di Marang pembekal power supply, internet, astro dan sebagainya.

Positive Engineering external communications

AQL Engineering water supply and severage system

Dan ini merupakan syarikat-syarikat yang saya sebut merupakan syarikat-syarikat di Terengganu yang mendapat nikmat daripada pembangunan di Pulau Duyong. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN HAJI NUH (Wakil Tepoh): Yang Dipertua, minta penjelasan saya dengar tadi ada Dacing Sempurna, Syarikat Bulan Penuh ada tak?

YANG BERHORMAT HAJI WAN HISHAM BIN WAN SALLEH (Wakil Ladang): Takdok, Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua , assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Saya bila bercakap soal kontraktor Kelas F ini yang dikatakan banyak mendapat peluang dan kesempatan. Saya dapat banyak sungutan dan yang terakhir saya nak tanya kerajaan, benar ke tidak dakwaan yang disebut oleh kontraktor-kontraktor Kelas F bagi mereka untuk mendapatkan projek federal melalui JKR, untuk undi dalam 'Indent' mereka terpaksa masuk dalam senarai Yang Berhormat Kawasan masing-masing kalau tidak mereka tidak akan berpeluang, ini sungutan yang diberikan. Adakah perkara ini berlaku?

YANG BERHORMAT HAJI WAN HISHAM BIN WAN SALLEH (Wakil Ladang): Dato' Yang Dipertua, ini tidak ada kena mengena dengan soalan berkenaan dengan Pulau Duyong.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Dia Pulau Duyong ke, Pulau Wan Man ke, Muara Sungai ke, berkait dengan kontraktor Kelas F. Soalannya sejauh mana kontraktor Kelas F tempatan diberi peluang, jadi tidaklah khusus kepada ..... ini sungutan kontraktor Kelas F.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat Wakaf Mempelam, ini soalan.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Saya tanya soalan, jadi dia .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Bukan, soalan ini mengenai Pembangunan Pulau Duyong kontraktor Kelas F bukan keseluruhan Negeri Terengganu. Kena faham soalan tu, soalan tu tidak kena mengena dengan soalan ini.

YANG BERHORMAT ENCIK ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, soalan tambahan – Biasanya kalau kita tidak bertanggungjawab kita akan kutip daripada *'Hear-say Evidence'* dengan izin, dan kita lontarkan kepada Dewan yang mulia ini semata-mata untuk mengelirukan pandangan orang ramai, itu adalah

biasanya sikap pemimpin yang tidak bertanggungjawab Dato' Yang Dipertua. Dan berkaitan dengan soalan ini saya ingin mengemukakan satu lagi soalan tambahan – Sejauh mana kontraktor-kontraktor tempatan di Pulau Duyong diberi peluang untuk turut sama melaksanakan Projek Pembangunan Pulau Duyong ini?

YANG BERHORMAT HAJI WAN HISHAM BIN WAN SALLEH (Wakil Ladang): Dato' Yang Dipertua, nama-nama senarai itu termasuk juga orang-orang Duyong. Jadi sebenarnya pembangunan ini merupakan pembangunan untuk keseluruhan Negeri Terengganu jadi kita terbuka kepada semua daripada rakyat Negeri Terengganu tetapi keutamaan memang diberi jika mempunyai kemahiran yang tertentu. Terima kasih.

YANG BERHORMAT ENCIK ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Okey, terima kasih Yang Berhormat Wakil Alur Limbat. Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Wakil Rhu Rendang mengemukakan soalannya.

YANG BERHORMAT DATO' SERI HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG (Wakil Rhu Rendang): Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Dato' Yang Dipertua, soalan yang pertama -

> *Apakah langkah-langkah yang telah diambil untuk memakmurkan masjid-masjid yang ada di seluruh negeri?*

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Mesyuarat Kerajaan Negeri, Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua-ketua Jabatan, seterusnya para Pemerhati yang dihormati sekalian. Wakil Rhu Rendang ingin mengetahui langkah-langkah yang diambil oleh pihak Kerajaan untuk memakmurkan masjid di seluruh negeri.

Jadi ini satu soalan yang kata orang 'Sudah gaharu cendana pula, sudah tahu bertanya pula' kerana beliau adalah bekas pemimpin negeri ini suatu masa dahulu dan apa yang dilakukan oleh pihak kerajaan sebenarnya adalah mempastikan semua Jawatankuasa Masjid di seluruh negeri dilantik. Cuma masalah sekarang, masalah memakmurkan masjid ini mendapat kekangan ataupun halangan daripada segelintir masyarakat yang masih tidak menerima hakikat bahawa mereka berada di zaman kalah. Lantaran itu, bila masjid-masjid ini tiba waktu sembahyang, sama ada sembahyang lima waktu atau Sembahyang Jumaat berduyun-duyun pemimpin-pemimpin, pengikut-pengikut Pas keluar dari kawasan atau mukim mereka untuk ke masjid-masjid yang dianggap masjid yang diimamkan ataupun diketuai oleh orang mereka. Kita telah buat bancian di DUN Ajil, daripada Bukit Bading saja kita dapati lebih daripada 30 orang setiap kali musim Sembahyang Jumaat keluar daripada Masjid Kampung Felda Bukit Bading ke masjid-masjid yang berada di sekitar sedangkan masjid-masjid itu yang kita bina juga. Saya tak faham kenapa hal tersebut berlaku? Jadi saya mintaklah dengan kesungguhan, dengan keikhlasan dan dengan penuh rasa wibawa dan bertanggungjawab pemimpin-pemimpin Pembangkang supaya membetulkan hal

tersebut supaya tidak berlaku dan saya yakin apabila ini dapat diselesaikan masalah memakmurkan masjid di negeri ini tidak akan menjadi masalah, insyaAllah. Terima kasih Yang Di Pertua.

YANG BERHORMAT DATO' SERI HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG (Wakil Rhu Rendang): Dato' Yang Di Pertua, soalan tambahan – Apakah konsep imarah dan ciri-ciri memakmurkan masjid yang diterimapakai oleh kerajaan untuk merealisasikan perkara tersebut?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Terima kasih, Yang Di Pertua. Untuk memakmurkan masjid ialah mengadakan program-program, mengadakan halakah Al-Quran, mengadakan pengajaran, mengadakan program-program di masjid. Jadi ini akan menarik orang ramai ke masjid tapi ada segolongan manusia yang tidak bertanggungjawab yang menafikan hal keadaan tersebut sedemikian. Mereka menaja program-program apabila *start* kita mengajar, mereka kata ustaz ini tak betul, mereka rela duduk kedai kopi berbincang-bincang di kedai kopi tetapi apabila puak mereka mengajar, kita tidak pecat kita teruskan juga mereka mengajar tapi bila golongan Pas ini mengajar mereka masuk ke masjid tapi bila golongan yang mereka rasakan berbeza pendapat dengan mereka, mereka tidak masuk ke masjid. Jadi ini masalah yang berlaku contohnya, di kampung saya sendiri di Bukit Diman, ini berlaku jadi ini suatu perkara yang amat-amat mengecewakan. Dan saya tak tahulah takut Wakil Pembangkang tak tahu perkara tersebut berlaku barangkali. Di samping itu banyak lagi yang dikatakan sebagaimana dikatakan oleh Wakil Jabi semalam, markas-markas yang dijadikan tempat untuk Sembahyang Jumaat dan sebagainya sedangkan antara masjid dengan masjid itu tak jauh. Persoalannya sekarang, zaman Pas menang 4 tahun dahulu, saya menjadi Pembangkang dulu, dia orang ini berduyun-duyun pergi ke masjid yang dibina oleh kerajaan yang dikatakan dulu haram, yang dikatakan dulu duit daripada sumber yang tak baik dan sebagainya sah, Imam yang sama, Bilal yang sama. Tapi bila mereka kita menang sekarang, mereka kalah dia berpecah balik, jadi dulu ayat mana digunakan, sekarang ayat mana digunakan, itu dia persoalannya. Jadi saya harap Yang Berhormat Tuan Guru sebelahnya Ketua Dewan Ulama beri fatwa kenapa hal tersebut berlaku, ayat mana digunakan ketika zaman kalah dan ketika zaman menang untuk perbetulkan masyarakat di bawah agar perpecahan, agar perbalahan di kalangan masyarakat tidak berlanjutan sampai bila-bila. Saya ada pengalaman pak saudara saya sendiri mengatakan saya sokong orang kafir kerana masuk bertanding dalam Barisan Nasional. Ini tanggungjawab kepada pemimpin-pemimpin Pas untuk membetulkan hal tersebut agar tidak bersubahat nanti, insyaAllah. Terima kasih Yang Di Pertua.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Dato' Yang Di Pertua, soalan tambahan – Sejauh manakah pihak kerajaan sedar bahawa pada hari ini berlaku pemecatan-pemecatan AJK Masjid dan pelantikan-pelantikan AJK Masjid orang yang tak pernah pergi ke masjid, yang pertama. Yang kedua, berlakunya persaraan-persaraan Imam tanpa khidmat dan tanpa membayar elaun?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, (membaca petikan Surah Ibrahim ayat 7) Sadaqallahal-azim. Yang bersyukur ditambah, yang tak bersyukur tunggulah azab yang maha pedih, itu janji Allah.

Jadi kalau kita beri - kerkah, beri – kerkah, maka kita *'nja'* jugaklah, Yang Di Pertua. ..... (Dewan Gelak) ..... Kitapun *bekeng* juga, beri, kerkah tangan, beri, kerkah tangan, takdok cara lain tak rentappun kita *'nja',* jadi ini yang berlaku. Beri duk kutuk kita, beri duk maki kita, duit dia makan. Kita bayar untuk makluman Wakil Batu Burok, dalam keadaan dia *'nja'* kitapun, dalam keadaan dia kutuk kitapun, setahun kita bayar elaun Imam dan Bilal, setahun kita bayar tapi mereka ini masih tidak serik. Mereka ini masih tidak ada akal dalam kita beri kerkah kita, orang ke benda apa ni, gambar barangkali. Terima kasih Yang Di Pertua.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Dato' Yang Di Pertua, soalan tambahan – Kita ada peraturan dan kerajaan ada peraturan yang rapi dan baik. Adakah perkara-perkara dan peristiwa apa yang dikatakan itu diambil tindakan melalui saluran undang-undang dan peraturan?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Yang Berhormat Yang Di Pertua, adil maksudnya meletakkan sesuatu pada tempatnya. Jadi kalau kita beri dia tidak menghargai, dia beri tapi tidak berterima kasih. Jadi ini bukan cara Islam walaupun dia kata dia Islam, "Allahuakbar" Islam, "Allahuakbar", tapi bila beri dia kerkah kita, bila beri dia baham kita. Jadi tidak jadi masalah saya rasa dan tidak berdosa dari segi hukumpun kalau orang sebegini dipecat ataupun tidak disambung. Tapi kita buat mengikut peraturan pentadbiran dan hal tersebut berlaku juga pada zaman Pas dulu. Yang Berhormat Batu Burok jangan buat "Kura-kura dalam perahu, pura-pura tidak tahu", masa jadi Exco Pentadbiran Awam, banyak mana tindakan yang telah dibuat, ke tak ingat dah? Baru 2 tahun, Yang Di Pertua.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Dato' Yang Di Pertua, Dewan perlu mempunyai budi bahasa, peraturan-peraturan untuk menjawab dan perkataan-perkataan yang tidak *parliamentary,* 'kerkah', 'ranggah' apa begitu-begini, ini bukan perkataan-perkataan yang sempurna Yang Di Pertua, kita ada peraturan. Dan saya harap .....

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Penjelasan – Masa Pas perintah dulu serupa saja, kata macam-macam perkataan yang tak sepatutnya disebut dalam Dewan, yang digunakan Exco-Exco Pas masa saya jadi Pembangkang dulu.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Baru nak balas hari ini ke? ..... (Dewan Gelak) .....

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Sebab Yang Berhormat baru sebut hari ini.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Baru nak balas hari ini ke, bakpe tak balas hari itu. Dato' Yang Di Pertua, saya secara ikhals, bertanya .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat Batu Burok .....

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Soalan saya belum dijawab lagi, saya tanya tadi kita ada peraturan dan Pejabat-pejabat Agama mempunyai *'Set Rules'* dengan izin. Adakah peraturan-peraturan ini diambil ke atas mereka-mereka yang dianggap tidak menjalankan tugas masing-masing?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Yang Di Pertua, saya jawab dah bahawa orang yang menjalankan tugas tapi tidak mengikut peraturan, tidak mengikut arahan, kita ada arahan-arahan, kita ada peraturan, kita ada *regulations* dengan izin, Yang Di Pertua, suatu badan yang kita tubuh, kita ada peraturan-peraturan. Jadi kalau tidak ikut peraturan, khutbah yang kita suruh baca dia tak baca, dia baca ikut hak lain sehinggakan masa Tuanku turun ke Hulu Terengganu baru inipun tidak mengikut apa yang sepatutnya berlaku, jadi ini suatu benda yang tidak wajar berlaku. Kita tidak mintak Imam suruh turun, kita beri dia baca khutbah juga walaupun di depan Tuanku berangkat tapi walaupun di depan Tuanku sendiri mereka menunjukkan suatu keadaan yang saya rasa kurang berwibawa, nak kata kurang ajar mungkin tidak *parliamentarian* barangkali, kurang berwibawa jadi ini memalukan. Nampak pada janggut panjang, nampak pada serban besar nampak berilmu sangat, rupa-rupanya *dokrok cetong*, Yang Di Pertua, secetongpun dokrok nak bawa secupak guana. Jadi ini yang berlaku Yang Di Pertua. Jadi apa yang kita buat hari ini adalah untuk kepentingan umum bukan untuk kepentingan segelintir masyarakat yang berkepentingan. Kita buat apa yang rakyat rasa perlu dibuat, kita buat, apa yang rakyat rasa baik, baik untuk kita tapi segelintir manusia yang macam Ustaz Wakil Tepoh kata 'Bulan Penuh' ni mereka ambil kesempatan daripada apa yang berlaku tapi kita bertanggungjawab atas apa yang kita lakukan kerana apa? Kerana kita tahu setiap 5 tahun sekali kita akan diaudit oleh rakyat, audit yang pertama baru ini alhamdulillah, kita telah dapat 28 dan audit yang kedua insyaAllah kita akan dapat semua sekali barangkali. InsyaAllah, Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sila Yang Berhormat Wakil Rhu Rendang mengemukakan soalan yang seterusnya.

YANG BERHORMAT DATO' SERI HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG (Wakil Rhu Rendang): Dato' Yang Di Pertua, soalan yang kedua -

> *Sila nyatakan nama-nama dan jumlah pelaburan swasta yang bernilai RM10 juta ke atas yang telah diluluskan oleh Kerajaan Negeri bagi Daerah Kuala Terengganu sejak tahun 2004?*

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMED BIN AWANG TERA (Wakil Cukai): Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, soalan yang kedua adalah berkaitan dengan industri yang mana Wakil daripada Rhu Rendang bertanya jumlah pelaburan swasta bernilai RM10 juta ke atas .....

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Yang Berhormat Yang Di Pertua, saya mintak penjelasan bukan soal industri, pelaburan swasta, pertanianpun mungkin, *bio-tech* pun mungkin, bukan industri.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMED BIN AWANG TERA (Wakil Cukai): Ini soalan daripada Wakil Rhu Rendang ni.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Betul, saya mintak baca betul soalannya.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMED BIN AWANG TERA (Wakil Cukai): Ini saya kata tadi berkaitan dengan secara umumnya industri. Pertanianpun industri jugak.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Dato' Yang Dipertua, tak ada, Yang Dipertua. Saya baca - Sila nyatakan nama-nama dan jumlah pelaburan swasta. Tidak ada sikitpun industri, termasuk semua.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMED BIN AWANG TERA (Wakil Cukai): Okey, jawapan belum habis lagi saya baru baca separuh saja Yang Berhormat Yang Dipertua. Secara umumnya saya sebut industri ini banyak kaitan. Ada yang industri berkaitan pertanian dan sebagainyalah. Saya baru sebut sikit saja, dah bangun dah. Jadi Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalannya adalah berkaitan dengan pelaburan swasta yang bernilai RM10 juta ke atas yang diluluskan oleh Kerajaan Negeri bagi Daerah Kuala Terengganu sahaja sejak tahun 2004. Jadi soalan ini agak *specific*, agak menjurus kepada satu daerah saja dan bagi menjawabnya adalah seperti berikut; bagi Daerah Kuala Terengganu sejak 2004 kita mempunyai satu syarikat sahaja yang melabur di Daerah Kuala Terengganu ini iaitu Syarikat Tafplas Manufacturing Sdn. Bhd. yang bertapak di Cendering dengan produk pengeluarannya adalah membuat paip HDP dengan nilaian *investment* ataupun pelaburan berjumlah RM15 juta hingga RM20 juta. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' SERI HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG (Wakil Rhu Rendang): Dato' Yang Dipertua, soalan tambahan – Apakah peluang-peluang IKS di kalangan rakyat yang dapat memangkin ataupun melibatkan kerjasama di dalam pelaburan ini dan bolehkah Yang Berhormat menerangkan jumlah peluang pekerajaan yang diberi kepada rakyat serta pulangan kepada kerajaan dan rakyat?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMED BIN AWANG TERA (Wakil Cukai): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan yang dibangkitkan adalah berkaitan dengan industri ataupun pelaburan di Kuala Terengganu tidak ada kaitan dengan IKS tapi untuk makluman sikitlah untuk syarikat ini dengan jumlah pelaburan lebih kurang RM15 juta hingga RM20 juta ini kita sudah boleh wujudkan lebih kurang 65 hingga 70 pekerajaan. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Dato' Yang Dipertua, soalan tambahan – Kerajaan baru yang bertegas untuk memajukan khususnya Kuala Terengganu sebagai ibu negeri, adakah pada pandangan Yang Berhormat satu syarikat di dalam masa 2 tahun memuaskan dari sudut usaha membangunkan ibu negeri Kuala Terengganu ini di mana kita mempunyai ramai penganggur yang sedang mencari kerja.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMED BIN AWANG TERA (Wakil Cukai): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan yang disebut adalah berkaitan dengan pelaburan swasta yang berkaitan dengan industri yang saya sebut tadi. Sebab itu saya kata ia agak *specific* kalau dikira dari segi pelaburannya masih banyak pelaburan-pelaburan yang ada yang tidak berkait dengan ini. Jadi kalau kita lihat pelaburan dalam bentuk industri pelancongan ada, *construction industry* ada. Jadi untuk pelaburan-pelaburan swasta dalam kawasan industri, kita lihat di Kuala Terengganu ini kawasan yang agak kecil, Kuala Terengganu mempunyai dua kawasan industri sahaja dan kedua-dua kawasan industri ini sudah penuh. Kita sedang memulakan untuk mencari kawasan baru untuk membuat kawasan industri baru yang boleh menampung keperluan-keperluan bandar Kuala Terengganu sendiri. Sudah penuh dah, sebab itulah kita lihat sekarang ini pelaburan-pelaburan yang besar-besar itu di luar di sekitar Marang, misalnya. Sebab itulah saya kata tadi soalan ini berkait hanya untuk Kuala Terengganu jadi saya beri Kuala Terengganu sajalah.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya nak mintak penjelasan sikit – Kuala Terengganu ini kawasan industri sudah penuh dah, itu alasan yang diberi. Boleh maripun se aje. Saya nak tanya hak Batu Rakit sana, penuh apa, Kawasan Perindustrian Batu Rakit sana, termasuk dalam kawasan Kuala Terengganu, penuh ke? Dengan *rok-rok* gelang ..... hai .....

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMED BIN AWANG TERA (Wakil Cukai): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, itulah kadang kalanya, kita sebut tadi kawasan yang di sekitar Kuala Terengganu untuk memberi peluang pekerjaan di sekitar Kuala Terengganu jadi yang menjadi tumpuan sekarang ini oleh pelabur-pelabur ialah Cendering dan Gong Badak sebab itulah kita kata sekarang ini kita nak bangunkan Gong Badak itu dengan kawasan tambahan di sekitar dengan Gong Badak. Untuk Batu Rakit itu memang ia dalam kawasan Kuala Terengganu, ia berhampiran dengan Setiulah. Jadi kita lihat untuk Batu Rakit ini dari segi tarikannya ia agak jauh dari segi laluan lebuh raya dan sebagainya. Jadi ini bukan satu tempat yang sesuai untuk industri sebab itu kita memerlukan kepada strategi baru untuk Bandar Kuala Terengganu ini mestilah industri-industri yang bukan industri berat, industri yang boleh menampung keperluan bandar itu sendiri dan kita kira kemungkinan Batu Rakit itu bukan kawasan sebenar kitapun dah buat penstrukturan semula dari segi kawasan industri ini. Batu Rakit kemungkinan tidak akan menjadi satu kawasan yang baik untuk industri jadi kawasan itu tidak akan menjadi industri yang betullah. Kalau Gong Badak kita tahu, dia satu kawasan industri yang banyak potensi dan sudah penuh dah. Sebab itulah sekarang ini untuk IKS kita hendak bangunkan kawasan sekitar, kita dah lulus kawasan tersebut dahulu dalam Dewan yang lepas 100 ekar lagi dan ini lebih baik yang kita akan jadikan sebagai tambahan kepada kawasan Gong Badak ini. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Dato' Yang Dipertua, penjelasan .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Saya persilakan Wakil Langkap untuk mengemukakan soalan .....

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Saya mintak penjelasan Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sudah 3 soalan dah.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Penjelasan bukan soalan.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Wakil Langkap mengemukakan soalan.

YANG BERHORMAT HAJI ASHA'ARI BIN IDRIS (Wakil Langkap): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan saya yang pertama –

> *Di akhir-akhir ini kerajaan memberikan penekanan kepada ternakan kambing berbanding dengan ternakan lain untuk pembangunan sektor ternakan di Negeri Terengganu. Apakah rasional keputusan tersebut?*

YANG BERHORMAT DATUK HAJI MOHD JIDIN BIN SHAFEE (Wakil Permaisuri): Dato' Yang Dipertua, terima kasih Wakil daripada Langkap yang ingin bertanya kenapa kerajaan telahpun memilih ternakan kambing berbanding dengan ternakan lembu di Negeri Terengganu pada masa ini.

Sukacita saya memberitahu bahawa pada masa kini Negeri Terengganu tanah pertanian mulai berkurangan jadi dengan hal demikian ternakan kambing merupakan satu ternakan yang tidak memakan tanah yang luas. Justeru itu juga kambing dipilih sebagai ternakan untuk terus dimajukan. Kita melihat kepada keperluan permintaan Negeri Terengganu pada masa kini yang mana 70 peratus keperluan daging ayam daripada punca tempatan telahpun mencukupi manakala tahap sara diri sektor ruminan yang agak rendah umpamanya lembu telah mencapai 40 peratus kadar sara diri Negeri Terengganu sedangkan kambing hanya masih lagi ditahap 7 peratus sahaja. Jadi dengan hal yang demikian, kambing merupakan satu-satunya ternakan yang kita rasakan terus berdaya maju kerana ternakan kambing dapat memberikan pulangan yang terbaik ataupun *return investment* yang termasuklah dagingnya, kulitnya. Dan selain daripada itu, rakyat Negeri Terengganu juga adalah mahir dan agak fasih di dalam ternakan kambing jadi jikalau berbanding dengan lembu, kambing merupakan ternakan yang lebih baik. Dalam projek kambing ini juga kita memerlukan hanya seluas 5 ekar sahaja untuk projek komersil berbanding dengan lembu yang memerlukan kawasan yang lebih luas kecuali feedlot. Walau bagaimanapun, feedlot ini boleh mendatangkan juga keharmonian di kawasan penempatan. Selain daripada itu, daging kambing merupakan daging merah yang terbaik bagi manusia kerana kolesterolnya rendah dan juga mudah dihadam.

Dato' Yang Dipertua selain daripada itu, Sistem Penternakan Kambing Pedaging yang dimasyhurkan di Negeri Terengganu ataupun Sistem Kaprima mempunyai kekuatan tambahan iaitu mampu menghasilkan baja organik yang agak mahal harganya. Baja organik yang dikenali sebagai "Mas Hitam" ini mampu meningkatkan pendapatan pada pengusaha yang lebih awal dan sangat menguntungkan.

YANG BERHORMAT HAJI ASHA'ARI BIN IDRIS (Wakil Langkap): Soalan tambahan, Dato' Yang Dipertua – Berapa banyakkah kambing-kambing yang akan disediakan untuk skim berkenaan dan jumlah peruntukannya?

YANG BERHORMAT DATUK HAJI MOHD JIDIN BIN SHAFEE (Wakil Permaisuri): Dato' Yang Dipertua, bagi setiap Lembah Kaprima yang kita cadangkan dan sebahagiannya telah diusahakan, jumlah baka yang akan diagihkan di antara 500 hingga 700 induk pembiak ataupur bibit. Adalah dijangkakan seramai 450 peserta akan dapat manfaat daripada setiap Lembah Kaprima ini.

YANG BERHORMAT HAJI ASHA'ARI BIN IDRIS (Wakil Langkap): Soalan tambahan lagi Dato' Yang Dipertua – Bagaimanakah kambing-kambing tersebut akan diagih-agihkan kepada peserta-peserta?

YANG BERHORMAT DATUK HAJI MOHD JIDIN BIN SHAFEE (Wakil Permaisuri): Dato' Yang Dipertua, pengagihan dibuat secara kredit iaitu pinjaman tanpa dikenakan faedah. Mereka hanya dikehendaki membayar balik melalui pinjaman kambing ke kambing iaitu 1 ekor kambing hendaklah dibayar balik dengan 1 ekor kambing betina dan pengagihan ini kita buat paling rendah 10 ekor kambing betina ataupun 10 bibit, 1 jantan dan maksimumnya 40 bibit, 2 jantan dan umur bayaran balik kambing betina kepada kerajaan ialah 1 tahun.

YANG BERHORMAT HAJI ASHA'ARI BIN IDRIS (Wakil Langkap): Dato' Yang Dipertua, soalan tambahan – Berdasarkan pengalaman masa lalu, apakah masalah biasa yang mungkin timbul dalam projek ini dan apakah langkah-langkah mengawalnya?

YANG BERHORMAT DATUK HAJI MOHD JIDIN BIN SHAFEE (Wakil Permaisuri): Dato' Yang Dipertua, selain daripada kita memberi ternakan ini untuk diusahakan ada beberapa masalah yang telah kita kenal pasti tapi masalah ini kita dapat selesaikan. Antara masalah yang kita hadapi ialah yang pertamanya kesukaran untuk mendapatkan jumlah baka yang baik serta diperlukan dalam tempoh yang dekat iaitu baka-baka ini memerlukan baka pilihan yang terbaik supaya penternak tidak mengalami kerugian. Perkara yang kedua, masalah yang kita selalu jumpa ialah pengusaha swasta kurang bersiap sedia dengan perancangan yang baik untuk melaksanakan projek yang lebih besar. Masalah yang ketiga ialah kita juga sedikit sebanyak menghadapi kemudahan latihan yang terhad dan juga sedikit sebanyak menghadapi kemampuan jabatan pada masa kini untuk memberi kualiti pengembangan ternakan yang cekap dan berkesan. Walau bagaimanapun, beberapa kaedah dan juga pembaharuan untuk dibuat bagi mempastikan masalah-masalah ini tidak akan terus berlaku dan akan membantu para penternak untuk mendapatkan pendapatan yang lebih lumayan iaitu jabatan telah meneliti kesesuaian baka kacukan iaitu dari Indonesia ataupun Australia bagi menampung keperluan baka yang dikacukkan dengan baka tempatan ataupun Baka Kajang. Kaedah yang kedua, jabatan juga membantu yang terlibat dari peringkat awal dalam perancangan setiap projek swasta sehingga akhir dan jabatan juga berusaha untuk mewujudkan kemudahan latihan sendiri seperti di Pusat Latihan Veterinar di Jerangau dan juga beberapa pusat yang baru lagi seperti di Jenang. Jabatan juga sedang berusaha dengan pihak JPA untuk menyusun semula keperluan kakitangan bukan sahaja dari keperluan ini sahaja bahkan dengan keperluan aktiviti yang lain supaya setiap perkhidmatan jabatan terutamanya Jabatan Haiwan dapat memberikan

dengan cekap dan berkesan terutamanya dengan mengambil pegawai-pegawai dari kumpulan yang tinggi dan berpengalaman.

YANG BERHORMAT HAJI ASHA'ARI BIN IDRIS (Wakil Langkap): Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Dato' Yang Dipertua, saya nak tanya, penjelasan sikit .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Yang Berhormat. Saya persilakan Yang Berhormat Wakil Rantau Abang mengemukakan soalan.

YANG BERHORMAT ENCIK ZA'ABAR BIN HAJI MOHD ADIB (Wakil Rantau Abang): Terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan saya sebagaimana yang disenaraikan -

> *Apakah usaha-usaha yang bersepadu yang telah, sedang dan akan dilaksanakan ke arah penyediaan 'Modal Insan' di Terengganu?*

YANG BERHORMAT DATO' DR. HAJI ABDUL LATIFF BIN AWANG (Wakil Bukit Payong): Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Dato' Yang Dipertua dan Ahli Dewan sekalian, Wakil daripada Rantau Abang bertanya tentang usaha-usaha yang bersepadu yang telah, sedang dan akan dilaksanakan ke arah penyediaan 'Modal Insan' ataupun *'Human Capital'* dengan izin, di Terengganu.

Dato' Yang Dipertua, dalam menjawab soalan ini yang agak luas skopnya ini barangkali saya akan ringkaskan sedikit. Pertamanya, dari segi penyediaan Program Modal Insan adalah program yang berterusan oleh Kerajaan Negeri. Ianya mencangkupi kesemua sektor kehidupan bagi menjana rakyat dalam negeri yang bestari. Usaha-usaha yang berterusan ini bertunjangkan kepada ilmu, kemahiran dan juga latihan. Adapun dalam sektor pelajaran dan kemahiran, Kerajaan Negeri telah bermula dengan kelas-kelas pra sekolah, mempastikan bahawa kelas pra sekolah ini, kelas-kelas yang cemerlang. Daripada tahun 2005 – 2006 sebanyak hampir 500 tadika telah masuk program ini dengan jumlah pelajar sekitar 15,000 orang. Di samping itu juga, mereka ini akan mendapat pendidikan yang sempurna dan *teaching* ataupun pengajian menggunakan multimedia.

Program Khatam Quran yang disebut semalampun ada juga dibuat untuk tujuan permulaan pada tahun ini dengan jumlah pelajar sekitar 700 orang dan dengan harapan bahawa mereka yang berumur 7 atau 6 tahun dapat khatam sekali Quran. Dan di peringkat menengah rendah dan menengah tinggi kita telah membuat perhatian yang begitu teliti dengan Jabatan Pelajaran dan dengan sokongan guru-guru dan peruntukan yang agak besar oleh kerajaan, alhamdulillah. Setakat yang ada hari ini kita telah mencapai beberapa kejayaan, pertama dalam UPSR semua tahulah Terengganu dapat nombor 1 dari segi peratusan kelulusan 5A, nombor 1 dari segi pelajar terbaik Malaysia dan nombor 1 dari segi sekolah terbaik Malaysia iaitu sekolah di Setiu. Kita dapat 3 nombor 1 dalam UPSR. Adapun dalam PMR alhamdulillah, kita juga mendapat 4 pelajar terbaik daripada 10 pelajar Terengganu termasuk 1 di Tok Jiring dan 1 di Serada. Begitu juga dalam Peperiksaan SPM baru-baru ini kita negeri, walaupun dari segi Pusat dia tidak suka banding negeri-negeri ni tapi dari segi kita untuk tahu di mana letaknya kita sekarang maka dalam SPM baru-baru ini

kita dapat nombor 2 di belakang Wilayah Persekutuan Labuan, dia ada 7 sekolah barangkali dia dapat nombor 1-lah diapun, kita banyak sekolah 102 sekolah menengah, jadi kita mendapat yang kedua yang mendapat Sijil SPM. Untuk latihan lepasan SPM yang cemerlang tak ada masalah, semalampun *start* pukul 12.00 tengah hari telah ada berita dari segi kemasukan ke Pusat-pusat Matrikulasi, hari inipun ramai yang tahu dah. Tahun lepas pelajar Terengganu yang berjaya masuk ke Pusat Matrikulasi ialah 2,030 orang tahun 2005. Kita harap tahun ini lebih banyak lagi dan begitu juga mereka yang akan masuk ke universiti, politeknik, kolej komuniti dan lain-lain. Untuk makluman Dewan, pada tahun lepas 2005 jumlah pelajar Terengganu yang berjaya masuk IPT ialah 8,701 orang satu rekod yang cukup baiklah, yang berjaya masuk IPTS ialah 2,467 orang dari segi kita menyediakan *'Human Capital'* yang berterusan di peringkat yang bawah. Dan bagi mereka yang tidak baik SPM dia, yakni tidak ada barangkali kreditnya mungkin satu atau dua sahaja, kerajaanpun juga memberi perhatian yang cukup serius. Kita mendapat peruntukan daripada Kerajaan Negeri melalui Yayasan Terengganu untuk melatih pelajar-pelajar ini dalam pelbagai bidang kemahiran. Untuk makluman Dewan, pada tahun lepas dan tahun-tahun sebelumnya kita berjaya melatih sebanyak 3,643 orang pelajar-pelajar lepasan SPM yang tidak baik kelulusan dia yakni yang tidak mendapat 3 C dari segi kredit di SPM kalau tidak dapat 3 C maknanya nak pergi ke politeknik tak boleh, nak pergi ke kolej-kolej swasta tak boleh kerana kolej-kolej ini memerlukan tiga kredit sekurang-kurang untuk masuk ke kolej ini yang ditentukan oleh pihak LAN (Lembaga Akreditasi Negara).

Itu dari segi perancangan awal di peringkat pendidikan dan kemahiran. Adapun dari segi lain ialah Program Perubahan Minda yang dibuat melalui Unit Bestari Negeri untuk pastikan bahawa di samping pembangunan yang kita buat, mereka juga minda berubah. Ini ialah program kemasyarakatan yang dibuat oleh pihak kerajaan termasuk siri-siri kursus dan seminar melalui pusat-pusat latihan seperti di Pupuk Semangat dan lain-lain untuk kakitangan kerajaan, untuk Imam-Bilal, untuk AJK-AJK JKKK dan lain-lainlah, ini juga dibuat. Di samping itu juga, Kerajaan Negeri telah menubuhkan Sektretariat Sumber Manusia di Pejabat SUK bagi melatih lebih terperinci lagi kakitangan-kakitangan dan juga para belia di negeri ini. Jadi inilah secara ringkasnya yang sedang dibuat oleh kerajaan dan juga yang akan dibuat oleh kerajaan dalam pastikan bahawa penyediaan 'Modal Insan' ini terancang dan insyaAllah akan mencapai matlamatnya. Sekian, terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, masa soal jawab Soalan Lisan telahpun selesai jadi saya tangguhkan sementara Dewan ini dan disambung semula jam 11.15 pagi.

DEWAN DITANGGUHKAN SEMENTARA PUKUL 10.36 PAGI.

Pukul 11.15 Pagi

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Mesyuarat disambung semula. Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat, Perbahasan Titah Di Raja dibuka. Dipersilakan Yang Berhormat yang hendak mengambil bahagian. Saya persilakan Yang Berhormat Wakil Paka.

YANG BERHORMAT ENCIK MOHD ARIFFIN BIN ABDULLAH (Wakil Paka): Bismillahir-rahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahitaala wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Yang Berhormat Ahli-ahli Mesyuarat Kerajaan Negeri, Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua-ketua Jabatan, Pegawai-pegawai Kerajaan Negeri dan Pusat, para-para Pemerhati yang saya hormati sekalian.

Alhamdulillah, saya sekali lagi diberi peluang untuk turut serta di dalam membahas Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Al-Sultan Sempena Pembukaan Penggal Persidangan Yang Ketiga Bagi Dewan Undangan Negeri Yang Kesebelas yang telah dirasmikan pada 16 April yang lalu. Saya juga hendak mengambil peluang ini untuk menjunjung kasih di atas kesudian Tuanku Al-Sultan mencemar duli untuk merasmikan Persidangan pada kali ini.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, setelah kita sama-sama mendengar dan kemudian kita meneliti kembali dari teks Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Al-Sultan. Saya dapat merasakan Duli Yang Maha Mulia Al-Sultan amat gembira, amat berpuas hati dengan perjalanan dan program-program yang telah dilaksanakan oleh kerajaan hari ini di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar. Saya menyatakan ini oleh kerana terdapat 13 tempat ataupun 13 kali Duli Yang Maha Mulia Al-Sultan melafazkan kebanggaan Baginda, Duli Yang Maha Mulia Al-Sultan melafazkan keyakinan Baginda dan juga Duli Yang Maha Mulia Al-Sultan berpuas hati dengan perjalanan Kerajaan Barisan Nasional hari ini. Ini menunjukkan satu pengiktirafan yang amat tinggi dari Duli Yang Maha Mulia Al-Sultan. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Duli Yang Maha Mulia Al-Sultan memulakan Titah Ucapan Baginda dengan menyentuh tentang soal kenaikan harga minyak sebab inilah isu yang terlaris di pasaran hari ini dan juga di pentas-pentas politik. Namun Duli Yang Maha Mulia Al-Sultan menyedari kenaikan harga minyak ini tidak menjejaskan kualiti kehidupan rakyat malah bertambah baik apabila diimbangi dengan kenaikan harga getah dan juga harga kelapa sawit. Kita sehingga hari ini masih belum mendengar ada rakyat di dalam negara kita ini sudah kebuluran kerana kenaikan harga minyak yang jelas kepada kita setiap hari pendaftaran kenderaan-kenderaan baru berlaku di JPJ. Kita tidak mampu untuk menahan kenaikan harga minyak walaupun kita juga negera pengeluar minyak tetapi tak layakpun untuk menyertai OPEC, begitu kerdilnya kita. Apa yang penting kita kena belajar sesuaikan diri kita dengan keadaan ini. Sampai bila kita hendak kerajaan menanggung subsidi minyak untuk rakyat. Kerajaan boleh untuk terus popular mensubsidikan setiap sen yang naik dengan menggunakan seluruh keuntungan yang ada demi untuk memuaskan hati rakyat masa kini dengan tidak menghirau generasi masa yang akan datang. Dan minyak yang ada akhirnya hanya cukup untuk digunakan dalam negara tidak mampu lagi untuk dieksport dan akan sampai waktunya negara terpaksa mengimport minyat dari luar. Harga mana yang kita hendak gunapakai pada ketika itu? Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, hari ini Malaysia adalah negara pengeksport yang

kelapanbelas dalam *ranking* ataupun carta dunia, negara pengeksport nombor satu di dalam negara negara Islam ataupun OIC. Kemampuan masyarakat peniaga kita mengeksport barangan keluaran mereka oleh kerana harga barangan yang dihasilkan berkualiti dan juga berdayasaing dari sudut harga ataupun kos pengeluarannya rendah dan setiap kilang-kilang ini tidak terlepas dari menggunakan elektrik dan minyak. Ini bererti barangan keluaran mereka berdayasaing oleh kerana sebahagian operasi mereka juga terlibat dengan subsidi kerajaan sedangkan barangan negara-negara lain yang dihasilkan tidak terlibatpun dengan subsidi kerajaan, masih mampu bersaing di peringkat global. Apa akan jadi kepada pengusaha kita apabila sistem subsidi ini tidak mampu lagi dilayan oleh kerajaan suatu hari nanti. Oleh itu, persediaan ke arah persaingan di padang yang sama ini perlu dilaksanakan oleh kerajaan yang bertanggungjawab secara berperingkat ini demi untuk menyesuaikan generasi yang akan datang di peringkat persaingan global. Yang Berhormat Dato Yang Dipertua, juga sebagai sebuah negara dan juga pengeluaran minyak melalui Syarikat Petronas. Petronas sudah pasti mendapat keuntungan yang amat besar hasil daripada kenaikan harga minyak ini. Walaupun beberapa langkah diambil oleh kerajaan untuk memastikan rakyat tidak terlalu berat memikul beban kenaikan harga minyak ini seperti perhebatkan penguatkuasaan, perhebatkan pantau harga, pastikan barang-barang keperluan harian mencukupi, juga mengadakan kempen-kempen untuk penggunaan bijak, talian aduan dibuka dan juga bagi kaum nelayan serta juga pengusaha-pengusaha pengangkutan diesel subsidi dan juga petrol subsidi disediakan. Jadi di dalam hal ini apabila Petronas yang telahpun mendapat keuntungan yang tidak dijangka ini kita minta hulurlah sedikit bantuan kepada NGO-NGO yang dilihat tidak mampu ataupun dilihat terlalu miskin seperti Koperasi Nelayan, Pekebun-pekebun Kecil, Persatuan-persatuan Penarik Beca dan selesaikanlah sedikit-sebanyak masalah muara-muara sungai di Negeri Terengganu yang terdapat begitu banyak untuk kepentingan nelayan yang ada kaitan dengan aut dan laut juga adalah tempat Petronas mengepam minyak siang dan malam.

Yang Berhormat Yang Dipertua, Duli Yang Maha Mulia Al-Sultan juga menyentuh tentang hal pertanian dan tahun ini adalah Tahun Pertanian. Apabila kerajaan menjenamakan tahun dengan sesuatu program atau aktiviti bererti gerakkerjanya perlu berfokus untuk menjayakan program berkenaan. Sekarang ini sudah bulan April dan bulan Aprilpun sudah ada di penghujungnya. Saya masih belum terasa Tahun Pertanian ini sudah mengorak langkah secara drastik untuk mengisi Tahun Pertanian. Saya berharap dengan baki bulan-bulan yang terbaik dengan cuaca yang sesuai untuk pertanian dan juga penternakan ini digunakan untuk memenuhi aktiviti-aktiviti pertanian dan penternakan. Kita tidak mahu bantuan yang disalurkan tidak sesuai dengan masa dan tidak sesuai dengan musim, akhirnya wangpun habis dan projek gagal. Kebetulan Yang Berhormat Yang Dipertua, saya di Sungai Paka ada jugalah membuat sedikit-sebanyak projek untuk menambah pendapatan daripada kalangan nelayan ini iaitu mengadakan Projek Ikan Dalam Sangkar. Sebanyak 110 sangkar yang telahpun mampu dibina oleh Jabatan Pertanian, dibangunkan dan disiapkan pada akhir bulan November dan juga bulan Disember tahun lepas. 110 sangkar ini dibahagikan kepada peserta-peserta yang telahpun ada sangkar. Kita beri subsidi ini kepada mereka yang telahpun berusaha, kita tidak akan beri kepada mereka yang mengharapkan subsidi kerajaan ini. Daripada 110 sangkar, 110,000 anak benih diperlukan dan apabila Perikanan hendak mendapatkan bekalan 110,000 benih ikan ini yang mampu dibekalkan oleh pembekal hanyalah 65,000, itu dibekalkan pada bulan Disember tahun 2005 dan sangkar yang masih kosong ialah 55 biji sangkar dan 55,000 lagi

anak benih yang diperlukan, tak cukup pengeluaran benih di dalam Negeri Terengganu ini, permintaannya banyak. Dan inilah perkara-perkara yang perlu dilihat oleh sama ada Jabatan Perikanan mahupun Exco Pertanian ini supaya perancangan untuk memenuhi projek ataupun Tahun Pertanian Negeri Terengganu ini tidak terbengkalai, tidak tertangguh oleh kerana kita terlepas pandang daripada perkara-perkara yang diperlukan untuk menjayakan program-program ini. Begitu juga dengan cadangan mewujudkan Taman Kekal Pengeluaran Makanan di setiap daerah ini, saya memohon supaya ianya perlu dipercepatkan.

Tadi waktu keluar minum, Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, ada beberapa rakan bersungut nak kata kecewa itu tidaklah tetapi apabila soalan-soalan yang dikemukakan sudah 2 hari berturut-turut tidak mendapat peluang untuk dikemukakan di dalam Dewan ini sedikit-sebanyak kita rasa tidak kecewa tetapi terasa kurang senang, ini mungkin kerana masanya tidak cukup. Namun saya akan mengambil peluang di dalam Perbahasan ini untuk menyampaikan soalan-soalan saya yang tidak sempat untuk dikemukakan tadi. Kita, nelayan ini banyak peringkat, ada yang besar, ada yang kecil, yang kecil ada yang berlesen, ada yang tidak berlesen. Kerajaan di peringkat Pusat ada mengeluarkan satu skim yang dinamakan 'Fleetcard' ataupun 'e-diesel', 'e-petrol' ini. Dan 'Fleetcard' akan dikeluarkan kepada nelayan-nelayan yang berlesen, kita juga mempunyai ramai nelayan kecil yang langsung tidak ada lesen, yang kita salurkan bot melalui LKIM, dulu kita nak salurkan bot melalui Perikanan tetapi tidak boleh disalurkan kepada mereka yang tidak mempunyai lesen akhirnya LKIM kita gunakan untuk membantu mereka yang telahpun ada bot tetapi uzur, yang telahpun ada injin tetapi uzur, jadi mereka ini tidak mempunyai lesen. Saya bimbang 'Fleetcard' yang dikeluarkan oleh kerajaan ini akhirnya tidak mampu diperolehi oleh nelayan kecil yang tidak berlesen ini dan mereka terlepas peluang untuk mendapat petrol yang murah ini dengan harga RM1 satu liter. Perkara ini perlu dilihat oleh jabatan dan juga Kerajaan Negeri supaya kumpulan ini tidak terlepas daripada kemudahan yang disediakan oleh kerajaan ini.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, dalam masa dua tahun iaitu tahun 2005 dan tahun 2006, Kerajaan Negeri sedang dan akan mendirikan sebanyak 60 buah masjid baru di seluruh negeri demi untuk memberi keselesaan kepada rakyat untuk beribadat. Saya memohon supaya di samping membina masjid yang baru yang lama juga jangan dilupai, banyak terdapat masjid-masjid lama yang tidak diselenggarakan dengan baik mengalami kebocoran dan dilihat tidak lagi ceria, usang, ini disebabkan tidak diselenggara waktu Kerajaan Alternatif dulu. Oleh itu, lihat-lihatlah masjid lama yang ada itu untuk diperbaiki semula. Di samping itu, keperluan Imam dan Bilal juga perlu dilihat oleh kerajaan untuk mengimarahkan masjid yang baru dibina ini. 60 buah masjid bukanlah suatu jumlah yang sedikit kalaulah 2 orang Imam satu masjid berertinya 120 Imam yang diperlukan begitulah juga dengan Bilal yang diperlukan begitu ramai sedangkan masjid yang adapun kadang-kadang kita terpaksa menyambung khidmat Imam yang akan bersara. Saya cadangkan satu skim gaji yang menasabah untuk menarik minat golongan muda yang mempunyai kelulusan tertentu untuk dilantik menjadi Imam dan Bilal kepada masjid-masjid baru yang sedang dibina oleh kerajaan ini.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Duli Yang Maha Mulia Al-Sultan juga menyentuh berkaitan Pembangunan Pusat-Pusat Pertumbuhan Desa dan menyarankan dilihat kembali

langkah-langkah yang wajar yang perlu diambil bagi mempercepatkan perlaksanaannya. Kebetulan dalam kawasan saya mempunyai satu pusat pertumbuhan yang amat berpotensi iaitu di Ketengah Jaya. Ketengah Jaya mempunyai penduduk seramai 22,190 orang, ianya bermula awal tahun 1980an dengan jumlah penduduk 1,600 orang sahaja terdiri daripada peneroka dan pada ketika itu mempunyai sebuah Pondok Polis dengan 2 anggota yang bermula pada tahun 1984. Dan sehinggalah pada 25hb. Mac baru-baru ini sempena Hari Polis Yang Ke-199, Pondok Polis itu dinaikkan taraf menjadi Balai Polis yang diberi keangotaannya sebanyak 10 anggota. Saya ucapkan ribuan terima kasih kepada pihak Polis yang telah peka di dalam menyusun keperluan keselamatan di kampung-kampung. Bayangkanlah sewaktu 2 anggota Polis hendak mengawal penduduk 22,190 orang dengan berbagai karenah apatah lagi ini adalah kawasan Felda yang melibatkan Felda Kerteh 4, Kerteh 1, Kerteh 5 dan juga Kerteh 6 yang mana dibayangkan sebagai satu kawasan gejala sosialnya amat tinggi berlaku di kawasan yang seumpama ini. Dulu di dalam kawasan ini pernah ada satu bank BSN namun tiga-empat tahun yang lepas bank ini ditutup, bank ini ditutup operasinya kerana dikatakan tidak menguntungkan. Bersempena dengan Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Al-Sultan supaya Pusat-pusat Pertumbuhan Desa ini perlu dilihat kembali, saya memohon supaya syarikat-syarikat utilities seperti TNB, Jabatan Bekalan Air, Pejabat Pos, bank dan juga agensi-agensi kerajaan yang menasabah untuk memberi kemudahan kepada penduduk yang ramai ini, lihat-lihatlah untuk membuka cawangan masing-masing di Ketengah Jaya. Apatah lagi, Interchange LPT Santong tidak jauh situ. Selain dari itu keperluan perumahan kepada generasi kedua Felda juga amat diperlukan di dalam kawasan ini bagi membantu mempercepatkan pertumbuhan Pusat-pusat Pertumbuhan Desa baru ini.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, akhirnya Duli Yang Maha Mulia menutup ucapan dengan menasihatkan semua Ahli-ahli Yang Berhormat hendaklah terus membela nasib rakyat dengan jujur, dengan ikhals, dengan amanah demi kepentingan agama, rakyat dan negeri. Nasihat ini meliputi semua Yang Berhormat-Yang Berhormat tidak kira di pihak kerajaan mahupun Pembangkang. Adalah amat mustahil Wakil Pembangkang mampu untuk membela rakyat dalam bentuk membangunkan kawasan menyediakan rumah-rumah PPRT, menyediakan infra jalan, longkang dan sebagainya sedangkan mereka sewaktu berkerajaanpun mereka tak mampu untuk membangunkan ini semua apatah lagi hari ini menjadi Pembangkang. Namun bolehlah Wakil Pembangkang menunaikan tanggungjawab dalam bentuk jujur tidak mengamalkan fitnah. Amalan ini merosakkan masyarakat dan dalam Islampun tidak dibenarkan. Janganlah surau dan masjid dijadikan tempat melempar fitnah, tidakkah surau dan masjid tempat manusia membina hubungan dengan Allah, membina iman. Saya menyatakan ini, kebelakangan ini, Surau Tok Haji Bidin di Dungun itu kerap digunakan untuk melemparkan fitnah kepada pemimpin-pemimpin Barisan Nasional. Saya tidak mampu untuk menilai sesuatu itu fitnah ataupun betul sehingga ianya melibatkan diri saya, saya amat hairan orang yang berucap diisi dengan fitnah. Inilah yang mengimamkan solat waktu, solat jenazah dan kadang-kadang membaca Talqin sebagai penutup kehidupan seseorang insan masih lagi diikuti oleh sebahagian masyarakat. Saya mohon ambillah peringatan Duli Yang Maha Mulia Al-Sultan ini, menunaikan tanggungjawab dengan penuh jujur, dengan penuh ikhlas dan dengan penuh berhemah ..... (Tepukan Sokongan) .....

Akhirnya, saya yakin dengan pujian-pujian yang dilahirkan oleh Duli Yang Maha Mulia, Terengganu mampu 'Memahat Sejarah Mencipta Tamaddun' di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar dari Parti Barisan Nasional ini. Sekian, saya mohon menyokong. Wabillahi taufik walhidayah. Assalamualaikum warahmatullahitaala wabarakatuh.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Yang Berhormat daripada Wakil Paka. Sekarang dipersilakan Yang Berhormat Wakil Bukit Tunggal.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHD NASIR BIN IBRAHIM @ IBRAHIM FIKRI (Wakil Bukit Tunggal): Terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua. Bismillahirrahmanirrahim. Alhamdulillahirabbil alamin. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua-ketua Jabatan, para Pemerhati yang saya hormati sekalian.

Terlebih dahulu ingin saya mengucapkan terima kasih yang tidak terhingga Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Al-Sultan di atas Titah Baginda pada hari perasmian. Ini mempamerkan keprihatinan Baginda terhadap perkembangan semasa yang berlaku dalam Negeri Terengganu. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Terengganu Darul Iman telah melalui suatu lonjakan paradigma yang begitu hebat semenjak Barisan Nasional memenangi Pilihan Raya pada bulan Mac 2004. Pada hari ini genap 2 tahun 29 hari, Kerajaan Barisan Nasional memerintah Negeri Terengganu dan dalam tempoh tersebut telah banyak perkara yang berlaku yang sebelum ini hanya menjadi impian dan harapan rakyat semata-mata. Saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada pucuk pimpinan negeri kerana segala usaha yang dirancang untuk membangunkan negeri ini ianya berlaku dengan pantas tanpa disedari Negeri Terengganu Darul Iman sudah makin menghampiri ke arah sebuah negeri maju dari hari ke hari selaras dengan Wawasan 2020. Mungkin masih terlalu awal bagi kita untuk mendabik dada tetapi hakikatnya jelas di hadapan kita, kita akan melihat perubahan-perubahan ini jika kita peka dengan apa yang sedang berlaku dari masa ke semasa. Dalam tempoh yang begitu singkat janji kita kepada rakyat hampir kesemuanya telah dapat ditunaikan. Kesemuanya telah berjalan dan bermula dan hanya menunggu untuk disiapkan sahaja.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, impian kini telah menjadi kenyataan. Lebuh Raya Pantai Timur, Lapangan Terbang Sultan Mahmud, Universiti Darul Iman Malaysia dan Kompleks Sukan adalah merupakan impian rakyat Terengganu sekian lama dan kini ia menjadi realiti. Kesemuanya sedang dibina dan kita berharap dapat disiapkan dalam tempoh masa yang ditetapkan. Tidak setakat hendak dibanggakan kerana impian menjadi kenyataan tetapi hasil dari projek tersebut amatlah besar sekali kepada pertumbuhan ekonomi negeri ini sekaligus memberi impak kepada sosio ekonomi rakyat Terengganu. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, sudah pasti kawasan-kawasan pertumbuhan baru akan wujud di sepanjang lebuh raya terutama di jalan-jalan susur keluar termasuk di kawasan Yang Berhormat ADUN Tepoh sendiri iaitu di kawasan Gemuroh, bukan sahaja sampah ada tetapi Interchangepun ada. Terengganu akan lebih terbuka dan akan lebih dihubungkan dengan dunia luar dan hasil usaha penduduk dan rakyat Negeri Terengganu akan dapat dipasarkan dengan cara yang lebih meluas. Sudah pasti lebuh raya, lapangan terbang baru ini akan menjadi pintu masuk utama Negeri Terengganu yang dahulunya

antara yang menjadi penyebab orang tak nak datang ke Terengganu kerana terasa amat jauh dengan kemudahan-kemudahan yang amat kurang dan memuaskan di Lapangan Terbang Sultan Mahmud. Adalah diharapkan melalui lebuh raya orang dari luar Terengganu tidak lagi merasakan, memerlukan masa yang panjang untuk sampai ke Terengganu begitulah sebaliknya. Orang luar, orang Terengganu jika nak balik makan Nasi Dagangpun boleh, lepas subuh boleh mari tengah haripun balik pada ketika itu.

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN HAJI NUH (Wakil Tepoh): Dato' Yang Dipertua, pohon laluan – Nasi Dagang hak kepala ikannya RM40 ke?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHD NASIR BIN IBRAHIM @ IBRAHIM FIKRI (Wakil Bukit Tunggal): Kepala ikan di Kuala Lumpur mahal lagi. Identiti Terengganu akan berubah seperti negeri yang dekat dengan Kuala Lumpur dan negeri-negeri lain. Mungkin 4 jam sahaja boleh kita kita sampai ke Kuala Lumpur berbanding sekarang yang 6 atau 7 jam. *Mindset* orang luar Terengganu dengan sendirinya akan berubah dan sudah pasti pelabur-pelabur juga akan datang ke Terengganu untuk melabur dan membuka kilang-kilangnya, insyaAllah. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, di sini perlulah rakyat Terengganu membuat persediaan untuk merebut peluang ini. Produk-produk yang ada, produk-produk rakyat Negeri Terengganu harus diberi perhatian dan ditambah nilainya dipastikan kualitinya termasuk cara-cara pembungkusan yang boleh mempunyai daya tarikan. Dari sekarang perlu dibuat persediaan kepada mereka yang telah dikenal pasti terutama kepada usahawan-usahawan muda yang mudah menerima perubahan dan mampu menggunakan kaedah-kaedah serta teknologi moden.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Duli Yang Maha Mulia Tuanku juga menyentuh tentang Pembangunan Modal Insan yang menjadi tunjang agenda pembangunan Negeri Terengganu masa kini. Ini sebenarnya selaras dengan teras kedua dalam Rancangan Malaysia Yang Kesembilan iaitu meningkatkan keupayaan, pengetahuan dan inovasi negara serta memupuk minda kelas pertama. Ini merupakan satu cabaran yang perlu kita hadapi bersama terutama dalam merubah pemikiran atau dengan izin, *mindset* rakyat negeri ini sendiri kerana perubahan ini adalah satu perkara yang pasti berlaku sama ada kita mahu atau tidak mahu. Kalau tidak, kalau kita tidak berubah maka kita akan ditinggalkan oleh perubahan itu sendiri. Oleh itu, penambahbaikan pendidikan, keperluan R & D dan langkah-langkah memberi peluang kepada rakyat untuk menimba kemahiran-kemahiran dibidang baru amat perlu agar mereka bersedia untuk masuk sama sebagai pemain-pemain dalam perubahan-perubahan baru yang bakal dan sedang berlaku. Bidang-bidang bioteknologi perlu diberi perhatian untuk dilibatkan oleh generasi muda, anak-anak Terengganu supaya mereka tidak hanya pandai menyebut bioteknologi sahaja tetapi terlibat sama dan diberi latihan dan peluang melibatkan diri dalam bidang tersebut.

Dato' Yang Dipertua, amatlah rugi jika orang lain mengambil peluang dari bidang-bidang baru yang mendapat keuntungan. Kita tidak boleh menyalahkan orang lain jika kita gagal untuk menyiapkan diri kita, orang Terengganu sendiri dengan inovasi dan penglibatan di dalam bidang-bidang yang baru ini. Oleh itu, saya syorkan institusi kemahiran di negeri ini membuat persediaan awal dengan memperkenalkan kursus-kursus yang mana ada kaitannya dengan perubahan-perubahan dunia di masa akan datang. Misalnya, latihan-latihan bioteknologi, teknologi komunikasi, industri kreatif termasuk kandungan digital,

elektronik termaju, alat ganti dan komponen automotif ke arah industri berasaskan sumber bernilai tinggi seperti penyediaan profesional 'Nano Technology' dan sebagainya diwujudkan.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Negeri Terengganu mempunyai sebuah universiti baru, Universiti Darul Iman Malaysia dan sebuah Kolej Universiti KUSTEM yang ini insyaAllah akan menjadi sebuah universiti penuh tidak lama lagi. Ambillah peluang yang ada ini untuk memajukan bidang-bidang sains yang mana kedua-dua universiti ini mempunyai kepakaran terutama di KUSTEM. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, KUSTEM baru-baru ini telah meraih 5 Pingat Emas, 2 Pingat Perak dan 2 Gangsa di pertandingan dan Pameran Penemuan Sains di peringkat antarabangsa di Geneva. Tahniah kepada KUSTEM ..... (Tepukan Sokongan) .....

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, untuk merubah minda rakyat memang diakui suatu yang sukar kerana budaya kita bersikap kepada 'berpada dengan apa yang ada' atau dengan kata-kata 'molek belaka dah' ataupun 'biar dululah' dan sebagainya. Tetapi kita perlu lakukan juga untuk mempastikan kecemerlangan bangsa, negeri sendiri tidak ketinggalan. Rakyat Terengganu mesti berani mencuba perkara-perkara baru. Pemimpin-pemimpin Terengganu mesti berani sebagaimana yang telah didahului oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar dengan pelbagai perkara dan perubahan baru diperkenalkan dan seringkali mengejutkan rakyat yang terbiasa dengan cara dan pemikiran lama. Tahniah kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Duli Yang Maha Mulia Tuanku Al-Sultan dalam Titah Baginda juga menyebut mengenai Tahun Pertanian Terengganu 2006. Kita sedar bahawa import makanan kita terlalu tinggi. Tahun 2002, sebanyak RM12.43 bilion diimport untuk keperluan makanan dalam negara kita dan pada tahun 2005 nilai import makanan meningkat kepada melebihi RM14 bilion. Jadi sesuai juga untuk tumpuan Rancangan Malaysia Kesembilan pada bidang pertanian baru maka kita di Terengganu juga perlu menjurus ke arah tersebut. Terengganu sebenarnya mempunyai potensi sebagai pengeluar utama buah-buahan. Ketika ini sebuah projek fertigasi sedang giat dijalankan oleh segolongan usahawan pertengahan yang sanggup melabur sendiri untuk menghasilkan produk bermutu tinggi, penghasilan mengikut jadual dan hasil yang seragam. Kerajaan Negeri patut menyokong usaha ini di mana mereka yang menceburi bidang ini perlu diberi insentif supaya dapat kita lahirkan dengan izin, *'Gentlemen Farmers'* di mana hasil pengeluaran mereka bukan hanya mendapat piawaian di pasaran tempatan malahan di pasaran luar negara. Melahirkan usahawan-usahawan tani moden seperti yang berlaku, yang ada di Australia, New Zealand, Amerika Syarikat dan sebagainya. Malah kita perlu meramaikan lagi golongan *'Gentlemen Farmers'* ini dan sekaligus akan membantu mengurangkan import makanan yang dihadapi oleh negara masa kini.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, kita sedia maklum Kerajaan Pusat telah menyatakan hasil dari pengurangan subsidi minyak akan ditumpukan kepada langkah-langkah untuk mempertingkatkan pengangkutan awam kepada rakyat. Oleh itu, suka saya syorkan kepada Kerajaan Negeri Terengganu turut merealisasikan cita-cita ini dengan penyediaan Sistem Pengangkutan Awam yang lebih moden dan memenuhi tuntutan masa kini. Tidak ada salahnya kita mulakan pengangkutan awam di sekitar Bandar Kuala Terengganu

dengan sistem yang moden berbentuk transit moden sebagaimana yang berlaku di ibu kota. Dengan keselesaan untuk penumpang serta kos yang rendah 'kita perlu memahat sejarah' sebagaimana kata Yang Amat Berhormat Dato' Seri. Pengangkutan dari Lapangan Terbang ke Bandar Kuala Terengganu juga perlu dipelbagaikan bukan hanya dengan teksi dan kenderaan sendiri sahaja tetapi bas dan kereta api juga patut difikirkan bersama.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, kerajaan juga perlu memperbanyakkan pembinaan jambatan kerana ia juga merupakan pemangkin kepada kemajuan dan pertumbuhan di kawasan-kawasan penempatan dan secara tradisionalnya begitu banyak di pinggir-pinggir sungai di Terengganu. Di Sungai Terengganu kita hanya mempunyai dua buah jambatan yang kita agung-agungkan mungkin boleh difikirkan oleh Pengerusi Infrastruktur Negeri nak bina sampai 10 buah jambatan untuk melahirkan pertumbuhan-pertumbuhan penduduk dan ekonomi di sepanjang Sungai Terengganu. Begitu juga di sungai-sungai lain termasuk di Sungai Nerus dan sungai-sungai yang lain. Saya juga amat mengalu-alukan pembinaan jambatan kedua di muara Sungai Terengganu kerana jambatan yang ada sekarang amat sesak terutama di masa-masa tertentu. Kalau kita lihat molek dibina jambatan baru dari Tanjung ke Seberang Takir, menyenangkan kepada siapa-siapa hak nak balik ke Seberang Takir.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, untuk akhirnya suka saya ulangi bahawa Kuala Nerus masih menunggu agar kami diberi perhatian untuk dapat menguruskan pembangunan sendiri melalui sebuah Pihak Berkuasa Tempatan sendiri. Kajian mendapati bahawa Pihak Berkuasa Tempatan kini adalah mengatasi peranan pentadbiran daerah. Banyak tempat di negara ini kita dapati Pihak Berkuasa Tempatanlah yang memainkan peranan membangunkan sosio ekonomi sesuatu tempat lagipun untuk mendapat daerah bukannya perkara yang amat senang. Ia amat sukar kerana ia membabitkan banyak kementerian berbanding pewujudan sebuah Pihak Berkuasa Tempatan. Saya merasakan masih ada ruang untuk kita memikirkan perkara ini dan kita tidak harus mengikat diri kita dengan pandangan-pandangan dan peraturan-peraturan yang kita sendiri buat kerana kehendak rakyat mesti diutamakan. Contohnya, jambatan bengkok yang hendak dibuat dari Johor ke Singapura juga dibatalkan kerana mengambil kira pandangan dan hasrat rakyat. Jadi apa salahnya Kerajaan Negeri Terengganu di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar mengambil kira pandangan orang di Kuala Nerus dan mengambil kira pandangan Wakil Rakyat dari Kuala Nerus.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya berharap perkara ini dapat diberi perhatian serius dan kami sebenar-benarnya serius dalam memperjuangkan perkara ini. Sebelum saya mengakhiri ucapan ini izinkan saya sampaikan kata-kata hikmat daripada Profesor Dr. Hamka –

"Takut gagal adalah gagal sejati,
Takut mati adalah mati sebelum mati
Hidup itu adalah gerak.
Gerak itu adalah maju".

Saya mohon menyokong. Terima kasih. Wassalamualaikum warahmatullahitaala wabarakatuh.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Dipersilakan Yang Berhormat Wakil Batu Burok.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABD. MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat, seterusnya Ketua-ketua Jabatan dan hadirin-hadirat yang dirahmati Allah.

Pertama-tamanya saya ucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua yang telah memberi kesempatan kepada saya untuk menyertai sama di dalam membahas Ucapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Al-Sultan. Dato' Yang Dipertua, bila meneliti beberapa angka dan saranan-saranan suatu perkara yang tak dapat kita ketepikan ialah rakyat Terengganu masih lagi miskin dan terkebelakang. Pas hanya mengambil kuasa 4 tahun di dalam pengantaraan. Sebelum Pas mengambil alih kuasa Kerajaan Negeri 37 tahun tanpa putus diperintah oleh Umno, Perikatan dan Barisan Nasional. Mana dia paradigma yang ditukar, kenapa selepas 4 tahun baru difikir paradigma yang perlu ditukar? Keprihatinan yang diberi oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia, angka-angka kemiskinan kalau kita dapat lihat semula dengan izin Dato' Yang Dipertua, "22,360 keluarga" tidak ada bilangan dengan keluarga, kita ambil *standard average* dengan izin, 5 orang – 100,000 yang menjadikan keluarga. Kenapa pangkalan data tidak membekalkan kepada kita bilangan keluarga itu sekaligus supaya kita lebih melihat dengan secara objektif. Di dalam ucapan Yang Amat Berhormat semasa membentang Bajet, pangkalan data menunjukkan angka sebanyak 26,000 keluarga miskin. Jawapan Exco semalam - 21,822. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, mengikut Artikel 7, Perlembagaan Negeri Terengganu, Kebawah Duli Yang Maha Mulia berhak untuk mendapat maklumat sebelum Kebawah Duli mengemukakan ucapan ke Dewan yang mulia ini. Harapnya biarlah angka itu tepat dan membetuli keadaan yang sebenarnya.

YANG BERHORMAT ENCIK ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): Dato' Yang Dipertua, penjelasan – Hak semasa Pas sebelum ini tipu atas darat kering beritahu 11 kali sehari penerbangan Mas itu serupa tak? Saya rasa hak ini berdasarkan kepada *figure* yang betul.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABD. MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Dato' Yang Dipertua, saya tak perlu layan kerana saya baca daripada Buku Bajet, baca daripada Buku Ucapan, kalau Yang Berhormat Alur Limbat mahu mengerti pengajaran Dewan, sila baca. Dato' Yang Dipertua, di dalam Bajet .....

YANG BERHORMAT ENCIK ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): Pohon laluan, Dato' Yang Dipertua .....

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABD. MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Saya tak benar laluan .....

YANG BERHORMAT ENCIK ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): Marah selalu dah.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABD. MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Bukan soal marah, bodoh sangat.

YANG BERHORMAT ENCIK ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): Ya? Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya pohon Yang Berhormat Batu Burok kalau dia ada tanggungjawab dia tarik balik perkataan tadi.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABD. MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Bakpe, tak berasa bodoh ke?

YANG BERHORMAT ENCIK ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): Apa?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABD. MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Bakpe, tak berasa bodoh ke macam tu.

YANG BERHORMAT ENCIK ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): *Parliamentary* ke tu? Perkataan bodoh itu satu *parliamentary* kepada Yang Berhormat Batu Burok.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABD. MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): .... Ini, dalam ni ada .....

YANG BERHORMAT ENCIK ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): Tak, saya tanya Yang Berhormat Batu Burok Dato' Yang Dipertua, sebelum ini pernah semasa Kerajaan Pas memaklumkan kepada Duli Yang Maha Mulia Tuanku Al-Sultan 11 kali sehari penerbangan Mas turun di Terengganu .....

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABD. MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Dato' Yang Dipertua, saya mahu *ruling.* Ini saya baca dalam daripada sini takdok kena mengena dengan penerbangan. Saya akan pergi ke penerbangan sekejap lagi.

YANG BERHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua .....

YANG BERHORMAT ENCIK ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya pohon perkataan itu ditarik balik dahulu.

YANG BERHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Saya pohon Wakil Batu Burok yang arif lagi bijaksana menarik balik perkataan tadi.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, waktu saya dulu dia kata teruk daripada itu lagi, Yang Berhormat tak suruh tarik balikpun. Allah nak bela konon, lebih teruk lagi macam-macam kata, babi ada, semua sekali ada belaka.

YANG BERHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Hak hari ini, hari ini, hak lepas, lepaslah, bakpe tak balas hari tu.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Haa ..... dah orang kata hak satni, lepas dah satni, hak lepas-lepas dah lah ..... Hak satni lepas dah .....

YANG BERHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Ini, hari ini, hari ini lagi, jangan baham rambang begitu .....

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Jadi kalau macam ni, betullah, demo boleh kata belaka .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat Wakaf Mempelam, sila duduk .....

YANG BERHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Hak lepas dah, bengkak muka sudahlah. Ini hak baru pulak, jangan bengkak pulak.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Jadi Yang Berhormat Batu Burok, saya minta perkara-perkara yang perkataan yang begitu-begitu supaya untuk keharmonian Dewan dan juga mematuhi Peraturan-Peraturan Dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri, saya minta perkataan yang Yang Berhormat sebut tadi supaya ditarik balik. Sila Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABD. MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Dato' Yang Dipertua, saya ucapkan ribuan terima kasih dan saya harap Ahli-ahli Yang Berhormat yang hendak menegur ikutlah Peraturan Dewan, kita hanya boleh menegur, membangkitkan untuk Peraturan Dewan. Tapi jangan bawa benda-benda yang tak betul kalau kita ini tidak cerdik. Saya tarik balik hak bodoh tadi.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Okey, terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABD. MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Dato' Yang Dipertua, daripada 26,000 mengikut Bajet 7,000 adalah keluarga miskin dan 19,000 miskin tegar. Kebawah Duli dalam ucapannya, miskin 5,750 orang (50 keluarga), tegarnya 5,380. Usaha untuk menaikkan taraf hidup, sosio ekonomi keluarga miskin hendak menebus kembali maruah rakyat Terengganu yang selama 37 tahun dilihat sebagai puak-puak miskin dan termiskin, kita dapat nombor 2, *champion* di dalam membentuk sebuah negeri menjadi negeri yang miskin sedangkan ketika itu, kita telah naik nombor 2 negeri yang membawa hasil melalui antara lain, royalti petroleum.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Penjelasan Yang Dipertua. Terima kasih Wakil Batu Burok. Wakil Batu Burok nampaknya tidak menjalankan tugas dan tanggungjawab dengan betullah sebab saya katakan demikian kalau betul mengaku betul, kalau tak betul kata tak betul kerana sebenarnya Pangkalan Data Profil Keluarga Miskin ni ada di dalam internet. Tadi Yang Berhormat Batu Burok mengatakan bahawa kita ada jumlahnya, tidak ada keluarga. Dalam internet itu kita ada nama sampai ke tok ada, bukan setakat mak-ayah, tokpun ada jugak rumah-rumah ataupun keluarga-keluarga yang miskin. Jadi kalau boleh, balik pada Dewan sikit lagi minta Batu Burok masuk laman web kita,

jangan masuk Harakah saja, laman web Terengganu ini kena baca juga 'Terengganu.gov.my' masuk dan di situ ada Profil Rakyat Termiskin seluruh negeri termasuk DUN Batu Burokpun ramai juga orang miskin, ke tak sedar, ada yang miskin di Batu Burok. Yang kedua Dato' Yang Dipertua, apa yang dikatakan tersebut mengenai daftar yang berubah-ubah kerana data ini dinamik, bila getah naik dia terkeluar daripada carta ni, kita boleh *up-date* serta merta, bila hak miskin kita boleh masuk, jadi sebab itu data ini boleh berubah-ubah. Jadi saya nak perbetulkan apa yang dikatakan oleh Batu Burok yang selalunya mengambil kesempatan, kalau orang tak *Parliamentarian,* kalau dia *Parliamentarian,* inilah puak-puak dia Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua. Terima kasih.

YANG BERHORMAT ENCIK MOHD ARIFFIN BIN ABDULLAH (Wakil Paka): Pohon penjelasan .....

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABD. MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Nantilah, lepas seorang, seorang. Saya nak dapat penjelasan hak ni dulu.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Wakil Paka, duduk dulu.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABD. MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Saya dulu duduk ke, dia dulu duduk Dato' Yang Dipertua?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat Wakil Paka, duduk.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABD. MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Saya bercakap lagu orang kampung .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Teruskan ucapan.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABD. MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Ya. Saya bercakap lagu orang kampung tak reti nak kata, saya takmboh beri penjelasan Dato' Yang Dipertua. Cuma saya nak katanya kenapa yang Tuanku berucap kelmarin dulu, Exco berucap kelmarin dalam ni, beza jugak yang *up-dating* dengan izin, pangkalan data itu diperkatakan. Dato' Yang Dipertua, apa yang diluahkan perasaan dan harapan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia semoga 10,000 keluarga miskin, petani, nelayan dan penternak untuk mendapat yang disasarkan oleh kerajaan pendapatan RM500.00 sebulan dengan usaha-usaha kerajaan yang antara lain memperuntukkan RM114 juta, tidakkah Yang Berhormat Kebajikan sedar bahawa RM500.00 itu masih lagi kategori miskin. Apa maksudnya untuk menaikkan taraf hidup masih lagi dalam kategori miskin. Yang kedua, pihak Perumahan – Kijal yang bina rumah, nak jual Rumah Mampu Milik dengan harga RM40,000 seunit, orang yang tidak ada kemampuan tak boleh beli, pendapatannya RM2,000.00 hingga RM2,500.00 ini keluarga miskin apa? Dato' Yang Dipertua, biarlah yang kita sasarkan itu betul-betul menggambarkan suatu realiti tetapi bukanlah untuk mengekalkan manusia yang daif, susah ini dalam keadaan miskin kerana untuk mengaut keuntungan politik semasa pilihan raya. Dato' Yang Dipertua, setiap kali hari perayaan 160,000 manusia Umno selain daripada MCA, MIC di perayaan-perayaan mereka, seluruh Negeri Terengganu beratur berjujuk ke *centre-centre* untuk mendapatkan Bantuan Hari Raya. Miskinkah mereka ini ataupun imbuhan apa? Dato' Yang Dipertua .....

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Dato' Yang Dipertua, laluan sekali lagi – Marah ke, dengki ke, macam mana tu. Ke takut? Kalau *dokrok,* khabar *dokrok,* senang, Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABD. MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Dato' Yang Dipertua, saya tidak mahu. Saya mahu minta Yang Dipertua, menegur. Yang Berhormat boleh bangkit tetapi mengikut Peraturan Dewan, minta penjelasan bukan untuk mempersenda-sendakan sesuatu perkara. Ini Peraturan Dewan, Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' DR. HAJI ABDUL LATIFF BIN AWANG (Wakil Bukit Payong): Penjelasan, saya tak bersendapun, cuma fakta. Yang Berhormat tadi bangkit bahawa yang 160,000 itu kesemua Umno sebagaimana yang dikata tadilah dan saya boleh beri *list/* senarai orang Pas juga terima dari Kedai Buloh, Surau Panjang, Tiang Baru, Kampung Tok Dir.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABD. MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Terima kasih banyak-banyak. Mungkin orang Pas di kawasan Yang Berhormat Dato' Latiff ni baik do'oh lalu orangnya tetapi saya tanya, orang ini jenis apa, miskin ke, papa kedana ke, tegar ke, yang 160,000 ini, sila jawablah. Jawab janganlah hari ini, jawab semasa Exco jawab.

YANG BERHORMAT DATO' DR. HAJI ABDUL LATIFF BIN AWANG (Wakil Bukit Payong): Nak jawab sikit aje.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABD. MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Minta penjelasan boleh.

YANG BERHORMAT DATO' DR. HAJI ABDUL LATIFF BIN AWANG (Wakil Bukit Payong): Tak, dia RM1,200.00 ke bawah, miskin ke, kaya ke, tidak kaya ke, inilah siling yang diberikan oleh pihak Kerajaan Negeri. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABD. MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Patut dia jawab semasa tadi. Tak apa, saya boleh jawab. Terima kasih. Dato' Yang Dipertua, sekarang Ahli-ahli Yang Berhormat, *Backbenchers* dengan izin, memuji-muji dan memuja-muja dalam masa 2 tahun satu *miracle* dengan izin, suatu kejutan bahawa Terengganu telahpun membangun. Saya sedih, bil Exco Perindustrian jawab, satu sahaja di Kuala Terengganu yang dibuka di kawasan saya, Chendering. Sedangkan kita tahu pertumbuhan ekonomi, keselesaan hidup rakyat ialah dari sudut pembangunan penting dan perlu. 2 tahun apa yang dirancang untuk Kuala Terengganu, yang ditinggal sekian lama, saya harap sedarlah bukannya Monsoon Cup yang kita mahu, rakyat yang miskin ini masih lagi mahu dibela bukan kemewahan yang berlebih-lebihan. Dato' Yang Dipertua, saya dimaklumkan nak perelokkan Lobi, RM300,000.00 dibelanjakan. Takkanlah lobi tu masa orang Pas mari dia naik tak berkasut degan selut ke apa. Di MPKT aset perabot dan peralatan RM3.4 juta dua minggu lepas habis hilang kesemuanya, mari yang baru kesemuanya. Takkanlah selama ini YDP, pegawai-pegawai duduk atas kerusi cangkung, yang habis kesemua, ada *prosedure*-nya untuk *dispose* barang-barang yang lama mengikut JKR punya *prosedure.* Saya sukalah duduk tempat elok ini baguslah tetapi yang

diperingatkan oleh Kebawah Duli bercermat, belanja dengan hikmah supaya tidak terasa dan kita lihat orang yang miskin yang Dato' Wakil daripada Bukit Payong kata tadi 160,000 itu masih lagi kita kena beri air muka yang jernih di Hari Raya.

Dato' Yang Dipertua, saya ucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar mengemukakan idea baru, 30 buah masjid .....

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Penjelasan Yang Dipertua, sekali lagi. Bagus Wakil Batu Burok, terima kasih banyak. Adakah pada pendapat Yang Berhormat Batu Burok oleh kerana kita buat Monsoon Cup, kita buat pembaikian Lobi dan sebagainya menyebabkan kesan daripada perbelanjaan tersebut ramai rakyat Terengganu yang kebuluran dan miskin. Adakah ada kaitan koliborasi positif antara kedua-dua benda tersebut? Sebab saya nampak macam ada kaitan saja. Bila belanja Monsoon Cup, bila buat Lobi tiga – empat ratus ribu menyebabkan rakyat miskin. Adakah begitu? Kalau ada, maklum. Terima kasih Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABD. MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Dato' Yang Dipertua, saya nak kata IQ rendahpun, orang cerdik. Tetapi saya mengatakan bahawa keutamaan-keutamaan. Kucingpun mahukan tempat yang selesa, Dato' Yang Dipertua. Sekarang ini kucing dia cari tempat bilik *air-cond* dia cari tetapi tak ada *air-cond*pun tak apa, dia boleh hidup. Semasa rakyat yang masih lagi dikategorikan yang kedua termiskin di Terengganu. Cuba kita lihat di kampung-kampung, jalan-jalan kampung yang masih lagi di dalam keadaan yang menderita, keadaan-keadaan yang dikatakan pembaikian rumah dan sebagainya. Yang dia pergi kawasan saya ni, kebetulan, minta maaflah Yang Berhormat .....

YANG BERHORMAT HAJI WAN HISHAM BIN WAN SALLEH (Wakil Ladang): Minta penjelasan sikit, kampung mana hak yang teruk tu, kita baiki selalu.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABD. MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Saya nak kata kampung sayapun, kawasan Yang Berhormat, saya malu jugak waris saya. Dekat masjid saya itu, saya dah beritahu empat kali dah ke dia, keluarga saya, Yang Berhormat. Malam-malam orang pergi, hujan sikit banjir terus, tolonglah ..... saya khabar selalu dah hari ini.

YANG BERHORMAT HAJI DIN BIN ADAM (Wakil Bukit Besi): Tadi Wakil Batu Burok menyebut masjid saya, cuba jelaskan masjid saya tu dekat mana? Masjid dia bina sendiri ke, atas duit sendiri ke macam mana, cuba jelas?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABD. MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Takkanlah kata negeri saya, negerimu sendiri. Mu buat sendiri ke negeri ni?

YANG BERHORMAT HAJI DIN BIN ADAM (Wakil Bukit Besi): Hak sebab mengaku masa dulu-dulu, hak tu yang nak dapat jelas, jelaslah pada Dewan hari ini.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABD. MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Saya nak jawabpun saya rasa terlalu kerdil, Dato' Yang Dipertua. Dato' Yang Dipertua,

pembinaan Pulau Duyong. Pulau Duyong ini sudah dibina jambatan lebih 15 tahun. Pas ambil 4 tahun kita bagi jambatan *free* tapi Pulau Duyong masih lagi dalam keadaan begitu. Tiba-tiba kejutan paradigma, marinya perahu layar, marinya pembangunan yang moden. Tolonglah berjalan di Pulau Duyong itu sendiri, jalan yang dibina baru-baru inipun saya nak pergi jemputan itu hari saya balik semula tak boleh nak masuk, nak masuk tempat orang pergi Monsoon Cup ini nak rai. Nak tengok Yang Amat Berhormat buat ulasan selari baru-baru ini pooh ..... pooh .....pooh ..... tak boleh masuk kena balik semula. Tolonglah, hak ni hak orang miskin, hak depan sana hak orang mahal. Dan pembinaan Pulau Wan Man .....

YANG BERHORMAT HAJI DIN BIN ADAM (Wakil Bukit Besi): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, minta penjelasan sikit. Satni ada disebut Yang Amat Berhormat buat ulasan selari pada berapa haribulan tu agak, cuba khabar sikit ke Dewan ni, jangan cuba nak bercakap lebih kurang begitu.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABD. MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Dia *imitate* di Dewan ni hak yang kita tengok, di sana kita tak dapat tengok. Di sini, bangganya, mulianya, maknanya begitu saya kata tetapi tak sedarlah hak orang nak masuk tak boleh ni. Sepatutnya bagilah kemudahan jugak kepada orang lain. Dato' Yang Dipertua .....

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Minta laluan, Yang Dipertua Dewan pasal saya tak pernah buat ulasan selari masa Monsoon Cup ni Yang Berhormat. Yang Berhormat ni banyak kali dah dengan saya ni, dulu pelawok dah sekali. Saya ingat dulu hak bawa surat dalam Dewan ni mengatakan saya beli *Communicator* guna duit kontraktor, itu sudah satu pembohongan. Kata pulak baiki rumah saya baru-baru ni. Saya buat ulasan selari masa Monsoon Cup, bila ni? Seluruh Dewan ada semua ni, cuba beritahu bila, saya nak tahu. Yang Berhormat cakap betul dalam Dewan jangan kita nak bawa ikut cakap sedap mulut tak boleh Dewan ni, Dewan yang mulia. Sikit lagi Yang Berhormat kata *un-parliamentarian* mula-mula, lepas tu kata bodoh, hak mana se nak pegang, tak boleh pegang buku langsung ..... (Tepukan Sokongan) ..... Cuba beritahu bila saya buat ulasan selari .....

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABD. MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Dato' Yang Dipertua, saya kata Yang Amat Berhormat *'imitate'*. .....

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: ..... Kalau tak tahu, cakap tak tahu senang.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABD. MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Dia *'imitate'* dalam Dewan ini.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: *'Imitate'*, saya tidak buat ulasan selari, kena betul balik. Yang Berhormat kena tarik balik hak kata tadi.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABD. MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): *'Imitate'* ulasan selari. Saya kata 'imitate' faham tak, *'imitate'* dengan izin .....

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Tak, hak mula-mula tadi tak, ada rekod. Yang Berhormat mengatakan tadi saya membuat ulasan selari, ada catit.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABD. MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Saya kata *'imitate'* dengan izin saya mintak .....

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Kemudian lepas ditegur barulah perbetul.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABD. MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Tak, *'imitate'* dalam Dewan ini, saya kata.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Pelawok ni, pelawok ni. Semua Dewan dengar belaka tadi.....

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABD. MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Dah orang semua dengar .....

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: ..... semua orang tahu belaka, dengar belaka tadi .....

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABD. MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Telinga dua seorang .....

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: ..... Dewan dengar belaka bahawa Yang Berhormat mengatakan bahawa saya membuat ulasan selari, jelas dengar ....

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABD. MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Telinga ada dua seorang di sini .....

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Jangan pelawok Yang Berhormat, ini Dewan, mari Dewan nak pelawok tak bagus begitu. Ada lagi pulak tadi hak tak betul ni, dalam ini jelas muka 10, ulasan Titah Kebawah Duli iaitu menambah pendapatan RM500.00 bukan kata RM500.00, hak inipun Yang Berhormat tak baca jugak ni, tak baca betul-betul ni. Di muka surat 10 yang dikatakan "menambah pendapatan mereka sebanyak RM500.00" bukan kata supaya pendapatan mereka RM500.00, ini tak betul ni, dua perkara ni, sejak saya duduk sekejap dengar hari ni. Berapa minit baru ni, hak tadi jenis kata 5 minit pelawok sekali, inilah, baca molek-molek. Ini dua kali hak tak betul kena atas darat ni, hak atas darat, hak terlindung tak tahulah. Ini yang dikata pelawok atas darat ni.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABD. MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Dato' Yang Dipertua, pererti daripada apa yang diucapkan di sini. Saya baca, dengan izin: "Beta gembira kerana tahun 2006 ini telah diisytiharkan oleh Kerajaan Negeri sebagai Tahun Pertanian bagi Negeri Terengganu. Bagi maksud ini Beta dimaklumkan bahawa

Kerajaan Negeri telah mensasarkan agar seramai 10,000 petani, penternak dan nelayan berjaya menambah pendapatan mereka sebanyak RM500.00 seorang sebulan".

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: ..... menambah pendapatan, tu mula tak baca menambah, tengok pelawok tu .....

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABD. MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): ..... *But what is the base?* Apa *base* yang dia ada? .....

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: ..... Berjaya menambah pendapatan mereka. 'Menambah' pendapatan.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABD. MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Ya, ini petani yang tidak ada duit. 'Menambah' - *To have increase their income,* dengan izin .....

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Tak usah cakap orang putihlah, dalam Dewan ni boleh cakap Melayu belaka ni, rakyat Melayu ni .....(Dewan Gelak) .....

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Sayapun sekolah orang putih gok dulu, kalau nak cakap orang putih boleh tahan jugak nak cakap orang putih dengan Yang Berhormat. Ini 'menambah pendapatan' .....

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABD. MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Ya, betullah .....

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Ini dua puluh kali pelawok ni.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABD. MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Apa *base* yang dia ada? Adakah RM1,000.00 dia dah ada.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Tadi Yang Berhormat kata, kalau RM500.00 ini betullah, paras kemiskinan tak lebih lagi. Ini 'menambah pendapatan' kalau dia ada RM500.00 dulu tambah RM500.00 lagi, jadi RM1,000.00 .....

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABD. MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): ....Apa *base* yang ada?

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Kita tak bercakap pasal *'base'*.....

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABD. MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): ....Apa *base* yang ada, beritahulah di sini.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Ini pelawok ni, dua kali pelawok ni .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat, baca teks ini bacalah teks sebagaimana yang ada.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABD. MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Saya baca dah, saya dah baca.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Soalnya Yang Berhormat buat ulasan tapi bacalah apa yang ada dalam ni. Sayapun ada buku teks ini .....

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABD. MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Saya berhak *interpret* apa yang saya baca. Yang Amat Berhormat berhak untuk menjawab apa yang saya kata tak perlu kita *berdebate* sekarang ini, *I'm not going to debate with you,* dengan izin.

Dato' Yang Dipertua, saya ucapkan tahniah kerana Yang Amat Dato' Seri Berhormat Menteri Besar berjanji untuk membina 30 buah masjid setahun, katanya. Saya baca 30 buah masjid dengan harga kos RM60 juta. Tetapi 30 buah masjid Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, RM60 juta yang diberi kepada Umno Putra RM220 juta ..... Putra apa saya tak tahu yang memajukan Pulau Duyong .....

YANG BERHORMAT HAJI WAN HISHAM BIN WAN SALLEH (Wakil Ladang): Minta penjelasan sikit apa yang Umno Putra itu?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABD. MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Umno Putra maknanya kontraktornya mesti orang Umno.

YANG BERHORMAT HAJI WAN HISHAM BIN WAN SALLEH (Wakil Ladang): Boleh buktikan?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABD. MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Saya dah *check* semua-semua dah. Kalau orang Pas awal-awal kena turun dulu lagi dah. Hak beri dah ambil balik semula, kalau orang Pas. Hak beri dah, hak ada hak dia dah, *legal* dah, nak ambil balik semula.

YANG BERHORMAT HAJI WAN HISHAM BIN WAN SALLEH (Wakil Ladang): Hak mana se?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABD. MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Saya akan bagi, Dato' Yang Dipertua, saya akan bagi. Tunggu, tunggu sekejap.

Pembangunan Pulau Wan Man RM235 juta, duit dah sampai dah saya dengar cerita. Salah beri bayar ke *Treasury* sekali, balik ke SEDC. Ini *subject for correction,* tertakluk kepada pembetulan. Saya dimaklumkan begini RM235 juta telah dibayar .....

YANG BERHORMAT ENCIK ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): Pohon laluan, Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua .....

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABD. MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Apa dia?

YANG BERHORMAT ENCIK ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): Pohon laluan.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABD. MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Laluan apa?

YANG BERHORMAT ENCIK ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): Mintak penjelasanlah, jangan main duk kata saja, pakai lok begitu, tak boleh jugak.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABD. MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Saya nak minta Dewan jawablah, masa inilah nak jawab, saya nak tahu .....

YANG BERHORMAT ENCIK ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): Saya nak tanya sekarang ini .....

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABD. MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Bukannya Exco .....

YANG BERHORMAT ENCIK ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): Sebab tak Exco saya nak tanya .....

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABD. MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Biar Exco jawab ke saya .....

YANG BERHORMAT ENCIK ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): Pohon penjelasan Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua - Siapa hak 'maklum-maklum' kata tadi tu, ke pakai dengan izin *'resumption'* ataupun andaian. Siapa dia yang maklum, ke dah tak ingat dah tadi?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABD. MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Dato' Yang Dipertua, dia *lawyer* jugak tu, kalau tak puas hati saya kata, saya boleh cakap di luar, awak nak saman sayapun boleh.

YANG BERHORMAT ENCIK ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): Aah! Main apa macam budak-budak, cakap sikit-sikit cabar di luar tu. Guna Dewan yang mulia ini .....

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABD. MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Kena pelaga buku dengan ruas ini baru dia tahu, Yang Dipertua .....

YANG BERHORMAT ENCIK ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): ..... Jangan *mislead* dengan izin Dewan yang mulia ini. Cakap biar betul dan rasa tanggungjawab terhadap apa yang kita kata.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABD. MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): *I'm very responsible,* dengan izin, saya penuh rasa tanggungjawab, *otherwise I won't say* .....

YANG BERHORMAT ENCIK ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): Tunjuk *your responsibility,* dengan izin .....

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABD. MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Yes.

YANG BERHORMAT ENCIK ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): Beritahu siapa dia, beritahu?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABD. MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Dato' Yang Dipertua, kalaulah hampir RM500 juta ini, macam mana diberi kepada orang lain dua projek sahaja, Bumiputera Terengganu dapat RM60 juta, dua projek hampir RM500 juta, bayangkanlah. Inilah yang dibahaskan di Parlimen, Bumiputera tidak dapat kontrak, ribu-ribu Kelas F, sekejap tadi baru disebut Kelas F yang tak dapat, apa yang cacatnya Kelas F. Umno di Terengganu ini yang kelas A, A+, ada, siapa yang boleh kontrak ini, senyap orang Umno, dua projek sahaja. Dato' Yang Dipertua, walaupun kita mahu kecantikan, kita mahu keindahan tetapi keutamaan untuk mendapatkan keindahan-keindahan ini, simiskin perlu dibela terlebih dahulu.

YANG BERHORMAT HAJI DIN BIN ADAM (Wakil Bukit Besi): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, ada duk disebut-sebut keutamaan kepada kontraktor Terengganu. Saya pohon penjelasan daripada Wakil Batu Burok semacam mana kerajaan dulu jugak bagi satu kepada ANZ, dua – ANZ, tiga – ANZ, macam tu jugakkah?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABD. MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Dato' Yang Dipertua, saya nak jawabpun mujurlah dia mintak penjelasan. Saya rasa nak jawab. ANZ Melayu Bumiputera bukan Patrick ke, John ke, bukan dan dia buat projek, tanyalah jabatan-jabatan kerajaan lain beres. Tengok Plaza Paya Bunga, kita memerintah 4 tahun sebelum daripada itu 4 tahun, sekarang 2 tahun, 10 tahun baru nampak tanda-tanda nak siap. Kompleks Perkedaian di Sura, kontraktor yang sama apa jadi, Paya Keladi kita duk tengok cerucuk ni, sakit mata-mata kita bertahun-tahun, ini kroni siapa. Kroni Wan Muttalib ke, kroni Batu Burok ke?

YANG BERHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Dato' Yang Dipertua, ANZ kroni Wan Muttalib.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABD. MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Dato' Yang Dipertua, hasad dan dengki ni .....

YANG BERHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Bukan hasad dan dengan Yang Dipertua ....

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABD. MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): ..... Mengatasi segala-galanya .....

YANG BERHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): ..... Saya ada bukti .....

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABD. MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Sehinggakan ada usaha nak batalkan projek ini, saya beritahu Projek Mydin, bencinya kesumat kepada ANZ kerana Mydin *insist's* dengan izin, Mydin desak saya mahu dia buat kerana dia buktikan keupayaan dia tetapi Yang Berhormat Kijallah orangnya, yang mendesak kalau boleh batal-batalkan. Alhamdulillah, bagi Mydin tak dibatalkan tapi kontraktornya saya nak katapun, saya tak mahu sangat-sangat kata bukan lagi Umno Putra, bukan lagi Bumiputera. Wakil Kijal puas hati alhamdulillah, tak dapat ke orang Melayu .....

YANG BERHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Dato' Yang Dipertua, ini tuduhan. Ini adalah satu lagi pembohongan. Kelmarin saya ajak Tok Guru bersumpah, hari ini saya minta dia bersumpah pulaklah. Sebagai orang Islam, menyebut nama Tuhan bersumpah depan Al-Quran, nak pulak.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABD. MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Tak payah bersumpah, Dato' Yang Dipertua .....

YANG BERHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Penakut, orang Islam apa begini ini, penakut .....

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABD. MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Bukan soal penakut, ini bukan kaedah dia, kalau nak takut apa begitu-begini, takdok takut atas muka bumi .....

YANG BERHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Kita orang Islam, kita percayakan Tuhan, sebut nama Tuhanlah, jangan tipu begitu, Termasuk ANZ tipu menggunakan Wan Muttalib, ADUN Batu Burok tipu Kerajaan Negeri tanah ambil RM3.8 juta beri balik Kerajaan RM3 juta .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat Wakil Kijal untuk sebut tu, jangan sebut nama .....

YANG BERHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Hah! Salah Dato' Yang Dipertua, minta maaf, panas sangat ni.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABD. MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Sebut sekali lagi.

YANG BERHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Wakil Batu Burok, Dato' Yang Dipertua. Projek Paka ambil balik tanah RM3.8 juta, beri balik RM3 juta. Tipu pulak, janji kata nak beri 25 unit gerai, akhirnya tinggal 14 gerai. Termasuk tanah di Balai Besar tambun tanah semua sekali beri RM3 juta ke orang, ini bolehlah buat siap Dato' Yang Dipertua, untungnya berapa kali ganda. Ini penipuan, semua orang boleh buat kalau macam ni.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABD. MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Dato' Yang Dipertua, saya minta Yang Berhormat Kijal cakap di luar kalau jantan .....

YANG BERHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Jantan guana, satni ajak sumpah Al-Quran dah ni .....

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABD. MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Cakap kat luar ni, ada hak, cakap kat luar, hari ini juga. Kita buat satu majlis cakap dekat luar, insyaAllah saya hadapi, hak tipu satni .....

YANG BERHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Kelmarin Tok Guru takmboh bersumpah dah Al-Quran, kita sumpah Al-Quranlah orang Islam .....

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABD. MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Islam apa, cakap kat luar tu, kalau berani .....

YANG BERHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Kalau tipu tu sumpah Al-Quran, Lawyer boleh cakap belaka, boleh bawa mahkamah belaka, lambat kes boleh selesai .....

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABD. MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Tak apa, sampai matipun tak apa .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat Wakil Kijal sila duduk. Yang Berhormat Wakil Batu Burok, teruskan.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABD. MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Saya ucapkan ribuan terima kasih kepada Dato' Speaker. Dato' Yang Dipertua, Pelancongan. Semasa Pas memerintah itu hari 4 orang yang duduk dekat sini juga menyerang pembohongan kerana pendaratan kapal terbang lebih. Kami mengadap Yang Berhormat Menteri Pengangkutan ketika itu sekarang ini Tun Ling Liong Sik membincangkan perkara ini. Lapangan Terbang Kuala Terengganu telahpun dipecah tanah oleh Bekas Perdana Menteri Malaysia sebelum pilihan raya, perkara ini dibangkit dan kita diberitahu kita tak perlu lapangan terbang yang besar, kita mahu terminal yang sesuai dan selesa, tanah telahpun diambil puluhan tahun tetapi kita mahu *frequency* dengan izin, penerbangan yang lebih. Pertambahan pelancong, kemakmuran paradigma baru Terengganu, tiba-tiba dalam jawapan ini ada 6 kali sahaja penerbangan ke Terengganu dan pergi. Yang mendukacitakan, masalah kebangkrapan Mas Dato' Yang Dipertua, Mas dipinggirkan hanyalah masa-masa yang tidak lagi *prime* Dato' Yang Dipertua, apa jadi kepada pentadbiran .....

YANG BERHORMAT ENCIK ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, pohon laluan – Bila Mas diisytihar bangkrap tu, ada mahkamah di Malaysia ini telah mengisytiharkan Mas itu bangkrap. Yang Berhormat ADUN Batu Burok seorang awyer tak boleh cakap main-main begitu.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABD. MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Dato' Yang Dipertua, izinkan saya teruskan ucapan saya. Dan TNB tahun lepas keuntungan RM1 bilion sekarang ini Pemuda Umno kata kita mesti mempertahankan TNB, sayapun tak tahu apa benda, timbul-timbulnya kita mesti mempertahankan TNB. Dengan izin, Dato' Yang Dipertua: "Pemuda Umno mahu TNB dipertahankan ....."

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tulisan tak nampak, majalah apa tu?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABD. MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Saya boleh bagi satu *copy* kepada Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT ENCK ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, daripada sumber mana, ke main buat *kecek* pulak ni?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABD. MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Hak ni akhbar saya sendiri.

YANG BERHORMAT ENCIK ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): Apa?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABD. MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Akhbar saya sendiri dan yang ini untuk peminat ramai, Dato' Yang Dipertua. Tarif elektrik tak bebankan rakyat, saya tak nak bacalah ..... Tetapi *sooner or later* dengan izin, bila-bila masa saja rakyat akan ditambahkan lagi dengan beban naiknya tarif dan Yang Berhormat-Yang Berhormat dalam ini akan menyokong sepertimana kenaikan harga minyak. Kita berkata walaupun dinaikkan 3 Perdana Menteri yang terdahulu tidak pernah berlaku 30 sen sekali naik dan jawapan kepada rakyat "Daripada kita naik acap kali lebih baik kita naik sekaligus 30 sen". Kenapa tak naik bulan Disember, yang naik bulan Januari, kalaulah nak naik sekaligus. Dato' Yang Dipertua, saya tak nak memperbahaskan lagi perkara itu tetapi beban kepada rakyat, kesulitan kepada rakyat walaupun Ahli-ahli Yang Berhormat daripada Barisan Nasional menyokong, mendewa-dewakan perlunya kenaikan, saya tahu di hati kecilnya kalaulah dia naik kereta sendiri terasa juga, lebih-lebih lagi nak makan nasi yang terpaksa dimasak dengan gas yang naik RM5.00 satu botol. Takkanlah tak rasa, ke pakai dapur arang pulak Yang Berhormat Ajil??

YANG BERHORMAT ENCIK TOH CHIN YAW (Wakil Bandar): Minta penjelasan – Kenaikan harga gas setong itu RM4.20 atau RM5.00 setong? Rupa-rupanya pembohongan jugak.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABD. MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Tentulah Ahli Yang Berhormat di depan saya ini dia lebih arif daripada saya. Saya RM4.20, RM5.00 angka senangnya RM5.00lah.

YANG BERHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Dato' Yang Dipertua, penjelasan .....

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABD. MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Nak upah hantar ke rumah .....
YANG BERHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Dato' Yang Dipertua, penjelasan .....

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABD. MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Nanti sekejap. Nak upah hantar ke rumah, Yang Berhormat tak apa, dihantar *free.* Nak hantar ke rumah kena lagi bayaran .....

YANG BERHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Dato' Yang Dipertua, penjelasan. Inilah dikatakan sikap Wakil Batu Burok, kalau kena ke orang dia kata kurang cerdik, kalau kata kasarkan kena tarik balik pulak, Dato' Yang Dipertua. RM4.50 dengan RM5.00pun tak boleh nak beza, barangkali 'ubi atas gong' jugak ni.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABD. MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Dato' Yang Dipertua, saya bila melihat jawapan mengenai dengan pendaratan kapal terbang ke Lapangan Terbang Sultan Mahmud yang menjadi mengekalkan 6 kali, apalah gunanya kecantikan, pembesaran yang dilakukan kerana dalam rundingan kita, kita kemukakan kalaulah boleh turun 747, berapa kali 747 ini nak turun ke Terengganu. Kata bekas Menteri mungkin Musim Haji sahaja. Saya kata musim lain? Mungkin lembu-lembulah untuk terbang pula.

Dato' Yang Dipertua, kita pergi kepada apa yang ditimbulkan semalam mengenai dengan rampasan tanah. Yang timbul hari ini, Kosmo .....

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua .....

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABD. MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Nanti, saya bagi. Saya bagi sokmo, saya tak *sengelat*. Yang dicabar-mencabar, kita rampas-merampas tanah-tanah kerajaan yang dihuni secara haram, yang tidak ada kelulusan kita kata, sama ada Kerajaan Umno, Kerajaan Pas, semuanya mestilah diperbetulkan. Apa yang diperkatakan ialah tanah-tanah yang telahpun Pentadbir Tanah menyerahkan Surat Kelulusan dan ada sebahagiannya telah menyerahkan LMS, dengan izin tetapi tak mahu diperbaharukan dan ada juga tanah yang telah diberi Geran, nak dirampas balik. Ini maksud yang dikatakan 'merampas tanah rakyat', Dato' Yang Dipertua. Semalam ditimbulkan, bagi tanah ke Pas, saya balik, semak rekod saya tidak ada dengan izin pembetulan daripada PTG, semasa kita memerintah kita beri tanah kepada Pas. Saya setuju ada kita bagi kepada Koperasi dan bekas Ketua Pembangkang bertanya dalam Dewan ini, saya kata betul, kita bagi tanah Tapak Mahkamah itu kepada Koperasi KPI dan ahli-ahlinya terbuka kepada siapa saja bukannya untuk Pas. Yang kedua, kita bagi kepada Khairunissa', Khairunissa' ini perkara biasa dia Persatuan Ahli-ahli Pegawai dan Isteri-isteri Bekas Wakil Rakyat dan Wakil Rakyat Pas ketika itu. Sri Budi bukan bangunan saja ongkos pembinaan diberi untuk kemudahan-kemudahan Umno tetapi yang kita bagi kepada Khairunissa' ini sebelah itu untuk Puspanita yang puluhan tahun Puspanita duk mengadu tak ada tempat nak uruskan aktiviti-aktiviti mereka. Kerajaan Pas yang sempat memerintah 4 tahun membela Puspanita walaupun ahlinya hampir 100 peratus orang Umno. Dato' Yang Dipertua, satu lagi, saya nak katapun saya segan tapi saya nak beri peringatan supaya mungkin Yang Amat Berhormat Menteri Besar dia boleh ambil tindakan segera pasal dulunya orang lain jaga iaitulah Kerajaan Umno pernah meluluskan sebidang tanah, tanah milik perseorangan yang diambil balik oleh kerajaan kepada Umno dan sekarang ini tanah yang paling mahal di sebelah Istana, Ibu Pejabat Umno Negeri Terengganu kalau betul saya katalah, iaitulah dengan harga RM1.00 sekaki, tanah yang kita bagi kepada KPI, 20 peratus premium, kita bukan jual Yang Berhormat Yang Dipertua, kerajaan tak jual tanah, kerajaan bagi tanah dengan kadar premium dibayar, dasar kerajaan ketika itu 20 peratus yang kita warisi daripada pemerintahan Umno. Bukannya kita suka-suka dan bukan kita

nilai, kerajaan yang nilai dan suruh dia bayar mengikut kadar 20 peratus dasar ketika itu. Tetapi RM1.00 sekaki ini bukan dasar kerajaan Dato' Yang Dipertua, dan *the most prime* dengan izin .....

YANG BERHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Dato' Yang Dipertua, penjelasan – Sedarkah Wakil Batu Burok bahawa tanah itu asalnya telah diserahkan kepada Yayasan Pembangunan Keluarga yang menjadi tapak pejabat sementara Yayasan Pembangunan Keluarga. Kenapa diberikan kepada KOINSAF?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABD. MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Dato' Yang Dipertua, kita lebih daripada sedar dan adalah tidak logik, YPK telah mempunyai pertapakan di situ, satu lagi pejabat di seberang jalan. Dari sudut pengawalan kawasan pentadbiran semuanya tak sesuai oleh itu kita tukar bagi dekat YPK tanah yang sebelah YPK yang tak kurang harga nilainya kerana strategik dan bersambung dengan Pejabat YPK yang ada sekarang ini iaitulah di mana ada dua kuarters kerajaan yang tak terpakai, sekarang ini Pusat Khidmat Umno, itu jawapannya.

YANG BERHORMAT DATO' ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Betul ke tu, Dato' Yang Dipertua, Pusat Khidmat Umno? Pelawok sokmo.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABD. MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Tak apa, hak ni saya mengaku saya pelawok.

YANG BERHORMAT DATO' ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Mengaku pelawok ..... (Dewan Gelak) .....

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABD. MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Kalau tak betul, Pusat Khidmat ini untuk orang Pas, nampak tu. Saya akui pelawok kerana dia untuk orang Umno.

YANG BERHORMAT DATO' ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Tak betul, Pusat Khidmat Umno .....

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABD. MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Dah, untuk siapa dia?

YANG BERHORMAT DATO' ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Jadi pelawok sokmo. Sejak kecil pelawok barangkali. Patut menasabah jadi Wakil Rakyatpun, menang sokmo, pelawok. Menang pelawok, lawyer buruk. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABD. MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Yang Dipertua, orang Hulu ni tak boleh kira sangat, dia cakap ikut hidung kadang-kadang tu. Dato' Yang Dipertua .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Panjang lagi Yang Berhormat?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABD. MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Sikit dah rasa-rasanya, cuma saya nak bagi beberapa saranan. Dato' Yang Dipertua, dalam keadaan Negeri Terengganu yang masih lagi perlukan kepada pembangunan, rakyat Negeri Terengganu yang masih lagi perlu kepada pembelaan, saya cadangkan perkara-perkara berikut untuk penilaian kerajaan.

Yang pertama, membangun semula tanah tanah terbiar khususnya di sekitar kawasan Perbandaran. Yang kedua, membangun semula tanah-tanah padi yang terbiar kerana ini suatu aset yang paling besar dan dalam keadaan kita kesusahan, peperangan dan sebagainya kita akan kembali kepada makanan asas kita. Yang ketiga, menjadikan keutamaan rancangan kerajaan untuk menyusun semula perkampungan-perkampungan tradisional lebih-lebih lagi dalam kawasan bandar. Cubalah kita lihat di dalam kawasan Kampung Dalam, di kawasan Nesan Empat, cuba Yang Berhormat masuk ke kampung ini, lihat keadaannya macam mana, apakah kita duk lihat kepada Pulau Duyong, Pulau Wan Man tetapi di dalam bandar kita nak kata biawak besarpun masih ada lagi, musangpun masih ada lagi, ular sawapun masih ada lagi. Inikah nikmat pembangunan yang rakyat kecapi selama 50 tahun pemerintahan .....

YANG BERHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Yang Dipertua, penjelasan – Khinzir, ada tak, khinzir?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABD. MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Ada, hak Mat Payang buat mari.

YANG BERHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Siapa dia Mat Payang tu, cuba royat?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABD. MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Ada orang Cina dekat Kampung Cina tu orang panggil Mat Payang ke dia. Dia jual payang bukan beli payang. Yang Berhormat Kijal beli payang. Ke nak lagi?

YANG BERHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Takdok dah, berilah lagi.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABD. MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Dato' Yang Dipertua, yang keempatnya, menaikkan taraf-taraf jalan kampung yang kebanyakannya adalah laluan kebenaran tetapi masih lagi hak persendirian yang kadangkala diperbesarkan ruang rumah dan ruang sempadan kawasan rumah masing-masing menyebabkan jalan-jalan kampung pada hari ini terhimpit dan sukar untuk mendapat keselamatan. Yang kelima, usahakan untuk mendapat balik bayaran royalti petroleum yang kita hilang, dihilangkan oleh desakan Umno semasa Pas memerintah yang kira-kira ketika ini, saya kira dengan apa yang saya ada maklumat masa kita dapat hampir RM500 juta nilai harga satu tong US18 dolar. Sekarang ini US70 dolar bermakna kita hilang RM2 bilion satu tahun. Ini hak rakyat Terengganu dan hak Negeri Terengganu kalau kita boleh yang ini, Pusat tak bantupun tak apa kita boleh bina sendiri tetapi biarlah kita beri kepada kroni-kroni Umno Putra ke ataupun Terengganu Putra bukannya orang lain sepertimana Pulau Duyong, Pulau Wan Man, Muara Sungai, Terengganu tak tahu .....

YANG BERHORMAT ENCIK ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Laluan, Dato' Yang Dipertua, bila menyebut soal pengagihan kontraktor, adakah kelulusan balak kepada Pengerusi Harakah itu juga orang Terengganu?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABD. MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Dato' Yang Dipertua, di dalam RMK-9, Tuanku menyebut kita memperolehi RM7.2 bilion, saya nak ucap terima kasihpun berbelah bagi kerana kita kumpul-kumpul duit kita yang terhimpun, lebih daripada RM7.2 bilion, takut-takut yang RM7.2 bilion itu dibayar daripada duit kita yang tak terbayar kepada Negeri Terengganu sekian lama. Jadi Kerajaan Negeri kena waspada, Pegawai Kewangan kena waspada supaya yang RM7.2 bilionpun datang, duit kitapun datang, marilah ikut bawah kaki ke, pusing telinga dulu ke apa, asalkan duit ini mari ke Terengganu balik. Yang keenam, tolong suatu perkaranya lagi ialah segerakan masalah yang dihadapi oleh Pegawai Tadbir Agama dengan Skim Gunasama kerana perkara ini saya rasa berlarutan, usaha kita itu hari kerana kesilapan ke ataupun terlanjur yang dibuat oleh pemimpin-pemimpin Umno ketika itu menyerahkan Pegawai-pegawai Agama kita ini kepada Pusat yang pegawai-pegawai kita sendiri sedar yang terimanya dua orang sahaja dalam rekod saya. Jadi pada hari ini mereka mengikut skim ini tak dapat kenaikan, tak dapat *benefit* apa-apa lain lagi kerana mereka mahu kekal dengan pentadbiran agama negeri sendiri. Ini suatu masalah yang besar, saya harap Kerajaan Negeri Terengganu dengan hubungan yang baik Yang Amat Berhormat Menteri Besar dengan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana skim ini tidak berjaya kerana 7 buah negeri lagipun tidak mengikuti sama skim yang sama ini. Jadi mintaklah perkara ini diselesaikan dengan segera, batalkan Akta itu dan Pegawai-pegawai Agama kita dapatlah buka senyum di hari raya dan hari tak raya sekalipun. Kemudian hak pembaziran ini, saya nak ingatkan sekali lagilah, Logo MPKT tu cuma cat hijau sahaja dengan kuning, jadi tiba-tiba saja saya dapat faham, saya tak tahu ni, saya dapat faham, macamlah Tuanku kata "Beta dimaklumkan", sumbernya kita percayalah, logo MPKT tu hijau dengan kuning saja bukan Pas buat, Umno zaman dulu buat, tiba-tiba dipinda, diubah ceritanya, harga saya serahlah balik kepada kerajaan untuk menjawab berapakah belanja untuk mengubah Logo MPKT itu, saya takdok angka, saya nak katakan takut berbohong pulak. Tetapi benda ini saya dengar ceritanya telahpun diubah dan ubah *furniture* tadi yang dalam Buku Laporan Kewangan ini RM3.4 juta, kesemua-semua RM3.4 juta ke atau banyak mana habis aset yang diperbaharui dengan *furniture* baru di MPKT. Dato' Yang Dipertua saya rasa sekadar itulah yang sempat saya hubungsama di dalam memberi sedikit fikiran kepada Titah Ucapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku. Wabillahitaufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahitaala wabarakatuh.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ada lagi Yang Berhormat yang hendak mengambil bahagian? Dipersilakan Yang Berhormat Wakil Telemong.

YANG BERHORMAT ENCIK ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahitaala wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua Dewan, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Mesyuarat Kerajaan Negeri, Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua-ketua Jabatan, seterusnya hadirin tuan-tuan dan puan-puan yang saya hormati sekalian.

Pertamanya, tidak sangka jugalah pada pagi ini kita mendapat rebutan daripada ramai rakan-rakan saya yang ingin menyampaikan ucapan lagi dan insyaAllah dan saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua kerana memberi kesempatan ini kepada saya untuk sama-sama membahas Titah Ucapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia yang telah disempurnakan pada dua hari yang lepas.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, jika diteliti secara keseluruhan dan jika kita melihat secara keseluruhan Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Al-Sultan yang telah disempurnakan baru-baru ini. Kita melihat kesemuanya telah merangkumi dan telah berpuashati ke atas semua perjalanan yang telah diambil oleh kerajaan. Bagaimana biasalah kalau kita melihat pada hari semalam dan juga hari ini, kita melihat banyak ucapan-ucapan daripada ramai rakan-rakan Wakil daripada kerajaan dan kita mendengar sebagaimana rakan-rakan kita daripada pihak Pembangkang yang berapi-api saya kira daripada semalam sehinggalah ke hari ini tidak putus-putus dan tidak puas-puas menuduh pelbagai-bagai pembohongan kepada kerajaan. Sebagaimana sebentar tadi kita melihat Yang Amat Berhormat Menteri Besar kita telah bangun dan kerana tidak tahan mendengar pembohongan demi pembohongan yang dilakukan oleh Pembangkang kepada kerajaan sejak daripada semalam lagi. Dan kita lihat dengan jelas semalam bagaimana Yang Berhormat Wakaf Mempelam sekali lagi mengeluarkan kenyataan provokasi yang mana mengatakan ada di kalangan rakan-rakan kita daripada pegawai-pegawai kerajaan yang telah berjalan ke luar negara atas alasan Urusan Rasmi Kerajaan. Saya mencabar sekali lagi Yang Berhormat, kalau Yang Berhormat betul-betul *gentleman* hari ini kita isytiharkan siapa dia sebenarnya kerana kita yakin dan percaya di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat dan seluruh kepimpinan hari ini kita telus, kita telus dan kita tidak mahu melihat kerana perjalanan dan juga lawatan ke luar negara ini Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, kita mengikut peraturan-peraturan dan undang-undang. Kalau dia guna pitih dia sendiri, dia nak jalan sendiri, ikut pandai dialah nak pergi ke Makkah ke, Madinahpun. Masalah hari ini kalau alasan Urusan Rasmi Kerajaan, kita mintak Yang Berhormat kemukakan tak payah tanya Yang Dipertua Dewan, cuba khabar hari ini. Dulupun kata beli *Communicator* gunakan duit kontraktor yang beri dan menggunakan banyak lagi rasuah-rasuah, inilah yang digambarkan mereka kepada kita .....

YANG BERHORMAT ENCIK ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, pohon penjelasan – Mungkin zaman dulu fesyen macam ini agaknya cara berbelanja, pergi lawatan ke luar negeri biar orang lain sponsor.

YANG BERHORMAT ENCIK ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Hak ni yang saya khabar ke Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, kita boleh melihat sendiri selama 4 tahun Pas memerintah Negeri Terengganu, kita tengok dia boleh tubuh banyak mana universiti saya tak tahu, bersinar universiti dia hari ini. Kalau zaman dulu kerangka saja 4 tahun Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, inilah saya tidak menuduh ni, cumalah saya nak khabar bahawa kita dalam Dewan ini semua ada mata. Dan inilah Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, selain daripada itu juga Yang Berhormat Manir juga ada bangun semalam, berucap semalam berkobar-kobar mempertahankan bahawa zaman dia dulu adalah zaman yang terbaik, dapat menurunkan kadar kemiskinanlah, dapat melakukan benda-benda yang dapat membantu kemiskinan. Saya tak tahu apa benda yang dia buat untuk membantu kemiskinan kalau nak bandingkan dengan kita hari ini, buat Rumah PPRT ribu-ribu setahun,

beri bantuan. Yang saya nampaknya potong bantuan beribu-ribu tahun lepas, itu yang dia boleh turun tu. Masalahnya orang dapat bantuan dia potong, beribu-ribu dalam Negeri Terengganu yang dia potong dan hari ini sebab kita naik sebab kita meningkat kadar kemiskinan kerana kita beri balik dah hak dia potong mula, tambah pulak RM3,000.00 lagi Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Dato' Yang Dipertua, penjelasan – Bahagian mana hak ramai yang kena *potong* (dalam loghat Telemong) ..... (Dewan Gelak) .....

YANG BERHORMAT ENCIK ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Dato' Yang Dipertua, saya minta maaf kalau saya salah bercakap. Tadipun Yang Berhormat Wakil Pembangkang banyak sebut perkataan 'orang hulu-orang hulu' daripada kelmarin, jadi terasa jugak tapi kelmarin itu kerana kita tak berapa sihat badan, hari ini bolehlah. .....(Dewan Gelak) .....

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya minta penjelasan sikit – Saya tak tahu bila saya kata 'orang hulu' itu dia terasa hati sebab saya tuju 'orang hulu' selelah sana, rupa-rupanya hak sebelah sini yang terasa hati.

YANG BERHORMAT ENCIK ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, sebenarnya saya khabar terus teranglah kalau sebelah balik sana 'hulu' sekali 'hulu' saja, saya tiga kali hulu Dato' Yang Dipertua, banyak sekali hulu .....

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): .... Padan terasa hatipun.

YANG BERHORMAT ENCIK ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Kita takdok hal Dato' Yang Dipertua, apa yang penting kepada kita adalah di zaman kita ini saya nak memberitahu kepada seluruh hadirin di dalam Dewan pada hari ini bahawa Kerajaan pada hari ini telah banyak membantu dan juga telah banyak memberi peluang kepada rakyat. Kita takmboh dengar dah ritorik-ritorik yang bercakap, yang mari ke dalam Dewan kalau bila pandai berhujah, kita boleh bercakap ini menggambarkan apa yang dia buat, takdok benda satu yang kerajaan hari ini buat, kerajaan yang laksana pada hari ini dapat dimenafaati oleh rakyat. Kita boleh melihat apa yang diberitahu semalam juga oleh Yang Berhormat Manir mengatakan bahawa Sekolah SKRAB ini hebat sangat. Itu di Kuala Berang ada Sekolah SKRAB sebuah ditubuhkan, Sekolah Arab dulu 'Mahmudiah' itu yang dibanggakan Sekolah SKRAB ini hebat, hebat apa benda. Sekolah SKRAB ini banyak menimbulkan masalah kepada guru-guru di situ, tidak mengikut .....

YANG BERHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Dato' Yang Dipertua, penjelasan - Skrap ni apa benda, getah skrap ke, sebut molek sikit.

YANG BERHORMAT ENCIK ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Minta maaf, Yang Berhormat Kijal, 'SRAB'. Saya sebab SRAB sebab saya selalu sebut dalam ceramah-ceramah Dato' Yang Dipertua, sebab getah mahal sekarang ini saya selalu sebut hal getah skrap. Minta maaf kerana ini hasrat Sekolah SRAB sebenarnya banyak menimbulkan

masalah kerana tidak mengikut piawaian Kementerian dan guru-guru yang dibekalkan di situ, di situ mengajar sekolah menengah, masuk pulak dengan budak-budak sekolah rendah, tidak ada guru-guru yang terlatih pula, tidak dibekalkan cikgu yang mengajar sekolah rendah, sekolah menengah saja yang berada di situ. Apa yang kita tahu pada hari ini Kementerian, orang hak mengajar sekolah rendah dah ada dah kursus dia, hak mengajar sekolah menengah bahagian dia. Ini yang kita duk campur-gaul ini apa benda ke hal. Dan selepas daripada ini bagaimana kita nak juruskan pelajar-pelajar dia .....

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, penjelasan - Ini kalau orang cakap dia kata tak tahu, kita sebelum buka tu ada dan diberi kursus kepada guru-guru, selepas kursus, wujud guru-guru baru dibuka sekolah tapi dia jadi cikgu sekolah lain tak kenalah kursus di bawah Kerajaan Negeri. Dia bekas cikgu kawasan Hulu Terengganu, jadi dia mengajar sekolah lain, kita ambil guru-guru di bawah Kerajaan Negeri saja, kita beri kursus, latihan, sudah tamat latihan barulah kita buka sekolah. Jangan buat tak tahu ke hala begitu, kalau nak tutup, tutuplah jangan kata takdok guru, takdok apa tapi boleh kalau takdok guru tambahlah. Tapi dia tak berahi sebab di situ banyak mengaji, orang tahu agama, tahu Quran, akan lawan kerajaan sebab itu dia tak berahi.

YANG BERHORMAT ENCIK ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, yang sebenarnya Sekolah SRAB yang tak tahan itu 100 peratus anak orang Pas saya nak khabar. 100 peratus Dato' Yang Dipertua anak orang Pas sebab itu dia nak mempertahankan .....

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, memang masa Pas memerintah orang Umno takmboh hantar sekolah sekolah Terengganu, KUSZApun dia kempen jangan hantar sebab itu dia kata tempat latihan kadir Pas. Itukah sikap orang Umno tidak ada kebebasan, kita tak cara sekolah Barisan buka, siapa bukapun, layak, kita hantar sekolah anak kita. Tapi takut kepada tunggul, KUSZA boleh dikempen yang dapat belajar di KUSZApun .....

YANG BERHORMAT ENCIK WAN AHMAD NIZAM BIN WAN ABDUL HAMID (Wakil Air Putih): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, kita nak hantar guana pergi KUSZA budak yang tak lepas SPMpun boleh dihantar ke KUSZA jugak, ini masalah dia.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Tak apa, takdok SPMpun sekarang ini dah dapat Diploma dah, dapat Diplomapun tinggi pulak tiap-tiap seorang, saya ada senarainya dengan saya di KUSZA, tanya Menteri Pendidikan .....

YANG BERHORMAT DATO' DR. HAJI ABDUL LATIFF BIN AWANG (Wakil Bukit Payong): Allah! hak tu-pun mujur orang tolong .....

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Ya, macam mana?

YANG BERHORMAT DATO' DR. HAJI ABDUL LATIFF BIN AWANG (Wakil Bukit Payong): Mujur orang tolong, kita kata. Kita benar ambil jugaklah SPM dalam masa 3 tahun, biar pas itu saja.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Dato' Yang Dipertua, takdok mujur, kalau dia tidak memerintah kita sambung lagi, molek lagi banyak lagi hak takdok SPM boleh lulus.

YANG BERHORMAT ENCIK ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, sebenarnya kita bukan tak mahu hantar masalah keyakinan kita. Begitu juga KUSZA, kita tidak pernah kempenpun orang supaya tidak masuk KUSZA, begitu juga kita tidak pernah kempen orang supaya jangan masuk TATI tapi kita boleh lihat sendiri yang pelajar dari beribu-ribu sampai jadi 700 orang, TATI daripada kursus 2 – 13 kursus jadi 4 kursus. Ini menyebabkan tidak ada kehendak daripada rakyat itu sendiri bukan kita kempen.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, kena ada fakta. Kalau masa TATI jangan kata tinggal 4, lebih daripada 4 lebih daripada kerajaan hak dulu buat, kenyataan ini boleh disiasat tapi masalah arahan daripada Kementerian Pendidikan Tinggi kepada universiti dalam negeri yang ada kerjasama dengan KUSZA supaya berhenti kerjasama dengan KUSZA. Ini menjadikan orang semacam ragu, sebab itu kita terpaksa mencari tempat-tempat kerjasama di luar negara. Ini suatu fakta, suatu perkara yang ditindas, tidak demokratiknya Parti Barisan Nasional.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, penjelasan sikit, tadi dia timbul hak SRAB tadi, saya nak *refer* Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, penjelasan hal SRAB ini pernah pihak kerajaan buat jawapan dalam Dewan, Soalan Lisan daripada Wakil Manir, 12hb. April, bila dia nak tutup SRAB minta KUSTEM buat kajian tapi laporan daripada KUSTEM bila soalan ditanya – Apakah hasil yang dibuat oleh KUSTEM terhadap Sekolah Rendah Agama Bersepadu (SRAB)? Jawapan dia, hasil kajian yang dibuat oleh KUSTEM terhadap Sekolah Rendah Agama Bersepadu (SRAB) adalah pada umumnya pasukan penyelidik berpendirian sekolah ini dari segi konsepnya adalah baik dan perlu diteruskan. Apa yang mungkin perlu difikirkan kembali ialah dari segi pelaksanaannya. Ini jawapan rasmi daripada kerajaan. KUSTEM buat kajian, SRAB ini bagus, molek, berjaya, kamu takmboh hantar, hantar ke tempat lain, tapi tutup .....

YANG BERHORMAT DATO' DR. HAJI ABDUL LATIFF BIN AWANG (Wakil Bukit Payong): Nanti dulu, bersabar. Baca dulu sepenuhnya laporan KUSTEM itu, jangan ambil separuh ayatnya sahaja .....

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya baca laporan rasmi Soalan Lisan yang dikemukakan dalam Persidangan 12hb. April, 2005 dalam Dewan ini.

YANG BERHORMAT DATO' DR. HAJI ABDUL LATIFF BIN AWANG (Wakil Bukit Payong): Betullah .....

YANG BERHORMAT ENCIK ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): ..... Masalah pelaksanaannya tidak betul Yang Dipertua. Saya nak sambung Yang Dipertua, masa

takdok dah ni, orang nak rehat dah ni. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Wakaf Mempelam. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, semalam saya juga ada tertarik dengan apa yang dititahkan oleh Duli Yang Maha Mulia Tuanku Al-Sultan yang mana telah menyatakan kepada kita dan menyaran harapan Baginda supaya kita yang berada di seluruh Negeri Terengganu ini berada di dalam kehidupan suasana yang aman, damai, tenteram dan berkualiti. Maksudnya harapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia tersebut yang mahu melihat rakyat Negeri Terengganu ini hidup dalam keadaan yang aman dan sempurna walaupun dalam masa yang sama kita juga boleh melihat bagaimana para Pembangkang sejak akhir-akhir ini keluar kampung, masuk kampung yang tidak mahu mendengar apa benda harapan Kebawah Duli ini. Mereka telah mengadu-dumbakan kepada orang kampung dengan memutarbelitkan isu harga minyak kenaikan 30 sen Dato' Yang Dipertua. Dan dalam Dewan inipun kita boleh dengar bagaimana mereka cuba membangkit-bangkitkan isu ini yang mana isu minyak 30 sen ini digambarkan seolah-olahnya besar sangat, seolah-olahnya membebankan, menderitakan rakyat sangat. Tadipun Yang Berhormat Exco Kebajikan telah beritahu apakah dengan kenaikan harga minyak ini ada rakyat Terengganu berlapar? Khabar selalu hari ini. Yang Berhormat Exco boleh lulus. Maksudnya Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, keluar kampung, masuk kampung tak beritahu rakyat sedangkan kita tahu keadaan dan kedudukan yang sebenar bahawa kenaikan harga minyak ini adalah disebabkan kenaikan minyak dunia bukannya kenaikan minyak di Terengganu, bukan kenaikan minyak di Malaysia. Kalau dia memerintah di Terengganupun dia tak boleh benda apa jugak. Zaman dia memerintah dulu naik walaupun 1 sen, 5 sen dah 11 kali naik 45 sen juga jadinya Dato' Yang Dipertua, masalah kita hari ini .....

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Dipertua, penjelasan – Masa kami memerintah dulu, kerajaan tarik balik dah minyak takdok dah di Terengganu sampai sekarang takdok, tarik balik dah. Ingat molek sikit, macam mana tak ingat sejarah langsung, baca apa tak tahu mari tadi.

YANG BERHORMAT ENCIK ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Dato' Yang Dipertua .....

YANG BERHORMAT ENCIK MOHAMAD ZAWAWI BIN HAJI ISMAIL (Wakil Kuala Berang): Hulu lawan hulu ni, ke guana?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Saya tak hulu, saya balik mata tidak balik hulu tu.

YANG BERHORMAT ENCIK MOHAMAD ZAWAWI BIN HAJI ISMAIL (Wakil Kuala Berang): Parlimen Hulu Terengganu, malulah mengaku sikit gok.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Eh .... Saya balik mata, golok dia ada dua, balik mata, dia ada hulu. Saya balik mata. ..... (Dewan Gelak) .....

YANG BERHORMAT ENCIK ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Dia dok hulu, Dato' Yang Dipertua, darat sikit. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, tadi sebagaimana yang saya khabar bahawa kita sendiri tahu kenaikan harga minyak ini adalah disebabkan kenaikan harga minyak dunia, disebabkan beberapa senario dan faktor dunia dan ada juga yang

diberitahu kepada kita tadi bahawa kita adalah merupakan negeri pengeluar minyak, kita pengeluar minyak banyak mana saja, untuk kegunaan kitapun tak cukup, bagaimana kita nak mempertahankan sedangkan negara OPEC sendiripun harga minyak meningkat. Thailand umpamanya RM2.50 Dato' Yang Dipertua, seliter kita RM1.92 sen masih lagi boleh tahan. Filipina RM2.20, Indonesia hak negara susah, mari ke sini belaka semuapun RM2.30 sen, apa yang nak susah sangat. Sekarang ini kenaikan harga minyak, kita saja yang boleh bantu rakyat, kita tak boleh nak masuk kampung kita nak khabar rakyat, ini tidak betul, khabar ke rakyat ini tidak baik, memang kita akui tapi apa yang penting dengan kenaikan harga minyak ini kita melaksanakan dan juga kita boleh mengajar rakyat kita untuk berbelanja dengan baik. Sebab itulah lening Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ..... (setelah mendapat usikan rakan-rakan Yang Berhormat di sebelah Yang Berhormat membetulkan sebutan perkataan 'baik' yang disebut dalam loghat Telemong) ..... (Dewan Gelak) ..... Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, banyak gangguan sungguh saya ni, ini gangguan bukan mintak penjelasan Dato' Yang Dipertua .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat panjang lagi?

YANG BERHORMAT ENCIK ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Panjang lagi Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Dipersilakan Yang Berhormat duduk dahulu, kita bertenang dahulu. Duduk Yang Berhormat. Jadi Yang Berhormat Wakil Telemong, kita akan sambungkan balik Perbahasan Yang berhormat selepas kita rehat nanti.

Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat sekarang saya tangguhkan sementara Persidangan Dewan ini dan disambung semula jam 2.30 petang pada hari ini. Terima kasih.

DEWAN DITANGGUH SEMENTARA PADA PUKUL 1.00 TENGAH HARI.

Pukul 2.30 Petang.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Mesyuarat disambung semula. Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Wakil Telemong untuk menyambungkan Perbahasan.

YANG BERHORMAT ENCIK ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahitaala wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua Dewan, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Mesyuarat Kerajaan Negeri, Ahli-ahli Yang Berhormat, para hadirin, tuan-tuan yang saya hormati sekalian. Izinkan saya sedikit lagi untuk menyambung ucapan saya dalam membahaskan Ucapan Titah Kebawah Duli yang telah saya sampaikan sebahagian daripadanya pagi tadi. Terima kasih kepada Dato' Yang Dipertua. Saya ingin memaklumkan kepada seluruh hadirin dalam Dewan yang mulia ini, sayapun tidak tahu tadi bahawa ramai orang yang suka-suka ingatkan orang faham belaka, kalau tak faham saya bercakap boleh berjumpa saya selepas pada ini saya akan *translate* Dato' Yang Dipertua. Cuma saya nak minta seluruh Ahli Dewan ni buka telinga betul-betul sebab saya cakap laju sikit, fesyen saya. Kalau sebut fesyen ini payah Dato' Yang Dipertua sebab payah kita nak ubah dalam masa yang singkat begitu juga dengan barisan kepimpinan Pembangkang kalau fesyen dia pelawok memang dia pelawok sokmo, pembohong bersiri memang betullah. Sebenarnya Dato' Yang Dipertua, sejak saya kecil dulu begitulah juga, fesyen tu. Jadi Dato' Yang Dipertua, tadi kita bercakap dalam soal harapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia supaya rakyat Negeri Terengganu hidup dalam keadaan yang aman dan harmoni. Ini yang perlu kita bincangkan bersama supaya ianya dapat kita realisasikan perkara-perkara yang untuk mendatangkan kebaikan kepada rakyat Negeri Terengganu, tak usah kiralah Pembangkang ke, orang kerajaan ke, orang Umno ke, orang Pas yang pentingnya untuk kita dapat kita berbincang bersama di dalam Dewan yang mulia ini. Sebab itu saya memohon kepada pihak Pembangkang kalau nak bangkangpun kita tak marah, kalau nak memberi tunjukpun insyaAllah, kita boleh ikut tapi apa yang penting biarlah kita cakap perkara yang benar dan perkara yang betul sebetul-betulnya kerana banyak lagi tugas lain untuk kita memperkasakan agama, bangsa dan negara kita ini Dato' Yang Dipertua. Apa yang penting sebagaimana yang kita lihat saya juga tertarik tadi apa yang diberitahu, salah satu contoh Yang Berhormat DUN Manir tadi ada beritahu juga kepada kita bahawa pada zaman Pas dahulu, zaman Kerajaan Alternatif dahulu memerintah Negeri Terengganu dalam masa 4 tahun. Begitu banyak kontraktor-kontraktor yang mendapat projek, sayapun hairan daripada lubang mana projek ini mari sebab setahu kita zaman Pas memerintah dulu, peruntukan untuk Pejabat Daerah RM1 juta saja setahun, Majlis Daerah lebih kurang itu jugak dan hari ini tak sampai setahun lagi kita dah belanja kepada Majlis Daerah lebih kurang RM7 juta dah hari ini saya difahamkan. Apakah banyak zaman dulu daripada zaman sekarang? Ini yang kita tidak faham, dan kita banyak mengelirukan perkara-perkara sebegiri di kampung-kampung menyebabkan orang kampung banyak celaru daripada keliru sebenarnya Dato' Yang Dipertua. Sebab itu, saya memohon kalau kita nak khabar di kampung, nak bercakap soal kenaikan minyak, tadi saya dah beritahu dengan panjang lebar sebab kita semua sudah tahu dengan keadaan sebenar sebab apa minyak ini dinaikkan sebab itu saya khabar kalaulah kita nak mengaitkan dengan kenaikan harga minyak ini dengan kezaliman kerajaan ataupun kerajaan yang ada hari ini mencekik darah

rakyat, itu tidak betul Dato' Yang Dipertua. Jadi saya pada dua-tiga hari yang lepas, saya berkesempatan pergi ke kawasan rakan saya Batu Rakit, saya melihat banyak poster-poster yang dinaikkan oleh Pembangkang. Antaranya 'Kerajaan BN – Kerajaan Barang Naik' dia tulis, 'barang naik' memang kita nak suruh barang naik .....(Dewan Gelak) ..... memang kita nak barang naik bukan barang lain, barang kita nak suruh semua rakyat negeri kita ini nak suruh barang naik, jual macang, macang naik, jual rambutan, rambutan naik, kita takmboh harga tu-le, sebab banyak, bukan harga minyak saja. Ini Dato' Yang Dipertua, perlu diperbetulkan, kita nak tengok semua harga barang orang-orang kampung yang dapat bercucuk tanam supaya menaikkan harga barang supaya dapat menafaat kepada dia. Kalau kita berasa mahal, kita jangan beli sebab kuasa membeli dengan kita.

YANG BERHORMAT HAJI DIN BIN ADAM (Wakil Bukit Besi): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya hendak mendapat penjelasan sikit – Kalau barang tak naik jadi guana?

YANG BERHORMAT ENCIK ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Saya runsingkan jugak nak jawan soalan ini. Barang tak naik susahlah kita, susah kita Dato' Yang Dipertua, bukan saja kita hak saing dengan kitapun hambat kita kesudahan ..... (Dewan Gelak) ..... Dato' Yang Dipertua Dewan, saya juga ingin mengambil kesempatan di sini sebagaimana yang dititah oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia sebagaimana Tuanku begitu gembira dengan langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan untuk memartabatkan ilmu di kalangan pelajar-pelajar di Negeri Terengganu. Dan alhamdulillah, dengan peruntukan yang begitu besar Kerajaan Negeri pada hari ini telahpun kurniakan untuk dibelanjakan di dalam Pembangunan Pendidikan. Saya yakin dan percaya tidak ada tolak banding dah kalau nak dibandingkan sebelum pada ini, sebagaimana yang diwujudkan pada hari ini bermula daripada Sekolah Tadika lagi Dato' Yang Dipertua. Kita tak hambat budak-budak tadika, kita tak kira dah anak-anak orang Pas ke, Umno ke budak-budak nak masuk sekolah ni tanya "Hei .... Mu orang Pas ke?" Takdok. Kita tak hambat kalau nak guna premis kitapun, kita tak hambat anak-anak kalau nak belajar di balai-balai raya sebab ini adalah kepentingan bangsa dan agama kita Dato' Yang Dipertua. Sebab itu saya khabar, kita memulakan, ciri-ciri ini bermula dari sekolah tadika lagi sebagaimana yang kita sedia maklum Yang Amat Berhormat Menteri Besar mengharapkan 700 pelajar-pelajar Sekolah Yayasan Islam Terengganu pada tahun ini akan khatam Quran sebelum daripada masuk ke sekolah rendah, itulah yang kita mahu lihat. Kalau kita duk bercakap saja hendakkan Islam, nak memertabatkan Islam, benda satupun kita tak buat, apa benda yang kita dapat. Nak makan tak suap ke mulut, boleh kenyang? Tak kenyang Dato' Yang Dipertua. Soalnya sekarang apa yang penting kepada kita, kita melaksanakan tugas tersebut dengan sebaik mungkin sebab itu saya kata kalau nak bangkangpun kita bangkang dengan cara yang baik untuk kepentingan kita bersama. Kita mulakan dengan sekolah tadika, tak cukup. Kita pergi pulak ke sekolah menengah, kita menubuh Kelas Elit, kita menubuh Kelas-kelas Primier dan juga Sekolah-sekolah Imtiaz untuk melihat kehebatan bangsa, kehebatan orang Melayu, orang Islam di Terengganu pada masa akan datang iaitu ingin mewujudkan 'Masyarakat Ulul Albab', kelmarin kata pulak kalau kita buat 'Ulul Albab', dia sebut pulak 'Ulul Albab' (dalam loghat Arab), buat menganjing sokmo. Kalau kita buat Islam Hadhari begitu juga, 'Had-hari' bakpe tak boleh sebut molek, kita faham belaka Dato' Yang Dipertua. Ini benda yang molek kita khabarlah benda molek dan barisan Pembangkangpun kita tahu ada buah fikiran yang baik, yang bagus, sekolah tinggi-tinggi belaka, sekolah atappun mungkin tinggi-tinggi jugak. Tetapi masalahnya berilah fikiran yang terbaik

kepada kita untuk membantu kita hendak merencanakan rakyat Negeri Terengganu pada hari ini. Selain daripada itu juga, kita boleh mewujudkan Sekolah Imtiaz ini, saya difahamkan 400 orang murid-murid akan keluar dari Sekolah Imtiaz setiap tahun, boleh menghafal Quran ini yang bagus. Kalau kita tak boleh nak hafal, kita boleh mewujudkan orang lain yang boleh menghafal Quran 300 – 400 orang setahun kalilah kalau dengan 10 tahun, 4,000 orang kalau 10 tahun. Inilah benda-benda yang harus kita lihat dan perancangan-perancangan yang dibuat oleh kerajaan. Perancangan yang begitu teliti saya yakin dan percaya dan dengan peruntukan yang besar lebih kurang RM130 juta lebih untuk pendidikan ini, insyaAllah kita boleh memberi pendidikan yang terbaik di Negeri Terengganu. Inilah yang dikatakan di zaman kerajaan mungkin jugak hikmat kepimpinan kita hari ini walaupun kita tak pakai serban, kita tidak mendakwa kita ini kepemimpin Ulama, inilah benda-benda yang boleh mendatangkan hikmat kepada kita, berkat dengan kepimpinan kita pada hari ini. Kita lihat satu persatu, 5 tahun berturut-turut kita menjuari UPSR, ini juga berkat kemungkinan daripada kepimpinan kita pada hari ini, kita lihat bagaimana ada murid-murid PMR baru-baru ini juga murid daripada Terengganu yang berjaya. UPSR pelajar daripada Terengganu yang berjaya, ini keluar pulak seorang lagi budak hak kecil umur 4 tahun dan budak ini asalnya Terengganu jugak Dato' Yang Dipertua. Inilah hikmat-hikmat yang kita dapat yang tidak perlu kita gemburkan kepada orang lain kerana kita buat kerja sejak daripada dulu dah, zaman kita kalah ke, zaman kita menang ke, kerja kita sama iaitu kita 'Tradisi Membela Rakyat', Dato' Yang Dipertua.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, selain daripada itu juga, saya berharaplah sedikit sebanyak berkaitan dengan pendidikan ini saya juga ingin mengaitkan adalah sikit-sikit hak dalam kawasan saya itu tolong-tolong tengoklah ada lagi sekolah-sekolah yang tidak lagi mempunyai Makmal Komputer dan ada kadang-kadang sekolahnya saya difahamkan oleh Guru Besar yang sudah acap dah menulis surat kepada saya meminta komputer kerana komputer ada sebuah sahaja di sekolah itu, Dato' Yang Dipertua. Sebutir komputer nak berebut guana, budak ramai-ramai. Memanglah budak luar bandar, kawasan saya memang luar bandar belaka takdok dalam bandar, kawasan luar bandar belaka. Alhamdulillah, saya sangat-sangat berharap kepada kalau Kementerian tidak mampu kita berharap Kerajaan Negeri boleh menampung lompang-lompang yang ada tersebut Dato' Yang Dipertua.

Selain daripada itu juga, saya tertarik apa yang dititah oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku iaitu berkaitan dengan Tahun Pertanian pada tahun ini. Syabas dan tahniah saya ucapkan kepada Yang Berhormat Exco Pertanian dan juga seluruh komuniti pertanian di Negeri Terengganu. Sebenarnya, saya sebahagian daripadanya walaupun kita dikata tidak nampak lagi, tidak menjelma lagi projek-projek yang besar sebenarnya kita telah melihat kerja yang begitu baik dilakukan, tidak cukup siang, malampun bermesyuarat dan insyaAllah hasilnya tidak mari tahun ini, tahun depan, tahun depan nun sekali lagi Dato' Yang Dipertua. Kerana Pertanian ini adalah pembangunan berkait dengan manusia, dia tidak boleh nak tanam hari ini, berbuah selalu tak boleh, tanam hari ini limau berbuah selalu, takdok. Kita tanam hari ini, empat tahun lagi baru berbuah. Sebab itu saya kata hasilnya dalam jangka masa yang panjang. Dengan peruntukan RM114 juta diperuntukkan, tahniah kepada Kerajaan Negeri kerana memperuntukkan yang begitu besar dan insyaAllah ianya dapat direalisasikan oleh seluruh rakyat Negeri Terengganu pada kali ini. Saya mewakili kawasan Hulu Terengganu dan saya menyaranlah kepada Yang Berhormat Exco supaya memberi peruntukan yang lebih sikit kepada kawasan Hulu

Terengganu kerana Hulu Terengganu ini kawasannya luas sangat tanahnya. Kalau orang lain dia minta Bandaranlah, jadi kita mintak supaya peruntukan pertanian ini diperuntukkan di Hulu Terengganu supaya ianya dapat merealisasikan kehendak penduduk setempat.

Dato' Yang Dipertua, satu lagi perkara yang saya ingin sentuh iaitu berkaitan dengan Pusat Pertumbuhan Desa. Oleh kerana Dato' Yang Dipertua, kawasan saya ini kawasan kampung, semua kawasan hulu dan saya sangat-sangat berharap supaya Pusat-pusat Pertumbuhan Desa ini digerakkan dengan segera. Saya difahamkan di kawasan saya itu ada tiga tempat yang telah dirancang sejak 10 tahun yang lepas tapi sampai ke hari inipun kita tidak nampak lagi apa-apa pembangunan yang dibawa terhadap perancangan tersebut. Jadi dengan kecaknaan di bawah kerajaan yang ada pada hari ini, saya sangat-sangat merayu kepada kawasan saya itu bukan nak kata pekan, bandar jauh lagi, pekanpun takdok langsung, kedaipun takdok hak banyak berderet macam bandar sikit Dato' Yang Dipertua. Jadi saya memohon kawasan-kawasan pusat pertumbuhan sebagaimana Kuala Ping, Kuala Telemong itu sendiri dan kita tidak hulu mana dah Dato' Yang Dipertua kerana duduk kitapun di tepi lebuh raya LPT yang akan dibina sikit lagi. Saya juga memohon kepada Yang Berhormat Exco Perumahan dan Kerajaan Tempatan, walaupun kawasan saya ini merupakan kawasan di luar kawasan operasi Majlis Daerah tapi saya pohonlah sedikit sebanyak peruntukan diberikan kepada kawasan saya. Banyak yang saya merayu dan apa yang diberitahu oleh pihak jabatan bahawa bukan di kawasan operasi. Bila bukan kawasan operasi, gazetlah kawasan operasi, tidak jadi masalah. Cuma yang penting kita nakkan peruntukan. Dan baru-baru inipun, terima kasih jugaklah ada sedikit yang saya merayu dengan Dato' Yang Berhormat Kijal sendiri dan dia telahpun meluluskan sebahagian daripadanya cuma saya nak minta dengan peruntukan yang besar pada tahun ini kerana ini adalah kepentingan rakyat kita semua. Tak usah bimbang soal pendirian rakyat Telemong itu tak usah bimbang Dato' Yang Dipertua, insyaAllah akan bersama dengan kerajaan dan kepimpinan yang ada pada hari ini.

Jadi saya rasa masih banyak lagi rakan-rakan saya yang ingin meneruskan ucapan, apa yang penting saya sekali lagi sebelum menutup, saya juga mengambil kesempatan sangat-sangat rasa muhasabahkan diri saya apa yang disarankan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku yang menyarankan kita supaya berkhidmat dengan baik, berkhidmat dengan cemerlang dan mempamerkan budi pekerti yang baik. Ini sebenarnya adalah satu pesanan daripada seorang bapak kepada seorang anak, insyaAllah saya akan sentiasa akan bersama dengan kepimpinan demi untuk kemajuan dan insyaAllah akan disambung oleh rakan-rakan saya daripada hulu yang lain. Kalau tadi Yang Berhormat Manir kata dia bukan hulu, dia bukan hulu sebelah mata, dia hulu sebelah hulu. Kita ini bukan hulu sebarang hulu, hulu kita tiga-tiga ini adalah hulubalang terbesar, Dato' Yang Dipertua ..... (Tepukan Sokongan) ..... Sekian. Wabillahitaufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Yang Berhormat Kawasan Telemong. Siapa yang ingin berucap lagi? Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Kawasan Rhu Rendang, dipersilakan.

YANG BERHORMAT DATO' SERI HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG (Wakil Rhu Rendang): Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Alhamdulillahirabbil-alamin wabihi nastain. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya ingin menyentuh beberapa perkara yang

mungkin tak disebut oleh rakan-rakan yang terdahulu. Pertama-tama, saya ingin menarik perhatian kepada Titah Ucapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku yang merupakan ucapan dasar kerajaan. Antara lain Baginda menegaskan/menitahkan: "Beta difahamkan program ini 'Ulul Albab' yang bermatlamat melahirkan pelajar-pelajar cemerlang di dalam aspek agama dan juga sains dan teknologi telahpun bermula dengan melibatkan pelajar-pelajar di Sekolah Imtiaz". Seterusnya ditegaskan: "Di dalam hubungan ini, penubuhan Institusi Latihan Vokasional dan Kemahiran oleh Kerajaan Negeri dengan membabitkan Institusi Pengajian Tinggi Awam serta swasta akan dapat melahirkan tenaga kerja mahir yang diperlukan di dalam pasaran Kerajaan Tempatan". Perkataan 'Ulil Albab', merupakan satu agenda yang ditonjolkan oleh Al-Quranulkarim. Allah S.W.T. telah menyebut di dalam Al-Quranulkarim 'Ulul Albab' sebanyak 16 kali di dalam 11 Surah Al-Quran. Di mana dia berkait mengait dan tali-menali serta menjelaskan di antara satu sama lain supaya kita tidak keliru dan dikelirukan.

Pertama-tama, perkara ini ditimbulkan apabila pemimpin-pemimpin Musyrikin Makkah mencabar Nabi Muhammad S.A.W. yang mengajak mereka kepada penyelesaian Islam supaya mereka meninggalkan penyelesaian cara Jahiliah. Mereka menegaskan: "Wahai Muhammad! Doakan untuk kami kepada Tuhanmu supaya Tuhan menjadikan Bukit Safar ini emas". Menunjukkan bahawa mereka meminta satu peruntukan emas yang merupakan barang yang berharga. Zaman kini merupakan peruntukan kewangan yang besar kerana menjadi prinsip kepada Jahiliah bahkan semua ideologi-ideologi moden dan teori-teori barat asas kepada pembangunan negara ialah kebendaan semata-mata tanpa menafikan bahawa kebendaan adalah aspek yang penting dalam pembangunan manusia. Tetapi di sana ada aspek yang lebih penting lagi, Allah S.W.T. telah menurunkan ayat: (membaca petikan Surah Ali-Imraan ayat 190, 191 dan 192) hingga akhirnya. Yang bermaksud: "Sesungguhnya dalam ciptaan langit dan bumi adalah menjadi silih berganti siang dan malam adalah menjadi tanda-tanda kepada ulil albab, mereka yang mempunyai akal fikiran yang waras, yang baik". Dijelaskan 'Ulil Albab' itu ialah orang-orang yang ingatkan Allah dengan menyebutnya melalui lisan dan hati ketika berdiri, duduk dan berbaring di atas lambung dan mereka berfikir tentang kejadian langit dan bumi dan mereka berdoa kepada Allah: "Wahai Tuhan! Engkau tidak menjadikan langit dan bumi ini sia-sia". Pembangunan Manusia itu mestilah berteraskan aqidah, berteraskan iman bukan sahaja kepercayaan kepada Allah S.W.T. termasuklah kepercayaan kepada hubungan makhluk-makhluk Allah bukan sahaja manusia yang ditugaskan untuk memerintah, mentadbir dan memimpin termasuklah bahan-bahan langit dan bumi bukan sahaja bahan-bahan bumi, hasil-hasil bumi termasuk bahan-bahan langit. Hari ini berlaku penerokaan angkasa lepas, semua perkara itu hendaklah diasaskan kepada iman kepada Allah. Seterusnya, hendaklah dipangkinkan dengan ilmu maka menjadi hikmat yang besar, ayat yang pertama yang diturunkan ialah ayat ilmu. Dalam perkara ini bukan sahaja ayat yang pertama – "Iqra' bismarabbiqallazi qalaq", "Bacalah dengan nama Tuhanmu" dan "Allamabilqalam", "Mengajar dengan qalam", membaca dan qalam menjadi alat ilmu tetapi semua ilmu mestilah dibina dengan iman, dengan kepercayaan kepada Allah. Bukan sahaja ilmu agama termasuklah ilmu yang berkait dengan urusan duniawi .....

YANG BERHORMAT HAJI KHAZAN BIN CHE MAT (Wakil Batu Rakit): Dato' Yang Dipertua, kalau saya minta penjelasan sikit, minta laluan – Hak yang Wakil Rhu Rendang duk royat

ni, hak itu yang kita duk buatnya. Jadi apa bendanya lagi, masa kita inipun terhad jugak .....

YANG BERHORMAT DATO' SERI HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG (Wakil Rhu Rendang): Nanti, belum habis lagi .....

YANG BERHORMAT HAJI KHAZAN BIN CHE MAT (Wakil Batu Rakit): ..... Main duk royat hak kita duk buat, kalau molek royat molek, kalau tak kena, kena royat dekat mana hak tak kena. Hak tu yang kita nak buatnya .....

YANG BERHORMAT DATO' SERI HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG (Wakil Rhu Rendang): Ini nak bagi tahu yang tak kena ni.

YANG BERHORMAT HAJI KHAZAN BIN CHE MAT (Wakil Batu Rakit): Apa dia?

YANG BERHORMAT DATO' SERI HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG (Wakil Rhu Rendang): Nak bagi tahu yang tak kenalah ni. Saya akan beritahu.....

YANG BERHORMAT HAJI KHAZAN BIN CHE MAT (Wakil Batu Rakit): Masakan penting, "Wal-asri" .....

YANG BERHORMAT DATO' SERI HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG (Wakil Rhu Rendang): Seterusnya, Tuan Yang Dipertua, Allah menurunkan pemandu kepada ilmu yang ditujukan kepada Ulil Albab, firman Allahutaala: (membaca petikan Surah Ali-Imran ayat 7). Yang bermaksud: "Dialah Tuhan yang telah menurunkan kepadamu wahai Muhammad S.A.W. akan kitab yang terkandung di dalamnya ayat-ayat yang muhkamat, yang nyata, yang jelas berkenaan dengan hukum hakam dan perkara-perkara yang lain dan ayat-ayat yang mutasyabihad yang mengandungi makna-makna yang tersirat di antaranya yang tidak difahami oleh manusia yang perlu dikaji. Maka adapun orang-orang yang ada di dalam hati mereka penyelewengan mereka mengikut apa-apa yang mengelirukan kerana mahu melakukan bencana, fitnah dan mereka mahu meminda dan menta'wilkannya dan tidaklah mengetahui huraiannya melainkan Allah dan orang-orang yang mendalami ilmu berkata: "Kami beriman kepadaNya, semuanya dari sisi Tuhan kami dan tidaklah mengambil pengajaran melainkan oleh Ulul Albab oleh mereka yang mempunyai fikiran." Generasi awal Islam yang merupakan contoh Ulul Albab ini yang lahir dari bumi kering-kontan yang belum lagi ada petroleum seperti hari ini, yang tidak ada hasil sedikitpun, mereka membina diri mereka dengan iman, dengan ilmu daripada agama, dimulakan ilmu agama itu. Maka Allah menyatakan: (membaca petikan Surah Al-Baqarah ayat 269) "Allah mengurniakan kebijaksanaan kepada sesiapa yang Dia kehendaki dan sesiapa yang dikurniakan oleh Allah akan kebijaksanaan, maka sesungguhnya dia dikurniakan kebaikan-kebaikan yang banyak dan tidaklah mengambil peringatan melainkan oleh Ulul Albab". Lalu umat Islam yang berteraskan aqidah dan akhlak yang membangun diri manusia dengan sifat yang baik, menghadapi kesabaran, panas terik di padang pasir, kesusahan hidup walaupun dinafikan untuk mendirikan negara Islam di Makkah, mereka berhijrah ke Madinah. Walaupun mereka dikepung dan disekat dengan berbagai-bagai sekatan dan ancaman dari musuh, setelah mereka berjaya memecah kepungan, mereka telah berjaya menyampaikan cahaya Islam kepada manusia dan mengajak manusia yang baik, yang berilmu sama ada yang

menerima Islam termasuk yang tidak menerima Islam dan yang tak menerima Islam tidak dipaksa dan mereka dibenarkan menjadi rakyat, dilayan dengan adil dan Islam telah berjaya membina tamadun ilmu dalam masa yang sama dipikul oleh generasi Ulil Albab. Apa yang menarik ilmu-ilmu diterjemahkan ke dalam bahasa Arab, berbagai-bagai ilmu sains dan teknologi di zaman itu. Ketika barat yang menganut agama Kristian mengharamkan sains dan teknologi bahkan di sana ada saintis yang dibunuh kerana mengatakan dunia bulat. Islam menerima saintis dalam berbagai-bagai bidang, dengan terjemahan ilmu itu dalam bahasa Arab telah berjaya melahirkan kepakaran di kalangan umat Islam sendiri. Hari ini kita telah melakukan satu acuan yang sangat silap, apabila mendaulatkan kembali bahasa Inggeris melalui mata pelajaran sains dan matematik. Tidak dinafikan bahasa Inggeris adalah penting bukan sahaja bahasa Inggeris termasuklah bahasa-bahasa lain adalah penting. Tetapi untuk mengetahui asas ilmu itu mestilah dengan bahasa ibunda terlebih dahulu. Jerman dan Jepun yang kalah teruk dalam Peperangan Dunia Kedua, di samping mereka meneroka ilmu-ilmu moden dari berbagai-bagai bangsa, mereka menterjemahkan ilmu dalam bahasa mereka sendiri. Saya dimaklumkan oleh beberapa orang pakar pendidikan yang mengkritik dalam bahasa Inggeris yang didaulatkan ini, mengabaikan peranan Dewan Bahasa dan Pustaka. Korea Selatan memulakan dengan bahasa Inggeris dan telah gagal, akhirnya terpaksa Korea membina keilmuan rakyat mereka dengan bahasa ibunda, dengan bahasa Korea sendiri. Selepas itu, Korea bangkit sebagai satu kuasa ekonomi pada hari ini. Taiwan begitu juga, mula-mulanya dengan bahasa Inggeris, kemudian mereka mengubah polisi pelajaran mereka dengan cara mendaulatkan bahasa ibunda, bahasa Mandarin yang digunakan di Taiwan .....

YANG BERHORMAT ENCIK ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua .....

YANG BERHORMAT DATO' SERI HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG (Wakil Rhu Rendang): Tidak menafikan mereka menghantar, pakar-pakar dalam bahasa yang berbagai-bagai bahasa.

YANG BERHORMAT ENCIK ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): Terima kasih. Wakil Rhu Rendang ini bercakap di Parlimen ke, di Dewan Undangan Negeri ini sebab persoa an sains dan matematik dalam bahasa Inggeris ialah persoalan nasional bukan di peringkat kita?

YANG BERHORMAT DATO' SERI HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG (Wakil Rhu Rendang): Yang Berhormat sebagai seorang peguam sepatutnya merujuk kepada *Standing Order* Dewan Undangan Negeri yang menegaskan bahawa Ucapan Dasar, Ucapan Titah kita boleh bercakap dalam perkara umum begitu juga dalam perkara Belanjawan kecuali diperingkat jawatankuasa barulah Speaker boleh melarang saya. Rujuk kepada *Standing Order* Dewan Negeri sebagai seorang peguam yang sepatutnya tahulah peraturanlah sikit. Dan saya merujuk kepada Titah Ucapan ini iaitulah Ulil Albab dalam aspek pendidikan. Kita telah mengalami penyata Razak, penyata Rahman Talib dan beberapa penyata pendidikan dan mengalami generasi yang banyak lulus dari Pusat-pusat Serenti daripada lulus universiti. Apa yang malangnya ialah di kalangan orang-orang Melayu yang beragama Islam, saya dimaklumkan oleh pegawai .....

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, laluan sekali .....

YANG BERHORMAT DATO' SERI HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG (Wakil Rhu Rendang): ..... Nanti saya habis dulu, habis ni saya bagi.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Habis, *dokdanglah.*

YANG BERHORMAT DATO' SERI HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG (Wakil Rhu Rendang): Untuk menegakkan benang basah, untuk meninggikan peratus lulus dalam sains dan matematik mereka menjadikan markah minima lulusnya ialah 15 peratus. Ini satu cara lagi untuk menipu bangsa sendiri.

YANG BERHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Dato' Yang Dipertua, penjelasan.

YANG BERHORMAT DATO' SERI HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG (Wakil Rhu Rendang): Sila, sila.

YANG BERHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Apakah benar kenyataan Wakil Rhu Rendang ini menyatakan kerajaan cuba menipu rakyat dengan meminimakan kelulusan matematik 15 peratus lulus? Ada data ke tidak sebagai bukti sumber mana yang disahkan, sila kemukakan kepada Dewan yang mulia ini. Kalau tidak saya beranggap Rhu Rendang mengadakan cerita dongeng dan berbohong lagi.

YANG BERHORMAT DATO' SERI HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG (Wakil Rhu Rendang): Sumber daripada Jabatan Peperiksaan Kementerian Pendidikan.

YANG BERHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Sila kemukakan, Dato' Yang Dipertua sebagai bukti di Dewan yang mulia ini.

YANG BERHORMAT DATO' SERI HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG (Wakil Rhu Rendang): Saya mesti memelihara nama orang yang berkenaan dan perkara ini diketahui oleh umum.

YANG BERHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Soal sekarang, jabatan, sumber bukan individu tertentu.

YANG BERHORMAT DATO' SERI HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG (Wakil Rhu Rendang): Dia satu sumber dipercayai .....

YANG BERHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Tidak boleh dipercayai, bukan soal dipercayai .....

YANG BERHORMAT DATO' SERI HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG (Wakil Rhu Rendang): Dia adalah benar.

YANG BERHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Benar macam mana, kemukakan di Dewan yang mulia ini.

YANG BERHORMAT DATO' SERI HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG (Wakil Rhu Rendang): Itu hak saya, terpulang kepada saya.

YANG BERHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Terpulang macam mana, ini dakwaan.

YANG BERHORMAT DATO' SERI HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG (Wakil Rhu Rendang): Saya takkan beritahu dan ini adalah maklumat yang benar.

YANG BERHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Takkan lulus 15 peratus, dapat Gred A?

YANG BERHORMAT DATO' SERI HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG (Wakil Rhu Rendang): ..... Dan insyaAllah, tak berapa lagi akan diubah balik .....

YANG BERHORMAT HAJI KHAZAN BIN CHE MAT (Wakil Batu Rakit): ..... Dato' Yang Dipertua, sebagai seorang yang didakwa Ulama .....

YANG BERHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Nak berubah guana. Tak boleh Yang Dipertua .....

YANG BERHORMAT DATO' SERI HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG (Wakil Rhu Rendang): ..... dan anak orang kampung yang menjadi mangsa dalam ujian pendidikan ini dan anak orang Melayu menjadi mangsa .....

YANG BERHORMAT HAJI KHAZAN BIN CHE MAT (Wakil Batu Rakit): ..... Dato' Yang Dipertua, Wakil Rhu Rendang kena bagi bukti .....

YANG BERHORMAT DATO' SERI HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG (Wakil Rhu Rendang): ..... Tinggal di luar bandar, sudahlah sekolah tidak ada kemudahan-kemudahan yang cukup. Sudah membina Makmal Komputer, runtuh kerana penyelewengan .....

YANG BERHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Dato' Yang Dipertua, saya mohon penjelasan. Terima kasih. - Yang belum dijawab 15 peratus lulus dalam mata pelajaran matematik .....

YANG BERHORMAT DATO' SERI HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG (Wakil Rhu Rendang): Ya.

YANG BERHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): ..... buktinya dan sekarang terdapat Wakil Pengarah Pendidikan ada di sini, ramai di kalangan di sini yang menjadi pemeriksa kertas matematik, tidak pernah berlaku 15 peratus, lulus.

YANG BERHORMAT DATO' SERI HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG (Wakil Rhu Rendang): Katalah, Yang Berhormat nak kata dan saya tetap dengan pendapat saya.

YANG BERHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Tetap guana, kemukakan bukti. Janganlah berbohong bersiri macam tu ..... (Tepukan Sokongan) .....

YANG BERHORMAT DATO' SERI HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG (Wakil Rhu Rendang): Seterusnya Tuan Yang Dipertua, tepuklah tangan sampai bengkakpun. Saya tetap dengan pendirian saya.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Yang Berhormat Yang Dipertua, laluan sekali lagi .....

YANG BERHORMAT DATO' SERI HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG (Wakil Rhu Rendang): Tuan Yang Dipertua, saya ingin menyebut ..... Ya, sila.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Terima kasih. Hebat Wakil Rhu Rendang bercakap ni, lebih hebat dari masa menjadi Menteri Besar dulu. Tetapi bercakap macam botol kosonglah, takdok benda hak khabar. Soalan saya, selama 4 atau 5 tahun menjadi Menteri Besar, apakah tindakan Yang Berhormat Rhu Rendang buat untuk mengangkat martabat umat, martabat masyarakat dan martabat pelajar di seluruh Negeri Terengganu semasa diberi amanah. Cakap semua orang boleh bercakap, burung Nuri boleh bercakap, burung Tiong boleh bercakap, burung Malakerbau boleh bercakap. Selagi lidah tak kelu masih boleh bercakap tapi apa yang telah dibuat. Takmboh dengar cakap, tapi nak dengar apa yang dibuat. Baca ayat Quran hari ini sampai ke subuh tak habis hari ini. Terima kasih, Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' SERI HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG (Wakil Rhu Rendang): Hah! Habis dah. Tuan Yang Dipertua, seterusnya 'Ulul Albab' ini mestilah berpandu kepada akhlak, negara yang berakhlak .....

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Mana dia jawab soalannya?

YANG BERHORMAT DATO' SERI HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG (Wakil Rhu Rendang): Nanti ini nak jawablah ni. Dengar dulu .....

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Nak jawab guana begitu .... Macam serban atas kepala juga berbelit.

YANG BERHORMAT DATO' SERI HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG (Wakil Rhu Rendang): (membaca petikan Surah Ar-Raa'd ayat 19 dan 20) Yang bermaksud: "Adakah yang mengetahui itu sesungguhnya kami turun kepadamu wahai Muhammad akan Quran dengan benar, adakah mengambil pengajaran oleh mereka yang buta mata hatinya, sesungguh yang mengambil pengajaran ialah orang yang Ulul Albab, yang mempunyai fikiran. Mereka ialah orang yang menunaikan janji yang tidak mungkir dalam perjanjian .....

YANG BERHORMAT HAJI KHAZAN BIN CHE MAT (Wakil Batu Rakit): Dato' Yang Dipertua .....

YANG BERHORMAT DATO' SERI HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG (Wakil Rhu Rendang): ..... Dalam masa kita memerintah itu, ini nak jawab ni hak Ajil dulu .....

YANG BERHORMAT HAJI KHAZAN BIN CHE MAT (Wakil Batu Rakit): Tak ayat ini saya nak tanya sikit.

YANG BERHORMAT DATO' SERI HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG (Wakil Rhu Rendang): Ya.

YANG BERHORMAT HAJI KHAZAN BIN CHE MAT (Wakil Batu Rakit): Yang engkar janji ni, kalau engkar janji hak projek-projek balak apa itu semua itu tak termasuk ke, tak apakah hak itu?

YANG BERHORMAT DATO' SERI HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG (Wakil Rhu Rendang): Kita menunaikan dengan betul dan kita mendapat Anugerah Cemerlang Pejabat Hutan di masa pemerintahan kita.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Dah saman SPPK itu guana, Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua?

YANG BERHORMAT HAJI KHAZAN BIN CHE MAT (Wakil Batu Rakit): Tak tunai janjikah itu Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' SERI HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG (Wakil Rhu Rendang): Tuan Yang Dipertua, sebaik sahaja kita memerintah negeri kita telah mengalami kepungan yang dilakukan oleh Kerajaan Pusat sama dengan Hamas yang mengalami kepungan oleh Israel dan Amerika hari ini kerana sama-sama kami parti Islam.

YANG BERHORMAT ENCIK WAN AHMAD NIZAM BIN WAN ABDUL HAMID (Wakil Air Putih): Dato' Yang Dipertua, global Rhu Rendang.

YANG BERHORMAT DATO' SERI HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG (Wakil Rhu Rendang): Alhamdulillah. Alhamdulillah global bukan glokal.

YANG BERHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Penjelasan Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, laluan. Wakil Rhu Rendang menyebut pemerintahan Hamas di Palestin dikepung oleh Israel. Apakah pengepungan yang dilakukan terhadap Pas yang banyak melakukan noda dan dosa itu sebagaimana kepungan terhadap Hamas oleh Israel kerana nak sama sangat nampak, nak beza ni. Sikit-sikit Israel, sikit-sikit jahil, jadi gunalah bahasa yang baik sikit takkanlah kita ini orang Melayu belaka jadi Israel, janganlah perbandingan itu biarlah menasabah sikit, kalau tak berapa betulpun.

YANG BERHORMAT DATO' SERI HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG (Wakil Rhu Rendang): Ini yang dikatakan oleh Ulul Albab, kita memerintah dalam masa beberapa bulan sahaja,

dalam Perhimpunan Agung Umno di Kuala Lumpur, wakil-wakil Umno dari Terengganu mendesak supaya dihapuskan royalti petroleum kerana hasad, kerana dengki .....

YANG BERHORMAT HAJI DIN BIN ADAM (Wakil Bukit Besi): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua .....

YANG BERHORMAT DATO' SERI HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG (Wakil Rhu Rendang): ..... Mereka dalam beberapa bulan belum beberapa lama kita memerintah ini bercanggah dengan Prinsip Demokrasi Berparlimen .....

YANG BERHORMAT HAJI DIN BIN ADAM (Wakil Bukit Besi): ..... Laluan, Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua. Pohon penjelasan daripada Wakil Rhu Rendang .....

YANG BERHORMAT DATO' SERI HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG (Wakil Rhu Rendang): ..... Yang Dipertua, saya tak habis lagi, saya nak jawab dulu. Sikit lagi saya bagi .....

YANG BERHORMAT HAJI DIN BIN ADAM (Wakil Bukit Besi): Beri sekejap saja ke saya, saya nak tahu – Siapa yang berucap di Dewan di Perhimpunan Agung, sebutkan nama. Siapa yang berucap yang minta ni, berucap. Jangan bercakap saja, jangan nak kecek orang, jangan nak tipu orang, jangan nak bohong orang .....

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): ..... Kalau nak tape dia, kita boleh beri tape dia, kita ada .....

YANG BERHORMAT HAJI DIN BIN ADAM (Wakil Bukit Besi): Tak apa, buat mari selalu. Kemuka dalam Dewan ni.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Tak apa, lepas pada ni-lah nak tape dia.

YANG BERHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Dato' Yang Dipertua, sebut nama sudahlah, tak payah tape-tape.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Tak, beri tape-tape senang, ada belaka.

YANG BERHORMAT DATO' SERI HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG (Wakil Rhu Rendang): Ya, ya. Biar semua orang tahu, disiarkan oleh media.....

YANG BERHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Tape mu pelawok belaka, mu lebong je.

YANG BERHORMAT DATO' SERI HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG (Wakil Rhu Rendang): Dalam masa saya di Parlimen, saya sebagai Pembangkang, saya mendesak supaya Kerajaan Pusat menambahkan lagi royalti, bukan potong, tambah lagi kerana tanggungjawab saya terhadap negeri saya sendiri. Bahkan dalam *interview* saya dengan

Al-Jazeera, saya menggalakkan supaya pelabur-pelabur datang ke Malaysia ini. Saya tak sekat tanah air saya sendiri.

YANG BERHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Dato' Yang Dipertua, penjelasan – Soal mintak tambah royalti itu bukan soal Pembangkang Pas sahaja, kitapun minta jugak tapi tak boleh nak buat macam mana, yang boleh bini tambah ..... (Dewan Gelak) .....

YANG BERHORMAT DATO' SERI HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG (Wakil Rhu Rendang): Bini boleh sampai empat, Islam kata boleh sampai empat yang menjadi masalahnya simpan, yang simpan ini menjadi budaya Umno. Hari ini yang menjadi NGO yang diberi nama Sister's In Islam yang menentang poligami, yang menentang hukum Allahtaala, berlindung di bawah Umno, Sister's In Islam, ini pasal poligami.

YANG BERHORMAT DATO' ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Dah guana hanyut begitu?

YANG BERHORMAT DATO' SERI HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG (Wakil Rhu Rendang): Ini kerana soalan.

YANG BERHORMAT DATO' ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Apa kait Sister's In Islam dengan Umno pulak .....

YANG BERHORMAT DATO' SERI HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG (Wakil Rhu Rendang): Soalan, soalan.

YANG BERHORMAT DATO' ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Hanyut ni, terbabas jauh dah ni, kemudi tak kemas ni.

YANG BERHORMAT DATO' SERI HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG (Wakil Rhu Rendang): Saya balik semula. Di mana telah diambil tindakan menyekat royalti petroleum untuk menutp hidung kita bahkan *Capitation Grant* sengaja dilewat-lewatkan bagi Negeri Kelantan dan Terengganu. *Loan* Perbekalan Air semua negeri tak ada *interest* kecuali Kelantan dan Terengganu ada *interest.* Inikah Ulul Albab, pemerintahan yang berakhlak, pemerintahan yang bermoral? Alhamdulillah, dalam masa pemerintahan kami, kami telah menunaikan tanggungjawab Ulul Albab. Dalam membina akhlak, firman Allah: (membaca petikan Surah Al-Baqarah ayat 179) "Dan bagi kamu dalam melaksanakan hukuman jenayah Qisas adalah membawa kehidupan wahai Ulil Albab".

YANG BERHORMAT DATO' DR. HAJI ABDUL LATIFF BIN AWANG (Wakil Bukit Payong): Assalamualaikum. Saya mintak sikit saja laluan.

YANG BERHORMAT DATO' SERI HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG (Wakil Rhu Rendang): Jadi yang tadi gtak bagi saya hanyut ke lain, yang ini sengaja nak heret saya hanyut ke lain Yang Dipertua, macam mana saya nak buat? ..... (Dewan Gelak) .....

YANG BERHORMAT DATO' DR. HAJI ABDUL LATIFF BIN AWANG (Wakil Bukit Payong): Boleh Dato' Yang Dipertua?

YANG BERHORMAT DATO' SERI HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG (Wakil Rhu Rendang): Tak, biar saya habis dulu.

YANG BERHORMAT DATO' DR. HAJI ABDUL LATIFF BIN AWANG (Wakil Bukit Payong): Saya tanya Dato' Yang Dipertua, kalau Yang Dipertua tak beri tak apalah, kalau beri saya bercakap.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sila.

YANG BERHORMAT DATO' SERI HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG (Wakil Rhu Rendang): Saya bagi, saya bagi. Saya bagi duduk dulu. Saya nak bagi semua termasuk Yang Dipertuapun kalau nak soalpun boleh saya bagi.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat duduk dulu.

YANG BERHORMAT DATO' DR. HAJI ABDUL LATIFF BIN AWANG (Wakil Bukit Payong): Yang Dipertua, boleh bercakap ke tidak?

YANG BERHORMAT DATO' SERI HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG (Wakil Rhu Rendang): Saya nak bagi sikit lagi.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Mengikut Tertib Pekerjaan, Yang Berhormat Rhu Rendang sila duduk dulu.

YANG BERHORMAT DATO' SERI HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG (Wakil Rhu Rendang): Ya. Nak suruh bagi dulu, tak apalah.

YANG BERHORMAT DATO' DR. HAJI ABDUL LATIFF BIN AWANG (Wakil Bukit Payong): Terima kasih. Tak saya pohon daripada Yang Dipertua, kalau beri, berilah tak beri duduk kitanya. Saya mengikut adab juga. Jadi yang Ulul Albab itu, begini. Dia mengaku ikut Ulul Albab, saya jadi Exco dulu, pada tahun 1999 kita kalahlah dalam tahun 1999 maka saya nak masuk ambil barang-barang saya di Pejabat Exco di Tingkat 5, masa kita kalah. Hari yang pertama dihalau, hari yang keenam belas baru saya dapat ambil barang-barang saya 15hb Disember 1999, itulah hari yang dapat saya ambil barang-barang yang sepatutnya saya dapat ambil kalau ikut cara biasalah. Apabila kita menang baru-baru ini, semua barang telah diambil dah, kita masuk kosong saja. Inilah contoh-contoh Ulul Albab yang dipraktikan oleh Pas dulu.

YANG BERHORMAT DATO' SERI HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG (Wakil Rhu Rendang): Itu kerana kita nak menunaikan tanggungjawab hisbah dan muhasabah ..... (Dewan Gelak) .....

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Tanggungjawab cap ayam!

YANG BERHORMAT DATO' SERI HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG (Wakil Rhu Rendang): ..... nak mengetahui penyelewengan Kerajaan dahulu. Pengalaman kita memerintah di Kelantan sebelum kita naik menguasai Pejabat SUK .....

YANG BERHORMAT HAJI WAN HISHAM BIN WAN SALLEH (Wakil Ladang): Dato' Yang Dipertua, saya minta penjelasan .....

YANG BERHORMAT DATO' SERI HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG (Wakil Rhu Rendang): ..... Fail-fail telah dipunggah dan kita tidak dapat membuat penyelesaian-penyelesaian.

YANG BERHORMAT HAJI WAN HISHAM BIN WAN SALLEH (Wakil Ladang): Dato' Yang Dipertua, saya minta penjelasan sikit .....

YANG BERHORMAT DATO' SERI HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG (Wakil Rhu Rendang): ..... Kerana kita tahu ada hal-hal yang sangat menarik .....

YANG BERHORMAT HAJI WAN HISHAM BIN WAN SALLEH (Wakil Ladang): Dato' Yang Dipertua, ...

YANG BERHORMAT DATO' SERI HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG (Wakil Rhu Rendang): ..... yang perlu disiasat dan inilah yang menyelamatkan kerajaan kita. Dalam masa kita memerintah, sebaik saja Pembangkang Umno pada ketika itu menimbulkan satu-satu isu ada penyelewengan, BPR sayang kepada kita .....

YANG BERHORMAT HAJI WAN HISHAM BIN WAN SALLEH (Wakil Ladang): Dato' Yang Dipertua, saya pohon .....

YANG BERHORMAT DATO' SERI HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG (Wakil Rhu Rendang): BPR, terus 'terjun tak bertangga' pergi siasat Exco-exco kita dan bila disiasat didapati tidak ada apa-apa tapi kalau Umno buat, BPR buat tak tahu aje, tak apalah.

YANG BERHORMAT HAJI WAN HISHAM BIN WAN SALLEH (Wakil Ladang): Dato' Yang Dipertua, pohon penjelasan.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sila, Yang Berhormat Ladang.

YANG BERHORMAT DATO' SERI HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG (Wakil Rhu Rendang): Masalah Perwaja sampai ke hari ini tak selesai .....

YANG BERHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Dato' Yang Dipertua, penjelasan .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ladang dulu.

YANG BERHORMAT DATO' SERI HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG (Wakil Rhu Rendang): Yang mana satu.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat Kijal, sila duduk.

YANG BERHORMAT HAJI WAN HISHAM BIN WAN SALLEH (Wakil Ladang): Saya ingin penjelasan - Apakah membuat pembohongan demi pembohongan itu juga merupakan Ulul Albab? Pembohongan demi pembohongan yang dibuat, kalau dahulu bekas Menteri Besar sendiri, hari ini, dua-tiga hari ini wakil dari Pembangkang sendiri, itukah Ulul Albab? Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' SERI HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG (Wakil Rhu Rendang): Ayat yang saya baca tadi itu bohongkah? Saya menghuraikan apa yang ada di dalam ayat ini .....

YANG BERHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Pohon penjelasan – Tuhan tak pernah berbohong, ayat Quran tak pernah berbohong tetapi tukang hak baca tu dia tafsir lagu lain, berbohong. Saya nak memperbetulkan keadaan seolah-olah Wakil Rhu Rendang menghina Badan Pencegah Rasuah, masa Kerajaan BN tak pernah siasat, masa Pas kalah berebut pergi siasat, tak betul, mereka menjalankan tugas. Saya beritahu, saya 3 tahun disiasat oleh BPR, saya tak takut, saya yang mintak BPR siasat saya, lepas ini saya juga ada mintak siasat Y.B. Batu Burok. Banyak nak saya dedah, janganlah lari sudahlah esok.

Dato' Yang Dipertua, jadi cakap biar betul-betullah, kita malu jangan macam orang tua-tua kata:

"Buah rambai buah rambutan
Buah duku masak putih
Entah lebai, entah bukan
Pakai kopiah putih"

YANG BERHORMAT DATO' SERI HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG (Wakil Rhu Rendang): Yang Berhormat, mungkin Yang Berhormat telah disiasat oleh BPR dan berani mereka siasat Yang Berhormat. Baguslah Yang Berhormat, BPR pergi siasat dan terlepas.

YANG BERHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Berani, takut apa?

YANG BERHORMAT DATO' SERI HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG (Wakil Rhu Rendang): Terima kasih, bagus, bagus, bagus ..... (Dewan Gelak) .....

Tuan Yang Dipertua, Sistem Pendidikan yang berlangsung dalam negara kita telah meminggirkan Islam dalam masa yang begitu lama. Contohnya, penggunaan tulisan jawi, barangkali generasi yang berusia 50 tahun ke atas masih ingat baru-baru kita mencapai Kemerdekaan, tulisan jawi masih meluas di dalam masyarakat kita. Bahkan resit tanahpun ditulis dengan tulisan jawi, geran ditulis dengan tulisan jawi. Malangnya agenda menghapuskan jawi ini dilakukan selepas negara kita mencapai Kemerdekaan melalui Kementerian Pelajaran sendiri oleh mereka yang dulu dengan meninggalkan tulisan jawi sedikit demi sedikit. Tulisan jawi yang menjadi kebudayaan Islam yang sangat bernilai ini telah dihakiskan dengan begitu rupa sehingga menjadi nazak dan Utusan Melayu dikuburkan. Walaupun Utusan Melayu ini, suratkhabar yang menjadi salah satu nadi Umno

jugak tidak boleh hidup dengan tulisan jawi. Akibat dengan penghakisan tulisan jawi ini dengan sendiri akan menghakiskan kefahaman agama sedikit demi sedikit. Yang paling malangnya kita melihat akhir-akhir ini NGO-NGO yang bernama Islam ataupun tidak berani menghentam Islam untuk merosakkan pendidikan dan pengetahuan rakyat berkenaan dengan Islam. Malangnya NGO-NGO ajaran salah ini dilindungi oleh Umno, Sister's In Islam yang saya sebut tadi anak Perdana Menteri ada di dalam, dua orang anak bekas Perdana Menteri ada di dalam .....

YANG BERHORMAT ENCIK WAN AHMAD NIZAM BIN WAN ABDUL HAMID (Wakil Air Putih): Cuba sebut jugak NGO mana tu?

YANG BERHORMAT DATO' SERI HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG (Wakil Rhu Rendang): Sister's In Islam.

YANG BERHORMAT ENCIK WAN AHMAD NIZAM BIN WAN ABDUL HAMID (Wakil Air Putih): Bakpe yang sabit dengan Umno pulaknya, buktikan.

YANG BERHORMAT DATO' SERI HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG (Wakil Rhu Rendang): Ya, kerana dilindungi oleh Umno.

YANG BERHORMAT ENCIK WAN AHMAD NIZAM BIN WAN ABDUL HAMID (Wakil Air Putih): Buktikan.

YANG BERHORMAT DATO' SERI HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG (Wakil Rhu Rendang): Ya.

YANG BERHORMAT ENCIK WAN AHMAD NIZAM BIN WAN ABDUL HAMID (Wakil Air Putih): Ya, guana?

YANG BERHORMAT DATO' SERI HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG (Wakil Rhu Rendang): Mereka menulis tulisan-tulisan yang .....

YANG BERHORMAT ENCIK WAN AHMAD NIZAM BIN WAN ABDUL HAMID (Wakil Air Putih): Ya, guananya .....

YANG BERHORMAT DATO' SERI HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG (Wakil Rhu Rendang): ..... Menyerang hukum-hukum Islam dalam masalah faraid dan lain-lain .....

YANG BERHORMAT ENCIK WAN AHMAD NIZAM BIN WAN ABDUL HAMID (Wakil Air Putih): Sikit-sikitkan Umno, sikit-sikit selit Umno, ini salah ni, ini pembohongan bersiri jugak ni .....

YANG BERHORMAT DATO' SERI HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG (Wakil Rhu Rendang): Ini kesan daripada tulisan jawi dihapuskan. Termasuk Golongan Anti Hadis dan bagi Negeri Terengganu Ajaran Airffin Mamat .....

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Penjelasan, Yang Dipertua .....

YANG BERHORMAT DATO' SERI HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG (Wakil Rhu Rendang): ..... yang telah dibiarkan sejak tahun '70an. Tahun '70an telah ada Ajaran Ariffin Mamat di Besut hari itu ....

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Penjelasan, Yang Dipertua .....

YANG BERHORMAT DATO' SERI HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG (Wakil Rhu Rendang): ..... Dibiarkan berlangsung sehingga masa dalam pemerintahan kita .....

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): .... Tak beri ke, tak dengar?

YANG BERHORMAT DATO' SERI HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG (Wakil Rhu Rendang): .... Kita telah mengambil tindakan mengikut undang-undang yang ada pada masa itu .....

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Penjelasan, penjelasan Dato' Yang Dipertua .....

YANG BERHORMAT DATO' SERI HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG (Wakil Rhu Rendang): penjarakan, ditahan pada masa itu ....

YANG BERHORMAT ENCIK NAWI BIN MOHAMAD (Wakil Hulu Besut): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, pohon laluan .....

YANG BERHORMAT DATO' SERI HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG (Wakil Rhu Rendang): Setelah dibebaskan balik ....

YANG BERHORMAT ENCIK NAWI BIN MOHAMAD (Wakil Hulu Besut): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, pohon laluan pasal berkaitan Ariffin Mamat ini di kawasan Hulu Besut.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Dokrok ni Yang Dipertua .....

YANG BERHORMAT DATO' SERI HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG (Wakil Rhu Rendang): Kemudian ada keputusan daripada media barulah diambil tindakan balik. Setelah diambil tindakan balik, Ariffin Mohamad yang nyata menyeleweng daripada Islam hilang tak jumpa dicari dan saya dimaklumkan oleh pihak Polis .....

YANG BERHORMAT ENCIK NAWI BIN MOHAMAD (Wakil Hulu Besut): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya pohon laluan dan inginkan penjelasan .....

YANG BERHORMAT DATO' SERI HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG (Wakil Rhu Rendang): ... Di antara yang melindunginya ialah kerana ada di dalam itu penyokong-penyokong *'hard core'* UMNO di dalam Ariffin Mohamad.

YANG BERHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Dato' Yang Dipertua, penjelasan.

YANG BERHORMAT DATO' SERI HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG (Wakil Rhu Rendang): Ya, sila.

YANG BERHORMAT ENCIK NAWI BIN MOHAMAD (Wakil Hulu Besut): Dato' Yang Dipertua, penjelasan berkaitan dengan Ariffin Mamat ataupun Ajaran Batu 13 ini daripada kawasan saya. Saya ingin penjelasan tahun berapakah Perkampungan Ariffin Mamat ini dirobohkan, di zaman Pas ataupun di zaman Umno? Sila beri penjelasan.

YANG BERHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Dato' Yang Dipertua, sekali lagi saya pohon penjelasan .....

YANG BERHORMAT DATO' SERI HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG (Wakil Rhu Rendang): ..... Ramai peminat Yang Dipertua .....

YANG BERHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): ..... dakwaan daripada Wakil Rhu Rendang menyatakan bahawa Polis memberitahu bahawa ada di kalangan pengikut Ariffin Mohamad itu orang Umno dan sebagainya. Saya nak tahu siapa pegawai Polis berkenaan dan sepatutnya pegawai Polis berkenaan diambil tindakan. Ini adalah dakwaan, kita boleh sebut pegawai Polis itu, pegawai ini yang kata sebab dia tidak ada di sini. Ini merupakan tohmahan yang tidak berasas Yang Dipertua. Sekali lagi saya merayu kepada ADUN Rhu Rendang berhemahlah dalam berkata.

YANG BERHORMAT DATO' SERI HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG (Wakil Rhu Rendang): Ya. Rayuan tidak diterima Dato' Yang Dipertua .....(Dewan Gelak) ..... dan saya tetap mempertahankan kerahsiaan nama yang memberi maklumat ini, itu hakikatnya.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Penjelasan, Dato' Yang Dipertua .....

YANG BERHORMAT DATO' SERI HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG (Wakil Rhu Rendang): Ya, sila.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Soalan saya Yang Berhormat Rhu Rendang bercakap memartabatkan tulisan jawi, hebat, berdegar-degar bercakap, hal ceramah memang hebat sungguh, diakui, kalah orang lain kalau berceramah. Persoalan saya Harakah itu jawi ke tidak? Harakah, suratkhabar Pas tu jawi ke tidak. Nampak tidak ada jawi sikit habuk nampaknya. Terima kasih Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' SERI HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG (Wakil Rhu Rendang): Harakah jangankan jawi, asalnya dua kali seminggu. Apabila mendapat sambutan daripada masyarakat maka dibatalkan kebenaran itu dan bertukar menjadi dua minggu sekali. Inilah demokrasi media .....

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Yang Berhormat Yang Dipertua, orang Melayu ke orang Arab ni?

YANG BERHORMAT DATO' SERI HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG (Wakil Rhu Rendang): Ya.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Tak faham soalan ni. Ya, ya, 'Ya takdok titik' barangkali.

YANG BERHORMAT DATO' SERI HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG (Wakil Rhu Rendang): Harakah ini untuk dibaca Yang Berhormat yang mungkin tak berapa tahu tulisan jawi .....

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Tak, saya nak tanya Harakah tu tulis jawi ke, tulis rumi?

YANG BERHORMAT DATO' SERI HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG (Wakil Rhu Rendang): Rumi.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Dah, yang jawab kata dua minggu, tiga minggu tu, tak faham soalan, Bahasa Malaysia tak pas barangkali.

YANG BERHORMAT DATO' SERI HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG (Wakil Rhu Rendang): Dia ada keluaran kita, tulisan jawi untuk Ahli-ahli PAS yang rumi ni untuk Ahli-ahli UMNO yang tak tahu tulisan jawi ..... (Dewan Sorak dan Gelak) ..... Tuan Yang Dipertua .....

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): ..... Pelawok, pembohong bersiri .....

YANG BERHORMAT HAJI KHAZAN BIN CHE MAT (Wakil Batu Rakit): Pelawok pakai kopiah .....

YANG BERHORMAT ENCIK WAN AHMAD NIZAM BIN WAN ABDUL HAMID (Wakil Air Putih): Ooh! Menasabahlah jadi Tok Guru, sihat ke tidak ni?

YANG BERHORMAT DATO' SERI HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG (Wakil Rhu Rendang): Ada lagi soalan? Sila, sila soal lagi.

YANG BERHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Dato' Yang Dipertua, saya berharap Wakil Rhu Rendang memberi jawapan dengan penuh kewarasan. Jadilah manusia normal, jangan tak normal sudah.

YANG BERHORMAT DATO' SERI HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG (Wakil Rhu Rendang): Tuan Yang Dipertua, bahkan pilihan raya baru-baru inipun kita mengucapkan terima kasih kepada rakyat Negeri Terengganu yang terus memberi sokongan kepada Kerajaan PAS dalam pilihan raya yang lalu. Apa yang kita sedari ialah peratus mengundi di Terengganu hampir 90 peratus. Melalui *post-mortem* yang kita buat kita dapati 20,000 adalah 'i.c.'

di luar Terengganu dan terdapat pengundi-pengundi yang mengundi acap kali, pengundi yang diimport .....

YANG BERHORMAT ENCIK ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Laluan Dato' Yang Dipertua .....

YANG BERHORMAT DATO' SERI HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG (Wakil Rhu Rendang): ..... Dan kami telah berjumpa dengan Suruhanjaya Pilihan Raya ....

YANG BERHORMAT ENCIK ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Assalamualaikum, minta laluan .....

YANG BERHORMAT DATO' SERI HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG (Wakil Rhu Rendang): ..... Pengerusi SPR, ini saya nak beritahu, Pengerusi SPR, Tan Sri Abdul Rashid Abdul Rahman mengaku pilihan raya yang berlaku 2004 adalah pilihan raya yang tak mengikut peraturan yang sebenarnya.

YANG BERHORMAT ENCIK WAN AHMAD NIZAM BIN WAN ABDUL HAMID (Wakil Air Putih): Minta laluan, Yang Dipertua .....

YANG BERHORMAT DATO' SERI HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG (Wakil Rhu Rendang): ..... Yang ini saya beritahu nama.....

YANG BERHORMAT ENCIK WAN AHMAD NIZAM BIN WAN ABDUL HAMID (Wakil Air Putih): Saya mintak Wakil Rhu Rendang tapis sikit bercakap tu ..... jangan baham rambang sangat gok .....

YANG BERHORMAT DATO' SERI HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG (Wakil Rhu Rendang): Saya nak alih kepada tajuk Pembangunan Manusia .....

YANG BERHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Dato' Yang Dipertua, penjelasan. Dato' Yang Dipertua, sebab dia tunjuk ke Kijal, saya nak jawablah ni .....

YANG BERHORMAT DATO' SERI HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG (Wakil Rhu Rendang): Kita tak boleh membangun negara dengan duit banyak saja kalau tidak ada pembangunan manusia, Tuan Yang Dipertua .....

YANG BERHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Yang Dipertua, penjelasan. Sebab dia tunjuk Kijal satni, Kijal bangun ni .....

YANG BERHORMAT DATO' SERI HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG (Wakil Rhu Rendang): Allahtaala berfirman dalam Al-Quran: (membaca petikan Surah Al-Israa' ayat 16) .....

YANG BERHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Takmboh beri dah.

YANG BERHORMAT DATO' SERI HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG (Wakil Rhu Rendang): ..... "Dan apabila kami menghendakki, kami nak binasakan sesebuah negeri, kami jadikan

orang-orang yang mewah dalam negeri itu melakukan kejahatan dengan kemewahan dan kesenangan itu selepas itu kami hancurkan dia dengan sehancur-hancurnya". Seluruh rakyat kecuali yang tak faham merintih tentang kenaikan harga minyak, pada hal negeri kita ini negeri yang ada minyak yang boleh dibuat pusingan dengan berbagai-bagai cara untuk menaiki masalah kenaikan harga minyak. Dihujjahkan kerana kerajaan terpaksa menampung perbelanjaan yang besar untuk pembangunan rakyat. Kitapun menyedari bahawa pembangunan yang berlaku di dalam negara ini kita bukan tak ada duit tetapi banyak yang habis dan bocor di tengah jalan.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: ..... Yang Berhormat, masa Yang Berhormat berucap dah habis .....

YANG BERHORMAT DATO' SERI HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG (Wakil Rhu Rendang): ..... kerana negara kita tak dapat lagi mengatasi masalah .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat, Yang Berhormat telah berucap hampir satu jam, saya bagi dua minit saja lagi.

YANG BERHORMAT DATO' SERI HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG (Wakil Rhu Rendang): Ya. Terima kasih. Sebab tak cukup itu kerana kroni, naputisma, rasuah yang dikatakan nak menangani sehingga hari ini hilang begitu sahaja dan timbul masalah baru. Perwaja yang menjadi nasib malang bagi Negeri Terengganu dibuka cawangan di Gurun lepas itu diangkut besi dari Terengganu buat pergi ke Gurun. Apa yang berlaku duit habis untuk *transport* pergi ke Gurun. Inilah yang dapat duit banyak *transport* dari Terengganu ke Gurun. Terengganu terlibat sama dalam isu Perwaja ini tapi sayangnya orang yang terlibat diheret ke mahkamah musim pilihan raya dan dilayan dengan cara VVIP diletakkan di "hospitel" (hospital-hotel). Dibicarakan dalam masa pilihan raya .....

YANG BERHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Dato' Yang Dipertua, ...

YANG BERHORMAT DATO' SERI HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG (Wakil Rhu Rendang): Ya.

YANG BERHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): ..... Penjelasan - Bahasa benda ni campur dua ni?

YANG BERHORMAT DATO' SERI HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG (Wakil Rhu Rendang): Sekarang ini bahasa campur, ...

YANG BERHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): ..... Kalau kopi campur teh ....

YANG BERHORMAT DATO' SERI HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG (Wakil Rhu Rendang): Wakrap, wakrap .....

YANG BERHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): ..... Kalau kopi campur teh jadi guana? .....(Dewan Gelak) .....

YANG BERHORMAT DATO' SERI HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG (Wakil Rhu Rendang): Orang yang berkenaan masih tak selesai di mahkamah nak kata lama mana lepas pilihan raya kes Perwaja ini masih tak selesai dan Terengganu menerima padah yang sama dalam Perwaja ni, duit rakyat dilarikan dengan jumlah yang begitu besar. Inilah malangnya nasib Negeri Terengganu, sudahlah dipinggirkan, tiap-tiap tahun dibuat desakan supaya pelaburan-pelaburan yang memajukan negeri dibawa ke Pantai Timur .....

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Minta laluan, Yang Berhormat Yang Dipertua .....

YANG BERHORMAT DATO' SERI HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG (Wakil Rhu Rendang): Sila.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Ini nak memartabatkan tulisan jawi ni Yang Dipertua, saya ada Harakah di sini Yang Dipertua, ada ni tapi takdok sehelai habuk tulisan jawipun, orang putih ada, hebat. Jawi takdok sehelai habuk sekurang-kurangnya ada jugak 'hadhari' adalah jugak di belakang tu ..... (Tepukan Sokongan) ..... Ini bercakap senanglah bercakap, nak buat payah, tak buat. Bercakapnya dulu tiga-empat tahun dulu beginilah berlaku tuan-tuan dan puan-puan. Terima kasihlah Yang Dipertua hak nak jelas ni, takdok sehelai habuk, orang putih bukan main lagi sebab itu Yang Berhormat tadi bercakap orang putih tadi, kita orang Melayu belaka di sini. Terima kasih, Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' SERI HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG (Wakil Rhu Rendang): Kami cabar supaya diusahakan Kerajaan Pusat beri kebenaran kita mengeluarkan akhbar harian. Oleh kerana media kita terhad, dalam t.v.pun terhad, kadang-kadang dalam t.v. Tuan Yang Dipertua, gambar saya keluar suara saya takdok mulut saja bergerak .....(Dewan Gelak) ..... orang tak tahu apa yang saya cakap. Macam mana kita nak maklum kepada rakyat .....

YANG BERHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Dato' Yang Dipertua, hak bergerak suara takdok tu, 'Wak Long Pak Dogol' wayang kulit.

YANG BERHORMAT DATO' SERI HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG (Wakil Rhu Rendang): Itu Umno punya medialah, RTM, TV3. Tuan Yang Dipertua, memang media ini kita nak sampaikan kepada rakyat, oleh kerana media kita terhad. Alhamdulillah, kita dapat mempertahankan pendidikan agama melalui Pasti, melalui Sekolah-sekolah Rendah Agama, melalui pengajian agama yang masih lagi mempertahankan tulisan jawi tapi nak menyampaikan maklumat kepada generasi-generasi yang dirosakkan oleh Umno, yang tak tahu jawi inilah yang menyebabkan kita terpaksa mengeluarkan Harakah melalui tulisan rumi .....(Dewan Sorak dan Gelak) ..... Kalau nak suruh jawi, sila beri kepada kita kebenaran kita boleh buat keluar. Beri kebenaran kepada kita, buat keluar tiap-tiap hari .....

YANG BERHORMAT HAJI DIN BIN ADAM (Wakil Bukit Besi): Jadilah nak loyar buruk, cukup dah tu.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat Bukit Besi, sila duduk.

YANG BERHORMAT DATO' SERI HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG (Wakil Rhu Rendang): Alhamdulillah ....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat masa dah cukup dah.

YANG BERHORMAT DATO' SERI HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG (Wakil Rhu Rendang): Terima kasih Yang Dipertua kerana memberi masa yang begitu banyak termasuklah masa-masa kecederaan.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Kita dah ambil kira dah. Terima kasih Yang Berhormat Kawasan Rhu Rendang. Ada lagi Yang Berhormat yang ingin mengambil bahagian? Saya mempersilakan Yang Berhormat Kawasan Sura.

YANG BERHORMAT HAJI AHMAD KAMAL BIN ABDULLAH (Wakil Sura): Bismillahirrahmanir-rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua Dewan, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar dan seterusnya sidang Dewan yang dimuliakan sekalian.

Terlebih dahulu saya melahirkan setinggi-tinggi rasa syukur kepada Allah S.W.T. kerana pada petang yang berbahagia ini kita dapat menyaksikan dan kita dapat mendengar semacam kuliah Asar daripada orang yang digelar sebagai Tuan Guru. Berbagai-bagai tuduhan yang terkeluar daripada bibir mulutnya dan sejak daripada semalam sampai pagi tadi saya dapat mendengar dan sejak daripada semalam sampailah pagi tadi saya sepatahpun tidak keluar ucapan sehinggalah saya mengambil peluang pada petang ini untuk menyebutkan dan membaca beberapa peringatan Nabi S.A.W. mudah-mudahan ianya dapat memberikan peringatan dan keinsafan terutama kepada mereka yang agak celupar dalam agama ini. Di antara lain mari kita renung bersama apa yang disebutkan oleh Baginda Nabi S.AW. Nabi menyebut: "Akan berlaku akan datang satu zaman selepas daripada kewafatan Aku, kata Nabi iaitu orang alim hanya dilidah tetapi di hatinya adalah hati munafiq". Di lidahnya sahaja digambarkan seolah-olah dia merupakan seorang alim yang begitu petah dengan ayat-ayat Quran, Hadis dan macam-macam hujah lagi tetapi hatinya, hati munafiq. Lalu dalam dialog yang lain, sahabat bertanya kepada Rasulullah: "Ya Rasulullah! Siapakah dia dan apakah tanda orang-orang munafiq itu?" Nabi menegaskan dengan maksudnya kata Nabi S.A.W.: "Tanda orang munafiq itu ada tiga perkara iaitu apabila dia berucap, apabila dia bercakap, dia berbohong". Tidak berbohongkah apa yang diucapkan oleh rakan-rakan kita daripada Pembangkang daripada semalam sampai tadi sehinggalah kita melihat pembohongan demi pembohongan yang dikeluarkan, bohong ini bukan masalah politik tetapi masalah agama yang Nabi menegaskan bahawa orang yang berbohong itu ada tanda munafiq di dalam dirinya. Satu lagi Nabi S.A.W. menegaskan yang amat berat untuk saya bacakan pada petang ini tetapi demi tanggungjawab untuk menyedarkan rakan-rakan Pembangkang kita, saya membaca sebuah Hadis yang sahih daripada Imam Bukhari. Bila mana saya membaca Hadis ini, saya agak berat untuk membaca Hadis ini tetapi demi tanggungjawab terpaksa saya membacakan terjemahan ini. Apa kata Nabi: "Akan keluar pada akhir zaman satu kumpulan yang sering berhujah ayat-ayat Quran sedangkan iman mereka hanya sekadar

pada kata-kata sahaja. Mereka terkeluar daripada agama seperti keluarnya anak panah daripada busurnya maka jika kamu berjumpa dengan kumpulan ini, bunuhlah mereka". Saya ulang apa yang disebutkan oleh Nabi apabila kamu berjumpa dengan kumpulan ini: "Bunuhlah mereka kerana barang siapa yang dapat membunuh mereka akan disediakan syurga yang begitu tinggi di hari Qiamat nanti". Dato' Yang Dipertua, berhujah, berhujah juga, berbahas, berbahas juga tetapi wahai saudaraku Wakil Rhu Rendang jagalah aqidah saudara. Wahai saudaraku Wakil Wakaf Mempelam jagalah aqidah kita sama ada tepuk tangan, bengkak tangan dan seumpamanya yang penting jagalah aqidah sebagaimana yang sering kita berceramah di mana-mana. Dato' Yang Dipertua, ingatlah bila mana kita bersua dengan orang-orang yang seumpama ini sekiranya mereka beriman pasti mereka akan akur dengan apa yang disebutkan oleh Baginda Nabi S.A.W. tetapi apabila mereka tidak endahkan dengan apa yang diucapkan kita bimbang mereka ini tergolong di kalangan mereka yang tidak diakui oleh Nabi sebagai umat-umat Nabi Muhammad S.A.W.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya memulakan dengan memuji dan bersyukur kepada Allah S.W.T. yang mengurniakan nikmat keamanan dan kesejahteraan hidup kepada kita semua dengan berkat kepimpinan negeri dan negara yang kita cintai. Mungkin bila mana kita sebut berkat kepimpinan negeri dan negara maka adalah orang-orang yang akan menafikannya, maka akan adalah orang-orang mengejek kita pada hal sebenarnya inilah hakikat yang berlaku (membaca petikan Surah Ibrahim ayat 7). Saya mengingatkan diri saya dan sidang Dewan yang dimuliakan sekiranya kita tidak mahu bersyukur ataupun kita tidak pandai berterima kasih kepada orang lain, mereka buat-buat tak nampak apa yang mereka perolehi daripada pembangunan negeri dan negara malahan apa sahaja kejayaan yang didapati dan diperolehi oleh orang lain lalu mereka dengan mudah menafikannya. Ingin saya tegaskan dan saya bimbang orang-orang yang seumpama ini adalah orang-orang yang kita bimbang tergolong di kalangan mereka yang disebutkan oleh Allahtaala dalam Quran: *"fiqulubihim maradhun fazadahumullahumaradha"*. Mereka tahu bahawa kejayaan demi kejayaan telahpun dicapai walaupun kerajaan kita baru 2 tahun memerintah. Dia tahu bahawa mereka telahpun memerintah 4 tahun, tidak ada apa-apa yang mereka lakukan tetapi kenapa mereka tidak boleh menerima realiti ini? *"Fiqulubihim maradhun"*, segala galanya adalah soal hati kerana hati mereka berpenyakit, hati mereka ada virus, hati mereka ada hasad dan dengki *"fazadahumullahumaradha"* maka Allahtaala menambahkan lagi penyakit kepada mereka.

Dato' Yang Dipertua, kita berasa, orang Terengganu kata *seri'a* apabila mendengar ucapan daripada orang yang hebat di dalam kepimpinan Parti Pembangkang Negara bila mana menuduh orang-orang UMNO sebagai Israel dan golongan mereka pulak seolah-olahnya daripada Hamas. Kalau kita perhati antara Hamas dengan Israel, kita mendengar cerita daripada dulu orang Israel, mereka meroboh bangunan-bangunan, mereka meroboh rumah-rumah dan seumpamanya tetapi persoalannya mari kita renung bersama dan mari kita menjawab dengan hati yang lapang. Apa yang kita hendak istilahkan apabila zaman pemerintahan PAS mereka menghalau anak-anak daripada tadika, mereka menghalau anak-anak Syurga daripada Tadika-tadika KEMAS tanpa belas ehsan. Orang Israel meroboh bangunan dan rumah, orang PAS yang memerintah pada waktu itu mereka menghalau anak-anak kecil yang mereka belajar semata-mata kerana Allah. Kalaulah sekiranya anak-anak ini mati, syahidlah untuk mereka kerana mereka masih lagi belum tergolong di kalangan mereka yang muqalaf. Tetapi kita dengar hari ini terbalik pula jadinya tuduhan

Israel dikemukakan dan ditujukan kepada orang yang lain. Inilah yang kita bimbang berlaku kepada umat kita dengan sebab itu Program Ulul Albab yang disebutkan oleh beberapa Wakil-wakil Rakyat tadi sebenarnya inilah sebenar di antara tujuan kenapa perlunya kita menyokong program melahirkan golongan Ulul Albab. Antara lainnya ialah mereka yang berjurus dalam bercakap, antaranya ialah supaya mereka yang berbudi pekerti dan lisannya, lisan yang halus. Kita jangan jadi mereka yang disebutkan oleh Nabi dalam Hadis yang saya bacakan sebentar tadi. Kita bimbang mereka yang mempunyai mulut yang begitu manis bagaikan gula tetapi hatinya jahat dan ganas bagaikan serigala.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, dalam kesempatan ini ingin saya menegaskan bahawa sebenarnya tanpa nikmat keamanan dan kemakmuran tidak mungkin kita dapat bersidang di dalam Dewan yang mulia ini. Tanpa nikmat keamanan dan kemakmuran, kita tidak mungkin untuk berkhidmat kepada rakyat, tanpanya penoreh-penoreh getah tidak mampu tersenyum dengan hasil mahsul mereka. Seterusnya saya mengambil peluang sempena dengan bulan Keputeraan Nabi S.A.W. untuk mengucapkan selawat dan salam kepada Nabi S.A.W. *"Allahumassalli-ala Sayyidina Muhammad Wa-ala-alihi Sayyidina Muhammad."* Kepangkuan Nabi S.A.W. Nabi dan Rasul yang dimulia dan disanjung, walaupun di sana ada segelintir manusia yang membenci Muhammad, mereka menghina Nabi, mereka memfitnah Nabi dan mereka memberikan gelaran-gelaran sumbang kepada Nabi tetapi Nabi tetap istiqamah dengan tugasnya menyampaikan Di-Nul Islam. Mereka mendidik ummah dan mereka memimpin mereka ke jalan kebenaran. Oleh sebab itulah, pada petang yang mulia ini saya melihat berbagai-bagai telatah daripada kita, amat memalukan lagi bila mana ada anak-anak dan adik-adik daripada pusat-pusat pengajian yang juga menyaksikan apa yang kita bahaskan pada petang yang mulia ini. Lalu mereka dapat melihat telatah-telatah kita bersama, lalu mari kita membuat pertimbangan yang sewajarnya, manakah dia kumpulan yang wirid mereka adalah ucapan syukur, ucapan mereka penuh dengan ucapan terima kasih dan penuh dengan kesabaran. Berucap dengan penuh wibawa dan bertanggungjawab bersama dengan fakta-faktanya dan mana pulakah golongan dan kumpulan yang lidah mereka hanya menaburkan fitnah, yang mengeji orang lain, yang mempersendakan orang lain, yang memberikan gelaran-gelaran sesukanya seperti gelaran terlalu kerdil, IQ rendah, orang hulu dalam bentuk yang menyindir, menyamakan dengan Israel dan berbagai-bagai lagi.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya turut terharu apabila mendengar seruan daripada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Al-Sultan, khususnya kepada Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri supaya sentiasa mempamerkan budi pekerti yang tinggi. Baru semalam kita mendengar Titah daripada Duli Yang Maha Mulia Tuanku supaya sentiasa mempamerkan budi pekerti yang tinggi tetapi dalam Dewan Undangan Negeri ini juga kita dalam melihat dan kita dapat menilai sendiri mana dia budi pekerti yang tinggi yang diajar di dalam Islam sebagai mengambil sempena bulan Keputeraan Junjungan Besar Nabi S.A.W. yang sentiasa menampilkan akhlak yang terpuji, lidahnya lidah yang banyak berzikir, lidahnya penuh dengan akhlak walaupun difitnah, walaupun dicaci maki, dihina dan dituduh dengan berbagai-bagai.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Al-Sultan ada menyentuh aspek kebersihan dan keindahan bandar-bandar. Saya merasa terharu apabila saya melihat sendiri bahkan pelancong dapat melihat dengan jelas tahap kebersihan bandar

kita semakin baik dari hari ke hari. Berkait dengan keindahan bandar-bandar saya mewakili warga Sura juga merasa syukur dan mengucapkan terima kasih kepada pihak kerajaan dan Pihak Berkuasa Tempatan kerana memberikan keprihatinan terhadap Bandar Dungun, alhamdulillah. Kalau dahulunya kawasan Bandar Dungun yang mempunyai nama berbagai Sura, ada Sura Gate, ada Sura Jeti dan berbagai bagai Sura lagi sehingga bila datangnya bulan Muharram, alhamdulillah seluruh dunia merayakan Sura dengan sebab adanya 'bubur syura' dan seumpamanya bukan sahaja di Malaysia malahan di seluruh dunia mereka memberikan penghormatan kepada Sura, alhamdulillah. Tersohor serata dunia' kerana sedikit masa dahulu laluan kereta api bagi mengangkut bijih besi maka kini suasana itu mula menampakkan keceriaan semula. Sebagai sebuah bandar yang berada di ambang kecemerlangan namun saya melihat sekiranya rumah-rumah kedai, pusat-pusat perniagaan yang ada di tengah tengah Bandar Dungun itu kalau sekiranya dibina bangunan-bangunan yang baru maka saya yakin wajah Bandar Dungun akan semakin ceria sesuai slogan orang-orang Sura "Rakyat Mesra Sura Ceria".

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya sering mendengar ucapan para pelancong yang datang ke negeri kita bahawa pantai-pantai kita adalah antara pantai yang terbaik. Tetapi sayang demi sayang sehingga kini saya melihat Pihak Berkuasa Tempatan dengan izin, masih kurang bersungguh-sungguh memberi perhatian sama ada dari segi pembangunan pantai, penjagaan tanah pantai daripada hakisan bahkan dari segi kebersihan dan keceriaannya. Oleh yang demikian, atas semangat cintakan pantai, 'Cintailah Pantai Kita' saya berharap semua Pihak Berkuasa Tempatan terutamanya Pihak Berkuasa Tempatan Daerah Dungun dan pihak JPS Daerah supaya mempastikan dan memberikan perhatian kepada pembangunan di kawasan-kawasan Teluk Lipat terutamanya di samping mengambil tindakan segera terhadap hakisan pantai yang sedang berlaku sekarang. Saya rasa kini sudah sampai masanya pihak kerajaan memikirkan kaedah yang strategik agar pantai-pantai kita terjaga dan terkawal seperti menswastakannya ataupun seumpamanya.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, selaku seorang muslim, saya merasa syukur dan bangga apabila pihak kerajaan berjaya membina 30 buah masjid di negeri yang tercinta ini. Dalam tempoh yang begitu singkat, 2 tahun, alhamdulillah sebegitu rupa masjid telahpun dapat dibina berbanding di zaman PAS memerintah yang mereka hanya pandai mengutip wang daripada orang ramai tiap kali mereka mengadakan syarahan sama ada di zaman mereka belum menjadi kerajaan ataupun selepas mereka menjadi kerajaan maka kerja mereka tidak lain ialah mengutip wang daripada orang ramai. Berbalik dengan kaedah Islam, Nabi menyebut dalam Hadis: *"Al-Yadul-auliya Khairunminalyadis-sufla"* "Tangan yang di atas, tangan yang memberi lebih baik daripada tangan yang menerima". Tetapi bila mana mereka membaca ayat Quran kita nampak semacam merekalah orang yang bersungguh-sungguh melaksana dan merealisasikan ajaran Islam daripada Quran dan Sunnah. Tetapi apabila mereka berceramah, seolah-olahnya syarahan mereka, seolah-olah sesi ceramah mereka tidak sah kalau sekiranya tidak sulam dengan beredarnya *supit-supit rokrak*, dengan izin. Sayapun kadang-kadang mendengar syarahan dan mengikuti majlis seumpama itu, kadang-kadang .....

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Laluan Yang Dipertua, *supit rokrat* itu guana gok?

YANG BERHORMAT HAJI AHMAD KAMAL BIN ABDULLAH (Wakil Sura): Dia *supit rokrak* dia lebih kurang macam serban, dia bunyi 'krah ..... krah ....' begitukan? Sebab tujuannya *supit rokrak* itu ialah supaya dapat mudah ditukar, kalau *supit rokrak* tidak ada, ditukar dengan serban. Diedar sebegitu rupa *supit rokrak* kepada orang ramai dalam keadaan gelap dan dalam masa yang sama kadang-kadang bila mana saya mengikuti ceramah-ceramah mereka kadang-kadang kita memikir bila mana diisytiharkan kutipan daripada wang ceramah itunya daripada nilai wang daripada berbagai-bagai negara, ada pitih daripada Thailand, ada pitih daripada Indonesia, Bath Thailandpun ada, Rupiah Indonesiapun ada, hak Filipinapun ada, Saudipun ada, Mesirpun ada, macam-macam. Hak kita jumpa setakat ini, takdok lagi mari hak pelik-pelik dan kalau sekiranya orang Mesir ke, orang Saudi ke, orang yang bukan orang Melayu dengar ceramah, kitapun rasa pelik apa sebab mereka mendengar ceramah daripada orang Pas dalam masa yang sama mereka tidak faham apa yang mereka ucapkan, inilah yang berlaku .....

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Laluan sekali lagi Yang Dipertua, Wakil Sura ada makluman ke tidak berkenaan dengan pembahagian daripada kutipan *supit rokrak* tadi tu yang mana 30 persen untuk penceramah, 30 persen untuk tuan rumah dan 30 persen ranting-ranting Pas sekitar itu. Betul ke tidak maklumat yang saya terima itu?

YANG BERHORMAT HAJI AHMAD KAMAL BIN ABDULLAH (Wakil Sura): Terima kasih kepada Wakil Ajil. Saya tidak pastilah macam mana pembahagiannya tapi bila mana kita mendengar dan kita melihat cerita Allahyarham P.Ramlee adalah seorang yang tukang kutip dia kata "10 persen, 20 persen", hak ni-lah kemudian dia bahagi pulak harta emas itu, "Hak ini untuk engkau, hak ini untuk aku", wallahu'alamlah, dialah yang akan jawab di hadapan Allah S.W.T. sebab duit itu adalah duit rakyat yang diamanahkan oleh rakyat. Takutlah kepada firman Allah S.W.T: "Bahawa kalau sekiranya masuk dalam tubuh badan kamu satu zarrah daripada sumber yang haram maka Nerakalah yang lebih layak kepada tubuh badan tersebut", Hadis Nabi S.A.W.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, sebagai seorang Muslim saya merasa syukur dan bangga apabila pihak kerajaan telahpun berjaya membina 30 buah masjid di negeri yang kita cintai ini. Namun dalam situasi yang ada kita dapati di masjid-masjid kerajaan yang saya maksudkan di sini ialah masjid-masjid kerajaan bukannya masjid mukim masih kedapatan kekurangan pegawai-pegawai masjid kerajaan. Pada hal kita sedar ramai anak-anak kita yang keluar daripada pusat-pusat pengajian sama ada dalam ataupun luar negara, ramai yang tak ada kerja tetapi mereka semacam kurang berminat menjawat jawatan yang tetap iaitu jawatan Imam yang bergaji tetap di masjid-masjid kerajaan. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, melihat kepada kepentingan kepimpinan Imam-imam di masjid-masjid kerajaan maka sudah sampai masanya pihak kerajaan mengiktiraf jawatan Imam-imam dan Bilal di masjid-masjid kerajaan sebagai golongan pakar. Saya ulang balik, sudah sampai masanya pihak kerajaan mengiktiraf jawatan Imam dan Bilal di masjid kerajaan ini sebagai golongan pakar yang perlu dipertimbangkan elaun ataupun gaji mereka. Justeru, melalui Dewan yang mulia ini saya mencadangkan agar golongan-golongan pakar ini diberikan elaun sebanyak RM2,000.00 sebulan kepada mereka yang tiada ijazah dan RM3,000.00 sebulan kepada mereka yang berijazah.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, kawan saya Wakil Batu Burok menimbulkan isu Skim Gunasama Pegawai-pegawai Pejabat Agama yang seolah-olah hari ini dia menjadi wira untuk membela pegawai-pegawai dari Pejabat Agama yang menyalahkan Kerajaan BN yang terdahulu seolah-olah pegawai-pegawai tersebut tidak mampu tersenyum gembira. Seolah-olah Kerajaan BN terdahulu yang mengkhianati mereka dan menzalimi mereka. Pada hal apa yang berlaku terhadap Pegawai-pegawai Pejabat Agama bahawa sebenarnya yang berlaku hingga kini adalah hasil daripada tangan Pegawai-pegawai Agama itu sendiri. Kerajaan tidak pernah memaksa mereka menerima opsyen skim tersebut tetapi merekalah sebenarnya yang dengan sukarela, yang memberikan persetujuan untuk memasuki skim tersebut. Apabila mereka berada di dalam skim tersebut lalu selepas daripada itu mereka baru rasa tersedar kemudian nak berpatah balik sebagaimana Pegawai-pegawai Kerajaan Negeri oleh sebab itu adalah tidak wajar untuk dituding kesalahan itu kepada kerajaan apabila berlaku sesuatu kepada pegawai-pegawai kerajaan. Namun alhamdulillah, dengan rasa tanggungjawab saya yakin pihak kerajaan terutamanya daripada Exco saya, Pembangunan Islam Hadhari sentiasa berusaha dan hingga kini sentiasa berbincang mencari jalan penyelesaian yang terbaik bagaimana untuk menjaga kepentingan pegawai-pegawai di Pejabat Agama dan dalam masa yang sama mencari jalan bagaimana hendak menambahkan kekurangan-kekurangan yang berlaku di jabatan berkenaan.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, dalam ucapan ini juga marilah kita melahirkan rasa syukur kepada Allah dengan sebab kita tidak termasuk di kalangan mereka yang suka mencemuh orang lain. Sahabat-sahabat saya Wakil-wakil Kerajaan, marilah kita melahirkan ucapan syukur alhamdulillah apabila orang menuduh kita dengan berbagai-bagai tuduhan, alhamdulillah, summalhamdulillah. Kalaulah sekiranya mereka menuduh kita Israel, alhamdulillah, Allahtaala sajalah yang mendengar ucapan mereka, Allahtaalalah yang akan memberikan balasan kepada mereka dengan ucapan-ucapan itu. Alhamdulillah, sehingga sekarang kawan-kawan kita masih lagi dapat bersabar, masih lagi dapat mengucapkan alhamdulillah, hatta apabila selesainya beberapa sesi selepas daripada Perbahasan walaupun sebelum daripada itu di dalam Dewan ini berbagai-bagai tuduhan yang dilemparkan tetapi apabila ketika *break*, apabila waktu rehat alhamdulillah, saya duk perhati kawan-kawan kita masih lagi tepuk-tepuk belakang Wakil-wakil Rakyat Pembangkang, alhamdulillah. Kalau nak ikut kepada pe'el hodoh kita orang muda-muda ni terutama saya, minta maaf dengan izin, kalau sayalah kena ucapan Israel kalau di luar daripada Dewan ini kalau tak teringat saya ini Wakil Rakyat rasanya sising tangan, kerana kita di zaman muda boleh tahan jugak. Bukan sahaja Wakil Kijal boleh sising dan menyahut cabaran, Wakil Surapun insyaAllah tetapi inilah sikap Wakil-wakil Rakyat BN apabila mereka dituduh dengan berbagai-bagai tuduhan, apabila mereka difitnah dan kita mendengar pembohongan demi pembohongan ramai di kalangan kita hanya tersenyum sahaja biarlah orang-orang yang menyaksikan di dalam Dewan yang mulia ini melihat telatah mereka dengan pembohongan demi pembohongan yang dilakukan. Allahtaala maha adil dan di kesempatan yang terakhir ini suka saya mengingatkan diri saya, saya mengingatkan kawan-kawan saya di sebelah kanan saya, saya mengingatkan kawan-kawan saya sekalian dengan firman Allahtaala dalam Surah Al-Hujarat ayat 11: (membaca petikan Surah Al-Hujarat ayat 11). Apa maksudnya? Allahtaala menegaskan: "Wahai orang-orang yang beriman, janganlah satu puak dari kaum lelaki mencemuh dan merendah-rendahkan puak lelaki yang lain kerana mungkin puak yang dicemuh itu lebih baik daripada mereka yang mencemuh. Dan janganlah pula satu-satu puak dari kaum perempuan mencemuh

dan merendah-rendahkan puak perempuan yang lain kerana harus puak yang dicemuh itu lebih baik daripada mereka yang mencemuh. Dan janganlah setengah kamu mengaibkan setengah yang lain, (jangan jatuhkan keaiban dia betullah kita orang hulu tetapi janganlah kita aibkan dia dengan perkataan orang hulu dan seumpamanya dengan ucapan yang mengaibkan). Dan janganlah pula kamu panggil memanggil di antara satu sama lain dengan gelaran yang buruk, begitu hinanya di sisi Allah orang yang menggelar, ucapan yang fasik selepas seseorang itu beriman kepada Allah S.W.T. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, alhamdulillah, saya syukur kepada Allah kerana dapat berucap dengan baik tanpa diberikan gangguan oleh kawan-kawan saya. Saya juga menunggu sebenarnya kawan baik saya daripada Rhu Rendang, nampak pada petang ini *tak keti'* orang kata, alhamdulillah, mungkin dia khyusuk mendengar ceramah saya. Sekian, saya mohon menyokong. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli Yang Berhormat sekalian, sekarang saya tangguhkan sementara Persidangan Dewan sehingga jam 4.30 petang.

DEWAN DITANGGUHKAN SEMENTARA PADA PUKUL 4.10 PETANG.

Pukul 4.30 Petang

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Mesyuarat disambung semula. Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat, Perbahasan Usul Menjunjung Kasih Di Atas Titah Di Raja telah selesai, sekarang saya minta pihak kerajaan membuat Penggulungan. Dipersilakan.

YANG BERHORMAT ENCIK TOH CHIN YAW (Wakil Bandar): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua-ketua Jabatan Kerajaan, para Pemerhati sekalian.

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang memberi pandangan terhadap kenaikan harga minyak sebanyak 30 sen seliter pada 1hb. Mac tahun ini. Jelasnya, rakyat menerima kenaikan harga minyak tersebut dengan sikap yang positif. Kerjasama dan sokongan dari semua pihak termasuk pihak kerajaan, agensi kerajaan dan rakyat mengurangkan kesan kenaikan harga minyak dan diminimakan. Sejak pertengahan tahun 2004, harga minyak mentah telah meningkat secara mendadak di pasaran dunia daripada US29.00 setong pada tahun 2003 dan mencatat US71.00 setong di ahkir-akhir ini. Harga minyak mentah dunia yang tinggi menyebabkan kerajaan menanggung beban subsidi minyak yang besar dengan kenaikan harga minyak sebanyak 30 sen seliter, kerajaan masih lagi menanggung beban subsidi yang besar dan hanya meminta rakyat berkongsi sedikit kos yang perlu ditanggung oleh kerajaan. Kita patut bersyukur kerana harga minyak di negara kita masih lagi antara yang terendah di dunia. Saya berterima kasih di atas Titah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Al-Sultan yang menggesa rakyat supaya meneruskan amalan hidup secara sederhana iaitu dengan berbelanja secara berhemah dan mengikut keperluan dan kemampuan. Rakyat perlu bijak berbelanja membeli barangan dengan harga yang berpatutan, berkualiti dan bijak dalam merancang perbelanjaan.

Dato' Yang Dipertua, Kerajaan Negeri berazam untuk melindungi sumber-sumber semulajadi yang terdapat di negeri kita ini yang merupakan aset penting kepada kita. Pada bulan Mac, 2006 satu program memasang tukun tiruan telah dilaksanakan dengan kerjasama Kerajaan Negeri, Unit Taman Laut, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, KUSTEM dan pihak-pihak swasta. Sebanyak 75 buah tukun tiruan telah dipasang di dasar laut Pulau Redang. Program memasang tukun tiruan ini adalah antara usaha kerajaan untuk menggalakkan lagi pertumbuhan batu karang di dasar laut kita. Kerajaan akan meneruskan program ini dan telah merancang untuk menambahkan lagi sebanyak 2,000 buah tukun tiruan di perairan sekeliling pulau-pulau di Terengganu pada tahun ini. Penubuhan Terengganu Riverine Dan Coastal Authority atau (Trivi Coasta) adalah bertujuan untuk mempastikan pembangunan fizikal yang melibatkan tanah dan penebangan hutan tidak akan menjejaskan eko-sistem semulajadi semua sungai, tasik, laut dan pulau-pulau di negeri ini. Rancangan jangka panjang telahpun dilaksanakan untuk mengekalkan keseimbangan alam sekitar melalui pengurusan secara berkekalan berbagai sumber dan rancangan meningkatkan kualiti alam sekitar bagi eko-sistem yang tercemar.

Tuduhan Wakil Wakaf Mempelam kelmarin, mengenai projek-projek yang dilaksanakan tanpa kajian adalah tidak betul. Sebenarnya, saya pernah menjawab soalan mengenai

kerja-kerja pengorekan pasir dan pembinaan Benteng Pemecah Ombak di muara Sungai Terengganu pada tahun lepas. Adalah dimaklumkan sekali lagi bahawa kajian yang mendalam telah disempurnakan sebelum kerja-kerja tersebut dimulakan. Begitu juga projek-projek yang lain ianya perlu menyediakan kajian sebelum pelaksanaan. Wakil Wakaf Mempelam cuba menggunakan taktik yang kotor dengan membangkitkan tuduhan yang lama yang pernah dijawab sebelum ini untuk mengelirukan rakyat.

Mengenai ajaran Islam dan nilai-nilai Islam Hadhari, kaum Cina tidak ada masalah untuk memahaminya. Apa yang masyarakat Cina tidak faham ialah adakah Islam mengajar kita berdemo, memecah tingkap, menyepak pintu kereta orang .....(Tepukan Sokongan) ..... merosak harta benda awam dan menimbulkan suasana huru-hara. Saya ingin menasihatkan Wakil Wakaf Mempelam dan Wakil-wakil Pembangkang supaya biarlah berkonstruktif dan positif. Pada masa-masa akan datang, marilah kita sama-sama 'Memahat Sejarah Mencipta Tamadun'. Sekian, terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya minta penjelasan sikit. Bila sentuh soal Islam Hadhari memang kaum Tionghua, sahabat-sahabat kita dia tidak ada masalah pasal tak berkait dengan dia. Cuma yang berjumpa dengan saya dia menggelengkan kepala, dia kata 'Islam Hadhari' (dalam pelat Cina), sebutpun tak betul dah Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, tapi tak apalah hal dia tu. Dia kata karaoke, disko sampai pukul 4.00 pagi, dia kata: "Kami tak apa, kami bukan orang Islam tapi kami sampai pukul 12.00 saja. Itu orang Melayu, Islam ke, aiyaa ..... 4.00 pagi ..... ooh ...".

YANG BERHORMAT ENCIK TOH CHIN YAW (Wakil Bandar): Yang sebut 'Hadhari' itu mungkinlah dari Lim Kit Siang, orang Terengganu tak sebut ' Had-hari' dah, orang Cinapun reti sebut 'Hadhari' .....(Dewan Gelak) .....

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua. Memang orang-orang Cina Tionghua di Kuala Terengganu bagus, dia faham. Cuma dia sedih, dia kata orang Islam sendiri hak kata nak Islam ni duk main dekat disko pukul 4.00 pagi ni, itu luahan perasaan orang bukan Islam. Saya sebagai orang Islam, saya menggeleng kepala Wakil Bandarlah. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI W. MOHD BIN WAN HASSAN (Wakil Kota Putera): Assalamu-alaikum warahmatullahitaala wabarakatuh. Bismillahirrahmanirrahim. Yang Berhormat Yang Dipertua Dewan Undangan Negeri, Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Yang Berhormat-Yang Berhormat dan hadirin-hadirat sekalian.

Syukur ke hadrat Allah S.W.T. kerana saya berpeluang untuk berucap walaupun sedikit pada petang ini kerana dalam 2 hari Perbahasan tidak banyak isu-isu yang berbangkit dengan jawatankuasa ataupun portfolio saya. Cuma di antara banyak-banyak Yang Berhormat ataupun Wakil Rakyat seingat saya hanya satu sahaja iaitu Wakil Rakyat dari Langkap yang membangkitkan tentang isu ibu tunggal. Itupun beliau menyarankan supaya pihak kerajaan terutama pertanian supaya memberi peluang kepada ibu-ibu tunggal ini dengan projek-projek pertanian dengan matlamat untuk membantu mereka menambah

pendapatan dan saya terima kasih banyaklah kepada Yang Berhormat Langkap kerana prihatin kepada golongan ibu tunggal ini dan insyaAllah, akan saya berjumpa dalam program-program ibu tunggal nanti saya akan maklumkan tentang keprihatinan Yang Berhormat. Untuk makluman sidang sekalian, sayapun setelah diberi tanggungjawab ini baru saya memahami sebenarnya tentang definasi ibu tunggal itu sendiri dan saya rasa elok juga saya kongsi bersama dengan Ahli-ahli Dewan bahawa yang dimaksudkan dengan ibu tunggal, yang digunapakai di Terengganu ialah; pertama wanita yang kematian suami dan dia pula meneruskan tugas membesarkan anak-anak. Yang kedua, apa yang dimaksudkan ibu tunggal juga ialah wanita yang telah bercerai dengan suaminya dan diberi hak penjagaan ke atas anak-anaknya. Ketiga, wanita yang tidak diberi nafkah oleh suami walaupun dia masih lagi isteri kepada suaminya untuk menyara hidup untuknya dan juga untuk menyara anak-anaknya. Dan keempat, wanita yang berada dalam proses perceraian yang mungkin akan mengambil masa yang agak panjang. Yang kelima, suami yang uzur yang tidak mampu menyediakan nafkah dan memerlukan penjagaan rapi. Keenam, wanita yang membesarkan anak orang lain tanpa pertolongan suami. Itu di antara definasi yang diberikan kepada ibu tunggal di peringkat negeri dan juga diperingkat kebangsaan. Dan setakat ini untuk makluman sidang Dewan juga, setakat ini bilangan ibu tunggal yang berdaftar dengan Persatuan Ibu Tunggal Terengganu ialah seramai 17,106 orang. Untuk makluman juga bahawa di samping Persatuan Ibu Tunggal Peringkat Negeri, di setiap DUN ditubuhkan Kelab-kelab Ibu Tunggal masing-masing. Saya yakin masih banyak lagi ibu-ibu tunggal yang tidak berdaftar dengan persatuan dan saya seboleh-bolehnya menggesa mana-mana ibu tunggal yang masih belum lagi berdaftar dengan persatuan untuk berbuat demikian kerana untuk kebaikan mereka juga kerana dengan adanya persatuan seperti ini akan memudahkan pihak kerajaan dan lain-lain lagi untuk memberi bantuan dan sebagainya.

Dato' Yang Dipertua, bagi Program-program Pembangunan Wanita ini termasuk ibu tunggallah. Ketika ini setelah saya diberi tanggungjawab dan amanah baru ini saya telah memikirkan beberapa perkara terutama cuba nak mendapatkan *input* dengan izin, daripada wanita itu sendiri program-program yang relevan dengan mereka. Jadi kerana itu dalam masa yang terdekat ini, insyaAllah, kepada wanita-wanita di Terengganu ini saya akan bawa mereka ke Kuala Lumpur untuk mengikuti Bengkel Pembangunan Wanita untuk kita bincang bersama isu-isu dan juga cadangan-cadangan Program Pembangunan Wanita Terengganu, insyaAllah yang mana program ini akan bermula pada bulan 22 Mei ini setiap bulan. Kita akan hantar ke sana 2 buah bas dan duduk di sana selama 4 hari akan bincangkan program-program untuk Pembangunan Wanita Terengganu, insyaAllah dan kita akan mendapat kerjasama yang cukup baik daripada *ILIM* yang mana semua perbelanjaan kecuali tambang bas akan ditanggung oleh pihak *ILIM.*

Dato' Yang Dipertua, dalam Titah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan dua hari yang lepas ada disarankan agar pihak kerajaan mengambil langkah-langkah untuk memperkasakan institusi keluarga. Bagi tujuan itu insyaAllah, saya akan berusaha bersungguh-sungguh ke arah itu dan di antara tindakan awal yang akan dilakukan ialah melihat kembali program-program yang telah dilaksanakan setakat ini dan sebelum ini dan insyaAllah akan dinilai semula mana-mana program yang relevan akan diperkasakan dan mana-mana program yang difikirkan kurang sesuai akan diubahsuai balik agar ianya sesuai dan selaras dengan sosio-politik dan sosio-ekonomi semasa insyaAllah. Mengenai saranan Duli Yang

Maha Mulia Tuanku juga, dalam Titah Baginda supaya kerajaan memberi penekanan utama kepada aspek penerapan nilai-nilai murni dan akhlak mulia di kalangan masyarakat sebagaimana termaktub dengan izin, dalam muka surat 3 dalam buku Titah insyaAllah, kerajaan akan berusaha untuk menyuburkan lagi nilai-nilai murni ini terutama nilai-nilai rahmah dengan izin dan nilai-nilai mawaddah di kalangan masyarakat di samping nilai-nilai lain di kalangan institusi keluarga di Negeri Terengganu ini. Untuk itu satu kertas konsep sedang disiapkan oleh Yayasan Pembangunan Keluarga (YPK) akan mereka yang berpendapatan tinggi seperti RM4,000 – RM5,000 ke atas supaya dapat menyumbangkan kepada mereka yang susah, yang daif yang terdiri daripada fakir miskin sama ada melalui Sistem Anak Angkat ataupun sebagainya. Dan ini adalah di antara program-program yang akan dilakukan segera untuk melahirkan keluarga-keluarga penyayang dan pemurah ataupun rahmah dan mawaddah tadi. Program-program ini sebenarnya adalah program-program kerajaan untuk melahirkan Institut Keluarga Hadhari dan juga untuk melahirkan Komuniti Muslim Hadhari yang mana insyaAllah sedikit masa lagi kerajaan akan memperkenalkan pulak Anugerah Keluarga Hadhari dan Masyarakat Hadhari Negeri Terengganu. Dalam usaha untuk memperkasakan institusi keluarga ini juga insyaAllah, kerajaan akan melihat balik kerjasama yang sudah terjalin dengan institusi-institusi IPTA dan IPTS, badan-badan kerajaan baik di peringkat negeri mahupun di peringkat persekutuan, syarikat-syarikat swasta, NGO's dan lain-lain lagi. InsyaAllah, kerajaan akan memperhebatkan lagi kerjasama-kerjasama dengan institusi-institusi ini melalui MoU dan sebagainya mengikut keperluan. Saya berharap semoga usaha kerajaan untuk memperkasakan institusi keluarga dalam masyarakat Negeri Terengganu mendapat kerjasama dan sokongan semua pihak. Begitu juga dalam soal memperkasakan Kebajikan Hal Ehwal Wanita Terengganu, insyaAllah. Jadi setakat itulah sahaja. Saya sudahi wabillahi taufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

YANG BERHORMAT DATUK ABDUL RAHIN BIN MOHD SAID (Wakil Teluk Pasu): Assalamu-alaikum warahmatullahitaala wabarakatuh. Alhamdulillahirrabil alamin wabihi nastain. Dato' Yang Dipertua Dewan, Yang Amat Berhormat Menteri Besar, rakan-rakan Ahli Exco, Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua-ketua Jabatan, Pemerhati, tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

Terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah turut sama membahaskan Titah Ucapan Kebawah Duli Tuanku Al-Sultan terutamanya kepada Wakil Seberang Takir, Wakil Wakaf Mempelam, Langkap dan Manir. Ahli-ahli Yang Berhormat, perkara yang dibangkitkan oleh Wakil Yang Berhormat Seberang Takir itu tentang galakan yang diberikan kepada majikan dan pembiayaan yang diberikan kepada usahawan-usahawan. Juga tentang kredit, upah, insentif yang diberikan oleh kerajaan kepada majikan yang dapat memberikan pekerjaan kepada rakyat negeri kita. Kerajaan melalui Yayasan Pembangunan Usahawan dan kerjasama dengan SMIDEC membantu usahawan-usahawan di bawah Tabung ITAF 1, Tabung ITAF 2 dan Tabung ITAF 3 dan sebanyak RM7.2 juta akan kita bahagi-bahagikan kepada usahawan-usahawan yang memerlukan pembiayaan ini. Sementara itu, Skim-skim Pinjaman Tanpa Faedah, Skim Pinjaman Kecil (SPK), Skim Pinjaman Peniaga Pasar Malam (SPPPM), Skim Sahabat Penjaja Melayu juga diteruskan. Ramai juga di antara Ahli-ahli Yang Berhormat yang membangkitkan tentang pengusaha-pengusaha beca melalui Koperasi Beca dan apakah pembelaan yang kita buat kepada pengayuh-pengayuh beca? Bagi meningkatkan pendapatan pengayuh-pengayuh beca kita

sedang meningkatkan beca roda tiga dengan menyiapkan sebanyak 80 buah injin menggunakan HPB *(Human Power Booster)* yang menelan belanja sebanyak RM520,000 iaitu sebanyak RM6,500 setiap sebuah. Sementara itu, kita juga menyediakan peruntukan untuk RM2,500 sebuah untuk pembaikian beca yang menelan belanja sebanyak RM200,000. Kita juga akan membina satu Bengkel Penyelenggaraan Beca di kawasan Pengkalan Keropok Losong iaitu di bawah jambatan dengan kos sebanyak RM50,000. Sementara itu, 3 kiosk Beca Stand iaitu Pusat Pembaikian di kawasan Bandar Kuala Terengganu yang berharga RM50,000.

Ahli-ahli Yang Berhormat, tentang kerjasama Kerajaan Negeri dengan universiti tempatan, alhamdulillah, kita dapati Kerajaan Terengganu diberikan kerjasama yang baik oleh universiti-universiti tempatan seperti UiTM bagi membantu mengendalikan untuk setiap daerah satu kursus penjenamaan dan pembungkusan produk. Dan ini telah kita lakukan untuk kita melahirkan pereka-pereka corak batik yang dapat mereka corak dan seterusnya menjual dengan kualiti yang baik. Kita juga menjalinkan kerjasama dengan universiti tempatan iaitu Limkokwing University College untuk membantu mereka bentuk pembungkusan, pelabelan produk makanan tradisional. Dan kita juga sedang berusaha untuk memasarkan T-Lekor dan T-Dagang yang dibangkitkan oleh Wakil Manir yang mengatakan T-Lekor tidak laku, dakwaan tersebut adalah tidak benar sama sekali kerana T-Lekor adalah satu jenama yang telah kita berikan kepada keropok lekor sementara T-Dagang adalah jenama yang kita berikan nasi dagang. Ada Ahli-ahli Yang Berhormat yang menyebut tentang kepala ikan yang berharga RM45.00 satu kepala, malang bagi pengusaha barangkali yang terpaksa melalui liku-liku hidup untuk menjawab soalan-soalan akhbar dan sebagainya tapi alhamdulillah nampaknya sambutan kepada nasi dagang ini menjadi lebih baik dan ramai orang yang beratur untuk beli nasi dagang. Pada saya lebih baiklah kita mengutarakan kalaulah kita nak menunjukkan kenaikan harga barangan, lebih baiklah kita timbulkan harga satu *bowl Sharkfin* RM400.00 daripada kita membawa isu kepala ikan aya RM45.00. Itu mencerminkan keadaan yang sebenarnya tetapi kita kadang-kadang terlupa bahawa kita membayar satu mangkuk *Sharkfin* yang berharga RM400.00 dan kita secara tidak sedar kita sedang menganianyakan bumiputera kita sendiri. Untuk keropok lekor ataupun T-Lekor, terdapat sebanyak 14 kiosk telah dibuka di sekitar Lembah Klang dan akan dibuka lagi sebanyak 12 kiosk di beberapa pasaraya dan lokasi yang telah dikenal pasti. Antara lokasi yang telah dimasuki adalah Giant Subang Jaya, Carrefour Wangsa Maju, Food Court Subang Jaya, Giant Melawati dan lain-lain lagi. Secara umumnya, purata pendapatan jualan harian adalah di antara RM500.00 hingga RM700.00 sehari.

Ada juga Ahli-ahli Yang Berhormat yang membangkitkan tentang apakah pembelaan yang diberikan kepada penjaja pasar malam? Yayasan Pembangunan Usahawan telah melaksanakan Skim Pinjaman Peniaga Pasar Malam khusus kepada peniaga-peniaga bawahan dan skim ini telahpun berjalan dengan baik dan kita berbincang dengan Persatuan Peniaga-Peniaga Melayu Pasar Malam supaya bertindak sebagai penjamin kepada skim ini. Seramai 72 peniaga pasar malam telah dibantu melalui skim ini dengan jumlah pembiayaan sebanyak RM88,500.00. Kita juga memberi bantuan untuk pembiayaan kanopi kepada Persatuan Peniaga Pasar Malam Daerah Kuala Terengganu dan Daerah Kemaman dengan peruntukan sebanyak RM300,000.00 dan bayaran balik adalah memuaskan.

Saya juga mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Wakaf Mempelam yang ingin tahu tentang penjualan Jasa Merin. Dakwaan Yang Berhormat bahawa kita menutup ataupun kita tidak telus dengan penjualan ini adalah tidak benar dan dakwaan bahawa kita menjual adalah juga tidak benar. Syarikat Jasa Merin adalah dalam proses pindah milik saham, dijual secara penswastaan *Management By-Out* ataupun MBO kepada pengurusan Jasa Merin Sdn. Bhd. yang bekerjasama dengan Syarikat AQL Aman Sdn. Bhd.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakaf Mempelam): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya nak minta penjelasan sikit - Bila kata penjualan ini tidak benar, saya rasa itu tak betul kerana saya pernah kemukakan persoalan, kalau sekadar sekarang baru MoU itu satu benda lagi yang tak betul kerana saya pernah kemukakan soalan lisan pada 6 Disember 2005. Soalan saya: "Benarkah Syarikat Jasa Merin Malaysia Sdn. Bhd. syarikat anak PMINT telah dijual. Jika benar berapa nilai harta semasa syarikat ketika ianya dijual dan berapa harga jualan? Jawapan yang diberi – benar. Syarikat Jasa Merin Sdn. Bhd. telah dijual. Ini jawapan rasmi yang diberikan kerana soalan saya itu tidak sempat untuk dikemukakan dan dijawab soalan lisan tersebut secara bertulis bertarikh 6 Disember 2005.

YANG BERHORMAT DATUK ABDUL RAHIN BIN MOHD SAID (Wakil Teluk Pasu): Yang Berhormat biar Exco jawab, Yang Berhormat tak usah jawab lagi.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakaf Mempelam): Yang tadi tu, pasal jawapannya tak betul .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat Wakaf Mempelam sila duduk. Yang Berhormat Wakil Teluk Pasu, sila duduk. Terima kasih.

Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, masa Persidangan pada hari ini telahpun cukup iaitu jam 5.00 petang dan telah selesai masanya dan sekarang saya tangguhkan Persidangan Dewan sehingga ke esok hari Rabu, 19 April 2006 jam 9.30 pagi. Marilah sama-sama kita membaca Surah Al-Asr'.

Sekian, terima kasih. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

DEWAN DITANGGUHKAN PADA PUKUL 5.00 PETANG.

PERSIDANGAN

PADA HARI RABU, 19 APRIL, 2006

Hari Rabu,
19 April, 2006

KANDUNGAN

1.	Nama Ahli-ahli	[Muka 205]
2.	Soalan-Soalan Lisan	[Muka 209]
3.	Usul Yang Telah Diberi Notis:	
	(Sambungan Perbahasan Usul Menjunjung Kasih)	[Muka 229]
4.	Rang Undang-Undang:	
	(i) Enakmen Penyemakan Undang-Undang (Negeri Terengganu) 2006	[Muka 274]
	(ii) Enakmen Kolej Ugama Sultan Zainal Abidin	[Muka 278]
5.	Tangguhan	[Muka 290]
6.	Lampiran	[Muka 291]
	(Soalan dan Jawapan-jawapan Bertulis)	

PERSIDANGAN DEWAN UNDANGAN NEGERI BERMULA PADA PUKUL 9.30 PAGI

HADIR:

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA
Dato' Haji Che Mat bin Jusoh, DPMT.,DSAP.,ASM.,AMN.,PJC.,PJK.,BLB.

YANG AMAT BERHORMAT MENTERI BESAR TERENGGANU
Dato' Seri Haji Idris bin Jusoh, SSMZ.,DPMT.,PJK.
WAKIL JERTIH

Y.B. Dato' Dr. Haji Abdul Latiff bin Awang, DPMT.,KMN.,PKT.,PJK.
WAKIL BUKIT PAYONG

Y.B. Dato' Haji Rosol bin Wahid, DPMT.,PJK.
WAKIL AJIL

Y.B. Dato' Ahmad bin Said, DPMT.,ASM.,PJK.
WAKIL KIJAL

Y.B. Dato' Haji Mohamed bin Awang Tera, DIMP.,SAP.,AMP.
WAKIL CUKAI

Y.B. Haji Din bin Adam, PJK.
WAKIL BUKIT BESI

Y.B. Haji Wan Hisham bin Wan Salleh, SMT.,DJN.,PJK.
WAKIL LADANG

Y.B. Datuk Haji Mohd Jidin bin Shafee, DMSM.,AMN.
WAKIL PERMAISURI

Y.B. Datuk Abdul Rahin bin Mohd Said, DMSM.,AMN.
WAKIL TELUK PASU

Y.B. Haji W. Mohd bin Wan Hassan, PJK.
WAKIL KOTA PUTERA

Y.B. Encik Toh Chin Yaw
WAKIL BANDAR

Y.B. Dato' Haji Mohamad @ Abu Bakar bin Ali, DPMT.,AMN.,PJK.
WAKIL KEMASIK

Y.B. Dato' Haji Mohd Nasir bin Ibrahim @ Ibrahim Fikri, DPMT.,KMN.,PJK.
WAKIL BUKIT TUNGGAL

Y.B. Encik Alias bin Abdullah, AMT.
WAKIL ALUR LIMBAT

Y.B. Haji Asha'ari bin Idris, AMT.,AMN.,PJK.
WAKIL LANGKAP

Y.B. Encik Za'abar bin Haji Mohd. Adib, AMT.,AMN.,PPN.,PJK.
WAKIL RANTAU ABANG

Y.B. Encik Nawi bin Mohamad
WAKIL HULU BESUT

Y.B. Haji Ramlan bin Ali, PJK.
WAKIL JABI

Y.B. Encik Mohd Ariffin bin Abdullah, AMT.,AMN.,PJK.
WAKIL PAKA

Y.B. Haji Ahmad Kamal bin Abdullah
WAKIL SURA

Y.B. Haji Mohd Shapian bin Ali
WAKIL SEBERANG TAKIR

Y.B. Encik Wan Ahmad Nizam bin Wan Abdul Hamid, AMT.,PJK.
WAKIL AIR PUTIH

Y.B. Encik Rozi bin Mamat
WAKIL TELEMONG

Y.B. Encik Yahya bin Khatib Mohamad, PKC.
WAKIL PENGKALAN BERANGAN

Y.B. Haji Muhammad Ramli bin Haji Nuh, PJK.
WAKIL TEPOH

Y.B. Haji Abdullah bin Che Muda, AMN.,PPN.,PJK.
WAKIL KUALA BESUT

Y.B. Haji Khazan bin Che Mat
WAKIL BATU RAKIT

Y.B. Encik Mohd Zawawi bin Haji Ismail, PJK
WAKIL KUALA BERANG

Y.B. Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang, SSMT.
WAKIL RHU RENDANG

Y.B. Dato' Haji Wan Abd. Muttalib bin Embong, DPMT.
WAKIL BATU BUROK

Y.B. Haji Mohd Abdul Wahid bin Haji Endut, PJC.
WAKIL WAKAF MEMPELAM

TIDAK HADIR:

Y.B. Dato' Haji Harun bin Taib, DPMT.
WAKIL MANIR

HADIR MENURUT FASAL XIII(3) UNDANG-UNDANG BAGI DIRI KERAJAAN TERENGGANU (BAB YANG PERTAMA)

YANG BERHORMAT SETIAUSAHA KERAJAAN
Dato' Haji Muhatar bin Abdullah, DPMT.,ASM.,PJC.,PJK.,BLB.

YANG BERHORMAT PENASIHAT UNDANG-UNDANG NEGERI
Encik Ahmad Kamal bin Md. Shahid

YANG BERHORMAT PEGAWAI KEWANGAN NEGERI
Dato' Haji Mokhtar bin Nong, DPMT.,ASM.,PJC.,PJK.BLB.

SETIAUSAHA DEWAN UNDANGAN NEGERI
Haji Azmi bin Moktar, SMZ.,AMT.,PJK.

PUKUL 9.30 PAGI

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan selamat pagi. Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat disambung semula. Sebelum kita memulakan Persidangan pada pagi ini marilah kita sama-sama membaca Umul Kitab Al-Fatihah.

Suka saya ingatkan kepada Ketua-ketua Jabatan dan juga para Pemerhati mengikut Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri membaca suratkhabar adalah dilarang. Mesyuarat pagi ini diteruskan dengan Soalan-soalan Lisan dan bagi membolehkan Ahli-ahli Yang Berhormat yang sudah 2 hari tidak dapat mengemukakan Soalan-soalan Lisannya maka pagi ini saya akan memulakan Soalan-soalan Lisan ini bermula daripada Yang Berhormat Wakil Jabi dan seterusnya sebagaimana susunan dalam Kertas Dewan yang diedarkan kepada semua Yang Berhormat. Jadi kepada pihak kerajaan yang akan membuat jawapan Soalan Lisan akan dimulakan dengan Yang Berhormat Wakil Jabi, selepas itu Wakil Manir, Wakil Paka dan seterusnya urutan sebagaimana Kertas Persidangan Dewan yang diedarkan kepada semua Yang Berhormat. Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Wakil Jabi mengemukakan soalannya.

YANG BERHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua Dewan, soalan 1 -

> *Apakah langkah yang dilaksanakan oleh JPS (Jabatan Pengairan dan Saliran) Negeri untuk mengatasi dan mengelakkan limpahan air sungai sehingga mengakibatkan banjir besar?*

YANG BERHORMAT DATUK HAJI MOHD JIDIN BIN SHAFEE (Wakil Permaisuri): Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Dato' Yang Dipertua, soalan daripada Wakil Jabi untuk mengetahui langkah kerajaan atau langkah JPS Negeri untuk mengatasi dan mengelakkan limpahan air sungai akibat banjir besar?

Sukacita dimaklumkan bahawa antara langkah-langkah yang dilaksanakan oleh pihak JPS bagi mengatasi masalah limpahan air sungai dan banjir Negeri Terengganu adalah sebagaimana berikut; pertamanya, mendalami sungai-sungai, melebar, melurus dan membuat benteng. Seterusnya apa yang telah dilaksanakan bagi perkara ini, keupayaan sungai di Negeri Terengganu khususnya. Sungai-sungai di Negeri Terengganu ini hanya mampu menampung pengaliran air daripada lebat hujan di sekitar 150 milimeter hingga 200 milimeter sehari. Air sungai akan melimpahi tebing jika lebat hujan turun lebih daripada itu iaitu hujan lebat semasa banjir besar di Setiu pada akhir tahun 2005 baru-baru ini mencecah 600 mm setiap hari.

YANG BERHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): Soalan tambahan Dato' Yang Dipertua Dewan – Berapakah jumlah peruntukan yang telah diperuntukkan untuk membersih sungai pada tahun 2005 dan juga peruntukan yang akan digunakan pada tahun 2006 ini?

YANG BERHORMAT DATUK HAJI MOHD JIDIN BIN SHAFEE (Wakil Permaisuri): Dato' Yang Dipertua, terima kasih kepada soalan tersebut bagi menjawabnya ialah kerajaan telah menyediakan peruntukan RM5.3 juta bagi tahun 2006 yang mana satu RM1.5 juta adalah dari sumber Kerajaan Persekutuan dan RM3.8 juta adalah sumber daripada Kerajaan Negeri.

YANG BERHORMAT ENCIK NAWI BIN MOHAMAD (Wakil Hulu Besut): Soalan tambahan – Di sepanjang Sungai Besut pada awal tahun '90an saya ingat, satu pengambilan tanah telah dibuat oleh kerajaan untuk Projek Tambatan Banjir di Besut. Saya ingin tahu status projek yang berkenaan?

YANG BERHORMAT DATUK HAJI MOHD JIDIN BIN SHAFEE (Wakil Permaisuri): Kepada Wakil Hulu Besut, perkara ini sedang dalam tindakan kerajaan dan kalau Wakil Besut hendak tahu secara *detailnya* saya akan beri secara bertulis.

YANG BERHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): Dato' Yang Dipertua Dewan, pohon penjelasan – Apakah langkah-langkah jabatan untuk mempastikan alur sungai dan anak sungai tidak tertimbus akibat arus pembangunan sama ada penambunan tanah dan sebagainya?

YANG BERHORMAT DATUK HAJI MOHD JIDIN BIN SHAFEE (Wakil Permaisuri): Dato' Yang Dipertua, perkara tersebut sentiasa mendapat pemantauan daripada kerajaan terutamanya di dalam permohonan daripada pemilik-pemilik tanah yang hendak menukarkan syarat di mana kepentingan terus diberi supaya dengan menukar syarat terutamanya tanah-tanah pertanian kepada tanah perumahan sentiasa diberi perhatian yang sewajarnya supaya tidak menjejaskan perkara-perkara yang dibangkitkan tadi.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Saya mempersilakan Wakil Manir mengemukakan soalannya.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Oleh kerana Wakil Manir masih belum sampai, saya ingin mengemukakan soalan bagi pihak Wakil Manir. Soalan yang pertama -

> *Adakah kerajaan sedar masih ramai guru-guru di bawah pentadbiran Kerajaan Negeri yang masih berada pada tahap jawatan Gred DG41, jika sedar berapa jumlahnya, apakah usaha-usaha kerajaan untuk menaik taraf daripada Gred DG41 ke DG44?*

YANG BERHORMAT DATO' DR. HAJI ABDUL LATIFF BIN AWANG (Wakil Bukit Payong): Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih Wakil Wakaf Mempelam yang bertanyakan untuk Wakil Manir. Wakil Manir bertanyakan sama ada kerajaan sedar bahawa masih ramai guru-guru di bawah pentadbiran Kerajaan Negeri yang masih berada pada tahap jawatan Gred DG41, dan apakah usaha-usaha kerajaan untuk menaikkan taraf daripada Gred DG41 ke DG44? Ini soalan asal.

Sememangnya kita sedar bahawa pada masa ini masih ada lagi seramai 212 orang guru yang berada pada tahap Gred DG41 dan kita berusaha supaya gred ini dinaikkan kepada DG44 dan 48 melalui beberapa cara; pertamanya, kita memohon kepada JPA supaya dinaikkan DG41 ke DG44 dan seterusnya kepada DG48. Yang keduanya ialah kita meluluskan kenaikan jawatan-jawatan Pengetua daripada DG41 kepada DG44 sebanyak 10 jawatan dan proses pengisiannya sedang dibuat oleh pihak Kerajaan Negeri.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Soalan tambahan Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua – Sekarang ini di Sekolah-sekolah Agama Kerajaan Negeri, saya difahamkan banyak berlaku kekurangan guru-guru oleh kerana ramai guru-guru terutama yang masih guru GSTT (Guru Sandaran Tidak Tetap) ini ditawarkan untuk masuk ke Skim Kerajaan Pusat iaitu J-Qhaf. Jadi apa usaha yang dibuat bagi mengatasi masalah ini supaya kesan kepada murid tidak berlaku?

YANG BERHORMAT DATO' DR. HAJI ABDUL LATIFF BIN AWANG (Wakil Bukit Payong): Betul. Ramai guru-guru yang GSTT ini jikalau ia tidak tetap apabila dapat peluang untuk masuk ke peringkat Pusat melalui J-Qhaf, ramai yang pergi. Dan untuk makluman tuan-tuan, para hadirin sekalian, jumlah guru di bawah Skim GSTT masih ramai 181 orang dan pihak Kerajaan Negeri sedang proses menemuduga guru-guru untuk diisi segera kerana kita tahu jikalau kekurangan guru ini mungkin menjejaskan prestasi murid-murid di Sekolah Agama Negeri sedang dibuat, alhamdulillah.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Soalan tambahan Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua – Tadi dimaklumkan bahawa guru yang DG 41 ini ramai, ada 212 orang tapi saya difahamkan ada Pengetua Sekolah iaitu kalau tak silap saya Maahad Tahfiz, Pengetua dia taraf GSTT (Guru Sandaran Tidak Tetap), pasal apa tak ambil di kalangan guru hak ada yang ramai ni, yang berlaku sekarang ni.

YANG BERHORMAT DATO' DR. HAJI ABDUL LATIFF BIN AWANG (Wakil Bukit Payong): Kita dari masa ke semasa akan *up-grade.* Dia kalau GSTT kita tengoklah untuk diserapkan ke jawatan tetap nanti.

YANG BERHORMAT ENCIK NAWI BIN MOHAMAD (Wakil Hulu Besut): Soalan tambahan .....

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua saya belum itu lagi ..... Soalnya sekarang ni, betullah nak *up-grade* tapi yang ini tak tetap baru ambil, jadi macam mana dan dari segi pentadbiran. Saya difahamkan pulak katanya keluar sokmo, takdok sokmo dalam sekolah, jadi tinggal dalam keadaan begitu. Guru berpengalaman ramai 212 orang takkan takdok seorang nak bubuh dekat Maahad Tahfiz, ke ada mainan politik ke apa ni?

YANG BERHORMAT DATO' DR. HAJI ABDUL LATIFF BIN AWANG (Wakil Bukit Payong): Kita politikpun tak berapa main sangatlah, kita perlu kecemerlangan pendidikan baik di Maahad Tahfiz atau di Sekolah-sekolah Agama Negeri sebab itu pemilihan Pengetua ataupun Pengurus sesebuah pusat itu tertakluk kepada kualiti calon yang berkenaan, kemampuan

dia, itu yang kita buat dulu. Sama ada dia GS macam mana sekalipun tidak kiralah, itu kita boleh ikhtiar kemudian.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sila Yang Berhormat Wakil Paka mengemukakan soalan.

YANG BERHORMAT ENCIK MOHD ARIFFIN BIN ABDULLAH (Wakil Paka): Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan 1 -

Sejauh manakah pencapaian pelajar celik komputer setelah terbinanya makmal-makmal komputer di sekolah?

YANG BERHORMAT DATO' DR. HAJI ABDUL LATIFF BIN AWANG (Wakil Bukit Payong): Terima kasih Wakil Paka yang bertanyakan tentang sejauh manakah pencapaian pelajar celik komputer setelah terbinanya makmal-makmal komputer di sekolah-sekolah di Terengganu.

Bagi menjawabnya ialah semua pelajar Tahun 1 dan Tahun 2 sekolah rendah dan Tingkatan 1 di sekolah menengah dikehendaki mengikut Program Literasi ICT di makmal-makmal komputer sekolah. Program ini diperuntukkan selama 2 masa berkembar yakni satu jam kalau di sekolah seminggu dengan menggunakan modul yang disediakan oleh Pusat Perkembangan Kurikulum, Kementerian Pelajaran Malaysia. Terima kasih.

YANG BERHORMAT ENCIK MOHD ARIFFIN BIN ABDULLAH (Wakil Paka): Soalan tambahan Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua – Apakah memang disediakan guru-guru yang terlatih di dalam bidang ICT ini di peringkat sekolah-sekolah untuk memastikan murid-murid mendapat pendidikan ICT dengan penuh sempurna?

YANG BERHORMAT DATO' DR. HAJI ABDUL LATIFF BIN AWANG (Wakil Bukit Payong): Mengikut kajian kita dengan Jabatan Pelajaran Negeri memang ada modul-modul latihan kepada guru-guru secara berperingkat di semua sekolah yang ada makmal komputer dengan harapan bahawa mereka ini dengan yakin dan berkebolehan untuk mengajar anak-anak kita dalam bidang komputer. Memang ada dari masa ke semasa.

YANG BERHORMAT ENCIK MOHD ARIFFIN BIN ABDULLAH (Wakil Paka): Okey, terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Yang Berhormat Wakil Paka. Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Wakil Sura mengemukakan soalan.

YANG BERHORMAT HAJI AHMAD KAMAL BIN ABDULLAH (Wakil Sura): Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan 1 yang merangkumi (a), (b) dan (c) –

a) Berapakah jumlah masjid dan surau yang didirikan tanpa kebenaran kerajaan sejak tahun 2004 – 2005?

b) *Apakah tindakan yang telah diambil oleh kerajaan terhadap masjid dan surau yang dijadikan sebagai Markas Politik?*

c) *Berapa ramaikah Imam Bilal masjid yang telah ditamatkan perkhidmatan oleh pihak kerajaan dan apakah faktornya?*

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua-ketua Jabatan, para Pemerhati yang dihormati sekalian. Wakil Sura ingin tahu berkaitan dengan masjid dan surau yang dibina tanpa kebenaran dan saya rasa adalah lebih baik saya gabungkan kedua-dua soalan iaitu soalan daripada Wakil Batu Rakit yang saya nampak tujuan hasratnya sama iaitu dengan pembinaan surau-surau yang tidak mendapat kelulusan ataupun kebenaran. Kemudian dikaitkan jugak dengan ia dijadikan markas politik dan apakah tindakan yang boleh diambil. Saya rasa Wakil Batu Rakit dapat menerima apa yang nak saya nyatakan di sini.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan daripada Wakil Sura ingin tahu berkaitan dengan berapakah jumlah masjid ataupun surau yang didirikan tanpa kebenaran. Jawapannya ialah sehingga sekarang tidak ada sebuah masjidpun yang dibina tanpa kebenaran. Tapi malangnya ada sebanyak 19 buah premis yang telah dijadikan surau ataupun yang telah diubahsuai menjadi surau oleh penyokong-penyokong saya nyatakan secara terang di sini ialah Pas yang menjadikan tempat-tempat tersebut untuk mereka mendirikan sembahyang berjemaah dan ada dijadikan tempat untuk berjumaat. Jadi ini suatu benda yang saya rasa sebagaimana yang saya katakan kelmarin perlu diperbetulkan terutamanya oleh Ketua Pembangkang sendiri hadir ke tempat ini kerana semasa kita kalah Umno dan Barisan Nasional kalah dulu mereka hadir untuk bersembahyang jemaah dan bersembahyang Jumaat di masjid-masjid dan surau-surau yang dibina oleh kerajaan. Tapi malangnya apabila mereka kalah dalam 2004 yang lalu mereka membuat fatwa ataupun mungkin dikeluarkan ayat Quran yang baru barangkali untuk tidak hadir ke masjid-masjid ataupun surau yang dibina oleh kerajaan dulu sedangkan tempat yang sama Imam yang sama dan sebagainya. Ini suatu persoalan yang sampai sekarang saya tak mampu menjawabnya.

Jawapan yang kedua, apakah tindakan yang boleh diambil? Tindakan yang diambil oleh pihak Jabatan Hal Ehwal Agama Negeri terhadap markas-markas yang dijadikan politik Pas ini ialah dengan mengadakan pemantauan, panggil dan nasihat dan juga penguatkuasaan undang-undang iaitu dengan menamatkan jawatan Pegawai Masjid ataupun Imam yang terlibat di samping itu juga kita menahan elaun-elaun dan kita juga ingin pastikan bahawa mereka ini mengikuti ataupun mematuhi aturan dan peraturan yang telah kita laksanakan. Jadi betapa baiknya kerajaan kita hari ini yang mana walaupun duk *kerkah* kita siang dan malam, walaupun duk kata kita macam-macam, kita tetap bayar juga elaun sehingga Januari baru-baru ini, baru kita tahan. Rupa-rupanya mereka ini tidak tahu bersyukur dan tidak tahu berterima kasih.

Akhir sekali, soalan yang ketiga ataupun (c) bertanyakan berapa ramai Imam dan Bilal masjid yang telah ditamatkan perkhidmatannya. Sehingga sekarang terdapat lebih kurang

20 orang Imam manakala Bilal pula seramai 6 orang yang telah kita tamat ataupun tidak disambung kontraknya dan ada yang kita tahan elaun-elaun mereka. Terima kasih Yang Berhormat Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT HAJI AHMAD KAMAL BIN ABDULLAH (Wakil Sura): Dato' Yang Dipertua, soalan (c) itu masih belum disebutkan tentang apakah faktornya?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Sebagaimana yang saya nyatakan tadi Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua bahawa faktor kita tidak menyambung kontrak mereka ataupun menamatkan perkhidmatan mereka kerana mereka melanggar aturan dan peraturan, mereka tidak mematuhi arahan Jabatan Hal Ehwal Agama. Contohnya, kita suruh baca khutbah yang kita buat, khutbah yang tidak sentuh pasal-pasal politik tapi mereka baca khutbah mereka. Bila kita suruh datang berjumpa dengan kita dalam majlis-majlis mereka ingkar, tak hadir. Jadi mereka menganggap kita nak berpolitik sepanjang masa, kita tidak berpolitik. Kita menyatakan apa yang sepatutnya kita nyatakan untuk mengekalkan perpaduan, untuk mengekalkan keharmonian itu yang kita laksanakan. Tapi mereka ini *time* pergi ambil pitih, berebut pergi ambil pitih tapi *time* kita nak khabar ceramah, nak khabar perlu diwujudkan budaya Islam, perlu mewujudkan perpaduan, mereka tidak hadir. Sampai masa ambil pitih, pergi ambil, rupanya nak pitih jugak? Jadi ini masalahnya yang timbul Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua. Terima kasih Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN HAJI NUH (Wakil Tepoh): Dato' Yang Dipertua, mohon izin soalan tambahan - Tadi Wakil Kerajaan ada menyebutkan bahawa ada 19 premis yang dijadikan tempat surau dan masjid untuk berjumaat. Sebab apa yang mereka ini pergi berpakat buat tempat lain ni, dia berasa tak sahkah sembahyang di surau yang ada dah tu, ke guana?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, *bahasa* jahat barangkali. Dia sebenarnya begini Yang Dipertua, ini berpunca daripada amanat macam saya katakan kelmarin saya sendiri telah dikafirkan oleh Pak Saudara saya kerana menyokong Umno dan bertanding atas Barisan dan saya tengok perubahan ini berlaku apabila dia ni *kerek* ke Masjid Rusila. Dia dengar ceramah, dia dengar pengajaran yang diajar di sana menyebabkan mereka berubah *tune* ataupun pegangan mereka dan mengkafirkan orang sesama Islam. Jadi oleh sebab itu adalah suatu perkara yang amat-amat tidak wajar berlaku di kalangan pemimpin-pemimpin Pas terutamanya yang cuba mengkafirkan orang Islam sedangkan Nabi Muhammad S.A.W. suruh meramaikan umat kerana Nabi kata bangga mempunyai umat yang ramai. Tapi orang Pas tidak, dia cuba mengecilkan umat, orang Islam jatuh kafir sepatutnya panggil orang bukan Islam jadikan Islam itulah yang sepatutnya berlaku tapi ini *terbalik-kot* orang tua-tua kata. Terima kasih Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT HAJI KHAZAN BIN CHE MAT (Wakil Batu Rakit): Soalan tambahan Dato' Yang Dipertua - Tadi disebut bilangan surau-surau atau masjid-masjid yang dibina tanpa kebenaran. Ada tak di antara bangunan-bangunan masjid ataupun surau tersebut yang dibina atas tanah kerajaan ataupun rezab jalan atau sebagainya yang memungkinkan

kerajaan mengambil tindakan sebagaimana yang pernah dibuat di Kemaman sebelum daripada ini?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, setakat ini tidak ada maklumat yang kita terima berkaitan dengan surau ataupun masjid. Masjid memang tidak ada yang mengguna atas tanah kerajaan atau atas rezab jalan, kalau ada insyaAllah tetapi bila kita ambil tindakan Dato' Yang Dipertua mereka kata kita anti-Islam pula. Kita merobohkan rumah ibadat masuk Harakah besar-besar dengan gambar, masuk dalam internet, laman web Harakah Daily dan sebagainya zalimnya kerajaan. Nak khabar kepada pihak Pembangkang bahawa kita bukan roboh masjid, kita bina masjid, kita bukan roboh surau, kita bina surau tapi hak tak ikut peraturan kita kena rombaklah sebab ianya menyebabkan perpecahan, Nabipun rombak masjid jugak, zaman Nabi mula.

YANG BERHORMAT HAJI KHAZAN BIN CHE MAT (Wakil Batu Rakit): Soalan tambahan – Tak ikut peraturan mana hak buat masjid tu?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Tak ikut peraturan hak kita mintaklah, maknanya kena ada wakaf. Ikut undang-undang, undang-undang ni hak dia buat jugak dulu.

YANG BERHORMAT HAJI KHAZAN BIN CHE MAT (Wakil Batu Rakit): Maksud saya tu siapa dia yang buat undang-undang, peraturan tu?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Undang-undang ini digubal tahun 2001, zaman Pas jugak masa itu Ketua Pembangkang jadi Ketua Kerajaan tapi dia buat dia yang langgar. Hak ni orang putih kata *'Law maker, law breaker'* ni, dengan izin Yang Dipertua, buat undang-undang langgar undang-undang. Terima kasih Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Dipersilakan Wakil Seberang Takir mengemukakan soalan

YANG BERHORMAT HAJI MOHD SHAPIAN BIN ALI (Wakil Seberang Takir): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan 1 -

> *Apakah dasar dan polisi Kerajaan Negeri mengenai penubuhan Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) di Terengganu?*

YANG BERHORMAT DATO' DR. HAJI ABDUL LATIFF BIN AWANG (Wakil Bukit Payong): Terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan 1 Wakil Seberang Takir bertanyakan tentang dasar dan polisi Kerajaan Negeri mengenai penubuhan Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) di Terengganu.

Pada menjawabnya memanglah Kerajaan Negeri bersikap terbuka dan sentiasa menggalakkan mana-mana institusi untuk melabur dalam bidang pendidikan di Terengganu. Dia ada dua cara sebenarnya untuk IPTS ditubuhkan. Yang pertamanya,

mereka sewa rumah kedai, lot-lot perumahan dan di*convert* menjadi kolej-kolej swasta ini memerlukan kelulusan daripada MPKT dan juga Majlis Daerah dan lain-lainlah Bomba dan sebagainya. Yang kedua ialah mereka datang untuk membina kampusnya sendiri yakni bangunannya sendiri dan minta tanah. Cara yang kedua ini prosesnya ialah melalui Jawatankuasa Pengajian Tinggi, Sains dan Teknologi dan Sumber Manusia sebelum dibawa ke Mesyuarat Exco untuk kelulusan. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD SHAPIAN BIN ALI (Wakil Seberang Takir): Dato' Yang Dipertua, soalan tambahan – Apakah langkah-langkah yang diambil bagi mempastikan bahawa rakyat Terengganu juga mendapat menafaat dari penubuhan Institusi Pengajian Tinggi Swasta itu.

YANG BERHORMAT DATO' DR. HAJI ABDUL LATIFF BIN AWANG (Wakil Bukit Payong): Pertamanya, yang datang ke Terengganu kemungkinan syarikat-syarikat yang telah ada di Terengganu ataupun daripada luar masuk ke Terengganu, itu yang pertama. Yang kedua, apabila mereka menubuhkan institusi ini sememanglah harapan kita supaya lebih ramai pelajar cari Terengganu belajar di sini. Dan yang ketiga, dari segi tenaga pengajar yang bertugas di kolej-kolej ini oleh kerana ianya di Terengganu, kita harapkan supaya lebih ramai orang Terengganu dapat bekerja di sini. Itu dari segi *advantage* ataupun keuntungan daripada rakyat Terengganu. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD SHAPIAN BIN ALI (Wakil Seberang Takir): Terima kasih, Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Yang Berhormat Wakil Seberang Takir. Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Wakil Batu Burok mengemukakan soalan.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABD. MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Dato' Yang Dipertua, soalan yang pertama -

> *Apakah puncanya berlaku rungutan orang ramai bahawa kelulusan pelan bangunan oleh Majlis Perbandaran Kuala Terengganu terlalu perlahan dan ada yang memakan masa lebih daripada dua tahun?*

YANG BERHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Selamat pagi dan salam sejahtera. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, biasanya kelewatan kelulusan pelan bangunan oleh Majlis Perbandaran Kuala Terengganu berpunca daripada pelan-pelan bangunan yang tidak lengkap dan sempurna serta memerlukan pindaan dan juga kelulusan Jabatan Teknikal yang lain seperti JKR, Jabatan Pembetungan, Bomba dan Penyelamat, TNB, SATU, Jabatan Kesihatan dan lain-lain jabatan teknikal yang berkaitan. MPKT hanyalah merupakan *One Stop Centre* bagi menguruskan kelulusan pelan berkenaan. Kadangkala ia memerlukan masa bukan sahaja untuk memenuhi keperluan teknikal tetapi ada sesetengah kes memerlukan kebenaran merancang dan tukar syarat tanah. Dalam setengah keadaan ada berlaku

apabila MPKT meminta pihak Arkitek meminda pelan berasaskan teguran-teguran jabatan teknikal tetapi pihak Arkitek lewat menghantar kembali pindaan-pindaan tersebut menyebabkan ianya tertangguh. Sehingga kini tidak ada kes kelewatan kelulusan pelan oleh MPKT melebihi 2 tahun, Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABD. MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Dato' Yang Dipertua, soalan tambahan - Memahami bahawa MPKT bertindak sebagai *One-Stop Agency,* tidakkah MPKT sebelum menerima dan melayani mana-mana permohonan memaklumkan terlebih dahulu *check-list* dengan izin, perkara-perkara yang perlu dibuat dan tempoh masa yang perlu disempurnakan oleh mereka-mereka yang terlibat.

YANG BERHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, menerusi *One-Stop Center,* mana-mana pemohon untuk pemajuan dan juga pelan bangunan diminta berjumpa dengan jabatan teknikal terlebih dahulu dan arahan telah dikeluarkan mana-mana pelan melibatkan pembangunan hendaklah dibawa dalam Mesyuarat *One-Stop Center* dalam tempoh dua minggu, dan mesyuarat ini dikehendaki diadakan pada setiap hari Rabu. Terima kasih, Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABD. MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Yang Berhormat Wakil Batu Burok. Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Wakil Telemong untuk mengemukakan soalan.

YANG BERHORMAT ENCIK ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan yang pertama -

Untuk meningkatkan kebersihan:

a) Apakah usaha yang dilakukan oleh Pihak Berkuasa Tempatan bagi mengatasi masalah najis binatang yang berkeliaran di jalan raya?

YANG BERHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, antara usaha yang dijalankan oleh Pihak Berkuasa Tempatan bagi mengatasi masalah najis binatang yang berkeliaran terutama yang melibatkan lembu dan kerbau di jalan raya dengan menubuhkan satu Jawatankuasa Bertindak yang telah membuat perakuan dan tindakan sebagaimana berikut:

(i) Mengadakan kempen dan hebahan di masjid-masjid supaya penternak tidak membiarkan ternakan mereka berkeliaran di jalan-jalan raya ataupun di kawasan-kawasan operasi Majlis atau Pihak Berkuasa Tempatan.

(ii) Menjalankan Operasi Tangkapan Ternakan Berkeliaran dari masa ke semasa. Dengan ini saya pohon juga kerjasama Yang Berhormat-Yang

Berhormat dan pemimpin-pemimpin masyarakat supaya turut sama memberitahu kepada penternak-penternak supaya menjaga ternakan mereka supaya tidak berkeliaran di kawasan PBT kerana ia juga mendatangkan kemudaratan bukan sahaja kebersihan tetapi melibatkan ternakan orang dan kalau makan ternakan orang kalau dijual ternakan itu pergi ke Makkah tak dapat halal dari tuan dia ..... kita fikir sendirilah, hukum dia ada Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya nak mintak penjelasan sedikit. Saya tak berapa faham soalan ini. Apakah usaha yang dilakukan oleh Pihak Berkuasa Tempatan bagi mengatasi masalah najis binatang yang berkeliaran? Binatang tu saya fahamlah berkeliaran. Najispun berkeliaran jugak ke? Jadi najis itu hidup dia berjalan ke guana?

YANG BERHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya tak tahulah kena ambil semula Bahasa Malaysia ni. Najis binatang berkeliaran. Binatang hak berkeliaran najis dialah, binatang yang berkeliaran.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Pasal saya baca ini: "masalah najis binatang yang berkeliaran". Najis itu yang berkeliaran bukan binatang.

YANG BERHORMAT HAJI KHAZAN BIN CHE MAT (Wakil Telemong): Tak faham bahasa ....

YANG BERHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): ..... "najis binatang berkeliaran", satu ayat, satu frasa. Bahasa Malaysia kena ambil semula ni.

YANG BERHORMAT HAJI KHAZAN BIN CHE MAT (Wakil Telemong): Dia tak faham bahasa ni .....

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): ..... Dia ada sebut binatang-binatang yang berkeliaran .....

YANG BERHORMAT HAJI KHAZAN BIN CHE MAT (Wakil Telemong): Yalah, kalau dia berkeliaran sahaja tidak berak takdok apa-apapun, berkeliaran hak berak itu, hak itu yang menjadi najis hak masalah tu. Tak faham bahasa.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Soalan tambahan Yang Dipertua .....

YANG BERHORMAT ENCIK ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Saya soalan tambahan dulu Dato' Yang Dipertua .....

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): ..... saya nak usik pasal kes saya tak berapa faham tadi. Dulu pernah waktu zaman sebelum pada Pas memerintah dulu, di sebelah-belah hulu nun, dia keluar tender

untuk kutip najis-najis, jadi sekarang adakah usaha yang sama dibuat, khusus tender untuk kutip tahi binatang-binatang yang berkeliaran tu.

YANG BERHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Dato' Yang Dipertua, memang benar suatu ketika dulu kita keluarkan sebutharga untuk membersihkan najis-najis binatang-binatang berkeliaran ini di Hulu Terengganu bagi menjaga nama baik penduduk di kawasan Hulu Terengganu kerana pelancong-pelancong yang datang ke Sekayu dan juga ke Kenyir terpaksa merempuh 'jerangkap samar' yang bertaburan di tengah jalan. Tetapi alhamdulillah, sejak program diatur hari ini agak kurang sikitlah, jadi bila kurang tu nak keluarkan sebutharga tak padan dengan sebutharga. Jadi semakin bertambah baik, insyaAllah Tuan Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT ENCIK ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Soalan tambahan Dato' Yang Dipertua – Oleh kerana berbagai cara dan kaedah telah digunakan dan saya rasa di zaman di bawah pemerintahan Umno ini, zaman yang penuh keberkatan ini, sampahpun jadi harga, apakah Kerajaan Negeri tidak bercadang untuk mengkomersilkan najis tahi lembu ini untuk menjadi baja bio-tek. Terima kasih, Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Dato' Yang Dipertua, penternak-penternak yang mempunyai kandang sendiri bolehlah mengusahakan sendiri untuk nak buat baja bio-tek dan sebagainya tetapi kalau nak kutip hak setongkol-setongkol itu payah sikitlah ..... (Dewan Gelak) ..... Yang Dipertua. Terima kasih.

YANG BERHORMAT ENCIK MOHD ZAWAWI BIN HAJI ISMAIL (Wakil Kuala Berang): Dato' Yang Dipertua, saya difahamkan lembu-lembu yang berkeliaran ini ramainya lembu orang Pas, betul ke tidak ni?

YANG BERHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Dato' Yang Dipertua, dia takdok cat nak kata tak kena. Kalau hak cat hijau harus hak dia, kalau hak dacing tu ada jugak kadang-kadang. Kadang-kadang musim kempen pilihan raya Dato' Yang Dipertua, sengaja dia cat, orang Pas lembu dia bulan, orang Umno cat dacing, nak berkempen jugak.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Wakil Wakaf Mempelam mengemukakan soalan-soalannya.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan yang pertama -

> *Sila nyatakan jumlah penerbangan harian Syarikat MAS dan Air Asia sejak bulan Januari hingga April 2006?*

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMED BIN AWANG TERA (Wakil Cukai): Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Wakil daripada Wakaf Mempelam bertanya berkaitan dengan jumlah penerbangan harian Mas dan Air Asia sejak bulan Januari hingga April 2006.

Jadi soalan ini tidak berapa jelas, penerbangannya ke mana tu, adakah Kuala Lumpur ke Singapura ke dan sebagainyalah. Tapi saya beranggapan mungkin ke Kuala Terengganu. Jadi jumlah penerbangan Mas ke Terengganu adalah tidak tetap iaitu pada kekerapan dua hingga 4 penerbangan sehari. Jumlah penerbangan Mas pada bulan Januari ialah 102 penerbangan, Febuari 81 penerbangan, Mac 84 penerbangan dan April setakat sehingga 14 haribulan ini adalah 50 penerbangan. Air Asia pula membuat penerbangan yang agak tetap iaitu 2 penerbangan sehari dan pada bulan Januari sebanyak 60 penerbangan, Febuari 56 penerbangan sebab bulan dia sikit, bulan Mac 62 penerbangan dan sehingga 14 April ini, 28 penerbangan. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan tambahan sebelum itu saya ucapkan terima kasihlah, saya memang mengaku silap sikitlah iaitu tertinggal 'antara Kuala Lumpur ke Kuala Terengganu' tidak terlibat ke Singapura ke atau lain-lain. Cuma saya nak rujuk Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, jawapan bertulis kepada soalan sahabat saya Wakil Kemasik yang bertanyakan soalan yang sama tapi pada tahun 2004 dan 2005, yang saya tanyanya 2006 tapi *trendnya* ialah menurun, 2004 – 2005 menurun yang mendaratpun menurun 2.5 peratus, yang berlepaspun menurun 4.9 peratus. Jadi adakah *trend* ini semakin terus menurun dan adakah kerajaan tahu apakah sebab menurun ini, adakah kerana orang tak mari ke, entah naik kereta ke, tak naik kapal terbang dah ke?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMED BIN AWANG TERA (Wakil Cukai): Terima kasih, Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua. Memang ada sikit penurunan *trend* lah pada 2004 hingga 2005, melihat kepada data inipun memang kita nampak daripada tahun 2000 penumpang-penumpang yang menggunakan kapal terbang yang mendarat dan menurun. Tahun 2000 - 473,000, tahun 2001 – 483,000, tahun 2003 – 479,000, tahun 2004 – 561,000 dan pada 2005 (tahun lepas) – 542,000. Jadi *trend* itu walaupun turun pada tahun lepas 3 peratus tapi dia lebih tinggi daripada *trend-trend* tahun 2000, 2001, 2002, 2003 dengan banyaknya. Jadi selain daripada itu, kita kena ingat jugalah pada masa 2004 itu lebuh raya dah siap jadi penumpang-penumpang atau pekerja-pekerja yang datang dari K.L. ni, LPT dah siap lebih mudah dan sebahagiannya dah datang melalui kereta dan juga bas. Jadi kita nampak, ada berbahagi-bahagi ada yang naik kapal terbang dan ada yang naik kereta ke Terengganu ini.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua penjelasan, soalan tambahan ialah berhubung dengan soal *trend* yang saya tanya ini kerana saya bimbang berlaku macam Lapangan Terbang Ipoh, bila siap Lebuh Raya Utara Selatan orang tak naik kapal terbang dah, jadi masalah sekarang ini apakah justifikasinya kita nak perbesarkan *airport* tapi penerbangan dan juga penumpang makin kurang, itu persoalannya sekarang ini.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMED BIN AWANG TERA (Wakil Cukai): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, kita banyak strategi yang digunakan, kita lihat *trend* dari segi pelanconglah, kita bukan sahaja nak menarik pelancong tempatan tetapi juga pelancong luar negara, jadi melihat kepada keadaan inilah kita rasa kita memerlukan kepada *airport* yang lebih besar kita boleh tarik orang daripada luar melalui *direct flight.* Jadi kalau kita lihat daripada justifikasi tersebut tadilah *trend* ini adalah *trend* walaupun

menurun sikit tetapi *trend* yang meningkat dengan banyaknya dalam tempoh 5 tahun ini dan strategi kita adalah untuk mempastikan kita boleh tarik pelancong-pelancong luar negara ini. Kalau kita lihat dulu pelancong yang datang dari luar negara amat sedikit jadi strategi ini yang kita nak guna dengan adanya infra yang baik seperti *airport* ini kita boleh gunakan untuk dapat *direct flight* daripada luar. Terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Soalan tambahan Yang Dipertua – Saya nak tanya sahabat saya daripada Cukai, kita kena ada perancangan, kita kena ada *target*, apa *projection* kita. Saya bimbangnya begini Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, sekarang sebagai contoh, pelancong daripada Singapore hendak pergi ke Pulau Redang, *they go direct flight* dengan izin, daripada Singapore terus ke Redang Island Resort dia tak melalui dah *airport* kita. Sehinggakan teksi/*Airport Limousine* bersungut, peniaga-peniagapun bersungut, *nothing,* tak ada apa yang orang tempatan dapat, *they go direct* begitu. Jadi ini yang kadang-kadang kita nak kena tengok, itu *projection* bahagian pelancongan sendiri berhubung dengan *trend* pada masa akan datang.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMED BIN AWANG TERA (Wakil Cukai): Terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, betullah sekarang ini memang ada *direct flight* daripada Seletar ke Redangpun ada tiga kali seminggu. Jadi kita ada pelbagai strategi untuk bukan kita nak ambil daripada Singapura sahaja, kita juga nak tarik daripada Jepun, daripada Taiwan dan di samping kita nak gunakan untuk *airport* untuk orang Haji, jadi strategi kita pelbagai. Dan apabila siap secara menyeluruhnya Bandar Kuala Terengganu juga kita nak *up-gradek*an dan kita dah siapkan pasar baru kita, kita baiki balik masjid kita. Ini adalah satu daripada produk-produk yang kita nak buat dan dengan adanya produk-produk ini jadi mudahlah kita nak jalankan strategi kita untuk tarikkan *direct flight* daripada luar ini itulah tujuan kita. Jadi sekarang ini memanglah ada *flight* yang pergi *direct* ke Pulau Redang sebab masih belum banyak lagi produk-produk yang ada di bandar kita sendiri tapi kita buat secara serentak, secara menyeluruh dan jika apabila semua ini siap, insyaAllah kita boleh tarik secara *direct flight.* Ini yang berlaku di Kuantan misalnya, *airportnya* besar, dia juga boleh tarik daripada Taipei, kita apabila siap *airport* kita di Kuala Terengganu ini, insyaAllah kita boleh besar daripada itu lagi, itulah apa yang berlaku di Kuantan masa ini. Terima kasih, Yang Berhormat Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Boleh tanya lagi Yang Berhormat Yang Dipertua?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Soalan seterusnya.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Terima kasih. Soalan yang kedua, Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua –

> *Apakah perancangan kerajaan dalam menambah baik dan menangani isu pelupusan sampah oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di negeri ini?*

YANG BERHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, kerajaan sedang mengkaji untuk mendapatkan kaedah yang terbaik bagi menangani isu pelupusan sampah di negeri ini. Namun demikian, ketika ini semua Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Terengganu masih lagi menggunakan kaedah tradisional iaitu dengan izin penggunaan *Sanitary Landfill.* Apa yang penting ketika ini ialah pengurusan dan pengawasan serta pemantauan cekap oleh pihak PBT terhadap tempat-tempat pelupusan sampah mereka. Sampah dilupuskan setiap hari dengan tanah dan masalah kesukaran mendapatkan tapak yang sesuai untuk dijadikan tempat pelupusan sampah, Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan tambahan – Saya sehari-dua, diakhir-akhir ini banyak berita, semalampun ada di dalam televisyen mengatakan negeri-negeri lain, yang berlaku di tempat-tempat lain pencemaran sungai akibat daripada terlampau dekat dengan pusat pelupusan sampah dan saya harap tempat kita tidak berlaku tapi dengar kata baru-baru ini sudah membuat lawatan ke China untuk hendak beli katanya *Incinerator* baru. Jadi adakah nak teruskan projek itu? Saya nak tanya kedudukan *Incinerator* yang lama dulu, pasal dalam laporan Jawapan Bertulis ini *Incinerator* itu masih lagi beroperasi dalam laporan di jawapan Industri di Gong Badak, masih beroperasi. Itu laporan bertulis yang diberikan. Jadi kalau hak itu masih beroperasi nak beli hak baru lagikah?

YANG BERHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Dato' Yang Dipertua, jikalau ada jawapan yang mengatakan masih lagi beroperasi, silaplah tu. Ia sudah lama tidak beroperasi, *condemn* dah. Dato' Yang Dipertua, buat masa ini kita tak tahu apakah sistem sebagaimana yang disebut tadi yang akan kita beli atau yang kita gunakan, kita masih mencari alternatif apakah sistem yang terbaik. Di antara yang kita lihat ialah 'Sistem *Sanitary Landfill'* yang dibuat di China yang rasa-rasa kita setakat ini yang terbaik dan begitu juga dengan *Incinerator* tapi masalah *Incinerator* kosnya tinggi mungkin kita tidak mampu. Sebab itulah kita sedang mengkaji apakah alternatif yang terbaik yang ada pada kita. Hatta, Kerajaan Pusatpun sampai sekarang tidak pasang lagi *Incinerator.* Jadi kita perlu buat penelitian dan kajian sehingga kita buat perakuan apakah sistem yang terbaik yang bakal kita gunakan, Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya ucapkan terima kasih kerana beliau memperbetulkan fakta yang tak betul ini. Terima kasih, Yang Berhormat Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Okey, terima kasih Yang Berhormat Wakil Wakaf Mempelam. Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Wakil Batu Rakit mengemukakan soalan.

YANG BERHORMAT HAJI KHAZAN BIN CHE MAT (Wakil Batu Rakit): Soalan saya telah dijawab tadi, Dato' Yang Dipertua. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan tadi saya rangkum sekali dengan soalan daripada Yang Berhormat Wakil Sura.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Okey, terima kasih. Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Wakil Kuala Berang mengemukakan soalan.

YANG BERHORMAT ENCIK MOHD ZAWAWI BIN HAJI ISMAIL (Wakil Kuala Berang): Bismillahirrahmanirrahim. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan yang pertama -

> *Nyatakan usaha-usaha dan langkah-langkah yang telah dijalankan oleh Kerajaan Negeri untuk membantu pengusaha-pengusaha pelancongan di Tasik Kenyir. Benarkah kalau saya katakan kerajaan tidak bersungguh-sungguh menjadikan Tasik Kenyir sebagai salah satu daripada destinasi utama pelancongan di negeri ini?*

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMED BIN AWANG TERA (Wakil Cukai): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan adalah berkaitan dengan langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan untuk membantu pengusaha-pengusaha pelancongan di Tasik Kenyir dan Yang Berhormat daripada Kuala Berang bertanya, benarkah kerajaan tidak bersungguh-sungguh menjadikan Tasik Kenyir sebagai salah satu daripada destinasi utama pelancongan di Negeri Terengganu.

Yang Berhormat Yang Dipertua, kenyataan Yang Berhormat Kuala Berang yang menyatakan Kerajaan Negeri tidak bersungguh-sungguh menjadikan Tasik Kenyir sebagai salah satu daripada destinasi utama pelancongan di Negeri Terengganu ialah tidak benar sama sekali. Kerajaan Negeri Terengganu dan Ketengah selaku organisasi yang bertanggungjawab memaju dan membangunkan Tasik Kenyir bersama-sama dengan agensi Kerajaan Persekutuan seperti Tourism Malaysia dan Majlis Tindakan Pelancongan Negeri Terengganu sentiasa mengambil berat untuk membantu pengusaha-pengusaha pelancong di Tasik Kenyir. Tindakan-tindakan yang telah diambil ialah termasuk dari segi mengadakan pembangunan produk, aktiviti dan promosi pelancongan, latihan kepada pengusaha-pengusaha pelancong dan juga kerja-kerja pembersihan dan penyenggaraan di kawasan Tasik Kenyir tersebut. Tindakan ini adalah satu pakej pembangunan untuk memaju dan membangun Tasik Kenyir sebagai destinasi pelancong utama di negeri ini. Kerajaan Negeri berharap langkah-langkah ini akan membawa kemasukan lebih ramai lagi pelancong ke Tasik Kenyir dan seterusnya akan meningkatkan pendapatan kepada para pengusaha pelancong di Tasik Kenyir. Terima kasih.

YANG BERHORMAT ENCIK MOHD ZAWAWI BIN HAJI ISMAIL (Wakil Kuala Berang): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, *trend* yang saya nampaklah di Tasik Kenyir hari ini, sebelum tahun 2000 dahulu terdapat lebih kurang 40 orang pengusaha bot pelancong dan bilangan tersebut telah menurun semenjak zaman pemerintah Kerajaan Pas dahulu dan saya buat kajian lebih kurang tinggal 15 orang sahaja pengusaha kerana pada masa itu tidak ada usaha untuk nak cuba bantu pengusaha-pengusaha bot pelancong ini ke arah memastikan mereka mendapat hak dalam soal kegiatan pelancongan. Jadi saya bimbang

melihat kepada *chalet-chalet (disebut dalam sebutan Melayu)* hari inipun semenjak Kerajaan Pas baru-baru ini sehingga ke hari ini masih lagi kurang melaksanakan operasi-operasi mereka kerana kurangnya kedatangan pelancong-pelancong. Jadi saya bimbanglah kalau begini keadaan berlaku saya bimbang ramai pengusaha-pengusaha ini akan tidak akan mengusahakan kegiatan-kegiatan mereka dalam soal pelancongan di Tasik Kenyir. Jadi saya haraplah supaya Tasik Kenyir sebagaimana yang kita tahu akan menjadi satu destinasi .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Soalan tambahan Yang Berhormat?

YANG BERHORMAT ENCIK MOHD ZAWAWI BIN HAJI ISMAIL (Wakil Kuala Berang): Soalan yang kedua - Bolehkah saya tahu cadangan yang kerajaan hasratkan untuk menubuhkan Pusat Kawasan Bebas Cukai di Tasik Kenyir akan dilaksanakan?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMED BIN AWANG TERA (Wakil Cukai): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, sehingga hari ini belum ada cadangan untuk mengadakan Kawasan Bebas Cukai di Tasik Kenyir. Sungguhpun begitu kita hendak membuat ulasan daripada komen yang Yang Berhormat buat tadi. Selain daripada itu, kita memang tahu berlakunya kekurangan/penurunan daripada pengusaha-pengusaha bot. Sekarang ini tinggal 10 orang pengusaha bot, *house boat* ada 10, *chalet-chalet* Yang Berhormat bukan 'chalet' (disebut dalam sebutan Melayu) ada 9. Jadi kalau benda ini dilihat dari segi pembangunan produk, kita juga sedang *up-grade* jeti-jeti di sana, kita adakan gerai makan dan pondok cenderahati. Kita juga sedang meningkatkan kawasan-kawasan di Pengkalan Gawi di Sungai Lawik, Air Terjun Lasir dan sebagainya. Semuanya ini adalah bertujuan untuk meningkatkan lagi jumlah pelancong yang datang ke Tasik Kenyir. Untuk memperkenalkan Tasik Kenyir juga kita mengadakan beberapa program berbentuk *Sports Tourism.* Baru-baru ini kita adakan Tasik Kenyir *International Triathlon* yang telah dapat menarik ramai daripada peserta-peserta dari luar negara. Ini adalah cara yang kita adakan untuk memperkenalkan Tasik Kenyir itu. InsyaAllah, tak berapa lama lagi kita akan dapat lebih ramai lagi pelancong daripada luar negara datang ke Tasik Kenyir ini. Terima kasih, Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABD. MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Dato' Yang Dipertua, soalan tambahan – Sejak 2 tahun Barisan Nasional mengambil alih Kerajaan Terengganu, adakah dalam pengetahuan Yang Berhormat Exco Pelancongan berapa buah pusat resort baru yang ditubuhkan oleh persendirian dan juga Ketengah di Tasik Kenyir?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMED BIN AWANG TERA (Wakil Cukai): Yang Berhormat Yang Dipertua, dalam tempoh 2 tahun yang lepas ini kita belum ada lagi yang baru tapi kita sudah merancang untuk mengadakan satu yang agak besar di Tasik Kenyir itu yang telahpun diberi kelulusannya dan akan dilaksanakan tidak lama lagi. Sekarang ini sedang dibuat kajian EIA dan sebagainya. InsyaAllah, ini juga akan dapat mengembangkan lagi Tasik Kenyir.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABD. MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Dato' Yang Dipertua, ada lagi soalan saya, yang dibina oleh Ketengah.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMED BIN AWANG TERA (Wakil Cukai): Dalam tempoh 2 tahun yang lepas tidak ada, Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT ENCIK MOHD ZAWAWI BIN HAJI ISMAIL (Wakil Kuala Berang): Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih, Yang Berhormat Wakil Kuala Berang. Masa Soalan Lisan masih ada lagi 8 minit. Jadi kita akan beri peluang kepada 4 orang lagi yang menyediakan soalan. Kita pusingkan balik kepada soalan susunan nombor 1 mengikut dalam susunan dalam Kertas Persidangan Dewan yang diedarkan kepada Yang Berhormat sekalian iaitu soalan nombor 1 ini akan melibatkan Yang Berhormat Bukit Payong dan Wakil Bukit Besi yang akan menjawabnya. Jadi saya dengan sukacitanya mempersilakan Yang Berhormat Wakil Kemasik mengemukakan soalan.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan pertama -

> *Sila sebutkan jumlah penganggur yang mendaftar dengan Jabatan Tenaga Kerja sepanjang tahun 2004 dan 2005 dan nyatakan jumlah mereka yang telah mendapat pekerjaan dalam tempoh tersebut?*

YANG BERHORMAT DATO' DR. HAJI ABDUL LATIFF BIN AWANG (Wakil Bukit Payong): Terima kasih, Yang Berhormat Yang Dipertua. Soalan pertama daripada Wakil Kemasik bertanyakan tentang - Sebutkan jumlah penganggur yang mendaftar dengan Jabatan Tenaga Kerja sepanjang tahun 2004 dan 2005 dan nyatakan jumlah mereka yang telah mendapat pekerjaan dalam tempoh tersebut?

Daripada data-data yang kita dapat daripada Jabatan Tenaga Kerja sebenarnya yang dikata penganggur itu tidaklah tepat sangat kerana mereka yang mendaftar ini termasuklah mereka yang sedang bekerja tetapi untuk mendapat kerja yang lebih baik bukannya tidak kerja langsung. Jadi berdasarkan kepada kenyataan itu, maka pada tahun 2004 pendaftarannya ialah 1,854 orang dengan yang mendapat tempat 163 orang. Dalam tahun 2005 pendaftarannya ialah 3,653 orang sedangkan yang dapat ditempatkan ialah 1,303 orang. Itu dari segi jumlah yang dapat tempat selama 2 tahun. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan tambahan – Apakah usaha Kerajaan Negeri bagi menyediakan dan mengadakan peluang-peluang pekerjaan terutama kepada mereka yang belum lagi mendapat pekerjaan iaitu termasuk mereka yang berkelulusan akademik seperti Diploma dan Ijazah?

YANG BERHORMAT DATO' DR. HAJI ABDUL LATIFF BIN AWANG (Wakil Bukit Payong): Terima kasih. Dia ada dua kaedah, pertamanya melalui Kementerian Sumber Manusia melalui 'Sure Kerja' yang dibuat tahun lepas. Ini juga menempatkan ramai mereka yang masih tidak dapat kerja ditempat di tempat-tempat yang mereka dapat kerja. Itu dari

Kementerian Sumber Manusia. Yang keduanya, daripada Kerajaan Negeri sendiri ini adalah khusus untuk mereka yang mendapat Diploma dan Degree (Ijazah) daripada universiti tempatan dan luar negeri melalui T-GAS dengan izin *Terengganu Graduate Attachment Scheme*. Skim untuk penempatan pemegang Diploma dan Ijazah ini alhamdulillah, setakat ini kita sudah temuduga 1,500 orang untuk ditempatkan dipelbagai-bagai tempat termasuk dalam bidang IT. Dan jumlah yang daftar dengan kita lebih daripada 3,000 orang jadi buat masa ini telah kita temuduga 1,000 lebih dah.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan tambahan – Daripada mereka yang belum lagi mendapat pekerjaan dan belum berpeluang untuk bekerja, adakah di antara mereka terlibat dengan gejala-gejala yang tidak sihat?

YANG BERHORMAT DATO' DR. HAJI ABDUL LATIFF BIN AWANG (Wakil Bukit Payong): Minta maaf, tidak ada statistik.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan kedua –

> *Apakah pendekatan yang diambil oleh Kerajaan Negeri bagi menangani masalah lumba haram di kalangan belia-belia yang berleluasa pada masa ini?*

YANG BERHORMAT HAJI DIN BIN ADAM (Wakil Bukit Besi): Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, menjawab soalan nombor 2 daripada Wakil Kemasik yang ingin mengetahui mengenai pendekatan yang diambil oleh pihak kerajaan bagi menangani masalah lumba haram di kalangan belia-belia yang berleluasa pada masa ini.

Suka saya menyatakan bahawa sebenar sekalinya memang bukan berleluasa, memang ada, dia tidak berleluasa dan langkah-langkah tertentu telah diambil oleh pihak kerajaan dengan kerjasama Jabatan Pengangkutan Jalan, pihak Polis sebagai agensi penguatkuasaan dalam bidang pemotoran dan sebagainya. Satu program telahpun diambil secara bersepadu iaitu pada 1 haribulan 11, tahun 2005 iaitu dua hari sebelum pada kita menyambut Hari Raya Aidil Fitri yang mana kita ketahui biasanya kebanyakan program-program ini ataupun perkara-perkara semacam ini berlaku semasa hari-hari cuti dan hari-hari kebesaran kerana dapat mengumpulkan remaja-remaja dan sebagainya. Jadi program ini telah kita buat bersama dengan Jabatan Pengangkutan Jalan bersama dengan pihak Polis yang kita buat operasi di antara jam 10.00 saya bersama sampai jam 2.00 pagi. Dan kita himpun belia-belia yang menunggang motosikal, sebenarnya mereka tidak berlumba, dia menunggang motosikal dalam kelompok yang ramai, kita buat satu sekatan jalan raya mengajak mereka ke Pantai Batu Burok, dan di tempat Batu Burok itu menghimpun dan berbincang bagaimana cara untuk menyelesaikan masalah. Alhamdilillah, nampak sambutannya cukup baik dan ada *positive idea*, dengan izin yang telahpun disampaikan oleh mereka yang terlibat dengan masalah ini.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan tambahan – Sejauh manakah penglibatan Badan-badan Bukan Kerajaan (NGO) dalam membantu menangani masalah yang berlaku?

YANG BERHORMAT HAJI DIN BIN ADAM (Wakil Bukit Besi): Dato' Yang Dipertua, memang ada kerjasama daripada NGO's termasuk Majlis Keselamatan Jalan Raya dan juga sebuah badan yang dinamakan sebuah syarikat yang membantu sama dalam menyelesaikan masalah ini dengan menubuhkan satu litar untuk buat *Spring-Test* dengan izin, di Lembah Bidong melalui Syarikat PCSB. Dan ini boleh sedikit sebanyak menyelesaikan masalah di mana program-program dijayakan sekurang-kurangnya satu bulan sekali untuk menarik golongan-golongan yang berminat kepada masalah ini dan menyelesaikan masalah yang sepatutnya.

YANG BERHORMAT ENCIK ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Soalan tambahan, Dato' Yang Dipertua, pohon penjelasan – Kalau zaman dulu orang berlumba berkuda, zaman dulu juga ada orang berlumba unta. Jadi adakah Kerajaan Negeri tidak bercadang untuk menjadikan salah sebuah gelanggang yang tidak haram untuk pelumba-pelumba motor di negeri Terengganu ini?

YANG BERHORMAT HAJI DIN BIN ADAM (Wakil Bukit Besi): Terima kasih, soalan tambahan daripada Wakil Telemong. Memang ada sebagaimana saya sebutkan tadi, program dijayakan oleh PCSB Sdn. Bhd. itu adalah satu gelanggang yang kita beri sokongan kepada syarikat berkenaan untuk jayakan program ini, memang dah ada.

YANG BERHORMAT HAJI AHMAD KAMAL BIN ABDULLAH (Wakil Sura): Dato' Yang Dipertua, soalan tambahan – Apakah faktor-faktor yang dikenal pasti mengapa masih wujud lagi isu yang disebutkan ini iaitu isu lumba haram ini?

YANG BERHORMAT HAJI DIN BIN ADAM (Wakil Bukit Besi): Dato' Yang Dipertua, memang kita sedar bahawa golongan remaja ini adalah golongan yang ada sebahagiannya mereka yang boleh dikategorikan sebagai dengan izin, *unestablished group* yang selalu memberi masalah dan sebagainya kerana dalam kategori belia itu sendiri mereka yang berusia di antara 12 hingga 15 tahun adalah belia di bawah kategori peringkat awal remaja, 15 hingga ke 18 tahun, kita kena kaji dari segi pergerakannya, 18 sampai 25 tahun macam manakah keadaannya dan selalunya yang menimbulkan masalah adalah mereka yang berada di usia antara 15 hingga 25 tahun sama ada masih lagi berada dalam alam pendidikan sekolah menengah ataupun di pusat-pusat pengajian tinggi ataupun mereka yang baru habis pendidikan yang ada pada hari ini. Sebab itu kita perlu ada satu dan sedang mengkaji satu program khusus bagaimana nak menyelesaikan masalah ini dengan mengadakan program-program yang sepatut dengan mereka sebagaimana yang pernah saya katakan semalam dalam menjawab soalan yang dikemukakan iaitu menganjurkan Kursus Sahabat Bestari dan juga kita menganjurkan program-program yang berbentuk kesukanan dan juga kita menganjurkan program-program sepertimana liga bolasepak yang masih lagi didakwa. Saya melihat hari ini, minta maaflah, dalam Buletin On-Line hari ini menyatakan satu perkara yang tak patut berlaku kerana kemungkinan mereka tak faham jugak. Soalan yang dikemukakan di sini, saya dapati melalui Program Liga Bolasepak Piala Yang Amat Berhormat Menteri Besar sambutannya cukup baik di mana penglibatan

daripada seluruh masyarakat di Terengganu lebih daripada 800 pasukan yang terlibat dalam kejohanan ini. Tetapi soalan yang dikemukakan kepada saya oleh Wakil daripada Manir yang menyatakan penganjuran Liga Bolasepak Piala MB tahun 2006 pada 2 hari lepas, saya tidak menjawab kerana soalan itu tidak ada kena mengena perbelanjaan yang dihulurkan adalah pada tahun 2005 tetapi hari ini saya hendak memaklumkan jangan buat dakwaan ikut sedap saja dalam Buletin On-Line ini. Ini satu perkara yang tidak bertanggungjawab, satu keadaan yang tidak bertanggungjawab, seharusnya kena tarik ni. Dalam risalah ini mengatakan kes pertama oleh ADUN Bukit Besi dengan izin: "Din Adam selaku Exco Belia, Sukan dan NGO sewaktu bangun menyentuh soalan DUN Manir Dato' Harun Taib mengenai jersi bolasepak Piala Menteri Besar. Din bagaimanapun, tidak menjawab soalan yang dibangkitkan sebaliknya kononnya soalan itu tidak relevan". Memang tidak relevan kerana perbelanjaan adalah tahun 2005, soalan yang dikemukakan kepada saya untuk tahun 2006 tetapi semalam saya nyatakan bahawa segala proses sebut harga/tender adalah mengikut amalan Pentadbiran semasa, amalan Kewangan semasa. Kena faham sikit, kena khabar kepada anak buah di sebelah sana tu, jangan buat lebih kurang. Ini suatu benda yang tidak baik, kita cuba hendak selesaikan masalah tetapi mereka asyik menimbulkan masalah, ini suatu benda yang tidak bertanggungjawab. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli Yang Berhormat sekalian, oleh kerana masa untuk Soalan Lisan telahpun berlalu 1 jam, jadi saya tangguhkan sementara Dewan ini dan disambung semula jam 11.00 pagi hari ini. Terima kasih.

DEWAN DITANGGUH SEMENTARA PUKUL 9.33 PAGI.

Pukul 11.00 Pagi

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Mesyuarat disambung semula. Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat Penggulungan Ke Atas Usul Menjunjung Kasih oleh pihak Kerajaan Negeri disambung semula. Saya mempersilakan Yang Berhormat Wakil Kerajaan, Wakil daripada Teluk Pasu untuk meneruskan Penggulungannya.

YANG BERHORMAT DATUK ABDUL RAHIN BIN MOHD SAID (Wakil Teluk Pasu): Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar. Terima kasih kerana memberikan peluang untuk saya menyambung Penggulungan iaitu tentang MBO *(Management By-Out)* Syarikat Jasa Merin Malaysia Sdn. Bhd. Tujuan MBO ini adalah untuk mempertingkatkan daya saing JMM dengan syarikat-syarikat lain dalam industri kapal tunda dan mewujudkan lebih ramai lagi usahawan bumiputera di Negeri Terengganu yang menceburi dalam bidang perkapalan. Sementara itu, syarikat juga boleh menambah equiti dan menambah pinjaman ke atas pembelian bot-bot baru dan menerokai pasaran yang lebih luas lagi seperti Indonesia, Kemboja dan Vietnam. Dengan cara ini juga, kita dapat mengembangkan bidang perkapalan dan memberi peluang kepada usahawan bumiputera pada waktu yang sama Kerajaan Negeri masih equiti sebanyak 30 peratus. Dato' Yang Dipertua, tarikh perjanjian adalah pada 5hb. Disember 2005. Sebagaimana yang dibangkitkan oleh Wakil Wakaf Mempelam sememangnyalah sebelum POA ataupun dengan izin, *Point of Agreement* yang kita tandatangani sudah tentulah kita menandatangani MoU. Selepas itu kita dapatkan kelulusan CIC ataupun FIC dan seterusnya perjanjian ditandatangani. Syarat-syarat *Management By-Out* ini adalah sekurang-kurangnya 2 Ahli Lembaga Pengarah dalam JMM terdiri daripada wakil Kerajaan Negeri. JMM hendaklah disenaraikan dalam tempoh 5 tahun dari tarikh penswastaan. Terdapat faedah-faedah langsung yang diperolehi iaitu tawaran adalah pada harga yang baik dan secara tunai. Seperti yang dikatakan tadi bahawa Kerajaan Negeri masih mempunyai ekuiti sebanyak 30 peratus di dalam JMM. Dan juga selepas disenaraikan kita masih lagi terus menerima dividen yang dijangka meningkat daripada tahun ke tahun. Pada waktu yang sama nilai ekuiti yang dipegang oleh Kerajaan Negeri juga akan meningkat. Faedah secara tidak langsung adalah kerjasama antara kepimpinan usahawan tempatan dengan pengurusan yang lebih profesional untuk menambah lagi daya maju Jasa Merin. Mewujudkan lebih ramai lagi usahawan bumiputera di Negseri Terengganu yang menceburi bidang perkapalan dalam erti kata yang luas lagi. Mewujudkan perkongsian yang bijak *smart partnership* antara Kerajaan Negeri, pengurusan dan pekerja Jasa Merin yang diberikan 15 peratus ekuiti kepada pekerja. Oleh itu, Kerajaan Negeri menaruh harapan bahawa dengan proses MBO ini kita akan memperluaskan lagi bidang perkapalan. Dato' Yang Dipertua, sebagaimana yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Wakil Wakaf Mempelam yang mengatakan bahawa dan mungkin ini tanggapan Yang Berhormat bahawa keuntungan yang diperolehi oleh Jasa Merin dan kapalnya masih baik semasa pemerintahan Pas dahulu mengikut PNL *nett profit* dengan izin, pada tahun 2004 adalah RM2,378,000,000 bukannya 7 hingga 10 yang telah disebut oleh Yang Berhormat. Sementara pada tahun 2005, mengikut PNL yang dibuat adalah sebanyak RM4,180,000. Jadi kenyataan yang dibuat oleh Yang Berhormat, ini soal angka bukannya soal siri pembohongan, saya harap Yang Berhormat juga boleh terima kenyataan saya ini kerana adalah angka yang ditunjukkan oleh Jasa Merin, keupayaan Jasa

Merin sebelum ini. Sementara yang mengatakan bahawa kapal-kapal yang masih lagi elok dan sebagainya, kita membuat keputusan rasional ataupun kewajaran membuat keputusan ini dengan mengambil kira soal-soal yang bersabit dengan umur kapal. Pembaikian dan penyelenggaraan, kos limbungan kering, insuran kapal dan sebagainya. Dan kita jangkakan bahawa dengan proses MBO ini maka Syarikat Jasa Merin akan lebih keupayaannya untuk mendapatkan pembiayaan yang lebih besar dan menambah kapal yang lebih baik dan berdaya maju. Sekian, terima kasih.

YANG BERHORMAT DATUK HAJI MOHD JIDIN BIN SHAFEE (Wakil Permaisuri): Assalamu-alaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua. Pertamanya, saya terlebih dahulu ingin mengucapkan berbanyak terima kasih kepada semua ahli Yang Berhormat yang telah sama-sama mengambil bahagian membahas Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Al-Sultan terutamanya yang menyentuh bidang pertanian. Sebahagian daripada perkara yang dibangkitkan telahpun dibahaskan dan terlebih dahulu saya ingin menyampaikan beberapa perkara yang perlu disentuh walaupun sedikit disentuh ataupun tidak disentuh. Yang pertamanya, mengenai Kempen Bumi Hijau di Negeri Terengganu. Dato' Yang Dipertua, sekali lagi saya maklumkan bahawa Kempen Bumi Hijau di Negeri Terengganu akan dilaksanakan pada 4hb. Mei, di kawasan Rusila dan kita harap semua Yang Berhormat dapat hadir bersama untuk melihat serta menilai sendiri bagaimana konsep ini akan dilaksanakan di seluruh negara. Buat masa ini kita telahpun menjemput seramai 3,000 peserta untuk bersama-sama dengan kita di kawasan Perumahan Kos Rendah Medan Jaya, Rusila. Tujuan utama ataupun matlamat utama program ini adalah untuk mengurangkan kos perbelanjaan harian keluarga yang meningkat dari hari ke hari serta mewujudkan kesedaran dan minat rakyat terhadap pertanian terutamanya di kalangan belia, pelajar dan semua lapisan dan seterusnya untuk mewujudkan kesedaran rakyat terhadap makanan segar, berkhasiat dan selamat. Di samping itu juga, matlamat utama Bumi Hijau ialah untuk mewujudkan suasana persekitaran dan kawasan halaman rumah yang cantik dan menarik dengan tanaman makanan yang berfungsi sebagai hiasan dan juga sebagai tanaman hiasan. Sehingga kini Dato' Yang Dipertua, Kerajaan Negeri telahpun membuat kempen pelancaran awal yang bermula pada 15 Mac yang lalu di mana 3,000 anak benih pelbagai jenis sayuran dan 1,000 beg biji-biji benih sayuran telahpun diagih kepada kakitangan kerajaan, pegawai serta orang ramai di perkarangan Wisma Darul Iman.

Dato' Yang Dipertua, selain daripada itu perkara yang penting yang perlu disentuhkan sedikit lagi ialah mengenai Tahun Pertanian 2006 yang mana sebahagian persoalannya telah ditanyakan oleh Wakil Jabi tetapi tidak sempat dijawab. Secara ringkasnya saya ingin memaklumkan bahawa Tahun Pertanian 2006 menonjolkan tiga aspek baru yang utama iaitu kita memberi tumpuan kepada ternakan, tanaman dan juga akua-kultur. Pada keseluruhannya, berikut adalah dimaklumkan sedikit tumpuan untuk makluman bersama. Yang pertama, dari segi ternakan. Kita akan memberi tumpuan kepada ternakan kambing Kaprima yang mana kita telah menyediakan sebanyak dulunya 7 sekarang tambah sebanyak 1 lagi Lembah Kaprima di Negeri Terengganu. Yang keduanya, mengenai tanaman jagung yang dikatakan begitu popular, selain daripada buah, jagung juga akan dijadikan *silaj.* Yang ketiganya, PSE Dewa ataupun padang ternak iaitu kawasan Tok Has, Bukit Kemuntong telahpun dimajukan dengan lembu, jagung, kambing dan ayam kampung. Selain daripada keadaan biasa bagi mendapat keupayaan yang tinggi dari segi hasil,

Jabatan Perkhidmatan Haiwan Negeri telahpun memperkenalkan Sistem Permandian Berhadas untuk mendapat baka-baka yang lebih baik melalui Sistem DIY. Dari segi Perikanan pula, pada tahun ini beberapa program telah dianjurkan dan disediakan. Antaranya ialah Asuhan Benih Ikan Laut Dalam Tangki yang telahpun dibuat di Besut dan akan dilancarkan pada Mei 2006, Ternakan Ikan Dalam Sangkar di Telaga Papan, Ikan Hiasan Dalam Sangkar di Marang, Ternakan Ikan Dalam Sangkar di Paka. Dan seterusnya di dalam industri tanaman, program-program industri buah-buhan iaitu melibatkan 2,786 hektar di Terengganu yang memakan belanja peruntukan pada tahun ini sebanyak RM8.24 juta. Perkara yang seterusnya Pembangunan Industri Sayur-sayuran di mana meliputi kawasan seluas 625 hektar yang telahpun diperuntukan .....

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN HAJI NUH (Wakil Tepoh): Dato' Yang Dipertua, saya mohon penjelasan sedikit. Tadi Yang Berhormat Wakil Kerajaan menyebutkan tentang kedudukan jumlah kambing yang diberikan, 40 ekor yang betina dan 2 ekor jantan. Kena tambah sikit tu, ini kes anianya 2 ekor saja, kena tambah hak jantan itu lebih sikit.

YANG BERHORMAT DATUK HAJI MOHD JIDIN BIN SHAFEE (Wakil Permaisuri): Sebenarnya, keupayaan sebenar kambing Kaprima ini 40 betina dengan 1 jantan sahaja .....(Dewan Gelak) .....

Dari segi tanaman Dato' Yang Dipertua, Pembangunan Industri Berasaskan Kelapa juga kita mempunyai kawasan seluas 670 hektar dan peruntukan telah diberi sebanyak RM1.8 juta dan padi di luar jelapang yang seluas 1,975 hektar yang telah diperuntukkan RM1.8 juta juga dan Pembangunan TKPM sebanyak RM2.72 juta. Selain daripada itu, beberapa perkara mengenai masalah pemasaran yang selalu disebut. Pada tahun ini kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM5 juta campur dengan RM3 juta lagi iaitu menjadikan RM5.3 juta kesemuanya. Dan seterusnya, tumpuan juga akan diberi kepada fasa II Durian Mentangau mengenai Limau Madu. Selain daripada itu, program-program besar yang akan dilancarkan pada tahun ini termasuklah Hari Peladang, Petani, Penternak dan Nelayan Peringkat Negeri yang dijangkakan akan dibuat pada bulan Ogos dan juga MAHA pada bulan Ogos di peringkat Kebangsaan.

Dato' Yang Dipertua, mengenai susulan kepada Perbahasan, sukacita saya memberi sedikit jawapan kepada Yang Berhormat ADUN Paka yang membangkitkan bekalan benih ikan dan juga yang tidak disempat dijawab ialah Lesen Bot Kecil yang juga disebut di dalam Perbahasannya. Langkah untuk membekalkan benih ikan yang mencukupi yang telahpun diambil dengan menyediakan input induk dan peralatan benih kepada pembiak dan pengasuh benih ikan. Walau bagaimanapun, ada juga timbul masalah dan kita harap Y.B. Paka dapat bersabar dan kita akan memenuhi segala usaha-usaha yang telah kita buat. Mengenai bot kecil, sampan ataupun fibre glass, perangkaan pada tahun 2005 terdapat 846 bot kecil berlesen dan 1,123 bot tradisi yang mempunyai injin dalam di persisiran pantai serta 519 unit bot komersil. Terdapat sejumlah 610 bot kecil yang tidak berlesen, sampan yang tidak berlesen akan diberi pertimbangan khas seterusnya oleh Kerajaan Negeri dan juga Kerajaan Pusat bagi menentukan bahawa semua nelayan akan mendapat subsidi petrol yang akan diberikan pada bulan Jun nanti.

Mengenai TKPM, sukacita saya memaklumkan bahawa kepada Yang Berhormat Kawasan Paka, TKPM Serating telahpun dipenuhi seluas 293 hektar dengan tanaman tembikai, sayuran, ternakan dan juga dragon fruit ataupun buah pitaya. Pada tahun 2006, Kementerian Pertanian dan Asas Tani telah memperuntukkan sebanyak RM890,000 bagi infrastruktur dan juga peningkatan kesuburan tanah. Manakala di TKPM Rhu Tapai seluas 717 hektar, kawasan ini akan dimasukkan kambing, buahan, tanaman singkat masa dan Kerajaan Pusat telah memperuntukkan sebanyak RM1.2 juta untuk infra termasuklah pagar, jalan, perparitan dan juga elektrik. Manakala TKPM Landas, Hulu Terengganu seluas 200 hektar juga ditanam dengan tanaman buahan dan tanaman singkat dan peruntukan sebanyak RM500,000 telahpun disediakan. Bagi TKPM Paloh, Jenang di Kemaman seluas 100 hektar, tanaman sayur, buah-buahan juga disasarkan. Dan pada dasarnya, RM1 juta telah diperuntukkan pada tahun 2006 oleh Kementerian Pertanian dan Asas Tani. Bagi jawapan kepada Yang Berhormat ADUN Bukit Tunggal mengenai fertigasi sukacita saya memaklumkan bahawa Jabatan Pertanian telah membina Rumah Lindungan Hujan untuk Sistem Fertigasi seperti di TKPM Rhu Tapai, Pusat Pertanian Ajil di Hulu Terengganu dan juga ABC di Kuala Berang ataupun *Agriculture Business Center* di Kuala Berang. Untuk melatih belia-belia dengan kemahiran teknologi fertigasi di Telaga Papan juga akan dibina Sistem Fertigasi untuk melatih belia-belia bagi mewujudkan usahawan-usahawan muda. Konsep Inkubator, mereka yang mahir boleh menjalankan projek ini secara komersil dan inilah satu-satunya usaha untuk melahirkan Usahawan Tani Moden. Peruntukan Fertigasi Jabatan Pertanian pada tahun 2006 sebanyak RM300,000 dan Program Fertigasi Mega di bawah Kerajaan Negeri telahpun diperuntukkan sebanyak RM20 juta dan Program Latihan Fertigasi akan diperluaskan ke setiap daerah. Mudah-mudahan dengan program ini, Program Fertigasi akan terus menjadi tumpuan utama di dalam memodenkan sektor pertanian di negeri ini.

Bagi Jabatan Perikanan pula, Dato' Yang Dipertua, yang telahpun ditanya mengenai peruntukan oleh ADUN Bukit Tunggal. Sukacita saya memaklumkan bahawa latihan untuk Pembangunan Modal Insan untuk nelayan tahun 2005 berjumlah RM3.36 juta diperuntukkan bagi tujuan latihan. Manakala pada tahun 2006 sebanyak RM4.7 juta diperuntukkan untuk latihan melalui Institut Perikanan Malaysia Cendering, Terengganu.

Terima kasih juga saya kepada ADUN Batu Burok yang telahpun mencadangkan dengan begitu baik sekali mencadangkan kepada kerajaan walaupun menjadi Pembangkang. Mencadangkan supaya membangunkan tanah-tanah padi yang terbiar. Perkara ini telahpun diambil tindakan oleh Kerajaan Negeri walaupun mempunyai beberapa masalah kerana tanah-tanah terbiar ini, satunya tanah-tanah yang telahpun menjadi milik individu. Yang keduanya, kesusahan kita untuk membuat infrastruktur. Dan yang ketiganya, susah untuk mendapat tuan-tuan punya tanah tersebut. Bagaimanapun, langkah kerajaan bagi membantu untuk membaiki tanah-tanah padi yang terbiar ini satu daripadanya ialah menyediakan pengairan secara kecil ataupun sederhana dan juga menyediakan jalan-jalan serta bantuan input. Integrasi tanaman padi ini juga kalau tanah-tanah tersebut tidak boleh digunakan kita akan ganti dengan tanaman gantian seperti keladi, jagung, kenaf dan lain. Peruntukan Kerajaan Negeri bagi tujuan ini ialah sebanyak RM1 juta.

Mengenai perkara yang dibangkitkan oleh ADUN Batu Rakit, perancangan mendalam muara-muara sungai. InsyaAllah, kerajaan telahpun mengambil beberapa langkah dan

juga telahpun membuat beberapa pembaikian terutamanya pembaikian muara Sungai Besut bagi memudahkan nelayan-nelayan pada tahun lepas sebanyak RM6 juta. Muara Sungai Kertih telahpun dibuat walaupun langkah sementara dan sekarang ini pembinaan benteng Sungai Terengganu sedang dibuat dan di Kemaman juga akan dilaksanakan tidak berapa lama lagi iaitu dijangka pada bulan Jun. Manakala bagi muara-muara yang kecil seperti Sungai Merang, Setiu, Kertih akan ditumpukan juga pada Rancangan Malaysia Kesembilan.

YANG BERHORMAT ENCIK MOHD ARIFFIN BIN ABDULLAH (Wakil Paka): Penjelasan? Saya tak dengar lagi muara Sungai Paka.

YANG BERHORMAT DATUK HAJI MOHD JIDIN BIN SHAFEE (Wakil Permaisuri): Muara mana?

YANG BERHORMAT ENCIK MOHD ARIFFIN BIN ABDULLAH (Wakil Paka): Saya masih tidak dengar lagi, 'Muara Sungai Paka'.

YANG BERHORMAT DATUK HAJI MOHD JIDIN BIN SHAFEE (Wakil Permaisuri): Muara Sungai Paka juga Yang Berhormat, kita akan beri tumpuan di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan. Kita tidak akan tinggalkan.

Mengenai ADUN Jabi yang mencadangkan dibuka padang-padang ragut yang baru. Sukacita saya memaklumkan bahawa isu padang ragut ialah isu kuantiti dan kualiti makanan ternakan. Jabatan Perkhidmatan Haiwan melihat pembangunan komplot dipergiat semula di peringkat semua pengusaha lembu dan inilah usaha-usaha yang dijangkakan pada tahun ini kita akan mula membahagikan bantuan lembu-lembu, 10 betina 1 penjantan bagi setiap pengusaha ataupun PPRT. Perancangan ini telahpun dimasukkan di dalam Pelan Agro Makanan Terengganu sebanyak RM2.5 juta setahun dan walau bagaimanapun sebuah TKPM sedang dalam proses pewujudan di kawasan Jabi.

Mengenai perkara yang telah dibangkitkan oleh ADUN Langkap, sukacita saya maklumkan bahawa saya telahpun menjelaskan kepentingan-kepentingan untuk menjadikan Kaprima sebagai satu projek terbesar di Negeri Terengganu sehingga tahun 2008. Sekian, terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI WAN HISHAM BIN WAN SALLEH (Wakil Ladang): Bismillahir-rahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua.

Mula-mulanya saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua kerana mengizinkan saya menggulungkan Perbahasan pada hari ini. Saya juga ingin mengambil kesempatan untuk menjunjung kasih kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Al-Sultan di atas Titah Ucapan Baginda. Segala nasihat-nasihat Baginda akan kita ikuti dengan penuh teliti.

Dato' Yang Dipertua, saya juga ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan terima kasih kepada semua Wakil-wakil Rakyat yang telah memberi pandangan di dalam

perdebatan Titah Ucapan Tuanku. Izinkan saya Dato' Yang Dipertua, menjawab perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Wakil daripada Barisan Nasional dahulu.

Wakil Tepoh bercakap mengenai Sistem Pengangkutan Awam. Kita mengakui bahawa memang ada kelemahan di dalam Sistem Pengangkutan Awam. Sistem Pengangkutan Awam ini sebenarnya kita tidak boleh bergantung kepada penglibatan swasta sangat kerana pihak swasta akan sentiasa mencari laluan-laluan yang boleh memberi keuntungan. Mana-mana laluan yang tidak memberi keuntungan walaupun diperlukan oleh rakyat akan diabaikan. Sebab itulah di mana-mana di dunia ini syarikat-syarikat pengangkutan akan sentiasa mengalami kerugian termasuk London Transport sendiri. Oleh sebab itu, kita perlu memilih jalan untuk memberi khidmat kepada masyarakat. Maka sebab itulah kerajaan perlu campur tangan supaya kita dapat memberi khidmat kepada masyarakat. Cara campur tangan kerajaan ialah dengan salah satu caranya ialah dengan membuat perbelanjaan modal dan ini memerlukan wang. Sebab itulah Dato' Yang Dipertua, apabila subsidi diturunkan sebanyak 30 sen akan menjimatkan RM4.4 bilion dan ini adalah untuk memberi khidmat yang terbaik kepada rakyat sama ada di bandar mahupun di kampung.

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN HAJI NUH (Wakil Tepoh): Dato' Yang Dipertua, saya pohon penjelasan – Isu yang saya sebutkan ialah berkaitan dengan dalam persekitaran bandar itu sendiri yang kita duk sebut lama dah, isu kesesakan lalulintas yang memerlukan kepada kemudahan awam yang lebih mampu memudahkan untuk pengurusan ke sana dan ke sini.

YANG BERHORMAT HAJI WAN HISHAM BIN WAN SALLEH (Wakil Ladang): Belum sampai di situ Wakil Tepoh, bersabar dahulu. Sebab itulah Kerajaan Negeri telah mengambil sikap proaktif dengan melantik Malaysian Institute of Transport (MITRANS) daripada Universiti Teknologi Mara (UiTM) untuk membuat Kajian Audit Pengangkutan Awam Negeri Terengganu. Untuk apa yang ditimbulkan oleh Wakil Tepoh tadi JKR juga telah membuat kajian dan akan selesai sebagaimana jawapan saya pada bulan Oktober, hari pertama persidangan tahun ini. Mengenai tindakan yang diambil oleh kerajaan dengan melantik MITRANS ini objektif kajian ialah untuk mendapatkan Profil Pengusaha Perkhidmatan Pengangkutan Awam, mengenal pasti kemudahan infrastruktur kemudahan awam di Negeri Terengganu, menilai persepsi pengguna mengenai Perkhidmatan Pengangkutan Awam Terengganu dan membuat cadangan kepada Kerajaan Negeri bagi membolehkan penyediaan justifikasi bagi memohon peruntukan daripada Dana KWAPA. Kawasan-kawasan kajian termasuk seluruh Negeri Terengganu.

Dato' Yang Dipertua, berkenaan dengan bas mini yang ditimbulkan oleh Wakil Seberang Takir. Memang kita akui pemegang sahamnya terdiri daripada penarik-penarik beca dan juga daripada tuan-tuan punya bot penambang. Sebenaranya untuk melabur di dalam syarikat pengangkutan yang sebagaimana yang saya katakan tadi, tidak akan membawa keuntungan sebab kita terpaksa memberi subsidi. Sebab itulah saya mencadangkan dengan adanya pertumbuhan yang baru di sekeliling Sungai Terengganu, saya yakin dan percaya bahawa dengan adanya *River Cruise* dan sebagainya ini merupakan satu peluang baru kepada pengusaha-pengusaha bot penambang.

Wakil Batu Rakit bercakap pasal pendalaman semula. Sahabat saya daripada Permaisuri telahpun menjawab muara-muara yang terlibat di dalam Rancangan Malaysia Kesembilan semua begitu juga daripada Paka.

Wakil daripada Bukit Tunggal nak sampai 10 buah jambatan melintasi Sungai Terengganu. Untuk makluman dalam Rancangan Malaysia Kesembilan jambatan daripada Losong ke Pulau Sekati di dalam perancangan. Tetapi daripada Tanjung ke Seberang Takir itu kita perlu membuat *cost benefit analysis* dahulu.

Wakil daripada Telemong merayu tentang pembekalan komputer di Sekolah Kebangsaan Telemong. Saya telah berbincang dengan Yang Amat Berhormat Menteri Besar yang telah bersetuju untuk membekalkan dahulu 5 buah komputer kepada sekolah tersebut untuk menghilirkan orang hulu. Tetapi orang hulu ini bukan sebarang hulu, orang hulu ini adalah orang hulubalang.

Dato' Yang Dipertua, kita lihat bagaimana Wakil-wakil daripada Barisan Nasional apabila mereka bercakap mereka sentiasa melihat kepentingan rakyat di kawasan masing-masing di dalam hati mereka. Mereka menimbulkan perkara-perkara untuk membela nasib pengundi-pengundi mereka. Berbeza dengan Wakil Pembangkang, saya dengar dengan teliti apa yang disuarakan oleh Wakil-wakil Pembangkang satupun tak ada perkara yang ditimbulkan untuk membela nasib rakyat-rakyat yang mereka wakili kecuali daripada Batu Burok. Wakil Batu Burok dia bercakap pasal jalan tapi masalahnya bukan jalan di dalam kawasan dia tetapi jalan yang dibangkitkan adalah jalan di hadapan rumah dia di dalam kawasan saya. Inilah perbezaan antara Wakil Barisan Nasional dengan Parti Pas mungkin mereka tidak tahu apa yang berlaku di dalam kawasan mereka. Apa yang mereka buat? Mereka datang ke sini untuk apa? Untuk bercakap bohong. Hari ini saya hendak menjelaskan, semalam saya bercakap dalam jawapan Soalan Bertulis saya kata empat sahaja pembohongan yang dilakukan oleh Wakil daripada Wakaf Mempelam dalam masa 20 minit, rupa-rupanya lebih lagi Dato' Yang Dipertua. Jadi saya tak tahulah Dato' Yang Dipertua, adakah Wakil-wakil daripada Pembangkang ini dia bertanding di dalam Pilihan Raya untuk membela rakyatkah, untuk mendapat lesen untuk bercakap bohong dalam Dewan yang mulia ini. Sebagaimana saya teringat kata-kata daripada seorang yang berkata, dengan izin, *'Great words won't cover ugly action and good frames won't save bad paintings'* atau maksudnya kata-kata yang indah yang mereka katakan tidak akan dapat menutup tindakan yang hodoh dan *frame* yang cantik tidak dapat menyelamatkan lukisan yang hodoh itu.

Dato' Yang Dipertua, di sini saya ingin memaklumkan beberapa siri pembohongan yang dilakukan oleh Wakil Wakaf Mempelam. Yang pertama, isu Pulau Duyong. Beliau memberi gambaran seolah-olah pegawai-pegawai kerajaan tidak boleh membuat apa-apa *'is one man show'*. Perkara ini telah saya jawab semalam, sebenarnya ia mengikut peraturan-peraturan yang tertentu dan bukan sewenang-wenangnya pemaju boleh membuat *claim* dan membuat harga ikut dang dia. Dan dia kata jalan tidak ikut spesifikasi. Mana dia dapat jalan tidak ikut spesifikasi ini Dato' Yang Dipertua. Reka bentuk jalan masuk ke Pulau Duyong telah dibuat mengikut spesifikasi dan piawaian reka bentuk seperti mana amalan semasa yang telah diluluskan oleh Pihak Berkuasa. Reka bentuk telah disediakan oleh Jurutera Perunding yang bertauliah yang turut melakukan kerja-kerja pengawasan semasa

pembinaan jalan tersebut. Pada masa ini jalan tersebut belum siap sepenuhnya sebab yang menjadi masalahnya ialah Dato' Yang Dipertua, jalan baru itu dilalui oleh lori-lori berat kontraktor untuk meneruskan pembinaan di Pulau Duyong itu. Siri ketiga, mengenai kos yang akan sentiasa meningkat. Tiada peningkatan kos yang akan terlibat kerana pembinaan yang dilaksanakan merupakan reka dan bina jika sekiranya ada sebarang kos tambahan akan ditanggung oleh pemaju. Pembohongan keempat, mengenai 500 orang pelayan untuk Monsoon Cup, itu lagi satu pembohongan yang besar. Apa yang kita lihat semasa Monsoon Cup 150 orang pelajar UiTM di dalam bidang Perhotelan yang dijemput untuk menjayakan kerja-kerja *housekeeping, front office* dan *food beverage.* 40 orang Pegawai Perhubungan Pasukan dan Urusetia, 40 orang pekerja daripada PWTC Kuala Lumpur bagi kerja-kerja penyediaan makanan, 70 orang pekerja pembersihan dan keselamatan. Di mana 500 orang tu? Ini lagi satu pembohongan yang dilakukan oleh Wakil daripada Wakaf Mempelam.

Dato' Yang Dipertua, ini suatu perkara yang lebih sensitif. Apabila beliau dengan mudah, dengan celuparnya menuduh pegawai kerajaan kita telah pergi ke Sydney ditanggung oleh kontraktor yang terlibat dan dibaca lagi dengan harapan supaya akan ada V.O. untuk Stadium Utama. Saya nak beritahu kepada Dewan yang mulia ini Dato' Yang Dipertua, saya harap Wakil daripada Wakaf Mempelam dapat menarik balik. Lawatan itu telah diluluskan oleh Pejabat Setiausaha Kerajaan, yang terlibat hanya 2 orang iaitu seorang Pegarah JKR dan seorang Pegawai Kewangan Negeri yang semua perbelanjaan ditanggung oleh Kerajaan Negeri dan tujuannya bukan untuk Stadium Utama pada ketika itu lawatan yang dibuat adalah untuk Stadium Tertutup. Pada ketika itu Stadium Tertutup belum dilantik lagi kontraktornya. Jadi bagaimana boleh kontraktor menaja mereka untuk pergi ke Sydrey, ini lagi satu pembohongan yang cuba menjatuhkan maruah pegawai-pegawai kerajaan. Jika tidak berani tarik balik pada hari ini diharap cakap di luar Dewan tengok pegawai ini saman ke tidak? Begitu juga pembohongan yang seterusnya, isu Kampung Gaung. Pembohongan lagi dia kata bayaran tidak dapat lagi, saya sudah ada senarai di sini, ada yang dah ambil, *check* sudah lama disediakan 48 keping semuanya yang telah disediakan untuk mereka ambil daripada bulan Febuari lagi dah. Semalam dia kata, sampai hari ini tidak terbayar lagi, ini lagi satu pembohongan yang jelas. Satu lagi berkenaan dengan muara sungai, ini juga saya cukup pening kepala Dato' Yang Dipertua. Saya pening sebab masa mula-mula hari itu Sidang Pertama Dewan Undangan Negeri, saya masih ingat lagi apabila Wakil daripada Batu Burok bangun bertanya 'Bila nak mendalami Sungai Terengganu sebab kononnya untuk membela nelayan-nelayan'. Saya menjawab memang kita prihatin tentang nasib nelayan dan kita akan buat tetapi perlu dibuat kajian secara *holistic.* Kita takmboh pakai korek sahaja kemudian tenggelam balik, korek lagi seolah-olah kita buang duit sahaja ke dalam sungai. Dan apabila kajian telah dibuat Wakil daripada Wakaf Mempelam berkata tidak ada EIA, pembohongan lagi. EIA telahpun dibuat dan diluluskan pada 28.4.2005 lagi. Skop kajian EIA ini merangkumi aspek-aspek *biological, chemical, phyisical* dan kemanusiaan. Mengikut keperluan EIA, parameter-parameter yang dipantau di kawasan projek adalah seperti kualiti air, kelodak, kelajuan air, jejaran dan paras pantai, pencemaran dan kebisingan udara, aktiviti perikanan, laluan pelayaran dan sebagainya semua kita buat. Jadi satu lagi pembohongan seolah-olah kita pakai ikut dang saja. Dato' Yang Dipertua, saya ingat yang ketujuh dan kelapan siri pembohongan yang telah dilakukan jadi setiap 3 minit ada satu pembohongan dilakukan. Jadi saya harap lain

kali Dato' Yang Dipertua janganlah beri masa banyak-banyak sangat. Selagi banyak bercakap selagi itu banyak pembohongan takut Dato' Yang Dipertua bersubahat sama.

Dato' Yang Dipertua, saya hendak menjawab berkenaan dengan Kawasan Larangan Pulau Duyong yang ditimbulkan. Sebenarnya Kawasan Larangan itu memanglah, perkara itu belum diserahkan kepada kerajaan, tempat pembinaan, kalau ada apa-apa insuran tidak *cover* sebab itulah perlu ada keselamatan di situ.

Berkenaan pembinaan stadium, saya nak jawab juga. Ini yang saya pening kepala Dato' Yang Dipertua. Kita bercakap lain apabila hak kita buat, apabila hak dia bercakap, dia cakap lain pulak. Saya dengan penuh yakin dan percaya, kita patut sebagai rakyat Terengganu merasa bangga bahawa Stadium Utama Negeri Terengganu ini dibina oleh orang Melayu Terengganu 100 peratus ..... (Tepukan Sokongan) ..... Penglibatan Bumiputera, apabila orang luar mari, dia kata orang luar. Apabila beri ke orang Terengganu, dia kata mahal. Jadi saya tak tahulah apakah matlamat agenda dia untuk bercakap ikut dang, ikut ser sahaja.

Wakil daripada Manir, bercakap pasal kita membelanjakan RM200 juta untuk iklan Monsoon Cup. Dato' Yang Dipertua, saya nak jelaskan di sini apa yang dimaksudkan dan apa yang dia dengar dan apa yang dikatakan oleh Wakil Batu Burok tentang *Cost Benefit Analysis.* Kerajaan Pusat banyak membelanjakan RM4 juta, Kerajaan Negeri tidak belanja satu sen dan diambil daripada Kementerian Pelancongan sebanyak RM1 juta sahaja. Hasilnya mungkin itulah yang dimaksudkan oleh Wakil daripada Manir apa yang dipanggil sebagai *Gross Media Value* ataupun Nilai Kasar Media yakni nilai yang sepatutnya harga nilaian liputan yang dibuat selama 140 jam, hasil daripada 140 jam itu nilaiannya ialah RM19.4 juta US dolar ataupun RM73.7 juta. Kita belanja RM4 juta ataupun RM5 juta oleh Kerajaan Pusat hasilnya kita mendapat RM74 juta, ROInya lebih kurang 6 kali ganda, ini kajian yang dibuat oleh ESPN. Dato' Yang Dipertua, saya nak beritahu perkara ini kalau tidak ada nilaian komersilnya ESPN tidak akan datang. Kalau setakat nak buat bola sepak 7 sebelah ke, pertandingan biasa ke, ESPN tak akan mari sebab Monsoon Cup ini ada nilaian yang mana dapat menarik kepada 2 bilion *household* sebab dia ada nilaian komersil sebab itulah dia sanggup datang termasuklah buat *live coverage.* Jadi daripada *Cost Benefit Analysisnya* untuk tahun pertama kita sudah mendapat keuntungan. Sebagaimana F1 masa mula-mulanya orang *complaint,* hari ini setiap tahun dia dapat menjana RM500 juta setiap kali seminggu atau tiga-empat hari diadakan di Kuala Lumpur, inilah pemikiran abad ke-21. Kita tidak mahu lagi mendengar pemikiran abad ke-20, begitu juga dengan laman web 1.6 juta hits.

Dato' Yang Dipertua, ini pasal kontraktor tak ada kerja yang ditimbulkan oleh Wakil daripada Manir. Saya nak beritahu dalam tempoh 2 tahun untuk Kelas D ke atas sebanyak 113 tender telah dikeluarkan, hak Kelas F beribu sebutharga untuk Kelas F telahpun dikeluarkan dalam tempoh 2 tahun. Jadi di manakah fakta yang diambil yang mengatakan kontraktor-kontraktor tidak ada kerja, saya tidak faham. Dan dia kata bahawa ada kontraktor yang jual kereta mungkin kontraktor itu yang dahulu dia sentiasa dapat projek semasa zaman pemerintahan Pas tetapi lening takdok projek terpaksa jual kereta, saya tak tahu ataupun dapat balak.

Ini pasal naik 30 sen sekaligus, dia memberi contoh bagaimana 4 orang Perdana Menteri tidak pernah naik 30 sen sekaligus naik harga, ini kali pertama. Dato' Yang Dipertua, ini adalah pemikiran *'in the box'* (pemikiran dalam kotak), tidak ada pemikiran *'out of the box'.* Cuba kita lihat contoh bagaimana pemikiran *'out of the box'* yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat, bekas Perdana Menteri semasa krisis kewangan. Apabila dia buat dengan izin, *currency control* dan *fix exchange rate, economist* yang terbaik daripada Harvard, seluruh dunia mengkritiknya, termasuk George Soros. Tetapi apabila terbukti kejayaannya membuat *non clasical answer,* dengan izin Dato' Yang Dipertua, maka hari ini diapun memperakui. Maka sebab itulah kita Malaysia ini merupakan sebuah negara *trading* yang mana kadang-kadang kita terpaksa menjual *in futures.* Jadi kalau harga tidak ditetapkan daripada awal maka susah untuk peniaga-peniaga kita yang nak masuk tender ke, yang nak masuk projek ke, yang nak buat kilang ke, untuk menetapkan harga. Jadi apabila kerajaan telah memberi jaminan bahawa untuk setahun ini kerajaan tidak akan menaikkan harga, maka ini memberi keselesaan kepada peniaga-peniaga. Jadi sebab itulah risiko sebenarnya terletak di tangan kerajaan jika sekiranya tiba-tiba ada peperangan di mana-mana harga melambung, kerajaan telah memberi jaminan tidak akan menaikkan harga. Sebenarnya Dato' Yang Dipertua, yang dia marah sangat kenapa naik sekaligus ini sebab kalau dia naik 10 sen, 10 sen, 3 bulan sekali naik 10 sen, dia banyaklah isu untuk bercakap. Apabila naik sekaligus ini setakat dua-tiga bulan apabila rakyat sudah dapat menerima hakikat kenaikan harga itu sudah tidak ada isu lagi, itu sebenarnya yang dia marah sangat sebab naik sekaligus, dia boleh buat demonstrasi sekali saja.

Dato' Yang Dipertua, saya juga nak membangkitkan apa yang dibangkitkan oleh Wakil daripada Batu Burok yang bercakap dengan penuh keinsafan nak padu perbelanjaan. Kita belanja banyak RM60 juta untuk masjid tetapi untuk Pulau Wan Man dan Pulau Duyong melibatkan RM500 juta. Dato' Yang Dipertua, pemikiran ini merupakan sebagaimana yang saya katakan tadi pemikiran abad ke-20. Hari ini kita bercakap pasal abad ke-21. RM60 juta untuk tahun ini, tahun lepas RM50 juta, sudah RM110 juta. Kalau kita nak bertukar, katakanlah kita nak bertukarlah RM500 juta untuk buat masjid ataupun katakanlah RM60 juta untuk pembangunan Pulau Duyong, adakah kita nak buat masjid di setiap hadapan rumah orang? Tak logik.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABD. MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Dato' Yang Dipertua, penjelasan – Saya tak bandingkan harga RM60 juta dengan RM500 juta. Saya katakan bahawa dua projek yang diberi tidak memanfaatkan Umno Putra dan yang boleh itu saya tak tahu Putra apa, Patrick Putra ke, apa ke. Dua projek sahaja dia dapat RM500 juta sedangkan orang kita ni, 30 kontrak, 100 kontrak, 1,000 kontrak tak sampai lagi RM500 juta.

YANG BERHORMAT HAJI WAN HISHAM BIN WAN SALLEH (Wakil Ladang): Dato' Yang Dipertua, itu merupakan tuduhan melulu. Cuba buktikan kepada saya di mana, syarikat mana yang mana Patrick Putra ke, apa Putra ke, semalam dia kata Patrick Badawi ke, di mana bukti yang menyatakan projek ini milik mereka? Sila buktikan, jika tidak cakap di luar dan kita tengok sama ada dia saman ke tidak.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABD. MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Perjelaskan sikit lagi? Bukan Equine yang dapat? Equine Capital.

YANG BERHORMAT HAJI WAN HISHAM BIN WAN SALLEH (Wakil Ladang): Itulah Dato' Yang Dipertua, mempunyai persepsi yang salah. Equine tak dapatpun projek ini, tak dapat. Projek ini boleh kepada Accentsys, itulah Dato' Yang Dipertua, fakta salah duk bercakap. Satu lagi siri pembohongan apa yang saya nak cakap tentang Pembangunan Pulau Duyong dan juga di Pulau Wan Man ini. Hari ini apabila kita bercakap pasal Pembangunan Industri Pelancongan .....

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABD. MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Dato' Yang Dipertua, saya nak mintak perkara ini supaya diselesaikan *'settle once and for all',* dengan izin. Sila beri nama kontraktor dan jumlahnya kedua-dua ini, siapa dia dan *board* (lembaga)?

YANG BERHORMAT HAJI WAN HISHAM BIN WAN SALLEH (Wakil Ladang): Itulah Dato' Yang Dipertua, Dato' Yang Dipertua, yang pertama Pulau Duyong ini dimajukan, pemilikannya oleh Tabung Warisan dan dimajukan melalui SEDC. SEDC telah melantik sebuah syarikat bernama Accentsys Sdn. Bhd. untuk *share holdersnya* 100 peratus bumiputera dan tidak adapun Patrick Badawipun, Patrick apapun tidak ada dan nama-nama mereka saya perlukan notis untuk menyenaraikannya. Yang keduanya, di Pulau Wan Man dimiliki oleh SEDC/PERMINT. PERMINT telah melantik syarikat yang bernama Taman Tamadun Islam juga yang 100 peratus dimiliki oleh bumiputera dan pemegang sahamnya saya perlukan notis juga untuk menjawabnya.

Dato' Yang Dipertua, tentang Industri Pelancongan. Di dalam abad ke-21 apabila kita bercakap pasal globalisasi dan *competitiveness.* Kalau kita setakat nak menjual pantai yang cantik, di mana-mana ada pantai yang cantik. Kalau kita nak bercakap pasal ada air terjun, di mana-mana ada air terjun. Kita nak bercakap pasal pulau, di mana-mana ada pulau. Terengganu memerlukan satu *niche* ataupun keistimewaan supaya dapat menarik pelancong-pelancong datang ke Terengganu. Dengan adanya pembangunan di Pulau Duyong, dengan adanya Taman Tamadun Islam ini kalau kita bercakap pasal Disneyland, anak-anak kita disogokkan dengan Donald Duck dan sebagainya, Taman Tamadun Islam ini merupakan satu Taman Tamadun supaya kita dapat mendidik anak-anak kita dengan pahlawan-pahlawan Islam. Ini adalah pendekatan yang berbeza, yang mana di dalam dunia ini hanya ini satu sahaja yang ada iaitu taman tema berasaskan Islam untuk mendidik anak-anak kita untuk mendekatkan kecemerlangan dan kegemilangan Islam untuk menggalakan penemuan-penemuan baru dalam sains dan teknologi. Dato' Yang Dipertua, dan kedua-dua ini kalau kita lihat dalam Bajet yang dibentangkan tidak ada, kita tidak pakai duit Kerajaan Negeri untuk membina semua ini, ini merupakan hadiah istimewa yang diberikan oleh Kerajaan Pusat kepada rakyat Terengganu.

Dato' Yang Dipertua, sebagai penutup sama ada Pembangkang suka ataupun tidak kita akan terus membawa Terengganu ke tangga kejayaan. Sesiapa sahaja yang datang ke Terengganu dapat melihat perubahan yang ketara, hanya Pembangkang sahaja yang buta dan dibutakan oleh ego mereka. Kita tidak boleh mengikut rentak mereka, kita tidak boleh membiarkan mereka menarik rakyat kita supaya menjadi jahil sebagaimana mereka. Dato' Yang Dipertua, saya juga mempunyai kawan daripada Pas yang duduk di Kuala Lumpur dan mereka memberitahu saya sebenarnya Pas di Terengganu ini sudah menjadi liabiliti kepada mereka. Mereka melihat pemimpin Pas sudah menjadi liabiliti kepada mereka sebab

mereka tidak dapat mempertahankan apa yang dilakukan oleh Kerajaan Pas dalam tempoh 5 tahun yang lepas sebab macam mana hendak mereka hendak mempertahankan apabila sentiasa ada siri pembohongan demi pembohongan yang tidak boleh dipertahankan. Sebab itulah Dato' Yang Dipertua, sekarang ini kita lihat semuanya sudah menjadi menggelabah sebab Pas di Terengganu hari ini sudah menjadi liabiliti kepada Pas Pusat. Sekian, wabillahi taufik walhidayah. Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

YANG BERHORMAT HAJI DIN BIN ADAM (Wakil Bukit Besi): Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Alhamdulillahirabbil alamin. Wabihi nastain. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua-ketua Jabatan, Pemerhati dan seterusnya puan-puan dan tuan-tuan yang dihormati sekalian.

Saya juga ingin mengambil ruang di sini dalam Ucapan Penggulungan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada Wakil-wakil Rakyat yang telah mengemukakan soalan-soalan yang berkait dengan portfolio saya. Yang pertamanya, saya memerhatikan melalui siri Dewan yang bermula dari 16hb., 17hb., Perbahasan yang pertama, 18hb. dan hari ini hari yang ketiga, 19hb. Kalau melihat kepada Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Tuanku yang ada hubungkait untuk membudayakan satu jati diri, satu kebudayaan kepada masyarakat kita di Terengganu. Jelas kita dapati bahawa khususnya pihak-pihak Pembangkang yang mengutarakan soalan-soalan ataupun berhujah dalam Dewan ini tidak melambangkan sebagai seorang yang berpegang kepada budaya tatasusila sebagai orang Islam yang sebenarnya. Ini menampakkan betapa rendahnya kualiti yang ada kepada pihak Pembangkang tersebut.

Yang kedua, yang ada hubungkait dengan belia. Saya ingin mengatakan bahawa sebagaimana soalan yang dikemukakan. Belia adalah merupakan sebagai satu aset yang besar yang terdiri daripada mereka yang berusia antara 15 hingga 40 tahun yang mewakili sebahagian besar daripada penduduk Negeri Terengganu. Memang belia ini adalah merupakan sebagai satu pimpinan ataupun kelompok yang akan memimpin masa depan kita dan perlu dipandu dan dipacu dengan baik supaya mereka ini dapat membentuk satu budaya, satu suasana yang boleh memberi satu input atau satu kekuatan kepada kita yang berteraskan nilai insan yang sebenarnya sebagaimana yang kita kehendaki pada hari ini. Maka dengan sebab itu, seharusnya kita melakukan banyak program dan alhamdulillah, kita telah melakukan banyak program. Di antaranya, program-program dalam pembentukan sosial kepada golongan belia ini melalui kursus-kursus yang dianjurkan sama ada oleh Jabatan Belia, oleh Majlis Belia, Badan NGO's, oleh jabatan-jabatan lain dalam mengisi kepada pembentukan sosial ini. Antara-antara kursus itu adalah Kursus Jati Diri, Kursus Belia Bestari, Kursus Kepimpinan, Kursus Keusahawanan, Kursus Kemahiran dan juga kita memberi pengiktirafan kepada golongan belia melalui yang mana kita ketahui bahawa setiap tahun kita merayakan hari dan minggu belia di peringkat negeri mahupun di peringkat kebangsaan. Kita juga memberi anugerah kepada golongan belia ini melalui Anugerah Belia Negeri dan juga Anugerah Belia di peringkat kebangsaan. Ini semua dilakukan melalui teras yang telah diperkenalkan oleh kepimpinan oleh Kementerian Belia dan Sukan yang berteraskan '3K' iaitu kepimpinan, keusahawanan dan juga kemahiran. Alhamdulillah, dilihat golongan belia hari ini lebih terkawal, lebih dibentuk melalui program-program yang telah kita jayakan.

Isu yang juga diutarakan dan soalan-soalan jugak diutarakan oleh pihak Wakil-wakil Dewan ini adalah berkait dengan SUKMA. Alhamdulillah, kita telah diberi kepercayaan, diberi kehormatan untuk menjadi tuan rumah kepada Sukan SUKMA pada tahun 2008. Dan kita melalui Jawatankuasa Pengelola SUKMA Peringkat Negeri Terengganu yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar telahpun bersetuju untuk menamakan Sukan SUKMA 2008 sebagai 'SUKMA Ke-12 Terengganu 2008' dengan berteraskan strategi kepada memperkenalkan Negeri Terengganu melalui kekuatan daerah-daerah yang ada ini dalam produk pelancongan. Kita jangka melalui penganjuran SUKMA pada tahun 2008 tidak kurang daripada 7,000 pengunjung daripada luar akan hadir ke Terengganu dan dijangka antara 7,000 hingga 10,000 orang akan hadir ke Terengganu semasa penganjuran sukan berkenaan ataupun SUKMA yang kita jangka di antara 31hb. Mei hingga ke 11hb. Jun tahun 2008. Dalam menjayakan SUKMA ini pada tahun 2008, kita juga mengambil pendekatan dalam sebagai yang menjadi harapan kepada kita semua dalam melancar dan melicinkan perjalanan ini, Kerajaan Negeri telah bersetuju untuk menubuhkan sebuah sekretariat yang kita panggil Sekretariat SUKMA 2008, selain daripada Majlis Sukan Negeri yang juga bertanggungjawab kepada proses pembangunan ataupun proses penganjuran SUKMA ini. Antara tanggungjawab kepada sekretariat adalah untuk membangunkan kemudahan-kemudahan sukan yang kita ketahui bahawa dalam Sukan SUKMA yang akan dijayakan bermula pada 24hb hingga 4hb. Jun pada tahun ini di Kedah, 19 jenis sukan yang wajib yang akan dipertanding selain daripada 5 sukan pilihan juga akan dipertanding. Maka dengan sebab itu, perlulah ada kemudahan-kemudahan sukan yang akan kita bangun dan kemudahan-kemudahan sukan ini kita pecahkan mengikut peringkat daerah-daerah yang ada di seluruh Negeri Terengganu. Bermakna pada penganjuran Sukan SUKMA pada tahun 2008 seluruh daerah akan menjadi *venue* yang kita telah kenal pasti dalam penganjuran Sukan SUKMA ini. Maka perlulah ada persiapan dan persediaan daripada kita semua sebab itulah perlunya penubuhan sekretariat ini digerakkan dengan awal dan alhamdulillah, bermula pada 1hb. April, sekretatriat ini telah digerakkan. Selain daripada itu, dalam membangunkan atlit kita tidak akan berjaya kalau seandainya kita hanya mampu menganjurkan SUKMA dengan baik tetapi pulangan kepada kita, hasil daripada pencapaian melalui pungutan pingat-pingat kalau tidak mampu kita perolehi juga dilihat tidak berjaya. Dengan sebab itu, kita telah perincikan antara tugasnya dalam soal pembangunan atlit ini telah diserahkan kepada Majlis Sukan Negeri dalam pembangunan atlit ini. Beberapa program telahpun dikenal pasti akan dijayakan selepas sahaja kita menerima Bendera SUKMA daripada Negeri Kedah yang kita jadualkan pada 4hb. Jun untuk kita laksanakan di peringkat Negeri Terengganu iaitu yang pertamanya, program yang kita namakan sebagai 'Terengganu Terbilang 2008'. Majlis Pelancaran ini akan dilakukan di Sekolah Sukan Bukit Nenas. Kita ucapkan terima kasih kepada Jabatan Pelajaran Negeri Terengganu yang telah beri kerjasama yang merupakan Sekolah Sukan pertama dalam negara yang seumpamanya ini dibangunkan oleh kita dengan kerjasama Jabatan Pelajaran Negeri. Dan hari ini telahpun mempunyai pelajar sukan seramai 150 orang di Sekolah Menengah Kebangsaan Bukit Nenas ataupun Sekolah Sukan Bukit Nenas di Daerah Setiu, itu pada 8hb. Jun dan insyaAllah pada 16hb. Jun, kita akan jayakan penyediaan Program Modul Latihan secara keseluruhannya kepada bidang-bidang sukan yang telah kita kenal pasti. Pada 9hb. Jun, kita akan jayakan pelantikan Pengurus-pengurus Pasukan untuk Kontinjen SUKMA 2008. Kita juga mengenal pasti dalam soal ini bukan sahaja kita memperkemaskan atlit kita yang kita ketahui lapangan bidangnya cukup luas dalam menjayakan Pembangunan Atlit ini. Kita seharusnya mempunyai jurulatih yang berwibawa

dan insyaAllah dengan kerjasama Majlis Sukan Negara yang telahpun memberi jaminan kepada Kerajaan Negeri untuk memberi khidmat kepada jurulatih-jurulatih yang berkebolehan untuk membantu kita, melatih atlit-atlit kita di Terengganu. Kita juga akan menjayakan program ini pada 10hb. Jun kita akan melancarkan 'Sahabat Sukan'. Dia berbeza sebagaimana soalan yang telah dikemukakan daripada Wakil Jabi yang ingin supaya mana-mana badan sukan yang ada potensi diletakkan di bawah mana-mana naungan agensi, ini dinamakan sebagai 'Rakan Sukan' bukan 'Sahabat Sukan'. 'Sahabat Sukan' ini adalah merupakan sukarelawan yang akan kita bangunkan, yang kita ketahui bahawa sukarelawan ini perlu juga dalam proses pembangunan ataupun proses di dalam penganjuran sukan. InsyaAllah, 'Sahabat Sukan' juga akan kita dalam masa yang terdekat ini kita akan kenal pasti 'Sahabat-sahabat Sukan' kita sama ada daripada agensi-agensi Kerajaan Negeri mahupun agensi swasta ataupun mana-mana pihak termasuk Pas sendiripun kalau nak bantu kita, insyaAllah kita cuba menilai dalam soal kita bersama membangunkan sukan ini sebagai satu produk baru kita. Dan inilah merupakan sebagai satu usaha yang sebenarnya selain daripada kita nak mempromosikan sukan ini sebagai satu gaya hidup kita dan Kerajaan Pusat telahpun menyatakan bahawa sukan juga adalah merupakan satu program yang seharusnya digerakkan dalam membudayakan masyarakat melalui sukan ini sebab itu banyak program-program yang kita jayakan melalui sukan ini. Kita telah menjayakan yang hendak memberikan suatu kekuatan kepada kita, yang memberi satu budaya kepada kita. Kita telahpun menjayakan Program Liga Bolasepak Piala Yang Amat Berhormat Menteri Besar yang dibahaskan bermula 17hb lagi. Jadi ini kena faham-fahamlah, saya dapat maklumat daripada seluruh Wakil Rakyat amat berterima kasih dengan kita berjayanya menganjurkan Liga Bolasepak Piala MB pada tahun 2005 dan alhamdulillah pada tahun 2006 juga kita teruskan program ini. Dan selain daripada itu, kita juga akan menganjurkan Program Liga Sukan Komuniti di peringkat DUN yang akan bermula kita jangka dalam bulan 6 yang melibatkan 4 jenis acara iaitu futsal, takraw, badminton dan juga bola jaring yang akan dapat kita lihat bahawa masyarakat secara terbukanya hari ini terlibat dengan sukan dan ini adalah menampakkan sebagai satu bentuk budaya yang boleh kita bangunkan. Selain daripada itu, melalui Majlis Sukan Negeri kita juga menganjurkan ataupun menjayakan Kejohanan Sukan Terengganu yang kita namakan 'SUTERA'. Tahun lepas, alhamdulillah, kita telah menjayakan program ini dan kita tahun ini akan meneruskan program ini mengikut jadual pada bulan 8 ini yang akan melibatkan daripada setiap daerah, kita akan bangunkan kejohanan ini. Dan juga yang lebih penting juga dalam pembentukan 'Budaya Sukan' ini, kerajaan telah bersetuju untuk mengadakan satu jenis sukan yang kita namakan T-Team (Terengganu Team) yang berkonsepkan sebagaimana *My Team* yang mana kita akan turun ke setiap daerah, dapat penyertaan daripada empat peringkat, ada peringkat pelajar-pelajar sekolah rendah, pelajar sekolah menengah, peringkat remaja dan juga peringkat dewasa/peringkat veteran dengan ini kita dapat melihat apabila kita membangunkan program-program yang seumpama ini pada awalnya lagi, insyaAllah apabila kita menganjurkan program pada tahun 2008 mereka yang berada yang menjadi penonton-penonton ataupun penyokong-penyokong kepada jenis-jenis sukan yang akan kita jayakan di setiap tempat adalah daripada kalangan masyarakat yang akan terus memberi sokongan dalam menjayakan program-program berkenaan. Dalam soal-soal semacam ini membudayakan sukan, menganjurkan program .....

YANG BERHORMAT ENCIK YAHYA BIN KHATIB MOHAMAD (Wakil Pengkalan Berangan): Mintak penjelasan? Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya ingin meminta penjelasan

sedikit. Boleh tak sempena SUKMA 2008, boleh ke tidak sebut sedikit jenis-jenis acara yang dipertandingkan di SUKMA 2008?

YANG BERHORMAT HAJI DIN BIN ADAM (Wakil Bukit Besi): Di antaranya, dia ada bolasepak, dia ada badminton, dia ada takraw. Dua-tiga cukuplah sebab perlu notis untuk dibaca satu-satu payah Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua tapi sebagaimana yang saya katakan tadi dia ada 19 jenis sukan wajib dengan 5 sukan pilihan yang akan dipertanding semasa SUKMA itu. Jadi faham-faham sendirilah tak.

Dan antara dalam menjayakan program-program yang seumpama ini kita juga mengenal pasti kemudahan-kemudahan sukan yang juga dituntut oleh masyarakat kita di peringkat bawah sebagaimana yang ada hubung kait dengan sukan rakyat, sukan masyarakat yang dipermain oleh masyarakat. Contohnya, bolasepak yang ada soalan-soalan yang dikemukakan oleh Wakil-wakil Rakyat untuk mengetahui status kedudukan padang-padang bola yang ada pada hari ini. Suka saya maklumkan bahawa sejumlah 116 buah padang bola di seluruh Terengganu telah digazet oleh Kerajaan Negeri di Terengganu hari ini semasa di bawah pentadbiran kerajaan yang dibentuk pada tahun 2004. Saya tak tahulah semasa dulu, oleh kerajaan dahulu sama ada digazet atau tidak, yang kita dapat dengar jauh-jauh kalau ada kawasan lapang yang telah dikhususkan untuk padang bola ada yang dibahagikan kepada lot-lot tapi saya tak tahu kebenarannya setakat mana. Tetapi itu hakikat yang berlaku dulu, hari ini kerajaan telahpun mengambil perjalanan untuk mewartakan sebanyak 116 kawasan padang bola di Terengganu. Sehingga kini, insyaAllah akan bertambah, kita dalam proses dari masa ke semasa akan mewartakan seluruh kawasan padang bola yang ada. Untuk makluman Dewan juga, pada tahun ini sebanyak 15 buah padang bola telah diluluskan oleh kerajaan untuk kemudahan para remaja yang berada di kampung-kampung. 15 buah ini bukan satu jumlah yang kecil, tak tahulah kerajaan dahulu ada ke tidak. Ini adalah kedudukan yang sebenarnya mengenai perkara yang dibangkitkan oleh Wakil-wakil Rakyat .....

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN HAJI NUH (Wakil Tepoh): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, pohon penjelasan. Pertama, 15 buah itu kalau boleh kampung mana, DUN mana kalau boleh disenaraikan? Dan yang keduanya, saya bangkitkan ialah berkaitan dengan padang bola yang sedia ada yang kadang tu padang itu jadi keras kerana tidak adanya urusan-urusan kawalan atau dengan izinnya, *maintenance* yang dilakukan. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI DIN BIN ADAM (Wakil Bukit Besi): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, memanglah kita menerima hakikat. Semasa 4 tahun dahulu padang-padang bola ini memang dibiarkan, ada di antaranya rumput sampai dekat pinggang, ada pokok-pokok sampai sepemeluk besarnya tidak diselenggara dan ada tiang-tiang gol yang terbalik tetapi alhamdulillah, hari ini saya telahpun buat lawatan ke setiap daerah bersama-sama dengan Pegawai-pegawai Daerah dan juga Yang Dipertua, Majlis-majlis Daerah untuk mengenal pasti kedudukan yang sebenarnya. Inilah usaha yang kita buat dan kita yakin dengan adanya kerjasama dari semua Wakil Rakyat kita akan mampu menyelesaikan masalah. Sebab itulah kita bangunkan Program Liga Sukan, Liga Bola Sepak dan sebagainya. Maka tahun ini kita dapat maklumat yang sebenar daripada bawah. Dan kedudukan padang bola saya kena minta maaf Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya buka *case* saya, *case*

saya berkunci tak dapat buka, maklumat terperinci memang ada data yang *detail.* Guana tak tahu, ada sabotaj pulak tak tahu, tak jumpa *code number,* cap ayam jugak agaknya. Jadi Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, sekadar itu daripada saya, saya ucap terima kasih kepada soalan-soalan yang dikemukakan oleh Dewan yang mulia ini. Sekian, wabillah taufik walhidayah. Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMED BIN AWANG TERA (Wakil Cukai): Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua-ketua Jabatan, para Pemerhati.

Saya mengambil peluang ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua Ahli Dewan yang telah mengambil bahagian di dalam membahaskan Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Al-Sultan dan juga membangkitkan isu-isu berkaitan dengan pelaburan dalam negeri dan juga berkaitan dengan isu-isu pelancongan yang saya kira telah dibangkitkan oleh beberapa Ahli Yang Berhormat termasuk daripada Ahli Pembangkang. Saya akan cuba memberi jawapan serba sedikit dahulu berkaitan dengan pelaburan yang dibuat dalam sektor perindustrian ini yang disebut oleh Ahli Yang Berhormat daripada Manir, Batu Burok dan juga Rhu Rendang yang saya kira telah juga dibangkitkan semasa dalam sesi Soalan Lisan. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, memanglah kalau kita lihat pada tahun 2004, 2005 tidak ada pelaburan daripada luar negara ataupun pelaburan asing. Tetapi kita juga mempunyai banyak pelaburan yang diterima daripada pelabur dalam negara dan kalau kita lihat pelaburan daripada luar negara ataupun pelaburan asing yang kita panggil. Trend ini telah berlaku lebih awal lagi, kita lihat dalam buku Daftar Asas ini trend bagi pelaburan asing telah berkurangan sejak tahun 2000 lagi dan tahun 2000 kalau dapat saya baca sedikit kita lihat pelaburan asing kosong, tahun 2001 – RM3 juta, tahun 2002 – kosong juga, tahun 2003 – RM400 juta, tahun 2004 – kosonglah seperti yang dinyatakan oleh Wakil Pembangkang dan begitu juga 2005 – kosong. Tetapi yang nak disebut juga di sini pada tahun 2003, pelaburan asing itu ada disebut di sini tetapi tidak datang jadi tidak ada juga pelaburan yang disebut dalam buku ini tetapi tidak datang cuma lulus sahaja tetapi tak datang, yang ada hanya satu pada tahun 2003 ini yang juga telah daripada pelaburan asing tetapi telah ditukar menjadi pelaburan tempatan iaitu 'Bitumen' yang telah diluluskan pada tahun 2003 tapi sehingga hari ini masih dalam *construction stage* dan dikira akan dapat mula operasinya hanya pada akhir tahun ini. Jadi kita lihat di sini dari segi pelaburan asing ini bukannya sejak dua tahun sahaja, 2004 – 2005 tetapi sejak tahun 2000 memang telah tidak ada. Ini dia ada *trend* dia saya rasa Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, kalau kita lihat pada buku ini *trendnya* adalah pelaburan asing ini banyak semasa tahun 1989 hinggalah pada tahun 1996, ini di mana semasa itu Negeri Terengganu ini masih lagi sedang membangun dan kita memerlukan kepada banyak kilang-kilang yang besar, kilang-kilang yang memerlukan teknologi luar umpamanya Petronas dan sebagainya dan itu sekarang ini telah dikira *matured* Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, dan kita sekarang memerlukan lebih kepada syarikat-syarikat yang berasaskan perkilangan IKS dan juga pertanian seperti mana yang kita sedang buat sekarang ini. Jadi Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, kita lihat *trend* ini tidak membimbangkan walaupun industri-industri yang pelaburannya datang daripada *domestic.* Kita masih boleh mewujudkan jawatan-jawatan baru dan masih boleh mewujudkan pekerjaan-pekerjaan dan kalau kita lihat pada tahun 2006 ini, kita telah meluluskan lebih kurang beberapa projek bernilai lebih kurang RM137 juta dan kita juga sekarang ini dalam peringkat rundingan lagi untuk luluskan tujuh projek

baru dan ini termasuk projek-projek asing dan kita kira insyaAllah, projek asing ini juga besar dan seperti mana saya kata tadilah untuk projek asing ini kita memerlukan banyak perundingan, perlu kepada *study* dan akan memakan masa sedikit. Kita jangka untuk kali ini kita mempunyai empat projek asing daripada Korea kita ada satu, nilainya lebih kurang RM1.2 bilion, kita ada projek Solarin hampir RM1 bilion, kita juga ada projek daripada Syarikat Grant Resources Australia yang akan membuat penghasilan besi pallet lebih kurang RM1.3 bilion. Ini telah dibuat kajian misalnya Grant Resources ini, pada masa ini dia sedang membuat kajian EIA dan sekiranya jadi ia akan datang ke Teluk Kalong yang mempunyai pelabuhan. Jadi Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, kita lihat di sini bukanlah kita tidak berusaha untuk mendapatkan pelaburan asing tapi untuk mendapatkan pelaburan asing ini mungkin suatu perkara yang agak sulit dan buat masa ini sebagai *short term measure* kita dengan izin Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, adalah untuk mendapatkan pelaburan dalam negeri dahulu. Dan sekarang ini banyak, sudah ada minat daripada syarikat-syarikat tempatan di seluruh negara untuk masuk ke Terengganu ini.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya ingin merujuk kepada isu yang dibangkitkan berkaitan dengan pelancongan. Antaranya yang dibangkitkan adalah berkaitan dengan kurangnya pendaratan kapal terbang ke Terengganu ini dan ini dikaitkan dengan kurangnya pelancong. Jadi saya ingin perbetulkan di sini. Ini adalah suatu tanggapan yang tidak betul dan juga satu pembohongan seperti mana yang dikatakan oleh ADUN Ladang tadi yang kalau kita lihat kepada data kita. Data kita menyatakan kehadiran pelancong meningkat dari tahun ke tahun, tahun 2004 – 1.58 juta orang, pada tahun lepas 2005 – 1.82 juta orang. Dan ini juga seperti mana yang disebut oleh Y.B. ADUN Bukit Besi tadi masih ada juga yang disebut dalam Buletin On-Line ini yang menyatakan "1.822 juta pelancong lawat Terengganu, boleh percaya ke?" yang ditunjuk di dalam Buletin On-Line ini yang memperkecil-kecilkan apa yang telah kita capai. Ini merupakan suatu tuduhan untuk menutup kegagalan mereka (Pas) semasa zaman mereka memerintah. Jadi kita lihat daripada buku ini kita telah berjaya menarik ramai pelancong ke Terengganu ini. Seperti yang saya kata tadilah walaupun sudah turun sedikit *trend* kehadiran pelancong melalui kapal terbang tapi ianya jauh lebih tinggi daripada semasa pemerintahan Pas dahulu, tahun 2000, 2001, 20002 dan 2003. Tahun 2004 telah naik dengan tingginya disebabkan pada masa itu, saya rasa ramai orang yang datang kerana mereka nak tengok apa yang sudah berlaku di Terengganu ini dan pada tahun 2005 angkanya masih tinggi tetapi berkurangan sedikit disebabkan oleh bukanya lebuh raya baru yang menyebabkan ramai juga yang datang dengan kereta. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, kalau kita lihat dari segi pelancongan ini, kerajaan memang memberi perhatian yang lebih seperti yang saya katakan tadilah dalam jawapan Lisan dua hari yang lepas, kita memberi penekanan kepada sektor pelancongan ini untuk pastikan ia juga menjadi satu alternatif sebagai pendapatan hasil negeri kita. Dan untuk itu memanglah kita memberi penekanan bukan sahaja kepada konsep kita yang kita asaskan kepada alam semula jadi dan sebagainya yang merupakan *niche* kita seperti mana kata Y.B. Wan Hisham atau Y.B. Ladang. Kita juga akan memberi penekanan seperti mana yang disarankan oleh ADUN Seberang Takir, kita akan juga memberi penekanan kepada *Health Tourism* dan juga MICE yang dicadangkan. Tetapi buat masa ini, kita rasa kita masih terlalu awal, kita perlu menyediakan infra kita. InsyaAllah, apabila siap misalnya hospital swasta yang kita cadang untuk laksanakan dan apabila siap Taman Tamadun di Pulau Wan Man, ini juga akan menyediakan banyak kemudahan-kemudahan baru seperti tempat bermesyuarat, tempat bersidang dan juga

hospital yang ada bolehlah menyediakan perubatan yang baik sebelum mereka dapat pergi ke pantai, pergi ke Tasik Kenyir untuk mereka berehat. Jadi kita perlu menyediakan infra ini terlebih dahulu sebelum kita memasuki sektor-sektor yang lebih *specialize* seperti *Health Tourism* dan juga MICE ini. Sungguhpun begitu Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, kita juga masih mengadakan banyak *event* kita dalam bentuk *Sports Tourism* untuk kita memperkenalkan, mempopularkan Negeri Terengganu ini seperti Monsoon Cup itu telah menjadi satu *event* yang tidak asing lagi dan menjadi buah mulut orang sekarang ini cuma hanya pada Pas sahajalah yang menjadi buah mulut yang tidak baik, sengaja mencari kesalahan kita. Tetapi hakikatnya kita lihat kepada masyarakat keseluruhannya mereka memuji-muji dan mereka memang menunggu-nunggu kehadiran Monsoon Cup Club pada bulan Disemberi ini.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, satu perkara lagi yang saya ingin sebut ialah berkaitan dengan penubuhan Terengganu Incorporated yang tujuannya adalah baik, untuk mempastikan semua pelaburan yang ada di Terengganu ini yang sekarang ini dilaksanakan oleh pelbagai agensi itu dipusatkan di bawah satu agensi yang *specilize* yang mempunyai profesionals yang boleh mempastikan pelaburan kita itu memberi pulangan yang lebih besar. Saya juga ingin memberi jaminan di sini bahawa dengan penubuhan Terengganu Inc. ini kita tidak akan membuang mana-mana pekerja ataupun kakitangan daripada agensi-agensi yang lain ataupun tawaran VSS dan sebagainya, ini tidak akan berlaku. Kita harap dengan penubuhan Terengganu Inc. ini insyaAllah, kita boleh pastikan pelaburan kita lebih memberi pulangan kepada Negeri Terengganu ini. Sebagai satu contoh kita lihat baru-baru ini kerajaan telah mengumumkan pembelian balik ASDI misalnya, ini adalah pembelian pada harga RM1.00 dan saya rasa sekarang ini sudah mula ditawarkan kepada pemilik-pemilik saham yang berjumlah lebih kurang 29,000 orang dan tawaran ini telah bermula dari 16 April lagi dan sesiapa yang membeli pada kadar RM1.00 akan dapat semula RM1.00 ini dan dengan dividen yang mereka dapat sebelum ini, ini adalah suatu keuntungan kepada mereka. Dan bukan itu saja, mereka boleh lagi membeli semula saham ini dengan harga pasaran sekarang ini. Ini adalah satu daripada bukti .....

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABD. MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, minta penjelasan sikit – Jualan dan belian balik ASDI itu, tunai ke, dalam masa yang segerakah?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMED BIN AWANG TERA (Wakil Cukai): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, pembelian balik adalah dengan harga tunai dan adalah dengan syarat-syaratnya. Syaratnya adalah mereka yang mempunyai saham sehingga 1,000 unit akan dibeli sepenuhnya dan bagi mereka yang melebihi 1,000 unit akan beli balik dalam tempoh 3 tahun, maknanya 30 peratus setiap tahun dan pembelian ini akan diagih selama 3 tahun bagi mereka yang melebihi 1,000 unit.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABD. MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Penjelasan sedikit lagi Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua. Katakanlah dalam masa 3 tahun yang dipersetujui jual itu harganya naik, siapa yang dapat?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMED BIN AWANG TERA (Wakil Cukai): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, dia mudah saja, kalau dah beli dengan harga seringgit tu, pemilik tu dapat seringgitlah dan .....

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABD. MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Maksud saya, sekarang ini beli balik harga seringgit (dengan) seringgit, bayar kepada tuan punya tu dalam masa 3 tahun. Katakanlah dalam masa 3 tahun itu harganya naik meningkat sampai RM3.00, siapa yang dapat kenaikan itu?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMED BIN AWANG TERA (Wakil Cukai): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, dia ini opsyen untuk beli balik. Jadi kalau tak nak jual tak apalah, sebab itu saya kata tadi bagi mereka yang sekarang ini dah jual seringgit dia boleh beli balik dengan harga sekarang 52 sen, dia boleh beli balik 52 sen itu.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABD. MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Jadi tak sampai maksud, saya kata tadi kalau beli balik bayar tunai boleh RM1.00 tetapi 33 peratus dalam tahun yang pertama, 33 peratus bagi tahun yang kedua, bukan begitu ke? Jadi kalaulah kenaikan itu naik bagi tahun yang kedua sampai RM2.00 harganya siapa yang dapat?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMED BIN AWANG TERA (Wakil Cukai): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya rasa mudah saja yang dapatnya pemiliklah, kalau yang keduanya dia tak nak jualpun tak apa, dia boleh jual 33 peratus dahulu, yang 66 peratus lagi tu tak dijual lagi dan kalau harga naik ke RM2.00 pada masa itu dia boleh jual RM2.00lah.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, jadi itulah satu daripada langkah-langkah yang diambil sekarang ini oleh kerajaan yang di bawah Terengganu Inc. sekarang ini untuk pastikan pelaburan ini menguntungkan kerajaan dan juga menguntungkan rakyat dan inilah hakikatnya yang kita buat sekarang.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya juga mengambil kesempatan sekali lagi untuk mengucapkan terima kasih kepada semua Yang Berhormat yang mengambil bahagian dalam sektor saya ini dan saya berharap kita akan dapat melaksanakan seperti mana yang disarankan oleh Ahli Yang Berhormat sekalian. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Salam sejahtera. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar Terengganu, Ahli-ahli Yang Berhormat, Pegawai-pegawai Kerajaan, para Pemerhati yang dihormati sekalian.

Turut sama menyampaikan junjung kasih di atas Titah Duli Yang Maha Mulia Tuanku baru-baru ini yang telah mengucapkan tahniah kepada Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Terengganu yang telah menampakkan tanda-tanda bahawa kebersihan di Pihak Berkuasa Tempatan semakin meningkat. InsyaAllah, masih ada ruang untuk diperbaiki sebagaimana juga yang disuarakan oleh Wakil Rakyat daripada Tepoh dan Sura yang masih lagi belum berpuas hati tentang kebersihan yang ada, sayapun sama dan masih banyak ruang untuk

kita lakukan. Untuk itu Kerajaan Negeri akan mempastikan soal kebersihan ini dipertingkatkan, diperbaiki dari masa ke semasa. Sebab itulah sebagai contoh Majlis Perbandaran Kemaman sekarang ini telah membelanjakan RM8.4 juta setahun bagi mempastikan kerja-kerja kebersihan diberikan kepada pihak swasta. Dan bagi Majlis Perbandaran Kuala Terengganu, insyaAllah mulai tahun ini sebanyak 20 zon akan ditender untuk kerja-kerja kebersihan seperti mengangkat sampah, mencuci longkang, memotong rumput, menyapu jalan dan sebagainya. Buat permulaan 6 tender telah dikeluarkan dan insyaAllah kerja-kerja ini akan bermula pada bulan Mei atau selewat-lewatnya Jun manakala 14 tender lain akan dikeluarkan yang melibatkan peruntukan sebanyak RM8 juta. Di samping itu, keprihatinan Kerajaan Negeri untuk terus melihat bandar-bandar kita, PBT-PBT terus bersih dan indah, sebanyak RM11 juta telah diperuntukkan dan buat pertama kali saya ingin memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, iaitu kerja-kerja untuk tender kebersihan kawasan PBT lain iaitu melibatkan Majlis Daerah Dungun, Besut, Hulu Terengganu, Marang dan Setiu akan dikeluarkan tendernya bermula pada Jun atau selewat-lewatnya Julai ini, di mana Majlis Daerah Dungun akan melibatkan 7 zon, Majlis Daerah Besut 6 zon, Majlis Daerah Hulu Terengganu 5 zon, Majlis Daerah Marang 5 zon, dan Majlis Daerah Setiu 5 zon. InsyaAllah, menjelang akhir tahun ini kita akan dapat melihat perubahan-perubahan tentang kebersihan bandar-bandar kita. Sebab itulah saya membuat perakuan sekiranya selepas 6 bulan tender-tender ini dilaksanakan oleh pihak swasta dan masih lagi berlaku ketidakpuasan hati, kekotoran di sana-sini maka tanggungjawab terletak sepenuhnya kepada Pihak Berkuasa Tempatan kerana selama ini mereka mengatakan bahawa mereka tidak mempunyai peruntukan, kurang kakitangan, kurang peralatan tetapi dengan bantuan kewangan yang diberikan dengan tender secara menyeluruh ini maka tiada alasan bagi mereka untuk mengatakan mereka tidak mampu menjaga kebersihan kawasan mereka. Di samping itu, buruh-buruh yang terlibat yang menjalankan kerja-kerja kebersihan ini mana-mana yang mempunyai kelayakan seperti mempunyai lesen *driver,* kita akan tukarkan mereka menjadi *driver-driver* di PBT berkenaan.

YANG BERHORMAT ENCIK WAN AHMAD NIZAM BIN WAN ABDUL HAMID (Wakil Air Putih): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, minta laluan – Ini kerja-kerja tender termasuklah hak tahi lembu tadi di Kuala Berang?

YANG BERHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, tahi lembu tidak termasuk mungkin kena tender suku pulak.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, di samping tu saya juga ingin memperjelaskan bahawa mulai tahun ini di mana tahun lepas kita membuat sebahagian sahaja dan mulai tahun ini penyelenggaraan tandas awam telahpun kita serahkan kepada pihak swasta dengan membuat bayaran tertentu berasaskan kepada besarnya tandas-tandas tersebut. Untuk pengetahuan semua, kalau tadi penswastaan kebersihan melibatkan kos RM19 juta manakala penyelenggaraan tandas awam yang melibatkan 89 buah tandas awam peringkat negeri setakat ini iaitu MPKT – 16 yang diuruskan oleh swasta yang kita bayar daripada 34 dan sebahagiannya tandas-tandas awam ini diusahakan oleh pengusaha-pengusaha tandas yang mana mereka mendapat pulangan yang agak lumayan. Majlis Daerah Dungun – 10, Majlis Daerah Besut – 15, Majlis Daerah Marang – 13, Majlis Daerah Setiu –11, Majlis Daerah Hulu Terengganu – 9, kesemuanya 74 melibatkan kos RM550,600.00. Manakala

Majlis Perbandaran Kemaman sebanyak 15 buah yang diuruskan sendiri oleh Majlis Perbandaran Kemaman dengan peruntukan mereka sendiri melibatkan kos RM171,600.00. Ini adalah kerana pengurusan tandas awam sahaja tahun ini RM722,200.00. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua .....

YANG BERHORMAT HAJI AHMAD KAMAL BIN ABDULLAH (Wakil Sura): Dato' Yang Dipertua, pohon laluan – Di pantai-pantai termasuk ke tidak ke dalam kes ini sebab tak cakap nak gotong-royong dah sampah-sampah laut banyak terdampar di pantai-pantai. Pohon penjelasan?

YANG BERHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Dato' Yang Dipertua, buat permulaan hanya di kawasan-kawasan utama sahaja akan terlibat, kalau pantaipun kawasan pantai perkelahan utama. Ini sebagaimana yang saya katakan tadi melibatkan RM19 juta, insyaAllah tahun hadapan sekiranya peruntukan tambahan diperolehi oleh jawatankuasa ini dengan wawasan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar kita akan mengadakan kebersihan secara menyeluruh secara penswastaan, insyaAllah.

YANG BERHORMAT HAJI AHMAD KAMAL BIN ABDULLAH (Wakil Sura): Dato' Yang Dipertua, termasuk ke tidak pantai di Sura?

YANG BERHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Pantai Sura saya rasa boleh dimasukkan pada tahun ini oleh Majlis Daerah Dungun.

YANG BERHORMAT HAJI AHMAD KAMAL BIN ABDULLAH (Wakil Sura): Terima kasih, Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya juga ingin menyentuh mengenai persoalan pusat-pusat Pertumbuhan yang dibangkitkan oleh Wakil Tepoh dan Batu Rakit dan beberapa Wakil lain yang juga sebagaimana dititahkan oleh Duli Yang Maha Mulia Tuanku supaya satu pendekatan baru diperkenalkan untuk pastikan bahawa pusat-pusat Pertumbuhan ini akan dilaksanakan dengan sempurna dan lancar. Kita sedar bahawa sebelum ini pusat-pusat pertumbuhan terlalu banyak yang kita cadangkan dan peruntukan tidaklah sebesar mana disediakan. InsyaAllah, mulai tahun ini sebanyak RM30 juta telahpun diluluskan dan kita akan memberi tumpuan kepada beberapa pusat-pusat pertumbuhan yang difikirkan mempunyai potensi yang besar untuk dimajukan dengan seberapa segera termasuk juga membina pasar-pasar baru dan juga kemudahan-kemudahan bangunan perniagaan di pusat-pusat pertumbuhan tersebut.

Mengenai perkara yang dibangkitkan oleh tiga orang ADUN mengenai penubuhan Majlis Daerah Kuala Nerus dan juga ada yang mintak supaya ditubuhkan Majlis Daerah Kuala Nerus yang dibangkitkan oleh Wakil Bukit Tunggal. Wakil Tepoh mengesyorkan supaya diwujudkan daerah baru. Batu Rakit minta kalau diwujudkan cawangan Kuala Terengganu Utara. Ianya masih di dalam peringkat kajian Kerajaan Negeri dan untuk pengetahuan Dewan yang mulia ini .....

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN HAJI NUH (Wakil Tepoh): Minta penjelasan Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua – Hak Sura dia lulus selalu, hak kita tak lulus lagi ni.

YANG BERHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Dato' Yang Dipertua, hak tu duit ada dah, hak ni melibatkan perundangan kerana untuk pengetahuan Dewan yang mulia ini insyaAllah pada bulan Jun ini Pejabat Cawangan Majlis Perbandaran Kuala Terengganu Utara akan mula dibuka. Sebenarnya kita telah merancang dulu dengan menubuhkan pejabat semasa saya di dalam kerajaan tahun 1995 dahulu tetapi bila kita kalah Kerajaan Pas ketika itu memberi sewa kepada Jabatan Persekutuan untuk dijadikan pejabat dan sepatutnya bulan Mac kita dah mulakan tetapi jabatan berkenaan minta ditangguhkan kerana susah nak cari pejabat baru jadi kita beri sampai bulan Jun ini Dato' Yang Dipertua. Selepas ini segala kemudahan akan disalurkan ke pihak yang berkenaan.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya juga ini menjelaskan mengenai isu yang dibangkitkan oleh 'Hamba Nombor Satu' dalam Dewan ini iaitu Wakil Wakaf Mempelam, saya harap saya betul Dato' Yang Dipertua sebab 'Abdul Wahid' maksudnya 'Hamba Nombor Satu'. Kalau tak betul istilah saya ini saya minta Wakil Rhu Rendang betulkan sebab saya tak bersekolah Arab. Iaitu mengenai dibangkitkan saya rasa ini masalah peribadi Dato' Yang Dipertua mengatakan bahawa Wakil Rakyat Tepoh, Wakil Rakyat Sura boleh tanah dan sebagainya. Inilah dasar kerajaan yang prihatin Dato' Yang Dipertua, bukan sahaja kepada rakyat biasa kita beri tanah yang berkelayakan tetapi pegawai-pegawai kerajaan juga kita beri tanah dalam skim pencen mereka termasuk kakitangan kerajaan, Pegawai-pegawai Tadbir Negeri dan Pegawai Tadbir Agama Negeri telah diberikan peluang untuk memiliki tapak rumah di Cendering yang dibuat oleh Kerajaan BN dahulu. Setahu saya cuma seorang sahaja bekas Pegawai Tadbir Negeri yang tak pohon tanah itu yang lain semuanya memohon dan memperolehi tanah tersebut, Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN HAJI NUH (Wakil Tepoh): Dato' Yang Dipertua, saya mohon penjelasan - Dalam tohmahan apa yang disebutkan itu adalah merupakan RTB yang dibuat oleh mereka, mereka yang bagi, betulkah begitu?

YANG BERHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Dato' Yang Dipertua, setahu saya Rancangan Tanah Berkelompok untuk Pegawai-pegawai Tadbir Negeri dan juga Pegawai Agama Negeri dibuat oleh Kerajaan Barisan Nasional termasuk bekas-bekas pegawai semuanya memohon tanah-tanah tersebut dan diberikan itu hak mereka di Cendering.

Dan begitu juga mengenai tohmahan dan juga tuduhan yang dilemparkan oleh Wakil Batu Burok menyatakan kita pinda logonya kerana takmboh tengok hijau-kuning sedangkan hak buat dulu BN jugak buat. Kita pinda logo tersebut bukan kerana kuning dan hijau, bukan kita bencikan warna hijau sebab itu tong hijau kita buat tong sampah. Kita dah arahkan semua PBT bahawa rumah murah ini tong sampah dia warna hijau, makna taraf tong sampah warna hijau itu tempat buang sampah sajalah bukan kerana itu tetapi kerana adanya justifikasi yang kita lihat bahawa iaitu isu kita nak mengkorporatkan imej MPKT itu sendiri supaya berubah dengan perkembangan semasa. Dan begitu juga perbelanjaan

yang disebut RM3.4 juta itu tak betul Dato' Yang Dipertua, ini adalah tuduhan. Perbelanjaan yang dibelanjakan adalah sebanyak RM1 juta sahaja .....

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABD. MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Dato' Yang Dipertua, saya tak kata RM3.4 juta. Saya kata dalam Laporan MPKT aset, perabot dan lengkapan RM3.4 juta yang saya katanya, yang dibuang, yang dikeluarkan itu dan yang diganti baru itu berapa saya tak tahu tetapi kesemuanya dimaklumkan dibuang/dikeluarkan.

YANG BERHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Dato' Yang Dipertua, untuk pengetahuan Dewan yang mulia ini, MPKT mula memasuki pejabatnya kira-kira 26 tahun yang lalu. Tak pernah dibuat pembaikian, karpet tidak pernah diganti, kerusi patah, macam-macam. Kita sedih bila kita melawat ke MPKT, bila kita ambil balik kerajaan tak selayaknya sebagai sebuah pejabat kerajaan. Sebab itulah, untuk meningkatkan moral kakitangan ini kita perlu mengubahsuai pejabat, memberi kemudahan baru yang mana kita belanja tak sampai RM1 jutapun keseluruhannya. Dan barang-barang itu mana-mana yang perlu dilupuskan akan dilupuskan mengikut peraturan, undang-undang yang sedia ada.

Dato' Yang Dipertua, saya juga sedih dan dukacita. Kadang-kadang marahpun ada, kadang-kadang nak ketawapun ada melihat telatah Wakil Rhu Rendang yang tak jemu-jemu meletakkan dirinya sebagai orang yang tidak dihormati yang sepatutnya dihormati. Sebagai Ketua Pembangkang/Presiden Parti Islam SeMalaysia, sebagai bekas Menteri Besar Terengganu sentiasa berdolak-dalih dan berbohong kepada Dewan yang mulia ini. Dato' Yang Dipertua mengenai isu pengagihan tanah yang dikatakan Umno merampas, Pas tak buat, dengan itu saya memohon izin untuk menunjukkan video klip tentang gambar-gambar Wakil Rhu Rendang turut sama menyaksikan 'pencabutan' dan juga 'pemogolan' (mogol) tak tahu faham ke tak, istilah lama sikit Dato' Yang Dipertua, pokok-pokok kelapa sawit di Pancur Berderu, Setiu. Perkara ini ada berkaitan dengan sumpah cabar-mencabar pada hari yang pertama Dato' Yang Dipertua bagi membuktikan saya tidak membuat tuduhan palsu.

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN HAJI NUH (Wakil Tepoh): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, sementara itu boleh ke tidak Yang Berhormat terangkan sedikit apa tadi 'mogol' tak berapa fahamlah, teranglah dulu sementara gambar ditayangkan.

YANG BERHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Dia kalau 'mogol' ini boleh dipanggil 'sodok'lah nak bersihkan kawasan, pemogolan tanah.

[Video klip ditayangkan]

Inilah sebagai bukti tentang apa yang berlaku. Sebab itulah Dato' Yang Dipertua, saya merasakan dukacita yang amat sangat apabila dan seringkali saya sebut orang Pas, pemimpin Pas mempunyai perasaan hasad dengki, khianat kepada orang Umno/Barisan Nasional. Bila kita perintah, ibarat kata kita ada rumah, kita ada kawasan pagar kita, orang Pas dia pasang bom/jerangkap samar di keliling kawasan rumah kita dengan harapan orang BN ini mati semua, putus kaki kena bom yang dipasang tapi tuhan maha kaya, suatu hari

rumah dan kawasan ini menjadi milik mereka dan dia lupa di mana bom-bom itu dipasang akhirnya dia terpijak satu demi satu, Dato' Yang Dipertua. Hari ini dia yang putus kaki, dia yang menjadi mangsa. Dulu dia kata zalim tetapi zalim kembali kepada mereka. Dulu dia kata kita roboh rumah sekarang rumah yang diroboh oleh mereka. Dia kata kita rampas tanah, tanah yang mereka rampas. Tadika dihalau, macam-macam banyak seribu satu macam sebab itu saya rasa Dato' Yang Dipertua, pemimpin harus lupa, tetapi jangan lupa 'pelandok lupakan jerat tetapi jerat tidak pernah lupakan pelandok', Dato' Yang Dipertua. Saya ibaratkan pemimpin Pas ini seperti 'orang buta mendapat tongkat', bila dapat tongkat habis dia kibas, Dato' Yang Dipertua, hak di kiri-kanan rebah habis dia *katok* dengan tongkat dia tapi dia tidak sedar tongkat itu boleh patah dan hari ini tongkat telah patah tidak ada lagi maka teraba-rabalah ia mencari laluannya sendiri, Dato' Yang Dipertua. Sebab itulah saya boleh umpamakan, ini perumpamaan saya sendiri tidak jumpa di dalam buku Dato' Yang Dipertua iaitu pemimpin Pas, orang-orang Pas berada di dalam kesusahan hari ini, kepanasan ibarat kera di hutan mati *accident* di jalan raya, Dato' Yang Dipertua ....(Dewan Gelak) ..... takdok dalam buku Dato' Yang Dipertua. Sebab kera ini tidak menasabah kata orang, duduk dalam hutan, panjat pokok ke sana-sini tiba-tiba mati di tengah jalan, patutnya dia tidak boleh pergi ke tengah jalan, nak buat macam mana dia nak matilah tu.

Di samping itu Dato' Yang Dipertua, saya juga ingin menjelas mengenai pembinaan rumah-rumah sebagaimana dititahkan oleh Duli Yang Maha Mulia Tuanku iaitu mulai tahun lepas dan tahun ini sebelum saya memberi secara *detail* saya juga ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini tentang teguranpun saya tak tahu, tempelak saya tak tahu yang dikeluarkan oleh Wakil Batu Burok yang menyatakan Rumah Mampu Milik RM40,000.00 dan bagi yang berpendapatan RM2,500.00. Memang betul Dato' Yang Dipertua, kita sengaja buat dasar itu, ada yang kita buat orang yang benar-benar tak mampu, orang susah kita beri Rumah PPRT yang sekarang ini kita buat RM14,000.00, hak itu yang betul-betul susah, beri tanahpun takdok maknanya kepada dia, dia tak boleh buat rumah, kita beri rumah. Yang sikit atas kita beri Rumah Kos Rendah PAKR RM35,000.00. Yang mampu sedikit nak beli rumah mahal tak boleh, contohnya kakitangan Kumpulan 'C', Rumah Kos Rendah tak dapat, nak beli rumah mahal tak boleh yang berpendapatan RM2,500.00 ke bawah kita buat Rumah Mampu Milik yang dibuat oleh swasta, 850 kaki persegi beratap genting, tiga buah bilik tidur, bilik utama 12' x 10', bilik ketiga 10' x 10', bilik keempat 10' x 10', besar itu Dato' Yang Dipertua. Ini untuk keselesaan kepada rakyat kenapa marah-marah pula, kita ada banyak kategori dan kita ada Rumah PPR. Sebab itu saya nak beritahu kebetulan semalam tak sempat jawab, Projek-projek RAKR yang akan dilaksanakan adalah sebagaimana berikut Dato' Yang Dipertua.

(i) RAKR Perasing Jaya, Mukim Hulu Jabor, Kemaman seluas 40 ekar melibatkan 409 unit yang mana kerja kerja tambun tanah sedang dijalankan.

(ii) RAKR Kampung Bukit Tebuk, Dungun 8.5 ekar, 83 unit, kerja-kerja tanah telahpun siap dan menunggu untuk ditender pembinaan rumah.

(iii) RAKR Kampung Pengkalan Nyireh, Mukim Jerung, Marang, 25 ekar, 253 unit, kerja-kerja tanah sedang berjalan.

(iv) RAKR Kampung Mak Kemas, Mukim Bukit Payong, Marang, 18.20 ekar, 150 unit, kerja-kerja tanah sedang dijalankan.

(v) RAKR Kampung Batu 22, Hulu Terengganu, 26.44 ekar melibatkan 316 unit, kerja-kerja tanah sedang dijalankan.

(vi) RAKR Pasir Akar, Besut, 15.3 ekar, 150 unit, dalam proses tender kerja-kerja tanah.

(vii) RAKR Kampung Gong Tengah Beris Baru, Mukim Pengkalan Nangka, Besut,38 ekar, 349 unit dalam proses pemilihan *document tender* untuk kerja tanah.

(viii) RAKR Pulau Perhentian Kecil, Besut, 5 ekar, 49 unit dalam proses penyediaan ukuran *document tender* dan kerja tanah.

Di samping itu,

(ix) RAKR Kampung Banggol Tuan Muda, Mukim Manir, Kuala Terengganu seluas 25 ekar, 250 unit kerja-kerja ukur sedang dijalankan.

(x) RAKR Kampung Teluk Kalong, Mukim Teluk Kalong, Kemaman, 35 ekar, 380 unit kerja-kerja ukur sedang berjalan.

(xi) RAKR Kampung Padang Luas, Mukim Pelagat, Besut, 250 unit, kerja-kerja ukur sedang berjalan,

(xii) RAKR Kampung Paya Santong, Mukim Kuala Paka, Dungun, 250 unit, kerja-kerja ukur sedang berjalan.

Di samping,

(xiii) RAKR Gong Cengal, Kemasik dan juga Sungai Timah di Kijal, kerja-kerja tanah sedang berjalan, Dato' Yang Dipertua.

Di samping itu, suka saya nyatakan juga bahawa sebagaimana disarankan oleh Duli Yang Maha Mulia Tuanku supaya Kerajaan Pusat peruntukan juga dipohon dan juga penglibatan swasta di mana kita telah memohon Projek-projek PPR daripada Kerajaan Persekutuan untuk dilaksanakan. Di antaranya ialah PPR Calok, Kedai Setiu, PPR Binjai Manis Setiu, PPR Anak Ikan Besut, SPKA Mak Lagam Cukai, SPKA Paya Berenjut Cukai, SPKA Bukit Keluang Besut, SPK Sungai Tong Setiu. Di samping, projek-projek yang dibuat oleh swasta KP Perdana, Projek Perumahan Bercampur Padang Nenas dan Perumahan Bercampur Mak Cili serta Perumahan Mampu Milik di Gong Cempedak, Mukim Pulau Kerengga, Dato' Yang Dipertua. InsyaAllah, untuk mencapai hasrat 10,000 unit akan dapat kita penuhi dalam tempoh 5 tahun, Dato' Yang Dipertua.

Di samping itu, saya merasa dukacita tentang tohmahan-tohmahan yang dikeluarkan oleh Wakil Batu Burok, bila kita beri kepada kontraktor kita atau kontraktor tempatan, bumiputera dan sebagainya, dia sebut macam-macam Dato' Yang Dipertua, Umno Puteralah dan semalam dia cabar saya untuk menyebut kembali tentang Projek Perumahan yang diperolehi oleh ANZ. Saya ingin mengulangi sekali lagi Dato' Yang Dipertua dalam Dewan yang mulia ini. Dalam keadaan semasa Pas kata duit tidak ada, kontraktor tidak banyak dapat projek, zaman susah tetapi ANZ mendapat 8 projek sebagai habuan dalam tempoh 3 tahun, Dato' Yang Dipertua. Kalau boleh saya sebut sekali lagi Dato' Yang Dipertua, yang pertama menjadi kontraktor utama kepada Projek Pusat Niaga Paka yang diswastakan kepada EPIC dengan nilai kontrak peringkat pertama berjumlah RM15,537,918.71 dan berlaku nak kata tipupun susah juga Dato' Yang Dipertua, pembohonganpun mungkin, boleh belaka ni.

YANG BERHORMAT HAJI DIN BIN ADAM (Wakil Bukit Besi): Dato' Yang Dipertua, minta penjelasan sikit. Masa dakwaan ini dibuat ini siapa dia jadi Pengerusi EPIC ini?

YANG BERHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Pengerusi EPIC ketika itu ialah Yang Berhormat ADUN Batu Burok. Diserahkan kepada ANZ dan kalau mengikut perjanjian, tanah pengambilan balik ketika itu ialah bernilai RM5,218,751.46 dengan keluasan 4.5463 hektar tetapi apa yang diperolehi oleh kerajaan secara tunai RM3 juta dan dalam bentuk *in kind* dengan izin Dato' Yang Dipertua, gerai, *bus stop*, tandas, surau dikira belaka RM1 juta. Sedangkan Exco telah membuat keputusan bahawa pembinaan 40 bazar hendaklah diserahkan kepada Majlis Daerah Dungun tapi apa yang berlaku hanya dibuat 24 unit sahaja, Exco tipu jugak Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT ENCIK ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, pohon penjelasan. Firma Guaman mana yang menyediakan perjanjian tersebut?

YANG BERHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, "Sudah gaharu cendana pula, sudah tahu bertanya pula, sudah terang lagi bersuluh tapi kura-kura dalam perahu, pura-pura tidak tahu tapi saya tahu dan Wakil Batu Burok tahu". Walau bagaimanpun, saya hendak beritahu ini adalah surat, kesemua projek-projek penswastaan baik apa juga yang melibatkan perumahan, saya telahpun menyerahkan kepada Dato' Yang Dipertua dahulu dan hari ini pihak BPR ada, saya akan serahkan di luar Dewan ini iaitu senarai firma guaman: "Saya merujuk kepada perkara di atas dan dengan ini memaklumkan Pentadbiran Negeri ....." , dengan izin Dato' Yang Dipertua: "melalui Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Perumahan, Alam Sekitar dan Perkhidmatan Awam Negeri telah menerima permohonan ....." dalam fail saya tidak jumpapun permohonan itu, Dato' Yang Dipertua, tapi katanya telah menerima permohonan "daripada beberapa firma guaman untuk menjadi panel kepada perbadanan, syarikat serta anak syarikat yang ada hubung kait dengan Kerajaan Negeri sebagaimana senarai berkempil .....", berkempil ini ayat lama sikit Dato' Yang Dipertua, ayat klasik. "Oleh itu saya mengharapkan supaya khidmat guaman hendaklah mengguna pakai firma-firma yang disenaraikan daripada masa ke semasa. Jika perlu permohonan untuk melantik panel jika belum hendaklah diminta daripada firma-firma yang disenaraikan ini. Walaupun senarai firma yang terlibat itu panjang tapi saya mencadangkan supaya kerja-kerja guaman

bolehlah diagihkan mengikut kesesuaian dari masa ke semasa. Haji Wan Muttalib Embong, Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Perumahan, Alam Sekitar dan Perkhidmatan Awam, Negeri Terengganu." Dan antara firma itu Dato' Yang Dipertua, termasuk Wan Muttalib & Co., beralamat No.35, Taman Sri Intan, Jalan Sultan Omar, 20300 Kuala Terengganu. Untuk Perhatian Encik Shaifuddin Othman. Saya juga ada mendapat maklumat Dato' Yang Dipertua, seorang lagi firma guaman yang ada hubung kait dengan beliau Wan Ahmad Fauzi & Co., Suite 804, Level 8, Menara Promet, Jalan Sultan Ismail, Kuala Lumpur. Untuk Perhatian Wan Ahmad Fauzi Haji Wan Hussin. Inilah yang berlaku Dato' Yang Dipertua, "Gajah di depan mata tidak nampak, kuman di seberang nampak".

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABD. MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Dato' Yang Dipertua, saya nak mintak baca kesemua senarai itu.

YANG BERHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): .....(mikrofon tidak *on*) ..... Yang kedua, Dato' Yang Dipertua, membangunkan tapak SPKA yang diserahkan kepada korporat dengan harga jualan bernilai RM31,788,000.00 dengan pulangan pembayaran kepada Pembinaan ANZ 90.5 peratus iaitu RM28,768,140.00, keluasan tanah 25.684 hektar atau 63.2683 ekar. Pulangan kepada korporat RM3,019,000.00. Kos pembangunan infrastruktur Dato' Yang Dipertua, kos kita buat tambun tanah sahaja dahulu RM4,330,828.78, tanah saja dah hak ditambun kerajaan rugi RM1,310,968.78 juta sebab itu boleh buat cepat Dato' Yang Dipertua, lepas itu beri kebenaran pula dijual secara 'bebas'. Ini bukan Putra Umno ni, 'Putera Batu Burok' .....(Dewan Gelak) .....

Yang ketiga Dato' Yang Dipertua, panas jugak berasa ni, *air-cond* kurang. Projek Penswastaan Perumahan di Bukit Bayas seluas 15.42 hektar dan juga Projek Penswastaan Kampung Tok Adis seluas 25.36 hektar, Dato' Yang Dipertua dan juga salah satu tanah yang terlibat dengan pengambilan balik di Projek Tok Adis ini melibatkan satu lot tanah berdaftar 2586, nama tuan punya tanah pertama, Mohamad bin Abdullah – ½ bahagian, dan Wan Abd. Muttalib @ Wan Musa bin Embong – ½ bahagian. Kos pampasan RM122,880.00, Dato' Yang Dipertua.

Yang keempat, menjadi sub kontraktor kepada Syarikat GPQ bagi kerja-kerja kerangka besi di PAKR Banggol Peradong dengan nilai kontrak RM856,800.00. Seterusnya menjadi sub kontraktor .....

YANG BERHORMAT HAJI DIN BIN ADAM (Wakil Bukit Besi): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, sekali lagi pohon penjelasan – Siapa *Chairman* GPQ masa itu?

YANG BERHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Hai, lekat tulang rasanya Dato' Yang Dipertua. Pengerusi GPQ ketika itu ialah ADUN Batu Burok. Ketiga-tiga projek GPQ diserahkan kepada ANZ Dato' Yang Dipertua. Tadi saya baca yang kedua kontraktor GPQ, PAKR Sungai Kerak, Marang dengan kos RM880,000.00. Ketiganya, menjadi sub kontraktor kepada Syarikat GPQ bagi kerja-kerja kerangka besi di PAKR Cerang Guling, Marang dengan nilai RM860,400.00. Ketiga-tiga Projek PAKR ini iaitu kepunyaan GPQ yang menjadi kontraktor utama dan kesemua kerja-kerja kerangka besi diserahkan kepada Syarikat Pembinaan ANZ, putera siapa saya tak tahu sendirian berhad yang melibatkan 720 unit

rumah kos rendah dengan nilai kontrak RM2,599,200.00 dengan kadar RM3,600 per unit. Seterusnya, Projek MAIDAM di Tok Jembal – Cadangan Pembinaan 90 Unit Rumah Teres Dan 7 Unit Rumah Kedai Di Atas Lot 12620 hingga 12668, Kampung Tok Jembal, Mukim Kuala Nerus, Kuala Terengganu oleh Syarikat ANZ Sdn. Bhd. Cadangan pembinaan 90 unit rumah teres dan 7 unit rumah kedai ini dipersetujui diserahkan kepada Syarikat Pembinaan ANZ Sdn. Bhd. secara *joint venture*. Kaedah *joint venture* ialah MAIDAM menyediakan tapak dan pihak kontraktor menyediakan modal. Sebagai pulangan MAIDAM diperuntukkan sebanyak 14 unit rumah teres dan 4 unit rumah kedai 2 tingkat yang dianggarkan nilainya berjumlah RM1,594,000.00. Di samping itu pihak pemaju dikehendaki menyediakan sebuah surau dengan kos lebih kurang RM60,000.00 dan kos pembinaan keseluruhan projek ialah RM7,274,000.00. Peratus pulangan berbanding harga jualan untuk MAIDAM ialah 21.9 peratus dan peratus pulangan kepada pemaju ialah 28.7 peratus. Peratus pulangan dalam unit ialah 18.18 keluasan tanah ialah 8.4 ekar dan nilai tanah RM600,000.00, nilai semasa tanah tahun 2000 ialah RM1,455,700.00, pulangan kepada MAIDAM RM1,594,000.00 lebihnya Dato' Yang Dipertua RM139,000.00 sahaja, tipu .... tipu ..... tipu, Dato' Yang Dipertua. Saya tak tahulah .....

YANG BERHORMAT ENCIK ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, pohon penjelasan. Dewan yang mulia tadi telah mendengar di mana Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan pada masa itu di dalam kapasitinya telah melantik firma guamannya sendiri sebagai salah sebuah panel yang mengendalikan dokumentasi perjanjian. Jadi apakah firma yang sama masih meneruskan pengerdalian dokumentasi guaman perjanjian-perjanjian yang telah dibacakan tadi sehingga sekarang?

YANG BERHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya memerlukan notis untuk penjelasan dan siasatan lanjut sama ada diteruskan atau tidak. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua .....

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Penjelasan Yang Dipertua, apa yang dimaklumkan oleh Wakil Kijal sebentar tadi, projek-projek yang dianugerah ataupun dirunding terus dengan ANZ oleh Wakil Batu Burok. Persoalannya adakah Wakil Rhu Rendang yang ketika itu menjadi Ketua Kerajaan tahu ataupun tidak tahu berkenaan dengar peristiwa-peristiwa yang berlaku itu? Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, sebagai Ketua Kerajaan sama ada tahu ke tidak tahu, beliau sepatutnya bertanggungjawab tentang apa yang berlaku kerana itu adalah kerajaan pimpinannya. Sebab itulah saya sebut tadi Dato' Yang Dipertua, projek di Tok Adis dan juga Bukit Bayas yang berjumlah RM73,125,000.00, keuntungan bersih yang diperoleh oleh pemaju ialah RM1,698,030.45. Orang semua tahu Dato' Yang Dipertua, boleh buat kira-kira. Takkanlah seorang pemaju berbelanja RM73 juta akhirnya untung RM1.6 juta. *Fix Deposit* 3 persen dah lening, dah murah 3.5 persenpun saya rasa lebih daripada ini Dato' Yang Dipertua. Dan Dato' Yang Dipertua, nak buat dewan kapasiti 3,000 orang kosnya RM7 juta lebih. Saya dah kira-kira tak lebih daripada RM5 juta saya *check* dengan JKR, ini mainan belaka Dato' Yang Dipertua. Inilah yang dikatakan, saya tak tahulah "Membangun Menurut Islam - Tidur Tak Turut Islam". Jadi kadang-kadang sebak jugak saya Dato' Yang Dipertua,

sebaknya saya kerana apa, kerana saya bercakap soal agama, soal ketelusan, soal kebijaksanaan, soal macam-macam bercakap Islam ni sebab itu saya sebut semalam 'buah rambai, buah rambutan, buah duku masak putih.....', saya berpantun semalam orang dakdang dengar, saya berpantun semula:

'Buah rambai, buah rambutan
Buah duku masak putih
Entah lebai, entah bukan
Pakai kopiah putih'

Dato' Yang Dipertua, kita tengok. Sebab itu kalau kita tuding satu jari, mari ke kita empat, yang penting keikhlasan, yang penting kesempatan, yang penting peluang. Kita boleh bercakap bila kita diberi peluang tapi bila kita mendapat peluang kita gomol segala-galanya. Inilah yang berlaku, inilah suatu perkara yang menyedihkan saya tidak tahu Dato' Yang Dipertua, saya tidak mahu menuduh tapi saya minta pihak BPR siasatlah ANZ ini dan hubungannya dengan kroni ke, apa ke, wallahu'alam, saya tak tahu Dato' Yang Dipertua. Tapi bayangkanlah dalam keadaan begitu susah, katanya Pas susah, duit minyak takdok, apapun takdok, 8 projek satu Syarikat ANZ disapu semuanya, Dato' Yang Dipertua daripada mula 'A' sampai 'Z', molek dah, baham belaka, inilah hebatnya ANZ sebagaimana didakwa ikut jadual, ikut apa? Dah untung *parok,* Dato' Yang Dipertua, takdok hallah buat *guana*pun yang lulus Pengerusi Kerajaan Tempatan, Pengerusi EPIC, Pengerusi GPQ, ketiga-tiganya pengerusi yang sama. Dewan yang mulia boleh saksi, jangan jadi saksi bisu sudahlah, jadi saksi yang sebenar-benarnya saksi. Segala keterangan saya Dato' Yang Dipertua, semuanya benar tidak ada yang tidak benar melainkan benar belaka. Sekian, wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua-ketua Jabatan, seterusnya para Pemerhati, rakan-rakan, tuan-tuan hadirin-hadirat yang dihormati sekalian.

Pertamanya, saya ingin memulakan Penggulungan saya dengan membaca satu Surah Al-A'raaf ayat 96 (membaca petikan ayat tersebut). Maksudnya: "Dan Tuhan berfirman lagi sekiranya penduduk negeri ini beriman serta bertaqwa tentulah kami akan membuka kepada mereka pintu pengurniaan yang melimpah-limpah berkatnya dari langit dan dari bumi, tetapi jika mendustakan Rasul kami lalu kami timpakan mereka dengan azab siksa disebabkan apa yang mereka telah usahakan itu".

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya nak mulakan jugak Penggulungan saya ini dengan satu pantun:

"Kalau tuan ke tempat mandi,
Pilihlah pertama teluk, kedua pantai,
Kalau tuan hendak mengundi,
Pilihlah pertama elok, kedua pandai".

Terima kasih, Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua. Jadi elok dan pandai ini ialah Umno dan Barisan Nasional. Lantas dengan kepandaian dan keelokan tersebut kita mampu dalam masa dua tahun mempastikan apa yang dirancang, apa yang telah dijanjikan dan apa yang telah kita warwarkan semasa pilihan raya, sebelum pilihan raya dan selama-lamanya akan dapat kita tunaikan. Saya ucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat sama ada rakan-rakan daripada pihak Kerajaan dan juga rakan-rakan daripada Pembangkang yang mengutarakan beberapa hujah, pendapat, pandangan untuk kita pinda, kita ubah dan kita muhasabah ke arah yang lebih baik kerana hari ini sewajarnya dan sepatutnya lebih baik daripada kelmarin, esok lebih baik daripada hari ini. Itulah yang dianjurkan oleh Islam dan oleh Allah dan Rasul.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, ADUN Tepoh ada membangkitkan soal kutipan zakat. Alhamdulillah, dengan kesungguhan, dengan keberkatan dan dengan rasa penuh tawaduk dan rendah diri, kita dapat mengutip zakat kita untuk tahun 2005 adalah yang tertinggi yang pernah dikutip selama ini ..... (Tepukan Sokongan) ..... iaitu sejumlah RM40.36 juta yang mana pada masa Pas dia rasa tertinggi dah iaitu pada tahun 2003 tapi kita tinggi lagi. Maknanya Dato' Yang Dipertua, kita lebih berkat daripada zaman Pas Dato' Yang Dipertua. Kemudian kita juga .....

YANG BERHORMAT ENCIK ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): Pohon penjelasan Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Sila, sila.

YANG BERHORMAT ENCIK ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): Terima kasih. Adakah salah satu daripada sumber kutipan zakat itu dengan cara kita mengerahkan orang-orang di luar Terengganu untuk mari memberi zakat di Terengganu?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, kita tidak mengerah. Mereka bebas untuk membayarnya di mana-mana tapi mungkin mereka rasa mereka bertangungjawab untuk membayar zakat di negeri kita, kita menerima dengan tangan terbuka dan kita mengalu-alukan sahabat kita yang telah banyak mendapat keuntungan sama ada projek dalam negeri ataupun daripada luar negeri untuk membayar zakat, dengan kita mengadakan promosi-promosi, kita adakan Amil-amil dan hari ini, insyaAllah petang nanti pihak MAIDAM akan menandatangani satu perjanjian melantik Pejabat Pos sebagai salah satu Amil untuk mengutip zakat. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, ini menunjukkan kesungguhan kita. Kemudian Wakil Wakaf Mempelam mempersoalkan kenapa zaman kerajaan dahulu rendah *percentage*nya, kerajaan sekarang tinggi. Jadi saya nak jawabnya begini, hak semasa Kerajaan Pas tu, kerajaan kita dahulu, Kerajaan Umno yang buat selama lebih kurang 30 tahun maka hasilnya dapat zaman Pas dan hasil yang kita dapat hari ini yang dikatakan 16 persen daripada EPU tersebut adalah hasil daripada Pas dahulu, 4 tahun yang tidak lakukan apa-apa. Kita ada data-data, kita ada bukti menunjukkan bahawa zaman Pas memerintah 4 tahun tidak ada satu datapun jumlah keluarga ataupun orang miskin di Negeri Terengganu, tidak ada, yang ada data daripada Kementerian Kemajuan Pembangunan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW) yang diguna pakai oleh Kerajaan Pas masa tu. Ertinya Pas tidak bersungguh-sungguh dalam usaha untuk membasmi kemiskinan, Pas tidak bersungguh-sungguh dalam usaha untuk

mempastikan rakyat berubah sebab mereka merasakan bahawa selagi rakyat miskin, selagi rakyat tidak cerdik, selagi itulah mereka akan menang pilihan raya. Sebab mereka yang tidak cerdik dan mereka yang tidak berpelajaran sahaja yang akan menyokong Pas, sebab apa? Sebab Pas bermodus operandinya buat fitnah, bohong dan daripada fitnah dan bohong akan timbul kebencian, daripada kebencian rakyat mereka akan menang pilihan raya, itu sahaja. Tetapi hari ini Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, rakyat tahu, rakyat dah sedar, dia dah tahu yang mana satu kaca, yang mana satu permata, yang mana satu beruk, yang mana satu kera, rakyat kenal. Yang mana satu labi-labi, yang mana satu kura-kura, rakyat tidak boleh dibohongi lagi dengan apa yang dilakukan. Semalam kita lihat bagaimana seorang bekas pemimpin, seorang Presiden Parti boleh berbohong mengatakan bahawa untuk memartabatkan tulisan jawi hinggakan dia katakan Harakahpun ada jawi. Sepanjang saya hidup ini tak jumpa lagi Harakah dalam jawi, tak tahulah takut hak Presiden cetak sendiri barangkali. Saya nak khabarnya hak memartabatkan jawinya ialah kita, kita buat Warta Hadhari jawi dan Pas pulak, saya bawa contoh satu Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, zaman dia menang dulu dia buat Warta Darul Iman takdok jawi jugak. Kelmarin bila bercakap nak jawi, bila MB tanya nak beri jawi, dia kata nak permit sekali seminggu, ini hak takdok permit ni hak dia sendiri ini kenapa tidak dibuat jawi kalaulah nak memartabatkan jawi. Hak yang memartabatkan jawi, kita Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua. Ini saya bawa contoh, tahniah kepada MAIDAM yang buat Majalah Al-Fiqrah Penjana Islam Hadhari, semua jawi, mungkin Wakil daripada Pembangkang tidak tengok lagi yang kita buat. Ini maknanya usaha yang kita buat untuk memartabatkan jawi bukannya cakap saja, bersyarah saja sebagaimana saya kata kelmarin, nak bercakap saja, bersyarah saja burung tiong boleh bersyarah, burung gemala kerbau boleh bersyarah, jadi boleh bersyarah belaka tapi nak buat macam mana. Kita nak buat Jambatan Duyong puak-puak Pembangkang juga yang bangkang dahulu, membangkang, membazir serba-serbi, kelmarin sokong pulak kena tambah lagi jambatan. Ini kita nak buat *airport* pula, bangkang lagi. Jadi hak itulah Yang Dipertua, *pesen* dia, bila sebut *pesen* dia Dato' Yang Dipertua, saya teringat satu cerita, cerita Abu Nawas. Dia berjalan dalam kampung dengan pemimpin masa itu, dia berjalan-jalan Yang Dipertua, dengan izin nak bercerita sedikit tengah hari ni. Berjalan-jalan, dia nampak angsa berbunyi kuat, bunyi nyaring dalam tengkok angsa, jadi pemerintah ini suruh Bentara ini pergi *check* sebab apa angsa berbunyi kuat. Jadi bila pergi *check-check,* apa yang dibuat andaian oleh pemeriksa ataupun Bentaranya itu dia kata angsa berbunyi kuat sebab tengkok dia panjang maka pemimpin ketika itu rujuk kepada Abu Nawas yang ada bersamanya: "Ya Abu Nawas! Betulkah kata Bentara beta tadi?" Maka jawab Abu Nawas: "Tak betul Tuanku, tengkok panjang bunyinya kuat tidak betul". Tuanku bertanya: "Sebab apa?" Sebab dia kata: "Dekat rumah saya katak tak ada tengkok berbunyi kuat jugak." Tuanku berkata: "Dah sebab apa katak bunyi kuat, angsa bunyi kuat jugak?" Jawapan Abu Nawas: "*Pesen* dia." Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, mereka berjalan-jalan lagi, berjumpa pulak itik timbul di dalam air, berenang-renang. Jadi disuruh siasat sebab apa timbul. Maka disiasatlah bahawa itik ini timbul kerana katanya ialah dia ada bulu. Tuanku bertanya kepada Abu Nawas" Ya Abu Nawas, betul ke ada bulu timbul?" Abu Nawas berkata: "Tidak betul Tuanku." Tuanku berkata: "Sebab apa tak betul?" Abu Nawas: "Sebab dekat rumah saya, ayah saya tanam labu bila banjir timbul. Jadi labu takdok bulu timbul jugak, itik ada bulu timbul jugak." Tuanku berkata: "Dah sebab apa jadi begitu?" Abu Nawas: "*Pesen* dia Tuanku." Jadi jawab dia, orang Pas ini *pesen* dia, jadi kita jangan rasa gundah-gulanalah apa yang kita buat, dia akan menentang apa saja tapi akhir-akhirnya bila siap

jambatan dia dulu yang beri ceramah di sebelah Duyong, begitu Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua.

Selain daripada itu, berkaitan dengan Langkap, insyaAllah pada tahun ini kita akan membina 30 buah lagi masjid untuk mempastikan rakyat kita agar mendapat tempat sembahyang yang selesa. Kita berharap benar-benar dengan rasa rendah diri, dengan penuh rasa tawaduk kepada Ketua/Pemimpin-pemimpin Pembangkang agar membetul rakyat mereka, pengikut-pengikut mereka di kampung-kampung terutama sekali di Jabi. Jadi kelmarin Wakil Wakaf Mempelam ajak Wakil Jabi duduk sepentas, saya rasa tidak perlu duduk sepentas sebab punca perpecahan ini daripada apa yang dibuat oleh amanat yang mengkafirkan manusia sesama Islam, yang sembelihan tak halal, yang menikah kena nikah dua kali, semua sekali. Jadi kalau dia boleh selesai, insyaAllah benda ini boleh selesai. Jadi dia saya rasa nak guna peluang Jabi sebab dia tahu Jabi sohor lening, sebab orang ceramah tak dengar dah lening, dia buat ceramah 20 - 30 orang sahaja yang pergi, jadi dia bergabung dengan Jabi mungkin ramai yang boleh mari dan boleh berdakyah, dan berpolitik. Jadi bagi saya, saya tidak setuju diadakan perhimpunan tersebut, saya harap pihak Pembangkang sendiri supaya hadir di kampung-kampung, beritahu di satu tempat di sana di Pauh Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, rumah satu peranggan, satu *border* orang putih sebut dengan masjid, masjid sebelah sana, rumah dia sebelah sini dan setiap kali pada hari Jumaat dia muat anak dia ke dalam kereta masuk ke Masjid Temir, apa benda masalahnya? Temir satu kilometer daripada rumah dia, masjid hak di Pauh di sebelah rumah dia sebab apa? Saya tak tahulah takut Pembangkang tak tahu perkara ini, kalau tahu saya rasa .....

YANG BERHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Waki Jabi): Dato' Yang Dipertua Dewan pohon laluan?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Sila.

YANG BERHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Waki Jabi): Saya pohon penjelasan, ada tak lagi orang-orang yang tak pergi sembahyang Jumaat?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Saya tidak ada data tapi di kawasan saya tu ada, dia pilih Imam kalau Imam ini orang dia, dia pergi kalau Imam ini bukan orang dia, dia tak pergi. Jadi saya tak tahulah siapa yang nak bertanggungjawab atas semua ini, jadi kalau kita berbalah, kata ke kamu, kata ke aku, tak selesai. Kita cari punca, puncanya ialah apa yang dikatakan oleh Wakil Rhu Rendang sejak 1982 dulu, kena perbetul hak ni. Jadi saya rasa sedih, saya sedih kepada anak hak saya kata di Kampung Pauh, DUN Telemong, Hulu Terengganu. Mungkin anak dia berfikir sebab apa ayah aku jadi bingung sebegini, masjid ada dekat rumah aku tapi pergi jauh, tak cerdik? Jadi tak tahulah, mungkin hak nunpun bawa balik Syurga belaka barangkali hak ini bawa balik bukan Syurga barangkali menyebabkan berlaku tersebut. Jadi perkara-perkara ini akan menyebabkan perpecahan. Perpecahan-perpecahan ini, budak yang sekecil itu telah ditanam dengan keadaan-keadaan tersebut akhirnya Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, akan menimbulkan suasana yang *'al-adhawah wal-barghdo'* bahasa Arab sebut, iaitu permusuhan dan kemarahan yang untuk mewujudkan suasana yang aman dan harmoni tidak akan wujud sampai bila-bila. Jadi Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, oleh yang

demikian, marilah kita bersama untuk pastikan apa yang dibaca oleh Wakil daripada Sura kelmarin agar kita hayati bersama. Kita bagi pihak kerajaan menghayatinya dan kita harap pihak Pembangkang juga memahami dan menghayatinya dan mempraktiknya insyaAllah agar kita menjadi umat yang diredhai oleh Allah S.W.T.

Yang Berhormat Dato' Yang Diperuta, selain daripada itu Wakil Manir yang tidak ada pada hari ini, entahlah sebab apa, uzur syarie barangkali, tidak mari. Dikatakan bahawa kita ini tidak faham ekonomi, rupa-rupanya dia yang tak faham berkenaan dengan yang dibangkitkan pasal minyak. Kemudian dia bangkit apa yang saya kata menang, dia kata insyaAllah dia menang degan memberi contoh Nabi pernah kalah. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, nak royat Nabi kalah sekali sahaja dalam peperangan. Tiga kali perang, Peperangan Badar, Perang Uhud dan Perang Khandak, sekali sahaja Nabi kalah. Jadi Pas ini sembilan kali kalah satu saja yang menang, jadi nak banding dengan Nabi guana. Jadi tak betul Dato' Yang Dipertua, perbandingan dan kiasan yang digunakan tak betul. Jadi saya berharap pihak Pembangkang memahami keadaan tersebut.

Begitu juga yang dikatakan bahawa YPK mengadakan program-program, saya ada datalah kalau YPK ini, data bagaimana apa yang dilakukan oleh YPK sepanjang berada di dalam Pas dan seorang daripada penerangan, anak dagang ni yang saya difahamkan kesnya telah dibicarakan di dalam Mahkamah Tinggi, pitih RM220,000.00 tak tahu lepas ke mana. Jadi inilah yang dikatakan membela orang miskin dengan pitih RM220,000.00 itu tadi, Kijal baca pasal ANZ, ini berkenaan dengan *Delicate* Indah dan sebagainya yang buat kursus ambil pitih daripada Kementerian Sumber Manusia beri ke budak, rupa-rupanya tidak sampai ke budak dia baham ke dia jadi sedang dibicarakan, saya takmboh sebut banyak perkara ini. Jadi ini menunjukkan ketelusan kerajaan pada ketika itu, yang membaca ayat Quran, yang praktik semua sekali tapi banyaklah kalau nak disebut mungkin tak sampai sebagaimana yang dikatakan oleh Wakil Pembangkang dulu. Masa saya jadi Pembangkang dulu, mereka kata fail penyelewengan Umno berlori-lori, bila saya tanya berapa lori tak khabar, saya duk cari jugak lening fail penyelewengan dulu yang berlori-lori itu takdok, hak kita jumpa hak inilah hak ada hari ini. Jadi ini Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, apa yang berlaku. Jadi kalau dikatakan bantuan-bantuan yang dibuat, saya ada maklumat. Bantuan Kemiskinan oleh Kerajaan Negeri tahun 2000 sampai sekarang. Datanya menurun sokmo, tahun 2000 – RM1.32 juta, naik sikit tahun 2001 – RM1.75 juta, tahun 2002 jatuh *bedebo'* - RM0.87 juta, kemudian tahun 2003 naik sikit – RM1.3 juta, kemudian tahun 2004 bercampur dengan kita separuh ni – RM1.8 juta dan alhamdulillah tahun Umno yang saya kata cantik dan pandai tadi terus naik daripada peruntukan RM1.8 juga kepada RM30.5 juta. Tahun 2006, insyaAllah tahun ini naik lagi RM31.05, jadi ini menunjukkan kesungguhan kita, kita tidak bercakap saja sebab itu ada saja laporan yang menyatakan ada orang susah, kita *on the spot* pergi, serta merta pergi. Berkaitan dengan orang mengutip sampah, kita akui ada yang mengutip sampah tetapi alhamdulillah oleh kerana berkat turun, rezeki murah hari ini, sampahpun menjadi harga, tak pelik orang mengutip sampah, hak peliknya orang memakan sampah. Orang kutip sampah, dia khabar ke saya dia kata dia boleh antara RM80.00 hingga RM100.00 sehari, kutip besi buruk, kutip tembaga buruk, kutip nikel buruk dan dijual. Hari ini besi buruk harga RM5.00 hingga RM10.00 sekilo. Ini menunjukkan betapa makmur, betapa bertuahnya kita menjadi rakyat Malaysia, menjadi rakyat Terengganu Darul Iman. Jadi yang peliknya dia pergi duduk dalam tong sampah dan makan sampah itu pelik. Dan dia ini oleh kerana kemampuan dia

dengan pendapatan kadang-kadang kalah kita Exco RM100.00 sehari, RM50.00 sehari boleh pakai kereta, kereta Iswara, saya ada nombor berapa nombor kereta dia, warna benda, dia orang kampung saya, saya tahulah. Jadi ini yang kadang-kadang disalah tafsirkan yang digunakan oleh Pembangkang menunjukkan seolah-olah kita tidak buat kerja, kita seolah-olah *lok* rakyat kita begitu. Kita dok, khabar saja hari ini, sebab itu saya kata kalau Pembangkang ada maklumat tentang orang miskin, ada maklumat orang yang dhaif, maklum, hak kebuluran, maklum dan hak yang terima itu bersyukurlah. Lepas kita beri ucap terima kasih, alhamdulillah "Siapa yang tidak bersyukur kepada manusia, pasti tidak bersyukur kepada Allah". Jadi bila diberi terima kasih kerana diberi, jangan lepas diberi *kerkah* tangan. Lepas diberi cakap besar pulak: "Hah tengok aku! Pembangkangpun boleh jugak." Hah! hak begitu ubat dia *nja*-lah, kalau hak begitu, adil. Jadi kalau diberi bersyukurlah, terima kasih jangan cakap sembarangan tapi ada jugak yang saya jumpa Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, kita nak beri benda-benda tak boleh sebab duit kerajaan haram, haram dari sumber yang tidak baik. Saya kata: "Mu tahu ke dok, gaji Wakil Rakyat mu dari sumber mana?" Fikir biar luas sikit macam kata ADUN Ladang tadi berfikir itu biar di luar kotak jangan di dalam kotak. Ada yang sampai nak letak jawatan sebab duit kerajaan ini tidak halal. Jadi gaji Wakil Rakyat itu duit yang sama juga, Wakil Rakyat baham molek adapun kenyang *neting* tapi bila kena ke orang haram, ini yang tak betul, jadi kena perbetul Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, kena perbetul.

Selain daripada itu Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Paka mempersoalkan berkaitan dengan masjid. InsyaAllah, dalam peruntukan untuk membaiki ataupun untuk *maintenance/* penyelenggaraan. Kita ada peruntukan insyaAllah pada tahun lepas kita ada lebih kurang dalam RM650,000.00 setahun untuk *maintenance* dan ada tambahan dari masa ke semasa untuk keperluan mana-mana atap bocor yang perlu kita baiki, kita akan baiki sama ada peruntukan di bawah ADUN ataupun Parlimen. Dan kita Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, ada peruntukan untuk mempastikan tandas-tandas di tempat-tempat ibadat ini bersih. Jadi kita telah melantik kontraktor-kontraktor ataupun orang-orang perseorangan dengan gaji RM400.00 sebulan untuk menjaga kebersihan. Alhamdulillah, masjid di sekitar jalan besar, masjid yang berada di laluan-laluan utama nampaknya alhamdulillah lebih bersih dan ini menjadi satu kebanggaan Islam Hadhari yang kita bawa sekarang.

YANG BERHORMAT ENCIK WAN AHMAD NIZAM BIN WAN ABDUL HAMID (Wakil Air Putih): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, minta penjelasan. Ini termasuk juga masjid-masjid yang bukan masjid kerajaan penyelenggaraan ini, yang RM400.00 sebulan ni?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Terima kasih Yang Dipertua, kita buat secara berperingkat-peringkat. Sekarang kita buat di masjid-masjid yang berada di laluan utama, masjid yang menjadi tempat persinggahan, orang musafir, orang lalu-lalang kita utamakan dahulu. Kemudian pada tahun lepas kita ada peruntukan RM500,000.00 tahun ini kita naikkan peruntukan sehingga RM800,000.00, jadi insyaAllah mana-mana masjid yang dia rasakan perlu ataupun mungkin yang kita tidak terlihat boleh maklum kepada kita untuk kita masukkan ke dalam senarai masjid-masjid yang akan dikategcrikan atau yang akan dimasukkan ke dalam Program Kebersihan yang RM400.00 sebulan ini.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, selain daripada itu Wakil Batu Burok ada mengatakan bahawa ini pembohonganlah. Wakil Batu Burok inipun saya rasa takmboh cakaplah, banyak dah kalau dulu 'surat layang', nama lain yang sainnya lain, komunikatorpun banyak dah siri-siri pembohongan ini. Kelmarin kata pulak di sebelah YPK itu Pusat Khidmat Umno itu tak betul, tak betul Yang Berhormat Batu Burok itu adalah Pusat Prihatin Rakyat, ada apa benda masalah rakyat pergi mengadu di situ, kita akan proses, kumpul data apa semua bermula di situ. Jadi kalau kata itu Pusat Umno tak tahulah sebab tidak ada lambang Umnopun di situ, kalau nak kata Pusat Dacing, dacingpun tak ada di situ. Jadi kalau nak tuduh, tak tahulah kalau nak jadikan Dewan ini halal untuk pembohongan sayapun tak nampak caralah, sebagai orang yang berpengalaman, pernah jadi Pembangkang, pernah jadi kerajaan, pernah jadi Pembangkang, jadi perkara sebeginipun takkanlah saya nak nasihat, kita tahu bahawa bohong ini tidak kira Malaikat tulis belaka. Jangan fikir mentang-mentang dalam Dewan, Malaikat letak pen, takdok, Malaikat tulis belaka pelawok dalam Dewan, ke luar Dewan ke serupa, Cuma dalam Dewan ini mungkin kita *imune* tidak kena saman dalam mahkamah tapi Malaikat tulis jugak yang kita pelawok, tidak kira pakai serban ke, pakai songkok ke, pakai kopiah ke, serupa bila bercakap bohong Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, tidak pakai apa-apapun sama saja. Jadi jangan mengatakan bila duduk dalam ini Malaikat tidak boleh masuk dalam ni, tak betul Yang Dipertua.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, jadi lain kali sebagai orang yang berpengalaman, orang yang ada *experience* kena buat tuduhan ataupun maklumat yang diberi itu masa saya Pembangkang dulu saya rasa tak begitu. Saya rasalah tapi tak tahulah takut pihak kerajaan masa itu fikir macam hak saya rasa, tapi saya rasa tidaklah, kita khabar ada maklumat sehingga bila khabar-khabar dia hambat kita dua kali, tak apalah hari ini kita tak pernah hambat lagi dua tahun dah. Kita tak akan hambat, insyaAllah.

Jadi Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Wakil Rhu Rendang. Ini suatu benda yang selama ini saya hormat Wakil Rhu Rendang ni sebagai orang anggap Tok Guru, saya tak anggap Tok Guru, orang ada ilmu tetapi kelmarin dengan ucapan, dengan pembohongan demi pembohongan, dengan apa yang dia buat saya tak tahu mungkin kelmarin dia cacat sikit barangkali. Dia mungkin tidak ada fokus nak bercakap kelmarin, bercakap sistem Islam dia hentam Umno, bercakap matematik, 15 *percent* lulus, lepas itu khabar pulak dia kata Pengerusi SPR khabar ke dia bahawa Pilihan Raya 2004 ialah pilihan raya yang paling buruk. Saya rasa tak betul belaka Yang Dipertua, jadi pembohongan, lama dah dia berbohong Yang Dipertua, bukan hari ini tetapi lama dah sebab saya bawa satu buku dia 'Negara Islam'. Nak khabarnya bahawa Pas telah ditubuhkan pada tahun 1955 tetapi 'Negara Islam' baru dilancar, buku ini 2003. Hah! lama dia lebong rakyat, dah lama *pelebongan* berlaku terhadap rakyat, sejak 1955 hampir 50 tahun baru dia buat deraf 'Negara Islam'pun saya nampak macam karangan budak *form six* saja apa yang dia tulis. Jadi tidak nampak kehebatan, jadi jadilah sokong Pas lama dah dia *lebong* kita, lama dah dia buat sesuatu yang tak terpijak bercakap saja bila suruh buat tak boleh nak buat, tidak boleh nak praktikkan. Begitu juga Yang Dipertua, kelmarin apabila disebut nak bersumpah dengan Wakil Kijal, ada di muka depan hari ini tak tahulah betul ke tidak betul surat khabar ni, betullah tu barangkali muka depan ni. Jadi ini yang berlaku enggan bersumpah, jadi lain kali, minta maaflah saya sebagai orang muda mungkin peringkat anak, minta maaf kalau saya bukan nak bersikap kurang ajar tapi nak maklum bahawa sebelum bercakap kena buat *preparation,* kena buat kajian, *homework* (kerja rumah) sebab kita ni

pemimpin orang, kita ini sebagai pemimpin masyarakat, apa yang kita kata akan diikut, apa yang kita luah akan menjadi fatwa, jadi kalau kita main *ikut ser ikut dang,* baham rambang maka menjatuhkan imej kita sendiri, bukan sahaja menjatuhkan imej kita sendiri malah parti sendiri dan juga masyarakat yang akan mendapat kesan daripada apa yang dilakukan itu.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Wakil Sura ingin membela Imam dan Bilal. InsyaAllah, kita akan pastikan Imam-imam dan Bilal-bilal di seluruh negeri akan terbela, hari ini kita dah bela dah, hari ini kita dah naik dah gaji ataupun elaun Imam-imam, Bilal-bilal kita ini daripada zaman Pas mula. Pada zaman Pas mula gaji dan elaun dia RM350.00 kita naikkan jadi RM650.00, alhamdulillah, kita bukan nak khabar kita ini membela Imam dan Bilal, tidak dan kita akan pastikan pada suatu masa nanti dalam masa yang terdekat ini mereka ini dibayar gaji mengikut gred, kalau berijazah kita bagi ikut ijazah, kalau SPM kita bagi ikut SPM, kalau diploma kita bagi gred diploma untuk mempastikan mereka ini lebih dihargai, mereka ini lebih bermartabat, insyaAllah. Jadi itulah kesungguhan kita, kita kata kita kota, kita berjanji kita tunai. InsyaAllah, dengan doa, harapan dan sokongan mantap daripada sekalian rakyat sama ada di dalam Dewan ataupun di luar Dewan kita pasti hasrat dan cita-cita kita akan dimakbulkan oleh Allah S.W.T. Begitu juga dengan elaun RM650.00 yang berkhidmat 12 tahun ke atas, kemudian 3 - 12 tahun RM625.00, kemudian yang 3 tahun ke bawah RM600.00 itu Imam. Bilal kita naik daripada RM300.00 jadi RM450.00, daripada RM275 naik RM425.00 dan daripada RM250.00 naik RM400.00 yang kita naik. Kemudian mereka juga disyorkan untuk mengajar di masjid dan surau, kalau dulu dia mengajar empat kelaspun dibayar sekelas saja, hari ini Tok Imam dan Tok Bilal mengajar sekelas, kita bayar sekelas, sekelas harganya RM150.00 kita bayar sebulan, kalau dua kelas, kita bayar dua kelas RM300.00, kalau tiga kelas kita bayar RM400.00, kalau empat kelas kita bayar RM500.00. Ertinya, kalau dia dapat dah RM650.00 dia mengajar pulak empat kelas pagi, petang, malam, tengah malam, maka ia akan dapat lebih kurang RM1,000.00 sebulan, alhamdulillah ini rezeki berkat kepimpinan kita yang bijak, kepimpinan yang cantik, kepimpinan kita yang pandai. Jadi kalau nak khabar banyak lagi program-program yang kita lakukan dengan elaun hafiz-hafizah, elaun mengembalikan semula elaun kepada ulama-ulama RM1,000.00 dan sebagainya, ini yang kita lakukan di bawah kemampuan dan kapasiti yang kita ada. InsyaAllah, di bawah Islam Hadhari Terengganu Bestari ini orang agama, orang tak agama akan tetap terbela, rakyat keseluruhan insyaAllah akan mendapat rahmat dan berkat daripada keseluruhannya, insyaAllah.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya rasa itu sahaja apa yang ingin saya kongsikan bersama .....

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, sebelum daripada sahabat saya ini dia berhenti, saya duk tunggu-tunggu jawapan dia berhubung dengan ada perkara yang pernah saya sebut dalam ucapan saya, dua perkara; yang pertama gejala sosial, pasal dia jaga bahagian Islam Hadhari, ada tak siasat berhubung dengan kes karaoke, disko sampai pukul 4.00 pagi melibatkan budak-budak Islam dan juga melibatkan komen ataupun yang dibuat oleh Tuanku Al-Sultan berhubung dengan mempamerkan budi pekerti di kalangan Wakil-wakil Rakyat, bunyi cerita ADUNpun duk main SMS lucah dengan janda. Ada tak

buat siasatan supaya kita boleh nasihat dengan baik, kita cuba halang dan cegah benda-benda ini untuk kebaikan bersama. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Terima kasih, Yang Berhormat daripada Wakaf Mempelam yang mengingatkan saya tentang soalan apa yang telah dibangkitkan. Sebenarnya masalah karaoke dan sebagainya ini di zaman Paspun ada dah. Dia bukan di bawah Islam Hadhari saja dia berkait dengan PBT, saya pernah mengadakan satu *spot check* di satu kawasan pada dua-tiga minggu lepas dan apa yang dinyatakan di situ bahawa ia berniaga kedai kopi, lesen dia lesen kedai kopi, jadi kita mencari orang-orang yang melanggar aturan dan peraturan Pejabat Agama, kalau dia mabuk kita boleh ambil tindakan, kalau dia berkhalwat kita boleh ambil tindakan tetapi kita pergi *check,* takdok. Tapi insyaAllah, dengan ingatan yang diberi oleh Wakil Wakaf Mempelam kita akan mengambil tindakan di bawah kuasa yang kita ada. Dengan enakmen yang dibuat zaman Pas mula saya nampak banyak lagi yang perlu dikemas dan dibaiki, insyaAllah dengan kita memperkemaskan enakmen-enakmen tersebut dan kita harap Wakil Wakaf Mempelam dan wakil daripada Pembangkang akan sokong kita nanti untuk meminda supaya diperkemaskan, maknanya siapa yang pergi ke situ boleh ditangkap, hari ini takdok peraturan tersebut. Jadi dengan adanya peraturan-peraturan tersebut insyaAllah, kita yakin dan kita percaya perkara ini akan dapat diperkemaskan. Tapi satu ingatan jugak Yang Dipertua, perkara ini tidak boleh salahkan kepada kerajaan sahaja. Kerajaan tidak boleh hendak dipersalahkan dengan apa yang berlaku, saya nampak ianya berpunca dari rumah, kalau setiap rumah, setiap keluarga dapat menjaga anak-anak mereka, orang di bawah tanggungan mereka daripada perkara-perkara tersebut insyaAllah perkara tersebut tidak berlaku. Ini bila anak ditahan Polis, ditahan kes dadah, dia kata salah Polis, bila anak kena saman motosikal, dia kata ke Polis, bila anak tak pas periksa dia kata cikgu tak betul, jadi semuanya kata ke orang. Dia tidak pernah tanya apakah sumbangan dia, apa perkhidmatan dia untuk pastikan perkara-perkara tersebut tidak berlaku. Jadi zaman Pas empat tahu dulupun begini juga. Saya pernah pergi tengok, ambil resit, ambil gambar semua sekali, jadi macam Wakil Kijal kata kelmarin, 'kita serupo ajelah'. InsyaAllah kita pentingkan benda ini, kita nak pastikan ..... ada lagi masalah lelaki yang berupa perempuan ni, kita tengok dalam enakmen takdok, tidak ada undang-undang yang boleh kita ambil tindakan. Jadi insyaAllah, dalam Dewan masa akan datang, kita harap benar-benar agar pihak Pembangkang menyokong pindaan tersebut, jangan bangkang, jangan jadi *pesen* dia. Terima kasih Yang Dipertua, saya rasa itu saja dan dalam kesempatan ini juga saya ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan terima kasih kepada bagi pihak rakan-rakan Exco dan Wakil Rakyat kepada Setiausaha Dewan yang akan bersara tidak lama lagi agar direkodkan. Segala budi, bakti dan jasa yang diberi sepanjang saya kenal beliau, semenjak saya jadi Pembangkang dan menjadi kerajaan semuanya amat bererti dan bermakna kepada saya secara peribadi sebagai Wakil Rakyat. Terima kasih minta maaf banyak. Sekian, wabillahitaufik walhidayah. Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

YANG BERHORMAT DATO' DR. HAJI ABDUL LATIFF BIN AWANG (Wakil Bukit Payong): Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Alhamdulillahir-rabbil-alamin wabihi nastain. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, Ahli-ahli Dewan, Pemerhati sekalian.

Saya juga mengucapkan terima kasih kepada Yang Dipertua Dewan yang sudi memberi kesempatan kepada saya untuk menggulung sedikit sebanyak tentang perkara-perkara yang dibahaskan oleh Ahli Dewan selama 3 hari. Pertamanya, saya pergi terus kepada Wakil Jabi yang memohon supaya diperbanyakkan Sistem Sekolah Imtiaz. Dia cadang kalau boleh satu daerah – satu. Buat masa ini untuk makluman Ahli Dewan kita ada empat buah sekolah semua sekali, satu di KOSPINT, satu di Kuala Berang, satu di Dungun dan satu di Besut. Kajian mendapat bahawa buat masa ini kita kekal dengan empat dulu kerana kita baru *start,* baru kita mula, kita nak tengok dari segi kemantapannya, dari segi pertamanya, infrastruktur yang harus kita bekalkan terutama komputer yang nisbahnya ialah 'dua pelajar satu komputer', latihan kepada guru-guru dan jugak pemantapan kurikulum yang ada di situ. Jadi buat masa ini kita bercadang mengambil seramai 600 orang setahun. Jadi dalam masa 5 tahun ada 3,000, jadi kalau ini berjaya maknanya dalam masa dan suatu ketika kita ada 3,000 orang pelajar-pelajar yang ada Sistem Hafiz ini, tiap-tiap tahun akan keluar 600 orang, alhamdulillah. Mungkin lebih ramai daripada yang keluar daripada Maahad Tahfiz di Padang Midin.

Yang keduanya, Wakil Tepoh inginkan supaya keputusan SPM di Terengganu ini supaya diperhebatkan lagi. Saya beritahu semalam bahawa setakat ini keputusan kita alhamdulillah dapat nombor 2 di Malaysia dan yang pertamanya itu adalah di Labuan tapi apabila saya semak balik keputusan UPSR 5 tahun lepas dan PMR 3 tahun lepas ini adalah kolorasinya kerana yang dapat SPM tahun ini ialah mereka yang dulunya mengambil UPSR. Jadi UPSR di Terengganu walaupun terbaik di Malaysia tapi kelulusannya dari segi lulus semua subjek yang dapat 'C' ialah sekitar 68 peratus sahaja dan begitu juga PMR kita dapat 62 peratus walaupun melebihi peringkat nasional, ini masih dapat kita tingkatkan lagi dengan usaha-usaha insyaAllah akan dibuat oleh pihak Jabatan Pelajaran Negeri.

Yang ketiga, Dato' Yang Dipertua ialah Wakil Manir yang tidak mari hari ini barangkali Wakil Wakaf Mempelam mungkin sebagai mewakilnya. Semalam mendakwa bahawa pada zaman Pas dahulu banyak dihantar pelajar-pelajar menjadi doktor yang mahir Quran, *engineer* tapi saya *check* rekod yang ada, ada 2 sahaja yang dihantar. Yang pertama, dia hantar ke KUSZA itupun takdok SPM seramai 36 orang dan hari ini alhamdulillahlah dengan kesempatan yang kita beri oleh Kerajaan Negeri hari ini 3 orang lagi yang tak ada, yang dah ada 33 jadi mereka ini kalau lulus diploma akan dapat Diploma KUSZAlah dan kalau KUSZA nanti menerima pelajar-pelajar universiti mereka ini kalau cukup syarat boleh memasuki universiti. Yang keduanya ialah pelik jugak ni, mereka hantar ke United Kingdom daripada Darul Quran Rusila seramai 51 orang, tahun 2001 dihantar 20 orang, tahun 2002 16 orang, tahun 2003 15 orang. Tadi hantar ke KUSZA, hak ini hantar ke UK pulak, saya duk ingat buat *engineering* atau doktor ataupun perakaunan rupa-rupanya buat *Islamic Study* jugak di satu kolej swasta nama tempatnya di Lampeta, hulu Wales, kalau orang dok tahu. Dan yang pelik jugak ialah untuk makluman Ahli Dewan ianya ditaja pada mulanya oleh TDM, sayapun duk hairan jugak kenapa TDM duk taja pelajar-pelajar ni melalui Asnaf Zakat TDM dan diberi kepada pelajar-pelajar ini, yang hantarnya dulu ialah Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan Dan Dakwah ketika itu dia pergi England pada 7 Oktober 2002 dia hantar dan yang mendapat kemudahan zakat ini ada 3 orang yang namanya samalah dengan nama Exco itu sendiri, saya tak mahu tuduhlah dia takut-takut tak betul, takut *i.c.* lain tapi nama serupa. Maknanya dulu kita tengok yang pergi ke Mesir dapat Asnaf Zakat rupanya Englandpun ada jugak, ini berita baru ni di bawah TDM, Ahli

Dewan sekalian. Saya tak tahu kenapa TDM pergi ambil padahal banyak lagi syarikat besar-besar, EPIC ada, Golden Pharos ada, TDM pergi ambil untuk syarikatnya itu dibiaya pelajar-pelajar itu pergi ke United Kingdom. Kemudiannya juga yang agak pelik ialah .....

YANG BERHORMAT ENCIK WAN AHMAD NIZAM BIN WAN ABDUL HAMID (Wakil Air Putih): Pohon penjelasan Dato' Yang Dipertua .....

YANG BERHORMAT DATO' DR. HAJI ABDUL LATIFF BIN AWANG (Wakil Bukit Payong): Sila.

YANG BERHORMAT ENCIK WAN AHMAD NIZAM BIN WAN ABDUL HAMID (Wakil Air Putih): Boleh kita tahu siapa Pengerusi TDM pada ketika itu?

YANG BERHORMAT DATO' DR. HAJI ABDUL LATIFF BIN AWANG (Wakil Bukit Payong): Pengerusi TDM pada ketika itu ialah Yang Berhormat Wakil Manir dan dia sendiri pergi hantar *student* di England pada bulan Oktober, 2002. Anak dia wallahu'alam kerana namanya serupa takut *i.c.* lain, mana tahu silap sayakan.

YANG BERHORMAT HAJI DIN BIN ADAM (Wakil Bukit Besi): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, minta penjelasan sikit. Biasa-biasa yang pergi hantar ini anak-anak kelas tadika umur di bawah 7 tahun, hak ni umur berapa gak yang kena pergi hantar gak ni?

YANG BERHORMAT DATO' DR. HAJI ABDUL LATIFF BIN AWANG (Wakil Bukit Payong): Tuan Yang Dipertua, tadika hantar kadang-kadang kalau kita tengok sekarang inipun tok kipun nak pergi hantar jugak budak-budak universiti dekat USM serba-serbi sebab itu kita beri RM1,000.00 seorang masuk universiti, Dato' Yang Dipertua. Yang menjadi masalahnya Dato' Yang Dipertua ialah mengiktu laporan daripada MSD London ada terdapat 26 orang lagi pelajar ini yang tak dapat belajar dengan baik kerana tidak membayar yuran kepada institusi berkenaan, ini jugak menjadi masalah kepada MSD London. Kemudian lagi satu ialah SRABT, jadi banyak nak bercakap jadi serabut pula. Saya dah jawab dulu, Wakil Manir bertanya pasal hala tuju SRAB ini. Saya kata SRAB ini teruskan apa yang ada sekaranglah, tinggal lagi pengambilannya kita tak ambil kerana kita tahu kita dah buat Sistem Imtiaz yang lebih baik daripada itu dan pemilihannya lebih berkualiti untuk pelajar dalam bidang sains dan juga Quran. Jadi itulah sebabnya kita biarkan dia memilih sama ada nak ikut SRAB yang ada hari ini ataupun ikut arus perdana yakni masuk ke sekolah-sekolah kebangsaan biasa.

Wakil Rhu Rendang semalam banyak memperkatakan tentang mata pelajaran sains dalam bahasa Inggeris, matematik dalam bahasa Inggeris dan beliau memberi contoh bagaimana Negara Korea dalam bahasa Korea tetapi maju, Negara Jepun jugak maju. Saya ingat sayalah barangkali orang yang sedih pada mulanya kerana matematik dan sains diajar dalam bahasa Inggeris kerana ini adalah buktinya saya dulu buat kamus, Kamus Sains Bahasa Inggeris - Bahasa Melayu Untuk Universiti. 22 tahun saya bekerja dahulu dengan Dewan Bahasa, ini ada nama sayapun ada, orang lainpun ada jugak untuk buat kamus untuk kegunaan pelajar-pelajar universiti dan sekolah kemudian dia tukar pulak ke bahasa Inggeris jadi mungkin tak gunalah kamus ini, tidak ada royaltilah untuk saya barangkali. Tetapi Ahli-ahli Dewan sekalian, Negara Jepun maju, Negara Korea maju kerana R&Dnya

maju, *research and developmentnya* maju, produknya itu berdasarkan kepada R&D, inilah yang majunya terletak di situ dan untuk makluman Ahli Dewan sekalian Negara Jepun, Korea, Rusia dan Finland, jurnal yang keluar hari ini dalam bahasa Inggeris, minggu depan terus dalam bahasa Jepun dan bahasa Korea. Di Malaysia, saya pernah terjemah buku dan jurnal 3 tahun baru cetak sebab itu kalau tidak diubah dalam bahasa Inggeris sekarang ini, bila masanya kita dapat memperbanyakkan bahan-bahan bacaan dalam bahasa Melayu. Maka sebab itulah bahasa Inggeris digunakan dalam matematik dan sains supaya senang anak-anak ini terus mendapat menafaat yang lebih mudah.

Yang akhir sekali, saya nak betulkanlah Wakil Wakaf Mempelam tadi bahawa Maahad Tahfiz, pengetuanya itu ialah jawatan kontrak bukannya GSTT. Sekian dulu Dato' Yang Dipertua dan terima kasih. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih. Sila Yang Amat Berhormat Dato' Seri.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahitaala wabarakatuh. Dato' Yang Dipertua, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat yang telah mengambil peranan mengulas Titah Di Raja Duli Yang Maha Mulia Al-Sultan. Terima kasih kepada Yang Berhormat Tepoh, Seberang Takir, Wakaf Mempelam, Langkap, Batu Rakit, Manir, Jabi, Paka, Bukit Tunggal, Batu Burok, Telemong, Rhu Rendang juga Sura yang telah memberi hujah-hujah mereka. InsyaAllah, apa yang tak kena dalam kerajaan ini akan kita perbetulkan dan yang baik akan terus kita perbaiki. Kerajaan sebenarnya tidak pernah berniat jahat dan walaupun ada yang buruk sangka tentang apa yang telah dilakukan oleh kita. Saya dah katakan sejak dahulu lagi apa yang baik untuk rakyat baiklah untuk saya. Kerajaan akan terus berkhidmat kepada rakyat Negeri Terengganu dengan sebaik-baiknya.

Alhamdulillah, dalam keadaan yang bertambah baik, tadi kita lihat Yang Berhormat Ajil mengatakan bahawa kutipan-kutipan zakat telah meningkat yang tertinggi sehingga kini tak pernah kita mengutip RM40.3 juta sebelum ini. Alhamdulillah, buat pertama kali juga dalam sejarah kalau dikatakan tentang pegawai-pegawai kerajaan pada tahun ini kita telah dapat menyiapkan akaun, Penyata Tahunan kita 3 bulan lebih awal, biasanya Akaun Tahunan kita siap pada akhir bulan 5 tapi pada tahun ini bermakna bahawa kakitangan kerajaan telah lebih efisyen, telah bertambah baik, kita siap pada akhir bulan 2, 3 bulan lebih awal. Kita lihat laporan di Dewan bahawa Yayasan Terengganu yang sudah hampir 4 tahun sebelum pada ini tak buat semasa kerajaan yang lalu, telah berjaya membereskan Penyata Tahunan mereka, tahniah kepada Yayasan Terengganu sebenarnya. Syarikat-syarikat di bawah Kerajaan Negeri juga telah menunjukkan keuntungan yang bertambah cuma satu syarikat sahaja yang tidak mendapat keuntungan tapi yang lain-lain telah menampakkan keuntungan yang bertambah. Tadi juga Yang Berhormat Cukai telah memberitahu kita bahawa rakyat, semua pelabur-pelabur ASDI, pelabur-pelabur individu, pelabur-pelabur koperasi, persatuan dan pertubuhan akan dibayar balik oleh kerajaan. Saya katakan apa yang baik untuk rakyat baiklah untuk kita Kerajaan Barisan Nasional, insyaAllah. Sebab itu kita akan lihat 26,944 individu akan menerima bayaran balik ASDI, 96 koperasi, persatuan dan juga pertubuhan yang melibatkan hampir 50,000 ahli-ahlinya akan mendapat menafaat dengan pembayaran balik. Ini dilakukan kerana ada mereka yang

mengatakan, mereka mempunyai masalah dengan bank dan sebagainya. Apabila kita mendapat aduan, kita mencari satu skima di mana kita boleh membantu rakyat.

Kita lihat juga walau apa yang dikatakan bahawa pelancong-pelancong telah mula meningkat ke Negeri Terengganu, peningkatan sebanyak 15.3 peratus, saya tak tahulah apa yang mereka buat di Terengganu tetapi sememangnya apabila mereka datang mereka mencari tempat-tempat untuk tinggal, mereka tidur di hotel-hotel, mereka makan nasi dagang, ada yang makan nasi dagang RM45.00 dan sebagainya. Tapi yang mustahaknya mereka perlukan pengangkutan, mereka perlukan dobi, mereka perlukan kedai makan, ini mengatakan bahawa tidak ada orang boleh menafikan bahawa ini merupakan penterjemahan kepada peningkatan peluang-peluang pekerjaan kepada rakyat Terengganu. Bagi saya mereka yang tidak mahu menerima hakikat tersebut ialah mereka yang sememangnya tidak ingin membuka pintu hati mereka.

Kita lihat juga industri pembinaan bukan hanya yang dilaksanakan oleh Kerajaan Pusat tetapi juga oleh Kerajaan Negeri Terengganu sendiri telah bertambah. Kita membaiki semula yang tak pernah disebut Masjid Putih, kita membangunkan Pusat Kraf sebelah dengan Kedai Payang, kita membangunkan Institut Latihan untuk kita di Pupuk Semangat, kita bina masjid-masjid, kita buat stadium. Perkara-perkara ini tidak boleh dinafikan bahawa dengan adanya projek-projek tersebut ia akan memberi peluang-peluang pekerjaan kepada orang Terengganu tapi ada juga orang mengatakan tak ada kerja lening, kohor teruk lening. Adalah seorang-dua hak jual kereta itu nak buat guana, bukan semua orang berniaga untung, adalah seorang-dua kena jual kereta, itu perkara biasa. Tapi menafikan bahawa peluang-peluang pekerjaan di Terengganu masa ini berkurangan, itu adalah satu pembohongan yang amat besar tuan-tuan dan puan-puan.

Dan tidak boleh dinafikan juga bahawa Sistem Pendidikannya, kita melihat kecemerlangan demi kecemerlangan. Kita sedang melaksanakan, melahirkan satu golongan Ulul Albab, bagi saya ini bukan hanya kerana usaha, ini juga kerana keberkatan yang wujud kerana inilah dikatakan yang keikhlasan yang wujud pada masa kini. Saya baru dapat maklumat tadi bahawa insyaAllah pada malam ini jam 12.00 tengah malam ini 10 orang Jurutera kita, Juru Ukur Bahan, dan juga Arkitek akan berlepas ke Riyadh kepada orang-orang Terengganu yang akan mengikuti latihan bekerja di bawah UPEN, tuan-tuan dan puan-puan. Ini tak pernah berlaku sebelum pada ini.

Dan mungkin juga saya perlu mengatakan kerana saya tidak mahu ianya disalah anggap kerana kita lihat angka-angka kemiskinan yang berbeza kerana pada masa kini kita telah membuat satu semakan ataupun satu pangkalan data, kemiskinan boleh diubah bila-bila masa. Apabila Wakil-wakil Rakyat atau Pegawai-pegawai Daerah mengatakan bahawa ada orang yang miskin yang perlu dimasukkan ke dalam pangkalan data tersebut, ianya boleh dimasukkan serta merta, ada yang perlu digugurkan kerana ianya sudah mungkin menoreh getah sekarang ini dan mereka telah mendapat pendapatan yang baik, ianya boleh digugurkan. Itulah sebabnya kalau kita lihat ada perbezaan mungkin besok angkanya akan berubah. Saya telah menjalan program ini sejak dua tahun yang lalu, sejak kita menang kita menggabungkan semua fakta-fakta, data-data daripada UPEN, daripada RISDA, daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat, daripada Amanah Ikhtiar dan kita gabungkan dan Terengganu hanya ada satu data sekarang ini dan ingin juga saya mengatakan tidak

pernah kita lakukan perkara ini di Negeri Terengganu bahawa kita telus dalam apa juga perkara yang hendak kita lakukan. Dan juga saya nak menyatakan data yang keluar dalam pembentangan Rancangan Malaysia Ke-9 ialah data pada tahun 2004 bukan data pada tahun 2005, bukan data pada tahun 2006 dan prestasi itu prestasi 2004. Ini yang kita terima daripada kerajaan yang terdahulu tapi tak apalah. Juga kita perlu melihat bahawa purata garis kemiskinan telah ditingkatkan oleh kerajaan, kalau dahulunya yang termiskin itu ialah mereka yang mendapat lebih kurang RM50.00 tapi sekarang telah ditingkatkan kepada perkapita RM94.00, yang miskin kepada perkapita RM149.00. Bermakna jika keluarga yang ahlinya 10, kalau pendapatan sekeluarganya kurang daripada RM940.00 bermakna ia jatuh dalam kumpulan yang termiskin, itulah pendekatan-pendekatan yang kita telah ambil dalam bidang kemiskinan. InsyaAllah, saya beritahu kepada Perdana Menteri dan juga kepada Ketua Pengarah EPU bahawa Terengganu memang komited untuk mempastikan kita akan menghapuskan kemiskinan dengan cara yang amat terbaik.

Ada yang bertanya sehingga ada yang mengatakan perlu buat satu Usul Tergempar tentang Terengganu Inc. Mungkin ramai yang tidak tahu lagi mengapa kita mewujudkan Terengganu Inc ataupun Terengganu Incoporated, pendeknya kita memanggil Terengganu Inc. Kita lihat semasa kita menang pada tahun 2004, kita membuka untuk mendapat pandangan daripada rakyat dan ramai rakyat, ramai profesor-profesor, ramai membuat kajian, ada bekas SUK beritahu kepada kita bahawa kita terlalu banyak agensi di Terengganu ini, ada agensi, ada banyak yayasannya yang membuat kerja yang sama, ada pertindihan kerja-kerja yang tidak menguntungkan rakyat Terengganu dan dirasakan perlu ada proses rasionalisasi di mana semua agensi-agensi sosialnya, semua agensi-agensi ekonominya diletakkan di bawah tempat-tempat mereka, agensi-agensi ekonominya diletakkan di bawah satu payung, agensi-agensi sosialnya diletakkan di bawah satu payung dan untuk menyelaraskan agensi-agensi yang membuat pelaburan, yang membuat aktiviti-aktiviti ekonomi di bawah satu payung sebab itulah kita tubuhkan apa yang dikatakan Terengganu Incorporated ataupun Terengganu Inc. InsyaAllah, kita akan melihat PTB, Tabung Warisan dan juga semua anak-anak syarikat itu akan diselaraskan melalui satu cara dan bukan suatu perkara baru sebenarnya kerana inilah yang dilakukan oleh Kerajaan Pusat melalui Khazanah, inilah yang dilakukan oleh Kerajaan Singapura melalui Temasik, inilah yang dilakukan oleh Johor melalui Johor Corp. Walaupun kita tidak menggunakan model mereka 100 peratus tetapi kita beruntung kerana kita boleh melihat apakah kesilapan-kesilapan yang telah dilakukan oleh mereka dan kita memperbaiki kesilapan-kesilapan tersebut. Dan insyaAllah, kita harap dengan cara ini aset itu akan dapat diurus dengan lebih efektif agar pulangannya lebih tinggi. Contoh-contoh penggabungan ini bukanlah perkara luar biasa dan juga kalau kita lihat dalam dunia, dalam negara kita bagaimana BCB bergabung dengan Southern Bank, bagaimana Mercedez bergabung dengan Chyrisler dan sebagainya dan juga kita berjanji bahawa rakyat tidak perlu takut kerana ia tidak akan melibatkan pembuangan pekerja, kita hanya ingin menyelaraskan kerja-kerja mereka dan dia tidak melibatkan orang luar ini semua kerja anak-beranak sebenarnya. Jadi tidaklah kita perlu runsing bahawa akan wujudnya pembuangan, akan wujudnya orang *hostile take over*, dengan izin Yang Dipertua, kerana ini merupakan kerja dalaman yang saya sendiri memantaunya, yang jadi Pengerusinya saya sendiri. Saya beritahu kepada rakyat Terengganu ini bahawa tidak perlu kita takut tentang perkara tersebut kerana kalau kita ingin melihat Terengganu ini maju, kalau kita ingin melihat Terengganu bergerak dengan lebih ke hadapan lagi inilah perubahan-perubahan yang perlu

kita lakukan. Sebab itu saya mengatakan orang Terengganu perlu berubah kalau kita mahu bersaing di peringkat global, kalau kita ingin melahirkan *'khairul ummah',* kita kena ubah cara kita, kita kena ubah cara kita bekerja sebab itulah kita ada program-program TER's yang menjadi ucapan Duli Yang Maha Mulia. Kita ada cara-cara kita yang berbeza, kita mempastikan pegawai-pegawai kita menggunakan *communicator* di mana kita boleh berhubung 24 jam sehari, 7 hari seminggu. Telah menjadi budaya kita sekarang ini kita berhubung, demikian saya rasa kita merupakan negeri yang pertama dalam sejarah dan bukan sahaja di negara kita dan saya percaya jika adanya satu kajian yang dibuat mungkin kita merupakan negeri yang pertama mungkin dalam dunia yang menggunakan sistem tersebut, tuan-tuan dan puan-puan ..... (Tepukan Sokongan) ..... Kita perlu berubah bukan hanya cara kita berfikir tetapi juga cara kita bekerja dan cara kita membuat segala-galanya. Kalau kita lihat tentang kritik ini memang tak habis, saya ada terima satu naskhah akhbar yang sentiasa dikatakan tentang 'Pengundi Mati Hadir Bicara Petisyen Pilihan Raya'. Hak mati dah hadir lagi ni, ini tuduhan bukan dia tak mengundi, dia mengundi tapi dia hadir kerana memang dia tak mati tetapi dituduh mati oleh Parti Paslah semasa Pilihan Raya di Pengkalan Pasir baru-baru ini, ada orangnya ada tetapi oleh kerana kalau kalah ada sebabnya hak pengundi hantulah, tak hantulah, belaka-lakalah, ini jelas. Kita merasa sedihlah nama semua ada keluar dalam Utusan Malaysia ini, bukan nak kempen Utusan Malaysia tetapi benda hakikatnya, jelas. Inilah orang kata bila buat petisyen, diapun sedihlah mengapa menyusahkan dia pulak, hak kerja tak boleh kerja kerana dikatakan dia ini mati dah. Inilah ungkapan-ungkapan yang kita dengar sentiasa. Kalau kita nak dengar kepada kritikan, Jambatan Sultan Mahmud tidak boleh kita bina dah, jambatan hak duk sohor tu, hak tak pakai tol dah lening tu tidak boleh kita bina, orang Terengganu kena ingat, jangan kita lupa jika kita dengar kepada kritik-kritik Pembangkang kita tidak boleh bina Jambatan Sultan Mahmud, jika kita dengar kritikan Pembangkang dahulupun kita tidak boleh bina KUSZA, dulupun ada mereka mengatakan kita tidak perlu bina KUSZA, mengapa guna duit negeri untuk bina KUSZA, sekarang ini, tengok lepas ini kita akan dengar mereka akan menghujah mengapa kita serahkan KUSZA kepada Kerajaan Pusat ataupun sebagainya, dia akan marah terbalik ni, jadi kerja dia kritik saja. Mari dia bangun tu, celik tu nak kritik saja.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, laluan. Adakah itu *pesen* dia?

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Ikutlah *pesen tak pesen,* ikut dialah. Dan hari Sabtu yang lalu saya ingat saya beri Sijil Amanah Saham Nasional, ini pasal nak kritik ni, dia kata masa kerajaan dahulu memerintah dia beri jugak, sebelum dia memerintah dia kata haram, masa dia memerintah dia beri. Ini perkara-perkara kita jangan lupa, saya nak beritahu kepada rakyat Terengganu, kepada rakyat Malaysia, kita orang Melayu, orang Islam, jangan kita lupa bahawa kerja mengkritik ini tak habis. Masa mereka bukan kerajaan/Barisan Nasional – haram, masa mereka kerajaan mereka beri balik – halal. Masa kita nak tubuhkan Bank Islam begitu jugak, haram, kadang-kadang ini bukan perkara baru, kadang-kadang kita lupa kerana syok kita mendengar ucapan-ucapan mereka dengan ayat-ayat mereka. Saya nak beritahu bahawa rakyat Terengganu tidak akan lupa bagaimana pintu pagar ditutup semasa mereka mula memerintah, rakyat Terengganu tidak akan lupa, Exco-exco tidak akan lupa bagaimana kereta dirampas, kita tidak akan lupa bagaimana mereka menghalau kanak-kanak Tadika Kemas, D.O.-D.O. tidak akan lupa

bagaimana JSR memberi amaran kepada mereka, rakyat tidak akan lupa bagaimana syarikat RM2.00 dikatakan boleh membina lebuh raya, pegawai-pegawai kerajaan tidak akan lupa bahawa ada wujudnya Exco Pentadbiran Awam dahulu yang mengambil balik kuasa pentadbiran daripada pegawai-pegawai kerajaan, rakyat tidak akan lupa bagaimana kotornya Bandar Kuala Terengganu dahulu, rakyat tidak akan lupa bagaimana MRSM ditutup, rakyat tidak akan lupa bagaimana pembohongan minyak dijumpa di darat dan rakyat tidak akan lupa banyak lagi pembohongan-pembohongan ataupun penyelewengan-penyelewengan yang telah didedahkan oleh kawan-kawan saya tadi, Yang Berhormat-Yang Berhormat semasa pemerintahan mereka yang terdahulu. Dan saya mengatakan jika umat Islam tidak sanggup berubah daripada budaya mengkritik kepada budaya melaksana, jika umat Islam tidak mahu berubah daripada budaya mengguna kepada budaya mencipta, kita lihat budaya mencipta bukan perkara baru kalau kita lihat dalam Surah Saba' ayat 10 dan ayat 11 bagaimana dikisahkan tentang Nabi Daud yang boleh mencipta baju besinya dengan menggunakan logam yang lebih ringa, yang lebih fleksibel, yang boleh berperang yang mana dia berjaya di medan peperangan. Bagaimana dikisahkan tentang Nabi Sulaiman menggunakan kuasa angin, dengan izin, *turbo power* yang mana digunakan oleh orang-orang barat sekarang ini untuk memajukan mereka sebab itulah jika kita tidak mahu berubah sikap guna kepada sikap cipta dan tidak mahu berubah sikap terima kepada sikap memberi .....

YANG BERHORMAT HAJI WAN HISHAM BIN WAN SALLEH (Wakil Ladang): Dato' Yang Dipertua, penjelasan sekejap. Pembangkang juga pandai reka cipta jugak Dato' Seri, dia reka cipta cerita.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Tak apalah, saya tak perlu panjangkan sangatlah. Sebab itulah kita dalam proses, saya katakan agar kita mempunyai budaya laksana, budaya cipta dan budaya memberi, satu masyarakat yang dikatakan 'Masyarakat Hadhari' yang sedang kita lakukan di Negeri Terengganu masa kini.

Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih yang tidak terhingga kepada Haji Azmi Moktar, Setiasuaha Dewan yang bertugas dengan cemerlang, ...(Tepukan Sokongan) ..... yang kita doakan agar terus diberi keberkatan penghidupan semasa persaraan beliau. Terima kasih kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat sama ada daripada Barisan Nasional ataupun daripada Pas .....

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN HAJI NUH (Wakil Tepoh): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, mohon sikit saja Yang Amat Berhormat Dato' Seri, mungkin Yang Amat Berhormat terlupa akan pantun saya, Yang Amat Berhormat tak jawab lagi.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Pantun mana tu?

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN HAJI NUH (Wakil Tepoh):

Dato' Seri MB Terengganu,
Pentadbiran berpaksikan Islam Hadhari,

Kepadamu Dato' Seri kami rakyat Kuala Nerus merayu,
Berilah kepada kami pentadbiran sendiri.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Jawab dah. Exco jawab dahkan tadi .....(Dewan Gelak) ..... Berapa kali nak jawabnya. Itulah kerja-kerja Exco sebenarnya. Mana-mana yang dia tak jawab, saya jawablah. Hak dia rasa tak boleh jawab, saya jawab sebab itulah hak saya pendek sikit daripada hak lain.

Terima kasih kepada semua Yang Berhormat-Yang Berhormat walaupun ada juga saya nak menyatakan bukan semua yang dikatakan oleh Yang Berhormat Pas itu tidak boleh digunakan, yang baik kita ambil sebagai satu pedoman dan saya nak mengumumkan sikit, saya maafkanlah pada hari ini apa yang dikatakan walaupun apa niat sekalipun kepada saya, saya maafkan. Saya sebagai seorang Islam merasakan bahawa tidak perlu kita bermusuh sesama kita. Saya mengucapkan terima kasih kepada pegawai-pegawai kerajaan, kepada rakyat Terengganu, kepada askar dan Polis yang telah menjaga keamanan kita, kepada penonton-penonton di Bestari.Com masa kini di 32 pusat sebenarnya yang sedang menonton persidangan ini, 'Selamat Menonton'. Saya percaya banyak lagi yang perlu kita lakukan dan saya mengatakan bahawa saya ingin memberi khidmat apa yang baik untuk rakyat, baiklah untuk saya *anuridu-islah-hamastato'* , saya akan cuba sebaik-baiknya. Sekian, assalamualaikum.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih. Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat, Penggulungan daripada pihak kerajaan telahpun selesai berhubung dengan Titah Di Raja sekarang saya buka kepada undian.

Usul ini kemudian dihadapkan kepada mesyuarat dan dipersetujui dengan suara terbanyak.

USUL INI DITERIMA.

RANG UNDANG-UNDANG

ENAKMEN PENYEMAKAN UNDANG-UNDANG (NEGERI TERENGGANU) 2006

Bacaan Kali Yang Pertama

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan Rang Undang-Undang bernama Suatu Enakmen bagi membuat peruntukan untuk menyemak dan cetakan semula undang-undang dan perundangan subsidiari dalam Negeri Terengganu Darul Iman, dibaca bagi kali yang pertama.

YANG BERHORMAT ENCIK ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mohon menyokong cadangan itu.

RANG UNDANG-UNDANG BERNAMA SUATU ENAKMEN BAGI MEMBUAT PERUNTUKAN UNTUK MENYEMAK DAN CETAKAN SEMULA UNDANG-UNDANG DAN PERUNDANGAN SUBSIDIARI DALAM NEGERI TERENGGANU DARUL IMAN DIBACA BAGI KALI YANG PERTAMA.

Bacaan Kali Yang Kedua

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-Undang bernama Suatu Enakmen bagi membuat peruntukan untuk menyemak dan cetakan semula undang-undang dan perundangan subsidiari dalam Negeri Terengganu Darul Iman, dibaca bagi kali yang kedua.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi penyemakan dan pencetakan semula undang-undang dan undang-undang subsidiari di Negeri Terengganu.

Fasal 1 Rang Undang-Undang ini mengandungi tajuk ringkas dan kuasa Duli Yang Maha Mulia Sultan untuk menetapkan tarikh permulaan kuat kuasa Enakmen yang dicadangkan.

Fasal 2 bertujuan untuk mentakrifkan perkataan dan ungkapan tertentu yang digunakan dalam Rang Undang-Undang ini.

Fasal 3 memberi kuasa kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan untuk melantik Penasihat Undang-Undang Negeri Terengganu sebagai Pesuruhjaya Penyemak Undang-Undang.

Fasal 4 bertujuan untuk menyatakan bahawa undang-undang yang disemak hendaklah dicetak oleh pencetak yang dilantik oleh Pesuruhjaya.

Fasal 5 bertujuan untuk menyatakan pelbagai kuasa Pesuruhjaya dalam menyemak dan mencetak semula undang-undang dan perundangan subsidiari.

Fasal 6 bertujuan untuk menyatakan cara menyusun undang-undang yang disemak.

Fasal 7 memperuntukkan mengenai penyiaran undang-undang yang telah disemak oleh Pesuruhjaya.

Fasal 8 memperkatakan tentang siapnya penyemakan undang-undang yang diperbuat sebelum tarikh berkuat kuasa Enakmen yang dicadangkan dan perakuan tentang siapnya penyemakan itu melalui pemberitahuan dalam Warta.

Fasal 9 memperkatakan mengenai peruntukan kecualian bagi perundangan subsidiari yang sedia ada.

Fasal 10 memperkatakan mengenai penyemakan dan penyiaran perundangan subsidiari sesuatu undang-undang yang disemak.

Fasal 11 memperkatakan mengenai cetakan semula mana-mana undang-undang, sama ada disemak atau tidak.

Fasal 12 bertujuan untuk memberi Pesuruhjaya kuasa untuk membenarkan cetakan semula diterbitkan jilid demi jilid.

Fasal 13 memperkatakan tentang penyediaan dan penerbitan laporan kemas kini undang-undang yang mengandungi pindaan terkini kepada sesuatu cetakan semula.

Fasal 14 memperkatakan tentang pembetulan apa-apa kesilapan mengenai tulisan, cetakan atau kesilapan lain dalam mana-mana undang-undang.

Fasal 15 bertujuan untuk menjelaskan makna rujukan mengenai nombor barisan sesuatu peruntukan dalam mana-mana undang-undang.

Fasal 16 bertujuan untuk meletakkan Enakmen ini sebagai Enakmen yang pertama dan dinomborkan sebagai Enakmen 1 dalam siri "Undang-Undang Negeri Terengganu".

Fasal 17 memperkatakan tentang pemansuhan Enakmen Edisi Undang-Undang Semakan [Enakmen No. 10, 1357] dan pemberhentian pemakaian seksyen 120 Akta Tafsiran 1947 dan 1968.

Implikasi Kewangan

Rang Undang-Undang ini akan melibatkan Kerajaan Negeri dalam perbelanjaan wang tambahan yang amaunnya belum dapat ditentukan sekarang ini.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan. Terima kasih.

YANG BERHORMAT ENCIK ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mohon menyokong cadangan itu.

Oleh kerana tiada Ahli Yang Berhormat yang hendak berucap, Rang Enakmen ini kemudiannya dihadapkan kepada mesyuarat dan dipersetujui dengan sebulat suara.

RANG UNDANG-UNDANG BERNAMA SUATU ENAKMEN BAGI MEMBUAT PERUNTUKAN UNTUK MENYEMAK DAN CETAKAN SEMULA UNDANG-UNDANG DAN PERUNDANGAN SUBSIDIARI DALAM NEGERI TERENGGANU DARUL IMAN DIBACA BAGI KALI YANG KEDUA.

Dalam Jawatankuasa

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Mesyuarat sekarang menjadi Jawatankuasa.

RANG UNDANG-UNDANG BERNAMA SUATU ENAKMEN BAGI MEMBUAT PERUNTUKAN UNTUK MENYEMAK DAN CETAKAN SEMULA UNDANG-UNDANG DAN PERUNDANGAN SUBSIDIARI DALAM NEGERI TERENGGANU DARUL IMAN TELAH DITIMBANGKAN DARI SEFASAL KE SEFASAL DAN TELAH DIPERSETUJUI DENGAN TIADA PINDAAN DENGAN SEBULAT SUARA.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Mesyuarat balik semula.

Bacaan Kali Yang Ketiga

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya maklumkan bahawa Rang Enakmen ini telah ditimbangkan di dalam Jawatankuasa dan telah dipersetujui dengan tiada pindaan. Saya mohon mencadangkan supaya Rang Enakmen ini dibaca bagi kali yang ketiga dan diluluskan.

YANG BERHORMAT ENCIK ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mohon menyokong cadangan itu.

Cadangan supaya Rang Enakmen ini dibaca bagi kali yang ketiga dihadapkan kepada mesyuarat dan dipersetujui dengan sebulat suara.

RANG UNDANG-UNDANG BERNAMA SUATU ENAKMEN BAGI MEMBUAT PERUNTUKAN UNTUK MENYEMAK DAN CETAKAN SEMULA UNDANG-UNDANG DAN PERUNDANGAN SUBSIDIARI DALAM NEGERI TERENGGANU DARUL IMAN DIBACA BAGI KALI YANG KETIGA DAN DILULUSKAN.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Rang Enakmen ini diluluskan dan menjadi **Enakmen 1.**

ENAKMEN KOLEJ UGAMA SULTAN ZAINAL ABIDIN (PEMBUBARAN) 2006

Bacaan Kali Yang Pertama

YANG BERHORMAT DATO' DR. HAJI ABDUL LATIFF BIN AWANG (Wakil Bukit Payong): Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan Rang Undang-Undang bernama Suatu Enakmen bagi memansuhkan Enakmen Kolej Ugama Sultan Zainal Abidin 1981, untuk membubarkan Kolej Ugama Sultan Zainal Abidin yang ditubuhkan di bawah Enakmen itu, untuk memindah milik kepada dan meletakhak ke atas Kerajaan Negeri Terengganu semua aset dan liabiliti Kolej dan bagi memperuntukkan perkara-perkara lain yang berkaitan dengannya, dibaca bagi kali yang pertama.

YANG BERHORMAT HAJI KHAZAN BIN CHE MAT (Wakil Batu Rakit): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mohon menyokong cadangan tersebut.

RANG UNDANG-UNDANG BERNAMA SUATU ENAKMEN BAGI MEMANSUHKAN ENAKMEN KOLEJ UGAMA SULTAN ZAINAL ABIDIN 1981, UNTUK MEMBUBARKAN KOLEJ UGAMA SULTAN ZAINAL ABIDIN YANG DITUBUHKAN DI BAWAH ENAKMEN ITU, UNTUK MEMINDAH MILIK KEPADA DAN MELETAKHAK KE ATAS KERAJAAN NEGERI TERENGGANU SEMUA ASET DAN LIABILITI KOLEJ DAN BAGI MEMPERUNTUKKAN PERKARA-PERKARA LAIN YANG BERKAITAN DENGANNYA, DIBACA BAGI KALI YANG PERTAMA.

Bacaan Kali Yang Kedua

YANG BERHORMAT DATO' DR. HAJI ABDUL LATIFF BIN AWANG (Wakil Bukit Payong): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-Undang bernama Suatu Enakmen bagi memansuhkan Enakmen Kolej Ugama Sultan Zainal Abidin 1981, untuk membubarkan Kolej Ugama Sultan Zainal Abidin yang ditubuhkan di bawah Enakmen itu, untuk memindah milik kepada dan meletakhak ke atas Kerajaan Negeri Terengganu semua aset dan liabiliti Kolej dan bagi memperuntukkan perkara-perkara lain yang berkaitan dengannya, dibaca bagi kali yang kedua.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Rang Undang-Undang ini bertujuan memansuhkan Enakmen Kolej Ugama Sultan Zainal Abidin 1981 dan membubarkan Kolej Ugama Sultan Zainal Abidin yang ditubuhkan di bawah Enakmen itu.

Fasal 1 Rang Undang-Undang ini mengandungi tajuk ringkas dan kuasa Duli Yang Maha Mulia Sultan untuk menetapkan tarikh permulaan kuat kuasa Enakmen yang dicadangkan.

Fasal 2 bertujuan untuk mentakrifkan perkataan dan ungkapan tertentu yang digunakan dalam Rang Undang-Undang ini.

Fasal 3 dan *4* mengadakan peruntukan bagi pembubaran Kolej dan bagi penurunan kuasa, hak, keistimewaan, kewajipan, liabiliti dan obligasi Kolej kepada Kerajaan Negeri.

Fasal 5 mengadakan peruntukan bagi perpindahan semua harta alih dan tak alih dan aset-aset lain Kolej kepada Kerajaan Negeri.

Fasal 6 mengadakan peruntukan bagi perpindahan semua wang yang ada pada, atau kena dibayar kepada, Kolej, kepada Kerajaan Negeri.

Fasal 7 mengadakan peruntukan bagi penguatkuasaan segala kontrak yang sedia ada oleh atau terhadap Kerajaan Negeri sebagai ganti Kolej.

Fasal 8 mengadakan peruntukan bagi penerusan prosiding undang-undang oleh atau terhadap Kerajaan Negeri sebagai ganti Kolej.

Fasal 9 mengadakan peruntukan bagi penerusan semua undang-undang bertulis termasuk perundangan subsidiari yang menyentuh atau melindungi Kolej dengan mentafsirkan sebutan-sebutan mengenai Kolej sebagai sebutan-sebutan mengenai Kerajaan Negeri.

Fasal 10 mengadakan peruntukan bagi pemberian kuasa kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan untuk membuat perintah bagi maksud menghapuskan apa-apa kesukaran yang mungkin timbul berkaitan dengan pelaksanaan Enakmen yang dicadangkan.

Implikasi Kewangan

Rang Undang-Undang ini akan melibatkan Kerajaan Negeri dalam perbelanjaan wang tambahan, yang amaunnya belum dapat ditentukan sekarang ini.

Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, saya mohon mencadangkan. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI KHAZAN BIN CHE MAT (Wakil Batu Rakit): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mohon menyokong cadangan itu.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Rang Enakmen ini telah mendapat sokongan bagi bacaan kali yang kedua. Sekarang saya buka untuk perbahasan. Ada Yang Berhormat yang ingin mengambil bahagian? Sila.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya ingin mengambil kesempatan untuk membahaskan dan mengambil masa yang agak singkat sekadar untuk menyatakan sikap yang amat sedih dan kecewa apabila KUSZA ini hendak dibubarkan kerana ini soal prinsip,

ini soal dasar dan kami Pembangkang seperti mana yang kami selalu sebut, kami bukan bangkang *semborono*. Saya teringat pada dua-tiga hari lepas bekas Perdana Menteri kata perlu ada Pembangkang yang kuat sebagai *check and balance,* Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua. Dan, saya tak setujulah bila Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar menyatakan bahawa dulu waktu tubuh KUSZA ini kita ni bangkang saja. Waktu penubuhan KUSZA kalau kita tengok dari segi Enakmen Penubuhan KUSZA dulu, ditubuhkan pada 1981, selama 25 tahun yang lepas, tahun '81 kami takdok seorangpun dalam Dewan Undangan Negeri, tahun '78 hingga '82, sesi Dewan pada ketika itu tak adapun Wakil Pembangkang, tahun '82 baru ada 5 orang. Jadi tak timbul kita membangkang membabi buta ataupun kita dituduh untuk nak cari salah dan silap semata-mata, tidak. Ini soal dasar yang kita rasa kita ambil tanggungjawab sama untuk memberikan pandangan kita. Jadi oleh yang demikian, berhubung dengan pembubaran KUSZA ini, saya sebut tadi saya amat sedih dan kecewa kerana KUSZA ini selama 25 tahun yang lepas banyak jasa dia. Sebagai institusi pengajian di peringkat negeri ini berjaya untuk melahirkan ribuan pelajar yang sekarang ini sedang berkhidmat dalam negeri dan juga negara. Dalam suasana sekarang ini Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, semua negeri dalam negara kita, hampir semua negeri termasuk Perlis dan parti-parti politik duk ghairah nak tubuh pusat-pusat pendidikan tinggi, MCA ada pusat pengajian tinggi dia, MICpun ada, negeri-negeri lain semua ada. Dalam keadaan itu kita nak tutup, nak bubar. Nak bubar KUSZA tapi pada waktu yang sama kita pulak berusaha untuk buat masuk IPTS (swasta), itu Kolej Universiti Swasta, Insititut Pengajian Tinggi Swasta, katanya dah dua dah bersetuju nak tubuh di Terengganu, hak ada ni kita nak bubar. Jadi Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, bukan kita nak bangkang, kita tak setuju dengan penubuhan Universiti Darul Iman. Kita dari segi penubuhan universiti apa jugak pusat pengajian tinggi untuk kebaikan rakyat kita setuju. Tapi sepatutnya KUSZA itu sendiri dinaik tarafkan dan dikekalkan dengan *status quo* yang ada bukan semata-mata kerana Kerajaan Negeri hendak menyelamatkan RM80 juta setahun untuk ongkos membiayai KUSZA ini maka untuk ambil jalan mudah kita serah sahaja kepada Pusat melalui UDM.

Dan, saya cukup sedih sekali lagi saya bukan takmboh bercakap panjang tetapi masa sudah lewat kerana akhirnya KUSZA ini akan hanya ada pada nama tetapi entitinya tidak akan ada lagi selepas pada ini. Lambang dan identitinya dihilangkan, barangkali inilah Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, bila bubar KUSZA menggambarkan antara kejayaan Kerajaan Islam Hadhari Terengganu Bestari. Sekadar itulah, terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih. Ada lagi? Sila.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABD. MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua-ketua Jabatan dan Pemerhati yang dirahmati Allah.

Dato' Yang Dipertua, perkara mematikan, memansuhkan suatu institusi yang telahpun menjadi harapan milikan rakyat ini adalah suatu perkara yang besar. Dewan ini terdahulunya meminta diluluskan Enakmen Penubuhan, sekarang ini Dewan ini juga diminta meluluskan suatu Enakmen Memansuhkan tetapi kita tidak diberitahu apakah

selepas itu, apakah tujuan sebenarnya meletakkan kepada kerajaan. Walaupun kita boleh andai apa yang tersirat tetapi Dewan perlukan kepada ketelusan dan fakta yang jelas.

Dato' Yang Dipertua, Pembangkang bukanlah sekadar membangkang dan kita tidak pernah terlibat dengan penubuhan ini kerana kita tidak ada dalam Dewan. Namun demikian, Dato' Yang Dipertua, kalaulah Kerajaan Pusat memahami dan melaksanakan tanggungjawabnya mengikut Perlembagaan, perkara-perkara berkait dengan pendidikan adalah tanggungjawab Kerajaan Pusat sepenuhnya. Tetapi malangnya, mutakhir ini pendidikan ini dijadikan isu politik, kempen pilihan raya, janji pilihan raya dan telahpun terbukti di beberapa tempat hasil kemenangan kita bagi universiti. Ini tidak berpelembagaan Dato' Yang Dipertua kerana jelas bahawa perlembagaan peruntukan, *education* dengan izin, pendidikan adalah tanggungjawab Pusat kerana beban membiayai institusi pendidikan ini bukanlah sedikit. Sarawak memperolehinya, Kelantan khabarnya akan memperolehinya, dan Terengganu juga akan memperolehinya. Kalaulah benar-benar Pusat ikhlas dengan perkara ini, kenapa nak diambilkan yang kita? Kenapa nak dimatikan yang kita? Sila sempurnakan janjinya beri satu universiti dan KUSZA yang pada hari ini, Dato' Yang Dipertua, saya ingin, dengan izin, membaca sejarah KUSZA. KUSZA mula diwujudkan pada 27 Januari 1980. Sejak itu kampus ini mula digunakan pada bulan Januari 1980 dan kampusnya sebagai kampus utama sehingga hari hari ini. Dalam bulan Jun 1982, KUSZA mula menawarkan program Diploma Pengajian Islam dan seterusnya KUSZA sebagai sebuah institusi pengajian tinggi yang berteraskan Islam. Sejak penubuhannya hinggalah ke hari ini telah dipimpin oleh 5 orang Pengarah dan sebagainya tetapi apa yang hendak dinyatakan di sini adakah KUSZA gagal di dalam menjalankan tugas dan memenuhi aspirasi rakyat dan Negeri Terengganu? Hari ini KUSZA telah menawarkan dan lebih daripada 23 program diploma dipelbagai bidang. 3 Diploma Lanjutan serta Program Persijilan, saya tak perlu baca Dato' Yang Dipertua kerana panjang sangat, 23 mencukupi. Agama dan *Technology Studies*, dengan izin, pengajian-pengajian yang berkait dengan teknologi. Kini setelah hampir 25 tahun berdirinya gedung ilmu ini KUSZA telah mendapat pelbagai pengiktirafan akademik dari universiti tempatan, Timur Tengah dan Barat. Adalah menjadi tanggungjawab jentera pentadbiran dan seluruh keluarga KUSZA yang lain bagi memastikan kolej perdana yang tercinta ini terus melahirkan cendekiawan Islam yang selari dengan falsafah serta adab kolej. Adalah diharapkan dengan pencapaian setakat ini, KUSZA akan terus berkembang menjadi sebuah pusat pengajian tinggi Islam yang ulung di rantau sebelah ini. Pencapaian ini adalah salah satu hasil usaha berterusan ke arah menjadikan KUSZA sebagai kolej universiti yang menawarkan kursus-kursus di peringkat yang lebih tinggi. Adakah kita walaupun tak suka orang lama mahu meninggalkan jasa mereka, pandangan-pandangan mereka, visi dan misi yang telah mereka berikan kepada Negeri Terengganu ini. Dato' Yang Dipertua, falsafah penubuhan.

Objektif –

- Melaksanakan Sistem Pendidikan Islam yang lebih sistematik.
- Melahirkan generasi muslim yang berilmu dan mampu menyebarkan Islam menurut Al-Quran dan Al-Sunnah.
- Mendekatkan masyarakat ke arah menghayati Islam sebagai suatu cara hidup ummah.

- Mewujudkan golongan profesional, semi-profesional yang berteraskan Islam.

- Meningkatkan kemajuan ummah dan pembangunan masyarakat selaras dengan Islam.

Pertumbuhan dan perkembangan yang dinyatakan sekejap tadi menepati objektif penubuhan. Tiba-tiba oleh kerana terlalu ghairah untuk mendapat UDM, janji pilihan raya Pusat kalau dapat balik Negeri Terengganu kepada Umno kita buat universiti. Sedangkan tanggungjawab menubuhkan universiti itu masih kekal dan akan kekal selama-lamanya mengikut Perlembagaan Malaysia kepada Kerajaan Pusat. Jalan keluar pada ketika itu, tahun 1980 pimpinan Umno untuk meninggikan mutu dan taraf penuntut-penuntut, anak-anak orang Terengganu yang ketinggalan sekian lama dari sudut pendidikan, perolehan peningkatan ekonomi yang lebih baik, maka kepimpinan ketika itu berwawasan menubuhkan kolej ini. Walaupun pendapatan negeri pada ketika itu hanyalah baru sahaja menerima tambahan hasil daripada bayaran royalti petroleum. Pada ketika itu hasil tahunan tidak melebihi RM230 juta setahun tapi pada hari ini dengan Bajet 2006 kita mempunyak RM1.7 bilion, bajet ini akan berulang balik, kenapa KUSZA yang RM80 juta ini tak dapat kita biayai dan tanggung untuk memberi kemudahan-kemudahan, kesenangan-kesenangan kepada anak Terengganu yang masih lagi memerlukan tempat-tempat di institut pengajian tinggi. Walaupun UDM mungkin akan ada sebagai yang tersirat tetapi apa salahnya kita mempunyai satu UDM dan ini jugak akan berkembang dengan universiti kerana inilah hasil usaha yang dibuat oleh pemimpin-pemimpin Negeri Terengganu sendiri yang tidak ada cacat cela daripada prestasi kemajuan terbaik dan terunggul seperti mana yang dihasrat. Bukanlah sekadar kita hendak membangkang tapi kita mahu mengekalkan ini dan menaikkan taraf kepada taraf universiti. Dato' Yang Dipertua, kita tahu bila ianya pergi kepada universiti di bawah kawalan Pusat maka kita tidak ada lagi kawalan. Penubuhannya seperti mana yang saya bacakan tadi – objektif, berkisar kepada Islam dan kemajuan Islam yang mana Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia masih lagi sebagai Ketua Agama Islam merestui penubuhan dengan harapan Islam akan dikekalkan sebagai matlamat kemajuan pembangunan dan dihayati oleh rakyat Negeri Terengganu.

Dato' Yang Dipertua, kita telah banyak kali kecewa bila mana kita mempunyai perjanjian dengan Kerajaan Pusat dan Kerajaan Pusat juga mengambil kesempatan di atas kekuatan kuasa Pusat dalam keadaan-keadaan yang tertentu. Dengan izin, Dato' Yang Dipertua, saya ingin rujuk kepada Perjanjian Bayaran Royalti Petroleum.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Saya tidak benarkan kerana ia masih lagi dalam peringkat mahkamah.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABD. MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Dato' Yang Dipertua?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sekarang ini bincang soal KUSZA.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABD. MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Saya tidak bincang soal itu, soal perjanjian saya kata. Perjanjian ini telah mengecewakan Negeri Terengganu .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Saya tidak benarkan.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABD. MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Kemudian kita pergi kepada Perjanjian MRSM(YT) di mana pada ketika itu kuasa politik Terengganu berpindah tetapi MRSM(YT) yang mempunyai hak kuota paling kurang 80 peratus rakyat Terengganu tetapi oleh kerana kuasa duduk di sana mahu diperluaskan supaya 80 peratus ini diturunkan dan dibenarkan penuntut-penuntut dari luar Negeri Terengganu mari ke sini maka timbul pemasalahan antara MRSM(YT) dengan Kerajaan Terengganu pada ketika itu sehingga ianya ditutup dan ianya dijadikan isu politik.

Yang kedua, Dato' Yang Dipertua, Perjanjian Gunasama PTA (Pegawai Tadbir Agama). Semalam saya dah katakan tetapi masih lagi pada hari ini kecewa .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat telah keluar berucap ni.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABD. MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Saya tak keluar, saya nak katakan hasil daripada perjanjian-perjanjian ini yang akan mengajar kita dan satu lagi yang akan datangnya ialah mengenai dengan air. Oleh itu, kewaspadaan kita, saya ingin merujuk kepada apa yang diucapkan oleh bekas Perdana Menteri kita, Tun Mahathir. Kalau dia kata mengenai dengan jambatan, *observationnya* (pemerhatiannya), dia kata dengan izin: *"We make a mistake of giving Singapore to the British. You want to give some more?"* Dengan izin: "Kita telah membuat kesilapan bila menyerahkan Singapura kepada British." Yang sebenarnya bukan kita yang menyerahkan Singapura kepada British, kita serahkan Singapura kepada Lee Kuan Yew pada ketika itu. "Adakah kita nak membuat satu lagi kesalahan ....."

YANG BERHORMAT ENCIK ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua ..... Terima kasih. Apakah kaitan penyerahan Singapura kepada Lee Kuan Yew dengan penyerahan KUSZA kepada UDM?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABD. MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Ini pengajaran, bekas Perdana Menteri memberi peringatan kepada kita pengajaran. Bila kamu lepaskan dia di luar kekuasaan kamu tidak ada lagi kawalan kita tengok dengan mata putih sahaja. Saya ingin membuat peringatan biarlah Dewan ini diberi dengan jelasnya apakah tujuan untuk diberi kepada negeri, adakah negeri apa yang tersirat nak serahkan kepada UDM? Kenapa kita tidak mempertahankan KUSZA ini dan mendesak supaya KUSZA ini diberi taraf peningkatan .....

YANG BERHORMAT ENCIK ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, pohon penjelasan?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABD. MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): ..... sedangkan ianya dalam proses perkembangan pertumbuhan yang cukup menjurus kepada sebuah universiti. Sekejap saja, saya bagi.

YANG BERHORMAT ENCIK ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): Pohon penjelasan, Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua .....

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABD. MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Sekejap, sekejap. Pada hari ini Dato' Yang Dipertua di Malaysia lebih daripada 500 institusi .....

YANG BERHORMAT ENCIK ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): ..... Bagilah laluan dulu.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Duduk dulu Yang Berhormat Alur Limbat.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABD. MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): ..... pendidikan tinggi telahpun diluluskan lesennya oleh Kerajaan Pusat tetapi Negeri Terengganu masih lagi ketinggalan walaupun kita ada banyak universiti. Di sana, di negeri-negeri lain tetapi banyak daripada penduduk-penduduk kita yang mengikut perkiraannya nombor 2 kemiskinannya dalam Malaysia ini kalaulah kita ada dua institusi tinggi (universiti) di Terengganu ini paling kurang peluang bagi mereka lebih senang. Lainlah kepada mereka-mereka yang berkeupayaan untuk menghantar anak-anak mereka ke pusat-pusat pendidikan tinggi yang lebih mahal. Oleh itu, ...

YANG BERHORMAT ENCIK ALIAS BIN ABDULLAH (Wakil Alur Limbat): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, pohon laluan? Terima kasih. Barangkali tak cukup lagi hantar hak lepas SPM baru-baru ini, rasa tak puas hati lagi barangkali. Yang saya nak tanya Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, apa persepsi Ahli Yang Berhormat Batu Burok terhadap status KUSZA sebagai pusat pengajian Islam sekiranya ianya diletakkan di bawah UDM?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABD. MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Dato' Yang Dipertua, inilah yang saya nak beritahu. Dewan ini tak sepatutnya diberi untuk meluluskan undang-undang ini tetapi diberi jaminan, diberi satu kertas kepada kita untuk kita memahaminya sebelum kita serahkan, sebelum kita matikan KUSZA. Sekarang ini kita tidak boleh buat apa, hanyalah nak meluluskan, angkat tangan, lulus, mati tetapi apa asasnya? Mestilah kertas yang lengkap, perbelanjaan yang lengkap, bukan sekadar kata-kata: "Oh perbelanjaan! Ada implikasi kewangan yang tapi tak tahu berapa harganya."

YANG BERHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, penjelasan. Marah ke guana tu?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABD. MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Saya tak marah. Yang Berhormat 'Payang' tak marah juga. Dato' Yang Dipertua, selain daripada KUSZA ini telah menunjukkan prestasi kemajuan pertumbuhan, kita mesti ingat berapa banyak sekolah-sekolah agama yang kita ada di Negeri Terengganu kita ini, adakah harapan ibu bapa yang menghantar ke Sekolah-sekolah Agama Negeri ini akan terkecewa

bila mana tidak ada lagi KUSZA ini. Paling kurang adanya KUSZA satu tempat yang boleh mereka fokuskan: "Anak aku akan pergi ke sana". Jadi oleh itu Dato' Yang Dipertua, bukanlah kami semata-mata nak bangkang tetapi ada justifikasinya. Saya harap Ahli-ahli Yang Berhormat yang ada pada hari ini melihat lebih objektif daripada nak menyerahkan sesuatu perkara yang kita dah ada, kita dah bina, tiba-tiba ianya dimasukkan di dalam sesuatu institusi yang dianggarkan akan kita nikmati tetapi kuasa tidak ada lagi.

Dato' Yang Dipertua, oleh itu saya mengharapkan dan mengingatkan sebagaimana yang dibangkitkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar tadi kita bukan sekadar membangkang, bila kita suarakan pandangan kita mengenai dengan pembinaan Jambatan Sultan Mahmud dulu, kita kata: "Ini jambatan sepatutnya ditanggung dan dibayar dengan peruntukan Pusat bukannya Negeri", kerana Negeri pada ketika itu baru sahaja memperolehi kewangan untuk membangun negeri sendiri tiba-tiba kita terpaksa membayar yang sepatutnya dibiayai oleh Pusat kita yang menanggungnya. Jadi kita kehilangan RM150 juta ketika itu. Jadi oleh itu, Dato' Yang Dipertua, dengan harapan kita melihat semula, mengkaji semula, *be more rational* dengan izin, Dato' Yang Dipertua, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian kerana ini akan melibatkan .....

YANG BERHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): ..... Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, penjelasan.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABD. MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): ..... kita semua dan anak-anak kita. Sekian, wabillahi taufik walhidayah. Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ada lagi yang hendak berucap? Pihak Kerajaan ada gulungan. Sila.

YANG BERHORMAT DATO' DR. HAJI ABDUL LATIFF BIN AWANG (Wakil Bukit Payong): Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih Wakil Wakaf Mempelam dan juga Batu Burok yang berhujah tentang KUSZA baru sebentar tadi. Sebenar dia orang dua orang inipun tahu. Dalam masa Pas dulu memerintah di Terengganu KUSZA di bawah mereka dan pelbagai pemasalahan di KUSZA ketika itu. Ketika itu KUSZA tidak ada status, tidak IPTS, tidak IPTA walaupun dahulunya di bawah JPA kerana di bawah Akta Pendidikan .....

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABD. MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Dato' Yang Dipertua, saya mintak penjelasan. Perkara ini tidak timbul dalam soal enakmen ini. Saya tahu .....

YANG BERHORMAT DATO' DR. HAJI ABDUL LATIFF BIN AWANG (Wakil Bukit Payong): .... Nanti saya terang dulu .....

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABD. MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): .... Inilah saya katakan satu kertas putih mesti diberi kepada kita .....

YANG BERHORMAT DATO' DR. HAJI ABDUL LATIFF BIN AWANG (Wakil Bukit Payong): Sekarang ini dia tahu pemasalahan yang ada di KUSZA dan kitapun tahu. Sebelum kita buat keputusanpun, saya sendiri dan Dato' Seri Menteri Besar berdialog dengan kesemua staf, pelajar, tanya pendapat. Ada 574 orang staf di KUSZA hari ini, tak ada seorangpun yang tak setuju nak dijadikan universiti. Daripada gaji cikgu DG naik DS pensyarah. Dan, KUSZA, tuan-tuan kena ingat, KUSZA hanya kolej, hanya boleh tawar kursus diploma sahaja, itu namanya KUSZA dari dulu sampai sekarang.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABD. MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Dato' Yang Dipertua, saya minta penjelasan.

YANG BERHORMAT DATO' DR. HAJI ABDUL LATIFF BIN AWANG (Wakil Bukit Payong): Nanti dulu .....

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABD. MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Saya mintak penjelasan. Saya kata tadi kita mesti berusaha untuk mendapatkan peningkatan dan menaikkan taraf kerana ini adalah usaha kerajaan dan sepatutnya kita ada dua universiti. Dan pada masa kita, kita tak ada masalah.

YANG BERHORMAT DATO' DR. HAJI ABDUL LATIFF BIN AWANG (Wakil Bukit Payong): Nanti nak terang dulu satu persatu, sabar sikit, lapar pelaka Dewan inipun. Dato' Yang Dipertua, maaf, maaf. Jadi kolej hanya setakat Diploma sahaja dan *Advance Diploma* (Diploma Lanjutan) itu sahaja. Jadi setakat nak hasil graduan Separa Profesional bolehlah, Profesional tidak boleh, kena ada *Degree. Degree* di KUSZA dibuat dengan cara *Twin Programme,* satu dengan East London University yang semasa Pas duk buat, universiti yang ranking 102 di England, kita tak ambil. Ini yang berlaku di KUSZA sekarang, tidak boleh dibuat, di*offer* kursus Ijazah, apa lagi Master dengan Phd. Dan yang paling teruk ialah tidak ada status .....

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABD. MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Mintak penjelasan. Tak boleh buat ini kerana sekatan Pusat kalau Pusat bersedia memberi laluan, tidak ada masalah.

YANG BERHORMAT DATO' DR. HAJI ABDUL LATIFF BIN AWANG (Wakil Bukit Payong): Di bawah Akta sekarang, tidak boleh buat, tidak boleh *offer* kursus peringkat Ijazah dan Masters di KUSZA. Soal Pusat tak buat itu soal lain, itu Kerajaan Pusat. Kita tak boleh bercakap begitu nak buat macam-macam, dia ada halangan-halangan dia di bawah Akta sebab itu KUSZA pada hari ini hanya menawarkan kursus Diploma dan Sijil dan hanya mampu mengeluarkan graduan bertaraf Separa Profesional. Alhamdulillah, dengan terbentuknya KUSZA sebagai satu entiti UDM maka sekaligus pada tahun depan, insyaAllah, peringkat Masters, Phd akan dapat di*offer,* ditawarkan di situ ..... (Tepukan Sokongan) .... Itu dari segi akademik, soal peruntukan tidak timbul, Yang Berhormat Dato' Rosol kata tadi lobi Wang Ehsan saja dekat RM60 juta dah, dekat nak raya. Kenapa KUSZA RM70 juta tidak boleh tanggung, kita boleh tanggung tetapi dari segi bagaimana caranya kita nak meningkatkan kualiti anak Terengganu, kualiti global yang melalui KUSZA ini insyaAllah saya beritahu caranya. Tentang anak Terengganu di KUSZA, saya nak beritahu kepada Ahli-ahli Dewan sekalian, di KUSZA, kita anggap KUSZA ini orang kata ramai orang

Terengganu, orang anggap tetapi data yang ada tuan-tuan sekalian semasa Pas memerintah Terengganu pelajar KUSZA dari Terengganu hanya 30 peratus sahaja, 100 orang pelajar 30 sahaja daripada orang Terengganu, hak lain semua orang luar Terengganu, ini data dia ada dengan saya. Waktu BN memerintah naik sikit, naik 50 peratus, hari ini pelajar KUSZA dari Terengganu 51 peratus naik sikit daripada 30 peratus. Sebab itu tidak timbul soal anak-anak kita dari sekolah-sekolah agama tidak dapat peluang untuk belajar di peringkat yang tinggi, tidak timbul. Jadi alhamdulillah, dengan terbinanya menjadi satu daripada entiti Universiti UDM alhamdulillah, kecemerlangan ilmu di KUSZA itu dapat kita tingkatkan lagi walaupun dulu Ahli Dewan Undangan Negeri kawasan mana saya tak tahu dari Pas mendakwa bahawa KUSZA adalah lubuk Pas, hari ini alhamdulillah tuan-tuan KUSZA adalah lubuk ilmu. Inilah Islam Hadhari yang dipimpin oleh Kerajaan Negeri. Sekaligus melihat kecemerlangannya, dengan R&Dnya, dengan kursus-kursus peringkat Sarjananya, dengan profesor-profesornya, hari ini kalau tidak naik KUSZA sebagai universiti tinggal DG situ gaji, dapat Phd tapi gaji DG sama taraf dengan cikgu, boleh ke lagu tu? Tak boleh, hari ini dengan adanya universiti, DS terus, Profesor terus, ini memberi peluang kepada mereka mengembangkan bakat sedia ada. Sebagai lubuk ilmu, Profesor-profesor kena ada bakat-bakat yang tertentu untuk melahirkan .....

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Penjelasan, Yang Dipertua. Penjelasan yang diberikan oleh Wakil Bukit Payong tadi, soalannya adakah kakitangan-kakitangan yang terlibat itu menentang penaiktarafan ini ataupun penyerahan ini kepada kerajaan?

YANG BERHORMAT DATO' DR. HAJI ABDUL LATIFF BIN AWANG (Wakil Bukit Payong): Setakat ini nak beritahu tiada seorangpun kakitangan daripada 574 itu yang menentang KUSZA dinaik tarafkan sebagai UDM, itu jawapan saya.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Soalan yang kedua, ertinya apa yang dibawa oleh Wakaf Mempelam dan Wakil Batu Burok nampaknya tidak relevan ataupun pendapat dia dua orang sahaja barangkali. Betul ke tidak?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABD. MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Dato' Yang Dipertua, bukan soal tidak relevan tetapi maknanya tidak ada universitilah yang diberi oleh Pusat. Hak KUSZA kita saja yang dinaik taraf.

YANG BERHORMAT DATO' DR. HAJI ABDUL LATIFF BIN AWANG (Wakil Bukit Payong): Betullah tu, saya tak payah berbalah banyaklah. Memang keuntungan kepada negeri dan Terengganu cukup baik sekali dan juga kepada kakitangan dan pelajar-pelajar, bayangkanlah pelajar-pelajar selama ini, Ahli Dewan sekalian lulusan KUSZA peringkat Diploma mencari-cari tempat untuk buat Ijazah, setengah pergi KUIN, setengah masuk Fakulti Islam di UKM dan lain-lain lagi. Hari ini alhamdulillah, dengan adanya KUSZA sebagai entiti Universiti mereka boleh terus masuk buat Ijazah, Masters dan Phd di KUSZA itu sendiri. Alhamdulillah, peluang cukup baik untuk anak-anak kita sambung belajar di situ. Saya ingat itu sahaja Dato' Yang Dipertua, penjelasan saya.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Okey, terima kasih.

Cadangan supaya Rang Enakmen ini dibaca bagi kali yang kedua dihadapkan kepada mesyuarat dan dipersetujui dengan suara terbanyak.

RANG UNDANG-UNDANG BERNAMA SUATU ENAKMEN BAGI MEMANSUHKAN ENAKMEN KOLEJ UGAMA SULTAN ZAINAL ABIDIN 1981, UNTUK MEMBUBARKAN KOLEJ UGAMA SULTAN ZAINAL ABIDIN YANG DITUBUHKAN DI BAWAH ENAKMEN ITU, UNTUK MEMINDAH MILIK KEPADA DAN MELETAKHAK KE ATAS KERAJAAN NEGERI TERENGGANU SEMUA ASET DAN LIABILITI KOLEJ DAN BAGI MEMPERUNTUKKAN PERKARA-PERKARA LAIN YANG BERKAITAN DENGANNYA, DIBACA BAGI KALI YANG KEDUA.

Dalam Jawatankuasa

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Mesyuarat sekarang menjadi Jawatankuasa.

RANG UNDANG-UNDANG BERNAMA SUATU ENAKMEN BAGI MEMANSUHKAN ENAKMEN KOLEJ UGAMA SULTAN ZAINAL ABIDIN 1981, UNTUK MEMBUBARKAN KOLEJ UGAMA SULTAN ZAINAL ABIDIN YANG DITUBUHKAN DI BAWAH ENAKMEN ITU, UNTUK MEMINDAH MILIK KEPADA DAN MELETAKHAK KE ATAS KERAJAAN NEGERI TERENGGANU SEMUA ASET DAN LIABILITI KOLEJ DAN BAGI MEMPERUNTUKKAN PERKARA-PERKARA LAIN YANG BERKAITAN DENGANNYA, TELAH DITIMBANGKAN DARI SEFASAL KE SEFASAL DAN TELAH DIPERSETUJUI DENGAN TIADA PINDAAN DENGAN SUARA TERBANYAK.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Mesyuarat balik semula.

Bacaan Kali Yang Ketiga

YANG BERHORMAT DATO' DR. HAJI ABDUL LATIFF BIN AWANG (Wakil Bukit Payong): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya maklumkan bahawa Rang Enakmen ini telah ditimbangkan di dalam Jawatankuasa dan telah dipersetujui dengan tiada pindaan. Saya mohon mencadangkan supaya Rang Enakmen ini dibaca bagi kali yang ketiga dan diluluskan. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI KHAZAN BIN CHE MAT (Wakil Batu Rakit): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mohon menyokong cadangan itu.

Cadangan supaya Rang Enakmen ini dibaca bagi kali yang ketiga dihadapkan kepada mesyuarat dan dipersetujui dengan suara terbanyak.

RANG UNDANG-UNDANG BERNAMA SUATU ENAKMEN BAGI MEMANSUHKAN ENAKMEN KOLEJ UGAMA SULTAN ZAINAL ABIDIN 1981, UNTUK MEMBUBARKAN KOLEJ UGAMA SULTAN ZAINAL ABIDIN YANG DITUBUHKAN DI BAWAH ENAKMEN ITU, UNTUK MEMINDAH MILIK KEPADA DAN MELETAKHAK KE ATAS KERAJAAN NEGERI TERENGGANU SEMUA ASET DAN LIABILITI KOLEJ DAN BAGI MEMPERUNTUKKAN PERKARA-PERKARA LAIN YANG BERKAITAN DENGANNYA, DIBACA BAGI KALI YANG KETIGA DAN DILULUSKAN.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Rang Enakmen ini diluluskan dan menjadi **Enakmen 2.**

TANGGUHAN

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan supaya Persidangan Dewan ditangguhkan kepada suatu masa yang akan ditetapkan kemudian.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, sebelum saya tangguhkan Dewan ini, saya mengambil kesempatan di sini mengucapkan setinggi penghargaan dan terima kasih di atas kerjasama yang telah diberikan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian selama empat hari persidangan. Sekarang saya tangguhkan Persidangan Dewan ini ke suatu masa dan tarikh yang akan ditetapkan kemudian dan marilah sama-sama kita membaca Surah Al-'Asr.

DEWAN DITANGGUHKAN PADA PUKUL 3.00 PETANG.

LAMPIRAN

JAWAPAN-JAWAPAN BERTULIS BAGI

MESYUARAT YANG PERTAMA

PENGGAL PERSIDANGAN YANG KETIGA

DEWAN UNDANGAN NEGERI KESEBELAS

PADA 16, 17, 18 DAN 19 APRIL 2006

MESYUARAT PERTAMA
PENGGAL PERSIDANGAN YANG KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI KESEBELAS
PADA 16, 17, 18 DAN 19 APRIL 2006

TERTIB PEKERJAAN DEWAN UNDANGAN NEGERI
BILANGAN 5.1 (a)

SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH
Y.B. DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI
WAKIL KEMASIK

SOALAN 1 : Terengganu kini telah mendapat perhatian para pelabur selepas BN memerintah semula negeri ini.

a) Sebutkan jumlah syarikat dan nilai pelaburan asing sepanjang tahun 2004 dan 2005 serta sumbangannya terhadap pembangunan ekonomi negeri.

b) Sila sebutkan jumlah kawasan industri dan keluasannya di seluruh Negeri Terengganu.

c) Apakah usaha Kerajaan Negeri dalam meningkatkan jumlah pelaburan tersebut.

JAWAPAN

a) Pada tahun 2004 sebanyak 7 syarikat diluluskan dan tahun 2005 sebanyak 29 diluluskan dan berjumlah kira-kira RM248.8 juta. Tiada kemasukan pelaburan asing ke dalam negeri. Senarai syarikat adalah sebagaimana berkembar.

b) Jumlah kawasan industri adalah sebanyak 18 kawasan yang mana keluasan keseluruhannya adalah 4,417.14 hektar.

c) Dalam usaha Kerajaan Negeri meningkatkan jumlah pelaburan, Kerajaan Negeri telah menggariskan insentif-insentif terhadap pelabur yang ingin melabur di Terengganu. Antara insentif-insentif yang ditawarkan adalah :-

PERMOHONAN TAPAK PERUSAHAAN DALAM KAWASAN PERINDUSTRIAN TERENGGANU 2004

Bil.	Nama & Alamat Syarikat/Ruj. UPEN	Tarikh Lulus	K/P Luas (Hektar)	Projek Produk	Pelabur (RM Juta)	Pekerja Orang	Ekuiti			Status							Catatan
							BP	BBP	A	L	SA	J	G	P	C	B	
1.	Kota Banau Sdn Bhd No.470-F, Tingkat 1 Jalan Kamaruddin 21200 Kuala Terengganu 145/04/539	5/7/04	Wakaf Tapai, Marang 0.7863	Pengeluaran Premix	2.7	14	100										Pemohon tidak memberi maklumat / tidak berminat.
2.	Soong Hoe Steel System Sdn Bhd Lot SU 69, Kaw. Perindustrian, Gong Badak, 21300 Kuala Terengganu 145/04/542 T-6673886 F-6662562	4/8/04	Gong Badak, K. Terengganu 0.736		1.5	93											Pelan Bangunan Telah lulus.
3.	Shinagawa Sdn Bhd 19, Lorong Galing 91 Jalan Air Putih 25300 Kuantan 145/04/459 T-5663343 F-5668188	4/8/04	Teluk Kalong, Kemaman 3.7	Solid doors, pintu, frame pintu.	4.4	99											Operasi
4.	UMW Saekphen Coating Sdn Bhd Suite 3A, Level 18 Plaza Sentral, Jalan Sentral 50470 Kuala Lumpur Tel: 03 22478688 Fax: 03 22733817	13/9/04	Teluk Kalong, Kemaman 1.3	Anti Carrossin Industrial Coating	9.5	25											Operasi

Bil.	Nama & Alamat Syarikat/Ruj. UPEN	Tarikh Lulus	K/P Luas (Hektar)	Projek Produk	Pelabur (RM Juta)	Pekerja Orang	Ekuiti			Status							Catatan
							BP	BBP	A	L	5A	J	G	P	O	B	
5.	Bekalan Tropik Sdn Bhd 9-3, Jln Medan Setia Plaza Damansara 50490 Kuala Lumpur 145/04/551	18/10/04	Teluk Kalong Kemaman 1.2	Pemerosesan kayu bersepadu	13.3	250											Dalam perancangan.
6.	Daniella Services Sdn Bhd D-6, Kws Per. MIEL Teluk Kalong 24000 Kemaman 145/04/505 Tel:09-8632900 Fax: 09-8632903	21/8/04	Teluk Kalong Kemaman 0.4	Fabrikasi & Kejuruteraan Ringan.	0.98	28											Dlm. Proses permohonan semula.
7.	Zam Lee Timber & Hardware Sdn Bhd 1162, Jalan Sultan Ismail 20200 Kuala Terengganu 145/04/540 Tel:09-6861686 Fax: 09-6311436	9/11/04	Wakaf Tapai Marang	Kilang Papan	1	67											Dalam perancangan
	JUMLAH				33.38	648											

PERMOHONAN TAPAK PERUSAHAAN DALAM KAWASAN PERINDUSTRIAN TERENGGANU 2005

Bil.	Nama & Alamat Syarikat/Rui. UPEN	Tarikh Lulus	K/P Luas (Hektar)	Projek Produk	Pelabur (RM Juta)	Pekerja Orang	Ekuiti			Status							Catatan
							BP	BBP	A	L	5A	J	G	P	C	B	
1.	Dasar Bahagia Sdn Bhd 20, Jalan Besar 22000 Jertih Besut Terengganu 145/04/329	9/1/05	Gong Medang Besut 2	Kilang berasaskan Kayu	0.5	68											Jadual 5A telah keluar
2.	Seri Marang Wood Industries Sdn Bhd Lot 11978, Tingkat Atas Pekan Wakaf Tapai 21040 Marang 145/04/561	9/1/05	Wakaf Tapai Marang 2	Kilang Papan	1.5	45											Jadual 5A telah keluar
3.	Pusat Pemeriksaan Kenderaan Berkomputer Sdn Bhd (PUSPAKOM) No.553, A-E Tkt. 3 & 4 Bt. 3 ½ Jalan Ipoh 51200 Kuala Lumpur 145/04/558	9/1/05	Batu 7, Dungun 1.2	Pusat Pemeriksaan Kenderaan Berkomputer	2.1	5											Jadual 5A telah keluar
4.	Kilang Papan Mohamad Yusof dan Anak-anak Trg Sdn Bhd D-987, Bkt.Kubang Jambu Jalan Kelantan 20050 Kuala Terengganu 145/04/535	9/1/05	Wakaf Tapai Marang 2 Opsyen 2	Perabot dan Kekuda kayu	0.4	22											Dlm.proses Pengeluaran 5A

Bil.	Nama & Alamat Syarikat/Ruj. UPEN	Tarikh Lulus	K/P Luas (Hektar)	Projek Produk	Pelabur (RM Juta)	Pekerja Orang	Ekuiti			Status							Catatan
							BP	BBP	A	L	5A	J	G	P	O	B	
5.	Atostech Fibreglass Marketing Sdn Bhd Lot PT 21554 K, Jln Gelam 1, Kws.Perind. Gong Badak 21300 Kuala Terengganu T-09-6666614/6666682 F-09-6666627 145/04/568	20/3/05	Bt. Rakit, K. Terengganu 2.03	Pengilangan Pemasangan Tangki Air Dan Najis FRP	1	42											Pelan belum Dikemukakan ke UPEN
6.	Matrix Maintenance Sdn Bhd, PT 12317K, Lot 3969 Jalan Feri Lama 24000 Chukai, Kemaman T-09-8586788 F-09-8586378 145/04/562	17/3/05	Jakar III, Kemaman 0.5	Membaikpulih, pemeriksaan, kalibrasi dan persijilan valve	1.7	48											Dalam proses pengeluaran 5A .
7.	Zm Plas Industries Sdn Bhd Lot 3076, Tkt.2 & 3 Jln. Tg. Embong Fatimah 20200 Kuala Terengganu T-096223609/8609/ 6232609 F-09-6231171/6231609 145/04/571	29/5/05	Bukit Kor, Marang 5 Ekar -2.02	Kilang Pengeluaran Pharmacue-tical Rubber Packaging Products.	6	100											Dalam proses pengeluaran 5A .

Bil.	Nama & Alamat Syarikat/Ruj. UPEN	Tarikh Lulus	K/P Luas (Hektar)	Projek Produk	Pelaburan (RM Juta)	Pekerja Orang	Ekuiti			Status							Catatan
							BP	BBP	A	L	SA	J	G	P	O	B	
8.	Mushtari Engineering & Trading Sdn Bhd Letter Box 74, Kemaman Supply Base OY 0802 24000 Kemaman T-09-8631780/1564/1945 F-09-8631306 145/04/583	31/5/05	Teluk Kalong Kemaman 1	Kilang Fabrikasi	2	34											Jadual 5A telah Keluar.
9.	Awie Metal Sdn Bhd Lot 6107, Kg.Paya Apek Bt. 50 ½, Jalan Paka 23000 Dungun. T-09-8481082 F-09-09-8444820 145/04/579	31/5/05	Bt.7 Tambahan Dungun 4.028 -1.62	Kitar semula Perabot.	1.5	40											Jadual 5A telah Keluar.
10	Hundred Plus Industry Sdn Bhd., 2555 Tmn. Sri Buyong 24000 Kemaman T-09-8594826 F-09-8594826 145/04/576	31/5/05	Jakar III, Kemaman 0.34	Kilang Memproses makanan.	2.9	40											Dalam proses pengeluaran 5A .
11.	Juta Jaya Sdn Bhd 5002, Taman Chukai 24000 Kemaman T-012-9812241 F-09-8582800 145/04/577	31/5/05	Jakar III, Kemaman 0.35	Kilang Percetakan.	1.7	26											Dalam proses pengeluaran 5A .

Bil.	Nama & Alamat Syarikat/Ruj. UPEN	Tarikh Lulus	K/P Luas (Hektar)	Projek Produk	Pelabur (RM Juta)	Pekerja Orang	Ekuiti			Status							Catatan
							BP	BBP	A	L	5A	J	G	P	O	B	
12.	Harapan Jaya Industry Sdn Bhd 4992, Taman Chukai 24000 Kemaman T-012-9287817 F-09-8595149 145/04/578	31/5/05	Jakar III, Kemaman. 0.34	Kilang memproses makanan	2.35	20											Dalam proses pengeluaran 5A .
13	Smart CC Sdn Bhd 1-F, Jalan Syed Hussein Depan Stesen Bas MPKT 20100 K. Terengganu T-09-6221118 F-09-6221118 145/04/584	13/6/05	Gong Badak, K. Terengganu 0.5321	Bangunan kilang/gudang Pembungkusan Semula & pusat Pengedaran Cenderamata Aksesori wanita Kosmetik & Plbg. kraftangan	0.96	19											Jadual 5A telah Keluar.
14.	Cartel Marketing & Sales S/B No.202 2nd Floor 111 Jalan Batas Baru 20300 K. Terengganu T-09-6233677 F-09-6226677 145/04/543	13/6/05	Gong Badak, K. Terengganu 0.3943	Memproses & membotol air minuman	1.48	30											Jadual 5A telah Keluar.
15.	TPS Forest Products S/B Bt. 27, Jln. Kuantan-Kmn Kampung Cerating 260870 Ktn. Pahang T-09-5819113/5819282 F-09-5819270 145/04/575	15/6/05	Teluk Kalong, Kemaman. 4	Kilang Berasaskan kayu.	51.2	300											Dalam proses pengeluaran 5A .

Bil.	Nama & Alamat Syarikat/Ruj. UPEN	Tarikh Lulus	K/P Luas (Hektar)	Projek Produk	Pelabur (RM Juta)	Pekerja Orang	Ekuiti			Status							Catatan
							BP	BBP	A	L	5A	J	G	P	O	B	
16.	SCK Wooden Industries S/B Lot No.PT 6226 Batu 27 Jln. Kuantan/Kemaman Kampung Cerating 26080 Kuantan Pahang T-09-5819075 F-09-5819270 145/04/582	15/6/05	Teluk Kalong, Kemaman 4	Kilang berasaskan kayu.	51.2	300											Pelan belum lagi Dikemukakan ke UPEN.
17.	Tafplas Manufacturing S/B K3-K6, Kws.Industri MARA Bukit Kor, 21600 Marang 145/04/570	13/6/05	Chendering, K. Terengganu 0.6061	Pengeluaran Paip HDPE	15	65											Pelan belum lagi Dikemukakan ke UPEN.
18.	Nurani Ehsan (M) Sdn Bhd No.1, Blok B Tmn.Perindustrian Saujana Indah, Jln. Saujana Indah 8 40000 Shah Alam, Selangor T-03-78591910 F-03-78571911 145/04/566	10/4/05	Jakar III, Kemaman 1.2	Memproses makanan	28.3	517											Pelan belum lagi Dikemukakan ke UPEN.
19.	Permai Ikhlas Sdn Bhd 17680, Taman Semarak Bukit Tunggal 21200 Kuala Terengganu T-09-6660884 F-09-6660905 145/04/557	13/4/05	Batu 7, Dungun 6.9	Bangunan Kilang/gudang	15.2	300											Pelan belum lagi Dikemukakan ke UPEN.

Bil.	Nama & Alamat Syarikat/Ruj. UPEN	Tarikh Lulus	K/P Luas (Hektar)	Projek Produk	Pelabur (RM Juta)	Pekerja Orang	Ekuiti			Status							Catatan
							BP	BBP	A	L	5A	J	G	P	O	B	
20.	Tranpaco Wood Sdn Bhd 418, Jalan Pusara 20400 Kuala Terengganu T-09-6237097 F-09- 145/04/573	28/7/05	Wakaf Tapai, Kemaman. 2	Kilang Papan Kelas 'B'.	1.2	21											Pelan belum lagi Dikemukakan ke UPEN.
21.	Mushtari Engineering & Trading Sdn Bhd Letter Box 74 Kemaman SupplyBase OY-0802 24000 Kemaman T-09-8631780 F-09-8631306 145/04/583	28/7/05	Teluk Kalong, Kemaman 1	Kilang Fabrikasi	1.1	200											Pelan belum lagi Dikemukakan ke UPEN.
22.	Handal Offshore Services Sdn Bhd Kemaman Supply Base 04 Kawasan Lapang Fasa II 24000 Kemaman 145/04/597	21/9/05	Teluk Kalong, Kemaman 4	Kilang Kejuruteraan Fabrikasi Crane	15.5	200											Pelan belum lagi Dikemukakan ke UPEN.

Bil.	Nama & Alamat Syarikat/Ruj. UPEN	Tarikh Lulus	K/P Luas (Hektar)	Projek Produk	Pelabur (RM Juta)	Pekerja Orang	Ekuiti			Status							Catatan
							BP	BBP	A	L	SA	J	G	P	O	B	
23.	Trade Precast Industries Sdn Bhd No.1279, Bangunan MDS Jln. Permaisuri II, Bandar Permaisuri 22100 Setiu 145/04/599	26/9/05	Sungai Bari, Setiu 0.89	Pengeluaran Binaan ber-asaskan Konkrit (precast)	1	20											Pelan belum lagi Dikemukakan ke UPEN.
24.	AbK Tanco Sdn Bhd No.9 (Lot 3592) Perkedaian Pak Sabah Jln. Baru Pak Sabah 23000 Dungun 145/04/598	26/9/05	Batu 7, Dungun. 1.27	Penyimpanan Batang2 pem-Binaan dan Servis.	1.15	52											Pelan belum lagi Dikemukakan ke UPEN.
25.	Babena Mix Industries S/B PT.1097-K, Kws. Perind. Chendering 21080 K. Terengganu 145/04/595	26/9/05	Cendering, K. Terengganu 0.96	Perusahaan Konkrik sedia Bancuh.	1.5	31											Pelan belum lagi Dikemukakan ke UPEN.
26.	MYS Timber Sdn Bhd Suite 2.03, Tkt.3 Wisma Cosway Jln. Raja Chulan 50200 Kuala Lumpur 145/04/594	26/9/05	Wakaf Tapai, Marang. 2 Opsyen 2	Kilang Papan.	1	70											Pelan belum lagi Dikemukakan ke UPEN.

Bil.	Nama & Alamat Syarikat/Ruj. UPEN	Tarikh Lulus	K/P Luas (Hektar)	Projek Produk	Pelabur (RM Juta)	Pekerja Orang	Ekuiti			Status							Catatan
							BP	BBP	A	L	5A	J	G	P	O	B	
27.	RHM Trading & Transport Services Sdn Bhd No.8, Ground Floor Admin. Building C Kemaman Supply Base 24007 Kemaman 145/04/588	26/9/05	Teluk Kalong, Kemaman. 1	Kitar semula bahan-bahan buangan	0.603	9											Pelan belum lagi Dikemukakan ke UPEN.
28.	Kenanga Marketing Sdn Bhd 466-B, Jalan Kenanga Off Jalan Kamaruddin 20400 Kuala Terengganu 145/04/596	26/9/05	Bukit Kor, Marang. 1.6	Membekal makanan halal dalam tin dan bungkusan	4	115											Pelan belum lagi Dikemukakan ke UPEN.
29.	Asia Gulf Engineering S/B P 203, Flat Dusun Nyior 24000 Kemaman 145/04/589	26/9/05	Jakar II, Kemaman. 1.08	Bangunan Kilang/ gudang	0.975	10											Pelan belum lagi Dikemukakan ke UPEN.
	JUMLAH BESAR		47.5625		215.018	2,449											

i. Diskaun di antara 10 – 50% ke atas premium tanah industri kepada pelabur yang layak.

ii. Penangguhan bayaran dan pembayaran secara ansuran ke atas premium tanah di mana:

   a) Pelabur membayar 30% sebagai pendahuluan.
   b) Pelabur diberi sehingga 12 bulan untuk menjelaskan baki secara ansuran bulanan.
   c) Pelabur dibenar untuk memasuki dahulu tapak bagi memulakan kerja sementara menunggu geran dikeluarkan.

iii. Sebagai ganti kepada insentif diskaun, rebat 10 – 50% ke atas premium tanah industri diberikan kepada pelabur yang melaksanakan projek dalam tempoh 2 tahun dan tarikh diluluskan.

iv. Diskaun 10 – 50% ke atas cukai taksiran untuk tempoh maksimum 3 tahun kepada industri yang layak.

v. Insentif diskaun 2% untuk caj penggunaan air oleh SATU bagi tempoh 3 tahun pertama operasi, bagi penggunaan air yang melebihi 1,000 meter padu sebulan atau satu kadar/kaedah lain yang difikirkan lebih sesuai oleh SATU.

SOALAN 2 : Sila sebutkan jumlah penerbangan setiap hari di Lapangan Terbang Sultan Mahmud dan jumlah pengguna kemudahan itu sepanjang tahun 2004 dan 2005?

Jumlah penerbangan setiap hari bagi tahun 2004 dan 2005 di Lapangan Terbang Sultan Mahmud Kuala Terengganu ialah sebanyak 6 penerbangan sebagaimana kenyataan di bawah:-

Bil.	Masa KL/KT	Masa KT/KL	Jenis Penerbangan
1.	7.15 pagi	8.30 pagi	AIR ASIA
2.	8.05 malam	9.20 malam	AIR ASIA
3.	7.30 pagi	8.50 pagi	MAS
4.	10.35 pagi	12.10 t/hari	MAS
5.	4.35 petang	5.55 petang	MAS
6.	7.30 malam	8.55 malam	MAS

Jumlah pengguna kemudahan tersebut sepanjang tahun 2004 dan 2005 adalah sebagaimana di bawah:-

Bil.	Kegiatan	Tahun 2004	Tahun 2005	Catatan
1.	MENDARAT	217,239 orang	211,804 orang	AIR ASIA
2.	BERLEPAS	218,381 orang	207,665 orang	AIR ASIA

SOALAN 3 : Sila sebutkan perkembangan projek pembangunan Taman Tamadun Islam di Pulau Wan Man Kuala Terengganu?

JAWAPAN : **Pembangunan Pulau Wan Man**

i. <u>Perancangan</u>

Pembangunan di Pulau Wan Man akan membawa konsep 'Edutainment Park', iaitu penggabungan dan penghayatan konsep pendidikan di samping berhibur. Ia direkabentuk sebagai sebuah taman tema dan pengunjung ke taman ini bukan hanya akan dapat menyertai dan berinteraksi di dalam pelbagai aktiviti yang disediakan, malah akan dapat menyaksikan replika-replika monumen senibina Islam yang terkenal

dari seluruh pelusuk dunia.

Pembangunan Pulau Wan Man dirancang pembinaannya di dalam satu (1) fasa dan dijangka siap pada Jun 2007.

ii. Status Kelulusan Pihak Berkuasa Tempatan

Permohonan kebenaran merancang telah dikemukakan dan permohonan kelulusan pelan bangunan akan diurus secara 'One Stop' dengan pihak Majlis Perbandaran Kuala Terengganu. Kelulusan dijangka akan diperolehi pada awal April 2006.

iii. Kemajuan Kerja Di Tapak

Kerja-kerja awal pertapakan termasuk pembinaan jalan masuk sementara, pembersihan tapak dan penandaan pokok telah dimulakan. Peringkat kerja adalah pada tahap 5% dan adalah mengikut jadual.

SOALAN 4 : Sebutkan jumlah pengusaha ikan dalam sangkar di seluruh negeri mengikut pecahan daerah dan apakah usaha bagi meningkatkan pendapatan mereka?

JAWAPAN : Statistik bilangan nelayan yang didaftarkan mengikut daerah tahun 2005 dan peratus kadar kemiskinan adalah seperti berikut:

Bil.	Daerah	Bil. Pengusaha Sangkar Air Tawar	Luas Sangkar Air Tawar (M/Per)	Bil. Pengusaha Sangkar Air Payau	Luas Sangkar Air Payau (M/Per)
1.	Besut	9	1,830	44	25,472
2.	Setiu	15	2,961	92	55,400
3.	K. Terengganu	131	41,442	2	562
4.	Marang	1	180	21	12,521
5.	H. Terengganu	76	23,428	-	-
6.	Dungun	16	4,202	12	4,402
7.	Kemaman	6	42,363.04	15	7,443

SOALAN 5 : Sila sebutkan jumlah premis kediaman atau kuarters milik Kerajaan Negeri yang terbiar mengikut pecahan daerah dan apakah usaha Kerajaan Negeri dalam menangani masalah itu?

JAWAPAN : Jumlah premis/kuarters milik Kerajaan Negeri yang terbiar mengikut daerah adalah seperti berikut:

DAERAH	BILANGAN
Kuala Terengganu	10
Kemaman	37
Besut	12
Dungun	1
Marang	1
Hulu Terengganu	9
Setiu	13
JUMLAH	**63**

Antara lain sebab premis/kuarters tidak didiami ialah:

i. Tiada permohonan menduduki kuarters kerana kebanyakan pegawai kerajaan telah memiliki dan mendiami rumah sendiri.

ii. Premis/kuarters rosak dan dalam proses pembaikian oleh pihak JKR.`

iii. Terdapat juga kuarters kerajaan yang telah diluluskan untuk dijadikan sebagai pusat kegiatan bagi aktiviti-aktiviti Badan NGO's.

MESYUARAT PERTAMA
PENGGAL PERSIDANGAN YANG KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI KESEBELAS
PADA 16, 17, 18 DAN 19 APRIL 2006

TERTIB PEKERJAAN DEWAN UNDANGAN NEGERI
BILANGAN 5.1 (b)

SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH
Y.B. DATO' HAJI MOHD NASIR BIN TAN SRI IBRAHIM FIKRI
WAKIL BUKIT TUNGGAL

SOALAN 1 : Apakah pihak kerajaan sedar wujudnya siaran langsung di lebih kurang 30 tempat yang isi kandungannya mengecam dan memfitnah kerajaan. Apakah ianya menyalah Akta Multimedia, Akta Ugutan atau Akta Penyiaran?

JAWAPAN : Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 hanya mengawal penggunaan yang tidak wajar kemudahan rangkaian (network facilities) atau perkhidmatan rangkaian komunikasi termasuklah telefon selular, radio dan tv. Penggunaan tidak wajar adalah bermaksud di mana mereka membuat, mewujudkan dan menghantar apa-apa komen, cadangan atau komunikasi yang lucah, sumbang, palsu, mengancam dengan niat untuk menyakitkan hari orang, menganiaya, mengugut atau mengganggu orang lain. Seseorang yang melakukan kesalahan di bawah perkara ini boleh didenda RM50,000 atau dipenjarakan tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya sekali.

SOALAN 2 : Apakah program khusus yang telah dijalankan oleh pihak kerajaan bagi mengatasi masalah belia lepak, lumba motor haram dan lain-lain gejala sosial?

JAWAPAN : a. Pihak Kerajaan Negeri telah merangka serta melaksanakan beberapa program/aktiviti khusus dalam menangani masalah-masalah tersebut dengan mengambil pendekatan dalam membudayakan sukan dengan menyediakan/mengadakan pelbagai aktiviti-aktiviti yang melibatkan kecenderungan serta minat

remaja dengan menyediakan kemudahan infrastruktur sukan dan rekreasi seperti Gelanggang Extreme Games, Gelanggang Futsal dan mengadakan pertandingan/kejohanan sukan seperti:

i. Mengadakan Perlumbaan 'Sprint Test' setiap bulan di Litar Lembah Bidong, Setiu.

ii. Mengadakan Pertandingan Bola Sepak Piala Menteri Besar yang bermula dari peringkat DUN, Parlimen dan Negeri.

iii. Mengadakan Kejohanan Futsal di mana Kerajaan Negeri telah bersetuju untuk menyediakan kemudahan gelanggang tersebut di setiap daerah.

iv. Memperkenalkan Pertandingan Sukan Lasak (Extreme Games) seperti Sukan Berkuda, Mini Bike, BMX, Skate Board, Motor Endurance, Roller Blade, dan sebagainya serta akan mengadakan kemudahan Gelanggang Extreme Games di setiap daerah.

v. Mengadakan Pertandingan Sukan Rakyat/ Tradisional yang bermula dari peringkat daerah dan negeri dengan penglibatan peserta-peserta dari peringkat Mukim, Daerah dan Negeri.

vi. Memperkenalkan sukan 'Formula Future' dengan mengadakan Klinik dan Pertandingan.

b. Pihak kerajaan juga dalam perancangan menyediakan Kompleks Sukan Komuniti di setia DUN sebagai tempat riadah untuk para remaja/belia.

c. Dalam masa yang sama juga, pihak kerajaan telah melaksanakan program-program latihan khusus untuk golongan belia seperti berikut:-

i. Seminar Kerjaya Sehari

Menyampaikan maklumat mengenai peluang-peluang latihan kemahiran dan pekerjaan kepada belia-belia yang akan menamatkan persekolahan dan belia-belia lepasan sekolah.

ii. Program Latihan Kemahiran

Dijalankan untuk menyediakan peluang latihan jangka pendek kepada belia-belia lepasan sekolah dalam bidang kemahiran ringan seperti kemahiran asas pertukangan serta bidang-bidang yang selari dengan keperluan sektor perkhidmatan dan permintaan semasa.

iii. Seminar Peluang Perniagaan Tani

Memberi pendedahan dan pengetahuan asas mengenai peluang-peluang perniagaan tani yang boleh diceburi oleh belia.

iv. Kursus Asas Keusahawanan

Memberi pendedahan asas tentang pengurusan perniagaan yang amat penting diketahui oleh mereka yang telah atau baru memulakan perniagaan.

v. Seminar Kerjaya Keusahawanan

Memberi pendedahan maklumat dan peluang terkini dalam bidang perniagaan untuk membina Kerjaya Keusahawanan di kalangan belia.

d. Di samping itu, Kerajaan Negeri dengan kerjasama Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Jabatan Pengangkutan Jalan telah mengadakan beberapa siri perjumpaan/ penerangan kepada para remaja/belia bermotosikal serta Kempen Keselamatan Jalan Raya dengan pengedaran risalah-risalah berkaitan dan operasi yang berterusan oleh PDRM dari semasa ke semasa bagi memantau segelintir remaja yang suka melibatkan diri dengan masalah ini.

SOALAN 3 : Apakah langkah yang telah dibuat oleh kerajaan untuk penyediaan rumah kos rendah sebanyak 10 ribu unit dalam tempoh 5 tahun dan bagaimanakah cara yang dijalankan oleh kerajaan untuk memastikan golongan yang berpendapatan tidak tetap boleh memiliki rumah tersebut?

JAWAPAN : Kerajaan memang berhasrat untuk menyediakan rumah kos rendah/mampu milik kepada golongan berpendapatan rendah bagi memenuhi keperluan tempat tinggal yang selamat dan selesa. Bagi tujuan untuk menyediakan rumah kos rendah/rumah mampu milik sebanyak 10 ribu unit dalam tempoh 5 tahun akan datang kerajaan akan memperbanyak dan meningkatkan projek-projek perumahan melalui projek Rumah Kos Rendah (RKR) yang akan dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri, Program Perumahan Rakyat (PPR) melalui Jabatan Perumahan Negara daripada peruntukan Kerajaan Pusat dan pelaksanaan rumah mampu milik yang akan dilaksanakan oleh pihak pemaju swasta melalui kaedah penswastaan pembangunan tanah-tanah kerajaan.

Melalui kaedah penswastaan tanah kerajaan untuk pembangunan rumah mampu milik, kerajaan telah membuat keputusan dan bersetuju mengenakan bayaran premium tanah sebanyak RM100.00 sahaja bagi satu lot tanah yang akan dimajukan. Selain daripada itu, Kerajaan Negeri juga telah bersetuju untuk meminda syarat kelayakan daripada pendapat isi rumah RM2,000.00 sebulan kepada RM2,500.00 sebulan.

Bagi tujuan penyediaan rumah kos rendah (RKR), Kerajaan Negeri telah merancang untuk membangunkan 10 tapak perumahan pada tahun 2006 yang akan melibatkan pembinaan sebanyak 2,646 unit rumah. Selain daripada itu, permohonan juga telah diangkat kepada Jabatan Perumahan Negara Kuala Lumpur untuk pertimbangan dan kelulusan projek di bawah Program Perumahan Rakyat (PPR). Di samping itu, Kerajaan Negeri juga telah meluluskan projek perintis di bawah program penswastaan Rumah Mampu Milik di Kampung Gong Cempedak, Marang yang akan melibatkan pembinaan sebanyak 497 unit Rumah Mampu Milik yang akan dijual pada harga RM40,000.00 seunit. Selain daripada itu, Kerajaan juga akan merancang pembinaan Rumah Kos Rendah/Rumah Mampu Milik melalui kaedah pembinaan perumahan bercampur juga di bawah penswastaan tanah kerajaan yang mana kerajaan telah menetapkan syarat pembinaan sebanyak 30% Rumah Kos Rendah/Rumah Mampu Milik daripada keseluruhan rumah yang dicadangkan.

Bagi memastikan golongan berpendapatan rendah memiliki rumah kediaman sendiri, Kerajaan Negeri telah menetapkan beberapa syarat kelayakan untuk memiliki Rumah Kos Rendah antaranya hanya mereka yang berjawatan dalam kumpulan Gred 16 ke bawah dalam sektor awam atau kelayakan yang setaraf dalam sektor swasta sahaja yang layak dipertimbangkan. Bagi mereka yang berpendapatan tidak tetap pula, mereka akan diberi pertimbangan berdasarkan kepada kedudukan/pekerjaan mereka ketika itu. Mereka perlu meyakinkan pihak pentadbiran negeri bahawa mereka berkelayakan untuk membuat bayaran bulanan ke atas rumah yang akan ditawarkan. Mereka juga boleh mengemukakan bukti-bukti lain jika ada dan akuan bagi menyakinkan bahawa mereka mampu untuk membuat bayaran bulanan sepertimana perjanjian.

MESYUARAT PERTAMA
PENGGAL PERSIDANGAN YANG KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI KESEBELAS
PADA 16, 17, 18 DAN 19 APRIL 2006

TERTIB PEKERJAAN DEWAN UNDANGAN NEGERI
BILANGAN 5.1 (c)

SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH
Y.B. ALIAS BIN ABDULLAH
WAKIL ALUR LIMBAT

SOALAN 1 : Sila nyatakan dengan terperinci keluasan tanah kerajaan yang terlibat dengan skim penanaman semula hutan mengikut kawasan daerah dan jenis pokok hutan yang terlibat setakat hari ini bagi menjamin kelestarian pembangunan hutan negeri?

JAWAPAN Jabatan Perhutanan Negeri Terengganu (JPNT) ada menjalankan aktiviti penanaman semula hutan dalam tanah kerajaan. Pada tahun 2005, sejumlah lebih kurang 7.54 hektar spesis Rhu Pantai (Casuarina Equisitifolia) telah dapat ditanam di Kampung Rhu Rendang, Pulau Kerengga, Gong Balai dan Pasir Puteh yang kesemuanya di dalam Daerah Marang.

SOALAN 2 : Sila nyatakan secara terperinci bilangan petani dan nelayan mengikut unjuran daerah-daerah Negeri Terengganu yang mendapat faedah subsidi diesel melalui Sistem 'Fleetcard'?

JAWAPAN

1. Setakat ini tiada petani individu di negeri ini yang telah mendapat faedah subsidi diesel.

   Walau bagaimanapun, kerajaan telah mula memberi subsidi ini kepada Koperasi-koperasi Pekebun Kecil dan pihak Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK). Bilangan sebenar belum dilaporkan kerana program subsidi ini baru sahaja diperkenalkan.

LAPORAN PERMOHONAN, KELULUSAN DAN PENGELUARAN KAD e-Diesel LKIM NEGERI TERENGGANU

BIL.	NAMA PNK.	JUMLAH BOT DIDAFTAR	JUMLAH SUDAH DAFTAR	BAKI BELUM DAFTAR	KAD SIAP DICETAK	% SUDAH DAFTAR
1.	PNK BESUT	352	210	142	206	60%
2.	PNK DUNGUN	276	189	87	188	68%
3.	PNK K.KEMAMAN	235	215	20	215	91%
4.	PNK KEMASIK	65	47	18	47	72%
5.	PNK MARANG	156	148	8	147	95%
6.	PNK PAKA	46	36	10	36	78%
7.	PNK SETIU	106	81	25	80	76%
8.	PNK KTS	299	278	21	272	93%
9.	PNK KTU	143	71	72	71	50%
	JUMLAH :	1678	1275	403	1262	76%

2. Bilangan nelayan mengikut unjuran daerah-daerah Negeri Terengganu yang mendapat faedah subsidi diesel melalui sistem 'fleetcard' adalah seperti berikut:-

Daerah	Bilangan
Besut	210
Setiu	81
Kuala Terengganu	349
Marang	148
Dungun	225
Kemaman	262
JUMLAH :	1275

SOALAN 3 : Sila nyatakan secara terperinci bilangan nama-nama pelabur yang terlibat di Kawasan Industri Gong Badak dan Chendering. Terengkan langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan Negeri Terengganu di bawah kepimpinan Barisan Nasional sekarang dalam menarik pelabur-pelabur melabur di dalam kawasan industri di pinggir Bandar Kuala Terengganu?

JAWAPAN Nama-nama pelabur dalam Kawasan Industri Gong Badak dan Chendering adalah sebagaimana berkembar. Dalam menarik pelabur melabur dalam kawasan industri di pinggir Bandar Kuala Terengganu, Kerajaan Negeri telah menaik taraf kawasan tersebut dengan permintaan. Selain itu juga, pelabur diberi insentif-insentif premium tanah dengan harga yang berpatutan.

SOALAN 4 : Sila nyatakan langkah yang diambil oleh kerajaan bagi menangani masalah pelupusan sampah yang terhad bagi setiap Pihak Berkuasa Tempatan di Terengganu?

JAWAPAN : Kerajaan Negeri telah memberi arahan kepada semua Pihak Berkuasa Tempatan di Negeri Terengganu agar memberi tumpuan kepada pusat pelupusan sampah dengan mengambil langkah menaik taraf tempat pelupusan sampah di tempat masing-masing, di samping memberi penekanan supaya mengenal pasti tempat yang lebih strategik untuk dipohon. Kerajaan Negeri juga sedang berusaha mengenal pasti cara dan bagaimana sistem pelupusan sampah yang bersistem dapat dilaksanakan di semua Pihak Berkuasa Tempatan.

PERMOHONAN TAPAK PERUSAHAAN DALAM KAWASAN PERINDUSTRIAN TERENGGANU 2004

Bil.	Nama Syarikat & Alamat	Tarikh Lulus No. Hakmilik	Projek Harga Tanah	Lot/Keluasan (Hektar)	Pelaburan (Juta)	Pekerjaan Orang	Status Projek	Catatan
1. (49)	Kilang Guan Kaw.Per.Gong Badak 21300 Kuala Terengganu UPEN.TR.213/105 Tel: Fax:	PM 428 4/5/1991	Stor menyimpan barang Lot 15074	0.2016			Operasi	Telah pindah milik.
2. (47)	F&N Coca Cola Kaw.Per. Gong Badak 21300 Kuala Terengganu. Tel: Fax:	GM 8816 9/10/1996	Minuman Lot 13600	0.2016			Operasi	Syarikat asal Ban Kee S/B dipindah milik kepada F& N Coca Cola.
3. (1)	Universal Concrete Products, Bt. 12, Jalan Batu Rakit, Kaw.Per. Gong Badak 21300 Kuala Terengganu UPEN.TR.145/04/86 Tel: 09-6662241 Fax:09-6662231	PM 275 8/2/1989	Pengeluaran Tiang Konkrit Lot 13111	1.3154			Operasi	
4. (69)	Universal Concrete Products - alamat seperti di atas - UPEN.TR.140/12/03	27/1/98 HS(D) 6422 6/7/1999	Pengeluaran Tiang Konkrit RM25.10 smp.	1.33 PT21869K	4.5	61	Operasi	Projek Pembesaran

Bil.	Nama Syarikat & Alamat	Tarikh Lulus No. Hakmilik	Projek Harga Tanah	Lot/Keluasan (Hektar)	Pelaburan (Juta)	Pekerjaan Orang	Status Projek	Catatan
5. (57)	Ibai Bina Sdn. Bhd. Kaw.Per. Gong Badak 21300 Kuala Terengganu Tel: Fax:	PM 269 8/2/1989	Bengkel Kejuruteraan Lot 13108	0.2018			Operasi	Seri United Engineering
6. (21)	Mun Chuen Sdn. Bhd. & Lot 8338 K Kaw.Per. Gong Badak 21300 Kuala Terengganu Tel: 666 7788 Fax: 666 7722	HS(M) 4655 21/6/1985	Transport Minuman Lot 13853	1.68 PT 8338			Operasi	Telah pindah milik dan tukar projek.
7. (7)	Deraman Abdullah & Rakan-Rakan Sdn. Bhd. 863, Kubang Jambu Kuala Terengganu Tel: Fax:	HS(M) 5297 20/11/2000	Membaiki dan membuat Bodi bas/lori Lot 13324	0.94 PT 8343	1		Tutup Operasi	Tapak Bumiputera/ Business gagal
8. (44)	Kong Marketing & Management 22-D, Jalan Hiliran Kuala Terengganu Tel: Fax:	PM 927 0/10/1996	Mencelup tayar Lot 13603	0.3956			Belum Mula	Terbengkalai

Bil.	Nama Syarikat & Alamat	Tarikh Lulus No. Hakmilik	Projek Harga Tanah	Lot/Keluasan (Hektar)	Pelaburan (Juta)	Pekerjaan Orang	Status Projek	Catatan
9. (62)	Gimahong Sdn. Bhd. Kaw. Per. Gong Badak 21300 Kuala Terengganu Tel: Fax:		Worksyop	0.2023			Operasi	
10. (9)	Syarikat Perabut Pantai Timur Sdn. Bhd. Kaw. Per. Gong Badak 21300 Kuala Terengganu Tel: Fax:	HS(M) 4155 6/9/1981	Perabut kotak kayu Lot 13586	0.2023				
11. (19)	Syarikat Percetakan Yayasan Islam Terengganu Kaw. Per. Gong Badak 21300 Kuala Terengganu Tel: Fax:	PM 1014 9/8/1997	Percetakan Lot 13915	1.5561			Operasi	Tapak tambahan tidak pernah digunakan.
12. (45)	Lai Siew Kiong 1-C, Terengganu Garden Jalan Cherung Lanjut Kuala Terengganu	PM 926 31/10/1998	Bengkel Kejuruteraan Lot 13602	0.2962			Operasi	

Bil.	Nama Syarikat & Alamat	Tarikh Lulus No. Hakmilik	Projek Harga Tanah	Lot/Keluasan (Hektar)	Pelaburan (Juta)	Pekerjaan Orang	Status Projek	Catatan
13. (51)	Kubu Pengkalan Kaw. Per. Gong Badak 21300 Kuala Terengganu Tel: Fax:	HS(M) 4298 16/5/1993	Makanan	0.32 PT 7977			Operasi	Harun bin Mohamad
14. (10)	Yeo Liang Heng Industries No.598, Jln. Nesan Empat Kuala Terengganu UPEN.TR.145/04/388 Tel: Fax:	HS(M) 4254 7/6/1982	Perabot Lot 13606	0.3986] PT 7894			Operasi	P.U.41/82
15. (37)	Gong Badak Ind. Park Kaw. Per. Gong Badak 21300 Kuala Terengganu UPEN.TR.145/04/363 Tel: Fax:	HS(M) 5230-15262 18/1/1999	Bangunan siap sedia.	0.7689 0.529 2.819 PT 21170K – 21202K			Kerja-kerja tanah oleh GBIP	Tanah telah dijual kepada Syarikat Gong Badak Sdn. Bhd. untuk projek Bangunan Siapsedia.
16. (46)	HIB-C Industrial Sdn. Bhd.	PM 425 19/10/1996 HS(M) 4121	Kejuruteraan Lot 13601	0.2974			Tutup Operasi	Digadai kepada BSN Comercial Bank 18/8/1996

Bil.	Nama Syarikat & Alamat	Tarikh Lulus No. Hakmilik	Projek Harga Tanah	Lot/Keluasan (Hektar)	Pelaburan (Juta)	Pekerjaan Orang	Status Projek	Catatan
17. (55)	WP Wood Sdn. Bhd. Kaw. Per. Gong Badak 21300 Kuala Terengganu Tel: Fax	PM 924 9/10/1996	Mencelup tayar Lot 13599	0.2029			Operasi	
18. (55)	Midor Interior Kaw. Per. Gong Badak 21300 Kuala Terengganu Tel: Fax	HS(M) 4756 5/10/1983	Plastik Lot 13105	0.2028			Operasi	
19. (54)	Soong Hoe Engineering Kaw. Per. Gong Badak 21300 Kuala Terengganu UPEN.TR.145/04/391 Tel: Fax	PM 273 8/2/1989	Kejuruteraan Lot 13154	0.29			Operasi	
20.	Tractor Malaysia Bhd. Sharidal Complex Jalan Yong Shook Lim Petaling Jaya Selangor Tel: Fax:	PM 947 24/9/1996	Sale & Service Centre Lot 14041	2.1			Tutup Operasi	Kawasan/bangunan terbiar tidak diselenggara.

Bil.	Nama Syarikat & Alamat	Tarikh Lulus No. Hakmilik	Projek Harga Tanah	Lot/Keluasan (Hektar)	Pelaburan (Juta)	Pekerjaan Orang	Status Projek	Catatan
21. (15)	Syarikat Binaan Muda Bersatu Kaw. Per. Gong Badak 21300 Kuala Terengganu Tel: Fax		Concrete Products	1.5125			Operasi	
22. (56)	Aspirasi Teras Kaw. Per. Gong Badak 21300 Kuala Terengganu Tel: Fax	PM 427 11/3/1991	Mencelup tayar Lot 13341	0.2029			Operasi	Paper Pro Industries (M) Sdn. Bhd.
23. (14)	GPQ Sdn. Bhd 36-F, Tingkat 3, Jalan Bukit Kecil Kuala Terengganu Tel: Fax:	HS(M) 4725 5.10/1993	Casting Yard For R.C. Lot 14066	1.4163			Tutup Operasi	
24. (67)	East Coast Concrete Product Kaw. Per. Gong Badak 21300 Kuala Terengganu Tel: Fax	PM 309 17/3/1990	Batu Granite Lot 13147	0.461			Operasi	

Bil.	Nama Syarikat & Alamat	Tarikh Lulus No. Hakmilik	Projek Harga Tanah	Lot/Keluasan (Hektar)	Pelaburan (Juta)	Pekerjaan Orang	Status Projek	Catatan
25. (2)	Qss. Concrete Product Trg Sdn. Bhd. Kaw. Per. Gong Badak 21300 Kuala Terengganu UPEN.TR.2/10/115 Tel: Fax:	HS(D) 418	Precast Concrete Products Lot 18718	3.5739 PT 14711			Operasi	
26. (41)	Matapena Sdn. Bhd. 1022-B, Jalan Sultan Mohamad, Simpang Tok Ku Kuala Terengganu Tel: Fax:	PM 307 17/3/1990	Peralatan Sekolah Lot 15387	0.4069			Belum mula	Terbengkalai.
27. (52)	Norsham Industries Sdn. Bhd. Kaw. Per. Gong Badak 21300 Kuala Terengganu Tel: Fax:	HS(M) 4667 23/8/1983	Electrical Switch Board Lot 13900	0.2027 PT 7242			Operasi	

Bil.	Nama Syarikat & Alamat	Tarikh Lulus No. Hakmilik	Projek Harga Tanah	Lot/Keluasan (Hektar)	Pelaburan (Juta)	Pekerjaan Orang	Status Projek	Catatan
28. (66)	Sumai Engineering Sdn. Bhd. 15-A, Jalan Bandar Baru Kuala Terengganu Tel: Fax:		Kejuruteraan	0.61			Belum mula	
29. (6)	Pohmay Sdn. Bhd Kaw. Per. Gong Badak 21300 Kuala Terengganu Tel: Fax:	PM 240 2/11/1998 HS(M) 5571 17/8/1998	Lot 13841 Lot 13903	2.5499 0.5817 PT 5292			Operasi	
30. (16)	Tenaga Nasional Berhad Kaw. Per. Gong Badak 21300 Kuala Terengganu Tel: Fax:		Janakuasa Lot 15075	1.1587			Operasi	

Bil.	Nama Syarikat & Alamat	Tarikh Lulus No. Hakmilik	Projek Harga Tanah	Lot/Keluasan (Hektar)	Pelaburan (Juta)	Pekerjaan Orang	Status Projek	Catatan
32. (65)	Sungai Way Equipment Wisma Sungai Way 68, Jalan 1 Petaling Jaya Tel: Fax:		Pengilangan	1.2622			Belum mula	
33. (64)	Bank Pembangunan Malaysia Bhd Kaw. Per. Gong Badak 21300 Kuala Terengganu UPEN.TR.150/01/03 Tel: Fax:	PM 882 19/10/1994	Depoh membaiki jentera Lot 15094	1.0192			Operasi	
34.	Syarikat Ramaco Enterprise Kaw. Per. Gong Badak 21300 Kuala Terengganu Tel: Fax:		Kejuruteraan	0.2017			Belum Mula	Terbengkalai.
35. (58)	BP(M) Sdn. Bhd. Kaw. Per. Gong Badak 21300 Kuala Terengganu Tel: Fax:		Kejuruteraan Lot 13106	0.2786			Operasi	

Bil.	Nama Syarikat & Alamat	Tarikh Lulus No. Hakmilik	Projek Harga Tanah	Lot/Keluasan (Hektar)	Pelaburan (Juta)	Pekerjaan Orang	Status Projek	Catatan
36. (32)	Terengganu Bus Co. S/B No. 16, Pulau Kambing Kuala Terengganu Tel: Fax:	PM 943 19/8/1996	Bengkel Membaiki Bas Lot 19399	0.9757			Belum mula	Terbengkalai.
37. (59)	Inovtec Sdn. Bhd. Kaw. Per. Gong Badak 21300 Kuala Terengganu Tel: Fax:	HS(M) 5428 2/1/1985	Heavy Machinery	0.2023			Operasi	Telah pindah milik.
38. (35)	Majlis Perbandaran K. Trg Bangunan PMINT Jalan Sultan Ismail 20200 Kuala Terengganu Tel: Fax:	PM 243 PM 254 19/9/1988	Bengkel Sediabina Lot 15154 – 15165 (12 lot)	0.1007			Operasi	Bengkel-bengkel untuk disewa.

Bil.	Nama Syarikat & Alamat	Tarikh Lulus No. Hakmilik	Projek Harga Tanah	Lot/Keluasan (Hektar)	Pelaburan (Juta)	Pekerjaan Orang	Status Projek	Catatan
39. (11)	Industrial Concrete Products Kaw. Per. Gong Badak 21300 Kuala Terengganu UPEN.TR.140/12/04 Tel: Fax:	HS(D) 4859 6/7/1996	Concrete Products	2.0235 PT 18928K			Operasi	
40. (13)	Majlis Perbandaran K.Trg. Bangunan PMINT Jalan Sultan Ismail 20200 Kuala Terengganu Tel: Fax:		Bakar sampah (incinerator)	2.0235			Operasi	
41.	Ekspress Nasional Bhd. Kaw. Per. Gong Badak 21300 Kuala Terengganu Tel: Fax:	PM 885 19/10/1996	Bengkel dan letak bas Lot 16137	0.6072			Operasi	
42. (18)	Utusan Melayu (M) Sdn. Bhd. Kaw. Per. Gong Badak 21300 Kuala Terengganu Tel: Fax:	PM 1197 29/12/1999	Mencetak Akhbar	1.2148			Operasi	

Bil.	Nama Syarikat & Alamat	Tarikh Lulus No. Hakmilik	Projek Harga Tanah	Lot/Keluasan (Hektar)	Pelaburan (Juta)	Pekerjaan Orang	Status Projek	Catatan
43. (3)	Jabatan Perkhidmatan Haiwan Kaw. Per. Gong Badak 21300 Kuala Terengganu Tel: Fax:		Rumah Sembelihan Lot 19891				Operasi	
44. (11)	Industrial Concrete Product 2nd Floor, Wisma IJM Jalan Yong Shook Lin 46720 Petaling Jaya UPEN.TR.140/12/04 Tel: Fax:	PM 945 31/10/1998	Concrete Lot 7201	0.6877			Operasi	Kawasan tambahan.
45. (39)	Sim Wah Industries Sdn. Bhd. Kaw. Per. Gong Badak 21300 Kuala Terengganu Tel: Fax:		Brake shoe & lining	0.6243 PT 14855			Operasi	Beroperasi atas nama Teong Huat.
46. (60)	Printin Granite Sdn. Bhd Kaw. Per. Gong Badak 21300 Kuala Terengganu Tel: Fax:	HSD 4419 7/7/1992	Batu Granite No. Lot PT 14712K	0.36			Operasi	

Bil.	Nama Syarikat & Alamat	Tarikh Lulus No. Hakmilik	Projek Harga Tanah	Lot/Keluasan (Hektar)	Pelaburan (Juta)	Pekerjaan Orang	Status Projek	Catatan
47. (2)	Associated Concrete Products Kaw. Per. Gong Badak 21300 Kuala Terengganu UPEN.TR.2/10/115 Tel: Fax:	HS(M) 5569 30/6/1985	Concrete products	0.3574 PT 8209			Operasi	Kawasan tambahan
48. (33)	Chendana Enterprise Sdn. Bhd. Suite 601, Tingkat 6, Plaza Perdana 20300 Kuala Terengganu Tel: Fax:	HS(D) 4541 10/12/1994	Bengkel bas	0.7437 PT 16568K				Telah dibeli oleh Siang Joo Development
49. (69)	Kong Eng Wah Creative Interior 1-A, Jalan Hiliran 20300 Kuala Terengganu Tel: Fax:	PN 2988 HS(D) 4464 20/3/1993	Perabot	0.3377 PT 15410			Belum mula	Terbengkalai
50. (50)								

Bil.	Nama Syarikat & Alamat	Tarikh Lulus No. Hakmilik	Projek Harga Tanah	Lot/Keluasan (Hektar)	Pelaburan (Juta)	Pekerjaan Orang	Status Projek	Catatan
51. (63)	Permanis Sdn. Bhd. Lot 5 & 6, Jalan P/5 Seksyen 13 Kaw. Per. Bandar Baru Bangi, Selangor Tel: Fax:	HS(D) 4820 8/8/1995	Mengeluarkan air minuman	1.0282 PT 18184			Belum mula	Telah pindah milik
52. (61)	Dataran Cipta(M) Sdn Bhd Kaw. Per. Gong Badak 21300 Kuala Terengganu UPEN.TR.095/02/12 Tel: Fax:	HS(D) 4533 29/8/1996	Fabrikasi	0.2913 PT 16959K			Operasi	
53. (40)	Nankai Worstead Spinning Terengganu Sdn. Bhd. Kaw. Per. Gong Badak 21300 Kuala Terengganu UPEN.TR.145/04/46 Tel: 09-6662255 Fax: 09-6662252	HS(D) 4530 15/8/1994	Kilang memintal benang Bulu Lot 20051	3.9868 PT 16921K			Operasi	Penyediaan Geran Kekal.

Bil.	Nama Syarikat & Alamat	Tarikh Lulus No. Hakmilik	Projek Harga Tanah	Lot/Keluasan (Hektar)	Pelaburan (Juta)	Pekerjaan Orang	Status Projek	Catatan
54. (43)	Matcrete (M) Sdn. Bhd. 1107-M, Tingkat 2 Jalan Pejabat 20200 Kuala Terengganu UPEN.TR.145/04/96 Tel: Fax:		Membuat batu batuan Lot 20590	0.3143 PT 18866			Belum mula	Dijual kepada Siang Joo pada 1997 PN 3839
55. (29)	Ensidesa Sdn. Bhd. No. 87, Tingkat 1 Jalan Sultan Ismail 20200 Kuala Terengganu Tel: 09-6244777 Fax: 09-6226480 UPEN.TR.145/04/265	22/9/97 KN(HDL6421) 6/7/1999	Konkrit sedia bancuh RM25.10	0.404 PT 22689K	0.8	9	Operasi	
56. (31)	Astostech Fibreglass S/B 1080-1, Tingkat 2 Jalan Sultan Sulaiman 20000 Kuala Terengganu Tel: 09-6242711 Fax: 09-6226480 UPEN.TR.145/04/307	15/10/97 HS(D) 6023	Fabrikasi Tangki Air FRP (Fibre Glass Reinforced Plastic) RM20.30	0.202 PT 21554K	0.5	41	Dalam pembinaan	Dipindah milik daripada Idche Engineering 145/04/197

Bil.	Nama Syarikat & Alamat	Tarikh Lulus No. Hakmilik	Projek Harga Tanah	Lot/Keluasan (Hektar)	Pelaburan (Juta)	Pekerjaan Orang	Status Projek	Catatan
57. (25)	Auto Friction Sdn. Bhd. No.16, Jalan Kampung Dalam 20100 Kuala Terengganu Tel: 09-6225766 Fax: 09-6235378 UPEN.TR.145/04/224	12/11/1996 HS(D) 5464 5/7/1997	Pembuatan Disc Brake Pads dan Metal Stamping untuk kenderaan. RM20.00	0.6532 PT 21300K	0.185	59	Operasi	
58. (23)	Lam Soon (M) Berhad P.O.Box 8, Petaling Jaya 46700 Selangor Tel: 03-7912755 Fax: 03-7912572 UPEN.TR.145/04/238	5/3/1997 HS(D) 6297 9/5/1998	Pembungkusan (Pembotolan Minyak Masak) RM20.00	0.87 PT 21496K	6.4	74	Belum mula	Terbengkalai.
59. (28)	Idche Engineering Sdn. Bhd. 41, Jalan Besar 22000 Jerteh Tel: 09-6972663/ 09-6973663 Fax: UPEN.TR.145/04/197	20/5/96 HS(D) 6023 17/5/1998	Pengeluaran kaca Tingkap RM25.10	0.202 PT 21554K	0.89	8	Lulus	Pindah milik kepada Atostech Fibreglass 145/04/307

Bil.	Nama Syarikat & Alamat	Tarikh Lulus No. Hakmilik	Projek Harga Tanah	Lot/Keluasan (Hektar)	Pelaburan (Juta)	Pekerjaan Orang	Status Projek	Catatan
60. (42)	Iklim Food Sdn. Bhd. No.1, MPKT Kaw. Per. Gong Badak 21300 Kuala Terengganu UPEN.TR.145/04/141 Tel: Fax:	HS(D) 6411 27/3/1999	Perusahaan Kilang Kicap dan Sos	0.3486			Belum mula	Terbengkalai.
61.	Keju-Tie Sdn. Bhd. D 6-9, Kawasan Perindustrian Chendering 21080 K. Terengganu UPEN.TR.145/04/56 Tel: Fax:	11/15/1994 HS(D) 6840 1/14/2003	Fabrikasi Telekomunisasi	0.4050			Belum mula	Dalam proses hendak tukar milik di Pejabat Tanah Kuala Terengganu
62. (12)	Babena Sdn. Bhd. 88A-D, Jalan Hiliran 20300 Kuala Terengganu Tel: 09-6221418 Fax: UPEN.TR.	2/7/1996	Pengeluaran Konkrit Sedia Bancuh.	0.2	1.41	13	Tutup Operasi	

Bil.	Nama Syarikat & Alamat	Tarikh Lulus No. Hakmilik	Projek Harga Tanah	Lot/Keluasan (Hektar)	Pelaburan (Juta)	Pekerjaan Orang	Status Projek	Catatan
63. (24)	Perniagaan Aluminium Alcock Sdn Bhd No.85, Jalan Dato' Isaacs 20000 Kuala Terengganu Tel: 09-6232588/6175712 Fax: 09-6222857 UPEN.TR.145/04/292	3/5/1998 HS(D)6410 27/3/1999	Pengeluaran Aluminium Extrasion, Siling Board, Siling T dan lain-lain RM25.10 PT 22251K	0.23	0.8	35	Dalam Perancangan	Baru lulus pelan oleh MPKT
64. (72)	Yeo Lian Heng Industries S/B, Lot SK 62, Kaw. Per. Gong Badak 21300 Kuala Terengganu Tel: 09-6662681 Fax: 09-6662681 UPEN.TR.145/04/388	16/10/97 HS(D) 6443 28/8/1999	Perusahaan Perabot Lot 13606	0.1884 PT22542K			Dalam Perancangan	Tunggu geran PTKT (Tapak Tambahan)
65.	Permodalan YPK Sdn Bhd Pusat Keluarga Jalan Sultan Omar 20300 K. Terengganu UPEN.TR.145/04/353 Tel: 09-6248621 Fax: 09-6241078		Kilang Pakaian Dalam		0.5	158	Belum mula	Sudah dibatalkan.

Bil.	Nama Syarikat & Alamat	Tarikh Lulus No. Hakmilik	Projek Harga Tanah	Lot/Keluasan (Hektar)	Pelaburan (Juta)	Pekerjaan Orang	Status Projek	Catatan
66.	S.H.T.C.Industries Sdn Bhd, 41, Jalan Sultan Zainal Abidin 20000 Kuala Terengganu UPEN.TR.145/04/380 Tel: 09-6222623/6230985 Fax: 09-623988	30/10/1999 HS(D) 6527 Okt. 2000	Kilang pembungkusan Makanan	0.46 ha. PT 24579K	0.87	18	Lulus	Dalam pembinaan
67.	Kubu Pengkalan Sdn Bhd Lot 7977, Kaw. Per. Gong Badak 21300 Kuala Terengganu UPEN.TR.145/04/395 Tel: 09-6663671 Fax: 09-6662557	7/3/2000 Permohonan Semula Lulus 2/6/2003 HS(D) 7025	Membuat makanan	0.8 ha. PT 24974K	1.5	34	Operasi	Tapak tambahan
68. (20)	TESAC (M) Sdn Bhd Marubeni Corporation P.O. Box 10865 50728 Kuala Lumpur Tel: 03-2381601 Fax: UPEN.TR.145/04/192	PM 272 8/2/1998	Manufacturer of Synthetic Fiber Ropes Lot 13118	1.8222 ha.	-	50	Beroperasi	

Bil.	Nama Syarikat & Alamat	Tarikh Lulus No. Hakmilik	Projek Harga Tanah	Lot/Keluasan (Hektar)	Pelaburan (Juta)	Pekerjaan Orang	Status Projek	Catatan
69.	Fu Yat (M0 Sdn Bhd Lot 10, Lorong 2A1 Kawasan MIEL Jalan Balakong Batu 11, Cheras 43200 Kajang Selangor Tel: 03-90758077 03-90751381 Fax: 03-90753368 03-90740687 UPEN.TR.145/04/410	17/8/2000 HS(D) 6749	Manufacturer of all Kind of socks.	0.8172 PT 25146 P	3.75	70	Lulus	Dalam pembinaan.
70.	Vickmark(Terengganu) S/B 25, Jalan Petaling Larkin Industrial Estate 80350 Johor Bahru Tel: 07-2383698/9 Fax: 07-2383345 UPEN.TR.145/04/272	17/5/2000 HS(D) 6534 4/12/2000	Perusahaan Pakaian	2.3449 ha. (23,449 mp) PT 25116K	Fasal I 7.6 juta Fasa 2 5.8 juta	333 765	Belum mula	Pemohon telahpun menjelaskan harga tanah pada 20/8/2000.

Bil.	Nama Syarikat & Alamat	Tarikh Lulus No. Hakmilik	Projek Harga Tanah	Lot/Keluasan (Hektar)	Pelaburan (Juta)	Pekerjaan Orang	Status Projek	Catatan
71.	DSM Engineering Sdn. Bhd., No. 12, Tingkat Mezzanine Taman Sri Intan Jalan Sultan Omar 20300 Kuala Terengganu Tel: 09-6235644/6239988 Fax: 09-6235645 UPEN.TR.145/04/420	20/6/2000 HS(D) 6753	Membina dan menyiapkan kilang fabrikasi struktur bagi keluaran BHP Steel Building Products (M) Sdn Bhd dan mengeluarkan atap metal deching untuk pasaran dalam Negeri Terengganu, Kelantan dan seluruh Malaysia.	1 ha.	3.2304	62	Dalam pembinaan	
72.	Besta Manufacturing S/B Lot A2 & A3 Kompleks Kilang Bimbingan (BPMB) Kaw. Per. Chendering 21080 Kuala Terengganu UPEN.TR.145/04/356 Tel: Fax:	29/8/2000	Memproses makanan	0.4 ha. PT 25170K	2.3juta	53	Batal	
73.	Ensidesa Sdn Bhd No.87, Tingkat Satu Jalan Sultan Ismail 20200 Kuala Terengganu UPEN.TR.145/04/265Jld.2 Tel: Fax:	9/1/2001	Perusahaan konkrit	1.529 ha. PT 22690K	3.25 juta	100	Operasi	

Bil.	Nama Syarikat & Alamat	Tarikh Lulus No. Hakmilik	Projek Harga Tanah	Lot/Keluasan (Hektar)	Pelaburan (Juta)	Pekerjaan Orang	Status Projek	Catatan
74.	Mara Syipyard & Eng. (Trg) Sdn. Bhd. No. 19, Jalan Hiliran Pulau Kambing 20300 Kuala Terengganu UPEN.TR.145/04/440 Tel: 09-6223700 Fax: 09-6232844/ 6225720/6230914	1/9/2001 HS(D) 6706	Kilang pemasangan kenderaan pencegah kebakaran (kereta bomba) dan pembuatan bot-bot penyelamat (rescue boat).	2.43 ha.	4.7 juta	98	Lulus	Dalam pembinaan.
75.	Sungai Way Equipment S/B	HS(M) 5303	Perusahaan.	1.2622 ha. PT 8806			Tanah kosong	
76.	Foo Thee @ Foo Chee Leok	PM 271 8/2/1989 (P'milik 1991)	Makanan ringan. Lot 3117	0.2015 ha.			Operasi	
77.	Kemudi Mutiara Sdn Bhd Lot B4 & B5, Skim Kilang Bimbingan Bank Pembangunan Malaysia Berhad Kaw. Per. Chendering 21080 Kuala Terengganu Tel: 09-6175591 Fax: 09-6175593	28/9/2001	Pembuatan plastik Pembungkusan	0.4579	3	59	Lulus	5A keluar pada 2/20/2002. Belum bayar sehingga kini.

Bil.	Nama Syarikat & Alamat	Tarikh Lulus No. Hakmilik	Projek Harga Tanah	Lot/Keluasan (Hektar)	Pelaburan (Juta)	Pekerjaan Orang	Status Projek	Catatan
78.	Yong Hin Lee Sdn Bhd 19-D, Jalan Tok Lam 20100 Kuala Terengganu UPEN.TR.145/04/456 Tel: 09-6221181 Fax: 09-6311364	23/10/2001	Memasang komponen Perabot	0.25 PT 26189K	0.213	27	Lulus	5A jelas pada Mei 2002.
79.	Ramaco Bena Sdn Bhd 278, Kg. Kuala Bekah Jalan Pulau Musang 20050 Kuala Terengganu UPEN.TR.145/04/460 Tel: 09-6224871/6231168] Fax: 09-6231168	30/12/2001	Bengkel perabot	1.1403	1.75	71	Lulus	5A keluar pada 5/7/2002 setakat ini bayar 30%
80.	Atostech Fibreglass Sdn Bhd., Lot PT 21554 K Jalan Celam, 1 Kaw.Per.Gong Badak 21300 Kuala Terengganu UPEN.TR.145/04/307 Tel: 09-6666682 Fax: 09-6663682	10/4/2002 HS(D) 6836	Fabrikasi Tangki Air FRP	2,025 mp (0.5 ekar) PT 26731K	0.5	47	Lulus	Tapak tambahan.

Bil.	Nama Syarikat & Alamat	Tarikh Lulus No. Hakmilik	Projek Harga Tanah	Lot/Keluasan (Hektar)	Pelaburan (Juta)	Pekerjaan Orang	Status Projek	Catatan
81.	Industrial Concrete Product Bhd. 2nd Floor IJN Jalan Shook Lin 46050 Petaling Jaya Selangor 145/04/507	10/7/2003	Kilang pengeluar Pretensioned Spun concrete Piles	1.33	0.6		Lulus	KIV pelan.
82.	Jernih Ais Sdn Bhd Lot 21211, Jalan Gelam 2/5 Kaw. Per. Gong Badak 21300 Kuala Terengganu 145/04/520	10/18/2003	Kilang Ais.	0.4 ha.	1.4	50	Lulus	Proses lantik Juru Ukur.
83.	Soong Hoe Steel System Sdn Bhd Lot SU 69, Kaw. Per. Gong Badak 21300 Kuala Terengganu 145/04/542 Tel: 09-6673888 Fax: 09-6662562	4/8/2004	Solid doors, pintu, Frame pintu.	3.7	4.4	99	Lulus	

Bil.	Nama Syarikat & Alamat	Tarikh Lulus No. Hakmilik	Projek Harga Tanah	Lot/Keluasan (Hektar)	Pelaburan (Juta)	Pekerjaan Orang	Status Projek	Catatan
84.	Smart CC Sdn Bhd 1-F, Jalan Syed Hussein Depan Stesen Bas MPKT 20100 Kuala Terengganu Tel: 09-6221118 Fax: 09-6221118	13/06/05	Bangunan kilang/gudang Pembungkusan semula dan pusat pengedaran cenderamata, aksesori wanita, kosmetik dan pelbagai kraftangan.	0.5321	3.96	10		
85.	Cartel Marketing & Sales S/B No.202, 2nd Floor 111 Jalan Batas Baru 20300 Kuala Terengganu Tel: 09-6233677 Fax: 09-6226677	13/06/05	Memproses dan membotol air minuman.	0.3943	1.48	30		

MESYUARAT PERTAMA
PENGGAL PERSIDANGAN YANG KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI KESEBELAS
PADA 16, 17, 18 DAN 19 APRIL 2006

TERTIB PEKERJAAN DEWAN UNDANGAN NEGERI
BILANGAN 5.1 (d)

SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH
Y.B. DATO' HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG
WAKIL RHU RENDANG

SOALAN 1 : Sila nyatakan berapakah jumlah pakej LPT (Lebuh Raya Pantai Timur) dan kemajuan pembinaan setiap pakej hingga kini?

JAWAPAN : Jumlah Pakej LPT adalah 12 pakej utama dan kemajuan pembinan setiap pakej adalah seperti di bawah:-

PKJ	UKUR	REKA BENTUK	TARIKH TENDER	TENDER TUTUP	KONTRAKTOR	STATUS
1A	SIAP	SIAP	8.12.05	20.1.06	-	Penilaian Tender
1B	SIAP	SIAP	8.12.05	20.1.06	-	Penilaian Tender
1C	SIAP	SIAP	April 06		-	Rekabentuk Siap
2	SIAP	SIAP	8.12.05	20.1.06	-	Penilaian Tender
3	90%	15%	Sept. 06		-	Rekabentuk
4	95%	15%	Sept. 06		-	Rekabentuk
5A	100%	25%	Julai 06		-	Rekabentuk
5B	100%	25%	Julai 06		-	Rekabentuk
6	100%	25%	Julai 06		-	Rekabentuk
7	100%	20%	Ogos 06		-	Rekabentuk
8	80%	15%	Sept. 06		-	Rekabentuk
9A	70%	15%	Ogos 06		-	Rekabentuk
9B	80%	15%	Ogos 06		-	Rekabentuk
9C	100%	20%	Ogos 06		-	Rekabentuk
11	SIAP	SIAP	27.6.05	15.8.05	GBQ/ Bkt.Puteri	Pembinaan mula 5.3.06
12	SIAP	SIAP	1.9.05	20.10.05	TSR Bina	Akan mula. Tunggu peruntukan

Pakej MTD (63 km)

1. Kemajuan Fizikal

a) Jambatan Telemong

- Asas 20%
- Structure 5%

b) Kerja Tanah

- Rezab hutan Jerangau belum dapat pelepasan

c) PBT Mukim Jerangau

- Selesai 15 km

- Kerja tanah dimulakan dalam masa 2 minggu.

MESYUARAT PERTAMA
PENGGAL PERSIDANGAN YANG KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI KESEBELAS
PADA 16, 17, 18 DAN 19 APRIL 2006

TERTIB PEKERJAAN DEWAN UNDANGAN NEGERI
BILANGAN 5.1 (e)

SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH
Y.B. HAJI ASHA'ARI BIN IDRIS
WAKIL LANGKAP

SOALAN 1 : Didapati banyak kilang-kilang perabot bumiputera yang bermasalah dan ditutup. Apakah langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan untuk membantu dan menyelamatkan industri berkenaan?

JAWAPAN : Jadual di bawah menunjukkan bilangan Lesen Kilang Perabot Kelas "C" yang telah dikeluarkan Jabatan Perhutanan Negeri Terengganu:-

TAHUN	2001	2002	2003	2004	2005
BILANGAN	197	201	204	208	210

Berdasarkan kepada maklumat dari Jabatan Perhutanan Negeri Terengganu sebagaimana di atas, adalah tidak benar berlakunya kilang-kilang perabot Kelas "C" yang telah ditutup, malah terdapat pertambahan dari segi bilangan dari setahun ke setahun. Pertambahan ini tidak mengambil kira bilangan permohonan yang tidak dapat dipertimbangkan oleh Jawatankuasa Menimbang Perusahaan Berasaskan Kayu dan Pelbagai Perusahaan yang dipengerusikan oleh Y.B. Datuk Hj. Mohd Rahin bin Dato' Mohd Said, Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Usahawan, Industri Kecil dan Sederhana (IKS) dan Peniaga Kecil Negeri disebabkan oleh faktor ketidaksesuaian tapak cadangan.

Jelas pertambahan ini merupakan hasil sokongan berterusan Kerajaan Negeri dalam industri pembuatan perabot ini. Dua agensi negeri yang memainkan peranan

penting dalam pembangunan industri perabot ini adalah Pusat Latihan Industri Perkayuan Terengganu (TTITC) dan juga Yayasan Pembangunan Usahawan Negeri Terengganu (YPU).

a. TTITC

Pada tahun 2005, Kerajaan Negeri telah menyalurkan hampir RM1,000,000.00 kepada pengurusan TTITC ini. Daripada jumlah berkenaan sebanyak RM807,626.00 telah dibelanjakan bagi tujuan pembangunan fizikal iaitu kerja-kerja menaik taraf TTITC dengan pembaikan serta pembinaan baru bangunan-bangunan termasuk melengkapkan bengkel-bengkel dengan pelbagai peralatan baru dengan teknologi terkini. Program menaik taraf ini adalah bertujuan menjadikan TTITC sebagai satu pusat latihan utama milik Kerajaan Negeri yang mampu menyediakan persekitaran serba lengkap serta kondusif bagi memberi latihan kepada penduduk tempatan supaya lebih berdaya saing dalam industri berasaskan kayu di Negeri Terengganu.

Selain itu, sebanyak RM50,000.00 telah dibelanjakan bagi mengendalikan kursus-kursus jangka pendek dan juga jangka panjang. Kursus-kursus ini adalah dirancang bagi membantu Industri Kecil dan Sederhana terutamanya dalam sektorperabot dengan melatih tenaga kerja bagi mencapai tahap separuh mahir ataupun mahir.

Bagi tahun 2006 dengan peruntukan sebanyak RM500,000.00 selain daripada meneruskan agenda menaik taraf, TTITC turut merancang untuk melaksanakan 13 kursus baru dengan pengambilan pelatih dijangka meningkat sehingga kepada 420 orang dengan objektif utamanya menyediakan latihan kemahiran berbentuk "hand on" dalam menarik pelaburan terutamanya dalam skop PKS yang memerlukan tenaga kerja terlatih.

b. YPU

Industri berasaskan kayu yang juga merupakan salah satu industri berasaskan kekuatan sumber ini dilihat sebagai satu industri yang mampu melahirkan usahawan bumiputera kelas menengah seterusnya berupaya menyumbang kepada kerancakan aktiviti ekonomi negeri melalui pewujudan peluang-peluang pekerjaan. Justeru, YPU selaku agensi yang telah diberi peranan yang besar oleh Kerajaan Negeri akan membantu para usahawan ini meningkatkan ilmu dan pengetahuan mereka melalui Program Peningkatan Kemahiran Keusahawanan dan Program Pembudayaan Maklumat Keusahawanan.

Program-program yang berbentuk latihan seperti bengkel, kursus dan juga seminar kini lebih memfokuskan kepada aspek pengurusan perniagaan yang sistematik serta meningkatkan motivasi dan kesedaran mengenai sikap-sikap positif dalam perniagaan bagi memupuk budaya keusahawanan bestari.

Selain itu, Tabung Pembangunan Usahawan Terengganu II (TPUT II) kendalian YPU juga dapat memberi faedah dari segi bantuan modal melalui pelbagai skim yang fleksibel ditawarkan di bawah TPUT II tersebut berdasarkan kepada keperluan serta kelayakan usahawan-usahawan yang berhasrat mendapatkan kemudahan kewangan tanpa perlu ke institusi-institusi kewangan yang lain.

SOALAN 2 : Apakah strategi Terengganu untuk memenangi lebih pingat dalam temasya sukan SUKMA 2008?

JAWAPAN : Di antara strategi yang telah diambil oleh Majlis Sukan Negeri Terengganu ialah:-

a. Telah menubuhkan Jawatankuasa Persediaan Atlit 2008 yang berasingan dengan dipengerusikan oleh Y.B. Haji Din bin Adam, Pengerusi Jawatankuasa Kebudayaan, Belia, Sukan dan Badan NGO Negeri manakala ahli-ahlinya terdiri daripada mereka yang berkelayakan dan berpengalaman dalam bidang sukan.

b. Majlis Sukan Negeri telah meminta semua persatuan sukan negeri menyenaraikan atlit-atlit yang cemerlang dan berpotensi merdapat pingat. Atlit-atlit tersebut akan dilatih oleh jurulatih yang berkelayakan dan tersusun serta diberi pendedahan menyertai kejohanan peringkat kebangsaan dan kejohanan yang difikirkan sesuai. Atlit-atlit tersebut juga dinilai prestasinya dari semasa ke semasa oleh Jawatankuasa yang ditubuh.

c. Ditubuhkan Projek Jangka Panjang dengan nama "Terbilang 2008" dan akan dilancarkan di Sekolah Sukan Terengganu, Bukit Nenas, Setiu selepas kejohanan SUKMA Kedah.

d. Melantik Jurulatih kontrak dan separuh masa secara berperingkat-peringkat mengikut keperluan.

e. Jurulatih dan atlit yang dipilih akan dibayar elaun mengikut pencapaian masing-masing.

f. Jurulatih dan mereka yang terlibat dengan projek tersebut akan dihantar menyertai kursus kemahiran sukan spesifik untuk membantu dan meningkatkan kemahiran masing-masing.

g. Jawatankuasa Persediaan Atlit 2008 juga telah mengenal pasti sukan-sukan yang berpotensi untuk mendapatkan banyak pingat dan akan diberi tumpuan khusus.

h. Sukan-sukan lain juga akan diberi tumpuan mengikut tahap dan prestasi dari semasa ke semasa jika atlit tersebut dikategorikan untuk mendapatkan pingat dan akan dimasukkan ke dalam program "Terbilang 2008".

MESYUARAT PERTAMA
PENGGAL PERSIDANGAN YANG KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI KESEBELAS
PADA 16, 17, 18 DAN 19 APRIL 2006

TERTIB PEKERJAAN DEWAN UNDANGAN NEGERI
BILANGAN 5.1 (f)

SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH
Y.B. ENCIK ZA'ABAR BIN DATO' HAJI MOHD ADIB
WAKIL RANTAU ABANG

SOALAN 1 : Nyatakan kemajuan kerja bagi projek-projek berikut:-

a. Lebuhraya Pantai Timur Fasa 2.
b. Kompleks Sukan.
c. Projek peningkatan Lapangan Terbang Sultan Mahmud
d. Pembangunan Pulau Duyong.
e. Pembangunan Pulau Wan Man.

JAWAPAN : a) Status kemajuan projek Lebuhraya Pantai Timur Fasa 2 adalah sebagaimana berikut:-

PKJ	UKUR	REKA BENTUK	TARIKH TENDER	TENDER TUTUP	KONTRAKTOR	STATUS
1A	SIAP	SIAP	8.12.05	20.1.06	-	Penilaian Tender
1B	SIAP	SIAP	8.12.05	20.1.06	-	Penilaian Tender
1C	SIAP	SIAP	April 06		-	Rekabentuk Siap
2	SIAP	SIAP	8.12.05	20.1.06	-	Penilaian Tender
3	90%	15%	Sept. 06		-	Rekabentuk
4	95%	15%	Sept. 06		-	Rekabentuk
5A	100%	25%	Julai 06		-	Rekabentuk
5B	100%	25%	Julai 06		-	Rekabentuk
6	100%	25%	Julai 06		-	Rekabentuk
7	100%	20%	Ogos 06		-	Rekabentuk
8	80%	15%	Sept. 06		-	Rekabentuk
9A	70%	15%	Ogos 06		-	Rekabentuk
9B	80%	15%	Ogos 06		-	Rekabentuk
9C	100%	20%	Ogos 06		-	Rekabentuk
11	SIAP	SIAP	27.6.05	15.8.05	GBQ/ Bkt.Puteri	Pembinaan mula 5.3.06
12	SIAP	SIAP	1.9.05	20.10.05	TSR Bina	Akan mula. Tunggu peruntukan

b) Kompleks Sukan Negeri Terengganu

i. Stadium Utama

Kontraktor	:	Bina Struktur, Enarcon, Genggam Mercu JV
Kos	:	RM191,181,240.80
Tempoh	:	27.3.2005 – 22.9.2007
Kemajuan	:	20%

ii. Kerja-kerja tanah di Stadium Tertutup

Kontraktor	:	Prinsip Bakti Sdn Bhd
Kos	:	RM6,599,900.00
Tempoh	:	1.3.2006 – 10.10.2006
Kemajuan	:	2%

iii. . Stadium Tertutup di Kompleks Sukan

Kontraktor belum dipilih.

c) Kemajuan Kerja Sehingga 28.2.2006

Project Package 1	:	Parking Apron		
Kemajuan fizikal	:	Sebenar	-	30.00%
		Jadual	-	41.12%
		Lewat	-	(11.1%)
Kemajuan kewangan	:	Sebenar	-	36.80%
		Jadual	-	30.00%
		Kehadapan	-	6.80%
Project Package 11	:	Terminal Building		
Kemajuan fizikal	:	Sebenar	-	2.26%
		Jadual	-	3.85%
		Lewat	-	(1.59%)
Kemajuan kewangan	:	Sebenar	-	3.34%
		Jadual	-	3.85%
		Lewat	-	(0.41%)

d) Pembangunan Pulau Duyong

i. Fasa Pembangunan

Pembangunan Pulau Duyong melibatkan 2 fasa, iaitu:-

- Fasa 1 bermula 1 Ogos 2005 hingga 28 Nov., 2005 dan
- Fasa 11 bermula 5 Disember 2005 hingga 30 Okt., 2007

ii. Pembangunan Fasa 1

Meliputi kerja-kerja pembinaan:

- 1 blok chalet perdana (2 bilik)
- 17 blok chalet Jenis A, B, dan C (58 bilik)
- 36 berth pontoon
- Kerja-kerja infrastruktur & lanskap
- Kolam renang berserta ruang jamuan eksklusif.
- 2 blok rumah pangsa mampu milik (24 unit)

iii. Kemajuan Fasa 1

Kerja-kerja bagi Fasa 1 telah disiapkan 100% mengikut jadual.

iv. Pembangunan Fasa 11

Pembangunan Fasa 11 meliputi kerja-kerja pembinaan:

- Restoran dengan kapasiti 600 pelanggan.
- 9 blok chalet tambahan (18 bilik)
- Tempat letak kereta/infrastruktur
- 8 blok rumah pangsa mampu milik (96 unit)

- Marina dengan 144 berth pontoon/pelantar jalan kaki/pelabuhan nelayan (fisherman's wharf)/rumah kelab pelayaran berserta dewan konvensyen/30 unit perkedaian/ restoran/bazaar.
- Kemudahan masyarakat dengan taman awam/pusat ICT/naik taraf jeti.

v. Kemajuan Fasa 11

Kerja-kerja bagi fasa 11 sedang berjalan dengan kemajuan di pelbagai peringkat. Pada keseluruhannya, kemajuan sebenar adalah 15% berbanding program 20%, iaitu 5% terlewat dari jadual.

Kelewatan ini adalah kerana proses mereka-bentuk semula rumah yang mana telah diroboh, dialihkan dan diganti dengan restoran dengan kapasiti 600 pelanggan ke tapak lain yang lebih sesuai. Kelewatan juga adalah disebabkan pindaan kepada rumah kelab pelayaran yang telah diperbesarkan saiznya bagi menampung peranan sebagai pusat konvensyen dan pameran antarabangsa. Turut dipinda adalah rekabentuk zon perniagaan serta kemudahan-kemudahan jeti dan pendaratan yang diubah suai supaya lebih mesra rakyat. Perubahan-perubahan ini adalah ekoran dari maklumbalas yang diterima dari masyarakat tempatan dan Kerajaan Negeri.

e) Pembangunan Pulau Wan Man

i. Perancangan:

Pembangunan Pulau Wan Man dirancang pembinaannya di dalam 1 fasa sahaja. Pembangunan akan melibatkan 4 komponen utama. Elemen-elemen yang terdapat di dalam komponen-komponen tersebut adalah:

- Laluan Masuk.
- Entrance Plaza/Building
- Pusat Komersil
- Pusat Perkahwinan & Tilawah Al-Quran
- Perumahan Imam & Bilal.
- Masjid Kaca
- Islamic Garden
- Taman Permainan Kanak-kanak
- 22 replika monumen senibina Islam.

ii. Status Kelulusan Pihak Berkuasa Tempatan:

Permohonan Kebenaran Merancang telah dikemukakan dan Permohonan Kelulusan Pelan Bangunan akan diurus secara 'One-Stop' dengan pihak Majlis Perbandaran Kuala Terenganu. Kelulusan dijangka akan diperolehi pada pertengahan April, 2006.

iii. Kemajuan Kerja Di Tapak:

Kerja-kerja awal pertapakan termasuk pembinaan jalan masuk sementara, pembersihan tapak dan penandaan pokok telah dimulakan. Peringkat kerja adalah pada tahap 5% dan adalah mengikut jadual.

MESYUARAT PERTAMA
PENGGAL PERSIDANGAN YANG KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI KESEBELAS
PADA 16, 17, 18 DAN 19 APRIL 2006

TERTIB PEKERJAAN DEWAN UNDANGAN NEGERI
BILANGAN 5.1 (g)

SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH
Y.B. HAJI RAMLAN BIN ALI
WAKIL JABI

SOALAN 1 : Sejauh manakah kejayaan dan keberkesanan KPI Exco yang telah dilaksanakan baru-baru ini?

JAWAPAN : Kejayaan dan keberkesanan KPI Exco ini bergantung pada manfaat yang diperoleh rakyat dalam setiap program dan projek kerajaan sama ada negeri mahupun pusat.

KPI Exco ini melibatkan semua Ahli MMKN termasuk Ex-Officio.

Pada dasarnya, di akhir setiap tahun penilaian dibuat dengan melihat petunjuk-petunjuk yang juga merupakan KPI sama ada telah berubah ke tahap yang lebih baik atau sebaliknya. Contohnya, Kadar Kemiskinan, Jumlah Pelaburan Langsung, Bilangan Kursus Dihadiri Pegawai Awam dan lain-lain petunjuk.

Setakat ini kebanyakan KPI ini telah dicapai untuk sasaran tahun tersebut. Walaupun begitu, oleh kerana kejayaan dan keberkesanan ini sentiasa berubah dari setahun ke setahun, ia akan sentiasa dipantau di akhir setiap tahun. Dalam erti kata lain sistem KPI ini adalah secara berterusan.

Rumusannya ialah KPI Exco ini adalah pengukur keberkesanan sistem penyampaian kerajaan itu sendiri dan setakat ini secara purata telah mencapai penanda aras yang telah ditetapkan oleh Y.A.B. Menteri Besar.

yang disebut RM3.4 juta itu tak betul Dato' Yang Dipertua, ini adalah tuduhan. Perbelanjaan yang dibelanjakan adalah sebanyak RM1 juta sahaja .....

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABD. MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Dato' Yang Dipertua, saya tak kata RM3.4 juta. Saya kata dalam Laporan MPKT aset, perabot dan lengkapan RM3.4 juta yang saya katanya, yang dibuang, yang dikeluarkan itu dan yang diganti baru itu berapa saya tak tahu tetapi kesemuanya dimaklumkan dibuang/dikeluarkan.

YANG BERHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Dato' Yang Dipertua, untuk pengetahuan Dewan yang mulia ini, MPKT mula memasuki pejabatnya kira-kira 26 tahun yang lalu. Tak pernah dibuat pembaikian, karpet tidak pernah diganti, kerusi patah, macam-macam. Kita sedih bila kita melawat ke MPKT, bila kita ambil balik kerajaan tak selayaknya sebagai sebuah pejabat kerajaan. Sebab itulah, untuk meningkatkan moral kakitangan ini kita perlu mengubahsuai pejabat, memberi kemudahan baru yang mana kita belanja tak sampai RM1 jutapun keseluruhannya. Dan barang-barang itu mana-mana yang perlu dilupuskan akan dilupuskan mengikut peraturan, undang-undang yang sedia ada.

Dato' Yang Dipertua, saya juga sedih dan dukacita. Kadang-kadang marahpun ada, kadang-kadang nak ketawapun ada melihat telatah Wakil Rhu Rendang yang tak jemu-jemu meletakkan dirinya sebagai orang yang tidak dihormati yang sepatutnya dihormati. Sebagai Ketua Pembangkang/Presiden Parti Islam SeMalaysia, sebagai bekas Menteri Besar Terengganu sentiasa berdolak-dalih dan berbohong kepada Dewan yang mulia ini. Dato' Yang Dipertua mengenai isu pengagihan tanah yang dikatakan Umno merampas, Pas tak buat, dengan itu saya memohon izin untuk menunjukkan video klip tentang gambar-gambar Wakil Rhu Rendang turut sama menyaksikan 'pencabutan' dan juga 'pemogolan' (mogol) tak tahu faham ke tak, istilah lama sikit Dato' Yang Dipertua, pokok-pokok kelapa sawit di Pancur Berderu, Setiu. Perkara ini ada berkaitan dengan sumpah cabar-mencabar pada hari yang pertama Dato' Yang Dipertua bagi membuktikan saya tidak membuat tuduhan palsu.

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN HAJI NUH (Wakil Tepoh): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, sementara itu boleh ke tidak Yang Berhormat terangkan sedikit apa tadi 'mogol' tak berapa fahamlah, teranglah dulu sementara gambar ditayangkan.

YANG BERHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Dia kalau 'mogol' ini boleh dipanggil 'sodok'lah nak bersihkan kawasan, pemogolan tanah.

[Video klip ditayangkan]

Inilah sebagai bukti tentang apa yang berlaku. Sebab itulah Dato' Yang Dipertua, saya merasakan dukacita yang amat sangat apabila dan seringkali saya sebut orang Pas, pemimpin Pas mempunyai perasaan hasad dengki, khianat kepada orang Umno/Barisan Nasional. Bila kita perintah, ibarat kata kita ada rumah, kita ada kawasan pagar kita, orang Pas dia pasang bom/jerangkap samar di keliling kawasan rumah kita dengan harapan orang BN ini mati semua, putus kaki kena bom yang dipasang tapi tuhan maha kaya, suatu hari

MESYUARAT PERTAMA
PENGGAL PERSIDANGAN YANG KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI KESEBELAS
PADA 16, 17, 18 DAN 19 APRIL 2006

TERTIB PEKERJAAN DEWAN UNDANGAN NEGERI
BILANGAN 5.1 (h)

SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH
Y.B. DATO' HAJI HARUN BIN TAIB
WAKIL MANIR

SOALAN 1 : Di manakah Kampus Induk Universiti Darul Iman Malaysia (UDM)?

JAWAPAN : Pada masa ini Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia telah memutuskan bahawa Kampus Induk Pertama UDM akan dibina di tapak seluas 689 hektar di Kampung Tembila, Besut.

Sebenarnya UDM mempunyai konsep atau sistem "kolej-kolej" sepertimana yang diamalkan di universiti-universiti terkenal di dunia iaitu University of Wales, University of London, Cambridge University dan Oxford University. Di bawah universiti ini terdapat beberapa kolej yang menjurus kepada bidang-bidang pengajian tertentu akan diwujudkan.

Menerusi sistem ini UDM akan menaik taraf KUSZA menjadi sebahagian dari UDM dan beberapa kolej-kolej lain akan diwujudkan.

Berdasarkan sistem "kolej-kolej" ini, maka beberapa daerah di Terengganu akan berpeluang memperolehi sebuah "kolej" tersebut. Dengan cara ini impak pembangunan dengan adanya kampus kolej membolehkan beberapa daerah membangun serentak.

SOALAN 2 : Sila nyatakan peratusan tanggungan oleh Kerajaan Negeri dan Imtiaz bagi pengurusan sekolah-sekolah yang terlibat dalam gabungan tersebut?

JAWAPAN : IMTIAZ atau Sekolah Menengah IMTIAZ adalah milik penuh Yayasan Terengganu.

1. Sekolah Menengah IMTIAZ Dungun dan Besut:

   Pengurusan Sekolah Menengah IMTIAZ Dungun dan Sekolah Menengah IMTIAZ Besut adalah tanggungan Yayasan Terengganu seratus peratus. Bangunan Sekolah Menengah IMTIAZ Besut akan dibina hasil derma orang ramai atas tanah wakaf telah diserahkan oleh Yayasan Ehsan untuk diuruskan oleh Yayasan Terengganu.

2. Sekolah Menengah IMTIAZ Kuala Berang dan Kuala Terengganu:

   Pengurusan Sekolah Menengah IMTIAZ Kuala Berang dan Sekolah Menengah IMTIAZ Kuala Terengganu adalah tanggungan Yayasan Terengganu dan Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu.

SOALAN 3 : Berapakah jumlah peruntukan Kerajaan Negeri untuk melaksanakan projek-projek berikut:-

i. Terminal baru Lapangan Terbang Sultan Mahmud
ii. Lebuhraya Pantai Timur
iii. Kompleks Sukan Gong Badak
iv. Universiti Darul Iman Malaysia (UDM)

JAWAPAN : Bagi jawapan i, ii, dan iv ialah peruntukan adalah dari Kerajaan Persekutuan.

Jawapan iii –

Kompleks Sukan Gong Badak, peruntukan adalah dari Kerajaan Negeri berjumlah:-

a) Tahun 2005 sebanyak RM40,000,000.00
b) Tahun 2006 sebanyak RM100,000,000.00

MESYUARAT PERTAMA
PENGGAL PERSIDANGAN YANG KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI KESEBELAS
PADA 16, 17, 18 DAN 19 APRIL 2006

TERTIB PEKERJAAN DEWAN UNDANGAN NEGERI
BILANGAN 5.1 (i)

SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH
Y.B. HAJI AHMAD KAMAL BIN ABDULLAH
WAKIL SURA

SOALAN 1 : a) Berapakah bilangan belia/beliawanis yang menganggur di seluruh Negeri Terengganu mengikut pecahan kawasan DUN? Apakah faktor utama yang dikenalpasti berlakunya perkara tersebut?

b) Apakah bentuk Program Jayadiri dan peluang pekerjaan yang disediakan untuk mengatasi masalah pengangguran?

JAWAPAN : a) Bilangan belia/beliawanis (berumur antara 15 hingga 39 tahun) yang menganggur pada tahun 2005 ialah seramai 9,813 orang di seluruh negeri.

Setakat ini maklumat yang ada hanya mengikut negeri sahaja.

√ Gagal semasa temuramah kerana tahap soft-skills yang minimum termasuk kemahiran berbahasa Inggeris;

√ Pekerjaan yang tidak diminati serta penawaran gaji yang rendah;

√ Tidak berani mengambil risiko bekerja sendiri atau keusahawanan;

√ Pekerjaan yang ditawar tidak strategic fit dengan kelulusan akademik;

- √ Tidak mahu bekerja jauh daripada kampung halaman/daerah yang diduduki.

- √ Penawaran kerja yang sesuai berkurangan dan ini menyebabkan kurang pilihan kepada penganggur termasuk graduan.

b) Bagi mengatasi masalah pengangguran, Kerajaan Negeri telah mengenal pasti punca-punca dan peringkat pengangguran tersebut. Peringkat pengangguran terbahagi kepada dua iaitu bagi lepasan sekolah dan para siswazah.

Bagi para siswazah, antara punca-punca pengangguran yang dikenal pasti adalah seperti kekurangan pengalaman, tidak mahu bekerja di luar Terengganu dan lebih suka bekerja makan gaji. Bagi mengatasi masalah ini, Y.A.B. Dato' Seri Menteri Besar menggalakkan para siswazah yang menganggur untuk menceburi bidang perniagaan dan keusahawanan sesuai dengan kehendak Y.A.B. Dato' Seri Menteri Besar untuk menjadikan rakyat Terengganu sebagai golongan yang suka memberi dan bukan menerima. Sekiranya para siswazah ini menceburi bidang perniagaan, mereka boleh mewujudkan peluang pekerjaan kepada rakyat Terengganu.

Selain itu, Kerajaan Negeri dengan dibantu oleh institusi Pengajian Tinggi milik Kerajaan Negeri telah mengadakan beberapa program. Program-program tersebut adalah bagi memberi dan menambah pengalaman para siswazah serta meningkatkan kemahiran mereka.

Di antara program-program yang dijalankan ialah:-

(i) TESDEC – Program Graduate Attachment Scheme- (T-Gas):

Program ini disediakan bagi mengatasi masalah siswazah yang menganggur yang terdiri dari anak Terengganu sahaja. Para siswazah ini ditempatkan di syarikat-syarikat yang dikenal pasti berpotensi untuk memberi pengalaman dan peluang pekerjaan kepada mereka selama 6 bulan. Para siswazah ini akan diberikan elaun saku (RM500.00 sebulan untuk Graduan Diploma dan RM600.00 sebulan untuk Graduan Ijazah).

(ii) Ruane TATI:

Pihak TATI ada menyediakan beberapa kursus kemahiran bagi para siswazah yang ingin menceburi bidang teknikal. Elaun saku akan diberikan kepada para siswazah tersebut sebanyak RM500.00 sebulan sepanjang masa kursus. Antara kursus yang dijalankan adalah seperti Non-Destractive Testing dan Radiographic Testing.

Bagi para lepasan sekolah yang menganggur pula, pihak Kementerian Sumber Manusia bersama-sama Kerajaan Negeri sedang dalam perancangan untuk mewujudkan satu program kemahiran bagi mengatasi masalah ini. Antara cadangan tersebut ialah menempatkan dan memberi pekerjaan yang dapat melatih kemahiran mereka di syarikat-syarikat yang terpilih. Pemantauan akan dilakukan oleh Sijil MLVK akan disediakan. Namun begitu, cadangan program ini masih lagi di peringkat kajian dan perancangan.

SOALAN 2 : Sejauh manakah projek memperdalamkan muara-muara sungai seluruh Negeri Terengganu diambil tindakan serius oleh pihak kerajaan?

JAWAPAN : Masalah muara-muara sungai menjadi cetek adalah fenomena biasa yang terjadi kepada semua muara-muara sungai di seluruh Negeri Terengganu bahkan di seluruh muara-muara sungai di Malaysia.

Bermula tahun 1985 kajian-kajian berkenaan dengan fenomena tersebut telah dimulakan oleh kerajaan untuk mengenalpasti punca-puncanya dan cadangan langkah-langkah yang perlu diambil untuk mengatasi masalah tersebut.

Hasil kajian mencadangkan dua langkah utama yang perlu diambil iaitu mengorek semula muara-muara sungai dan membina pemecah-pemecah ombak.

Pelaksanaan adalah mengikut keutamaan dan peruntukan yang disediakan.

Dalam Rancangan Malaysia Ke-8, projek pengorekan semula muara dan pembinaan pemecah ombak telah dilaksanakan di muara Sg. Besut, muara Sg. Marang dan muara Sg. Kerteh, sementara di muara Sg. Terengganu baru bermula pada tahun 2004 dan masih dalam pembinaan.

Bagi muara-muara sungai yang lain, kerja-kerja pengorekan semula sentiasa dilaksanakan di bawah kerja-kerja penyelenggaraan utnuk memudahkan laluan bot-bot nelayan termasuk juga pengorekan lagun di muara Sg. Setiu dan lagun di muara Sg. Mercang.

Cadangan projek pengorekan semula muara dan pembinaan pemecah ombak untuk muara Sg. Setiu, muara Sg. Mercang, muara Sg. Dungun, muara Sg. Paka dan muara Sg. Kemaman telah dimasukkan di bawah RM Ke-9 dan akan dilaksanakan jika mendapat kelulusan.

SOALAN 3 : a) Bagaimanakah tahap gejala sosial Negeri Terengganu sejak tahun 2004 hingga sekarang? Apakah ia menunjukkan peratus penurunan atau sebaliknya berbanding dengan sebelumnya?

b) Apakah pertambahan bilangan pelancong ke Negeri Terengganu turut menyumbang kepada pertambahan gejala sosial mesyarakat kita?

JAWAPAN : a)

b) Tiada kaitan antara pertambahan bilangan pelancong dengan pertambahan masalah gejala sosial masyarakat kita. Isu ini merupakan cakap-cakap kosong di kalangan masyarakat. Sehingga sekarang tiada kajian terperinci untuk membuktikan isu pertambahan gejala sosial mempunyai kaitan dengan kadar pertambahan pelancong.

SOALAN 4 : a) Berapakah jumlah Persatuan Nelayan yang terdapat di Terengganu dan bagaimanakah status keaktifannya mengikut daerah?

b) Apakah pihak kerajaan membuat pemantauan ke atas persatuan-persatuan berkenaan dalam menjaga kebajikan para nelayan?

JAWAPAN : a) Jumlah Persatuan Nelayan di Negeri Terengganu ialah sebanyak 10 buah. Pecahan dan status mengikut daerah adalah seperti berikut:

DAERAH	BILANGAN	NAMA PERSATUAN	STATUS KEAKTIFAN
BESUT	1	Persatuan Nelayan Kawasan Besut	Maju (A2)
SETIU	1	Persatuan Nelayan Setiu	Maju (A2)
KUALA TERENGGANU	2	Persatuan Nelayan Kws. K. Trg. Utara. Persatuan Nelayan Kws. K. Trg. Selatan.	Maju (A2) Sangat Maju (A1)
MARANG	1	Persatuan Nelayan Kawasan Marang	Sangat Maju (A1)
DUNGUN	2	Persatuan Nelayan Dungun. Persatuan Nelayan Paka.	Sederhana Maju (B1) Sederhana Maju (B1)
KEMAMAN	3	Persatuan Nelayan K. Kemaman. Persatuan Nelayan Kawasan Kijal Persatuan Nelayan Kws. Kemasik.	Sangat Maju (A1) Sederhana Maju (B1) Maju (A2)

NOTA:
Daya maju Persatuan Nelayan berdasarkan untung/rugi pendapatan sebulan:

RM10,000 ke atas	-	A1 (Sangat Maju)
RM5,000 – RM9,999	-	A2 (Maju)
RM3,000 – RM4,999	-	B1 (Sederhana Maju)
RM1,000 – RM2,999	-	B2 (Sederhana)
RM0 - RM999	-	C1 (Mundur)
Rugi	-	C2 (Daif)

b) Kerajaan sememangnya membantu dan memantau aktiviti dan pergerakan semua PNK-PNK demi menjaga kebajikan nelayan di negeri ini. Kerajaan melalui LKIM menempatkan kakitangan sepenuh masa di setiap PNK, iaitu seorang Pengurus Besar, 2 orang Pembantu Ehwal Ekonomi dan 1 orang Pembantu Akauntan. Segala aktiviti dan perniagaan PNK-PNK adalah berdasarkan kepada undang-undang kecil persatuan yang telah(?) diluluskan oleh pendaftar iaitu LKIM.

MESYUARAT PERTAMA
PENGGAL PERSIDANGAN YANG KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI KESEBELAS
PADA 16, 17, 18 DAN 19 APRIL 2006

TERTIB PEKERJAAN DEWAN UNDANGAN NEGERI
BILANGAN 5.1 (j)

SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH
Y.B. HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN HAJI NUH
WAKIL TEPOH

SOALAN 1 : a) Berapakah jumlah masjid baru di seluruh negeri yang telah dibina pada tahun lalu?

b) Nyatakan kedudukan terkini peratus prestasi kerja setiap masjid yang berkaitan.

JAWAPAN : a) Sebanyak 30 buah masjid telah diluluskan pembinaannya oleh Kerajaan Negeri pada tahun lepas. Daripada jumlah itu, sebanyak 23 buah telah dimulakan kerja-kerja pembinaannya.

b) Status pembinaan adalah sebagaimana Lampiran 2.

LAMPIRAN 2

SENARAI MASJID BARU TAHUN 2005

Bil.	Daerah	Harga Kontrak	Kemajuan Ikur Jadual/Unjuran	Kemajuan Sebenar
1.	**Kuala Terengganu**			
1.1.	Masjid Kampung Manir	RM2,014,214.00	52.1%	39.4%
1.2.	Masjid Tok Jamal	RM1,656,314.00	28.4%	12.9%
1.3.	Masjid Gong Pak Jin	RM1,824,838.00	13.0%	15.7%
2.	**Kemaman**			
2.1	Masjid Paya Berenjut	RM2,785,252.00	26.0%	41.5%
2.2.	Masjid Kampung Ibok	RM2,818,900.00	37.0%	38.2%
2.3.	Masjid Kampung Labuhan	RM2,838,888.00	28.9%	35.1%
3.	**Dungun**			
3.1	Masjid Kampung Wa	RM2,320,557.00	24.0%	26.6%
3.2.	Masjid Batu 7	RM3,322,600.00	20.2%	36.0%
3.3.	Masjid Tebing Tembah	RM3,122,000.00	18.1%	11.6%
3.4.	Masjid Rantau Abang	RM2,037,370.00	28.6%	15.4%
4.	**Besut**			
4.1	Masjid Gong Kepas	RM3,264,504.60	24.7%	40.3%
4.2.	Masjid Kg. Padang Bual	RM2,388,213.70	45.4%	54.3%
4.3.	Masjid Kg.Baru K.Besut	RM2,863,874.00	24.6%	34.0%
4.4.	Masjid Tanah Merah	RM2,397,310.00	23.4%	52.6%
4.5.	Masjid Kampung Gerai	RM2,754,000.00	22.0%	65.3%
4.6.	Masjid Baru Bandar Jertih	RM18,476,303.00	12.1%	10.6%
5.	**Hulu Terengganu**			
5.1	Masjid Kg. Kuala Ping	RM2,069,000.00	68.6%	57.6%
5.2.	Masjid Kg. Sungai Ular	RM1,995,730.00	63.3%	48.3%
5.3.	Masjid Kg.Tok Gebok, Ajil	RM2,149,480.00	65.0%	50.3%
6.	**Marang**			
6.1.	Masjid Kampung Kubu	RM2,656,500.00	34.1%	38.7%
6.2.	Masjid Kg. Surau Haji Mat Zin	RM2,857,400.00	31.1%	46.6%
7	**Setiu**			
7.1	Masjid Sungai Lerek	RM1,996,120.00	59.1%	32.8%
7.2.	Masjid Bintang	RM1,826,700.00	44.0%	31.9%

MESYUARAT PERTAMA
PENGGAL PERSIDANGAN YANG KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI KESEBELAS
PADA 16, 17, 18 DAN 19 APRIL 2006

TERTIB PEKERJAAN DEWAN UNDANGAN NEGERI
BILANGAN 5.1 (k)

SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH
Y.B. HAJI KHAZAN BIN CHE MAT
WAKIL BATU RAKIT

SOALAN 1 : Berapakah bilangan geran tanah yang dikeluarkan pada tahun 2005 mengikut daerah?

JAWAPAN : Bilangan geran tanah yang dikeluarkan pada tahun 2005 mengikut daerah adalah seperti berikut:-

DAERAH	GRN/GM	PN/PM	HSD/HSM	JUMLAH
Pejabat PTG	901	322	669	1892
Kuala Terengganu	2211	967	2662	5840
Kemaman	670	1243	2220	4133
Dungun	144	251	1171	1566
Besut	1380	386	1258	3024
Hulu Terengganu	887	327	533	1747
Marang	1034	879	1308	3221
Setiu	672	823	575	2070
JUMLAH	**7899**	**5198**	**10396**	**23493**

MESYUARAT PERTAMA
PENGGAL PERSIDANGAN YANG KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI KESEBELAS
PADA 16, 17, 18 DAN 19 APRIL 2006

TERTIB PEKERJAAN DEWAN UNDANGAN NEGERI
BILANGAN 5.1 (I)

SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH
Y.B. DATO' HAJI WAN ABD MUTTALIB BIN EMBONG
WAKIL BATU BUROK

SOALAN 1 : Semasa Kerajaan Negeri Terengganu dipimpin oleh PAS, satu lot tanah ialah Lot 3674, Bandar Kuala Terengganu seluas 26,150 meter persegi (6.46 ekar) di antara Jalan Sultan Ismail dan Jalan Batas Baru iaitu tapak Gelanggang Tenis telah diluluskan untuk menjadi 'Tapak Ibu Pejabat Majlis Perbandaran Kuala Terengganu'. Sila nyatakan kedudukan (status) pelaksanaan projek tersebut pada masa ini?

JAWAPAN : Soalan ini telahpun dikemukakan oleh Y.B. Kawasan Batu Burok pada Persidangan Dewan Undangan Negeri pada 7 Disember 2005 dan telahpun dijawab.

(Kerajaan Negeri bercadang untuk meneruskan pembinaan Menara Majlis Perbandaran Kuala Terengganu dan perkara tersebut dalam perancangan Pihak Berkuasa Negeri. Walau bagaimanapun, tapak bagi bangunan Menara Majlis Perbandaran Kuala Terengganu belum dikenalpasti secara khusus dan ianya bergantung kepada kajian Pembangunan Bandar Kuala Terengganu yang sedang dijalankan).

SOALAN 2 : Sila senaraikan nama-nama ladang ternakan lembu dan jumlah bilangan ternakan bagi tiap-tiap satu ladang tersebut yang telah dimajukan sejak Kerajaan Barisan Nasional mengambil alih Kerajaan Negeri Terengganu pada tahun 2004?

JAWAPAN : Tiada sebuahpun yang dimajukan.

Kerajaan tidak berhasrat untuk membuka atau memajukan ladang seumpamanya. Jabatan Perkhidmatan Haiwan, melalui pengalaman mereka menyatakan projek penternakan lembu secara perladangan terbuka tidak menguntungkan dan ekonomik untuk diusahakan.

SOALAN 3 : Adakah Kerajaan Negeri masih bercadang hendak memajukan semula tanah-tanah padi yang tinggal terbiar sejak sekian lama di Padang Bukit Besar (Kampung Pak Bang, Kampung Pak Da, Kampung Dusun Melintang dan Kampung Padang Bukit Bayas)?

JAWAPAN : Kawasan berkenaan dizonkan untuk institusi mengikut RTHiliran – Padang Midin (BP 2) Bil.MPKT/RT/7 yang diwartakan pada 21 Julai 2005 2005 (No. Warta 438). Berpandukan kepada kelas kegunaan tanah bagi blok perancangan berkenaan, aktiviti yang dibenarkan adalah institusi dan aktiviti yang menyokong kepada aktiviti institusi. Walau bagaimanapun, pembangunan perdagangan secara terancang di kawasan ini membantu proses pembesaran kawasan Pusat Bandar Kuala Terengganu. Buat masa ini terdapat beberapa institusi kerajaan yang telah komited di kawasan berkenaan seperti Badan Pencegah Rasuah dan Jabatan Kimia.

SOALAN 4 : Sila nyatakan nama-nama Kontraktor dan Sub-Kontraktor serta jenis-jenis pakej pelaksanaan masing-masing dan kosnya bagi membina dan menyiapkan Terminal Baru Lapangan Terbang Sultan Mahmud, Kuala Terengganu?

JAWAPAN : Projek Lapangan Terbang Sultan Mahmud, Kuala Terengganu dibahagikan kepada 3 pakej sebagaimana berikut:-

(i) **Pakej I – Parking Apron:**

Kontraktor	:	Konsortium Kontraktor Melayu (Terengganu) Bhd.
Sub-Kontraktor	:	Tiada.
Harga Kontrak	:	RM18,168,515.50.
Tempoh	:	9.5.2005 hingga 14.1.2007
Kemajuan Kerja	:	30%

(ii) **Pakej II – Parking Apron:**

Kontraktor	:	WRA, Babena dan Syarikat Yusof Yassin (JV).
Sub-Kontraktor	:	Belum dilantik.
Harga Kontrak	:	RM123,168,885.60.
Tempoh	:	22.8.2005 hingga 19.1.2007,
Kemajuan Kerja	:	2.26%

(iii) **Pakej III – Parking Apron:**

Akan dipanggil tawaran dijangka pada Jun 2006.

MESYUARAT PERTAMA
PENGGAL PERSIDANGAN YANG KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI KESEBELAS
PADA 16, 17, 18 DAN 19 APRIL 2006

TERTIB PEKERJAAN DEWAN UNDANGAN NEGERI
BILANGAN 5.1 (m)

SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH
Y.B. ENCIK MOHD ZAWAWI BIN HAJI ISMAIL
WAKIL KUALA BERANG

SOALAN 1 : Nyatakan pusat-pusat pengajian tinggi yang terdapat di Negeri Terengganu mengikut daerah dan apakah kriteria-kriteria memungkinkan pemilihan lokasi penempatan pusat-pusat pengajian tersebut?

JAWAPAN : Pusat-pusat Pengajian Tinggi di Negeri Terengganu mengikut daerah adalah sebagaimana berikut:

BIL.	DAERAH	NAMA INSTITUSI
1.	KUALA TERENGGANU	i. Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia (KUSTEM). ii. Kolej Agama Sultan Zainal Abidin (KUSZA). iii. Kolej Yayasan Terengganu (KYT). iv. Politeknik Kota Kuala Terengganu. v. Kolej Komuniti Kuala Terengganu. vi. Institut Teknologi Petroleum Petronas (INSTEP). vii. Institut Perikanan Malaysia. viii. Institut Latihan Perindustrian (ILP).
2.	KEMAMAN	i. Terengganu Advanced Technical Institute (TATI). ii. Ruane TATI. iii. Terengganu Safety Training Centre Sdn. Bhd. (TSTC).
3.	DUNGUN	i. Universiti Teknologi Mara (UiTM). ii. Kolej KETENGAH Al-Muktafi Billah Shah. iii. Kolej Teras Timur. iv. Politeknik Dungun.

4.	HULU TERENGGANU	i. Akademi Binaan Malaysia Wilayah Timur. ii. Pusat Latihan Industri Perkayuan Terengganu ((TTITC).
5.	MARANG	i. Terengganu Skills Development Centre (TESDEC). ii. Kolej Latihan Telekom. iii. Akademi Bomba dan Penyelamat. iv. Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN).
6.	SETIU	i. Kolej Teknologi BESTARI.

Kriteria-kriteria pemilihan lokasi penempatan pusat-pusat pengajian tersebut adalah sebagaimana berikut:-

i) **Institusi Di bawah Kerajaan Persekutuan**:

Pemilihan lokasi penempatan institusi di bawah Kerajaan Persekutuan diputuskan di peringkat kementerian.

ii) **Institusi Swasta:**

Pihak swasta mencadang dan memohon lokasi tersebut dari Kerajaan Negeri. Kelulusan yang diberikan adalah berdasarkan kepada kesesuaian tapak.

iii) **Institusi Di Bawah Kerajaan Negeri:**

Bagi pusat-pusat pengajian di bawah Kerajaan Negeri, pemilihan lokasi adalah berdasarkan kepada kesesuaian tempat bagi menyokong pembangunan pendidikan daerah dan sebagai rangsangan ekonomi setempat.

SOALAN 2 : Nyatakan jumlah pemandu pelancong mengikut daerah di negeri ini dan apakah usaha-usaha kerajaan untuk meramaikan lagi bilangan pemandu pelancong serta meningkatkan kualiti perkhidmatan mereka supaya mereka menjadi pemandu pelancong yang bertaraf antarabangsa?

JAWAPAN :

a) Jumlah pemandu pelancong mengikut daerah di negeri ini ialah seramai 37 orang Nature Guide dan 9 orang City Guide sebagaimana kenyataan di bawah:

BIL.	DAERAH	NATURE GUIDE	CITY GUIDE	JUMLAH
1.	Kuala Terengganu	16	7	23
2.	Kemaman	5	-	5
3.	Besut	5	1	6
4.	Dungun	2	1	3
5.	Hulu Terengganu	6	-	6
6.	Marang	-	-	-
7.	Setiu	3	-	3
	JUMLAH	**37**	**9**	**46**

b) Usaha-usaha kerajaan untuk meramaikan lagi bilangan pemandu pelancong ialah:-

i. Menganjurkan kursus/latihan bagi pemandu pelancong berkemahiran alam semulajadi setempat (Nature Guide).

ii. Bagi pemandu pelancong bandar (City Guide) disyorkan mengikuti kursus-kursus yang ditawarkan di Institut latihan Pelancongan untuk mendapatkan sijil dan seterusnya dilesenkan sebagai Pemandu Pelancong Bandar.

Pihak Kementerian, Jabatan dan PPD Setiu sedang menjalankan kajian terperinci untuk mengatasi masalah yang dibangkitkan terutama untuk membantu ibu bapa bagi mengatasi masalah perbelanjaan anak-anak mereka. Bagi mengatasi masalah prasarana pihak sekolah diminta mengemukakannya secara terperinci keperluan sekolah masing-masing ke pihak jabatan untuk dipanjangkan kepada Kementerian manakala masalah beban kerja guru ianya sedang diteliti oleh pihak Kementerian Pelajaran, Jabatan dan PPD.

Beberapa orang Pegawai Kanan Kementerian Pelajaran Malaysia telahpun turun padang untuk meninjau dan mendapat maklumbalas dari PPD Setiu, Guru Besar dan guru-guru bahkan pelajar sendiri.

i. Pada 19.2.2006 – Timbalan Pengarah Bahagian Sekolah mengadakan perjumpaan dengan semua Guru Besar dan Pengetua Sekolah-sekolah Daerah Setiu.

ii. Pada 20.3.2006 – Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran malaysia bersama 40 ahli dari Pusat Perkembangan Kurikulum, Bahagian Latihan Guru, Bahagian Sekolah dan Bahagian Buku Teks mengadakan perjumpaan dengan semua Pengetua dan Guru Besar dan lawatan ke sekolah-sekolah.

iii. Pada 21.3.2006 – Y.Bhg. Dato' Akhbar Khan bin Abd. Rahman, Setiausaha Politik kepada Menteri Pelajaran bersama Pengarah Bahagian Sekolah Kementerian Pelajaran, Pegawai dari Bahagian Perancangan dan Penyelidikan KPM, Pegawai dari Bahagian Pembangunan dan Perolehan KPM dan Pegawai Bahagian Kewangan telah mengadakan pertemuan dengan semua Guru Besar dan Pengetua Sekolah-sekolah Daerah Setiu.

iv. Pada 28.3.2006 – Y.B. Dato' Dr. Abd. Latiff bin Awang, Exco Kerajaan Negeri Terengganu telah mengadakan lawatan ke Daerah Setiu.

Bilangan sekolah-sekolah di Daerah Setiu:

i. Sekolah Rendah – 43 buah - Bil. murid 9,081 org.

ii. Sekolah Menengah – 11 buah - Bil.murid 7,168 org.

iii. Bilangan Guru Sekolah Rendah - 785 orang.

iv. Bilangan Guru Sekolah Menengah. - 542 orang.

Aktiviti yang dicadangkan:

i. Pengukuhan dan pengkayaan.
ii. Kelas Intervensi.
iii. Kelas KAFA (YIT) – 6 jam seminggu.
iv. Kelas SBT (Skim Baucer Tuisyen), PPTT (Program Pendidikan Terengganu Terbilang) – Dana Khas), STF (Skim Tuisyen Felda) dan STB (Skim Tuisyen Bestari).
v. Ko-Kurikulum – 2 jam seminggu (wajib).
vi. Program Ko-Akademik.
vii. Sukan dan Permainan.

SOALAN 2 : Sila senaraikan sungai-sungai yang tercemar di negeri ini serta punca pencemaran yang berlaku?

JAWAPAN : Terdapat tiga belas (13) buah lembangan sungai yang dipantau oleh Jabatan Alam Sekitar di Negeri Terengganu. Sehingga tahun ini, jabatan ini telah menubuhkan sebanyak 75 buah stesen pengawasan kualiti air sungai dengan kekerapan percontohan antara empat hingga lima kali setahun bagi setiap stesen. Data-data pengawasan yang diperolehi akan dianalisis bagi menentukan status kualiti air sungai, mengenalpasti punca-punca pencemaran, menjalankan aktiviti penguatkuasaan terhadap punca dan seterusnya melaporkan kepada orang ramai tentang status kualiti air sungai.

Indeks Kualiti Air (IKA) adalah satu sistem untuk mengkategorikan sungai mengikut Indeks Bersih, Sederhana Tercemar dan Tercemar. Ia menghubungkaitkan satu kumpulan parameter kualiti air kepada satu skala yang umum dan menggabungkan parameter-parameter tersebut sebagai satu angka. Parameter-parameter yang digunakan dalam pengiraan Indeks Kualiti Air (IKA) adalah P^H, Oksigen Terlarut (DO), Keperluan Oksigen Biokimia (BOD), Keperluan Oksigen Kimia (COD), Pepejal Terampai (SS), dan Ammoniakal Nitrogen (AN).

Hasil daripada penganalisaan yang dibuat didapati kualiti air bagi keseluruhan limbangan sungai di Negeri Terengganu pada tahun 2005 adalah bersih kecuali Limbangan Sungai Mercang dan Sungai Chukai yang kualiti airnya adalah sederhana tercemar. Jabatan Alam Sekitar membuat pemantauan di empat anak sungai di bawah limbangan Sungai Chukai iaitu Sungai Ibok, Sungai Ruang, Sungai Chukai dan yang terbaru di Sungai Bungkus.

Mengikut tren kualiti air sugnai bagi tahun 2001 hingga 2005, didapati kedua-dua Sungai Ibok dan Sungai Chukai berada dalam kategori bersih. Namun kedua-dua Sungai Ruang dan Sungai Bungkus berada dalam kategori sederhana tercemar.

Beban pencemaran bagi Limbangan Sungai Chukai adalah daripada aktiviti pengkalan bot nelayan, pelepasan effluen dari Kilang Kelapa Sawit Panji Alam di hulu sungai, ternakan iakan dalam sangkar, pelepasan effluen dari kilang di kawasan perindustrian Teluk Kalong, Taman Rekreasi Bakau Tinggi, tempat perkelahan, aktiviti pembandaran, sistem rawatan kumbahan, penempatan, resapan air dari tapak pelupusan sampah Kampung Mak Chili dan Ketengah Jaya.

Pemantauan kualiti air bagi Limbangan Sungai Mercang pula dibuat di Sungai Landas dan Sungai Mercang sendiri. Bagi Sungai Landas terdapat dua stesen pengawasan kualaiti air iaitu di bahagian hulu kilang kelapa sawit Jerangau dan hilir kilang kelapa sawit tersebut. Jarak antara kedua-dua stesen ialah 2 km. Pada tahun 2005 didapati kualiti air di hulu kilang kelapa sawit tersebut adalah bersih sementara di hilir kilang didapati kualiti airnya adalah tercemar. Penurunan kualiti air di hilir kilang kelapa sawit adalah kerana hanya ada satu alur sungai dan keadaan fizikal alur sungai yang sempit serta kuantiti air yang sedikit dan tidak mampu menampung beban, Effluen yang terolah dilepaskan dari kilang tersebut dan seterusnya bahan-bahan yang terkandung dalam alur sungai tersebut akan mengalir ke Sungai Mercang. Ini menyebabkan kualiti air Sungai Mercang berada dalam keadaan sederhana tercemar.

MESYUARAT PERTAMA
PENGGAL PERSIDANGAN YANG KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI KESEBELAS
PADA 16, 17, 18 DAN 19 APRIL 2006

TERTIB PEKERJAAN DEWAN UNDANGAN NEGERI
BILANGAN 5.1 (o)

SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH
Y.B. ENCIK NAWI BIN MOHAMAD
WAKIL HULU BESUT

SOALAN 1 : Berapakah peruntukan kerajaan yang telah dibelanjakan untuk Pembangunan Lata Tembakah dan La Hot Spring bagi tahun 2004, 2005 dan 2006 dan apakah bentuk pembangunan masa depan bagi kedua-dua tempat rekreasi di atas?

JAWAPAN : Jumlah peruntukan Lata Tembakah dan La Hot Spring bagi tahun 2004, 2005 dan 2006:

Bil.	Kawasan Rekreasi	Tahun		
		2004 (RM)	2005 (RM)	2006 (RM)
1.	Lata Tembakah	Tiada	210,000	100,000
2.	La Hot Spring	Tiada	272,000	390,000
	JUMLAH	**-**	**482,000**	**490,000**

Pembangunan masa hadapan kedua-dua produk pelancongan ini adalah bertujuan untuk menyediakan satu kawasan rekreasi yang selesa kepada para pelancong dari dalam dan luar negara. Kerajaan Negeri akan sentiasa meningkatkan tahap keselesaan pengunjung di kedua-dua produk pelancongan ini. Ini termasuklah penyediaan bekalan elektrik melalui talian Tenaga Nasional Berhad, menyediakan tapak perkhemahan, wakaf dan tempat berehat dan sebagainya. Usaha-usaha mempromosikan produk ini akan dilaksanakan secara berterusan. Tumpuan pasaran diberikan kepada kumpulan-kumpulan

yang berminat dengan aktiviti perkhemahan, pembelajaran dan pemuliharaan alam semula jadi dan perubatan. Pembangunan secara besar-besaran di kedua-dua produk ini perlu dirancang dengan teliti supaya inya tidak akan menjejaskan kualiti alam sekitar di produk ini.

SOALAN 2 : Apakah cadangan pembangunan yang akan dibangunkan oleh kerajaan di Kg. Batu 13, Hulu Besut?

JAWAPAN : Pada masa ini kerajaan belum ada apa-apa perancangan pembangunan di perkampungan Batu 13, Hulu Besut.

SOALAN 3 : Berapa jumlah kampung di Hulu Besut akan dibangunkan untuk dijadikan Pusat Pertumbuhan Desa?

JAWAPAN : Pada masa ini Kerajaan Negeri telah mengenalpasti 3 buah kampung di Hulu Besut sebagai Pusat Pertumbuhan Desa. Kampung-kampung yang dimaksudkan ialah Kg. Pasir Akar/Bukit Payong yang dikategorikan sebagai pusat kecil daerah dan Kg. Keruak sebagai pusat tempatan.

Pusat kecil daerah dari segi haraki pembangunan ianya dirancang dengan jumlah penduduk seramai 10,000 orang lengkap dengan kemudahan asas seperti jalan, air, pusat kesihatan, perkedaian, balai polis dan sebagainya.

Manakala pusat tempatan pula dirancang bagi menyokong pusat kecil daerah. Pusat tempatan mempunyai haraki pembangunan yang lebih kecil dari segi pusat kecil tempatan.

SOALAN 4 : Berapakah peruntukan pengurusan yang telah dibelanjakan atau yang diperuntukkan kepada Persatuan Belia mengikut daerah bagi tahun 2004, 2005 dan 2006?

JAWAPAN : Peruntukan Pengurusan Persatuan Belia:

TAHUN	PERIHAL	DIPERUNTUKKAN (RM)	DIBELANJAKAN (RM)	BAKI (RM)
2004	1. Program/Aktiviti Pembangunan Belia	200,000.00	124,532.05	74,467.95
	JUMLAH	**200,000.00**	**124,532.05**	**74,467.95**
2005	1. Bantuan kepada Majlis/Badan Belia	500,000.00	485,491.06	14,508.94
	2. Program/Aktiviti Pembangunan Belia	350,000.00	327,681.00	22,319.00
	3. Majlis Perunding Belia	130,000.00	-	130,000.00
	JUMLAH	**980,000.00**	**813,172.06**	**166,827.94**
2006	1. Bantuan Pengurusan Majlis/Badan Belia	225,000.00	209,000.00	16,000.00
	2. Pemberian Dalam Negeri	500,000.00	1,500.00	498,500.00
	3. Anugerah Belia	150,000.00	-	-
	4. Majlis Perundingan Belia	100,000.00	-	-
	5. Hari Belia	80,000.00	-	-
	JUMLAH	**1,055,000.00**	***210,500.00**	**844,500.00**

* Perbelanjaan sehingga Mac 2006.

NOTA: Peruntukan disalurkan kepada Badan Induk Persatuan Belia dan tidak kepada Persatuan Belia Peringkat Daerah.